APPGM-SDG
MENINGKATKAN KETERANGKUMAN DAN KEMAMPANAN

PERSATUAN PROMOSI MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI
PPM-023-14-07012020

ZON UTARA

PERLIS | KEDAH | PULAU PINANG | PERAK



KOMPILASI LAPORAN PEMETAAN ISU KAWASAN PARLIMEN

2025

Jilid 1 (Zon Utara)

Kompilasi Laporan
Pemetaan Isu Kawasan Parlimen 2025
(Jilid 1: Zon Utara)

Disunting Oleh:
Nurul Syaza Mazelan
Hirzawati Atikah Mohd Tahir
Kezia Sim Kui Ting

Laporan Disediakan Oleh:
Nurul Syaza Mazelan
Dr. Thanaraj Murudi
Dr. Teo Lee Ken
Lydia Ann Bill
Siti Noraiysah Rohim

Kumpulan Rentas Parti Parlimen Berkenaan Matlamat Pembangunan Mampan (APPGM-SDG)

Diterbitkan oleh:
Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari
A-1-10, Blok A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1 Seksyen 8, 46050 Petaling Jaya, Selangor.

© Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari, 2025

Hak Cipta Terpelihara.

Tiada mana-mana bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem simpanan, atau dihantar dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya, tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada pihak penerbit.

Pandangan dan pendapat yang diutarakan dalam buku ini adalah milik penulis dan tidak semestinya mencerminkan pandangan penerbit.

ISBN: 978-629-7752-14-3

Sidang Editorial

Penyunting	Nurul Syaza Mazelan Hirzawati Atikah Mohd Tahir Kezia Sim Kui Ting
Penulis	Nurul Syaza Mazelan Dr. Thanaraj Murudi Dr. Teo Lee Ken Lydia Ann Bill Siti Noraiysah Rohim
Pereka Kulit	Hirzawati Atikah Mohd Tahir
Pereka Letak	Hirzawati Atikah Mohd Tahir

ISI KANDUNGAN







1 P.007 Padang Terap — 1

A) Laporan Lawatan Pemetaan Isu — 2 - 13
B) Laporan Pemetaan Isu — 14 - 72

2 P.010 Kuala Kedah — 73

A) Laporan Lawatan Pemetaan Isu — 74 - 83
B) Laporan Pemetaan Isu — 84 - 178

3 P.018 Kulim Bandar Baharu — 179

A) Laporan Lawatan Pemetaan Isu — 180 - 192
B) Laporan Pemetaan Isu — 193 - 242

4 P.053 Balik Pulau — 243

A) Laporan Lawatan Pemetaan Isu — 244 - 257
B) Laporan Pemetaan Isu — 258 - 368

5



P.056 Larut 369

A) Laporan Lawatan Pemetaan Isu 371 - 382
B) Laporan Pemetaan Isu 383 - 452

6



P.061 Padang Rengas 453

A) Laporan Lawatan Pemetaan Isu 454 - 467
B) Laporan Pemetaan Isu 468 - 528

7



P.071 Gopeng 529

A) Laporan Lawatan Pemetaan Isu 530 - 542
B) Laporan Pemetaan Isu 543 - 605

8



P.074 Lumut 606

A) Laporan Lawatan Pemetaan Isu 607 - 616
B) Laporan Pemetaan Isu 617 - 697

9



P.076 Teluk Intan 698

A) Laporan Lawatan Pemetaan Isu 699 - 709
B) Laporan Pemetaan Isu 710 - 765



KATA ALUAN

YBHG. TUAN RUSHDAN RUSMI
Wakil Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG;
Ahli Parlimen Padang Besar (P.001)

Bismillahir-Rahmanir-Rahim.
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, 'Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen' bagi jilid Zon Utara tahun 2025 dapat diterbitkan dengan jayanya. Bagi pihak Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG, saya ingin menyampaikan kata aluan ini sebagai tanda komitmen bersama dalam memperkukuh agenda pembangunan mampan di Malaysia. Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) Adalah kerangka penting yang menjadi panduan kepada pembangunan yang seimbang merangkumi dimensi ekonomi, sosial, alam sekitar dan tadbir urus dilaksanakan di negara ini. Pelaksanaan APPGM-SDG telah membentuk pentas bagi komuniti akar umbi untuk menyuarakan cabaran, keperluan, serta aspirasi mereka agar ia dapat dijadikan asas dalam merangka dasar dan inisiatif pembangunan yang lebih berkesan. Zon Utara, kawasan Padang Besar sebagai contohnya, bukan sekadar titik geografi di pinggir sempadan tetapi mencerminkan realiti kompleks sempadan moden di mana cabaran keselamatan, ekonomi dan sosial terjalin rapat. Pendekatan holistik dan jangka Panjang yang merangkumi aspek pembangunan, integrasi agensi dan pengurusan risiko merentas sempadan diperlukan bagi menjamin kesejahteraan masyarakat setempat.

Isu-isu yang dihadapi oleh masyarakat di kawasan Zon Utara menuntut perhatian segera dan penyelesaian yang menyeluruh. Justeru, laporan pemetaan isu yang diterbitkan pada tahun ini hadir sebagai satu dokumen penting yang menggabungkan suara rakyat dengan analisis data. Sebagai hasil kerjasama erat antara Ahli-ahli Parlimen, komuniti, pemimpin tempatan, agensi kerajaan dan pihak swasta, laporan ini tidak hanya mengenal

pasti cabaran tetapi juga menawarkan cadangan tindakan yang berdaya tahan. Saya percaya ia akan menjadi rujukan utama dalam membina pembangunan yang lebih adil dan saksama.

Setulus penghargaan saya tujukan kepada semua pihak yang telah memberikan komitmen dalam penyediaan laporan ini, termasuk Sekretariat APPGM-SDG, Ahli-ahli Parlimen, agensi kerajaan, sektor swasta dan masyarakat akar umbi. Laporan ini bukan sahaja mencatatkan cabaran yang dihadapi, tetapi turut menampilkan Cadangan penyelesaian yang praktikal untuk dilaksanakan. Semoga penerbitan ini menjadi titik tolak kepada usaha berterusan dalam membina kerjasama strategik antara pelbagai pihak, sekali gus memperkukuh asas pembangunan negara yang inklusif, seimbang dan berdaya tahan.

Sekian, terima kasih.

YB Rushdan Rusmi
Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG
Ahli Parlimen Padang Besar



KATA PENGANTAR

JAMES RYAN RAJ
Pemangku Timbalan Pengarah APPGM-SDG

Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia mengenai Matlamat Pembangunan Lestari (APPGM-SDG) aktif sejak 2020 menggerakkan penyetempatan SDG di kawasan-kawasan Parlimen seluruh negara. Berteraskan pemetaan isu, APPGM-SDG melaksanakan perbincangan kumpulan fokus (FGD) bersama kumpulan sasaran tempatan untuk mengenal pasti cabaran setempat dan mencadangkan penyelesaian melalui projek komuniti berasaskan SDG serta intervensi dasar yang bersesuaian. Dari 2020 hingga 2024, APPGM-SDG telah melaksanakan kerja lapangan di 115 kawasan Parlimen. Pada 2025, inisiatif ini diperluas ke 28 kawasan Parlimen baharu, membolehkan pasukan mendalami isu akar umbi dan menetapkan keutamaan tempatan. Lawatan tapak menyediakan gambaran menyeluruh mengenai realiti lapangan dan membantu mengenal pasti penyelesaian yang diperlukan.

Hasil gerak kerja tersebut, sebanyak 28 laporan pemetaan isu disediakan pada tahun 2025 dan dihimpunkan dalam jilid “Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen”. Kompilasi ini disusun mengikut zon/wilayah - Tengah, Utara, Selatan, Pantai Timur, Sabah dan Sarawak seperti diringkaskan dalam Jadual 1. Turut disertakan laporan bergambar yang merekodkan butiran lawatan tapak dan isu yang dikenal pasti. Di samping itu, laporan individu bagi setiap kawasan Parlimen turut disediakan untuk memudahkan rujukan Ahli Parlimen dan pihak berkepentingan.

Jadual 1. Pecahan kawasan Parlimen mengikut jilid

JILID	ZON/WILAYAH	JUMLAH KAWASAN PARLIMEN	PENYELIDIK
Jilid 1	Zon Utara	9	5
Jilid 2	Zon Pantai Timur	4	2
Jilid 3	Zon Tengah	3	3
Jilid 4	Zon Selatan	6	4
Jilid 5	Wilayah Sabah	4	2
Jilid 6	Wilayah Sarawak	2	2
JUMLAH KESELURUHAN		28	

Laporan ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menangkap suara akar umbi termasuklah emosi, keperluan dan keutamaan komuniti setempat. Walaupun transkrip penuh FGD belum disertakan, analisis situasi yang dibentangkan sudah memadai untuk menggambarkan realiti kehidupan komuniti di lapangan. Laporan lengkap, termasuk transkrip penuh, akan diterbitkan untuk rujukan Ahli Parlimen terlibat dan boleh diakses oleh orang awam atas permintaan bagi tujuan kajian lanjut.

Laporan-laporan ini akan menjadi asas perbincangan seterusnya di peringkat Parlimen serta bersama agensi dan kementerian berkaitan. Matlamat utama ialah merangka penyelesaian yang lebih komprehensif dan mendorong penambahbaikan dasar yang relevan bagi menangani isu-isu yang dikenal pasti.

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada ahli jawatankuasa APPGM-SDG, Ketua Sekretariat APPGM-SDG, dan pengarah-pengarah APPGM-SDG, semua Ahli Parlimen, agensi kerajaan, terutama pejabat daerah, dan pihak-pihak yang mempermudah dialog serta penyertaan dalam inisiatif APPGM-SDG pada tahun 2025. Ucapan tahniah khas ditujukan kepada Nurul Syaza Mazelan dan Hirzawati Atikah Mohd Tahir selaku penyunting siri enam jilid ini atas dedikasi menyunting laporan-laporan yang disediakan oleh pasukan penyelidik APPGM-SDG. Terima kasih juga kepada para penyelidik iaitu Dr. Teo Lee Ken, Nurul Syaza Mazelan, Dr. Wan Suzita Wan Ibrahim, Dr. Siti Nur Ain Zakinuddin, Dr. Thanaraj Murudi, Dr. Eva Kristin Larry Sait, Siti Noraiysah Rohim, Raine Melissa Riman, Nur Syadhira Mohd Razali, Nuha Mysara Mohd Hisam, Lydia Ann Anak Bill, Fatimah Mohd Yasin, Tariq Ziad Abdul Razak dan Mc Jeanet Lempisik @ Marx serta pasukan Komunikasi Korporat APPGM-SDG, yang diketuai Zoel Ng, dan khususnya Hirzawati Atikah Mohd Tahir dan Kezia Sim Kui Ting atas usaha kreatif dalam memastikan penerbitan bahan ini berjaya. Semoga usaha ini terus memperkukuh langkah kita dalam mencapai pembangunan lestari untuk seluruh rakyat Malaysia.



PENGENALAN

DR. THANARAJ MURUDI
Ketua Zon Utara, APPGM-SDG

Pada tahun 2025, APPGM-SDG memperkukuh gerak kerja pemetaan SDG dengan pendekatan yang berkesan, inklusif dan seragam merentas lokasi. Penegasan inti pada tahun ini adalah penambahbaikan proses pemetaan isu sebagai asas penyetempatan SDG, di samping penyeragaman kaedah catatan kajian dan pelaporan. Proses pemetaan isu kekal sebagai fasa awal yang kritikal dalam penyetempatan SDG oleh APPGM-SDG. Sebagai permulaan kepada kitaran intervensi, pemetaan perlu berfungsi sebagai penanda aras yang kukuh dengan proses libat urus yang cekap, telus dan inklusif bersama pihak berkepentingan. Justeru, APPGM-SDG memberi tumpuan kepada penglibatan menyeluruh dan mengarusperdanakan pandangan komuniti, agensi dan pemimpin tempatan agar perspektif yang pelbagai diambil kira secara serius. Kajian lapangan laporan pemetaan isu berperanan sebagai wahana utama untuk memaparkan analisis dapatan, keutamaan tindakan serta tahap penglibatan pihak berkepentingan di setiap kawasan dan tahap.

Bagi tahun 2025, APPGM-SDG telah melaksanakan gerak kerja pemetaan isu yang melibatkan 28 kawasan parlimen (Rajah 1) yang merangkumi beberapa kawasan di setiap zon dan wilayah, menjangkau Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Di setiap kawasan, kerjasama turut diperkukuh dengan agensi peringkat kerajaan tempatan termasuklah Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) serta pihak berkuasa tempatan atau entiti setara yang berperanan sebagai penyelaras lapangan, pemudah cara mobilisasi komuniti dan rujukan data setempat (Jadual 1).



Rajah 1. 28 Kawasan Parlimen bagi Tahun 2025

Semasa di lapangan, pasukan penyelidik mengamalkan langkah etika yang ketat seperti persetujuan rakaman/visual, kerahsiaan. Namun beberapa cabaran mengiringi gerak kerja 2025. Antaranya adalah seperti kesukaran mendapatkan penyertaan seimbang merentas kelompok sasaran; kualiti audio tidak konsisten yang menuntut integrasi analitikal dengan nota lapangan; pertindihan perbualan semasa FGD yang memerlukan penyaringan teliti; serta kekangan logistik seperti jadual, tempat, fasiliti yang mempengaruhi jumlah sesi dan kejituan bukti. Walaubagaimanapun, cabaran-cabaran ini diimbangi dengan penetapan jadual semula, bantuan penghulu dan pihak pejabat daerah dan tanah untuk mobilisasi, pemetaan pihak berkepentingan yang lebih awal, serta kaedah catatan kajian berganda untuk mengekalkan integriti data.

Daripada segi kandungan, laporan ini dibentuk untuk memudahkan pembaca memahami setiap zon dan wilayah secara bertahap dan semakin mendalam. Bahagian 1 menghuraikan latar kawasan meliputi geografi, topografi, komposisi penduduk, aktiviti ekonomi, dan kaitannya dengan sasaran SDG relevan. Bahagian 2 menerangkan metodologi, langkah etika, kekangan lawatan dan keterbatasan kajian. Bahagian 3 merumuskan isu-isu rentas SDG, berpandukan tema-tema seperti pendidikan, kemahiran, pekerjaan, budaya/warisan, keselamatan jalan, pertanian, pengairan, konflik manusia-haiwan, akses bantuan kebajikan, dan infrastruktur asas. Bahagian 4 pula menghimpunkan gambaran keseluruhan pemetaan mengikut isu utama, penerangan isu, tindakan serta maklum balas daripada agensi-agensi berkaitan. Bahagian 5 menyenaraikan pengenalpastian awal projek penyelesaian jangka masa pendek sebagai langkah intervensi komuniti yang memberi impak tinggi, segera dan langsung, beserta

cadangan rakan pelaksana dan penjajaran SDG. Dengan susun atur sebegini, laporan pemetaan isu kawasan parlimen 2025 ini berfungsi sebagai dokumen rujukan tindakan bagi peralihan daripada pembawaan suara komuniti akar umbi kepada perancangan pelan tindakan dan seterusnya kepada program pelaksanaan yang realistik dan terukur.

PEMETAAN ISU DI ZON UTARA

Zon Utara yang meliputi Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Perak mempunyai kekuatan geografi dan ekonomi yang pelbagai, termasuk sawah padi di Kedah dan Perlis, sektor perikanan di Kuala Kedah dan Lumut, pelancongan di Pulau Pinang serta pertanian dan kuari di Perak. Untuk tahun 2025, sebanyak sembilan (9) parlimen telah terpilih bagi pemetaan isu di zon utara, iaitu di Perak: Gopeng, Teluk Intan, Lumut, Larut, dan Padang Rengas; di Kedah: Padang Terap, Kuala Kedah, dan Kulim Bandar Baharu; serta di Pulau Pinang: Balik Pulau. Parlimen-parlimen ini memperlihatkan corak isu yang berulang, terutama dalam aspek sosial, ekonomi, infrastruktur asas, alam sekitar dan tadbir urus, yang perlu dianalisis secara kolektif untuk memahami pola pembangunan di zon ini.

Secara positif, zon utara mempunyai tenaga kerja belia yang besar, kepelbagaian sumber ekonomi, dan nilai komuniti yang masih kuat. Terdapat usaha aktif oleh komuniti setempat di Gopeng dan Balik Pulau untuk mengembangkan perusahaan kecil dan makanan tradisi, selain inisiatif pelancongan komuniti yang muncul di Larut dan Kuala Kedah. Potensi pengembangan sektor pelancongan juga tinggi, misalnya ekopelancongan di Lumut dan agro-pelancongan sawah padi di Kedah. Dari sudut tadbir urus, terdapat sokongan agensi di beberapa parlimen seperti Teluk Intan dan Kulim Bandar Baharu dalam memberi latihan dan bantuan asas kepada usahawan mikro.

Namun begitu, isu sosial seperti penagihan dadah yang ketara di Padang Terap, Lumut dan Larut mengancam masa depan belia, selain gejala judi dan lumba haram yang turut disebut di Kuala Kedah. Kos sara hidup tinggi dan peluang pekerjaan terhad menjadi aduan berulang di Teluk Intan, Gopeng, Balik Pulau dan Kulim Bandar Baharu, sehingga mendorong penghijrahan belia ke bandar besar. Infrastruktur asas yang lemah masalah bekalan air di Larut dan Kulim Bandar Baharu, ketiadaan lampu jalan di Kuala Kedah, jambatan rosak di Teluk Intan, serta kekurangan doktor pakar di Hospital Selama terus menjejaskan kesejahteraan masyarakat. Di samping itu, ancaman banjir berulang di Kuala Kedah dan Kulim Bandar Baharu, pencemaran sungai akibat kuari di Gopeng, serta hakisan tebing pesisir di Perak menimbulkan risiko jangka panjang kepada kelangsungan ekosistem dan ekonomi tempatan.

Keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan zon utara mempunyai potensi besar dari segi pertanian, pelancongan dan keusahawanan komuniti, tetapi masih berdepan cabaran struktural yang perlu ditangani secara bersepadu. Intervensi yang menggabungkan

pembangunan ekonomi mapan, penyelesaian isu sosial belia, peningkatan infrastruktur asas dan pengurusan alam sekitar yang lestari akan memperkukuh daya tahan komuniti, mengurangkan jurang bandar-luar bandar, serta menjadikan zon utara lebih inklusif dan seimbang dalam pembangunan.

Jadual 1. Senarai 28 Kawasan Parlimen Terlibat dengan Gerak Kerja APPGM-SDG bagi Tahun 2025

BIL.	ZON/ WILAYAH	PARLIMEN	KOD	AHLI PARLIMEN	PARTI	KERJASAMA PENYELARASAN	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
1	Tengah	Sabak Bernam	P092	YB Tuan Kalam bin Salan	PN-BERSATU	Pejabat Daerah & Tanah (PDT) Sabak Bernam	Nur Syadhira Mohd Razali
2	Tengah	Hulu Selangor	P094	YB Tuan Haji Mohd Hasnizan bin Harun	PN-PAS	PDT Hulu Selangor	Nuha Mysara Mohd Hisam
3	Tengah	Seputeh	P121	YB Puan Teresa Kok Suh Sim	PH-DAP	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)	Nurul Syaza Mazelan
4	Utara	Padang Terap	P007	YB Tuan Nurul Amin bin Hamid	PN-PAS	PDT Padang Terap	Nurul Syaza Mazelan
5	Utara	Kuala Kedah	P010	YB Dr. Ahmad Fakhruddin	PN-PAS	PDT Kota Setar	Dr. Thanaraj Murudi
6	Utara	Balik Pulau	P053	YB Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik	PH-PKR	PDT Barat Daya	Siti Noraiysah Rohim
7	Utara	Larut	P059	YB Dato' Seri Hamzah bin Zainudin	PN-BERSATU	PDT Selama	Dr. Thanaraj Murudi
8	Utara	Kulim-Bandar Baharu	P018	YB Tuan Roslan bin Hashim	PN-BERSATU	PDT Kulim & PDT Bandar Baharu	Dr. Thanaraj Murudi
9	Utara	Padang Rengas	P060	YB Kapten Azahari bin Hasan	PN-BERSATU	PDT Kuala Kangsar	Dr. Teo Lee Ken
10	Utara	Gopeng	P064	YB Tuan Tan Kar Hing	PH-PKR	PDT Kampar	Lydia Ann Anak Bill

BIL.	ZON/ WILAYAH	PARLIMEN	KOD	AHLI PARLIMEN	PARTI	KERJASAMA PENYELARASAN	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
11	Utara	Lumut	P073	YB Komander (B) Nordin Bin Ahmad Ismail	PN-BERSATU	PDT Manjung	Dr. Thanaraj Murudi
12	Utara	Teluk Intan	P076	YB Tuan Nga Kor Ming	PH-DAP	PDT Hilir Perak	Nurul Syaza Mazelan
13	Selatan	Jempol	P126	Dato' Haji Shamshulkahar Bin Haji Mohd Deli	BN-UMNO	PDT Jempol	Tariq Ziad bin Abdul Razak
14	Selatan	Jasin	P139	YB Tuan Zulkifli bin Ismail	PN-PAS	PDT Jasin	Dr. Wan Suzita Wan Ibrahim
15	Selatan	Segamat	P140	YB Tuan Yuneswaran a/l Ramaraj	PH-PKR	PDT Segamat	Dr. Wan Suzita Wan Ibrahim
16	Selatan	Sri Gading	P149	YB Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan	PH-AMANAH	PDT Batu Pahat	Dr. Teo Lee Ken
17	Selatan	Batu Pahat	P150	YB Tuan Haji Onn bin Abu Bakar	PH-PKR	PDT Batu Pahat	Dr. Wan Suzita Wan Ibrahim
18	Selatan	Pulai	P161	YB Tuan Suhaizan bin Kaiat	PH-AMANAH	Pejabat Daerah Johor Bahru	Siti Noraiysah Rohim
19	Timur	Maran	P089	YB Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd. Muttalib	PN-PAS	PDT Maran	Siti Noraiysah Rohim
20	Timur	Kota Bharu	P020	YB Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan	PN-PAS	Pejabat Tanah & Jajahan (PTJ) Kota Bharu	Dr. Siti Nur Ain Zakinuddin
21	Timur	Pasir Puteh	P023	YB Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Salleh	PN-PAS	PTJ Pasir Puteh	Dr. Siti Nur Ain Zakinuddin

BIL.	ZON/ WILAYAH	PARLIMEN	KOD	AHLI PARLIMEN	PARTI	KERJASAMA PENYELARASAN	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
22	Timur	Besut	P033	YB Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh	PN-PAS	PDT Besut	Siti Noraiysah Rohim
23	Sabah	Tuaran	P170	YB Datuk Seri Panglima Madius bin Tangau	PH-UPKO	Pejabat Daerah Tuaran	Mc Jeanet Lempisik @ Marx
24	Sabah	Putatan	P173	YB Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya	BN-UMNO	Pejabat Daerah Putatan	Mc Jeanet Lempisik @ Marx
25	Sabah	Semporna	P189	YB Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Apdal	WARISAN	Pejabat Daerah Semporna	Fatimah Binti Mohd Yasin
26	Sabah	Labuan	P166	Dato' Indera Dr. Suhaili Abdul Rahman	BEBAS	Perbadanan Labuan (Labuan Corporation)	Fatimah Binti Mohd Yasin
27	Sarawak	Stampin	P196	YB Tuan Chong Chieng Jen	PH-DAP	Majlis Perbandaran Padawan (MPP) & Majlis Perbandaran Kuching Selatan (MBKS)	Dr. Eva Kristin Larry Sait
28	Sarawak	Lubok Antu	P203	YB Tuan Roy Angau anak Gingkoi	GPS-PRS	Pejabat Daerah Lubok Antu	Raine Melissa Riman

SEKALUNG PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam penghasilan Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen 2025. Terima kasih kepada ketua penyelidik setiap kawasan Parlimen, pasukan penyunting, dan pegawai-pegawai Jabatan Penyelarasan Kawasan Parlimen yang telah bertungkus-lumus memastikan laporan ini terhasil dengan jayanya. Penghargaan khusus juga kepada Ahli-ahli Jawatankuasa APPGM-SDG, Ketua Sekretariat dan, pengarah-pengarah APPGM-SDG, jaringan pakar rujuk, serta semua Ahli Parlimen dan agensi kerajaan yang memberikan kerjasama dan input sepanjang gerak kerja pemetaan isu ini.

Berdasarkan usaha kolektif ini, APPGM-SDG komited untuk meneruskan perjalanan penyetempatan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) dengan langkah strategik. Antara langkah lanjut lanjutan daripada pemetaan isu ini adalah bengkel pembangunan kapasiti bersama agensi kerajaan dan pihak berkepentingan yang diadakan dilaksanakan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran terkini berhubung pelaksanaan SDG di peringkat akar umbi. Hasil bengkel ini juga dikongsikan melalui penerbitan buku Bengkel Pembangunan Kapasiti: Merangka Langkah ke Arah Masa Depan Mampan 2025. Selain itu, antara tiga atau empat projek mikro SDG akan dilaksanakan di setiap kawasan Parlimen dengan peruntukan RM120,000, berdasarkan keperluan setempat yang dikenal pasti melalui kajian pemetaan isu.

APPGM-SDG juga akan memperkukuhkan penglibatan dengan kerajaan negeri dan persekutuan untuk merangka dasar dan polisi program yang inklusif melalui pendekatan usahasama pelbagai pihak berkepentingan. Penubuhan Jawatankuasa SDG Intervensi Dasar bersama pejabat-pejabat daerah terpilih akan terus memacu penyelesaian jangka panjang yang memberi impak bertransformasi dan mampan. Kami menyeru kerjasama berterusan dalam memastikan pelaksanaan yang efektif berkesan dan terukur.

Dengan pendekatan yang sistematik dan berasaskan data, laporan ini bukan sahaja sebagai rujukan, tetapi juga panduan praktikal untuk pembangunan komuniti yang mampanterhadapan. Bersama-sama, marilah kita memastikan tiada sesiapa ketinggalan dalam usaha membina masa depan yang lebih inklusif sejahtera, makmur dan lestari mampan untuk semua rakyat Malaysia.

Laporan Pemetaan Isu Parlimen
P.007 Padang Terap

Disediakan oleh:
Nurul Syaza Mazelan

BAHAGIAN A

LAPORAN LAWATAN PEMETAAN ISU 2 – 13

BAHAGIAN B

1.0 PENGENALAN 17 – 20
1.1 Geografi/Topografi 17
1.2 Komposisi Penduduk 18
1.3 Kegiatan Ekonomi Utama 18
1.4 Hubungan Kerangka Konseptual SDG dan Konteks Tempatan 19

2.0 METODOLOGI PENYELIDIKAN 21 – 23
2.1 Pendekatan Kajian 21
2.2 Langkah Etika Semasa Kajian Lapangan 22
2.3 Kekangan Lawatan Kajian Lapangan 22
2.4 Keterbatasan Kajian 23

3.0 RANGKUMAN ISU RENTAS SDG 24 – 28

4.0 GAMBARAN KESELURUHAN PEMETAAN ISU 29 – 68
4.1 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu 29
4.2 Pengutamaan Isu 61

5.0 PENGENALPASTIAN AWAL PROJEK PENYELESAIAN 69 – 71

6.0 RUJUKAN 72

P.007 PADANG TERAP

BAHAGIAN A

Laporan Lawatan Pemetaan Isu

P.007 Padang Terap

PADANG TERAP

Lawatan Pemetaan Kawasan
21 - 23 Februari 2025

DENGAN SOKONGAN DARIPADA

AHLI PARLIMEN PADANG TERAP, YB TUAN NURUL AMIN HAMID



TEMPAT-TEMPAT YANG TELAH DILAWATI

21 Feb - 23 Feb 2025
(Jumaat - Ahad)

HARI 1

1. FGD 1: Komuniti Pesawah dan Pekebun
2. Lawatan Tapak 1: Titi Hayun Sungai Pedu
3. Lawatan Tapak 2: Tasik Pedu
4. FGD 2: Komuniti Nelayan Darat

HARI 2

5. FGD 3: Komuniti FELDA Lubok Merbau
6. Lawatan Tapak 3 & Sesi Temu Bual 1: Kawasan Perkampungan Kg. Beris & Komuniti Siam
7. FGD 4: Komuniti Kg. Kubang Juluk
8. FGD 5: Anak Muda Padang Terap
9. Sesi Temu Bual 2: Wakil Pekerja Ekonomi Gig (*P-hailing*)

HARI 3

10. FGD 6: Komuniti Pekebun Getah
11. FGD 7: Komuniti Wanita dan Ibu Tunggal
12. FGD 8: Komuniti Kg. Padang
13. Lawatan Tapak 3: Kedah Rubber City

PASUKAN PENYELIDIK



NURUL SYAZA MAZELAN
(Ketua Penyelidik)



ROSE HELEN AMBROSE



MOHAMMAD SHAZIE ZAINI MOHD SHAHRIL FIRDAUS SIVA



HIRZAWATI ATIKAH MOHD TAHIR

LAWATAN PEMETAAN KAWASAN TELAH DIJALANKAN PADA 21-23 FEB 2025 (JUMAAT - AHAD)

01



11 November 2024
Mesyuarat Awalan

02



23 Disember 2024
Mesyuarat Pemprofilan

03



21 Februari 2025
FGD 1: Komuniti Pesawah dan Pekebun

04



21 Februari 2025
Lawatan Tapak 1: Titi Hayun Sungai Pedu

05



21 Februari 2025
Lawatan Tapak 2: Tasik Pedu

06



21 Februari 2025
FGD 2: Komuniti Nelayan Darat

07



22 Februari 2025
FGD 3: Komuniti FELDA Lubok Merbau

08



22 Februari 2025
Lawatan Tapak 3 : Kawasan Perkampungan Kg. Beris
Sesi Temu Bual 1: Komuniti Siam

09



22 Februari 2025
FGD 4: Komuniti Kg. Kubang Juluk

10



22 Februari 2025
FGD 5: Anak Muda Padang Terap

11



22 Februari 2025
Sesi Temu Bual 2: Wakil Pekerja Ekonomi Gig (*P-hailing*)

12



23 Februari 2025
FGD 6:Komuniti Pekebun Getah

13



23 Februari 2025
FGD 7: Komuniti Wanita dan Ibu Tunggal

14



23 Februari 2025
FGD 8: Komuniti Kg. Padang

15



23 Februari 2025
Lawatan Tapak 3: Kedah Rubber City

16

24 Februari 2025
Kunjungan Hormat ke Pejabat Daerah & Tanah Padang Terap







11 NOVEMBER 2024 - MESYUARAT AWALAN

Mesyuarat awalan telah diadakan bersama Ahli Parlimen Padang Terap, YB Ustaz Nurul Amin Hamid, di Pusat Khidmat Masyarakat Parlimen Padang Terap, Kuala Nerang, Kedah. Wakil APPGM-SDG dihadiri oleh Dr. Thanaraj dan Nurul Syaza. Cadangan untuk mengadakan lawatan tapak bagi pemetaan isu di Parlimen Padang Terap adalah pada 21- 23 Februari 2025.





5 FEBRUARI 2025 - MESYUARAT PEMPROFILAN

Mesyuarat Pemprofilan Parlimen Padang Terap telah dijalankan bersama YB Nurul Amin dan En. Ramadan (Pegawai Khas) di Parlimen. Selain itu, tentatif lawatan tapak Parlimen Padang Terap yang dicadangkan pada 21 - 23 Februari turut dibincangkan untuk dimuktamadkan.



FGD 1: KOMUNITI PESAWAH DAN PEKEBUN

FGD 1 bersama Pesawah dan Pekebun telah diadakan di Surau Nurul Ikhsan Kampung Pinang Pedu. Antara isu yang dibangkitkan oleh pesawah dan pekebun termasuk; **(1)** kekurangan sokongan infrastruktur/fasiliti bagi aktiviti pertanian; **(2)** kualiti input pertanian (benih dan racun) yang tidak memuaskan; **(3)** kemiskinan yang disebabkan oleh kos sara hidup yang tinggi dan hasil pendapatan tidak menguntungkan; **(4)** kekurangan bantuan bagi pesawah seperti jentera, baja dan racun; **(5)** kekurangan penglibatan belia dalam pertanian; dan **(6)** konflik hidupan liar yang mengganggu kebun getah, sawit dan dusun.





LAWATAN TAPAK 1: TITI HAYUN SUNGAI PEDU

Lawatan tapak satu telah dijalankan ke titi hayun di Sungai Pedu. Titi hayun sepanjang 72 meter ini telah digunakan oleh pekebun penduduk kampung selama 34 tahun. Hampir 40 orang pekebun aktif menggunakan titi hayun ini setiap hari sebagai akses utama ke kebun mereka. Titi hayun ini hanya diperbuat daripada kayu dan dawai besi. Namun, keadaan titi hayun ini semakin usang dan berbahaya untuk digunakan. Terdapat beberapa kemalangan telah berlaku di atas titi hayun ini sehingga menyebabkan pekebun mengalami kecederaan yang parah seperti patah tangan. Pekebun sangat mengharapkan titi ini dibina semula dengan lebih kukuh.





LAWATAN TAPAK 2: TASIK PEDU

Lawatan tapak telah dijalankan oleh pasukan penyelidik ke Tasik Pedu. Tasik Pedu merupakan tasik buatan yang berusia hampir lebih 30 tahun. Tasik Pedu mempunyai potensi yang tinggi untuk dimajukan sebagai kawasan pelancongan bertaraf antarabangsa kerana mempunyai pelbagai tarikan. Hasil madu tualang di Tasik Pedu juga merupakan madu tualang terbaik di Asia. Namun, terdapat beberapa isu yang jelas dilihat semasa lawatan ini iaitu: **(1)** kekurangan promosi pelancongan dan kurang penggiat pelancongan di Tasik Pedu; dan **(2)** *chalet* yang telah dibangunkan sebelum ini telah ditelenggami air dan kos penambahbaikannya adalah tinggi.



FGD 2: KOMUNITI NELAYAN DARAT

FGD 2 telah diadakan di Jeti Nelayan Charok Batang Padi bersama komuniti Nelayan Darat. Antara isu yang dibangkitkan oleh nelayan darat adalah: **(1)** kekurangan sokongan infrastruktur/fasiliti untuk aktiviti perikanan seperti jalan ke jeti yang sempit dan gelap, jeti terlalu tinggi, dan tempat letak kereta yang terhad dan jauh; **(2)** hasil tangkapan tidak menguntungkan; **(3)** proses bantuan yang rumit bagi nelayan tidak menerima insentif dan subsidi minyak dan peralatan; **(4)** kelemahan pengurusan dan penyeliaan di Tasik Pedu dari segi penetapan zon penangkapan ikan dan zon aktiviti pelancongan di mana aktiviti pelancongan boleh mengganggu hasil tangkapan ikan; dan **(5)** ancaman spesis invasif seperti ikan toman yang memakan hasil tangkapan ikan nelayan.





FGD 3: KOMUNITI FELDA LUBOK MERBAU

FGD 3 bersama Komuniti FELDA Lubok Merbau telah diadakan di Dewan Awam FELDA Lubok Merbau. Antara isu yang dibangkitkan oleh penduduk adalah: **(1)** masalah gejala sosial seperti kecurian, dadah, dan rempit; **(2)** keperluan infrastruktur sokongan seperti kekurangan ATM, ambulans dan bomba, dan penaiktarafan pondok polis ke balai polis; **(3)** keperluan penstrukturan alamat rumah iaitu kesukaran penduduk untuk menyatakan alamat bagi pelbagai kegunaan rasmi; **(4)** kesukaran mendapat bantuan disebabkan status sebagai peneroka/pentadbir FELDA; **(5)** isu geran berkelompok; **(6)** keperluan kawasan rekreasi, termasuk ketiadaan tempat aktiviti sosial bagi anak FELDA; **(7)** tiada sokongan elaun sara hidup, yang menjadi cabaran terutamanya dalam tempoh penebangan pokok sehingga penanaman anak pokok baharu; **(8)** konflik hidupan liar; **(9)** keperluan penyelenggaraan pokok besar tepi jalan; **(10)** hakisan tanah yang menyebabkan parit semakin melebar terutama pada musim hujan; dan **(11)** isu banjir.





LAWATAN TAPAK 3 & SESI TEMU BUAL 1: KAWASAN PERKAMPUNGAN KG. BERIS & KOMUNITI SIAM

Kampung Beris merupakan salah satu kawasan perkampungan Komuniti Siam di Padang Terap. Secara keseluruhan, terdapat 15 rumah di perkampungan ini, dan didiami oleh hampir 100 penduduk kampung. Akses masuk dan keluar ke kampung ini adalah terhad kerana penduduk kampung perlu melalui kawasan ladang getah peneroka FELDA Lubok Merbau sepanjang 3.2 kilometer. Jalan masuk juga sempit dan tidak mempunyai lampu jalan yang menyukarkan penduduk untuk keluar di waktu malam.



FGD 4: KOMUNITI KG. KUBANG JULUK

FGD 4 bersama Komuniti Kampung Kubang Juluk telah dijalankan di Surau Al Huda, Kubang Juluk. Antara isu yang dibangkitkan oleh penduduk adalah: **(1)** keperluan infrastruktur sokongan di mana lampu jalan tidak berfungsi dengan elok; **(2)** keperluan kawasan rekreasi iaitu tiada padang bola untuk anak muda; **(3)** kualiti input pertanian (benih) yang tidak memuaskan; **(4)** akses yang terhad untuk mendapatkan barangan tempatan kerana jauh daripada pekan; **(5)** kos sara hidup yang semakin tinggi; **(6)** maklumat bantuan yang tidak sampai; **(7)** ekosistem ekonomi belia yang kurang efektif; **(8)** gangguan hidupan liar; **(9)** masalah penyelenggaraan sampah; dan **(10)** isu banjir.






FGD 5: ANAK MUDA PADANG TERAP

FGD 5 bersama anak muda Padang Terap telah dilaksanakan di De' Jard Kitchen. Antara isu yang dibangkitkan oleh belia adalah: **(1)** kurang peluang ekonomi bagi belia; **(2)** keperluan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dan bengkel kemahiran; **(3)** kurang minat dalam pendidikan peringkat tinggi; **(4)** peluang memiliki rumah yang terhad; **(5)** masalah gejala sosial terutamanya penagihan dadah dan judi atas talian.

SESI TEMU BUAL 2: WAKIL PEKERJA EKONOMI GIG (*P-HAILING*), KUALA NERANG



Sesi temu bual mendalam telah diadakan bersama wakil pekerja ekonomi gig (*p-hailing*) di kawasan Kuala Nerang. Antara isu yang dibangkitkan oleh wakil pekerja ekonomi gig adalah: **(1)** pendapatan tidak menentu bagi pekerja gig (*p-hailing*) terutamanya pada musim hujan dan bulan Ramadan yang akan datang; dan **(2)** komisen yang semakin rendah.




FGD 6:KOMUNITI PEKEBUN GETAH

FGD 6 bersama Komuniti Pekebun Getah telah diadakan di Pejabat Penghulu Kampung Labi, Tualak. Antara isu yang dibangkitkan oleh pekebun getah adalah: **(1)** kesukaran mendapat bantuan JKM, zakat dan lain-lain bantuan; **(2)** bantuan tidak menepati keperluan bagi pekebun getah; **(3)** tiada sokongan elaun sara hidup bagi pekebun getah yang mengusahakan sendiri di bawah Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) sementara menunggu tempoh matang pokok; **(4)** masalah gejala sosial seperti dadah dan mencuri; **(5)** keperluan penambahbaikan jalan kebun; **(6)** masalah pengurusan dalaman; **(7)** masalah pengurusan sampah; **(8)** kualiti input pertanian (baja) yang tidak memuaskan; **(9)** ketirisan dalam pengagihan bantuan; **(10)** perubahan iklim mempengaruhi hasil tanaman; **(11)** kos sara hidup yang semakin tinggi; **(12)** risiko kebanjiran warga asing; **(13)** kurangnya respons daripada agensi kerajaan berkaitan pemberian bantuan.; dan (14) akses yang terhad untuk mendapatkan barangan tempatan - jauh dari bandar.



FGD 7: KOMUNITI WANITA DAN IBU TUNGGAL

FGD 7 bersama Komuniti Wanita dan Ibu Tunggal telah diadakan di Dewan Maahad Tahfiz Darul Murabbi. Antara isu yang dibangkitkan oleh komuniti wanita dan ibu tunggal adalah: **(1)** kurang respons dari agensi kerajaan berkaitan bantuan; **(2)** kurang pendedahan tentang bantuan modal/bengkel kemahiran daripada agensi; **(3)** kecenderungan gangguan kemurungan dalam kalangan wanita; **(4)** kekurangan doktor pakar untuk penyakit seperti kencing manis, jantung dan penyakit wanita; **(5)** kurang peluang ekonomi bagi belia wanita; **(6)** keperluan khas untuk anak *autisme*; dan **(7)** cabaran pendidikan anak bersekolah.



FGD 8: KOMUNITI KG. PADANG CHENERAI

FGD 8 bersama Komuniti Kampung Padang Chenerai telah dijalankan di Pusat Komuniti Kampung Padang Chenerai, berdekatan Kedah *Rubber City.* Antara isu yang dibangkitkan oleh komuniti Kampung Padang Chenerai adalah: **(1)** risiko kebanjiran warga asing dan orang luar, dan persaingan peluang pekerjaan dengan penduduk tempatan; **(2)** kebimbangan risiko pembangunan Kedah Rubber City dari segi pencemaran dan impak negatif, hak tanah pada masa akan datang, keselamatan jalan raya dan trafik yang melibatkan lori besar, dan kapasiti air yang dapat disalurkan kepada kampung; **(3)** masalah gejala sosial seperti dadah, mencuri dan perjudian; **(4)** proses permohonan geran tanah yang terlalu lama; **(5)** keadaan Sungai Sari tidak dapat diselenggara atas faktor persendirian; **(6)** konflik hidupan liar; **(7)** ancaman keselamatan negara disebabkan bersempadan dengan Thailand.





LAWATAN TAPAK 3: KEDAH RUBBER CITY

Satu lawatan tapak telah dijalankan ke Kedah Rubber City (KRC). KRC adalah satu projek *'game changer'* yang dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) dengan kerjasama Kerajaan Negeri Kedah untuk mentransformasi Kedah sebagai negeri yang maju, sekali gus merapatkan jurang pembangunan antara wilayah. KRC ini mempunyai luas sebanyak lebih dari 500 hektar. Projek ini dijangka bakal menyumbang kepada sebanyak RM14.7 billion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan mewujudkan lebih kurang 14,500 peluang pekerjaan selepas siap sepenuhnya pada tahun 2030.

BAHAGIAN B

Laporan Pemetaan Isu

P.007 Padang Terap

Senarai Jadual

Jadual 1	Komposisi Penduduk di Parlimen Padang Terap
Jadual 2	Tentatif Ringkas Lawatan Tapak Parlimen Padang Terap
Jadual 3	Rangkuman Isu Rentas SDG
Jadual 4	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 1
Jadual 5	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 2
Jadual 6	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 3
Jadual 7	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 4
Jadual 8	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 5
Jadual 9	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu Temubual
Jadual 10	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 6
Jadual 11	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 7
Jadual 12	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 8
Jadual 13	Ringkasan Isu 1
Jadual 14	Ringkasan Isu 2
Jadual 15	Ringkasan Isu 3
Jadual 16	Pengenalpastian Projek Penyelesaian

Senarai Singkatan

AADK	Agensi Antidadah Kebangsaan
APPGM-SDG	All-Party Parliamentary Group Malaysia on Sustainable Development Goals (Kumpulan Parlimen Pelbagai Parti Malaysia bagi Matlamat Pembangunan Lestari)
FELDA	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Federal Land Development Authority)
FGD	Fokus Kumpulan Berbincang (Focus Group Discussion)
IKBN	Institut Kemahiran Belia Negara (National Youth Skills Institute)
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat (Department of Social Welfare)
JPNK	Jabatan Perhutanan Negeri Kedah (Kedah State Forestry Department)
JPS	Jabatan Pengairan dan Saliran (Department of Irrigation and Drainage)
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia (Ministry of Health Malaysia)
MADA	Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Muda Agricultural Development Authority)
PDRM	Polis Diraja Malaysia (Royal Malaysia Police)
PERHILITAN	Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Department of Wildlife and National Parks)
PPK	Persatuan Peladang Kawasan (Area Farmers' Association)
PPR	Program Perumahan Rakyat (People's Housing Programme)
RISDA	Lembaga Industri Getah Pekebun Kecil (Rubber Industry Smallholders Development Authority)
SDG	Matlamat Pembangunan Lestari (Sustainable Development Goals)
SOP	Prosedur Operasi Standard (Standard Operating Procedure)
TVET	Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (Technical and Vocational Education and Training)

1.0 PENGENALAN



YB Tuan Nurul Amin Hamid

Parlimen Padang Terap terletak di negeri Kedah, Malaysia, dan merangkumi kawasan di bawah Daerah Padang Terap. Keluasan kawasan Parlimen ini adalah kira-kira 1,357 kilometer persegi dengan jumlah penduduk seramai 69,177 orang berdasarkan data Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020. Manakala, jumlah populasi yang layak mengundi adalah kira-kira 44,892 orang berdasarkan data pilihan raya terkini. Parlimen Padang Terap mempunyai kepadatan penduduk 51 orang per satu kilometer persegi.[1] Pada tahun 2022, YB Tuan Nurul Amin Hamid daripada parti Perikatan Nasional (PN-PAS) telah memenangi kerusi bagi Parlimen Padang Terap[2][3]. Justeru, program pemetaan isu bagi tahun 2025 di Parlimen Padang Terap ini diadakan dengan usahasama daripada YB Tuan Nurul Amin Hamid.

1.1 Geografi/Topografi

Parlimen Padang Terap (P.007) terletak di negeri Kedah, Malaysia, dan merangkumi daerah Padang Terap yang merupakan daerah ketiga terbesar di Kedah dengan keluasan 1,356 km². Pusat pentadbiran daerah ini terletak di Kuala Nerang, dengan kawasan utama lain termasuk Naka, Pedu, dan Tasik Pedu. Nama Padang Terap berasal daripada pokok terap (Artocarpus elasticus), yang banyak tumbuh di kawasan padang atau tepi padang, dikenali dengan sifat tahan kemarau dan bergetah.

Secara geografi, Padang Terap bersempadan dengan Thailand di utara, daerah Sik dan Pendang di barat, serta mempunyai ciri topografi yang rata dan gersang, dengan kawasan padang yang ditumbuhi belukar jarang akibat tanah tandus dan musim kemarau selama empat bulan setiap tahun. Elemen semula jadi utama termasuk Tasik Pedu, sebuah tasik buatan yang menjadi tarikan pelancongan antarabangsa dan menyokong aktiviti perikanan darat, serta Sungai Pedu dan Sungai Ahning yang bertemu di Kuala Nerang. Kawasan ini juga mempunyai hutan simpan dan kebun getah, menyumbang kepada landskap hijau di daerah

Parlimen Padang Terap bersempadan dengan Parlimen Jitra di utara dan Parlimen Sik di selatan. Walaupun kebanyakannya kawasan luar bandar, terdapat pembangunan infrastruktur seperti jalan raya, balai polis, dan klinik kesihatan, walaupun kekurangan

[1] Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020). Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020: Kawasanku Dashboard, Parlimen P.007 Padang Terap. Diakses dari https://open.dosm.gov.my
[2] Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. (2023). Keputusan Pilihan Raya Parlimen Padang Terap. Diakses dari https://spr.gov.my
[3] Portal Rasmi Parlimen Malaysia. (2025). Profil Ahli Dewan Rakyat: YB Tuan Nurul Amin bin Hamid. Diakses dari https://www.parlimen.gov.my/profile-ahli.html?uweb=dr&id=4046

infrastruktur masih menjadi isu utama. Kawasan ini dipengaruhi oleh hubungan ekonomi dengan negeri Perlis sebagai pusat wilayah utara Malaysia.

1.2 Komposisi Penduduk

Berdasarkan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020, komposisi penduduk di Daerah Padang Terap, yang merangkumi Parlimen Padang Terap (P.007), adalah seperti berikut:

Jadual 1. Komposisi Penduduk di Parlimen Padang Terap

BIL.	KAUM	BIL.	% BIL.
1.	Bumiputera	60,300	91.8
2.	Cina	655	1.0
3.	India	87	0.1
4.	Lain-lain	4,656	7.1
JUMLAH KESELURUHAN		**65,698**	100

Jumlah penduduk Parlimen Padang Terap adalah seramai 65,698 orang dengan kepadatan penduduk 48 orang per kilometer persegi, menjadikannya kawasan dengan taburan penduduk jarang, mencerminkan sifat luar bandarnya. Bumiputera merupakan majoriti dengan 91.8 peratus, terutamanya Melayu, menunjukkan dominasi komuniti ini dalam aspek sosial dan ekonomi. Penduduk Cina dan India masing-masing membentuk 1.0 pertaus dan 0.1 peratus, manakala lain-lain etnik, termasuk warga asing, merangkumi 7.1 peratus. Komposisi ini mencerminkan masyarakat yang kurang pelbagai berbanding kawasan bandar, dengan kehadiran komuniti Siam di Kg. Beris sebagai salah satu kumpulan minoriti yang ketara.

Kesimpulannya, Padang Terap adalah kawasan luar bandar dengan penduduk berjumlah tinggi terdiri daripada komuniti etnik Bumiputera, khususnya Melayu, dengan bilangan kecil komuniti Cina, India, dan lain-lain. Komposisi ini mempengaruhi aktiviti ekonomi yang berfokus kepada pertanian dan keperluan infrastruktur asas.

1.3 Kegiatan Ekonomi Utama

Parlimen Padang Terap, terletak di utara Kedah, merupakan kawasan luar bandar dengan ekonomi yang bergantung kepada sektor primer. Berdasarkan dokumen kajian pemetaan isu 2025 dan pemerhatian di tapak, sektor ekonomi utama di kawasan ini adalah seperti berikut:

- **Pertanian (Sawah Padi, Getah, dan Dusun)**
  Pertanian adalah tulang belakang ekonomi Padang Terap, melibatkan aktiviti penanaman padi, getah, dan dusun buah-buahan. Kawasan seperti Kg. Pinang dan Lebuhraya TEKIH terkenal dengan sawah padi, walaupun bergantung pada tadahan air hujan kerana berada di luar kawasan MADA. Pekebun getah di Kg.

Labi dan FELDA Lubok Merbau menghadapi pendapatan rendah akibat harga getah yang tidak stabil. Dusun buah-buahan seperti pisang dan nenas turut menyumbang kepada ekonomi tempatan. Walau bagaimanapun, kekurangan infrastruktur seperti pengairan dan jalan kebun menyukarkan petani meningkatkan produktiviti.

- **Perikanan Darat**
  Perikanan darat di Tasik Pedu adalah aktiviti ekonomi penting, menyokong nelayan darat di kawasan tersebut. Hasil tangkapan seperti ikan lampam dijual secara tempatan, tetapi pendapatan nelayan tidak menentu akibat musim kemarau, persaingan dengan nelayan luar, dan ancaman spesies invasif seperti ikan toman. Kekurangan infrastruktur jeti dan jalan ke kawasan penangkapan turut menjejaskan sektor ini.

- **Industri Gula**
  Industri pemprosesan gula oleh Syarikat Gula Padang Terap adalah penyumbang ekonomi utama. Kilang gula di Kuala Nerang memproses tebu tempatan dan gula import, menyokong ladang tebu yang luas. Industri ini turut mempelbagaikan tanaman seperti pisang dan nenas untuk meningkatkan pendapatan. Sektor ini menyediakan peluang pekerjaan, walaupun cabaran seperti kos import gula mentah mempengaruhi keuntungan.

Secara keseluruhan, ekonomi Parlimen Padang Terap sebahagian besarnya merangkumi pertanian, perikanan darat, dan industri gula, mencerminkan sifat luar bandarnya. Kekurangan infrastruktur, kos input tinggi, dan pendapatan tidak menentu menjadi cabaran utama. Walau bagaimanapun, potensi pelancongan di Tasik Pedu dan hubungan ekonomi dengan Perlis dapat menyokong pembangunan masa depan jika infrastruktur diperbaiki dan peluang pekerjaan untuk belia diperluaskan.

1.4 Hubungan Kerangka Konseptual SDG dan Konteks Tempatan

Parlimen Padang Terap, yang terletak di negeri Kedah, merupakan kawasan luar bandar yang bergantung kepada sektor pertanian, khususnya padi, getah, dan kelapa sawit, serta perusahaan kecil dan sederhana. Aktiviti ekonomi seperti pertanian di kawasan seperti Kuala Nerang dan perusahaan mikro di kawasan pekan menyumbang kepada peluang pekerjaan penduduk tempatan. Hal ini selari dengan **Matlamat SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi**, dengan sasaran berikut:

> **Sasaran 8.2:** Mencapai tahap produktiviti ekonomi yang lebih tinggi melalui pempelbagaian, penaiktarafan dan inovasi teknologi, termasuk melalui tumpuan pada sektor nilai tambah tinggi dan sektor intensif buruh.

> **Sasaran 8.3:** Menggalakkan dasar berorientasikan pembangunan yang menyokong aktiviti produktif, pewujudan pekerjaan yang baik, keusahawanan, kreativiti dan inovasi, serta menggalakkan pemformalan dan pertumbuhan perusahaan mikro, kecil dan sederhana, termasuk melalui akses kepada perkhidmatan kewangan.

Komposisi penduduk Padang Terap yang majoritinya terdiri daripada masyarakat Melayu dan minoriti etnik lain memerlukan usaha berterusan untuk memastikan keterangkuman sosial. Program komuniti seperti bantuan kepada petani kecil, warga emas, dan golongan B40, serta penyediaan akses kepada pendidikan dan kesihatan, adalah penting untuk mengelakkan ketidaksamaan. Ini selari dengan **Matlamat SDG 10: Mengurangkan Ketidaksamaan**, dengan sasaran berikut:

> **Sasaran 10.2:** Menjelang 2030, memperkasa dan menggalakkan keterangkuman sosial, ekonomi dan politik untuk semua, tanpa mengira umur, jantina, ketidakupayaan, bangsa, etnik, asal usul, agama atau status ekonomi atau status lain.

> **Sasaran 10.3:** Memastikan peluang sama rata dan mengurangkan keputusan yang tidak adil, termasuk dengan menghapuskan undang-undang, dasar dan amalan bersifat diskriminasi serta mengetengahkan undang-undang, dasar dan tindakan yang bersesuaian dalam hal ini.

Potensi pelancongan di Tasik Pedu, sebuah tasik buatan manusia yang dikelilingi oleh hutan hijau dan pemandangan semula jadi, menawarkan peluang untuk memajukan ekonomi tempatan melalui aktiviti ekopelancongan seperti pelancongan bot, perkhemahan, dan pemerhatian burung. Pembangunan pelancongan mampan di kawasan ini dapat menyokong pendapatan penduduk tempatan sambil memelihara alam sekitar. Inisiatif seperti pembinaan kemudahan pelancongan mesra alam, promosi budaya tempatan, dan pelan pelancongan berasaskan komuniti boleh meningkatkan tarikan pelancong sambil memastikan kelestarian sumber semula jadi. Ini selari dengan **Matlamat SDG 15: Kehidupan di Daratan**, dengan sasaran berikut:

> **Sasaran 15.1**: Menjelang 2030, memastikan pemuliharaan, pemulihan dan penggunaan mampan ekosistem daratan dan air tawar daratan serta perkhidmatan ekosistemnya, khususnya hutan, tanah bencah, gunung dan kawasan kering, selari dengan obligasi di bawah perjanjian antarabangsa.

> **Sasaran 15.9**: Menjelang 2030, menyepadukan nilai ekosistem dan biodiversiti ke dalam perancangan nasional dan tempatan, proses pembangunan, pengurangan kemiskinan dan strategi serta akaun.

2.0 METODOLOGI PENYELIDIKAN

2.1 Pendekatan Kajian

Kajian awalan telah dijalankan oleh pasukan penyelidik untuk memahami latar belakang kawasan Parlimen Padang Terap serta mengenal pasti isu awalan yang wujud di kawasan ini. Kajian awalan ini merujuk kepada data sekunder seperti Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Jabatan Perangkaan Malaysia), laporan Jabatan Pertanian Malaysia, laporan pelancongan daripada Tourism Malaysia, serta carian internet dan keratan akhbar berkaitan isu sosioekonomi dan alam sekitar di Padang Terap.

Mesyuarat awalan bersama YB Tuan Nurul Amin bin Hamid telah diadakan pada 11 November 2024 di Pusat Khidmat Parlimen Padang Terap untuk menerangkan gerak kerja dan metodologi kajian APPGM-SDG. Pihak YB telah bersetuju untuk bekerjasama dengan APPGM-SDG dalam melaksanakan kajian pemetaan isu di Parlimen Padang Terap. Pada 23 Disember 2024, Ketua Penyelidik telah menghadiri satu lagi mesyuarat di Parlimen Malaysia untuk membincangkan profil Parlimen Padang Terap dan draf tentatif lawatan tapak bersama YB Tuan Nurul Amin bin Hamid serta pegawai-pegawai khidmat parlimen.

Selain itu, bagi memastikan kerjasama dengan agensi tempatan, pasukan penyelidik APPGM-SDG telah mengadakan kunjungan hormat serta perbincangan dengan Pegawai Daerah Padang Terap pada 24 Februari 2025. Pihak Pejabat Daerah Padang Terap telah bersetuju untuk bekerjasama dalam menjayakan kajian pemetaan isu di Parlimen Padang Terap ini.

Lawatan tapak ke Parlimen Padang Terap telah dijalankan pada 21 hingga 23 Februari 2025 (Jumaat hingga Ahad), sebagaimana yang dirancang bersama pihak YB dan APPGM-SDG. Pasukan kajian yang terlibat dalam menjalankan sesi Fokus Kumpulan Berbincang (FGD) bersama komuniti dan lawatan tapak di Parlimen Padang Terap adalah seperti berikut:

1. Nurul Syaza Mazelan : Ketua Penyelidik
2. Rose Helen Ambrose : Pembantu Penyelidik
3. Mohammad Shazie Zaini Mohd Sharil Firdaus Siva : Pembantu Penyelidik
4. Hirzawati Atikah Mohd Tahir : Pembantu Penyelidik

Sebanyak 8 FGD, 2 temubual mendalam, dan 3 lawatan tapak telah dijalankan bersama komuniti tempatan, termasuk petani kecil, pekebun, nelayan, dan kawasan sekitar Tasik Pedu, selama tiga hari di Parlimen Padang Terap. Seterusnya, sesi dialog dijalankan bersama agensi kerajaan selama setengah hari di Pejabat Daerah Padang Terap pada 15

April 2025. Tentatif ringkas lawatan tapak dan sesi dialog bersama komuniti dan agensi kerajaan adalah seperti di jadual di bawah:

Jadual 1: Tentatif Ringkas Lawatan Tapak Parlimen Padang Terap

TARIKH	PERKARA
21 Februari 2025, Jumaat	• Sesi Dialog 1: Dialog bersama Pesawah dan Pekebun • Lawatan Tapak 1 : Tasik Pedu • Sesi Dialog 2: Dialog bersama Nelayan Darat
22 Februari 2025, Sabtu	• Sesi Dialog 3: Dialog bersama Komuniti FELDA Lubok Merbau • Lawatan Tapak 2: Kawasan perkampungan Kg Beris (Petempatan Komuniti Siam) • Sesi Temubual Mendalam 1 bersama wakil komuniti Siam • Sesi Dialog 4: Dialog bersama Penduduk Kg. Kubang Juluk • Sesi Dialog 5: Dialog bersama Belia • Sesi Temubual Mendalam 2 bersama wakil pekerja ekonomi gig (*p-hailing*)
23 Februari 2025, Ahad	• Sesi Dialog 6: Dialog bersama Komuniti Pekebun Getah Kg. Labi, Tualak • Sesi Dialog 7: Dialog bersama wanita dan ibu tunggal • Sesi Dialog 8: Dialog bersama Komuniti Kg. Padang Chenerai (Kedah Rubber City) • Lawatan Tapak 3: Kedah Rubber City
15 April 2025, Selasa	• Sesi Dialog Antara Agensi

2.2 Langkah Etika Semasa Kajian Lapangan

Ketua Penyelidik mendapatkan persetujuan daripada peserta terlebih dahulu untuk merekodkan suara dan diambil video dan gambar. Sekiranya, peserta FGD tidak bersetuju apa yang dikatakan untuk direkod dan melarang mengambil gambarnya, maka penyelidikan ini tidak boleh mengambil kira perkara tersebut untuk dilaporkan dan dikongsikan di mana-mana platform. Namun begitu, bagi kajian pemetaan isu di Parlimen Padang Terap, tiada apa-apa halangan daripada pihak peserta.

2.3 Kekangan Lawatan Kajian Lapangan

Terdapat beberapa kekangan dihadapi semasa menjalankan kajian di Parlimen Padang Terap ini. Antaranya adalah pra-lawatan untuk berjumpa dengan Pegawai Daerah tidak

dapat dijalankan sebelum kajian pemetaan isu tiga hari tersebut. Pegawai Daerah hanya berkelapangan untuk berjumpa pada hari selepas kajian lapangan telah selesai, iaitu pada 24 Februari 2025. Maka, kajian pemetaan isu tiga hari telah dijalankan terlebih dahulu pada 21 hingga 23 Februari 2025 dan hal ini diambil maklum oleh pihak Pejabat Daerah Padang Terap. Walaupun begitu, Pegawai Daerah dan pihak Pejabat Daerah Padang Terap telah memberikan maklum balas yang sangat baik dan bersetuju untuk kerjasama dalam menjayakan kajian pemetaan isu ini.

Selain itu, sesi dialog bersama komuniti Siam terpaksa dibatalkan di saat akhir kerana tiada maklum balas daripada wakil komuniti Siam pada hari yang dijadualkan, iaitu pada 21 Februari 2025. Namun begitu, pihak Parlimen Padang Terap telah menggantikan sesi dialog tersebut dengan lawatan tapak dan sesi temubual bersama wakil komuniti Siam di Kg. Beris pada 22 Februari 2025. Manakala, sesi temubual bersama wakil pekerja ekonomi *gig* (*p-hailing*) dijalankan secara spontan oleh ketua penyelidik dan Ahli Parlimen Padang Terap semasa seorang pekerja *Grab* sedang menunggu makanan disiapkan. Walaupun temubual yang dijalankan dalam tempoh masa yang pendek, namun terdapat isu-isu yang relevan untuk diberi fokus.

2.4 Keterbatasan Kajian

Berdasarkan metodologi semasa bagi kajian pemetaan isu ini, lawatan tapak adalah terhad kepada tiga hari sahaja. Maka, jumlah kumpulan sasaran yang utama dapat disasarkan adalah sekurang-kurangnya lapan kumpulan sasaran. Bagi Parlimen Padang Terap, kajian pemetaan isu ini telah berjumpa sebanyak lapan kumpulan sasaran utama dan dua sesi temubual bersama wakil komuniti disasarkan. Kumpulan sasaran yang terpilih ini adalah berdasarkan perbincangan awal bersama Ahli Parlimen Padang Terap yang memberi fokus kepada kumpulan komuniti paling terjejas.

Selain itu, tempoh masa perbincangan semasa Dialog Bersama Agensi yang terhad juga menghadkan maklum balas yang diterima untuk menjawab semua isu komuniti yang dikumpulkan. Malah, terdapat juga beberapa agensi yang sewajarnya memberi maklum balas tidak hadir. Maka, terdapat beberapa isu yang tiada maklum balas daripada agensi.

3.0 RANGKUMAN ISU RENTAS SDG

Berikut adalah lima isu utama yang dikenal pasti sebagai keutamaan dan memerlukan perhatian segera. Isu-isu ini dipilih kerana impaknya yang besar terhadap kesejahteraan penduduk dan kaitannya dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG):

Jadual 2: Rangkuman Isu Rentas SDG

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
1.	Fenomena peminggiran sosial terutamanya penagihan dadah dan kecurian	Penagihan dadah tegar (syabu, heroin, ganja) melibatkan penduduk tempatan dan orang luar, terutamanya di FELDA Lubok Merbau, Kg. Sungai Burung, dan Kg. Padang Nyior, meningkatkan risiko keselamatan. Kecurian hasil pertanian dan barangan di kawasan petempatan, terutamanya di FELDA Lubok Merbau dan Kg. Labi, turut dilaporkan kerana aktiviti penagih dadah. Jarak berdekatan dengan sempadan Thailand memudahkan penyeludupan dadah.	Sosial	Penduduk tempatan, golongan belia, penagih dadah	FELDA Lubok Merbau, Kg. Sungai Burung, Kg. Padang Nyior, Kg. Labi (Mukim Tualak), Kg. Padang Chenerai (sekitar Kedah Rubber City).	**SDG 3: Kesihatan yang Baik dan Sejahtera** ***Sasaran 3.5:*** Mengukuhkan pencegahan dan rawatan penyalahgunaan bahan, termasuk penyalahgunaan dadah narkotik dan pengambilan alkohol yang memudaratkan. **SDG 16: Keamanan, Keadilan dan Institusi yang Kuat** ***Sasaran 16.1:*** Mengurangkan secara signifikan semua bentuk keganasan dan kadar kematian yang berkaitan di seluruh dunia.

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
2.	Kekurangan infrastruktur sokongan	Infrastruktur terhad seperti hanya satu ATM di FELDA Lubok Merbau, kekurangan balai polis (hanya pondok polis dengan keupayaan terhad), satu ambulans KKM tanpa perkhidmatan swasta, dan tiada perkhidmatan bomba menyebabkan kesukaran penduduk menghadapi kecemasan dan keperluan harian. Lampu jalan yang tidak berfungsi pada waktu malam di Kg. Kubang Juluk turut meningkatkan risiko keselamatan.	Sosial Tadbir Urus	Komuniti FELDA, penduduk tempatan	FELDA Lubok Merbau, Kg. Kubang Juluk, Parlimen Padang Terap.	**SDG 9: Industri, Inovasi dan Infrastruktur** ***Sasaran 9.1:*** Membangunkan infrastruktur yang berkualiti, andal, mampan dan berdaya tahan, termasuk infrastruktur serantau dan rentas sempadan, untuk menyokong pembangunan ekonomi dan kesejahteraan manusia dengan tumpuan pada akses yang saksama serta mampu milik untuk semua. **SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan** ***Sasaran 11.1:*** Menjelang 2030, memastikan akses kepada perumahan dan perkhidmatan asas yang mencukupi, selamat dan mampu milik untuk semua, serta menaik taraf kawasan sesak.
3.	Kekurangan infrastruktur/ kemudahan untuk pertanian	Pesawah di Kg. Pinang bergantung pada tadahan air hujan tanpa pengairan MADA, manakala jalan ke sawah padi dan kebun berlubang serta titi yang	Ekonomi Tadbir Urus	Pesawah, pekebun, nelayan darat	Kg. Pinang, Tasik Pedu, Kg. Labi (Mukim Tualak).	**SDG 2: Sifar Kebuluran** ***Sasaran 2.3:*** Menjelang 2030, menggandakan produktiviti pertanian dan pendapatan pengeluar makanan berskala kecil, khususnya golongan wanita, orang

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
	(sawah padi dan kebun)	daif menyebabkan kemalangan. Nelayan di Tasik Pedu menghadapi jeti yang tinggi, jalan sempit, dan tempat letak kenderaan terhad. Pekebun getah di Kg. Labi menghadapi jalan kebun yang teruk, menyukarkan akses.				asli, keluarga petani, penternak dan nelayan, termasuk melalui akses yang terjamin dan sama rata kepada tanah, sumber dan input produktif lain, pengetahuan, perkhidmatan kewangan, pasaran dan peluang bagi penambahan nilai termasuk pekerjaan bukan perladangan. **SDG 9: Industri, Inovasi dan Infrastruktur** ***Sasaran 9.1:*** Membangunkan infrastruktur yang berkualiti, andal, mampan dan berdaya tahan, termasuk infrastruktur serantau dan rentas sempadan, untuk menyokong pembangunan ekonomi dan kesejahteraan manusia dengan tumpuan pada akses yang saksama serta mampu milik untuk semua
4.	Kemiskinan	Pesawah di Kg. Pinang menghadapi kerugian akibat kos input tinggi, penyakit padi, dan	Ekonomi Sosial	Pesawah, pekebun getah, nelayan darat	Kg. Pinang, Lebuhraya TEKIH, Kg. Labi (Mukim	**SDG 1: Tiada Kemiskinan** ***Sasaran 1.2:*** Menjelang 2030, mengurangkan sekurang-kurangnya separuh daripada jumlah lelaki, wanita dan kanak-

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		potongan besar oleh kilang pemprosesan. Pekebun getah di Kg. Pinang dan Kg. Labi mendapat pendapatan rendah (RM1,500 sebulan) kerana harga getah rendah dan kualiti input (baja, benih) yang tidak memuaskan. Nelayan darat di Tasik Pedu menghadapi pendapatan tidak menentu akibat persaingan dan musim.			Tualak), Tasik Pedu.	kanak pada semua peringkat umur yang hidup dalam kemiskinan dalam semua dimensi menurut takrifan kebangsaan. **SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi** ***Sasaran 8.5:*** Menjelang 2030, mencapai guna tenaga penuh dan produktif serta pekerjaan yang baik untuk semua golongan wanita dan lelaki, termasuk belia dan orang kurang upaya, serta bayaran sama rata untuk kerja dengan nilai yang sama.
5.	Kurang peluang ekonomi dan penglibatan belia	Belia di Parlimen Padang Terap kurang berminat dalam pertanian akibat pendapatan rendah dan memilih migrasi ke bandar seperti Sungai Petani atau Alor Setar. Tambahan, peluang pekerjaan adalah terhad,	Sosial Ekonomi	Belia	Parlimen Padang Terap, Kg. Kubang Juluk, Pekan Kuala Nerang.	**SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi** ***Sasaran 8.6:*** Menjelang 2020, mengurangkan jumlah belia menganggur, tiada pendidikan atau tiada latihan. **SDG 4: Pendidikan Berkualiti**

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		dengan pendapatan purata belia RM1,000 dan tiada pekerjaan yang menepati minat. Kursus TVET di Kolej Komuniti, Kolej MARA, dan IKBN tidak menarik minat belia, yang lebih cenderung kepada perniagaan dan pertanian moden.				***Sasaran 4.4:*** Menjelang 2030, meningkatkan sebilangan besar golongan belia dan dewasa yang memiliki kemahiran yang relevan, termasuk kemahiran teknikal dan vokasional, untuk penggajian, pekerjaan yang baik dan keusahawanan.

4.0 GAMBARAN KESELURUHAN PEMETAAN ISU

4.1 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu

Jadual 4. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 1

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 1: Dialog Bersama Pesawah dan Pekebun **Tarikh:** 21 Februari 2025 **Lokasi:** Surau Nurul Ikhsan Kg Pinang Pedu **Bilangan peserta:** 26 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 2 kumpulan			**Agensi yang memberikan maklum balas:** 1. Jabatan Pertanian 2. PPK 3. PERHILITAN
1.	Kekurangan sokongan infrastruktur/ kemudahan bagi aktiviti pertanian	Kawasan pertanian sawah padi di Kampung Pinang bergantung sepenuhnya kepada tadahan air hujan sebagai sumber utama pengairan. Hal ini berlaku kerana kawasan tersebut terletak di luar lingkungan Kawasan Pembangunan MADA, menjadikan pesawah di Kampung Pinang tidak menerima kemudahan sistem pengairan berpusat seperti yang disediakan oleh MADA. Sebaliknya, perkhidmatan pengairan yang disediakan hanya tertumpu kepada kawasan-kawasan lain di bawah MADA seperti Merbok, Sungai Petani, Kuala Kedah dan Pokok Sena.	**Jabatan Pertanian:** Agensi mengakui kekurangan skim pengairan di Padang Terap, dengan hanya 2–3 skim saliran sedia ada. Sungai Pedu yang rendah menyukarkan pengairan untuk sawah padi yang terletak di kawasan tinggi, menyebabkan pergantungan kepada air hujan.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Dalam konteks ini, air empangan yang terdapat di kawasan tersebut pula tidak digunakan untuk pertanian, sebaliknya diperuntukkan khusus bagi kegunaan domestik penduduk setempat.	
		Akses ke sawah padi dan kebun di kampung ini perlu ditambah baik berikutan keadaan jalan yang berlubang serta titi yang daif dan berbahaya sehingga menyebabkan beberapa kemalangan. Terdapat cadangan penambahbaikan termasuk menurap jalan dengan batu kasar di kawasan sawah padi dan membina semula serta melebarkan titi ke kebun getah, dusun dan sawit bagi meningkatkan keselamatan dan kelancaran aktiviti pertanian. Namun begitu, tiada tindakan diambil walaupun lawatan tapak telah dijalankan.	Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan menetapkan harga benih padi diturunkan daripada RM58 kepada RM56 sekampit (20 kg) mulai 15 April 2025 untuk mengurangkan kos petani. PPK menyatakan racun disubsidi, tetapi keberkesanan bergantung pada disiplin pengusaha. Tiada maklum balas khusus mengenai kualiti benih getah atau keperluan baja yang lebih kerap.
2.	Hasil pendapatan tidak menguntungkan	Pesawah tidak mendapat keuntungan yang setimpal apabila perlu menghadapi kos input pertanian yang semakin tinggi. Contoh kerugian bagi pesawah: 1 guni 100kg, kilang akan potong 48kg. Kilang akan memotong padi hampar, bendasing dan daun-daun padi. Apabila hasil yang tidak berbaloi, maka ada kemungkinan tiada lagi petani pesawah pada masa	*Tiada maklum balas khusus daripada agensi*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		akan datang. Contoh sedia ada, di Lebuhraya TEKIH, bendang padi tersebut telah ditinggalkan tanpa diusahakan.	
		Pesawah menghadapi cabaran apabila padi diserang penyakit dan menyebabkan hasil tidak banyak.	
		Petani mempunyai pilihan yang terhad untuk menjual hasil padi. Buat masa sekarang, pesawah hanya menjual terus kepada kilang pemprosesan padi/beras (pihak swasta).	
3.	Kekurangan bantuan bagi pesawah seperti jentera, baja dan racun	Walaupun subsidi dan bantuan telah disediakan oleh pihak kerajaan, namun, pesawah/pekebun mempunyai cabaran dalam pengisian borang secara atas talian	**PPK:** PPK menjelaskan 90 peratus permohonan bantuan masih menggunakan borang manual, dan pejabat bersedia membantu pesawah mengisi borang. Semua bantuan tertakluk pada SOP dan prosedur yang ditetapkan.
		Mereka memerlukan bantuan daripada orang-orang muda atau berpengetahuan menggunakan kemudahan teknologi dalam pengisian borang bantuan tersebut meskipun mereka berkelayakan untuk menerima bantuan	
		Cadangan: PPK (Persatuan Peladang Kawasan) Kuala Nerang yang mempunyai data lengkap tentang pesawah sewajarnya membantu dalam pengurusan hal ehwal pesawah termasuk bantuan dan subsidi.	

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
4.	Kekurangan penglibatan belia dalam pertanian	Kekurangan belia untuk mewarisi aktiviti pertanian terutamanya bagi sawah padi dan kebun. Hal ini kerana, hasil padi dilihat tidak menguntungkan, maka belia lebih memilih untuk bekerja di kilang sahaja.	**Jabatan Belia dan Sukan:** Agensi mengakui sesetengah belia berminat dalam pertanian dengan teknologi baharu, tetapi majoriti lebih memilih kerja kilang atau migrasi ke bandar. Tiada cadangan penyelesaian untuk meningkatkan penglibatan belia.
		Belia juga lebih memilih untuk bermigrasi keluar ke kawasan yang memberi banyak peluang pekerjaan seperti ke Sungai Petani, Alor Setar, Pulau Pinang dan Kuala Lumpur.	
5.	Kemiskinan	Pekebun tidak mampu untuk menyara keluarga dengan hanya pendapatan yang sangat sedikit terutamanya pada musim kemarau dan tengkujuh apabila hasil pertanian sangat menurun.	*Tiada maklum balas khusus daripada agensi*
		Harga jualan getah yang sangat rendah menyebabkan hasil pendapatan penoreh getah sangat sedikit (contoh: sehari hanya RM50, lebih kurang RM1,500 sebulan) Cadangan: Meletakkan harga lantai bagi getah, iaitu RM4.50 sekilo	
		Kos sara hidup bagi menyara keluarga yang ramai amat membebankan ketua keluarga.	

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
6.	Pertembungan hidupan liar dan aktiviti ekonomi tempatan	Ancaman gangguan gajah liar yang merosakkan tanaman getah, sawit dan dusun buah-buahan. Contohnya, daripada 600 pokok getah yang ditanam, kini hanya 400 pokok sahaja yang selamat, selebihnya dirosakkan oleh gajah (gajah makan kulit getah). Penduduk dan pekebun telah melaporkan kepada agensi berkaitan, namun isu ini masih berlarutan. Pihak PERHILITAN telah memasang lampu di jalan sebagai inisiatif untuk mengelakkan kemalangan pertembungan dengan gajah dan hal ini dilihat berkesan. Maka, pekebun juga bercadang untuk memasang lampu solar di kawasan kebun mereka.	**PERHILITAN:** 28 aduan berkaitan gangguan gajah telah diterima di Kampung Pinang antara 2021 hingga Mac 2025. Tindakan diambil sebanyak 216 kali, termasuk operasi pemantauan dan tembak halau. 10 ekor gajah dikenalpasti berasal dari kawasan Naka. Setakat ini, tiada tangkapan atau pindahan gajah kerana: • Kos pindahan seekor gajah = RM40,000 • Jumlah diperlukan untuk 10 ekor = RM400,000 • Jabatan menghadapi kekangan peruntukan kewangan. Penyelesaian semasa: Tembak halau dan rondaan bulanan oleh 3 kakitangan sahaja di bawah kawasan Sik dan Padang Terap. PERHILITAN juga bekerjasama dengan JPNK (Jabatan Perhutanan Negeri Kedah) untuk memastikan kawasan hutan simpan kekal terpelihara sebagai habitat semula jadi gajah.

Jadual 5. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 2

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 2: Dialog Bersama Nelayan Darat Tasik Pedu **Tarikh:** 21 Februari 2025 **Bilangan peserta:** 16 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 2 kumpulan			**Agensi yang memberikan maklum balas:** *Tiada*
1.	Kekurangan sokongan infrastruktur/ kemudahan untuk aktiviti perikanan	Keluasan tempat letak kenderaan yang terhad untuk para nelayan menaikkan hasil tangkapan ikan. Keadaan jalan yang sempit dan gelap untuk ke kawasan jeti. Mencadangkan untuk meluaskan lebar jalan dan memasang lampu.	*Tiada maklum balas khusus daripada agensi*
2.	Hasil tangkapan tidak menguntungkan	Pada musim kemarau, harga ikan boleh dijual pada harga yang tinggi (RM7-8 sekilo bagi ikan lampam). Tetapi pada musim kemarau hasil tangkapan ikan sangat sedikit. Manakala, apabila pada musim tengkujuh, nelayan darat terpaksa bersaing dengan ramai nelayan yang lain dan harga jualan ikan juga menurun kepada RM4 sekilo.	*Tiada maklum balas khusus daripada agensi*
3.	Proses bantuan yang rumit bagi nelayan	Semua nelayan darat tidak menerima insentif dan subsidi minyak walaupun mempunyai lesen kerana tidak cukup jam seperti mana dalam syarat yang ditetapkan.	*Tiada maklum balas khusus daripada agensi*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Nelayan hanya turun menangkap ikan lebih kurang 16 hari sahaja dalam sebulan kerana terdapat ombak yang kuat. Sedangkan syarat untuk mendapat insentif perlu 25 hari sebulan. Selain itu, nelayan juga tiada menerima bantuan daripada segi peralatan seperti pukat. Nelayan perlu membelanjakan lebih kurang RM160 setiap 2 bulan sekali terutamanya apabila pukat rosak.	
4.	Kelemahan pengurusan dan penyeliaan di Tasik Pedu	Kerosakan pukat nelayan disebabkan dilanggar oleh bot-bot luar yang tidak tahu keberadaan pukat. Bagi menangani masalah ini, terdapat keperluan untuk menetapkan zon penangkapan ikan dan zon aktiviti pelancongan dan penyeliaan kepada zon-zon yang ditetapkan.	*Tiada maklum balas khusus daripada agensi*
5.	Ancaman spesies invasif	Hasil tangkapan ikan di Tasik Pedu telah berkurangan kerana terdapat ancaman spesies invasif seperti ikan toman yang memakan hasil tangkapan ikan nelayan.	*Tiada maklum balas khusus daripada agensi*

Jadual 6. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 3

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 3: Dialog Bersama Komuniti FELDA Lubok Merbau **Tarikh:** 22 Februari 2025 **Bilangan peserta:** 20 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 2 kumpulan			**Agensi yang memberikan maklum balas:** 1. PDRM 2. AADK 3. Pejabat FELDA Lubok Merbau 4. Majlis Daerah Padang Terap 5. Pejabat Daerah dan Tanah Padang Terap 6. JPS
1.	Tingkah laku anti-sosial mengganggu kesejahteraan penduduk	Kes penagihan dadah tegar yang banyak dalam kalangan penduduk dan orang luar di sekitar FELDA Lubok Merbau. Kebanyakan penagih dadah ini mengambil dadah jenis syabu, heroin dan ganja. Kecurian yang sering berlaku di kawasan pertanian dan kawasan petempatan. Masalah merempit dalam kalangan kanak-kanak seawal 11-12 tahun dan pernah berlaku kemalangan kecil. Perkara ini membimbangkan penduduk tempatan terhadap keselamatan anak-anak muda dan orang awam.	**PDRM & AADK**: • Operasi berterusan terhadap penagih. • Tangkapan: 291 kes antara 2023–2025. • AADK jalankan program *psychosocial* bulanan di lokasi terlibat. • Masalah ketum dikaitkan sebagai bahan gantian dadah (isu polydrug). **Pejabat FELDA Lubok Merbau:** Kekurangan anggota polis – hanya 2 orang di pondok polis Lubuk Merbau untuk kawal kawasan 3,000 penduduk. Kesukaran dapat maklumat lengkap daripada komuniti (aduan umum tanpa nama).

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Walaupun pernah ditangkap dan dirampas motor, kes merempit masih berulang.	
2.	Keperluan infrastruktur sokongan	Perkhidmatan ATM yang sangat terhad apabila hanya terdapat 1 sahaja ATM disediakan. Maka, sekiranya ATM rosak atau kehabisan stok duit tunai akan menyukarkan penduduk untuk mengeluarkan duit.	**Pejabat FELDA Lubok Merbau:** Hanya satu ATM (Bank Rakyat) tersedia di FELDA Lubok Merbau, yang tidak mencukupi untuk komuniti lebih 7,000 orang termasuk penduduk kampung sekitar seperti Danglau dan Kg. Dusun. Agensi mengakui kekurangan ini tetapi tiada penyelesaian segera dicadangkan.
		Keperluan menaik taraf pondok polis kepada balai polis selaras dengan jumlah penduduk yang ramai, iaitu hampir lebih 10,000 orang. Pondok polis semasa hanya ada anggota polis sahaja untuk memantau keadaan sekitar FELDA Lubok Merbau. Sedangkan kes penagihan dadah dan kecurian menjadi perkara yang sangat membimbangkan penduduk. Sekiranya, naik taraf balai polis tidak dapat dibangunkan segera, penduduk berharap pondok polis semasa dapat menerima kes kecemasan seperti kes kematian dan kes kecurian.	**Pejabat FELDA Lubok Merbau:** Pondok polis di FELDA Lubok Merbau hanya mempunyai dua anggota untuk pemantauan berkala, yang tidak mencukupi untuk menangani kes penagihan dadah dan kecurian. Tiada rancangan segera untuk menaik taraf kepada balai polis.
		Kekurangan perkhidmatan ambulans memandangkan hanya terdapat 1 sahaja ambulans KKM disediakan dan tiada perkhidmatan ambulans swasta.	**Pejabat FELDA Lubok Merbau:** Agensi menjelaskan bahawa prosedur standard (SOP) untuk kes kecemasan adalah menghubungi 999, yang boleh mengarahkan ambulans dari klinik kesihatan berdekatan jika ambulans Klinik

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Sekiranya terdapat 2 kes kecemasan pada masa yang sama akan menyukarkan pesakit untuk mendapat perkhidmatan yang segera.	Kesihatan (KK) Lubuk Merbau tidak mencukupi. Kekangan ambulans (satu sahaja setiap klinik) diakui, tetapi tiada penyelesaian tambahan dikemukakan.
		Keperluan untuk perkhidmatan bomba kerana jarak yang jauh melambatkan maklum balas dan tindakan untuk hal kecemasan. Baru-baru ini, terdapat kes kebakaran dan bantuan bomba lambat sampai kerana jarak yang jauh.	**Pejabat FELDA Lubok Merbau:** Hanya satu balai bomba di Kuala Nerang, terletak 40 km dari kawasan terpencil, menyebabkan kelewatan tindakan. Bomba sukarela melibatkan komuniti wujud, tetapi kekurangan infrastruktur bomba kekal menjadi isu.
		Keadaan surau yang berusia 46 tahun yang telah uzur memerlukan penambahbaikan. Dana peruntukan sebanyak RM120,000 diperlukan untuk menambahbaik surau. Surat permohonan telah dihantar ke Pejabat Agama. Namun, masih belum mendapat maklum balas.	*Tiada maklum balas khusus daripada agensi*
3.	Keperluan penstrukturan alamat rumah	Terdapat keperluan penstrukturan alamat rumah bagi Kg. Dusun dan Kg. Baru Ketapang. Hal ini menyebabkan kesukaran bagi penduduk untuk menyatakan alamat mereka secara rasmi untuk pelbagai kegunaan (pos/pendaftaran IC/kecemasan)	**Pejabat Daerah dan Tanah Padang Terap:** Agensi akan memaklumkan isu penstrukturan alamat rumah di Kg. Dusun dan Kg. Baru Ketapang kepada penghulu untuk penyeragaman alamat. Penghulu diminta untuk mengenal pasti semula keperluan ini, memandangkan kampung-kampung

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			ini terletak di luar kawasan FELDA tetapi bergantung kepada kemudahan FELDA.
4.	Kesukaran mendapat bantuan sosial	Terdapat kes yang tidak berjaya mendapatkan bantuan JKM dan zakat kerana dikatakan tidak layak disebabkan status beliau sebagai peneroka/pentadbir FELDA yang mempunyai pendapatan daripada hasil kebun getah. Namun, hakikatnya terdapat pentadbir yang perlu membahagikan hasil tanaman kepada adik beradik yang lain. Selain itu, terdapat juga kes di mana permohonan yang dibuat tidak mendapat maklum balas hampir sebulan.	**JKM:** Sesetengah peneroka FELDA dan keluarga dengan anak bekerja atau memiliki Astro masih menerima bantuan zakat dan bantuan JKM.
5.	Status pemilikan tanah di Kg. Dusun masih tergantung akibat kedudukan sebagai rizab FELDA	Kg. Dusun yang terletak pinggir Felda Lubok Merbau tidak mempunyai geran rumah lagi disebabkan status tanah tersebut adalah rizab FELDA dan memerlukan kelulusan. Namun, terdapat juga beberapa rumah yang mempunyai geran TOL. Walaupun aktiviti sukat tanah telah dilakukan namun proses mendapat geran masih tergantung.	**Pejabat FELDA Lubok Merbau:** FELDA tidak memberikan pemilikan tanah baharu, tetapi anak peneroka dibenarkan menyewa tanah rizab FELDA untuk tanaman kontan tanpa binaan kekal, tertakluk pada kelulusan ibu pejabat FELDA. Di Kg. Dusun, dua lot telah diberikan geran, tetapi status tanah di luar perkampungan FELDA Lubuk Merbau masih memerlukan pengesahan Pejabat Tanah.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
6.	Keperluan penyelenggaraan kawasan rekreasi membataskan aktiviti sosial	Tiada penyelenggaraan dijalankan di padang bola semasa menyebabkan semak samun naik. Maka, tiada tempat aktiviti sosial bagi anak FELDA.	**Pejabat FELDA Lubok Merbau:** Untuk padang bola di FELDA Lubuk Merbau, agensi menafikan tiada penyelenggaraan, menyatakan padang digunakan setiap hari dengan penyelenggaraan bulanan dan acara seperti liga bola sepak bawah 12 tahun dirancang pada Mei 2025. Walau bagaimanapun, keperluan taman permainan kanak-kanak diakui. Di kawasan lain, padang bola tidak dapat digunakan kerana pemilik tanah individu melarang aktiviti selepas geran hak milik dikeluarkan, dan pokok ditanam untuk menghalang penggunaan.
7.	Tiada sokongan elaun sara hidup dalam tempoh penanaman semula	Bagi peneroka yang menjalankan penanaman semula getah/sawit menghadapi cabaran terutamanya dalam tempoh penebangan pokok sehingga penanaman anak pokok baharu. Dalam tempoh ini, mereka tidak mendapat elaun sara hidup.	*Tiada maklum balas khusus daripada agensi*
8.	Pertembungan hidupan liar dengan aktiviti ekonomi tempatan	Gangguan anjing, babi hutan, dan kera berlaku di sekitar kawasan FELDA. Hidupan liar ini masuk ke kawasan kebun dan rumah. Penduduk pernah tercedera diserang babi hutan pada 2016.	**Majlis Daerah Padang Terap:** Majlis menjalankan penangkapan anjing terbiar di kawasan perkhidmatan, tetapi kekangan kakitangan dan peralatan membatasi tindakan di kawasan kampung. Tiada maklum balas khusus tentang babi hutan, dan monyet.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Untuk masalah anjing liar, penduduk telah membuat aduan ke Majlis dan tindakan telah dilakukan.	
9.	Keperluan penyelenggaraan pokok besar di tepi jalan	Terdapat banyak pokok besar di tepi jalan. Oleh itu, wujud keperluan untuk penyelenggaraan seperti penebangan pokok untuk tujuan keselamatan. Penduduk mengharapkan untuk mendapat kerjasama daripada agensi seperti penggunaan jentera khas untuk memotong pokok besar.	*Tiada maklum balas khusus daripada agensi*
10.	Sistem pengairan yang kurang berkesan menyebabkan risiko banjir pada musim tengkujuh	Keadaan tanah yang terhakis menyebabkan parit semakin besar terutama pada musim hujan. Air daripada Blok 7 yang dibawa ke Blok 6 menyebabkan blok 6 akan menghadapi banjir terlebih dahulu. Namun, masih tiada tindakan daripada mana-mana pihak bagi menangani masalah ini daripada terus berlaku. Maka, terdapat beberapa kawasan terjejas dengan banjir setiap kali musim tengkujuh. Banjir yang berlaku adalah disebabkan limpahan sungai dan fenomena hujan dalam jumlah isipadu yang tinggi.	**JPS:** JPS melaksanakan kerja pembersihan dan pengorekan segera apabila hujan melebihi 60–100 mm dan menyebabkan banjir. Banjir di FELDA dipengaruhi oleh limpahan Empangan Muda dan hujan lebat, menyebabkan jalan terputus dan penduduk terperangkap.

Jadual 7. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 4

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 4: Dialog Bersama Penduduk Kg. Kubang Juluk **Tarikh:** 22 Februari 2025 **Bilangan peserta:** 25 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 2 kumpulan			**Agensi yang memberikan maklum balas:** 1. Jabatan Belia dan Sukan 2. Majlis Daerah Padang Terap
1.	Keperluan infrastruktur sokongan	Masalah lampu jalan yang rosak apabila hanya menyala pada waktu siang tetapi tertutup pada waktu malam. Hal ini, menyebabkan keadaan jalan yang gelap. Selain itu, Ketiadaan padang bola untuk anak muda bermain dan beraktiviti sosial. Kawasan yang ada diambil semula oleh pemilik tanah individu. Sebelum ini padang bola tersebut digunakan untuk program Maulidur Rasul dan program belia.	*Tiada maklum balas khusus daripada agensi*
2.	Kualiti input pertanian (benih) yang tidak baik	Kualiti benih bagi pokok getah juga dikatakan tidak memuaskan. Pokok getah yang terhasil kurang mengeluarkan susu getah.	*Tiada maklum balas khusus daripada agensi*
3	Akses yang terhad untuk mendapatkan barangan tempatan	Penduduk tidak dapat pergi ke tempat jualan Rahmah yang ditetapkan kerana jauh di pekan. Masih tiada lagi program jualan Rahmah diadakan di sekitar atau berdekatan kampung ini. Pada pendapat pesawah, padi tempatan yang dimasukkan ke dalam kilang diproses dan akhirnya	*Tiada maklum balas khusus daripada agensi*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		dilabelkan sebagai beras import. Ini menunjukkan bahawa padi tempatan, walaupun dihasilkan oleh petani tempatan, kehilangan identitinya selepas diproses di kilang. Proses ini menyebabkan beras yang keluar dari kilang dianggap sebagai beras import, walaupun asalnya adalah padi tempatan. Selain itu, terdapat juga beras import dicampur dengan beras tempatan, tetapi keseluruhan produk akhir dilabelkan dan dijual sebagai beras import. Ini menimbulkan persepsi bahawa tiada beras tempatan yang dijual, walaupun sebahagian daripada produk tersebut sebenarnya berasal dari padi tempatan.	
4.	Kos sara hidup yang semakin tinggi	Kebimbangan penduduk kampung terhadap kenaikan harga barang, termasuk barang makanan dan alat ganti, yang berlaku secara tidak konsisten dan tanpa harga tetap. Kenaikan harga ini menyumbang kepada masalah ekonomi yang membebankan penduduk kampung, yang merasa menjadi mangsa utama ketidakstabilan ekonomi tanpa penyelesaian yang jelas.	*Tiada maklum balas khusus daripada agensi*
5.	Kekurangan kesedaran dan akses	Walaupun terdapat bantuan disediakan oleh agensi-agensi kerajaan tetapi tidak diketahui oleh pengusaha, petani dan pesawah.	*Tiada maklum balas khusus daripada agensi*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	kepada bantuan kerajaan	Sebagai contoh, terdapat subsidi minyak disediakan untuk penoreh daripada RISDA tetapi tidak dimohon kerana perlu dimohon secara atas talian.	
6.	Ekosistem pembangunan ekonomi belia yang kurang berkesan	Walaupun terdapat banyak inisiatif dan geran yang disediakan oleh pihak kerajaan, tetapi kurang dimohon oleh golongan belia disebabkan kekurangan kemahiran. Hal ini disebabkan kurang kemahiran dalam literasi digital, pemahaman kepada proses permohonan dan syarat diperlukan serta kaedah pengurusan projek kurang diberikan pendedahan.	**Jabatan Belia dan Sukan** Agensi menyatakan pelbagai inisiatif dan platform telah ditawarkan untuk membantu belia keluar daripada kemiskinan, tetapi sambutan di Padang Terap kurang, mungkin kerana kekurangan kemahiran literasi digital dan pengurusan projek.
7.	Pertembungan hidupan liar dengan masyarakat tempatan	Terdapat gangguan hidupan liar seperti babi hutan, memerang, dan monyet di sekitar kampung yang mengganggu penduduk.	*Tiada maklum balas khusus daripada agensi bagi kawasan ini.*
8.	Ketiadaan sistem pengurusan sampah	Disebabkan tiada pengurusan sampah di kawasan kampung, maka ada segelintir penduduk membuang sampah ke sungai atau membakar. Ada yang membuang ke dalam tong yang berada sejauh 3 km di pekan.	**Majlis Daerah Padang Terap:** Majlis tidak menyediakan perkhidmatan pengurusan sampah di kawasan tanpa cukai pintu, tetapi mencadangkan penduduk menyewa tong sampah roro melalui syarikat swasta seperti Idaman jika komuniti mempunyai peruntukan.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
10.	Risiko fenomena banjir pada musim tengkujuh	Terdapat beberapa kawasan terjejas dengan banjir setiap kali musim tengkujuh. Banjir yang berlaku adalah disebabkan limpahan sungai dan jumlah hujan yang tinggi.	*Tiada maklum balas khusus daripada agensi*

Jadual 8. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 5

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 5: Dialog Bersama Belia **Tarikh:** 22 Februari 2025 **Bilangan peserta:** 17 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 2 kumpulan			**Agensi yang memberikan maklum balas:** 1. Jabatan Tenaga Kerja Negeri Kedah
1.	Kurang peluang ekonomi bagi belia	Tiada peluang pekerjaan yang meluas menepati minat dan kemahiran belia. Peluang pekerjaan sedia ada hanya tertumpu kepada sektor pertanian yang kurang diminati segelintir belia terutamanya bagi lepasan universiti. Malah, kemasukan warga asing juga semakin banyak dalam sektor pertanian ini. Belia menghadapi kesukaran ekonomi terutama bagi penoreh getah dan peniaga kecil. Penoreh getah tidak mendapat pendapatan tetap kerana hasil kerja bergantung pada cuaca; hujan menyebabkan tiada pendapatan. Sebaliknya, peniaga kecil seperti pembuka kedai menghadapi kesukaran membayar gaji pekerja mengikut had gaji minimum (RM1,700) hingga RM2,000 dan hanya mampu memberi gaji pekerja sebanyak RM1,000 kerana pendapatan kedai tidak menentu, terutamanya disebabkan oleh kurangnya pelanggan walk-in yang membeli di kedai.	**Jabatan Tenaga Kerja Negeri Kedah:** Gaji minimum RM1,700 dikuatkuasakan mulai 1 Februari 2025, tetapi untuk majikan dengan 5 pekerja atau kurang, penguatkuasaan bermula 1 Ogos 2025. Ini mungkin menjelaskan gaji rendah belia (RM1,000) di sektor swasta.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
2.	Keperluan TVET dan bengkel kemahiran	Hanya terdapat 3 pusat pengajian tinggi, iaitu Kolej Komuniti, Kolej MARA dan IKBN. Namun, kursus yang ditawarkan tidak menepati minat belia atau keperluan semasa. Belia lebih berminat dalam perniagaan dan pertanian yang berteknologi baru/moden bagi tujuan membentuk aktiviti ekonomi belia.	**Jabatan Tenaga Kerja Negeri Kedah:** Agensi mengakui kursus di Kolej Komuniti, Kolej MARA, dan IKBN tidak menepati minat belia, yang lebih cenderung kepada kerja bebas seperti ekonomi *gig* (Food Panda, Grab) berbanding pertanian atau pekerjaan tradisional. Tiada penyelesaian khusus dicadangkan untuk menyesuaikan kursus dengan minat belia dalam perniagaan atau pertanian moden.
3.	Kurang minat dalam pendidikan peringkat tinggi	Majoriti belia yang tidak menyambung pengajian adalah disebabkan mereka tidak mahu menanggung hutang PTPTN pada masa akan datang. Belia lebih mementingkan menyara hidup keluarga yang miskin berbanding menyambung pelajaran.	*Tiada maklum balas khusus daripada agensi*
4.	Peluang memiliki rumah yang terhad terutamanya untuk individu bujang	Belia pada masa sekarang kebanyakannya menyewa dan tinggal bersama keluarga kerana tidak layak memohon bantuan rumah zakat mahupun rumah PPR. Syarat bantuan rumah sedia ada lebih mengutamakan individu yang telah berkeluarga. Malah, belia pada masa sekarang lebih memilih untuk tidak berkahwin kerana tahap gaji yang tidak mampu menanggung kos sara hidup keluarga.	*Tiada maklum balas khusus daripada agensi*

Jadual 9. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu Temubual

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
Temubual bersama wakil pekerja ekonomi gig (p-hailing) **Tarikh:** 22 Februari 2025 **Bilangan peserta:** 1 orang			**Agensi yang memberikan maklum balas:** 1. Jabatan Tenaga Kerja Negeri Kedah
1.	Kurang peluang ekonomi bagi belia	Tiada peluang pekerjaan yang meluas menepati minat dan kemahiran belia. Peluang pekerjaan sedia ada hanya tertumpu kepada sektor pertanian yang kurang diminati segelintir belia terutamanya bagi lepasan universiti. Malah, kemasukan warga asing juga semakin banyak dalam sektor pertanian ini. Belia menghadapi kesukaran ekonomi terutama bagi penoreh getah dan peniaga kecil. Penoreh getah tidak mendapat pendapatan tetap kerana hasil kerja bergantung pada cuaca; hujan menyebabkan tiada pendapatan. Sebaliknya, peniaga kecil seperti pembuka kedai menghadapi kesukaran membayar gaji pekerja mengikut had gaji minimum (RM1,700) hingga RM2,000 dan hanya mampu memberi gaji pekerja sebanyak RM1,000 kerana pendapatan kedai tidak menentu, terutamanya disebabkan oleh kurangnya pelanggan walk-in yang membeli di kedai.	**Jabatan Tenaga Kerja Negeri Kedah:** Gaji minimum RM1,700 dikuatkuasakan mulai 1 Februari 2025, tetapi untuk majikan dengan 5 pekerja atau kurang, penguatkuasaan bermula 1 Ogos 2025. Ini mungkin menjelaskan gaji rendah belia (RM1,000) di sektor swasta.

Jadual 10. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 6

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 6: Dialog Bersama Komuniti Pekebun Getah Kg. Labi, Tualak **Tarikh:** 23 Februari 2025 **Bilangan peserta:** 15 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 2 kumpulan			**Agensi yang memberikan maklum balas:** 1. JKM 2. Majlis Daerah Padang Terap 3. FELCRA 4. PPK 5. Jabatan Pertanian
1.	Kesukaran mendapat bantuan kebajikan sosial	Kesukaran mendapat bantuan kerana syarat yang ketat. Zakat, e-kasih atau lain bantuan JKM tidak akan diterima sekiranya pemohon mempunyai anak yang bekerja, ada astro dan sebagainya.	**JKM:** JKM menjelaskan bahawa permohonan bantuan ditolak jika pendapatan melebihi garis panduan (RM1,500 untuk PDK, RM5,000 untuk BPT). Sesetengah peneroka FELDA dan keluarga dengan anak bekerja atau memiliki Astro masih menerima bantuan zakat dan JKM. Agensi menafikan dakwaan penghulu tidak membantu, menyatakan setiap mukim mempunyai penghulu dan ketua kampung dengan nombor telefon yang boleh dihubungi. Untuk permohonan atas talian, penduduk boleh berurusan dengan penuluk amil di masjid atau pejabat zakat secara langsung, terutamanya bagi yang tidak celik IT. JKM mengeluarkan surat penolakan dengan sebab seperti pendapatan anak yang mampu menanggung atau pemohon berpindah ke daerah lain, yang memerlukan permohonan semula di daerah baharu.
		Pemohon juga sukar untuk pergi ke pejabat agensi kerana masalah logistik. Penghulu pula dikatakan tidak membantu dan menyebabkan penduduk perlu menguruskan sendiri.	
		Bantuan yang memerlukan permohonan secara atas talian juga memberi cabaran kepada penduduk kampung untuk mengisi borang tersebut kerana tidak celik IT.	
		Permohonan bantuan tidak mendapat maklum balas atau sebab penolakan bantuan.	

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
2.	Bantuan tidak menepati keperluan bagi pekebun getah	Walaupun RISDA telah memberikan bantuan baja dan benih tetapi pemberian baja yang sewajarnya untuk kegunaan di peringkat mengeluarkan susu getah adalah baja yang tidak sesuai. Dikatakan hanya baja untuk pembesaran anak pokok getah sahaja diberikan.	*Tiada maklum balas khusus daripada agensi*
		Pekebun menganggap bantuan yang diberikan tidak telus. Contohnya, sepatutnya bantuan baja diterima adalah 10kg, tetapi pekebun hanya menerima 2-3kg sahaja.	*Tiada maklum balas khusus daripada agensi*
3.	Tiada sokongan elaun sara hidup bagi pekebun getah	Bagi pekebun getah yang mengusaha sendiri di bawah RISDA, mereka tidak menerima apa-apa bantuan sara hidup sepanjang tempoh penanaman semula. Tempoh penanaman semula mengambil masa dalam lingkungan 6 tahun. Maka, pekebun terpaksa melakukan kerja sampingan yang lain sementara menunggu tempoh matang pokok untuk mengeluarkan susu getah.	*Tiada maklum balas khusus daripada agensi*
		Pekebun memerlukan sejumlah RM13,000 sebagai modal penanaman semula termasuk benih, baja dan racun. Oleh itu, pekebun tidak	

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		cukup pendapatan untuk menampung kelangsungan hidup dalam tempoh 6 tahun tanpa bekerja sampingan.	
4.	Tingkah laku anti-sosial dan peminggiran sosial	Kebanyakan penagih dadah dikatakan mengambil dadah jenis syabu, heroin dan ganja. Penduduk tidak berani untuk mendekati penagih atas faktor keselamatan.	Maklum balas PDRM dan AADK lebih bertumpu di kawasan FELDA Lubok Merbau.
5.	Keperluan penambahbaikan infrastruktur dan fasiliti	Keadaan jalan kebun yang teruk di kawasan masuk ke kebun. Jalan tersebut digunakan oleh ramai pekebun sejauh 30 km. Permohonan untuk menambahbaik jalan telah diajukan kepada RISDA tetapi mempunyai syarat yang memerlukan persetujuan daripada 8 pemilik kebun. Namun, hanya 5 nama pekebun sahaja yang dapat dikumpulkan. Pekebun juga mengambil inisiatif sendiri membuat titi untuk laluan mereka.	*Tiada maklum balas khusus daripada agensi*
		Disebabkan tiada pengurusan sampah di kawasan kampung, maka ada segelintir penduduk membakar sampah.	**Majlis Daerah Padang Terap:** Majlis tidak menyediakan perkhidmatan pengurusan sampah di kawasan tanpa cukai pintu, tetapi mencadangkan penduduk menyewa tong sampah

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			roro melalui syarikat swasta seperti Idaman jika komuniti mempunyai peruntukan.
6.	Masalah pengurusan dalaman FELCRA	Pengurusan proses tanam semula bagi FELCRA dikatakan mengambil masa lebih lama berbanding dengan pekebun yang mengusaha sendiri. Tambahan pula, pekebun juga menghadapi cabaran penerimaan bantuan baja yang lambat.	**FELCRA** Agensi menjelaskan tiada FELCRA di Kg. Labi, hanya FELDA. Tiada maklum balas khusus mengenai kelewatan tanam semula atau bantuan untuk peneroka yang mengusahakan sendiri.
7.	Kualiti input pertanian (baja) yang tidak baik	Baja yang diberikan pada masa kini tidak memberikan kesan yang efektif berbanding dengan kualiti baja sebelum ini. Contohnya, kalau dulu hanya perlu membaja 1 atau 2 kali, tetapi sekarang perlu membaja 3 hingga 4 kali untuk memberikan kesan.	**PPK:** PPK menyatakan racun disubsidi, tetapi keberkesanan bergantung pada disiplin pengusaha. Tiada maklum balas khusus mengenai kualiti benih getah atau keperluan baja yang lebih kerap.
8.	Perubahan iklim mempengaruhi hasil tanaman	Pada 2 tahun lepas, kebanyakan pokok getah diserang penyakit kerana hujan yang terlalu banyak. Pernah juga terjadi kemarau yang panjang selama 4 bulan. Pada musim kemarau atau terlalu panas, ia menyebabkan pucuk anak pokok menjadi kecut dan tidak tumbuh elok.	**Jabatan Pertanian:** Jabatan Pertanian menawarkan khidmat nasihat untuk tanaman kolaborasi seperti jagung, pisang, dan ubi keledek bersama getah untuk mengurangkan kesan perubahan iklim. RISDA melaporkan kejayaan kawalan Penyakit Luruhan Daun Pestalotiopsis dan penyakit akar pada tahun 2025, meningkatkan hasil dan kebasahan getah.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
9.	Kos sara hidup yang semakin tinggi yang membebankan komuniti tempatan termasuk petani	Kebanyakan harga barang naik membebankan komuniti tempatan. Kenaikan harga barang juga mempengaruhi kos modal pertanian.	*Tiada maklum balas khusus daripada agensi*

Jadual 11. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 7

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 7: Dialog Bersama wanita dan ibu tunggal **Tarikh:** 23 Februari 2025 **Bilangan peserta:** 14 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 1 kumpulan			**Agensi yang memberikan maklum balas:** 1. JKM
1.	Kurang maklum balas daripada agensi kerajaan berkaitan bantuan kebajikan sosial	Pemohon bantuan tidak mendapat maklum balas atau sebab penolakan permohonan bantuan.	**JKM:** JKM mengeluarkan surat penolakan dengan sebab seperti pendapatan anak yang mampu menanggung atau pemohon berpindah ke daerah lain, yang memerlukan permohonan semula di daerah baharu.
2.	Kurang pendedahan tentang bantuan sosial yang ada	Kekurangan kesedaran dan akses kepada bantuan untuk ibu tunggal di kawasan kampung. Walaupun terdapat agensi yang menawarkan bantuan, ibu tunggal kurang terdedah kepada maklumat ini, termasuk melalui media sosial, dan tidak tahu cara memanfaatkan peluang seperti program menjana pendapatan. Selain itu, proses permohonan bantuan sering rumit dengan syarat kelulusan yang tidak jelas, melibatkan borang berulang dan birokrasi, menyebabkan ramai ibu tunggal berputus asa untuk memohon kerana kekurangan panduan tentang syarat yang tepat.	*Tiada maklum balas khusus daripada agensi*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
3.	Cabaran bebanan wanita dan kecenderungan gangguan mental mengganggu kesejahteraan sosial	Cabaran ibu tunggal akibat bekas suami yang tidak bertanggungjawab menafkahi anak-anak selepas perceraian, membebankan ibu dengan tanggungjawab kewangan dan emosi untuk menyara anak yang masih bersekolah. Ibu tunggal sering mengorbankan kesihatan fizikal (seperti menangani kanser) dan mental (termasuk kemurungan akibat memendam perasaan demi menjaga air muka suami), demi kebajikan anak. Akibatnya, anak-anak berisiko tercicir, dan generasi muda semakin enggan berkahwin kerana hilang kepercayaan terhadap lelaki berdasarkan pengalaman negatif ini.	**Jabatan Kesihatan:** Agensi mencadangkan rawatan kemurungan dirujuk ke klinik kesihatan atau hospital berdekatan untuk kes psikiatri. Kursus kaunseling pasangan dicadangkan diurus oleh Pejabat Agama atau JKM untuk menangani isu emosi dan keruntuhan institusi keluarga.
4.	Kekurangan doktor pakar untuk penyakit kritikal dan penyakit wanita	Penduduk kebanyakannya menghadapi masalah kesihatan seperti kencing manis, jantung. Untuk rawatan kencing manis dan jantung, penduduk dirujuk ke Hospital Sultanah Bahiyah Alor Setar kerana tiada doktor pakar di Padang Terap. Di Padang Terap hanya terdapat klinik panel pakar yang hanya memberikan perkhidmatan sangat terhad dalam tempoh tertentu sahaja.	**Jabatan Kesihatan:** KKM mengakui tiada pakar jantung di Padang Terap; rawatan kencing manis dan jantung dirujuk ke Hospital Sultanah Bahiyah (Alor Setar) atau Hospital Sungai Petani. Dua pakar kesihatan keluarga di klinik kesihatan Padang Terap menangani kes kronik, dan kes kanser payudara dirujuk ke Pulau Pinang kerana tiada pusat kanser di zon utara setakat ini.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Terdapat juga wanita yang menghidapi kanser payudara yang memerlukan rawatan khas di Pulau Pinang setiap bulan.	
5.	Kurang peluang ekonomi bagi belia wanita	Belia wanita juga menghadapi cabaran dalam mencari pekerjaan kerana peluang yang sangat terhad bagi wanita.	*Tiada maklum balas khusus daripada agensi*
6.	Keperluan khas untuk anak autisme	Terdapat kanak-kanak OKU yang telah didiagnosis seawal 4-6 tahun yang memerlukan pendekatan khas dalam pendidikan dan asuhan. Namun begitu, PASTI masih menerima kanak-kanak yang disaring sebagai autisme atas belas ihsan.	**Jabatan Kesihatan:** Agensi menyatakan kanak-kanak autisme yang didiagnosis harus dimasukkan ke sekolah pendidikan khas atau pusat asuhan pendidikan khas, dan tanggungjawab ini terletak pada ibu bapa.
7.	Sokongan yang diperlukan ibu bapa dalam menyokong usaha persekolahan anak-anak	Ibu tidak dapat membantu mengajar anak kerana silibus yang beraras tinggi (KBAT). Namun, untuk menghantar anak tuisyen, keluarga kurang berkemampuan kerana melibatkan kos. Jumlah buku yang banyak untuk anak bawa ke sekolah. Seorang ibu menimbang beg anak yang bersekolah di SRITI, dan beg anaknya seberat 14kg untuk dipikul.	*Tiada maklum balas khusus daripada agensi*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
8.	Penamatan awal proses pendidikan dalam kalangan pelajar sekolah menengah	Terdapat pelajar yang mengambil keputusan untuk tidak sambung belajar terutamanya yang berada di peringkat sekolah menengah kerana kurang minat untuk belajar disebabkan silibus pelajaran yang susah. Hal ini merisaukan para ibu yang mengharapkan anak mereka habis belajar sehingga Tingkatan 5.	*Tiada maklum balas khusus daripada agensi*

Jadual 12. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 8

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 8: Dialog Bersama Komuniti Kg. Padang Chenerai (Kedah Rubber City) **Tarikh:** 23 Februari 2025 **Bilangan peserta:** 22 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 2 kumpulan			**Agensi yang memberikan maklum balas:** 1. Jabatan Imigresen
1.	Risiko kebanjiran warga asing dan orang luar	Penduduk risau mengenai risiko kebanjiran warga asing yang akan semakin bertambah pada masa akan datang. Terdapat kemungkinan berlaku persaingan antara penduduk tempatan dan warga asing dalam sektor pekerjaan. Maka beberapa cadangan diutarakan seperti: • Peluang pekerjaan untuk penduduk tempatan diutamakan • Komuniti mencadangkan agar Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melaksanakan semakan permit perniagaan yang lebih rapi di premis makanan yang dikendalikan oleh warga asing seperti Pattani. Semakan ini juga perlu memastikan pematuhan pengendali makanan asing terhadap syarat wajib vaksinasi yang ditetapkan oleh KKM, bagi menjamin tahap kebersihan dan keselamatan makanan awam.	**Jabatan Imigresen:** Agensi menjelaskan kemasukan warga asing berdasarkan kelulusan kontrak untuk sektor tertentu seperti ladang kelapa sawit. Warga asing sanggup melakukan kerja sukar (contoh: menuai kelapa sawit) dengan pendapatan tinggi (RM7,000–RM8,000 sebulan), manakala penduduk tempatan cenderung memilih kerja ringan dengan gaji lebih rendah (RM2,000–RM3,000). Persaingan ini bukan semata-mata ekonomi tetapi dipengaruhi oleh sikap sosial penduduk tempatan.
2.	Kebimbangan risiko pembangunan *Kedah Rubber City* terhadap kemaslahatan	Penduduk risau akan berlaku pencemaran seperti pencemaran bau dan air daripada pemprosesan getah di kilang-kilang. Lokasi *Kedah Rubber City* yang bertentangan dengan Kg Padang Chenerai	**Pejabat Daerah dan Tanah Padang Terap:** Agensi menyokong KRC dari segi pertumbuhan ekonomi, tetapi mengakui cabaran infrastruktur seperti jalan dua lorong dari Alor Setar ke Pokok

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	penduduk di sekitar kawasan KRC	akan memberikan kesan negatif secara langsung walaupun dalam jangka masa pendek.	Sena yang tidak mencukupi untuk trafik kilang. Tiada maklum balas khusus mengenai pencemaran atau kapasiti air.
		Penduduk juga risau keselamatan jalan raya dan trafik akan datang di sekitar KRC yang melibatkan lori-lori besar. Terdapat 3 sekolah berdekatan dengan jalan utama. Mereka mencadangkan untuk memperbesarkan jalan semasa dan menetapkan jadual lalu lintas kenderaan berat.	*Tiada maklum balas khusus daripada agensi*
		Penduduk risau terhadap kapasiti air yang dapat ditampung sekiranya KRC telah aktif dijalankan. Antara persoalan utama mereka, adakah air untuk penduduk tempatan dan aktiviti pertanian masih mencukupi?	*Tiada maklum balas khusus daripada agensi*
3.	Tingkah laku anti-sosial dan peminggiran sosial	Penyalahgunaan dadah sintetik ("batu" atau "ais") di Parlimen Padang Terap membimbangkan, dengan pengguna kelihatan sihat tetapi berperilaku aneh. Kehadirannya diakui Jabatan Narkotik, berkait rapat dengan penyeludupan sempadan Thailand, memerlukan tindakan ketat dan kesedaran komuniti.	Maklum balas PDRM dan AADK lebih bertumpu di kawasan FELDA.
4.	Proses permohonan geran tanah yang terlalu lama	Penduduk Kg Padang Chenerai yang memohon geran tanah telah melalui proses yang sangat lama (30 tahun) tanpa maklum balas daripada Pejabat Daerah dan Tanah.	*Tiada maklum balas khusus daripada agensi*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
5.	Masalah penyelenggaraan Sungai Sari	Keadaan Sungai Sari yang penuh semak samun dan tidak diselenggara menyebabkan banjir kilat. Namun, pihak berkuasa (JPS) tidak boleh menjalankan penyelenggaraan tersebut kerana kawasan berkaitan yang di sekitar tanah rizab sungai adalah di bawah milik individu dan perlu menjalankan proses pengambilan tanah.	**JPS:** JPS menjalankan penyelenggaraan berkala di rizab sungai, tetapi tidak dapat melaksanakan kerja di kawasan milik individu kerana kekangan undang-undang, memerlukan proses pengambilan tanah untuk Sungai Sari.
6.	Pertembungan hidupan liar dengan aktiviti ekonomi tempatan	Gangguan monyet di kampung ini membimbangkan penduduk, terutama di kawasan dusun. Monyet merosakkan tanaman, sukar dikawal berbanding babi kerana mampu melompat pagar berarus, memerlukan penyelesaian efektif untuk melindungi hasil pertanian.	*Tiada maklum balas khusus daripada agensi*
7.	Ancaman keselamatan negara	Padang Terap yang terletak bersempadan dengan Thailand juga mempunyai pintu masuk antarabangsa di Durian Burung. Selain itu, jalan tikus juga wujud di kebun-kebun getah. Terdapat kes ketirisan di pintu sempadan menyebabkan 'barang' mudah diseludup.	*Tiada maklum balas khusus daripada agensi*

4.2 Pengutamaan Isu

4.2.1 Pengutamaan Isu 1: Potensi pembangunan pelancongan Tasik Pedu

Tasik Pedu, sebagai tasik buatan berusia lebih 30 tahun, memiliki potensi tinggi untuk dikembangkan sebagai destinasi pelancongan bertaraf antarabangsa kerana menawarkan pelbagai tarikan alam semula jadi yang unik. Keindahan tasik ini boleh dimanfaatkan untuk aktiviti seperti bot wisata, memancing, dan ekopelancongan, yang dapat menarik pelancong dari dalam dan luar negara. Selain itu, hasil madu tualang di kawasan ini diiktiraf sebagai yang terbaik di Asia, membuka peluang untuk pembangunan produk pelancongan berasaskan madu, seperti lawatan ladang madu dan jualan produk organik, yang boleh meningkatkan pendapatan komuniti setempat.

Walaupun begitu, potensi ini belum dimaksimumkan disebabkan kurangnya promosi dan penggiat pelancongan, serta isu infrastruktur seperti chalet yang rosak akibat banjir dan memerlukan kos penambahbaikan tinggi. Dengan pelaburan dalam promosi digital, pembinaan kemudahan moden seperti chalet baharu dan pusat pelancong, Tasik Pedu boleh menjadi hab pelancongan lestari yang menyumbang kepada ekonomi Parlimen Padang Terap, sambil mengatasi konflik dengan aktiviti perikanan melalui penetapan zon yang jelas.

- **Kekurangan promosi pelancongan**
  Berdasarkan amatan daripada lawatan tapak, Tasik Pedu memiliki potensi besar sebagai destinasi pelancongan bertaraf antarabangsa dengan keindahan alam semula jadi yang memukau, dikelilingi hutan hujan tropika purba dan pemandangan bukit hijau yang tenang, serta hasil madu tualang yang diiktiraf sebagai terbaik di Asia kerana kandungan nutrien dan enzimnya yang unggul berbanding madu lain di rantau ini.[4] Namun, kekurangan promosi pelancongan, terutamanya melalui saluran digital seperti laman web pelancongan negeri, media sosial, atau kerjasama dengan agensi pelancongan, menyebabkan tasik ini kurang dikenali walaupun kerajaan Kedah telah memperuntukkan dana untuk memulihkan potensinya. [5] Ini menghadkan potensi ekonomi dan peluang pekerjaan bagi komuniti setempat.

- **Kurang penggiat pelancongan di Tasik Pedu**
  Kekurangan penggiat pelancongan, seperti pemandu pelancong terlatih atau usahawan tempatan, menghalang pembangunan aktiviti pelancongan seperti bot

[4] "Tasik Pedu," mStar, February 4, 2020, https://www.mstar.com.my/travel/destinasi/2020/02/04/tasik-pedu.
[5] "Popularkan Kembali Tasik Pedu Sebagai Destinasi Pelancongan," Sinar Harian, November 28, 2023, https://www.sinarharian.com.my/article/636792/edisi/utara/popularkan-kembali-tasik-pedu-sebagai-destinasi-pelancongan.

wisata, lawatan ladang madu, atau pakej ekopelancongan. Isu ini turut menyukarkan pembangunan infrastruktur seperti chalet moden, yang sebelum ini rosak akibat banjir, kerana tiada tenaga kerja mahir atau inisiatif tempatan yang mencukupi. Penetapan zon yang jelas antara aktiviti pelancongan dan perikanan juga diperlukan untuk mengelakkan konflik, tetapi kekurangan penggiat pelancongan menyukarkan pelaksanaan inisiatif ini.

Berdasarkan lawatan tapak kumpulan penyelidik ke Tasik Pedu, dimaklumkan hanya satu sahaja pengusaha rumah bot yang aktif di Tasik Pedu ini. Daripada amatan tapak juga tiada infrastruktur sokongan yang disediakan bagi menggalakkan aktiviti pelancongan dijalankan. Malah, berdasarkan FGD bersama nelayan darat Tasik Pedu pula, terdapat konflik antara nelayan dan pelancong luar yang datang ke Tasik Pedu apabila hasil tangkapan ikan nelayan terganggu kerana kerosakan pukat yang dilanggar oleh pelancong.

Jadual 13. Ringkasan Isu 1

Permasalahan berkaitan dengan Isu	1. Kekurangan promosi pelancongan 2. Kurang penggiat pelancongan di Tasik Pedu
Cadangan Penyelesaian	1. Membuat pakej pelancongan Tasik Pedu lebih berpusat 2. Membuka peluang pekerjaan kepada penduduk sekitar untuk menjalankan aktiviti pelancongan 3. Meningkatkan ekonomi pelancongan bagi Padang Terap terutamanya di Tasik Pedu
Kumpulan Sasaran	● Penduduk sekitar Tasik Pedu ● Pelancong
Kawasan	Tasik Pedu
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	**Sasaran SDG Berkaitan**
SDG 1: Tiada kemiskinan	**Sasaran 1.2:** Menjelang 2030, mengurangkan sekurang-kurangnya separuh daripada jumlah lelaki, wanita dan kanak-kanak pada semua peringkat umur yang hidup dalam kemiskinan dalam semua dimensi menurut takrifan kebangsaan.
SDG 8: Pekerjaan yang baik dan pertumbuhan ekonomi	**Sasaran 8.3:** Menggalakkan dasar berorientasikan pembangunan yang menyokong aktiviti produktif, pewujudan pekerjaan yang baik, keusahawanan, kreativiti dan inovasi, serta menggalakkan pemformalan dan pertumbuhan perusahaan mikro,

	kecil dan sederhana, termasuk melalui akses kepada perkhidmatan kewangan. **Sasaran 8.5**: Menjelang 2030, mencapai guna tenaga penuh dan produktif serta pekerjaan yang baik untuk semua golongan wanita dan lelaki, termasuk belia dan orang kurang upaya, serta bayaran sama rata untuk kerja dengan nilai yang sama. **Sasaran 8.9**: Menjelang 2030, menggubal dan melaksanakan dasar untuk menggalakkan pelancongan mampan yang mewujudkan peluang pekerjaan serta mengetengahkan budaya dan produk tempatan.

4.2.2 Pengutamaan Isu 2: Tahap pendidikan yang rendah dalam kalangan belia

Tahap pendidikan yang rendah dalam kalangan belia di Parlimen Padang Terap menjadi isu utama yang dibangkitkan dalam FGD bersama anak muda, seperti yang dinyatakan dalam laporan asal, dengan kurang minat terhadap pendidikan peringkat tinggi disebabkan oleh faktor seperti hutang PTPTN yang tidak mahu ditanggung dan keperluan menyara keluarga miskin. Dari ulasan agensi melalui sesi libat urus, hanya terdapat tiga pusat pengajian tinggi iaitu Kolej Komuniti, Kolej MARA, dan IKBN, di mana kursus yang ditawarkan tidak menepati minat belia yang lebih cenderung kepada perniagaan atau pertanian moden dengan teknologi baharu. Agensi mengakui bahawa belia lebih suka kerja bebas seperti ekonomi *gig* (seperti Food Panda atau Grab) kerana tidak mahu terikat dengan jadual kerja tetap, walaupun gaji lebih rendah. Isu ini juga bangkit kerana kekurangan akses kepada kemahiran teknikal seperti TVET.

Cabaran sosioekonomi seperti kos sara hidup tinggi dan peluang ekonomi terhad, seperti yang dilaporkan dalam FGD, menyebabkan ramai belia terperangkap dalam pekerjaan berpendapatan rendah seperti pekerja gig dengan pendapatan tidak menentu. Dalam rumusan maklum balas agensi, tiada penyelesaian khusus dicadangkan untuk menyesuaikan kursus TVET dengan minat belia, walaupun diakui bahawa IPT setempat tidak membekalkan kos yang sesuai dengan keperluan semasa, seterusnya mengurangkan motivasi belia untuk mengejar pendidikan tinggi dan memperburukkan kitaran kemiskinan di kawasan tersebut.

- **Kurang minat dalam pendidikan**
  Belia di Padang Terap kurang minat terhadap pendidikan peringkat tinggi kerana khuatir akan hutang PTPTN dan keperluan menyara keluarga miskin, malah ada memilih pekerjaan segera seperti ekonomi gig. Agensi turut menyokong bahawa hanya tiga pusat pengajian tinggi (Kolej Komuniti, Kolej MARA, IKBN) tersedia, tetapi kursus yang ditawarkan tidak menepati minat belia, yang lebih cenderung kepada perniagaan atau pertanian moden berteknologi. Selain itu, belia juga menunjukkan kekurangan motivasi untuk pendidikan tinggi akibat ketidaksesuaian kursus dengan minat. Kekurangan program kesedaran dan akses kepada pendidikan berkualiti turut menyumbang kepada sikap ini.

- **Kurang peluang ekonomi bagi belia**
  Ramai belia bergantung pada pekerjaan berpendapatan rendah seperti p-hailing, yang menghadapi pendapatan tidak menentu, terutama semasa musim hujan dan Ramadan. Bagi pekerja gig di Kuala Nerang sering di bawah RM1,000 akibat permintaan rendah, dan pekerja ini tidak dilindungi Akta Kerja 1995 kerana status bebas. Manakala bagi belia yang bekerja swasta juga masih tidak mendapat gaji minimum RM1,700 yang ditetapkan oleh kerajaan. Tambahan pula, gaji minimum ini dikuatkuasakan mulai Februari 2025, tetapi majikan kecil hanya perlu mematuhi pada Ogos 2025, menyebabkan pendapatan belia kekal rendah. Agensi juga menyatakan bahawa sambutan masih di tahap yang rendah terhadap inisiatif ekonomi belia di Padang Terap, akibat kekurangan kemahiran digitalisasi dan pengurusan projek yang cekap dan berkesan.

Jadual 14. Ringkasan Isu 2

Permasalahan berkaitan dengan Isu	1. Kurang minat dalam pendidikan 2. Kurang peluang ekonomi bagi belia
Cadangan Penyelesaian	1. Memberikan pendidikan tambahan melalui tuisyen percuma kepada pelajar peringkat menengah dalam menggalakkan kepentingan pendidikan 2. Mengadakan program tarik minat belia untuk sambung belajar di IPT, TVET dan kemahiran lain.
Kumpulan Sasaran	● Belia ● Pelajar sekolah peringkat menengah
Kawasan	Parlimen Padang Terap
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	**Sasaran SDG Berkaitan**

SDG 4: Pendidikan berkualiti	Sasaran 4.1: Menjelang 2030, memastikan semua kanak-kanak perempuan dan lelaki mendapat pendidikan rendah dan menengah yang percuma, saksama dan berkualiti, yang akan membuahkan hasil pembelajaran yang relevan dan berkesan. Sasaran 4.3: Menjelang 2030, memastikan akses sama rata bagi semua golongan lelaki dan wanita kepada pendidikan teknikal, vokasional dan pengajian tinggi, termasuk universiti, yang berkualiti dan mampu biaya. Sasaran 4.4: Menjelang 2030, meningkatkan sebilangan besar golongan belia dan dewasa yang memiliki kemahiran yang relevan, termasuk kemahiran teknikal dan vokasional, untuk penggajian, pekerjaan yang baik dan keusahawanan. Sasaran 4.7: Menjelang 2030, memastikan semua pelajar memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk menggalakkan pembangunan mampan, termasuk antara lain, melalui pendidikan untuk pembangunan mampan dan gaya hidup mampan, hak asasi manusia, kesaksamaan gender, menggalakkan budaya selamat dan bebas keganasan, kewarganegaraan global dan menghargai kepelbagaian budaya serta sumbangan budaya kepada pembangunan mampan.
SDG 8: Pekerjaan yang baik dan pertumbuhan ekonomi	**Sasaran 8.6:** Menjelang 2020, mengurangkan jumlah belia menganggur, tiada pendidikan atau tiada latihan.

4.2.3 Pengutamaan Isu 3: Kekurangan kemahiran pemasaran dalam kalangan usahawan wanita dan ibu tunggal

Kekurangan kemahiran pemasaran dalam kalangan usahawan wanita dan ibu tunggal di Parlimen Padang Terap menjadi isu ketara seperti yang dibangkitkan dalam FGD bersama komuniti wanita dan ibu tunggal, di mana kurang pendedahan tentang bantuan modal dan bengkel kemahiran daripada agensi kerajaan menghalang wanita ini daripada memperkukuhkan perniagaan mereka. Agensi kerajaan juga mengesahkan bahawa kurang maklum balas agensi menyebabkan wanita usahawan tidak mendapat latihan kemahiran yang relevan, termasuk pemasaran, yang penting untuk mempromosikan produk tempatan dan meningkatkan pendapatan.

Cabaran sosioekonomi seperti kos sara hidup tinggi dan tanggungjawab domestik yang berat, menyebabkan ibu tunggal kurang peluang untuk mengikuti bengkel kemahiran pemasaran. Dalam rumusan maklum balas agensi, tiada penyelesaian khusus

dicadangkan untuk meningkatkan pendedahan ini, meninggalkan wanita usahawan di kawasan luar bandar seperti Padang Terap tanpa kemahiran digital atau strategi pemasaran moden, yang boleh menghadkan pertumbuhan ekonomi mereka.

- **Kekangan Kemahiran Pemasaran dan Literasi Digital**
  Kekurangan kemahiran terperinci dalam pemasaran digital menjadi penghalang utama kepada pertumbuhan perniagaan. Kebanyakan usahawan wanita dan ibu tunggal di kawasan ini mungkin hanya memiliki kemahiran asas menggunakan media sosial untuk memuat naik gambar produk, namun mereka tidak menguasai teknik pemasaran yang canggih dan kritikal untuk menembusi pasaran yang lebih luas. Akibatnya, produk mereka kekal dalam 'gelembung' pasaran tempatan dan gagal menarik perhatian pembeli dari bandar atau luar negeri yang membeli-belah secara dalam talian.

  Akses terhad kepada program latihan pemasaran juga menjadi isu kerana golongan wanita di Parlimen Padang Terap dimaklumkan tidak mendapat maklumat mengenai bengkel kemahiran disediakan. Oleh itu, wanita di Parlimen Padang Terap masih bergantung kepada kaedah jualan tradisional dan ketidaksediaan untuk menerima transformasi digital secara menyeluruh menyebabkan potensi perniagaan mereka untuk diperluaskan kekal terhad.

- **Kurang peluang ekonomi bagi belia wanita**
  Padang Terap, yang sebahagian besarnya merupakan kawasan luar bandar dan pertanian, menawarkan peluang pekerjaan yang terhad, terutamanya bagi belia wanita. Kebanyakan peluang yang ada berpusat di sekitar sektor pertanian, perkhidmatan sokongan am, dan perniagaan mikro kecil (PKS) yang bersifat tradisional dan berskala kecil. Ini bermakna belia wanita yang memiliki kelayakan akademik yang lebih tinggi selalunya tidak dapat mencari pekerjaan yang sepadan dengan kelayakan atau aspirasi mereka di kawasan tempatan. Pilihan kerjaya sering terhad kepada pembantu kedai, pengendali produk PKS (makanan/kraf), atau pekerjaan di institusi awam terdekat, yang secara umumnya menawarkan gaji yang rendah dan prospek kemajuan yang minimum.

Jadual 15. Ringkasan Isu 3

Permasalahan berkaitan dengan Isu	1. Kekangan kemahiran pemasaran dan literasi digital 2. Kurang peluang ekonomi bagi belia wanita
Cadangan Penyelesaian	1. Menganjurkan kursus dan latihan kemahiran untuk ibu tunggal menjana pendapatan sendiri. 2. Mengadakan bengkel / program kemahiran pemasaran digital
Kumpulan Sasaran	• Wanita • Usahawanita • Ibu tunggal
Kawasan	Parlimen Padang Terap
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	**Sasaran SDG Berkaitan**
SDG 1: Tiada kemiskinan	Sasaran 1.1: Menjelang 2030, membasmi kemiskinan tegar semua manusia di seluruh dunia, yang kini diukur dengan kos sara hidup kurang daripada $1.25 sehari Sasaran 1.3: Melaksanakan sistem dan langkah perlindungan sosial yang sesuai di seluruh negara, termasuk peringkat perlindungan, serta mencapai perlindungan yang mencukupi bagi golongan miskin dan berisiko menjelang 2030 Sasaran 1.4: Menjelang 2030, memastikan semua lelaki dan wanita, terutamanya golongan miskin dan berisiko, mempunyai hak yang sama rata terhadap sumber ekonomi, dan juga akses kepada perkhidmatan asas, pemilikan dan kawalan terhadap tanah dan bentuk harta lain, pewarisan, sumber asli, teknologi baharu yang sesuai dan perkhidmatan kewangan, termasuk kewangan mikro. Sasaran 1a: Memastikan penjanaan sumber penting daripada pelbagai sumber, termasuk melalui pengukuhan kerjasama pembangunan, bagi menyediakan kaedah yang mencukupi dan boleh diramal bagi negara membangun, khususnya bagi negara kurang membangun, untuk melaksanakan program dan dasar bagi menamatkan semua dimensi kemiskinan.

SDG 5: Kesaksamaan jantina	**Sasaran 5b:** Meningkatkan penggunaan teknologi yang diperlukan, khususnya teknologi maklumat dan komunikasi, untuk menggalakkan pemerkasaan wanita.
SDG 8: Pekerjaan yang baik dan pertumbuhan ekonomi	**Sasaran 8.3:** Menggalakkan dasar berorientasikan pembangunan yang menyokong aktiviti produktif, penciptaan pekerjaan yang sesuai, keusahawanan, kreativiti dan inovasi, serta menggalakkan pemformalan dan pertumbuhan perusahaan bersaiz mikro, kecil dan sederhana, termasuk menerusi akses kepada perkhidmatan kewangan

5.0 PENGENALPASTIAN AWAL PROJEK PENYELESAIAN

Jadual 16. Pengenalpastian Projek Penyelesaian

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3
Tajuk Projek	Projek Eco Pelancongan Tasik Pedu, Kedah	Projek Pembangunan Ekonomi dan Keusahawanan Wanita Padang Terap	Program Tuisyen Rakyat 2025: Membantu Pelajar SPM di Padang Terap
SDG Berkaitan	SDG 1, 15	SDG 1, 4, 5, 8	SDG 1, 4, 10
Objektif	● Membangunkan kapasiti komuniti dalam mengurus aktiviti eko-pelancongan, termasuk latihan kemahiran pemanduan pelancong, aktiviti lasak (explorasi alam, bot pelancong, memancing, kayak, perkhemahan), serta pemasaran dalam talian. ● Mewujudkan sumber pendapatan baharu berasaskan eko-pelancongan sambil memelihara alam sekitar.	● Meningkatkan pendapatan golongan wanita B40 melalui pendedahan ilmu perniagaan, pengurusan, kewangan, perakaunan, pemasaran, dan cara memohon bantuan dana daripada agensi kerajaan. ● Memberi latihan praktikal untuk membina keyakinan dan kemahiran usahawan wanita seperti suri rumah, ibu tunggal, dan beliawanis.	Memberi tuisyen percuma atau subsidi kepada pelajar SPM dari keluarga pendapatan rendah untuk meningkatkan prestasi akademik dan peluang masa depan, memfokuskan pendidikan sebagai alat mengurangkan kemiskinan.
Hasil Jangkaan	Melahirkan sekurang-kurangnya 20 usahawan kecil pelancongan komuniti, 4 pakej pelancongan komuniti berasaskan sumber Tasik	Peserta mendapat ilmu mengurus perniagaan secara sistematik; maklumat tentang bantuan modal; teknik pemasaran digital dan offline;	50 pelajar SPM mendapat akses tuisyen berkualiti, peningkatan prestasi peperiksaan, kemahiran belajar yang lebih baik, dan

	Pedu, dan 1 platform pemasaran dalam talian untuk jualan pakej serta produk komuniti.	peningkatan pendapatan isi rumah; menghasilkan profil syarikat, Business Model Canvas, dan kertas kerja permohonan geran/pinjaman.	pengurangan jurang pendidikan di kawasan luar bandar.
Organisasi	Pertubuhan Muda Sukarelawan Ashabul Alkahfi	Pertubuhan Saidatina Khadijah Padang Terap	SMITI Nurul Hidayah
Aktiviti	• Bengkel Latihan Pengenalan Eko-Pelancongan; • Lawatan Kajian Tempatan & Penyusunan Tapak; • Bengkel Pemandu Pelancong Komuniti; • Bengkel Produk & Kraf Tempatan; • Bengkel Penjagaan Alam Sekitar dan Etika Pelancongan Bertanggungjawab; • Latihan Asas Pemanduan Bot Pelancong, Memancing, dan Kayak; • Pembangunan Tapak Kem Rekreasi & • Penandaan Zon Aktiviti; • Pembentukan Jawatankuasa Pelaksana Projek;	Program Personaliti Diri Kenali Perniagaan & Bengkel Minda Usahawan; Bengkel Profil Syarikat & Bengkel Bersama SSM; Bengkel Business Model Canvas & Pitching BMC; Bengkel Perakaunan Perniagaan; Bengkel Pemasaran Teori & Digital; Bengkel Shopee, Facebook, Business Whatsapp & Website; Bengkel Sistem Perniagaan, Filing, Dokumentasi, HRM, KWSP & PERKESO; Bengkel Leadership Keusahawan, Kewangan, Modal Perniagaan & Bengkel Bersama Agrobank dan MARA; Bengkel Bersama RISDA, KEDA, Pertubuhan Peladang & Bengkel Sambungan Kertas Kerja; Bengkel Bersama Kolej Komuniti dan EmpowerEncer Padang Terap & Bengkel Foto, Media, Canva;	Kelas tuisyen berkumpulan untuk subjek utama SPM (seperti Matematik, Sains, Bahasa), sesi motivasi, bengkel kemahiran belajar, dan pemantauan kemajuan pelajar (berdasarkan struktur program tuisyen standard dalam dokumen sejenis).

	• Bengkel Pengurusan Risiko & Keselamatan Aktiviti Outdoor; Pendedahan Pemasaran Digital dan Penyediaan Platform Online; • Penghasilan 4 Pakej Eko-Pelancongan Komuniti; • Kolaborasi Promosi bersama Tourism Kedah & Tahun Melawat Kedah; • Program Soft Launch & Simulasi Aktiviti; • Pelaporan & Penilaian Pelaksanaan Projek.	Bengkel Peruntukan Keusahawanan daripada JKM, Zakat, LHDN & Bengkel Sambungan Kertas Kerja; Program Bersama CEO/Pemilik Perniagaan Berjaya, Pameran Produk, Penilaian Kertas Kerja & Penutupan Fasa Satu dengan Penyerahan Sijil.	
Jumlah (RM)	40,000	40,000	40,000
Lokasi	Tasik Pedu, Daerah Padang Terap, Kedah	Seluruh Daerah Padang Terap, Kedah (termasuk Kuala Nerang, Naka)	Daerah Padang Terap
Tempoh	Ogos 2025 - Oktober 2025	3 bulan (Mei 2025 - Ogos 2025)	Mei 2025 - September 2025

6.0 RUJUKAN

Jabatan Perangkaan Malaysia. *Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020: Kawasanku Dashboard, Parlimen P.007 Padang Terap*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020. https://open.dosm.gov.my.

"Popularkan Kembali Tasik Pedu Sebagai Destinasi Pelancongan." *Sinar Harian*, November 28, 2023. https://www.sinarharian.com.my/article/636792/edisi/utara/popularkan-kembali-tasik-pedu-sebagai-destinasi-pelancongan.

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. *Keputusan Pilihan Raya Parlimen Padang Terap*. Putrajaya: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, 2023. https://spr.gov.my.

"Tasik Pedu." *mStar*, February 4, 2020. https://www.mstar.com.my/travel/destinasi/2020/02/04/tasik-pedu.

Portal Rasmi Parlimen Malaysia. *Profil Ahli Dewan Rakyat: YB Tuan Nurul Amin bin Hamid*. Kuala Lumpur: Parlimen Malaysia, 2025. https://www.parlimen.gov.my/profile-ahli.html?uweb=dr&id=4046.

Laporan Pemetaan Isu Parlimen
P.010 Kuala Kedah

Disediakan oleh:
Dr. Thanaraj Murudi

P.010 KUALA KEDAH

BAHAGIAN A

LAPORAN LAWATAN PEMETAAN ISU 75 – 83

BAHAGIAN B

1.0 PENGENALAN 87 – 93
1.1 Geografi/Topografi 87
1.2 Komposisi Penduduk 88
1.3 Kegiatan Ekonomi Utama 89
1.4 Hubungan Kerangka Konseptual SDG dan Konteks Tempatan 90

2.0 METODOLOGI PENYELIDIKAN 94 – 97
2.1 Pendekatan Kajian 94
2.2 Langkah Etika Semasa Kajian Lapangan 96
2.3 Kekangan Lawatan Kajian Lapangan 96
2.4 Keterbatasan Kajian 97

3.0 RANGKUMAN ISU RENTAS SDG 98 – 107

4.0 GAMBARAN KESELURUHAN PEMETAAN ISU 108 – 176
4.1 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu 108
4.2 Pengutamaan Isu 172

5.0 PENGENALPASTIAN AWAL PROJEK PENYELESAIAN 177

6.0 RUJUKAN 178

BAHAGIAN A

Laporan Lawatan Pemetaan Isu

P.010 Kuala Kedah

KUALA KEDAH

Lawatan Pemetaan Kawasan
10 - 12 Januari 2025

DENGAN SOKONGAN DARIPADA

AHLI PARLIMEN KUALA KEDAH, YB DR. AHMAD FAKHRUDDIN BIN FAKHRURAZI



TEMPAT-TEMPAT YANG TELAH DILAWATI

10 Jan - 12 Jan 2025
(Jumaat - Ahad)

HARI 1

1. FGD 1 bersama Komuniti Kampung Alor Ganu, Kg. Alor Madi dan Kg. Kubang Teduh
2. FGD 2 bersama Komuniti Kampung Kuar Jawa

HARI 2

3. FGD 3 bersama Komuniti Kampung Kuala Kuar
4. FGD 4 bersama Komuniti Kg. Telok Talipon
5. FGD 5 bersama Komuniti Nelayan Pantai

HARI 3

6. FGD 6 bersama Komuniti Kampung Kebun Pinang
7. FGD 7 bersama Komuniti Kampung Kuala Sala
8. FGD 8 bersama Komuniti Kampung Banggol Wan Awang & Kampung Wan Ismail

PASUKAN PENYELIDIK



DR. THANARAJ MURUDI
(Ketua Penyelidik)



NUR FARAH EZZATY ABD AZIZ



NUR SABRINA ZAFRI



ZARIZ FIRDAUS

LAWATAN PEMETAAN KAWASAN TELAH DIJALANKAN PADA 10-12 JAN 2025 (JUMAAT - AHAD)

01



11 November 2024
Mesyuarat Awalan

02



23 Disember 2024
Mesyuarat Pemprofilan

03



23 Disember 2024
Mesyuarat Pra-lawatan

04



10 Januari 2025
FGD1: Komuniti Kampung Alor Ganu, Kg. Alor Madi dan Kg. Kubang Teduh

05



10 Januari 2025
FGD 2: Komuniti Kampung Kuar Jawa

06



11 Januari 2025
FGD 3: Komuniti Kampung Kuala Kuar

07



11 Januari 2025
FGD 4: Komuniti Kg. Telok Talipon

08



11 Januari 2025
FGD 5: Komuniti Nelayan Pantai

09



12 Januari 2025
FGD 6: Komuniti Kampung Kebun Pinang

10



12 Januari 2025
FGD 7: Komuniti Kampung Kuala Sala

11



12 Januari 2025
FGD 8: Komuniti Kampung Banggol Wan Awang & Kampung Wan Ismail



11 NOVEMBER 2024 - MESYUARAT AWALAN

Nur Rahmah dan Dr. Thanaraj, telah mengadakan sesi perbincangan bersama YB Dr. Ahmad Fakhruddin Fakhrurazi, Ahli Parlimen Kuala Kedah, bagi membincangkan pemetaan SDG di Kuala Kedah. YB Dr. Ahmad Fakhruddin telah bersetuju untuk melaksanakan pemetaan SDG di Kuala Kedah pada 10-12 Januari 2025.

Sebagai langkah seterusnya, YB turut bersetuju untuk memaklumkan Pegawai Daerah (DO) bagi memastikan kerjasama yang lancar semasa proses pemetaan.

23 DISEMBER 2024 - MESYUARAT PEMPROFILAN

Mesyuarat pemprofilan bersama pegawai YB Kuala Kedah telah diadakan bagi membincangkan pelaksanaan aktiviti di kawasan tersebut. Dalam perbincangan ini, tarikh bagi Dialog Antara Agensi (IAD) dijadualkan pada 14 Januari atau 22 Januari. Mesyuarat ini bertujuan memastikan persediaan rapi untuk aktiviti yang dirancang, termasuk sesi perbincangan dan pemetaan isu komuniti.





23 DISEMBER 2024 - MESYUARAT PRA-LAWATAN

Sesi pra-lawatan bagi Parlimen Kuala Kedah telah diadakan melalui perjumpaan bersama Pegawai Daerah Kota Setar, Dato' Haji Hakim Ariff Md Noor, DSDK., SDK., AMK., BCK., serta Tn. Nurul Zaki Mohd Zainol (Penolong Pegawai Daerah Bahagian Pembangunan). Kunjungan ini bertujuan untuk pembentangan mengenai APPGM-SDG dan sesi pemetaan isu di Parlimen Kuala Kedah. Dato' Haji Hakim Ariff menyambut baik inisiatif APPGM-SDG dan telah bersetuju untuk mempengerusikan Dialog Antara Agensi (IAD) yang dijadualkan pada 14 Januari atau 22 Januari 2024.









FGD 1: KOMUNITI KAMPUNG ALOR GANU, KOMUNITI KG. ALOR MADI DAN KOMUNITI KG. KUBANG TEDUH

YB Dr. Ahmad Fakhruddin bin Fakhrurazi, Ahli Parlimen Kuala Kedah, dan YB ADUN Anak Bukit, Tn. Rashidi Razak, menghadiri perbincangan bersama Dr. Thanaraj, Nur Sabrina, Rakan Solusi En. Zariz Firdaus, serta komuniti Kg. Alor Ganu, Kg. Alor Madi, dan Kg. Kubang Teduh. Seramai 19 peserta telah terlibat dalam FGD 1. Isu utama yang dibangkitkan ialah **(1)** masalah banjir yang menyebabkan kerosakan hasil tanaman, penternakan ikan, dan udang galah; **(2)** ekonomi pengeluaran agro-makanan berisiko akibat isu pemasaran; serta **(3)** masalah pembangunan infrastruktur iaitu jalan yang sempit dan tiada lampu jalan di sekitar kawasan kampung.







FGD 2: KOMUNITI KAMPUNG KUAR JAWA

FGD 2 telah berlangsung bersama komuniti Kg. Kuar Jawa. Seramai 22 peserta telah terlibat dalam FGD 2 yang diadakan. Isu utama yang dibangkitkan adalah; **(1)** peningkatan kos pengeluaran, seperti kenaikan harga baja, benih padi, racun perosak, dan kos upah; **(2)** masalah hakisan tebing sungai; serta **(3)** isu lumba haram dan pengambilan dadah dalam kalangan belia.













FGD 3: KOMUNITI KAMPUNG KUALA KUAR

FGD 3 telah berlangsung bersama komuniti Kg. Kuala Kuar yang bekerja sebagai nelayan dan pesawah. Seramai 16 peserta telah terlibat dalam FGD 3 yang berlangsung. Isu utama yang dibangkitkan ialah **(1)** masalah lesen nelayan tempatan; **(2)** isu pencerobohan yang berlaku antara zon; **(3)** isu keterjaminan makanan dari sumber protein; dan **(4)** isu perairan yang tersumbat di kalangan pesawah.







FGD 4: KOMUNITI KG. TELOK TALIPON

FGD 4 telah berlangsung bersama komuniti Kampung Telok Talipon, Kampung Seberang Kota dan Taman Kota Nelayan. Sebanyak 16 peserta telah terlibat dalam FGD 4 yang berlangsung. Isu utama yang dibangkitkan ialah **(1)** masalah sosial berkaitan penagih dadah dan lumba haram di kalangan belia; **(2)** kos sara hidup yang tinggi di kalangan ibu tunggal; dan **(3)** kesukaran dalam memperoleh pendapatan bagi nelayan.







FGD 5: KOMUNITI NELAYAN PANTAI

FGD 5 telah berlangsung bersama komuniti Kampung Nelayan Pantai. Seramai 26 peserta telah terlibat dalam FGD 5 yang berlangsung. Isu utama yang dibangkitkan ialah **(1)** isu air di kawasan kampung terjejas; **(2)** tiada pemutihan sistem untuk pembaharuan perlesenan kepada generasi ketiga nelayan untuk nelayan persisiran pantai; **(3)** penaiktarafan jeti kepada pengkalan; **(4)** kemahiran seperti permulaan untuk koperasi; dan **(5)** untuk menjaga kebersihan dan mempromosikan produk hasil laut dan produk hiliran.







FGD 6: KOMUNITI KAMPUNG KEBUN PINANG

FGD 6 telah berlangsung bersama komuniti Kampung Kebun Pinang. Seramai 14 peserta telah terlibat dalam FGD 6 yang berlangsung. Isu utama yang dibangkitkan ialah **(1)** harga barangan kos semakin tinggi; **(2)** kesukaran pembuangan sisa sampah hanya di beberapa kawasan sahaja; **(3)** infrastruktur seperti tiang lampu, lampu isyarat dan bonggol tiada di kawasan sekolah yang menyebabkan kesesakan lalu lintas serta kemalangan; dan **(4)** kesukaran mendapat bantuan kebajikan dan zakat serta info maklum balas di DUN Pengkalan Kundur.






FGD 7: KOMUNITI KAMPUNG KUALA SALA

FGD 7 telah berlangsung bersama komuniti Kg. Kuala Sala. Seramai 15 peserta telah terlibat dalam FGD 7 yang berlangsung. Isu utama yang dibangkitkan ialah **(1)** isu petani, di mana kenaikan harga barang menjejaskan kos sara hidup komuniti; **(2)** kesukaran mendapat subsidi daripada pihak kerajaan; dan **(3)** kekurangan infrastruktur dari segi lampu tiang serta lampu isyarat di simpang tiga ke Kuala Sala.









FGD 8: KOMUNITI KAMPUNG BANGGOL WAN AWANG & KAMPUNG WAN ISMAIL

FGD 8 telah berlangsung bersama komuniti Kampung Banggol Wan Awang dan Kampung Wan Ismail. Seramai 14 peserta telah terlibat dalam FGD 8 yang berlangsung. Isu utama yang dibangkitkan ialah **(1)** kenaikan harga racun, baja, penyewaan mesin jentera yang mahal bagi para pesawah; **(2)** pesawah tiada kemahiran lain selain pertanian padi; dan **(3)** kurangnya peluang pekerjaan untuk golongan belia disebabkan oleh persaingan dengan warga asing.

BAHAGIAN B

Laporan Pemetaan Isu

P.010 Kuala Kedah

Senarai Jadual

Jadual 1	Komposisi Penduduk di Parlimen Kuala Kedah
Jadual 2	Tentatif Ringkas Lawatan Tapak Parlimen Kuala Kedah
Jadual 3	Rangkuman Isu Rentas SDG
Jadual 4	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 1
Jadual 5	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 2
Jadual 6	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 3
Jadual 7	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 4
Jadual 8	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 5
Jadual 9	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 6
Jadual 10	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 7
Jadual 11	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 8
Jadual 12	Ringkasan Isu 1
Jadual 13	Ringkasan Isu 2
Jadual 14	Pengenalpastian Projek Penyelesaian

Senarai Rajah

Rajah 1	Ikan Pekasam

Senarai Singkatan

DUN	Dewan Undangan Negeri
FGD	*Focus Group Discussion*
SPR	Suruhanjaya Pilihan Raya
PAS	Parti Islam Se-Malaysia
PN	Perikatan Nasional
YB	Yang Berhormat

1.0 PENGENALAN

Parlimen Kuala Kedah merangkumi tiga (3) kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN), iaitu DUN Anak Bukit, DUN Kubang Rotan, dan DUN Pengkalan Kundor. Kawasan Parlimen ini meliputi keluasan sebanyak 233 kilometer persegi dengan jumlah penduduk seramai 172,099 orang. Berdasarkan statistik tahun 2020, kepadatan penduduk di kawasan ini dicatatkan sebanyak 739 orang per kilometer persegi, yang menunjukkan tahap urbanisasi sederhana. [6] Dari segi komposisi jantina, terdapat keseimbangan yang jelas antara lelaki dan perempuan dengan nisbah 100 lelaki bagi setiap 100 perempuan. Hal ini mencerminkan pembahagian demografi yang stabil dalam kalangan penduduk setempat.



YB Dr. Ahmad Fakhruddin bin Fakhrurazi

Pada Pilihan Raya Umum ke-15, seramai 132,500 pemilih layak mengundi, termasuk pemilih baharu yang telah didaftarkan secara automatik hasil pelaksanaan sistem pendaftaran pemilih automatik oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia. Jumlah ini mencerminkan peningkatan ketara dalam bilangan pemilih yang berpotensi menyumbang kepada proses demokrasi di kawasan Parlimen Kuala Kedah.[7]

Pada tahun 2022, Yang Berhormat (YB) Dr. Ahmad Fakhruddin bin Fakhrurazi daripada Parti Islam Se-Malaysia (PAS) iaitu komponen parti dalam gabungan Perikatan Nasional (PN) telah berjaya memenangi kerusi Parlimen Kuala Kedah. Sehubungan itu, program pemetaan isu bagi tahun 2025 di Parlimen Kuala Kedah dilaksanakan dengan kerjasama strategik bersama YB Dr. Ahmad Fakhruddin bin Fakhrurazi.

1.1 Geografi/Topografi

Kawasan Parlimen Kuala Kedah terletak di barat laut negeri Kedah, menghadap Selat Melaka dan berada berhampiran dengan muara Sungai Kedah. Dari segi geografi dan topografi, kawasan ini terdiri daripada dataran rendah yang sebahagiannya merupakan kawasan pesisir pantai dan tanah pamah yang sesuai untuk aktiviti pertanian serta penempatan penduduk. Pekan Kuala Kedah yang terkenal sebagai sebuah perkampungan nelayan turut menjadi pusat ekonomi kecil-kecilan yang bergantung kepada hasil perikanan.

[6] Jabatan Perangkaan Malaysia, *Statistik Subnasional Parlimen Dan Dun - Parlimen Kuala Kedah* (Putrajaya, Malaysia: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022).

[7] Pusat Khidmat Parlimen Kuala Kedah (20 Disember 2024).

Selain itu, kawasan ini juga menempatkan beberapa elemen landskap semula jadi yang signifikan serta tapak warisan sejarah yang mempunyai nilai pelancongan.[8] Peta kawasan Parlimen Kuala Kedah memberikan gambaran yang jelas mengenai sempadan, jaringan jalan raya, serta lokasi strategik pekan-pekan kecil di sekitar kawasan tersebut, termasuk laluan ke pusat bandar Alor Setar yang merupakan ibu negeri Kedah. Pemahaman terhadap aspek geografi dan topografi ini penting untuk perancangan pembangunan lestari serta pengurusan sumber yang lebih efektif.

Daerah Kota Setar merupakan kawasan pentadbiran bagi Parlimen Kuala Kedah. Parlimen Kuala Kedah terdiri daripada 15 mukim yang masing-masing mempunyai identiti dan kepentingannya tersendiri dalam aspek pembangunan sosial dan ekonomi. Berikut adalah senarai 15 mukim yang terletak di dalam Parlimen Kuala Kedah:

1. Mukim Kuala Kedah
2. Mukim Alor Malai
3. Mukim Alor Mengkudu
4. Mukim Padang Lumat
5. Mukim Titi Gajah
6. Mukim Sungai Korok
7. Mukim Derang
8. Mukim Hutan Kampung
9. Mukim Kampung Berjaya
10. Mukim Kampung Gajah
11. Mukim Suka Menanti
12. Mukim Bandar Alor Setar
13. Mukim Langgar
14. Mukim Kota Setar
15. Mukim Bukit Pinang

Setiap mukim ini memainkan peranan penting dalam struktur pemerintahan daerah, dengan memberi fokus kepada kemajuan dalam sektor perindustrian, pertanian, serta pelancongan yang menjadi pemangkin utama pembangunan di kawasan ini.

1.2 Komposisi Penduduk

Komposisi penduduk di Parlimen Kuala Kedah menunjukkan kepelbagaian etnik yang mencerminkan keunikan sosial di kawasan tersebut. Berdasarkan data yang diperoleh dari Pusat Khidmat Parlimen Kuala Kedah, jumlah penduduk Bumiputera mencatatkan angka yang paling tinggi, iaitu sebanyak 133,428 orang atau 76.0 peratus daripada keseluruhan populasi. Golongan Cina pula terdiri daripada 39,563 orang, yang mewakili 22.6 peratus daripada jumlah penduduk, manakala kaum India mencatatkan jumlah seramai 1,928 orang atau 1.1 peratus. Golongan lain-lain, yang merangkumi pelbagai etnik minoriti, mencatatkan bilangan seramai 526 orang, atau 0.3 peratus. Perbezaan dalam komposisi etnik ini menunjukkan sebuah masyarakat yang pelbagai dan harmoni, yang mana setiap kaum memainkan peranan penting dalam memacu pembangunan sosial, ekonomi, dan budaya di Parlimen Kuala Kedah.

[8] https://www.academia.edu/35489449/Membangunkan_Kuala_Kedah_sebagai_Destinasi_Pelancongan_Warisan_Penerapan_Konsep_Pembangunan_Pelancongan_Lestari

Jadual 1. Komposisi Penduduk di Parlimen Kuala Kedah

BIL.	KAUM	BIL.	% BIL.
1.	Bumiputra	133,428	76.0
2.	Cina	39,563	22.6
3.	India	1,928	1.1
4.	Lain-Lain	526	0.3
JUMLAH KESELURUHAN		175,445	100.0

Sumber: Pusat Khidmat Parlimen Kuala Kedah

1.3 Kegiatan Ekonomi Utama

Parlimen Kuala Kedah, yang terletak hanya 11 kilometer dari bandar Alor Setar, merupakan sebuah kawasan yang kaya dengan aktiviti ekonomi yang menggabungkan sektor tradisional dan moden. Kedudukan strategiknya di pesisir pantai menghadap Selat Melaka dan berhampiran muara Sungai Kedah menjadikan kawasan ini pusat penting bagi industri perikanan dan pertanian, serta membuka peluang untuk pembangunan pelancongan. Sektor-sektor ini bukan sahaja menyokong ekonomi tempatan, malah turut mempelbagaikan peluang pekerjaan dan meningkatkan taraf hidup penduduk.

- **Perikanan**

  Sektor perikanan merupakan nadi utama ekonomi di Kuala Kedah, menyokong kehidupan komuniti nelayan tempatan yang bergantung kepada hasil laut dari kawasan pesisir dan muara Sungai Kedah. Aktiviti menangkap ikan dan pemprosesan hasil laut bukan sahaja menjadi sumber pendapatan langsung, tetapi juga menyumbang kepada rantaian bekalan makanan melalui industri pemprosesan makanan laut. Inisiatif seperti pembenihan ikan dan udang galah oleh Jabatan Perikanan menunjukkan usaha untuk memastikan kelestarian sumber perikanan, yang seterusnya menyokong ketahanan ekonomi komuniti. Selain itu, sektor ini turut merangsang pertumbuhan ekonomi tempatan melalui eksport hasil laut dan penyediaan bahan mentah untuk industri makanan.

- **Pertanian**

  Pertanian, khususnya penanaman padi, memainkan peranan penting dalam ekonomi Parlimen Kuala Kedah. Kawasan tanah pamah yang subur menyokong pengeluaran padi, yang menjadi asas ketahanan makanan di peringkat tempatan. Selain padi, tanaman hortikultur seperti sayuran dan buah-buahan turut menyumbang kepada pendapatan penduduk. Usaha untuk meningkatkan produktiviti pertanian melalui teknologi moden dan amalan pertanian mampan, seperti penggunaan baja yang sesuai dengan pH tanah, telah membantu memastikan kelestarian sektor ini. Aktiviti pertanian ini bukan sahaja menyokong ekonomi mikro, tetapi juga memperkukuh hubungan sosial dan budaya masyarakat tempatan yang berakar umbi dalam tradisi pertanian.

- **Pelancongan**

  Pembangunan pelancongan berasaskan warisan dan alam semula jadi semakin berkembang di Kuala Kedah, memanfaatkan tarikan seperti Kota Kuala Kedah, Makam Tok Pasai, dan landskap sawah padi yang indah. Sektor ini menyumbang kepada pemelbagaian ekonomi melalui penciptaan peluang pekerjaan dalam perkhidmatan pelancongan, seperti restoran masakan laut, penginapan, dan aktiviti rekreasi. Sebagai pintu masuk ke Pulau Langkawi melalui laluan laut, Kuala Kedah berpotensi untuk menarik pelancong transit kekal lebih lama dengan menawarkan pengalaman pelancongan yang unik. Strategi pemasaran pelancongan yang berkesan dan pembangunan infrastruktur seperti Kuala Kedah Yacht Marina dapat memperkukuh kedudukan kawasan ini sebagai destinasi pelancongan yang kompetitif.

  Sektor Perkhidmatan dan Peruncitan

  Sektor perkhidmatan dan peruncitan turut berkembang seiring dengan pertumbuhan penduduk dan pelancong di Kuala Kedah. Pekan kecil seperti Kuala Kedah dan kawasan berhampiran menyaksikan peningkatan aktiviti perdagangan, termasuk kedai runcit, restoran, dan perkhidmatan berkaitan pelancongan. Sektor ini menyokong ekonomi tempatan dengan menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk, terutamanya golongan belia dan wanita, serta memenuhi keperluan pelancong dan penduduk setempat. Peningkatan permintaan terhadap perkhidmatan ini mencerminkan potensi Kuala Kedah untuk terus berkembang sebagai hab ekonomi yang dinamik.

  Kegiatan ekonomi utama di Parlimen Kuala Kedah merangkumi perikanan, pertanian, pelancongan, dan sektor perkhidmatan, yang kesemuanya saling melengkapi untuk memacu pertumbuhan ekonomi yang mampan. Sektor perikanan dan pertanian menyokong ketahanan makanan dan pendapatan penduduk, manakala pelancongan memanfaatkan warisan budaya dan alam semula jadi untuk menarik pelaburan dan pelancong. Sektor perkhidmatan pula menyokong pertumbuhan ekonomi mikro melalui peluang pekerjaan dan perdagangan. Dengan sokongan infrastruktur dan dasar yang sesuai, Kuala Kedah berpotensi untuk terus berkembang sebagai sebuah kawasan ekonomi yang dinamik dan mampan, sejajar dengan Matlamat Pembangunan Lestari.

1.4 Hubungan Kerangka Konseptual SDG dan Konteks Tempatan

Parlimen Kuala Kedah, terletak di barat laut negeri Kedah, merupakan kawasan pesisir yang kaya dengan sumber semula jadi dan warisan budaya. Dengan kedudukan strategik menghadap Selat Melaka dan berhampiran muara Sungai Kedah, kawasan ini menjadi pusat penting bagi aktiviti pertanian, perikanan, dan pelancongan warisan. Sektor-sektor

ini, termasuk penanaman padi, perikanan, akuakultur, dan tarikan seperti Kota Kuala Kedah serta Makam Tok Pasai, menyokong pembangunan mampan yang selari dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG). Berikut adalah penceritaan terperinci dengan susunan konteks yang menjurus kepada sektor pertanian, diikuti perikanan dan akuakultur, pelancongan, serta kerjasama komuniti, dengan hubungan kepada sasaran SDG yang spesifik.

Pertanian, khususnya penanaman padi, merupakan tunjang ekonomi utama di Parlimen Kuala Kedah, memanfaatkan kawasan tanah pamah yang subur. Landskap sawah padi yang luas, seperti yang dilihat dari Jambatan Tok Pasai, menyumbang kepada ketahanan makanan tempatan dan menyokong pendapatan petani. Aktiviti ini selari dengan **SDG 2: Sifar Kelaparan** melalui:

> **Sasaran 2.3**: Menjelang 2030, menggandakan produktiviti pertanian dan pendapatan pengeluar makanan berskala kecil melalui akses kepada tanah, teknologi, dan pasaran.
>
> **Sasaran 2.4**: Memastikan sistem pengeluaran makanan yang mampan dan melaksanakan amalan pertanian berdaya tahan yang meningkatkan produktiviti sambil mengekalkan ekosistem.

Cabaran seperti peningkatan pH tanah, yang mengurangkan keberkesanan baja, memerlukan penyelesaian seperti penggunaan baja yang sesuai untuk meningkatkan hasil tanaman[9]. Cadangan untuk menaikkan harga lantai padi dari RM1,300 kepada RM1,800 menunjukkan keperluan sokongan dasar untuk meningkatkan pendapatan petani, selari dengan Sasaran 2.3. Pertanian juga menyokong **SDG 15: Kehidupan di Daratan** melalui pengurusan mampan ekosistem sawah padi:

> **Sasaran 15.1**: Menjelang 2030, memastikan pemuliharaan, pemulihan, dan penggunaan mampan ekosistem daratan dan air tawar dalaman.

Sektor perikanan, termasuk aktiviti menangkap ikan dan akuakultur seperti penternakan udang, merupakan nadi ekonomi Kuala Kedah, menyokong kehidupan komuniti nelayan di pesisir Selat Melaka dan muara Sungai Kedah. Sektor ini menyumbang kepada **SDG 2: Sifar Kelaparan** dan **SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi** melalui:

> **Sasaran 2.3**: Menggandakan pendapatan nelayan melalui akses kepada teknologi dan pasaran.

[9] Laporan Pemetaan Isu Parlimen Kuala Kedah, 2025

> **Sasaran 2.4**: Memastikan sistem pengeluaran makanan yang mampan, termasuk amalan akuakultur berdaya tahan.
>
> **Sasaran 8.3**: Menggalakkan dasar yang menyokong aktiviti produktif dan keusahawanan.
>
> **Sasaran 8.5**: Mencapai pekerjaan penuh dan produktif untuk semua, termasuk golongan belia.

Selain itu, inisiatif pembenihan ikan dan udang galah oleh Jabatan Perikanan membantu memulihkan stok sumber perikanan selepas banjir, menyokong **SDG 14: Kehidupan di Bawah Air**:

> **Sasaran 14.4**: Menjelang 2030, mengawal selia penuaian hasil laut secara efektif dan memulihkan stok ikan untuk kelestarian.

Terdapat juga projek pembangunan Bandar Maritim, melibatkan kerjasama dengan syarikat China dan tanah tebus guna seluas 3,500 ekar bermula 2024, bertujuan memperkasa sektor perikanan.[10] Projek ini perlu memastikan kepentingan nelayan tempatan dan ekosistem marin dipelihara, selari dengan **SDG 14: Kehidupan di Bawah Air**:

> **Sasaran 14.2**: Mengurus dan melindungi ekosistem marin dan pantai secara mampan.

Kuala Kedah juga menawarkan tarikan pelancongan seperti Kota Kuala Kedah, Makam Tok Pasai, dan Kuala Kedah Yacht Marina, yang mempromosikan warisan budaya dan keindahan alam semula jadi. Pada masa yang sama, Kota Kuala Kedah, sebagai simbol perjuangan sejarah negeri. Ini menyokong **SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan** dan **SDG 4: Pendidikan Berkualiti** melalui pendidikan tidak formal tentang warisan budaya. Sasaran yang berkait adalah seperti:

> **Sasaran 11.4**: Memperkukuh usaha untuk melindungi dan memelihara warisan budaya dan semula jadi.

[10] RTM. (2023, June 2). *Projek Pembangunan Bandar Maritim di Kuala Kedah perlu jaga kepentingan nelayan tempatan*. Berita RTM. https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/projek-pembangunan-bandar-maritim-di-kuala-kedah-perlu-jaga-kepentingan-nelayan-tempatan

> **Sasaran 4.7**: Memastikan pelajar memperoleh pengetahuan untuk mempromosikan pembangunan lestari melalui pendidikan tentang warisan budaya.

Pelancongan juga menyumbang kepada **SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi**:

Penerapan konsep pelancongan lestari memastikan pemeliharaan sumber alam dan budaya, selari dengan **SDG 12: Penggunaan dan Pengeluaran Bertanggungjawab** dan seterusnya menyumbang kepada **SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi.** Antara sasaran SDG berkait adalah:

> **Sasaran 12.2**: Mencapai pengurusan mampan sumber semula jadi.

> **Sasaran 8.9**: Mempromosikan pelancongan mampan yang mencipta pekerjaan dan mempromosikan budaya serta produk tempatan.

Berdasarkan lawatan pemetaan isu dan perbincangan dengan YB Dr. Ahmad Fakhruddin bin Fakhrurazi, Ahli Dewan Undangan Negeri, dan pegawai Pejabat Daerah dan Tanah Kota Setar, pengukuhan industri mampan adalah penting untuk pembangunan ekonomi yang berterusan. [11] Kerjasama komuniti melalui jawatankuasa tempatan untuk mempromosikan pelancongan dan akuakultur menyokong **SDG 17: Perkongsian untuk Matlamat**:

> **Sasaran 17.17**: Menggalakkan perkongsian awam, awam-swasta, dan masyarakat sivil untuk melaksanakan strategi pembangunan mampan.

Konteks tempatan Parlimen Kuala Kedah, dengan kekayaan sumber pertanian, perikanan, dan warisan budaya, menyokong pelbagai SDG melalui aktiviti ekonomi dan sosial yang mampan. Penanaman padi dan perikanan menyumbang kepada ketahanan makanan dan pertumbuhan ekonomi, manakala pelancongan warisan mempromosikan pendidikan dan pembangunan infrastruktur. Kerjasama komuniti dan sokongan dasar yang sesuai akan memastikan Kuala Kedah menjadi model pembangunan mampan yang memanfaatkan sumber tempatan sambil memelihara warisan budaya dan alam sekitar.

[11] Laporan Pemetaan Isu Parlimen Kuala Kedah, 2025.

2.0 METODOLOGI PENYELIDIKAN

2.1 Pendekatan Kajian

- **Kajian Awalan**
  Kajian awal telah dijalankan oleh penyelidik untuk memahami konteks makro kawasan parlimen serta mengenal pasti isu-isu yang timbul. Kajian ini menggunakan sumber sekunder seperti statistik yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, kajian-kajian terdahulu, pencarian dalam talian, dan laporan akhbar. Pendekatan ini bertujuan untuk menyediakan gambaran umum yang lebih jelas mengenai keadaan semasa dan isu yang perlu diberi perhatian dalam kawasan tersebut.

- **Mesyuarat Awalan, Pra Lawatan dan Pengenalan Profil Kawasan Parlimen**
  Mesyuarat awalan bersama YB Dr. Ahmad Fakhruddin bin Fakhrurazi telah diadakan pada 11 Disember 2024 di Parlimen Malaysia untuk membincangkan gerak kerja dan metodologi kajian APPGM-SDG. Dalam mesyuarat tersebut, YB Dr. Ahmad Fakhruddin telah memberi persetujuan untuk bekerjasama dengan APPGM-SDG dalam melaksanakan kajian pemetaan isu di Parlimen Kuala Kedah.

  Pada 23 Disember 2024, Dr Thanaraj Murudi selaku Ketua Penyelidik Kuala Kedah dan Puan Nurul Syaza Maselan Penolong Pengarah Unit *Constituency Coordination* telah mengadakan kunjungan hormat terhadap Pegawai Daerah Kota Setar Dato' Haji Hakim Ariff Bin Md Noor, DSDK., SDK., AMK., BCK. untuk memberi pengenalan APPGM-SDG dan tujuan pemetaan SDG di Parlimen Kuala Kedah di Pejabat Daerah dan Tanah Kota Setar. Turut hadir bersama ialah Encik Nurul Zaki bin Mohd Zainol selaku Ketua Penolong Pegawai Daerah Pembangunan. Tuan Pegawai Daerah telah memberi sokongan penuh dan bersetuju untuk perbincangan Inter-Agensi Dialog bersama agensi-agensi kerajaan pada 21 Januari 2025 untuk memberi maklum balas dan kesahihan maklumat. Selain itu, ketua penyelidik bersama pegawai khas Kuala Kedah Encik Shuhaimi telah mengadakan perbincangan mengenai profil kawasan Parlimen Kuala Kedah di Kafeteria Pejabat Daerah dan Tanah Kota Setar (*Rujuk Lampiran 1*).

- **Penglibatan Awam Melalui Sesi Perbincangan Kumpulan Fokus (FGD)**
  Penglibatan awam melalui sesi perbincangan kumpulan berfokus, atau *Focus Group Discussion* (FGD), merupakan elemen yang amat penting dalam proses pemetaan isu. Tujuan utama penglibatan awam dalam FGD adalah untuk:

- Mengenal pasti isu dan masalah utama yang dihadapi oleh Parlimen Kuala Kedah.
- Berkongsi pandangan serta cadangan penyelesaian terhadap masalah yang berlaku di kawasan tersebut.
- Mengambil kira aspirasi daripada kumpulan sasaran berkaitan hala tuju masa hadapan Parlimen Kuala Kedah.

- **Pengutamaan Isu**

  Pengutamaan isu bagi kawasan Parlimen Kuala Kedah (P010) telah melibatkan perbincangan mendalam bersama Ahli Parlimen, YB Dr. Ahmad Fakhruddin bin Fakhrurazi, yang turut dihadiri oleh YB ADUN Anak Bukit, Rashidi Razak. Sesi ini turut disertai oleh beberapa pegawai kanan yang terlibat, antaranya Encik Shuhaimi, serta pegawai daripada APPGM-SDG, iaitu Dr. Thanaraj, Cik Nur Farah Ezzaty, Cik Nur Sabrina, dan Encik Zariz Firdaus. Dalam pertemuan tersebut, beberapa isu kritikal yang memerlukan perhatian khusus telah dibincangkan, dengan fokus utama diberikan kepada keperluan pembangunan mampan dan pencapaian matlamat pembangunan lestari di kawasan tersebut.

  Pasukan kajian yang terlibat dalam menjalankan sesi FGD bersama komuniti dan lawatan tapak di Parlimen Kuala Kedah adalah seperti berikut:

1. Dr Thanaraj Murudi : Ketua Penyelidik, Ketua Zon Utara
2. Nur Farah Ezzaty Abd Aziz : Pengarah Jabatan Pengurusan Projek
3. Nur Sabrina Zafri : Pembantu Penyelidik
4. Zariz Firdaus : Pembantu Penyelidik

Terdapat lapan FGD dan enam lawatan tapak yang telah dijalankan bersama komuniti tempatan dan NGO selama tiga hari di kawasan Parlimen Sabak Bernam. Tentatif ringkas lawatan tapak adalah seperti di Jadual 2.

Jadual 2: Tentatif ringkas program pemetaan isu di Parlimen Kuala Kedah

TARIKH	PERKARA
10 Januari 2025, Jumaat	• Sesi Dialog 1: Komuniti Kg Alor Ganu, Komuniti Kg Alor Madi dan Komuniti Kg Kubang Teduh • Sesi Dialog 2: Komuniti Kg Kuar Jawa
11 Januari 2025, Sabtu	• Sesi Dialog 3: Komuniti Kg Kuala Kuar • Sesi Dialog 4: Komuniti Kg Telok Talipon • Sesi Dialog 5: Komuniti Nelayan Pantai
12 Januari 2025, Ahad	• Sesi Dialog 6: Komuniti Kg Kebun Pinang • Sesi Dialog 7: Komuniti Kg Kuala Sala

TARIKH	PERKARA
	• Sesi Dialog 8: Komuniti Kg Banggol Wan Awang dan Kg Wan Ismail
13 Januari 2025, Isnin	• Pengutamaan Isu
21 Januari 2025, Selasa	Sesi Dialog bersama agensi kerajaan *(Inter-Agency Dialogue)*
24 Februari 2025, Isnin	Pembangunan Kapasiti bersama Agensi Kerajaan Daerah Kota Setar *(Capacity Building)*

- **Sesi Dialog Antara Agensi**

  Sesi Dialog Antara Agensi bagi Parlimen Kuala Kedah telah diadakan di Pejabat Daerah dan Tanah Kota Setar (PDT Kota Setar) pada 21 Januari 2025 jam 2.30 petang di Bilik Gerakan Pejabat Daerah dan Tanah Kota Setar. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Tuan Pegawai Daerah Kota Setar, Dato' Haji Hakim Ariff Bin Md Noor, DSDK., SDK., AMK., BCK. Turut hadir dalam mesyuarat ini adalah Encik Nurul Zaki bin Mohd Zainol, Ketua Penolong Pegawai Daerah Pembangunan, serta Ketua Pegawai Maklumat (CIO), Encik Hafiz Hasri bin Khaludin. Sebanyak 30 agensi kerajaan turut hadir untuk memberi input kepada pemetaan isu di kawasan Parlimen Kuala Kedah. Antara agensi yang terlibat adalah dari Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kota Setar, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Pejabat Kesihatan, Pejabat MARA Daerah, Pejabat Perikanan, Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Pejabat Daerah serta Penghulu Mukim. Selain itu, mesyuarat ini juga dihadiri oleh Ahli Parlimen Kuala Kedah, YB Dr. Ahmad Fakhruddin Bin Sheikh Fakhurazi, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Anak Bukit, YB Encik Rashidi Bin Razak, dan ADUN Pengkalan Kundor, YB Puan Mardhiyyah Binti Johari.

2.2 Langkah Etika Semasa Kajian Lapangan

Ketua penyelidik mendapatkan persetujuan daripada peserta terlebih dahulu untuk merekodkan suara dan diambil video dan gambar. Sekiranya, peserta FGD tidak bersetuju apa yang dikatakan untuk direkod dan melarang mengambil gambarnya, maka penyelidikan ini tidak boleh mengambil kira perkara tersebut untuk dilaporkan dan dikongsikan di mana-mana platform. Namun begitu, bagi kajian pemetaan isu di Parlimen Kuala Kedah, tiada apa-apa halangan daripada pihak peserta.

2.3 Kekangan Lawatan Kajian Lapangan

Sepanjang proses pemetaan isu, terdapat satu kekangan telah dikenalpasti oleh ketua penyelidik. Kekangan yang dihadapi adalah berkaitan dengan sesi Focus Group Discussion (FGD). Pada awalnya, kajian ini merancang untuk mengadakan dalam tiga kumpulan sesi FGD berasingan untuk mendapatkan pandangan dari dua kumpulan berbeza. Namun, peserta dalam satu sesi telah meminta supaya kedua-dua kumpulan

tersebut digabungkan dalam satu perbincangan. Permintaan ini menyebabkan ketua penyelidik terpaksa menyesuaikan format dan struktur sesi FGD agar dapat menampung perbincangan yang lebih besar dan lebih dinamik.

Untuk mengatasi kekangan ini, ketua penyelidik memutuskan untuk memecahkan sesi menjadi beberapa segmen perbincangan yang lebih kecil bagi memastikan setiap peserta dapat memberikan input yang lebih fokus dan teratur. Selain itu, lebih banyak fasilitator dilibatkan dalam sesi tersebut untuk memastikan proses perbincangan berjalan dengan lancar dan setiap suara didengari. Walaupun menghadapi cabaran dalam penyusunan semula sesi ini, pendekatan alternatif yang diambil dapat memastikan objektif kajian tetap tercapai tanpa mengorbankan kualiti perbincangan.

2.4 Keterbatasan Kajian

- **Tempoh Masa yang Terhad untuk Sesi FGD**
  Salah satu limitasi utama dalam kajian ini ialah tempoh masa yang terhad untuk sesi Focus Group Discussion (FGD), yang hanya berlangsung selama dua jam. Tempoh masa yang singkat ini tidak mencukupi untuk membincangkan isu-isu secara lebih mendalam atau mendapatkan penjelasan yang lebih terperinci daripada peserta. Akibatnya, beberapa aspek penting yang memerlukan perbincangan lebih lanjut dan pengumpulan maklumat yang lebih mendalam terpaksa diketepikan. Walaupun alternatif lain seperti temubual individu atau kajian lebih lanjut dapat dicadangkan, namun kekangan masa menjadikan pendekatan ini tidak dapat dilaksanakan dalam ruang waktu yang sama, mengakibatkan hasil kajian terbatas kepada maklumat yang diperoleh dalam tempoh yang singkat.

- **Kesukaran Menyertakan Semua Kumpulan Sasaran**
  Limitasi lain yang dihadapi adalah kesukaran untuk menemui dan melibatkan semua kumpulan sasaran yang relevan dalam kajian. Walaupun usaha telah dilakukan untuk mengenal pasti dan menjemput wakil daripada pelbagai kumpulan, terdapat beberapa kelompok yang tidak dapat dijumpai atau didekati kerana faktor jarak, kekangan masa, atau kesukaran dalam komunikasi. Hal ini menyebabkan kajian terhad kepada sumber maklumat daripada kumpulan yang berjaya dijumpai sahaja, dengan mengabaikan perspektif penting daripada kelompok lain yang mungkin dapat memberikan pandangan berbeza atau lebih menyeluruh.

3.0 RANGKUMAN ISU RENTAS SDG

Berikut adalah tiga isu utama yang dikenal pasti sebagai keutamaan dan memerlukan perhatian segera. Isu-isu ini dipilih kerana impaknya yang besar terhadap kesejahteraan penduduk dan kaitannya dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG):

Jadual 3. Rangkuman Isu Rentas SDG

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
1.	Banjir	Isu banjir di kawasan Parlimen Kuala Kedah adalah masalah yang sering berulang dan memberi kesan kepada kehidupan harian penduduk. Dengan kedudukannya yang berhampiran dengan pesisir pantai dan kawasan tanah rendah, Parlimen Kuala Kedah terdedah kepada banjir, terutama semasa musim hujan dan fenomena air pasang besar.	Ekonomi / Alam Sekitar	Penduduk Dun Anak Bukit Warga emas Kanak-kanak B40	Dun Anak Bukit Kampung Alor Madi	**SDG 1: Tiada Kemiskinan** ***Sasaran 1.5*:** Membina daya tahan terhadap bencana alam, termasuk banjir, untuk melindungi komuniti miskin dan terdedah daripada kesan ekonomi, sosial, dan alam sekitar yang buruk. **SDG 11: Bandar dan Komuniti Lestari** ***Sasaran 11.5*:** Mengurangkan jumlah kematian dan kerugian ekonomi akibat bencana, termasuk banjir, dengan fokus kepada perlindungan infrastruktur dan perkhidmatan asas.

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		Antara punca utama banjir termasuklah: • **Lokasi Tanah Rendah** Kuala Kedah adalah kawasan yang terletak di tanah rendah berhampiran muara sungai dan laut. Ini menyebabkan kawasan tersebut mudah dinaiki air semasa hujan lebat atau air pasang besar. • **Sistem Saliran yang Tidak Mencukupi** Sistem saliran yang lama dan tidak diselenggara dengan baik menyebabkan air hujan tidak dapat mengalir keluar dengan cekap. Saliran yang tersumbat akibat				***Sasaran 11.6*:** Meningkatkan perancangan dan pengurusan bandar untuk daya tahan terhadap bencana alam. **SDG 13: Tindakan Terhadap Perubahan Iklim** ***Sasaran 13.1*:** Mengukuhkan daya tahan dan kapasiti penyesuaian terhadap risiko berkaitan perubahan iklim, termasuk kejadian banjir. **SDG 6: Air Bersih dan Sanitasi** ***Sasaran 6.6*:** Melindungi dan memulihkan ekosistem berkaitan air seperti sungai dan tadahan air bagi mengurangkan risiko banjir. **SDG 6: Air Bersih dan Sanitasi** ***Sasaran 6.6*:** Melindungi dan memulihkan ekosistem berkaitan

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		sampah sarap dan lumpur memperburuk keadaan semasa hujan lebat. ● **Hujan Lebat dan Perubahan Iklim** Perubahan iklim global meningkatkan kekerapan hujan lebat dan tempoh musim hujan yang lebih panjang, mengakibatkan banjir kilat di kawasan ini. ● **Fenomena Air Pasang Besar** Air pasang besar sering berlaku di kawasan Kuala Kedah, terutama semasa musim tengkujuh, menyebabkan limpahan air laut ke				air seperti sungai dan tadahan air bagi mengurangkan risiko banjir.

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		kawasan perkampungan dan bandar berhampiran. • **Aktiviti Pembangunan** Aktiviti pembangunan tanpa perancangan yang teliti, seperti penambakan tanah atau pembinaan tanpa sistem saliran yang sesuai, turut menyumbang kepada masalah banjir. • **Kelewatan menyiapkan Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB)** Kelewatan menyiapkan projek RTB memberikan kesan utama kepada kejadian banjir di				

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		kawasan Parlimen Kuala Kedah terutamanya di DUN Anak Bukit.				
2.	Pencemaran	Isu pencemaran di kawasan Parlimen Kuala Kedah adalah masalah yang memberi kesan kepada persekitaran, kesihatan penduduk, dan ekosistem setempat. Pencemaran ini berpunca daripada beberapa aktiviti manusia serta faktor semula jadi, terutama di kawasan pesisir pantai dan kawasan pertanian. **Pencemaran Air** Limpahan air sisa domestik dari rumah rumah yang tidak mempunyai sistem	Sosial / Alam Sekitar	Nelayan Kehidupan marin Penduduk setempat Kuala Kedah	Sekitar jeti nelayan Pesisir pantai	**SDG 3: Kehidupan Sihat dan Kesejahteraan** ***Sasaran 3.9*:** Mengurangkan kematian dan penyakit yang berpunca daripada pencemaran udara, air, dan tanah serta bahan kimia berbahaya. **SDG 6: Air Bersih dan Sanitasi** ***Sasaran 6.3*:** Meningkatkan kualiti air dengan mengurangkan pencemaran, menghapuskan pembuangan sisa berbahaya, dan meningkatkan kitar semula serta penggunaan semula air. **SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan**

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		kumbahan yang baik. Pembuangan sampah dan sisa industri kecil secara terus ke sungai dan saliran. Aktiviti pertanian seperti penggunaan baja kimia dan racun perosak yang mencemari sungai dan saliran. Kesan: Kualiti air sungai dan laut merosot, menjejaskan habitat akuatik. Penduduk yang bergantung kepada air sungai atau laut untuk keperluan harian menghadapi risiko kesihatan. Ekosistem muara sungai, termasuk populasi ikan dan hidupan marin, terganggu.				***Sasaran 11.6*:** Mengurangkan kesan persekitaran negatif di bandar termasuk kualiti udara yang tercemar dan pengurusan sisa pepejal. **SDG 12: Pengeluaran dan Penggunaan Bertanggungjawab** ***Sasaran 12.4:*** Menguruskan bahan kimia dan sisa buangan sepanjang kitaran hayatnya dengan cara yang mesra alam untuk mengurangkan pencemaran kepada alam sekitar dan kesihatan manusia. **SDG 14: Kehidupan di Bawah Air** ***Sasaran 14.1:*** Mengurangkan pencemaran laut, termasuk sisa plastik dan bahan pencemar dari aktiviti daratan.

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		Pencemaran Udara Punca: Pembakaran terbuka di kawasan pertanian, termasuk jerami padi selepas musim menuai. Asap dari enjin bot dan kenderaan lama yang menggunakan bahan api fosil. Asap kilang atau aktiviti industri kecil, walaupun tidak banyak kilang di kawasan ini. **Pencemaran Laut dan Pantai** Punca: Pembuangan plastik, jaring ikan, dan sisa domestik di kawasan pesisir pantai. Aktiviti nelayan yang tidak bertanggungjawab seperti pembuangan minyak enjin ke laut. Sampah dari				**SDG 15: Kehidupan di Darat** ***Sasaran 15.1:*** Melindungi ekosistem daratan daripada pencemaran yang memusnahkan kepelbagaian biologi. **SDG 13: Tindakan Terhadap Perubahan Iklim** ***Sasaran 13.2:*** Menggalakkan tindakan bersepadu untuk mengurangkan pelepasan gas rumah hijau dan pencemaran berkaitan iklim.

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		kawasan lain yang hanyut ke pantai melalui ombak dan arus laut. Kesan: Hidupan marin seperti ikan dan penyu terancam akibat tertelan plastik atau terperangkap dalam jaring. Kerosakan ekosistem pantai yang menjejaskan daya tarikan pelancongan.				
3.	Kemiskinan	Isu kemiskinan di kawasan Parlimen Kuala Kedah merupakan cabaran yang memerlukan perhatian serius. Kawasan ini, yang sebahagian besarnya meliputi kawasan luar bandar dan perkampungan nelayan, terkesan oleh beberapa faktor ekonomi, sosial, dan infrastruktur.	Ekonomi / Sosial	Penduduk setempat Belia B40	Sekitar Parlimen Kuala Kedah	**SDG 1: Tiada Kemiskinan** ***Sasaran 1.1*:** Menghapuskan kemiskinan tegar menjelang 2030 untuk semua orang di seluruh dunia, yang kini ditakrifkan sebagai hidup dengan kurang daripada USD 1.90 sehari. ***Sasaran 1.2:*** Mengurangkan sekurang-kurangnya separuh kadar kemiskinan dalam semua bentuknya untuk semua lelaki,

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		Faktor Penyumbang kepada Kemiskinan Komuniti nelayan bergantung pada perikanan, tetapi banjir dan persaingan pasaran mengehadkan pendapatan, meningkatkan risiko kemiskinan tanpa pempelbagaian ekonomi Peluang pekerjaan terhad, terutamanya untuk belia dan wanita, kerana kekurangan platform promosi produk tempatan, menyukarkan peningkatan ekonomi mikro Tahap pendidikan dan kemahiran rendah menghalang penduduk				wanita dan kanak-kanak, berdasarkan definisi nasional, menjelang 2030. ***Sasaran 1.3:*** Melaksanakan sistem perlindungan sosial yang sesuai untuk semua, termasuk dasar perlindungan lantai, dan mencapai perlindungan yang meluas kepada golongan miskin dan mudah terjejas menjelang 2030. ***Sasaran 1.4:*** Memastikan semua orang, khususnya golongan miskin dan mudah terjejas, mempunyai akses yang sama kepada sumber ekonomi, perkhidmatan asas, pemilikan tanah, dan teknologi baharu menjelang 2030. ***Sasaran 1.5*:** Meningkatkan daya tahan golongan miskin dan mudah terjejas terhadap bencana alam,

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		daripada mengakses peluang pekerjaan moden, terutamanya dalam pemasaran digital dan keusahawanan Urbanisasi sederhana meningkatkan kos sara hidup, tetapi penduduk luar bandar sukar bersaing dalam pasaran kerja bandar, menyumbang kepada kemiskinan Saliran dan tebatan banjir yang tidak mencukupi menyebabkan banjir berulang, mengganggu pertanian dan perikanan, seterusnya menjejaskan pendapatan pendudu				krisis ekonomi, dan kejutan perubahan iklim.

4.0 GAMBARAN KESELURUHAN PEMETAAN ISU

4.1 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu

Jadual 4. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 1

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 1: Dialog Bersama Komuniti Kg. Alor Ganu, Komuniti Kg. Alor Madi Dan Komuniti Kg. Kubang Teduh **Tarikh:** 10 Januari 2025 (Jumaat) **Bilangan peserta:** 19 peserta **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 2 kumpulan			**Agensi yang memberikan maklum balas:** 1. Pegawai Daerah 2. Pegawai Perikanan
1.	Peningkatan kos pengeluaran pertanian	Ekonomi pengeluaran agromakanan berisiko disebabkan isu pemasaran. Kenaikan harga kos upah, serta pembelian racun dan baja, menyebabkan petani menghadapi kekangan dalam menjalankan aktiviti pertanian mereka. (Jalan Kampung Alor Madi)	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir*
2.	Penyelenggaraan Sungai Kedah tidak sistematik	Aktiviti selenggara sungai yang masih lemah seperti kurangnya projek mengukuhkan tebing, pemangkasan pokok tebing sungai, dan projek mendalamkan sungai. Penyelenggaraan berkala masih kurang dilakukan di sepanjang sungai Kedah. Kejadian tebing runtuh	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		akibat hakisan sungai sering terjadi selepas banjir atau hujan lebat memberi ancaman keselamatan kepada penduduk. Hal ini disebabkan kurangnya projek-projek pengukuhan tebing contohnya seperti pemasangan batu konkrit/tiang dengan meluas. Kurangnya penyelenggaraan dari segi pemangkasan pohon-pohon besar di sepanjang rizab sungai menyebabkan ia tumbang ke dalam sungai yang sedia cetek menyebabkan aliran air menjadi tersekat dengan dahan pokok, sampah dan sebagainya. Keadaan ini membahayakan penduduk terutama para nelayan darat yang menggunakan bot untuk melalui dan menangkap hasil di kawasan sungai tersebut. Faktor sungai yang mudah melimpah ketika hujan lebat memerlukan intervensi penting seperti projek mendalamkan dasar sungai amat diperlukan segera. (Kg Alor Ganu, Kg Alor Madi dan Kg Kubang Teduh)	
3.	Keperluan pembangunan infrastruktur	Sepanjang Jalan Kampung Alor Madi, tiada lampu jalan yang dipasang. Isu ini menyebabkan kesukaran bagi penduduk kampung untuk keluar	** Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	selamat dan mudah akses	dan masuk ke kawasan kampung pada waktu malam.	
		Keadaan jalan raya yang sempit di sepanjang Jalan Kampung Alor Madi. Kenderaan berat seperti lori dan kereta besar menyukarkan pergerakan keluar masuk ke dalam kawasan kampung.	
4.	Kesukaran untuk mengakses sokongan subsidi	Peruntukan yang terhad untuk sokongan sosial. Warga emas mengalami kesukaran untuk mendapatkan subsidi kerajaan kerana hasil penuaian padi bergantung kepada keadaan hasil yang tidak menentu.(Jalan Kampung Alor Madi)	** Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir*
5.	Masalah banjir	Isu banjir merupakan masalah paling utama dialami penduduk Kg Alor Madi, Alor Ganu dan Kubang Teduh berpunca dari faktor geografi kedudukan kampung yang berada di lembaran sungai Kedah. Menurut peserta, kejadian banjir semakin kerap dan memburuk sejak kebelakangan ini. Sebagai contoh, banjir besar yang melanda pada pertengahan bulan September 2024 - Oktober 2024 (3-4 bulan) memusnahkan harta benda dan sektor ekonomi setempat (sawah) serta menjejaskan sejumlah 4,200 orang.	Masalah saliran yang dibincangkan merujuk kepada kejadian banjir yang berlarutan hampir sebulan, berpunca terutamanya daripada keadaan sungai yang semakin sempit dan tidak diselenggara dengan berkesan. Penyelenggaraan sungai didapati tidak dilaksanakan secara menyeluruh, khususnya dari segi pendalaman sungai, sebaliknya hanya tertumpu kepada pembersihan sampah. Keadaan ini diburukkan lagi oleh pemendapan sedimen tahunan akibat banjir serta pelupusan sisa pembersihan air dari kawasan Bukit Tiram ke dalam sungai, yang seterusnya mengurangkan kapasiti

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Berdasarkan maklumat peserta, tiga faktor besar menyumbang kepada masalah ini, pertama faktor iklim (musim tengkujuh) yang membawa hujan Monsun, faktor Rancangan Tebatan Banjir (RTB) iaitu projek Kerajaan Persekutuan untuk menyalurkan lebihan air sungai ke laut yang masih tertangguh semenjak 2011 dan faktor keadaan sungai yang cetek akibat mendapan sedimen sejak sekian lama (Kg Alor Ganu, Kg Alor Madi dan Kg Kubang Teduh)	aliran air.Selain itu, kelewatan menyiapkan projek tebatan banjir, seperti Rancangan Tebatan Banjir (RTB) di kawasan Anak Bukit, menyebabkan masalah banjir berulang setiap tahun. Tanpa langkah konkrit dan pelaburan yang mencukupi dalam pengurusan serta pemulihan sungai, masalah ini sukar ditangani secara berkesan. Kesan banjir juga didapati lebih tertumpu di kawasan pinggir sungai, sehingga memaksa sebahagian penduduk berpindah berulang kali, manakala kawasan lain yang jauh dari sungai kurang terjejas. Keadaan ini menunjukkan keperluan mendesak untuk pendekatan pengurusan sungai yang lebih komprehensif dan berterusan. (**Tuan Pegawai Daerah)** Walaupun kekangan bajet merupakan antara isu yang sering dibangkitkan, pendekatan pengurusan tidak seharusnya bergantung kepada faktor kewangan semata-mata. Sebagai agensi yang bertanggungjawab terhadap pengurusan sungai, JPS perlu melaksanakan kajian yang menyeluruh dan sistematik bagi mengenal pasti lokasi, laluan serta bahagian sungai yang sempit dan berisiko. Pendekatan ad hoc perlu dielakkan, sebaliknya

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			digantikan dengan kerja-kerja tinjauan lapangan, penyediaan laporan teknikal dan penyelidikan berasaskan data. Isu banjir bukanlah fenomena baharu atau berlaku secara tiba-tiba, sebaliknya telah berlarutan sejak lebih 30 tahun lalu. Oleh itu, kebergantungan kepada tindakan berulang setiap tahun tanpa penyelesaian jangka panjang perlu dihentikan, dan langkah strategik yang lebih berkesan perlu dilaksanakan- **Tuan Pegawai Daerah**
6.	Kelemahan pengurusan sisa menyebabkan pencemaran sungai	Masalah pengurusan sisa di sekitar kawasan Sungai Alor. Keadaan sungai yang kotor berpunca daripada ketiadaan pemungut sampah dan beberapa ranting pokok mati turut tumbang ke dalam sungai menyebabkan lagi air sungai kotor.	** Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir*
7.	Aktiviti tuba ikan menjejaskan ekosistem marin sungai Penguatkuasaan pihak kerajaan (Jabatan	Isu tuba ikan seperti penggunaan racun atau bom di Sungai Kedah. Kurangnya pemantauan pihak berwajib sehingga ada pihak tidak bertanggungjawab menuba atau menangkap hasil sungai dengan cara menumpahkan racun/bom air untuk menangkap hasil sungai secara besar-besaran. Akibatnya,	** Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	Perikanan/polis) kurang memuaskan	jumlah ikan/benih sungai Kedah menyusut dengan teruk.	
8.	Struktur tanah tidak stabil menyebabkan tanah jerlus / mendap	Hakisan sungai melemahkan struktur tanah tebing sungai, dan tanah jerlus. Pergerakan air pasang surut dan penyaluran air ke saliran pertanian menyebabkan hakisan tebing dan membawa kepada mendapan tanah. Mendapan tanah menyebabkan kerosakan permukaan jalan raya di sepanjang sungai dan memberi ancaman keselamatan kepada pengguna.	Selain kerja mendalamkan sungai, langkah mitigasi banjir perlu merangkumi pelaksanaan dan penyelenggaraan projek penahan tebing bagi mengawal aliran air yang deras. Kerosakan infrastruktur seperti jalan terputus sering berulang kerana kerja penurapan semula sahaja tidak menyelesaikan punca masalah apabila banjir seterusnya berlaku. Oleh itu, perancangan tebatan banjir pada skala kecil yang praktikal perlu dilaksanakan secara bersepadu, khususnya melalui pembinaan penahan tebing yang berkesan dan berterusan. (**Tuan Pegawai Daerah)**
9.	Halangan akses ke Sungai Kedah	Pembinaan RTB sungai Kedah, Anak Bukit bakal menghalang akses penduduk ke sungai asal. Menurut penduduk setempat, setelah siapnya pembinaan projek RTB Anak Bukit kelak ia akan menghalang pergerakan penduduk khususnya nelayan Kg Alor Madi & Alor Ganu menggunakan perahu/bot untuk ke sungai asal (sungai Kedah). Justeru penduduk memohon kepada pihak berwajib untuk membuat pintu akses bersesuaian	** Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		agar nelayan tidak terputus jalan sungai dan dapat meneruskan aktiviti perikanan disepanjang sungai seperti biasa	
10.	Pendapatan pertanian padi rendah	Aktiviti pertanian padi terjejas akibat banjir, peningkatan kos pertanian dan hasil penjualan yang merugikan. Sektor pertanian setempat terjejas teruk apabila banjir menenggelamkan sawah padi mereka. Ia diburukkan lagi dengan masalah kenaikan input pertanian seperti kenaikan harga benih, ketidaksesuaian racun dan serangan penyakit. Hasil jualan padi juga tidak menguntungkan kerana pengilang membeli pada harga rendah untuk setiap tan pengeluaran iaitu sekitar RM1,300 ke RM1,400 sahaja. Hal ini menyebabkan pendapatan mereka menjadi sangat rendah dan kadangkala terpaksa berhutang apabila musim tuaian tidak berhasil.	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir*
11.	Pembenihan ikan sungai kurang	Bantuan pelepasan benih ikan utama seperti ikan Lampam & Udang Galah dari Jabatan Perikanan. Penduduk ingin menjadikan sektor perikanan sebagai sumber perekonomian baru namun mengalami kekurangan sumber kerana hasil sungai	Apabila berlaku banjir, ikan dan udang galah di sungai akan dihanyutkan arus ke kawasan muara, menyebabkan pengurangan sumber akuatik di kawasan terjejas. Oleh itu, bagi memulihkan dan mengekalkan kelestarian sumber perikanan sungai, program pembenihan dan pelepasan benih ke

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Kedah adalah bermusim dan tidak mencukupi untuk menampung keperluan penduduk. Saranan penduduk adalah untuk kerajaan menambah kekerapan perlepasan benih-benih ikan ke dalam sungai dan dilakukan secara berkala agar populasi ikan sedia ada bertambah. Ini dapat merancakkan ekonomi dan membuka peluang pendapatan berasaskan perikanan selain pertanian padi. (Kg Alor Ganu, Kg Alor Madi dan Kg Kubang Teduh)	perairan umum dilaksanakan secara berterusan setiap tahun. Pelaksanaan program ini memerlukan peruntukan kewangan bagi penyediaan benih dan pelepasan di lokasi sungai yang dikenal pasti. (**Pegawai Perikanan)** Pembenihan dilaksanakan berasaskan spesies ikan asli yang sedia ada di sesuatu sungai, selaras dengan habitat semula jadinya. Sebagai contoh, sekiranya sungai tersebut merupakan habitat udang galah, maka aktiviti pembenihan udang galah akan dijalankan di kawasan tersebut bagi memastikan kesesuaian ekologi serta kelestarian sumber akuatik. (**Pegawai Perikanan)**

Jadual 5. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 2

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 2: Dialog Bersama Komuniti Kg. Kuar Jawa **Tarikh:** 10 Januari 2025 (Jumaat) **Bilangan peserta:** 22 peserta **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 1 kumpulan			**Agensi yang memberikan respon:** 1. Pegawai Pertanian
1.	Racun sawah padi tidak berkualiti dan bersesuaian	Racun subsidi tidak sesuai, tidak cukup dan perlu beli sendiri meskipun mahal. Pembekalan racun subsidi dari kerajaan tidak begitu sesuai dan efektif dengan keperluan semasa aktiviti pertanian sesuatu musim. Sebagai contoh, petani terpaksa membeli racun tambahan walaupun harganya mahal apabila racun diberi jabatan pertanian/MADA tidak berupaya mematikan jenis rumpai yang tumbuh.	** Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir*
2.	Kos dan kualiti benih padi semakin tinggi	Harga benih naik sehingga 45% dan tidak berkualiti. Kos mendapatkan benih padi telah meningkat sedangkan kualiti benih pula tidak berubah. Sebagai contoh, dahulu harga benih cuma RM35 namun telah meningkat kepada RM55 minima iaitu sekitar 45 peratus peningkatan untuk satu beg. Selain itu, jenis benih yang dibekalkan juga seringkali kurang menjadi/tidak berkualiti. Masalah	** Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		pertumbuhan rumpai dan kewujudan padi angin juga semakin ketara setelah menggunakan benih-benih tersebut.	
3.	Ketiadaan inovasi baja padi	Penggunaan baja jenis sama sejak puluhan tahun / tiada pembaharuan teknologi baja. Kadar pengeluaran hasil padi adalah tidak banyak berubah mungkin didorong oleh kurangnya pembuatan baja baru atau inovasi dari segi teknologi baja yang lebih berkualiti. Pembuatan baja baru adalah penting supaya ia membantu ke arah penghasilan beras lebih banyak dan optimum.	Isu keberkesanan baja bukan berpunca daripada kualiti atau jenis baja yang digunakan, sebaliknya disebabkan oleh peningkatan nilai pH tanah. Walaupun baja seperti urea atau baja campuran (15:13) adalah sesuai dan tidak bermasalah, perubahan sifat kimia tanah, khususnya peningkatan pH, menyebabkan keberkesanan baja tersebut berkurangan walaupun baja yang sama digunakan. (**Pegawai Pertanian)**
4.	Pelarasan harga jualan padi yang rendah	BERNAS isytihar harga belian rendah manakala kilang persendirian pula bermain harga. Ketiadaan harga siling tetap. Ketiadaan harga siling menyebabkan harga jualan padi rendah sebagai contoh pihak kilang persendirian akan membeli harga yang dikatakan lebih tinggi dari nilai harga siling yang ditetapkan untuk menyimpan stok namun akan mengikut semula harga Bernas yang rendah sekitar RM1300 ke RM1400 sahaja satu tan. Harga yang tidak menentu/rendah ini menyebabkan petani tidak	Bab ini membincangkan isu subsidi serta penetapan harga padi. Harga lantai padi ditetapkan pada RM1,300, berbanding RM1,800 pada musim sebelumnya. Ditekankan kepentingan pihak Rentas Parlimen berunding dengan kementerian berkaitan bagi mempertimbangkan kenaikan harga siling atau harga lantai padi. (**Pegawai Pertanian)**

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		dapat menampung kos input seperti kos baja, racun, benih, upah meracun, membajak dan sebagainya yang semakin meningkat.	
5.	Merempit dalam kalangan remaja	Kehadiran remaja berlumba motor di kawasan kampung. Masalah rempit telah berlaku sudah lama di kawasan kampung. Kebanyakan pelumba haram ini adalah penduduk luar dan akan mula berlumba pada lewat malam (11 pm ke atas) dan ia mengganggu ketenteraman penduduk yang rata-ratanya adalah warga emas. Meskipun rondaan dibuat tetapi situasi masih tetap berlaku.	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi*
6.	Jalan rosak akibat mendapan tanah	Berlaku mendapan tanah di sekitar tebing sungai kampung menyebabkan jalan rosak. Jalan raya bersebelahan sungai banyak mengalami kerosakan seperti berlubang, beralun dan pecah kerana mendapan tanah.	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir*

Jadual 6. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 3

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 3: Dialog Bersama Komuniti Kg Kuala Kuar **Tarikh:** 11 Januari 2025 (Sabtu) **Bilangan peserta:** 16 peserta **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 1 kumpulan			**Agensi yang memberikan respon:** 1. Jabatan Perikanan
1.	Sektor kerjaya perikanan sukar kerana tiada lesen	Terdapat kira-kira 60 orang nelayan di Kampung Kuala Kuar, yang kebanyakannya terdiri daripada kaum Melayu. Namun, hanya 4 orang nelayan yang memiliki lesen sah. Kekurangan lesen menyebabkan nelayan tersebut tidak layak menerima bantuan serta subsidi daripada kerajaan. Beberapa nelayan yang telah lama berkhidmat, walaupun memiliki lesen, namun tiada bot untuk melaksanakan aktiviti perikanan, enggan membatalkan lesen mereka kerana masih mengharapkan bantuan daripada kerajaan. Lesen nelayan dianggap penting kerana ia dapat membantu meningkatkan kesejahteraan nelayan melalui pemberian insentif, subsidi minyak, serta bantuan daripada Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM). Walaupun ramai nelayan memohon lesen, mereka tidak menerima maklum balas sehingga bertahun-tahun lamanya. Menurut	** Tiada maklum balas khusus daripada agensi*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		nelayan yang mempunyai lesen, sekiranya permohonan lesen mereka diluluskan, cop "diterima" akan dicatatkan pada borang permohonan mereka.	
		Nelayan juga meluahkan rasa kecewa terhadap Jabatan Perikanan dan LKIM kerana tiada pemantauan yang dilaksanakan di lapangan. Hal ini menyebabkan kebajikan nelayan tidak terjaga, seterusnya memberi impak negatif terhadap kehidupan dan sumber pendapatan mereka.	** Tiada maklum balas khusus daripada agensi*
2.	Kekurangan penguatkuasaan terhadap pencerobohan perikanan tempatan dan asing	Pencerobohan sering berlaku di perairan Zon C1, C2, dan B, dengan kejadian paling kerap dilaporkan di Zon A, yang merupakan kawasan penting untuk pembiakan ikan. Pencerobohan ini berlaku hampir setiap hari, baik siang mahupun malam. Kebanyakan bot yang terlibat adalah bot tempatan, namun pekerja yang mengoperasikan bot tersebut adalah pekerja asing. Punca utama berlakunya pencerobohan ini adalah kurangnya penguatkuasaan daripada pihak Maritim. Walaupun pihak Maritim turun untuk menjalankan pemantauan, mereka hanya melakukan rondaan sekali sebulan, tanpa sebarang	Kehadiran jeti haram bukan sahaja berlaku di Kuala Kedah, tetapi turut menjejaskan komuniti pesisir lain seperti Kuala Sala. Penduduk tempatan yang bergantung kepada aktiviti nelayan untuk memperoleh sumber pendapatan menghadapi isu yang serupa. Pola kemasukan hasil laut melalui laluan tidak sah ini menunjukkan wujudnya corak masalah yang konsisten, yang memerlukan pendekatan strategik dan tumpuan kepada titik-titik kritikal kemasukan tersebut. **(Jabatan Perikanan)**

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		tindakan lanjut. Beberapa aduan telah dibuat oleh nelayan mengenai pencerobohan ini, namun mereka diberitahu bahawa bot laju pihak Maritim kekurangan bekalan minyak untuk melaksanakan rondaan. Nelayan merasa alasan tersebut tidak munasabah dan tidak dapat diterima, kerana mereka menganggap ia tidak menyelesaikan masalah pencerobohan yang berlarutan. Akibat daripada pencerobohan ini, jumlah ikan semakin berkurang, menyebabkan pendapatan nelayan turut merosot. Dahulu, nelayan mampu memperoleh antara 30 kg hingga 100 kg ikan, namun kini jumlah tangkapan mereka hanya sekitar 5 kg hingga 6 kg sahaja. Bagi meningkatkan hasil tangkapan ikan, para nelayan mencadangkan pembuatan tukun tiruan. Namun, disebabkan ketiadaan bantuan daripada pihak berwajib, para nelayan juga terpaksa membina tukun tiruan tersebut secara sendiri tanpa sokongan luar.	

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
3.	Infrastruktur jeti yang usang	Jeti di kawasan tersebut dibina atas inisiatif para nelayan sendiri, menggunakan tayar-tayar terpakai. Walaupun aduan telah dibuat mengenai keadaan ini, tiada sebarang maklum balas atau bantuan yang diterima daripada pihak berwajib.	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi*
4.	Kos tinggi dalam menyelenggarakan peralatan memancing	Pukat rentang untuk menangkap ketam berharga sekitar RM1,000. Harga ini melebihi kemampuan sebahagian besar nelayan, menyebabkan mereka sukar untuk memperoleh peralatan tersebut.	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi*

Jadual 7. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 4

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 4: Dialog Bersama Komuniti Kg Telok Talipan **Tarikh:** 11 Januari 2025 (Sabtu) **Bilangan peserta:** 16 peserta **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 2 kumpulan			**Agensi yang memberikan respon:** 1. Pegawai Daerah 2. AADK
1.	Pembangunan belia terjejas kerana gejala sosial yang melibatkan golongan belia	Golongan belia di kawasan ini juga terlibat dalam masalah penagihan dadah dan kegiatan merempit, termasuk beberapa pelajar sekolah. Aktiviti merempit ini mengganggu ketenteraman penduduk setempat. Walaupun aduan telah dibuat dan pihak polis melakukan rondaan, masalah ini masih berterusan. Kegiatan merempit ini tidak hanya membahayakan nyawa, tetapi para pelaku juga tidak menunjukkan kesedaran atau insaf. Pihak polis sering melakukan rondaan pada waktu malam untuk membendung masalah ini. Aktiviti merempit ini turut terjadi oleh kehadiran individu dari luar kawasan, seperti dari Pulau Pinang, Perlis, dan kawasan sekitar Kuala Kedah.	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi*
2.	Kesukaran untuk mengakses sokongan kebajikan	Berdasarkan pengalaman peserta, agihan bantuan yang diberikan dikatakan tidak mengikut kriteria	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	kerajaan, bantuan dan subsidi	kelayakan penerima bantuan seperti yang dianjurkan oleh pihak berwajib. Sebahagian besar penerima bantuan adalah mereka yang menetap di kawasan bandar atau pekan. Contohnya, jika seorang ibu tunggal yang tinggal di kawasan bandar mempunyai tiga orang anak, kesemua anaknya akan menerima bantuan. Namun, bagi ibu tunggal yang tinggal di kawasan luar bandar, hanya seorang sahaja yang dipilih untuk menerima bantuan daripada setiap isi rumah, walaupun mereka juga mempunyai lebih daripada seorang anak. Perbezaan dalam pengagihan bantuan ini menyebabkan golongan ibu tunggal di luar bandar merasa terpinggir dan kurang mendapat perhatian yang sewajarnya.	
3.	Implikasi sosial dan ekonomi terhadap golongan ibu tunggal yang kurang diberri perhatian.	Di kawasan ini, sekitar 40% penduduknya terdiri daripada golongan ibu tunggal. Malangnya, golongan ini tidak mendapat bantuan yang sewajarnya daripada pihak kerajaan. Meskipun mereka menghadapi cabaran besar dalam menanggung kehidupan keluarga seorang diri, terutama dalam memenuhi keperluan asas dan pendidikan anak-anak, mereka seringkali terlepas	** Tiada maklum balas khusus daripada agensi*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		daripada mendapatkan sokongan yang diperlukan. Peserta turut menyatakan bahawa kebanyakan bantuan yang tersedia lebih banyak disalurkan kepada golongan yang menetap di pekan atau bandar, sedangkan ibu tunggal di kawasan luar bandar seperti disini jarang sekali mendapat perhatian. Bantuan yang dimaksudkan termasuk bantuan kewangan dan bantuan pendidikan untuk anak-anak. Para ibu tunggal ini mengeluh kerana mereka tidak mampu untuk memenuhi keperluan harian dengan pendapatan yang terhad. Dalam hal ini, kekurangan informasi dan bantuan yang teratur menyukarkan mereka untuk keluar dari kemiskinan dan meningkatkan taraf hidup.	
4.	Pelarian dan pendatang yang telah menyebabkan ketegangan sosial dengan penduduk tempatan	Pembinaan penempatan haram. Terdapat ramai pendatang luar yang datang ke kawasan ini dan membuat penempatan secara sendiri tanpa kelulusan yang sah. Mereka mendirikan rumah secara haram di tanah yang tidak mempunyai hak milik atau izin daripada pihak berkuasa. Sesetengah individu ini telah bertahun-tahun menetap di atas penempatan haram tersebut,	** Tiada maklum balas khusus daripada agensi*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		tanpa sebarang tindakan penguatkuasaan diambil. (Kg. Seberang Kota, Kg Seberang Alor, Kg Baru, dan Kg Bakar Kapur)	
5.	Kekurangan akses kepada bekalan a ir bersih dan dirawat	Gangguan bekalan air. Di kawasan ini, masalah gangguan bekalan air sering berlaku. Apabila isu ini timbul, ia biasanya mengambil masa sehingga tiga hari untuk diselesaikan. Walaupun aduan telah dibuat, tiada maklum balas atau tindakan yang diambil oleh pihak berwajib. Seharusnya, pembinaan tangki air yang mencukupi perlu dilaksanakan untuk menampung keperluan bekalan air di kawasan taman ini. Meskipun banyak taman dibina, tetapi kapasiti tangki air yang ada tidak mencukupi untuk menampung permintaan penduduk, terutamanya pada musim-musim tertentu terutamatanya pada msuim perayaan. Masalah gangguan bekalan air ini sering kali berlaku semasa musim perayaan seperti Hari Raya, yang memberi impak besar kepada penduduk. Pihak berwajib juga tidak membuat pengumuman awal mengenai kemungkinan berlakunya gangguan bekalan air, menyebabkan penduduk dan peniaga terkejut dan terkesan. Bagi peniaga, gangguan	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		bekalan air memberi kesan yang ketara terhadap operasi perniagaan mereka, kerana air adalah sumber penting dalam menjalankan aktiviti harian. Akibat gangguan bekalan air yang kerap ini, setiap rumah terpaksa bergantung kepada pam air sendiri untuk memastikan kelangsungan hidup. Ini menambah beban kewangan bagi keluarga yang terpaksa membeli atau memasang pam air, kerana bekalan air yang tidak stabil. Situasi ini menyebabkan penduduk berasa tertekan, terutamanya pada musim perayaan atau ketika bekalan air terputus dalam tempoh yang panjang. (Taman Kota Nelayan)	
6.	Masalah banjir disebabkan oleh pencemaran	Terdapat banyak sampah yang tersumbat di dalam longkang, menyebabkan aliran air terhalang dan meningkatkan risiko banjir serta masalah kesihatan. Walaupun penduduk telah mengadakan aktiviti gotong-royong untuk membersihkan longkang, tidak semua penduduk memberikan kerjasama sepenuhnya. Beberapa penduduk kurang peka terhadap tanggungjawab bersama dalam menjaga kebersihan kawasan. (Taman Kota Nelayan)	Terdapat situasi di mana penduduk tempatan kurang berminat untuk terlibat dalam aktiviti komuniti seperti gotong-royong, menyebabkan tanggungjawab ini lebih banyak dipikul oleh agensi-agensi tertentu. Oleh itu, terdapat keperluan untuk mengubah mindset penduduk agar mereka lebih proaktif, sambil menekankan bahawa penglibatan aktif (engagement) tetap perlu dijalankan oleh pihak berkenaan. **(Tuan Pegawai Daerah)**

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
7.	Isu kebersihan awam Ketiadaan penyelenggaran perparitan/ longkang Masalah berkaitan sikap individu dan perkhidmatan pengutipan sampah pihak majlis	Apabila hujan turun, air di longkang sering melimpah kerana sistem longkang yang tidak memenuhi piawaian. Ada longkang yang terlalu dalam, sementara yang lain pula sempit dan tidak berfungsi dengan baik. Akibat daripada masalah ini, kes denggi di kawasan ini meningkat dengan ketara. Kementerian Kesihatan telah melancarkan kempen pencegahan denggi, namun pihak kesihatan hanya melakukan fogging apabila terdapat kes yang dilaporkan, bukannya sebagai langkah pencegahan berkala. Salah satu faktor utama yang menyumbang kepada melimpahnya air dari longkang adalah pembinaan rumah oleh penduduk yang menyebabkan simen dan bahan pembinaan lain jatuh ke dalam longkang, menyumbat saluran air dan menghalang kelancaran aliran air. Situasi ini bukan sahaja menyumbang kepada banjir kilat, tetapi turut meningkatkan risiko pembiakan nyamuk aedes yang membawa penyakit denggi. (Taman Kota Nelayan)	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Lambakan sampah adalah berpunca dari jumlah tong sampah tidak mencukupi dan jumlah pekerja kontrak pembersihan yang sedikit. Ditambah pula sikap individu itu sendiri yang kurang menitikberatkan aspek penjagaan alam sekitar menyumbang kepada permasalahan ini. (Kg Telok Talipon, kariah Masjid Taman Kota)	
8.	Masalah pembangunan infrastruktur yang dihadapi penduduk Kesesakan lalu lintas Ketiadaan kemudahan kesihatan (X-ray) Ketiadaan lampu jalan Keadaan jalan raya yang	Kebanyakan pemandu luar sering meletakkan kenderaan sesuka hati di kawasan tersebut, tanpa mematuhi peraturan yang ada. Keadaan ini menyebabkan kesesakan lalu lintas yang berterusan. Sebagai langkah penyelesaian, seharusnya disediakan papan tanda yang jelas mengenai larangan letak kenderaan dan amaran kompaun atau saman bagi pemandu yang melanggar peraturan. Ini dapat mengurangkan masalah kesesakan dan memastikan disiplin pemandu lebih terjaga, seterusnya meningkatkan aliran trafik di kawasan tersebut. Juga peserta-peserta meminta untuk membina lampu isyarat untuk faktor keselamatan. (Jambatan Tok Pasai (Simpang 3), Kg Tengah (berhadapan Klinik Kesihatan), Jambatan (menghala ke Kota Marina))	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	mengakibatkan kemalangan	Infrastruktur jalan agak kurang memuaskan dimana peserta menyatakan sering kali berlaku kesesakan lalu lintas terutama di Jambatan Tok Pasai yang menghubungkan kawasan seberang sungai. Kesesakan menjadi lebih parah setibanya musim-musim perayaan dan cuti umum. Peserta mencadangkan agar dapat dibina lampu isyarat untuk mengawal lalu lintas kendaraan sekaligus mengurangkan risiko keselamatan kepada penduduk. (Kg Telok Talipon, kariah Masjid Taman Kota) Ketiadaan X-ray di klinik KK berhampiran. Akses kemudahan kesihatan secara umumnya baik namun terpaksa bergerak ke klinik kesihatan Simpang Kuala yang terletak sejauh 40 minit perjalanan jika perlu mendapatkan X-ray. (Kg Telok Talipon, kariah Masjid Taman Kota) Kawasan ini juga mengalami masalah kekurangan lampu jalan, yang menyebabkan keadaan gelap pada waktu malam. Selain itu, struktur jalan yang tidak rata menambah risiko kemalangan bagi pengguna jalan raya. Walaupun aduan telah dibuat	

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		mengenai masalah ini, tiada sebarang maklum balas atau tindakan diambil oleh pihak berwajib untuk membaik pulih keadaan tersebut (Jalan Padang Garam sehingga ke Kota Kuala Kedah, Tok Pasai masuk ke Kota Nelayan, Selepas Taman Kota Nelayan Kota Nelayan menghala ke SMK Kubang Rotan) Tiada bonggol jalan di hadapan selekoh sekolah, yang menyebabkan kejadian kemalangan jalan raya sering berlaku di kawasan tersebut. Keadaan ini semakin memburuk kerana banyak pemandu memandu melebihi had laju yang dibenarkan, sekali gus membahayakan keselamatan pelajar dan pengguna jalan raya yang lain. Walaupun aduan telah dibuat kepada pihak berwajib, tiada tindakan yang diambil untuk menangani isu ini. Isu ini berkait rapat dengan keselamatan, dan jika tidak ditangani segera, ia berisiko mengakibatkan lebih banyak kemalangan di masa depan. (Jalan Utama Taman Kota Nelayan)	
9.	Kenaikan kos sara hidup	Perbelanjaan keperluan hidup meningkat akibat inflasi. Bebanan kos sara hidup banyak memberi kesan kepada kehidupan seharian mereka. Kos	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		sara hidup yang paling utama adalah melibatkan perbelanjaan makanan, sewa, utiliti dan pendidikan. Sebagai contoh, anggaran keperluan pembiayaan pendidikan untuk seorang anak yang bersekolah rendah mencapai hampir RM500. Kos ini merangkumi yuran kelas KAFA, bayaran kerja khusus, pembelian pakaian beruniform persatuan dan sebagainya. Anggaran pemberian duit poket pelajar juga tinggi sekitar RM2 ke RM7 seorang sehingga memberi tekanan kewangan kepada ibu bapa dan ada juga terpaksa memberikan bekal kepada anak-anak sebagai makanan tambahan. (Kg Telok Talipon, kariah Masjid Taman Kota)	
10.	Perumahan kos rendah tidak banyak dibina.	Pemilikan rumah yang rendah dan perumahan teres kos rendah tidak banyak dibina. Penduduk adalah terdiri dari golongan B40 yang bekerja sebagai nelayan, pesawah dan bekerja sendiri. Rekod kewangan yang lemah menyukarkan mereka untuk membeli rumah dan hanya mampu untuk menyewa sahaja. Oleh itu, penduduk memerlukan satu bentuk bantuan kerajaan dari segi akses pemilikan rumah. Faktor pembinaan rumah kos rendah atau mampu milik juga tidak banyak dibina di kawasan kampung Telok Talipon turut	** Tiada maklum balas khusus daripada agensi*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		diketengahkan. (Kg Telok Talipon, kariah Masjid Taman Kota)	
11.	Kecurian	Kes kehilangan barang dan hasil tanaman semakin menjadi-jadi di kawasan kampung. Kejadian kecurian banyak dilakukan oleh penagih dadah di kawasan kampung dan ia bukan sahaja melibatkan harta benda bahkan hasil tanaman. Sebagai contoh, penduduk menyatakan hasil tanaman mereka seperti buah-buahan (pisang, daun pisang) juga turut dicuri dan dijual pihak tidak bertanggungjawab ini. (Kg Telok Talipon, kariah Masjid Taman Kota)	** Tiada maklum balas khusus daripada agensi*
12.	Penagihan dadah dalam kalangan belia muda dan penganggur	Masalah penagihan dadah banyak berlaku kepada masyarakat kampung tidak mengira umur. Terdapat penagih dari golongan belia yang tercicir pendidikan dan ada juga penagih dari kalangan penganggur. Kelakuan penagih adalah sukar diramal dan kebiasaannya mereka banyak mendatangkan masalah. Hal ini membimbangkan penduduk jika tiada langkah proaktif diambil. Peserta turut mencadangkan agar para penagih/penganggur dapat diberikan kerja berbanding hanya bantuan rehabilitasi semata-mata. (Kg Telok Talipon, kariah Masjid Taman Kota)	Walaupun tidak semua anggota komuniti terlibat, sebahagian kecil tingkah laku negatif boleh menjejaskan imej keseluruhan masyarakat Kuala Kedah. Isu dadah di kawasan ini telah lama wujud dan masih berterusan, dengan aktiviti pengedaran dan penggunaan dadah kini lebih canggih. Pengambilan pil terlarang telah menggantikan suntikan, dan sumber pil tersebut sukar dikesan. Dengan pintu masuk yang pelbagai daratan, lautan, dan udara serta pengeluaran pil berkualiti tinggi di negara jiran, keadaan ini menimbulkan kebimbangan serius terhadap keselamatan dan

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			kesejahteraan komuniti setempat. **Tuan Pegawai Daerah** Jumlah klien yang aktif terlibat dengan dadah di Kuala Kedah dianggarkan seramai 150 orang. Walaupun pelbagai usaha pencegahan dan program kesedaran telah dilaksanakan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), situasi masih menunjukkan jumlah kes yang tinggi, contohnya lebih 100 individu hadir dalam satu sesi baru-baru ini. Kuala Kedah diklasifikasikan sebagai kawasan berisiko tinggi (Kawasan Berisiko Tinggi, KBT), sebelum ini dikenali sebagai Kawasan Perangi Dadah Habis-habisan (KPDH). Walaupun nama program dan pendekatan berubah dari masa ke masa, ia menunjukkan bahawa kawasan tersebut tetap menjadi fokus utama dalam usaha pencegahan dan pengurusan dadah. (**AADK)**
13.	Lumba haram dan basikal lajak	Aktiviti lumba haram di kalangan belia masih berleluasa terutama di pantai Leman iaitu kawasan 'hot spot', Meskipun laporan yang dibuat telah diambil tindakan namun ia kembali berulang dan seperti tiada kesudahannya. Masalah sosial ini turut melibatkan aktiviti lumba basikal lajak yang	** Tiada maklum balas khusus daripada agensi*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		dikhuatiri akan pula menjadi "mat rempit" di kemudian hari. (Kg Telok Talipon, kariah Masjid Taman Kota, Pantai Leman)	
14.	Peluang pekerjaan terhad kerana tiada banyak sektor perkilangan di sekitar kawasan Kuala Kedah	Majoriti peluang pekerjaan adalah bertumpu dalam sektor agro ekonomi seperti pertanian sawah dan perikanan. Sektor pekerjaan yang bergaji tinggi adalah sangat minima dan sekiranya penduduk ingin bekerja dalam sektor lain, mereka perlu berhijrah keluar ke bandar besar seperti Alor Star dan Kulim.(Kg Telok Talipon, kariah Masjid Taman Kota)	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi*
15	Syarat bantuan JKM dan zakat terlalu ketat	Penduduk yang memerlukan bantuan tidak melepasi syarat yang terlalu ketat sama ada dari pihak JKM mahupun zakat. Sebagai contoh apabila pegawai mendapati pemohon mempunyai motor atau mempunyai rumah secara automatik permohonan bantuan mereka ditolak. (Kg Telok Talipon, kariah Masjid Taman Kota)	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi*

Jadual 8. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 5

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 5: Dialog Bersama Komuniti Nelayan Pantai Aman Laut **Tarikh:** 11 Januari 2025 (Sabtu) **Bilangan peserta:** 26 peserta **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 2 kumpulan			**Agensi yang memberikan respon:** *Tiada*
1.	Infrastruktur pengkalan daif	Memerlukan penaiktarafan jeti usang. Infrastruktur yang paling utama adalah berkaitan keadaan jeti pendaratan. Peserta menyatakan jeti di kampung tersebut boleh dikatakan daif berbanding jeti-jeti lain di kawasan Parlimen Kuala Kedah. Jeti sedia ada sudah tidak dapat menampung kesesakan jumlah bot/perahu nelayan lantaran kemasukan nelayan kampung lain yang berpindah masuk. Selain itu, nelayan di kampung nelayan pantai menjalan aktiviti menangkap hasil jenis kerang-kerangan yang berbeza-beza seperti kerang, lokan, ketam, siput dan lain-lain memerlukan jeti yang lebih banyak.	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi*
2.	Kekurangan peluang pendidikan dan kemahiran	Tiada program latihan / geran pendidikan /bantuan peralatan. Kebanyakan nelayan bergantung sepenuhnya dengan aktiviti penangkapan hasil laut dan tidak mempunyai kemahiran lain. Menurut peserta, di kampung Nelayan Pantai tidak mempunyai program latihan atau geran	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		pendidikan yang mencukupi untuk mereka belajar mengembangkan sumber pendapatan sampingan.	
3	Kekurangan peralatan dan kewangan	Tiada saluran daripada segi kewangan dan kemahiran untuk membangunkan sektor produk hiliran. Golongan nelayan lelaki banyak menghabiskan masa di laut dan pada masa sama pendapatan mereka masih tidak mencukupi. Hal ini menyebabkan kaum wanita terutama isteri-isteri cuba untuk membantu menambah pendapatan dengan menjual hasil ikan diproses secara kecil-kecilan sahaja. Komuniti ingin mengembangkan usaha mereka namun tidak mempunyai kewangan untuk membangunkan produk hiliran hasil laut di samping tiada peralatan atau mesin pembuatan yang lebih cekap bagi tujuan perniagaan.	** Tiada maklum balas khusus daripada agensi*
4.	Permohonan lesen TOL untuk tapak tiada maklum balas	Isu status tanah juga antara isu diketengahkan penduduk di mana tanah sedia ada adalah tanah rizab pantai dan mereka cuba memohon untuk kelulusan TOL namun malangnya masih tiada khabar. Ketiadaan kelulusan TOL menyebabkan golongan nelayan di kampung tersebut bimbang jika sekiranya melanggar undang-undang jika membuat apa-apa aktiviti lain seperti meniaga, pusat rekreasi dan sebagainya.	** Tiada maklum balas khusus daripada agensi*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
5.	Kesukaran mendapatkan kelulusan lesen	Isu perlesenan merupakan isu yang terkehadapan kerana kepentingannya kepada kelangsungan aktiviti perikanan. Kes permohonan perlesenan masih banyak tertangguh terutama melibatkan generasi muda. Hal ini berpunca daripada jumlah kuota tidak mencukupi atau kuota penuh dengan nelayan tidak aktif. Akibatnya, nelayan muda ini terdedah dengan risiko keselamatan kerana tiada perlindungan insuran, bimbang ditangkap kerana melanggar undang-undang, dan paling utama tidak menerima bantuan-bantuan yang mereka layak terima seperti bantuan bot, enjin, subsidi minyak dan bantuan sara hidup nelayan.	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi*
6.	Tiada kemudahan atau hak milik perumahan untuk generasi nelayan yang baru	Keperluan perumahan untuk golongan miskin. Pemilikan rumah dalam kalangan generasi baru nelayan amat sedikit. Ia adalah disebabkan kurangnya pembinaan rumah kos rendah dan tiada lanjutan bantuan perumahan kepada generasi baru nelayan. Ketiadaan pendapatan tetap juga menyukarkan mereka untuk membeli rumah dan terpaksa menyewa atau berimpit tinggal dengan ibu bapa walaupun sudah berkeluarga.	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
7.	Tiada status pemilikan kerana tiada geran tanah	Generasi nelayan yang membuat rumah di gigi air tidak mempunyai geran walaupun sudah tinggal dan membuat rumah di situ sejak sekian lama. Nelayan-nelayan ini tidak pernah memohon pemilikan rasmi tanah tapak rumah mereka duduki lantaran kurang mengetahui prosedur dan ia menyebabkan mereka dihalau apabila tapak rumah dimohon oleh orang lain diluluskan Pejabat Tanah Daerah.	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi*
8.	Kesukaran untuk mengakses sokongan kebajikan kerajaan, bantuan dan subsidi	Kekurangan maklumat. Peserta menyatakan bahawa mereka tidak tahu bagaimana untuk memohon bantuan atau dengan siapa mereka perlu berurusan. Mereka pernah bertemu dengan ketua kampung, namun ketua kampung memaklumkan bahawa tiada bantuan yang tersedia dan akan diberitahu sekiranya ada bantuan pada masa depan, tetapi sudah bertahun-tahun lamanya, tiada maklum balas yang diterima. Bagi pinjaman Amanah Ikhtiar, peserta tidak mampu untuk memohon kerana pinjaman tersebut memerlukan pembayaran mingguan. Oleh kerana pendapatan nelayan yang tidak menentu, mereka merasa tidak mampu untuk memenuhi komitmen pembayaran pinjaman ini dan oleh itu,	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		mereka memilih untuk tidak memohon pinjaman tersebut. Ada rumah peserta yang teruk dilanda ribut, menyebabkan kerosakan yang serius. Mereka pernah memohon bantuan untuk pembaikan rumah pada tahun 2005, namun sehingga kini tiada sebarang maklum balas atau jawapan diterima. Rumah peserta tersebut dibina daripada papan, yang menjadikannya lebih terdedah kepada kerosakan akibat cuaca ekstrem.	
9.	Pelarian dan pendatang menyebabkan ketegangan sosial dengan penduduk tempatan	Kehadiran pendatang asing warga Myanmar/Bangladesh/India yang terlalu ramai di kawasan ini menimbulkan kebimbangan dalam kalangan penduduk, terutamanya mengenai keselamatan anak-anak mereka. Penduduk bimbang bahawa keberadaan pendatang asing tanpa izin boleh meningkatkan risiko jenayah dan gangguan keselamatan. Terdapat pendatang yang memegang kad UNHCR, di mana anak-anak mereka menerima bantuan daripada pihak berwajib. Namun, anak-anak penduduk asal di kawasan ini tidak menerima	** Tiada maklum balas khusus daripada agensi*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		bantuan yang sama. Selain itu, golongan pendatang tersebut turut membuka perniagaan di kawasan ini, yang menambah lagi kebimbangan penduduk tempatan mengenai peluang pekerjaan dan kesejahteraan mereka. (Kawasan Pantai Aman Laut serta banyak lagi.)	
10.	Masalah pembangunan infrastruktur	Tiada lampu jalan. Lampu jalan yang ada di kawasan ini tidak berfungsi dengan baik; ada yang berfungsi dengan sempurna, namun ada juga yang rosak atau tidak berfungsi langsung. Situasi ini menimbulkan kebimbangan mengenai keselamatan penduduk dan ia turut meningkatkan risiko kejadian jenayah dan kemalangan jalan raya. Faktor keselamatan ini seharusnya diberikan perhatian serius oleh pihak berwajib bagi memastikan persekitaran yang lebih selamat untuk semua. (Jalan Kg Tepi Laut)	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi*
11.	Keperluan Perumahan untuk Golongan Miskin	Birokrasi dalam permohonan perumahan. Peserta juga bertanya sama ada mereka layak untuk memohon bantuan perumahan seperti inisiatif Rumah Mesra Rakyat, memandangkan situasi mereka yang memerlukan bantuan untuk mendapatkan tempat tinggal yang lebih selesa dan selamat. Mereka berharap ada peluang untuk	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		mendapatkan sokongan daripada kerajaan bagi memastikan kesejahteraan keluarga mereka terjamin. Pemilikan projek pembangunan perumahan tidak jelas. Terdapat projek pembangunan baru yang sedang dijalankan di kawasan ini, di mana sebuah kondominium sedang dibina. Baru-baru ini, sebuah rumah milik penduduk telah diruntuhkan sebagai sebahagian daripada projek tersebut, yang menyebabkan penduduk lain bimbang mereka akan menerima nasib yang sama. Mereka adalah penduduk asal di kawasan ini dan rumah mereka terletak di atas tanah rezab. Oleh itu, mereka berhasrat untuk mempertahankan hak mereka, tetapi tidak tahu ke mana harus mengadu atau mendapatkan bantuan. Pihak pemaju telah mengeluarkan notis selama dua minggu untuk meminta mereka mengosongkan rumah, namun tempoh yang diberikan dianggap tidak mencukupi untuk mereka mencari penyelesaian atau tempat tinggal baru. Penduduk tidak mahu berpindah, kerana mereka merasakan hak mereka sebagai penghuni asal diabaikan. (Kg Aman)	

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
12.	Keciciran Pelajaran	Ketiadaan dokumen yang lengkap. Ada anak-anak yang tercicir daripada pendidikan kerana masalah kewangan yang dihadapi oleh keluarga mereka, serta kekurangan maklumat yang sah mengenai bantuan atau sokongan yang tersedia. Selain itu, ada juga yang tidak berdaftar di sekolah kerana status mereka sebagai anak luar nikah, yang menyukarkan mereka untuk mendapatkan hak pendidikan yang sepatutnya. (Sekolah Rendah Sri Pantai)	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi*
13	Kekurangan a kses kepada bekalan Air bersih dan dirawat	Gangguan bekalan air. Masalah bekalan air di kawasan ini telah berlarutan sejak bertahun-tahun lamanya. Kebanyakan penduduk hanya menerima bekalan air sekitar pukul 10 pagi setiap hari, dan setiap rumah terpaksa bergantung kepada pam air untuk memastikan bekalan air berterusan. Walaupun pembangunan telah dijalankan di kawasan ini, isu bekalan air tidak diambil perhatian dengan serius, meskipun sudah lebih 5 hingga 6 tahun masalah ini berlanjut tanpa sebarang tindakan daripada pihak berwajib. Bagi membantu mengatasi masalah ini, penduduk menggunakan tong air biru untuk menadah air. Pihak SADA (Syarikat Air Darul Aman) ada melakukan	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		penghantaran air namun penghantaran hanya dilakukan ke rumah-rumah tertentu yang telah dikenal pasti, menyebabkan sebahagian penduduk lain tidak mendapat bantuan yang sama. (Jalan Kg Tepi Laut)	
14.	Kesukaran Kewangan dan Tekanan Ekonomi bagi Usahawan Kecil Tempatan	Keperluan sistem sokongan dan bantuan. Ramai golongan asnaf. Mereka menginginkan bantuan untuk memulakan perniagaan, namun pada masa yang sama, tidak tahu bagaimana untuk mempromosikan produk hiliran mereka juga. Kenaikan harga barang menjadikan keadaan lebih sukar, dan mereka terpaksa bergantung pada pendapatan suami yang bekerja sebagai nelayan, yang mana pendapatan mereka tidak tetap. Oleh itu, ramai yang ingin beralih kepada perniagaan, tetapi terhalang oleh masalah kewangan. Mereka juga mengharapkan sokongan dalam mendapatkan tapak untuk berniaga, bagi memudahkan mereka mengembangkan perniagaan dan meningkatkan pendapatan keluarga.	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi*

Jadual 9. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 6

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 6: Dialog Bersama Komuniti Kg Kebun Pinang **Tarikh:** 12 Januari 2025 (Ahad) **Bilangan peserta**: 14 peserta **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 2 kumpulan			**Agensi yang memberikan respon:** 1. Pegawai Daerah
1	Tekanan ekonomi bagi usahawan kecil tempatan	Kenaikan harga bahan mentah. Kebanyakan peniaga wanita menjalankan perniagaan makanan sebagai usaha untuk membantu meringankan beban kewangan keluarga, terutamanya apabila pendapatan suami mereka juga tidak mencukupi untuk menampung keperluan hidup. 5/7 wanita yang hadir bekerja sendiri. Pelbagai isu yang dihadapi oleh peniaga kecil antaranya ialah kos bahan yang tinggi, khususnya pembelian bahan mentah seperti minyak masak. Kekurangan bekalan minyak masak juga menjadi faktor utama peniaga perlu ke luar dari kawasan asal untuk mendapatkan bekalan yang mana ia telah menambah kos pengangkutan. Oleh itu, mereka terpaksa menaikkan harga produk untuk menampung kos modal bahan mentah yang dikeluarkan. Malangnya, situasi ini tidak menjana keuntungan seperti yang mereka mahu malah	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		keadaan menjadi rumit apabila lebih banyak barangan yang tidak terjual dan sekaligus menambah kepada tekanan kewangan yang mereka hadapi. Keperluan sistem sokongan dan bantuan. Selain itu, peniaga juga mengadu bahawa mereka sukar untuk mendapat bantuan perniagaan. Proses permohonan bantuan yang rumit dan kekurangan sokongan menyukarkan mereka untuk mendapatkan bantuan yang sepatutnya, menambah beban dalam usaha mereka untuk mengembangkan perniagaan. Peniaga meluahkan rasa kecewa kerana kekurangan tempat untuk berniaga yang menjadikan peluang perniagaan terhad. Kebanyakan mereka kini terpaksa bergantung pada sistem vendor untuk menjalankan perniagaan, disebabkan pengalaman lalu di mana kedai peniaga lain pernah dirobohkan.	
2.	Kesukaran untuk mengakses sokongan kebajikan	Kekurangan maklumat. Daripada segi kebajikan dan bantuan, ramai peserta yang telah membuat permohonan, namun tiada maklum balas yang	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	kerajaan, bantuan dan subsidi	diterima. Walaupun telah beberapa kali memohon, mereka tidak mendapat sebarang jawapan atau kemajuan. Begitu juga dengan bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), di mana tiada maklumat yang jelas mengenai status permohonan. Selain itu, mendapatkan bantuan melalui E-Kasih juga menjadi sangat sukar dan prosesnya lambat, menyebabkan mereka merasa terpinggir dan tidak mendapat sokongan yang sepatutnya	
		Menurut peeserta, agihan bantuan yang diberikan adalah tidak selaras dengan kriteria kelayakan yang digariskan oleh pihak berwajib. Justeru itu, ia telah telah memberi implikasi negatif dengan meminggirkan golongan yang sepatutnya layak menerima bantuan. Bantuan yang diterima hanya diberikan kepada penerima yang sering mendapat bantuan, manakala peserta lain yang memerlukan masih belum menerima sebarang sokongan. Hal ini menyebabkan ketidakadilan, di mana sebahagian peserta yang berkelayakan dan memerlukan bantuan, terutamanya yang baru memohon,	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		terpinggir daripada menerima bantuan yang sewajarnya. Keadaan ini menimbulkan rasa kecewa dan ketidakpuasan hati dalam kalangan peserta yang berusaha untuk meneruskan perniagaan mereka dalam situasi ekonomi yang mencabar. Sebagai tambahan, kekurangan maklumat yang jelas mengenai kriteria kelayakan atau proses permohonan bantuan juga menyukarkan peserta untuk mendapatkan sokongan yang mereka perlukan.	
3.	Keciciran Pelajaran	Beberapa pelajar tercicir dalam pelajaran disebabkan oleh masalah kewangan keluarga. Ada yang tidak mempunyai pengangkutan untuk ke sekolah dan pada awalnya, mereka menumpang jiran, namun lama kelamaan mereka merasa segan untuk terus bergantung kepada orang lain dan akhirnya tidak hadir ke sekolah. Keadaan ini semakin terjejas selepas pandemik COVID-19, di mana pelajar-pelajar ini menghadapi kesulitan tambahan akibat kekurangan sumber dan sokongan. Pihak sekolah telah mengenal pasti pelajar-pelajar yang terkesan dan mula memberikan bantuan, termasuk guru-guru yang sanggup datang ke rumah pelajar untuk	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		memastikan mereka terus mendapat akses kepada pembelajaran. (Sekolah Kebun Pinang & SMK Dato' Wan Mohd Samad)	
4.	Penyalahgunaan dadah	Golongan belia dan veteran turut terlibat dalam masalah penyalahgunaan dadah, yang akhirnya membawa kepada jenayah seperti pecah rumah. Walaupun kes-kes seperti ini jarang berlaku, namun ia tetap menjadi isu yang perlu diberi perhatian serius. Penyalahgunaan dadah bukan sahaja memberi kesan kepada individu terlibat, tetapi juga memberi impak negatif kepada masyarakat sekitar, kerana ia meningkatkan risiko jenayah dan mengganggu keselamatan awam.	Individu tersebut telah melalui pelbagai generasi, dari bapa kepada anak dan cucu, sehingga melibatkan tiga generasi di persekitaran yang sama. Keakraban dan pendedahan berterusan menyebabkan normalisasi terhadap penggunaan dadah, termasuk ketum, sehingga ia dianggap sebagai amalan biasa. Normalisasi ini meningkatkan risiko, kerana apabila sesuatu tabiat atau budaya dianggap lumrah, ia berpotensi membawa bahaya kepada individu dan masyarakat. (**Tuan Pegawai Daerah).**
5.	Isu bekalan air Kekurangan akses kepada air bersih dan dirawat Tekanan air perlahan dan terputus	Gangguan bekalan air. Isu bekalan air menjadi masalah di kawasan ini, di mana setiap rumah terpaksa bergantung kepada pam untuk mendapatkan air. Syarikat Air Darul Aman (SADA) tidak menghantar bekalan air ke kawasan ini menandakan isu air tidak kritikal. (IPS ke Petronas Batu 5) Peserta menyatakan mereka sering menghadapi masalah bekalan air terputus terutama pada waktu	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		puncak seperti hari cuti umum dan musim perayaan. Di kawasan taman-taman di sekitar juga menghadapi tekanan air yang rendah dan terpaksa bergantung kepada pam air yang dibeli sendiri. (Taman Desa Kamela, Taman Nuri Tokai Kg Kebun Pinang)	
6.	Masalah banjir disebabkan oleh kerana tiada penyelenggaran longkang	Apabila banjir berlaku, air akan naik dan melimpah dari longkang, yang merupakan longkang persendirian tetapi dikongsi bersama penduduk-penduduk lain. Longkang ini sering tersumbat akibat pengumpulan sampah, menyebabkan aliran air terganggu dan meningkatkan risiko banjir. Walaupun ada keperluan untuk menjalankan gotong royong bagi membersihkan longkang, ia menjadi sukar kerana tidak semua penduduk peka terhadap masalah ini atau tidak mahu mengambil bahagian. Keadaan ini memperburuk lagi masalah banjir.	Penduduk tempatan kadangkala terlalu dimanjakan sehingga kurang berminat untuk menyertai aktiviti komuniti seperti gotong-royong. Akibatnya, agensi luar terpaksa mengambil alih pelaksanaan aktiviti tersebut, termasuk pembersihan dan penyelenggaraan. Oleh itu, terdapat keperluan untuk mengubah mindset penduduk agar lebih proaktif dalam penglibatan komuniti, sambil memastikan aktiviti tetap dijalankan dengan penglibatan berterusan.(**Tuan Pegawai Daerah)**
7.	Pendatang menyebabkan ketegangan sosial dengan penduduk tempatan	Keselamatan Sosial. Penduduk setempat merasa tidak selesa dengan kehadiran warga Rohingya di kawasan mereka, terutamanya kerana mereka tinggal dalam jumlah yang ramai di dalam satu rumah, dengan beberapa keluarga berkongsi tempat tinggal. Rumah-rumah ini disewakan oleh	** Tiada maklum balas khusus daripada agensi*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		warga tempatan yang menjadi tuan rumah. Penduduk turut merasakan bahawa warga Rohingya ini agak kasar dalam perilaku mereka. Selain itu, terdapat juga laporan mengenai mereka yang memandu kereta menggunakan nama orang tempatan, dan jika berlaku saman, mereka tidak membayar. Keadaan ini menimbulkan ketidakselesaan dalam masyarakat. (Kg Kebun Pinang) Terdapat isu di mana bukan warganegara menjual minyak kepada sesama mereka, dengan cara menyembunyikan bekalan minyak yang sepatutnya dijual kepada warga tempatan. Harga jualan minyak dinaikkan daripada RM2.50 kepada RM3.00. Tindakan ini mencetuskan ketidakpuasan hati dalam kalangan masyarakat, kerana mereka terpaksa membayar harga yang lebih tinggi untuk keperluan asas seperti minyak masak, sedangkan bekalan tersebut sepatutnya diperuntukkan untuk kegunaan tempatan pada harga yang lebih berpatutan. Penduduk meminta agar pihak berkuasa memantau Kedai MCM Trading, kerana kedai ini mempunyai banyak cawangan dan	

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		bimbang kedai-kedai ini menyembunyikan bekalan minyak dan menaikkan harga jualan, yang memberi kesan negatif kepada penduduk tempatan. (Felda Lubuk Merbau)	
8.	Masalah p embangunan infrastruktur dan kemudahan awam	Lampu jalan tiada. Kawasan ini mengalami masalah kekurangan lampu jalan yang telah berlarutan untuk bertahun-tahun. Meskipun penduduk telah membuat aduan berkali-kali, tiada tindakan atau respons yang diambil bagi menyelesaikan masalah ini. Keadaan gelap pada waktu malam meningkatkan risiko kemalangan, dan memang telah berlaku beberapa insiden akibat kekurangan pencahayaan di jalan raya. Walaupun kemalangan telah terjadi, pihak berkuasa masih belum mengambil langkah yang sewajarnya untuk memasang lampu jalan dan memastikan keselamatan penduduk terjaga. Lampu isyarat telah dipohon sejak sekian lama, namun tiada maklum balas atau tindakan yang diambil. Pemasangan lampu isyarat di luar sekolah adalah amat diperlukan, terutamanya untuk memastikan keselamatan pelajar. Di sekolah-sekolah lain, seperti sekolah Cina, terdapat bonggol	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		jalan dan lampu isyarat yang dipasang, namun situasi ini menimbulkan tanda tanya dalam kalangan ibu bapa mengenai ketidakseimbangan kemudahan yang disediakan. Di Sekolah Rendah Kebun Pinang dan SMK Dato' Wan Mohd, isu tiada garisan kuning di kawasan sekolah sudah lama namun tiada tindakan sewajarnya diambil oleh pihak berwajib sehingga meskipun telah berlaku kemalangan maut di kawasan tersebut. (Teluk Bagan (sebelum taman), Dari IPS ke Petronas (Jalan Utama) Taman Desa Kamila (Taman, sekolah), Sekolah Rendah Kebun Pinang dan SMK Dato' Wan Mohd)	
9.	Ketinggalan dalam pelajaran kerana mata pelajaran dianggap semakin sukar	Terdapat kebanyakan pelajar di kampung tersebut mengalami masalah dalam pembelajaran dan agak ketinggalan kerana faktor silibus yang terlalu sukar bagi mereka. Ada inisiatif untuk belajar dengan cuba mengambil tuisyen tetapi kemudahan tuisyen amat terhad di kawasan kampung ditambah pula dengan biayanya yang tinggi bagi setiap mata pelajaran	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi*
10.	Ketidakcukupan guru KAFA	Anak-anak yang bersekolah rendah pada kebiasaan di sebelah petang, wajib untuk hadir ke kelas	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		fardhu ain (KAFA) namun akibat kekurangan guru KAFA kelas yang dihadiri hanya 3 hari sahaja seminggu. Berdasarkan maklumat dari guru KAFA itu sendiri, seorang guru terpaksa mengajar sehingga 50 orang pelajar pada satu-satu masa.	
11.	Kesukaran kewangan dan tekanan ekonomi	Kos sara hidup tinggi, kenaikan harga barang mentah. Berdasarkan maklumat peserta yang berniaga secara kecil-kecilan seperti jualan kuih, ikan pekasam dan sebagainya banyak mengalami penurunan dari segi pendapatan kerana harga barang mentah yang melambung tinggi. Peniaga mengalami dilema kerana terpaksa menyerap kos kenaikan bahan input ini untuk memastikan pelanggan mereka tidak lari. Akibatnya jumlah untung menjadi sangat kecil dan kadangkala perniagaan mengalami kerugian.	** Tiada maklum balas khusus daripada agensi*
12.	Infrastruktur tapak meniaga	Tapak jualan sesak dan tidak mencukupi. Tapak perniagaan bagi usahawan kecil sedia ada amat sesak dan berbahaya kerana kedudukan bersebelahan jalan besar. Peserta daripada golongan peniaga juga menyatakan ruang niaga agak terhad untuk mereka dan memilih untuk berniaga berdekatan supermarket Lotus kerana	** Tiada maklum balas khusus daripada agensi*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		tapaknya yang luas dan mudah untuk pelanggan meletak kenderaan.	
13.	Lantikan kontraktor yang bernama 'Idaman' kurang cekap	Penduduk merasakan kontraktor yang dilantik tidak menjalankan tanggungjawab dengan baik. Sebagai contoh meskipun membayar cukai tanah, kutipan sampah perlu dikumpulkan dahulu di pos-pos ditetapkan sahaja. Ia menjadi masalah jika warga penduduk adalah golongan tua atau kanak-kanak kerana kedudukan pos yang agak jauh dari rumah mereka. Kadangkala tong sampah penduduk juga dirampas kontraktor jika meletakan tong tersebut di hadapan rumah mereka. Selain itu, sisa potongan rumput turut dibiarkan selepas kerja pemotongan tanpa sebarang tindakan permbersihan oleh pihak kontraktor.	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi*

Jadual 10. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 7

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 7: Dialog Bersama Komuniti Kg Kuala Sala **Tarikh:** 12 Januari 2025 (Ahad) **Bilangan peserta:** 15 peserta **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 2 kumpulan			**Agensi yang memberikan respon:** 1. PDRM
1.	Kesukaran untuk mengakses sokongan kebajikan kerajaan, bantuan dan subsidi	Kekurangan maklumat. Komuniti ini terdiri daripada kebanyakan individu yang bekerja sendiri, dengan majoriti penduduk adalah Melayu. Sebahagian besar suami dalam komuniti ini bekerja sebagai pesawah, di mana 80% daripada mereka menyewa bendang, manakala 20% lagi memiliki tanah bendang sendiri. Selain itu, kira-kira 40% daripada komuniti ini terdiri daripada ibu tunggal yang turut mengusahakan pelbagai pekerjaan untuk menyara kehidupan mereka. Keadaan ekonomi yang bergantung kepada sektor pertanian menjadikan penduduk di sini terdedah kepada cabaran kewangan, terutamanya ketika hasil pertanian tidak stabil atau terjejas akibat cuaca atau faktor lain. Bantuan daripada kerajaan untuk komuniti ini kurang jelas dan seringkali tidak sampai kepada penduduk yang memerlukan. Permohonan yang	** Tiada maklum balas khusus daripada agensi*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		perlu dilakukan secara atas talian meyukarkan penduduk kampung kerana ramai daripada mereka kurang mahir dengan teknologi dan berhadapan masalah sambungan interenet yang lemah di kawasan itu. . Bantuan melalui E-Kasih juga sukar diperoleh, dengan banyak syarat-syarat tertentu yang menyukarkan proses permohonan. penduduk juga tidak mendapat maklum balas tentang permohonan rumah walaupun sudah menunggu lebih 4 tahun. Penduduk pernah mengemukakan aduan kepada pihak berwajib, namun jawapan yang diterima sering kali tidak memadai atau tidak diendahkan, menyebabkan rasa kecewa dan ketidakpuasan hati dalam kalangan mereka.	
2.	Masalah infrastruktur	Penduduk telah memohon untuk pemasangan papan tanda bagi kampung, namun sehingga kini, tiada tindakan yang diambil. Permohonan ini penting bagi memudahkan orang luar mengenali kawasan tersebut, terutama bagi tujuan mencari jalan dan keselamatan. Kekurangan papan tanda juga menyukarkan penduduk dan pelawat untuk mencari lokasi tertentu, serta memberi kesan	** Tiada maklum balas khusus daripada agensi*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		kepada pembangunan komuniti yang lebih teratur dan mudah dikenali. (Kg Kuala Sala) Lampu jalan dalam kampung masih kurang. Peserta menyatakan kemudahan awam berkaitan lampu jalan didapati kurang diselenggara dengan baik dan jumlahnya juga tidak mencukupi.	
3.	Penyalahgunaan dadah	Isu penyalahgunaan dadah melibatkan semua lapisan umur dalam komuniti ini, dengan ramai yang terjebak dalam masalah dadah, yang akhirnya mendorong kepada kegiatan jenayah seperti mencuri dan pecah rumah. Walaupun masalah ini semakin serius, peserta mengakui bahawa penduduk tidak melaporkan kejadian jenayah kepada pihak polis, dan mereka kurang pasti apa sebabnya. Mungkin ada rasa takut atau lain-lain sebab yang kurang pasti. Rondaan polis kerap dilakukan di kawasan ini. Keadaan ini menunjukkan perlunya kesedaran yang lebih tinggi dan tindakan lebih tegas untuk menangani masalah sosial yang sedang berlaku.	Kawasan Kuala Kedah menghadapi masalah serius berkaitan penyalahgunaan dan pengedaran dadah, yang berleluasa terutamanya di jeti-jeti haram. Kehadiran penagih dadah telah mendorong pelbagai kegiatan jenayah seperti kecurian, samun, dan ragut. Selain itu, pengurusan parkir haram turut dikaitkan dengan penagih dadah, yang menyumbang kepada konflik dan pergaduhan di kawasan tersebut. Masalah utama yang menjejaskan keselamatan dan ketenteraman di Kuala Kedah ialah isu dadah. (**PDRM)**

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
4.	Kesukaran mengakses kemudahan kesihatan	Kesesakan di hospital dan klinik tempatan. Penduduk menghadapi masalah kesesakan yang di hospital kerajaan, terutamanya kerana jumlah pesakit yang terlalu ramai. Proses untuk mendapatkan rawatan, terutama untuk berjumpa dengan pakar, memerlukan masa menunggu yang panjang. Keadaan ini menyebabkan kesulitan kepada mereka yang memerlukan rawatan segera, kerana tempoh menunggu yang lama sering kali memberi tekanan kepada pesakit dan keluarga mereka. Kekurangan sumber dan kapasiti di hospital kerajaan menambah kepada masalah ini, menjadikan akses kepada perkhidmatan kesihatan yang berkualiti semakin sukar. Kualiti perkhidmatan klinik desa Kg Kuala Sala semakin menurun apabila terlalu sesak dengan pesakit. Jumlah pesakit yang ramai menyebabkan jam masa menunggu juga menjadi panjang. Selain itu, hospital paling hampir juga agak jauh dari kampung iaitu Hospital Pendang yang terletak sekitar 20 km dari kampung tersebut. (Klinik Kota Sarang Semut, Kg Kuala Sala)	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
5.	Ketersambungan (internet connectivity) yang lemah	Kualiti internet di kawasan ini sangat lemah, dan salah satu faktor penyumbangnya adalah kilang padi yang berada di sekitar kawasan tersebut. Kilang padi ini telah beroperasi selama 60 hingga 70 tahun dan dilengkapi dengan sistem solar untuk menyokong operasi mereka. Namun, kewujudan kilang ini dipercayai memberi kesan terhadap kelancaran perkhidmatan internet di kawasan berdekatan, mungkin disebabkan oleh gangguan daripada peralatan industri atau penggunaan tenaga yang tinggi. Masalah internet yang lemah ini menyukarkan penduduk untuk mengakses perkhidmatan dalam talian, seperti pendidikan, perniagaan, dan komunikasi.	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi*
6.	Keselamatan makanan terancam - sektor pertanian	Peningkatan kos pengeluaran - kenaikan mendadak harga baja, harga racun. Isu harga padi yang tidal stabil perlu diberikan keutamaan dengan meletakkan harga siling yang sepatutnya bagi membantu pesawah berhadapan kos pengeluaran yang tinggi. Harga benih padi tetap mahal walaupun diberi subsidi. Selain itu, kos operasi turut meningkat dengan kenaikan harga upah buruh, harga mesin padi, diesel, dan traktor. Upah untuk penggunaan traktor dan mesin padi juga	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		semakin tinggi, dengan anggaran harga upah mesin padi mencecah RM180 hingga RM200, yang menjadikan kos pengeluaran semakin tidak terkawal. Kos tambahan seperti diesel yang juga didapati semakin mahal. Maka, penetapan harga yang lebih adil, sokongan yang lebih berkesan, dan peningkatan dalam sistem pembekalan serta pasaran yang memberi keuntungan kepada pesawah perlu diutamakan.	
7.	Ekonomi pengeluaran agro-makanan berisiko akibat isu pemasaran	Penyakit tanaman. Isu penyakit padi, terutamanya penyakit padi angin, menjadi cabaran besar bagi petani di kawasan ini. Kebanyakan petani terpaksa mencari penyelesaian dan melakukan inisiatif sendiri untuk mengatasi masalah ini, kerana walaupun mereka telah memohon untuk mendapatkan konsultasi, tiada respons atau bantuan yang diberikan. MARDI (Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia) tidak memberikan sokongan yang mencukupi kepada petani, dan mereka juga tidak menjalankan kajian mendalam mengenai penyakit padi angin. Keadaan ini menyebabkan petani terpaksa menghadapinya sendirian tanpa sebarang bantuan teknikal atau penyelidikan yang menyeluruh.	** Tiada maklum balas khusus daripada agensi*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Bahkan, ada juga laporan bahawa Thailand lebih aktif dalam memberikan bantuan kepada petani di sini berbanding MARDI. Selain itu, walaupun MARDI sepatutnya menjadi agensi yang bertanggungjawab untuk menjalankan kajian mengenai benih dan penyakit padi, penduduk merasakan bahawa MARDI dikawal oleh kartel, yang menjejaskan keberkesanan bantuan dan penyelidikan yang sepatutnya dilakukan. Petani juga pernah mengajukan soalan kepada MADA (Lembaga Kemajuan Pertanian Muda) dan MARDI tentang tanaman alternatif yang boleh diusahakan sementara menunggu hasil padi, namun tiada maklum balas atau panduan yang diterima. Semua isu ini menyebabkan petani merasa terpinggir dan tidak mendapat sokongan yang sewajarnya dalam usaha mereka untuk mengatasi masalah penyakit padi dan meningkatkan hasil pertanian mereka.	
		Insentif, pembangunan dan sokongan pertanian yang tidak mencukupi. Pesawah di kawasan ini juga memerlukan bantuan yang lebih sewajarnya, memandangkan hasil tanaman padi bergantung	** Tiada maklum balas khusus daripada agensi*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		sepenuhnya kepada musim dan cuaca. Mereka ingin mencuba tanaman lain sebagai alternatif untuk menambah pendapatan, namun tiada peluang atau bantuan yang diberikan oleh pihak berkuasa untuk merealisasikan hasrat ini. Beberapa peserta mencadangkan agar tapak yang ada digunakan untuk menjalankan projek tanaman lain, namun mencadangkan pembinaan rumah hijau bagi melindungi tanaman tersebut daripada terdedah kepada tempias racun yang digunakan untuk tanaman padi. Walaupun cadangan ini berpotensi untuk meningkatkan pendapatan pesawah, mereka menghadapi kesukaran untuk mendapatkan sokongan atau bantuan dalam melaksanakan projek tersebut. Kekurangan sokongan dan kemudahan untuk projek alternatif ini menyebabkan pesawah terpaksa terus bergantung pada hasil padi, yang sering kali terdedah kepada ketidakstabilan dan risiko musim yang tidak menentu.	
8.	Pencemaran alam sekitar	Pencemaran udara dan air. Kilang pemprosesan padi di kawasan ini menyebabkan pencemaran udara yang serius, terutamanya disebabkan oleh habuk yang dihasilkan semasa proses pengilangan.	** Tiada maklum balas khusus daripada agensi*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Isu ini pernah mendapat liputan media, termasuk laporan di akhbar METRO, TV3, dan SINAR, namun sehingga kini tiada tindakan yang diambil untuk menangani masalah tersebut. Pencemaran udara ini memberi kesan negatif kepada kesihatan penduduk sekitar, menyebabkan masalah pernafasan dan gangguan kualiti hidup. Walaupun telah mendapat perhatian media, tiada langkah konkrit diambil untuk mengurangkan impak pencemaran yang dihasilkan oleh kilang padi ini, menjadikan penduduk terus terdedah kepada bahaya tersebut.	
9.	Bekalan air sering terputus dan tekanan air perlahan	Isu bekalan air amat ketara di taman perumahan. Sewaktu perayaan besar seperti Hari Raya Puasa umpamanya, jumlah penduduk yang ramai menyebabkan air di kawasan taman menjadi amat perlahan sehingga menjejaskan aktiviti harian mereka. Jika sesebuah rumah tidak mempunyai pam air, mereka mengalami terputus bekalan air berhari-hari. (Taman Perumahan di Kuala Sala)	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi*
10.	Kesukaran kewangan dan tekanan ekonomi	Kos sara hidup tinggi, kenaikan harga barang mentah. Sebahagian peserta terdiri dari golongan peniaga kecil menyatakan hasil pendapatan mereka menurun berpunca dari kenaikan kos	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		bahan mentah yang menelan kadar keuntungan jualan mereka manakala dari segi kos sara hidup pula contohnya minyak masak bersubsidi hanya dibenarkan maksimum 2 paket sahaja seorang dan sudah tentu tidak mencukupi. Pengguna terpaksa membeli minyak masak botol yang lebih mahal. Masalah ini berlarutan semenjak selepas COVID-19 di mana kos sara hidup yang tinggi juga telah mengurangkan kuasa beli di kalangan penduduk. (Kg Kuala Sala)	
11.	Konflik dengan warganegara asing	Penghijrahan besar-besaran pada 80an oleh warga asing Myanmar ke Kuala Kedah sehingga kini telah banyak menimbulkan ketidakpuasan hati penduduk asal Melayu Kedah kerana kebanyakan bantuan-bantuan kerajaan banyak diterima mereka berbanding penduduk asal. (Kg Seberang Jaya, kg Kuala Sala)	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi*

Jadual 11. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 8

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 8: Dialog Bersama Komuniti Kota Sarang Semut, Kg Banggol Wan Awang & Kg Wan Ismail **Tarikh:** 12 Januari 2025 (Ahad) **Bilangan peserta:** 14 peserta **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 2 kumpulan			**Agensi yang memberikan respon:** 1. Pegawai daerah
1.	Kurang pembangunan untuk belia	Kurangnya kepelbagaian peluang pekerjaan. Belia menghadapi kekurangan peluang pekerjaan di kawasan kampung, yang menyebabkan banyak daripada mereka sukar untuk mencari pekerjaan yang stabil. Walaupun ada keinginan untuk mencari pekerjaan di luar kampung, mereka terpaksa mengutamakan tanggungjawab terhadap keluarga dan tidak dapat meninggalkan kampung mereka. Akibatnya, mereka lebih selesa tinggal di kampung dan bekerja dengan apa yang ada, meskipun peluang untuk meningkatkan taraf hidup dan kerjaya agak terbatas. Keadaan ini memberi kesan kepada mobiliti sosial dan kemajuan ekonomi belia di kawasan ini, yang memerlukan sokongan dan peluang yang lebih baik untuk berkembang.	** Tiada maklum balas khusus daripada agensi*
		Kurangnya minat terhadap pendidikan. Belia di kawasan ini menunjukkan kurang minat untuk meneruskan pelajaran, dengan sebahagian	

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		daripada mereka berhenti belajar pada peringkat Tingkatan 2. Pandangan yang berkembang dalam kalangan mereka adalah bahawa pendidikan setakat SPM sudah mencukupi untuk menghadapi cabaran dunia hari ini. Mereka merasakan bahawa kemahiran praktikal dan pengalaman kerja lebih penting daripada melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh kekurangan kesedaran tentang pentingnya pendidikan lanjut dan peluang yang lebih luas yang boleh dicapai dengan kelulusan yang lebih tinggi, serta cabaran ekonomi yang dihadapi oleh keluarga mereka. Faktor ini sering kali disebabkan oleh kekurangan motivasi atau peluang yang terhad untuk melanjutkan pelajaran. Meskipun begitu, ibu bapa mereka masih memberikan sokongan, walaupun kadangkala terpaksa berhadapan dengan cabaran kewangan dan situasi ekonomi yang membataskan kemampuan mereka untuk menyokong pendidikan anak-anak. Walaupun sokongan daripada ibu bapa	

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		ada, kurangnya minat untuk belajar dan peluang pendidikan yang terbatas menyebabkan ramai belia di kawasan ini tidak mencapai potensi penuh mereka. Selepas COVID-19, banyak belia di kawasan ini mula lebih serius dalam memikirkan tentang kerjaya dan masa depan mereka. Pandemik yang memberi kesan besar kepada ekonomi dan kehidupan seharian telah mengubah perspektif belia, di mana mereka kini lebih mementingkan kestabilan kewangan dan peluang pekerjaan. Mereka juga lebih berminat untuk memperbaiki kemahiran mereka melalui kursus atau latihan, sebagai persediaan. Kursus yang mereka berminat adalah kemahiran mekanikal.	
2.	Pendatang telah menyebabkan ketegangan sosial penduduk tempatan	Kehadiran warga asing yang ramai bekerja di kawasan ini telah menyebabkan kesukaran bagi warga tempatan, terutamanya golongan lelaki, untuk mendapatkan pekerjaan. Majikan lebih cenderung untuk mengambil pekerja asing kerana mereka bersedia menerima gaji yang lebih rendah dan lebih fleksibel dalam melaksanakan pelbagai	** Tiada maklum balas khusus daripada agensi*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		jenis kerja. Hal ini menyebabkan peluang pekerjaan untuk golongan lelaki tempatan menjadi terhad, kerana mereka sering kali meminta upah yang lebih tinggi dan mungkin lebih memilih pekerjaan yang lebih spesifik. Keadaan ini menjadi cabaran kepada penduduk untuk bersaing mendapatkan pekerjaan kerana majikan lebih memilih pekerja asing kerana kos yang lebih rendah.	
3.	Tekanan kewangan Racun subsidi tidak berkesan, kos racun semakin mahal dan perlu beli sendiri	Kos input (benih, racun, baja meningkat). Kenaikan kos input bermula semenjak dari beberapa musim lepas bertitik tolak dari kenaikan harga jualan padi yang tinggi. Namun apabila harga jualan padi menurun, kos input terlibat tidak pula ikut menurun. Hal ini menyebabkan golongan pesawah tertekan dihimpit masalah kos pertanian yang meningkat sedangkan hasil jualan padi tidak mencukupi. Kadang kala pesawah hanya menerima pendapatan sekitar RM15 sebulan sahaja setelah ditolak kos-kos input ini. (Kg Banggol Wan Awang & Kg Wan Ismail) Isu paling utama di kawasan kampung ini adalah berkaitan pertanian sawah padi yang majoriti penduduk kampung terlibat. Racun umpamanya	** Tiada maklum balas khusus daripada agensi*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		menjadi masalah utama kerana keperluannya berbeza-beza setiap musim. Difahamkan, racun-racun dibekalkan oleh syarikat pembekal racun melalui MADA tidak berkualiti dan kurang berkesan membunuh rumpai. Pesawah terpaksa membeli racun tambahan apabila racun bersubsidi tidak berkesan. Menjadi persoalan pesawah adalah, meskipun jenama racun adalah sama namun kualiti berbeza-beza. Contoh tambahan, kos racun yang tinggi berpunca kerana perlu banyak dibeli seperti racun siput gondang, racun tikus, racun ulat daun padi, racun kulat, racun bena dan sebagainya yang dianggarkan menelan kos sekitar RM300 ke RM400 satu musim. (Kg Banggol Wan Awang & Kg Wan Ismail)	
4.	Pinjaman yang tersedia digandakan dengan bunga (interest)	Selain dari institusi perbankan, terdapat agensi-agensi kecil lain seperti Pertubuhan Peladang Kawasan(PPK), Bernas atau koperasi tertentu menyediakan bantuan pinjaman kewangan kepada petani yang susah namun yang menjadi masalah apabila petani dikenakan bunga/faedah “interest” atas pinjaman mereka. Sebagai contoh pinjaman daripada PPK untuk 1 relung adalah RM800 dan jika ingin meminjam, syarat wajib perlu dipenuhi	** Tiada maklum balas khusus daripada agensi*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		adalah menjadi ahli dan bersetuju dikenakan bayaran faedah.	
5.	Ancaman banjir (Kejadian banjir di kawasan rendah)	Kejadian banjir ada berlaku di kawasan berdekatan tetapi lebih terkesan ialah kawasan yang rendah sahaja. Banjir berlaku apabila berlakunya hujan dan air laut pasang serentak. (Kg Banggol Wan Awang & Kg Wan Ismail)	Sistem perparitan sedia ada di Kuala Kedah adalah usang dan memerlukan penilaian semula melalui kajian khusus. Walaupun terdapat banyak taman perumahan baharu, sistem perparitan yang digunakan masih bergantung kepada rangkaian lama tanpa peningkatan atau pembaharuan yang signifikan. Pendekatan ini berpotensi menimbulkan masalah kepada penduduk setempat. **(Tuan Pegawai Daerah)**
6.	Masalah infrastruktur dan kemudahan awam Jumlah lampu jalan kurang dan kurang penyelenggaraan Paip pecah dan terputus bekalan air.	Jumlah lampu jalan di kawasan kampung masih kurang cukup dan terdapat juga lampu-lampu jalan yang tidak diselenggara dengan baik oleh pihak berwajib. Pemberian atau pemasangan lampu pula dilakukan sedikit demi sedikit sahaja. Isu air bertumpu kepada kejadian paip pecah yang berlaku agak kerap kerana usia paip yang sudah lama. Kadangkala penduduk tidak diberikan notis awal jika ada kerja-kerja menaiktaraf dilakukan lalu menyebabkan mereka tidak sempat menyimpan air terlebih dahulu. Hal ini secara tidak langsung mengganggu aktiviti harian penduduk.	** Tiada maklum balas khusus daripada agensi*

4.2 Pengutamaan Isu

4.2.1 Pengutamaan Isu 1: Kekurangan peluang kemahiran dan platform untuk promosikan produk hiliran

Pengutamaan isu pertama ialah dalam memperkasakan ekonomi penduduk setempat yang memiliki kemahiran untuk meningkatkan produktiviti penjualan kecil-kecilan adalah penting, namun terdapat kekurangan platform yang berkesan untuk mempertingkatkan promosi produk mereka. Hal ini menyebabkan potensi pasarannya tidak dapat dimaksimumkan, meskipun terdapat sumber daya manusia yang terampil dalam kalangan penduduk setempat. Tanpa akses kepada saluran pemasaran yang lebih luas dan kemudahan untuk memperkenalkan produk mereka kepada khalayak yang lebih besar, usaha-usaha peningkatan produktiviti ini berdepan dengan halangan yang ketara dalam mencapai kemampanan ekonomi. Oleh itu, penyediaan platform yang sesuai untuk promosi produk dan perkhidmatan adalah kritikal bagi merangsang pertumbuhan ekonomi mikro di kalangan komuniti tempatan.

Isu kekurangan kemahiran dan platform untuk mempromosikan produk di kalangan penduduk setempat amat kritikal dalam usaha memperkasakan ekonomi mikro di kawasan tertentu. Meskipun ramai penduduk memiliki kemahiran yang tinggi dalam bidang tertentu, mereka sering menghadapi kesukaran dalam mengakses platform pemasaran yang berkesan untuk mempromosikan produk atau perkhidmatan mereka. Hal ini memberi kesan langsung kepada produktiviti dan keupayaan mereka untuk bersaing dalam pasaran yang lebih luas.

Komuniti di DUN Anak Bukit mahir membuat ikan pekasam dan ia boleh dipromosikan dengan lebih luas untuk pasarkan produk makanan tersebut.



Rajah 1: Ikan Pekasam

Kekurangan platform pemasaran ini merujuk kepada kurangnya saluran yang dapat memperkenalkan produk mereka kepada audiens yang lebih besar. Tanpa akses kepada

kemahiran yang strategik atau pameran yang berkesan, produk tempatan sering kali tersekat dalam pasaran yang sempit dan tidak dapat bersaing dengan produk luar. Selain itu, kekurangan pengetahuan mengenai strategi pemasaran digital dan teknologi terkini juga menghalang penduduk daripada memanfaatkan peluang pasaran global.

Di samping itu, kemahiran dalam pengurusan perniagaan, reka bentuk produk, serta penghasilan kandungan promosi yang menarik juga menjadi faktor penyumbang kepada isu ini. Walaupun penduduk setempat memiliki kemahiran dalam penghasilan produk, ketidaktahuan mengenai cara memasarkan produk dengan berkesan menyebabkan usaha-usaha mereka kurang mencapai impak yang diinginkan. Tanpa sokongan dalam bentuk latihan dan platform yang disediakan untuk meningkatkan kemahiran pemasaran, peluang untuk mempromosikan dan meningkatkan jualan produk mereka akan terhad. Penyediaan platform yang lebih berkesan dan menyeluruh untuk mempromosikan produk, disertai dengan latihan kemahiran pemasaran, adalah kunci untuk merangsang pertumbuhan ekonomi setempat. Platform ini bukan sahaja perlu memberikan akses kepada pasaran yang lebih luas, tetapi juga perlu membantu penduduk dalam membina dan memperkenalkan jenama produk mereka secara lebih profesional dan menarik. Selain itu, kemudahan untuk menjalankan perniagaan secara dalam talian perlu diperkenalkan bagi memudahkan transaksi dan pengurusan jualan. Keseluruhannya, mengatasi isu kekurangan platform ini adalah langkah utama dalam membangunkan ekonomi mikro yang mampan di kalangan komuniti setempat.

Jadual 12. Ringkasan Isu 1

Permasalahan berkaitan dengan Isu	1. Penduduk setempat mahir dalam menghasilkan produk, seperti ikan pekasam, tetapi menghadapi kekurangan platform untuk promosi yang lebih luas. 2. Kekurangan saluran pemasaran menyebabkan produk tempatan terhad dalam pasaran sempit dan sukar bersaing dengan produk luar. 3. Kurangnya kemahiran dalam strategi pemasaran digital dan penggunaan teknologi menghalang akses ke pasaran global. 4. Ketidaktahuan dalam pengurusan perniagaan dan penghasilan kandungan promosi turut menyekat pertumbuhan ekonomi komuniti. 5. Penyediaan platform pemasaran dan latihan kemahiran yang berkesan diperlukan untuk meningkatkan daya saing produk tempatan**.**

Cadangan Penyelesaian	Membuat kursus kemahiran produk hiliran
Kumpulan Terjejas	Wanita, nelayan
Kawasan	Komuniti DUN Anak Bukit / Alor Madi

SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	**Sasaran SDG Berkaitan**
SDG 8: Pekerjaan yang Layak dan Pertumbuhan Ekonomi	Sasaran 8.3: Menggalakkan pembangunan ekonomi inklusif melalui sokongan kepada perusahaan kecil dan sederhana serta perniagaan mikro, termasuk akses kepada platform pasaran. Sasaran 8.6: Menambah peluang untuk pekerjaan bermaruah melalui peningkatan kemahiran penduduk setempat.
SDG 9: Industri, Inovasi dan Infrastruktur	Sasaran 9.3: Meningkatkan akses perusahaan kecil dan sederhana kepada pasaran dan teknologi moden. Sasaran 9.b: Menyokong pembangunan teknologi serta inovasi tempatan.
SDG 12: Pengeluaran dan Penggunaan yang Bertanggungjawab	Sasaran 12.3: Mengurangkan pembaziran produk dan memperkukuh rantaian nilai makanan. Sasaran 12.a: Menggalakkan penyertaan komuniti tempatan dalam aktiviti ekonomi berasaskan produk makanan tradisional.
SDG 4: Pendidikan Berkualiti	Sasaran 4.4: Memastikan penduduk mendapat kemahiran teknikal dan vokasional termasuk pemasaran digital untuk meningkatkan peluang ekonomi.
SDG 17: Perkongsian untuk Mencapai Matlamat	Sasaran 17.16: Menggalakkan kerjasama dengan pihak swasta untuk membangunkan platform promosi dan latihan kemahiran.

4.2.2 Pengutamaan Isu 2: Memperkasa Wanita Belia dengan Strategi Kursus dan Sokongan untuk Peningkatan Ekonomi

Masalah yang dikenal pasti ialah kurangnya tumpuan khusus kepada golongan wanita belia dalam usaha memperkasakan ekonomi setempat. Walaupun terdapat potensi besar dalam kalangan mereka, kekurangan platform dan sokongan berstruktur menyukarkan mereka untuk memanfaatkan sepenuhnya kemahiran yang dimiliki. Langkah strategik yang dicadangkan ialah dengan mengumpulkan wanita-wanita belia ini melalui kursus latihan dan pembangunan kapasiti. Kursus tersebut harus merangkumi aspek kemahiran teknikal, pemasaran digital, serta strategi perniagaan kecil yang efektif. Selain itu, penting untuk menyediakan mekanisme sokongan seperti penubuhan koperasi atau platform jualan bersepadu bagi memastikan mereka dapat mengaplikasikan ilmu yang diperoleh secara produktif. Ini akan membantu wanita belia bukan sahaja meningkatkan pendapatan tetapi juga membina keyakinan dalam dunia keusahawanan yang semakin kompetitif.

Jadual 13. Ringkasan Isu 2

Permasalahan berkaitan dengan Isu	1. Kurangnya tumpuan khusus kepada golongan wanita belia dalam usaha memperkasakan ekonomi setempat, meskipun mereka memiliki potensi besar. 2. Kekurangan platform dan sokongan berstruktur menyukarkan wanita belia untuk memanfaatkan sepenuhnya kemahiran yang dimiliki. 3. Langkah strategik yang dicadangkan adalah melalui kursus latihan yang merangkumi kemahiran teknikal, pemasaran digital, dan strategi perniagaan kecil yang efektif. 4. Keperluan penyediaan mekanisme sokongan seperti koperasi atau platform jualan bersepadu bagi memastikan ilmu yang diperoleh dapat diaplikasikan secara produktif.
Cadangan Penyelesaian	Membuat kursus kemahiran makanan
Kumpulan Terjejas	Belia Wanita, B40
Kawasan	DUN Pengkalan Kundor
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	**Sasaran SDG Berkaitan**

SDG 5: Kesaksamaan Jantina	Sasaran 5.5: Memastikan penyertaan penuh dan berkesan serta peluang yang sama untuk wanita dalam semua peringkat kepimpinan dalam kehidupan politik, ekonomi, dan awam.
SDG 8: Pekerjaan yang Layak dan Pertumbuhan Ekonomi	Sasaran 8.3: Menggalakkan pembangunan aktiviti ekonomi yang inklusif, produktif, dan inovatif termasuk keusahawanan serta perusahaan mikro, kecil dan sederhana dengan memudahkan akses kepada kewangan. Sasaran 8.6: Mengurangkan kadar belia yang tidak bekerja, tidak mengikuti pendidikan atau latihan.
SDG 10: Mengurangkan Ketidaksamaan	Sasaran 10.2: Memberi sokongan ekonomi dan sosial yang lebih inklusif kepada semua lapisan masyarakat, termasuk wanita belia.
SDG 4: Pendidikan Berkualiti	Sasaran 4.4: Meningkatkan jumlah belia dan dewasa yang mempunyai kemahiran yang relevan untuk pekerjaan yang baik dan keusahawanan.

5.0 PENGENALPASTIAN AWAL PROJEK PENYELESAIAN

Jadual 14. Pengenalpastian Projek Penyelesaian

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3
Tajuk Projek	Pekasam Kuala Kedah: Tradisi Diteruskan, Ekonomi Ditingkatkan	Usahawan Bakeri Kuala Kedah: Belajar Membuat Kek dan Pastri	Transformasi Ekonomi Komuniti Penternakan Ikan Keli
SDG Berkaitan	SDG 1, 8, 12, 17	SDG 1, 4, 8, 17	SDG 1, 8, 10
Objektif	Memperkasakan komuniti luar bandar melalui pemprosesan dan pemasaran pekasam	Memberi latihan kemahiran kek dan pastri serta asas pengurusan perniagaan kepada komuniti B40	Meningkatkan produktiviti ternakan ikan keli melalui pengurusan air dan kesihatan ikan yang lebih baik
Hasil Jangkaan	13 peserta aktif, 80% menjana pendapatan tambahan, penubuhan jenama komuniti	13 peserta menerima sijil, 60% memulakan perniagaan atau mendapat pekerjaan	Kolam ternakan berfungsi, kadar kematian ikan berkurang, pendapatan peserta meningkat
Organisasi	Pertubuhan Kuala Kedah Prihatin	Persatuan Sri Kifayah	Pelangi Impian Enterprise
Aktiviti	Bengkel pekasam, latihan keusahawanan, pemasaran digital, pengurusan sisa	Bengkel kek & pastri, latihan kewangan, pemasaran digital, pameran produk	Pembinaan kolam, pemasangan sistem penapisan, latihan keusahawanan, pemantauan kesihatan ikan
Jumlah (RM)	RM40,000	RM40,000	RM40,000
Lokasi	Kampung Alor Madi, DUN Anak Bukit, Alor Setar, Kedah	Kampung Teluk Talipon, DUN Kubang Rotan, Alor Setar, Kedah	Kampung Banggol Wan Awang, DUN Pengkalan Kundor, Alor Setar, Kedah
Tempoh	4 Bulan (Mei – Ogos 2025)	3 Bulan (Mei – Julai 2025)	Bulan (Mei – Ogos 2025)

6.0 RUJUKAN

Ahmad, M. Z., Ibrahim, J. A., & Mohd Salleh, H. (2008). Membangunkan Kuala Kedah sebagai destinasi pelancongan warisan: Penerapan konsep pembangunan pelancongan lestari.

Fakhrurazi, A. F. (2023, March 20). *Pembangunan sektor akuakultur di Kuala Kedah*. Harakah Daily. https://harakahdaily.net/index.php/2023/03/20/pembangunan-sektor-akuakultur-di-kuala-kedah/

Muhammad Razak, M., & Yusoff, M. M. (2018). *Membangunkan Kuala Kedah sebagai destinasi pelancongan warisan: Penerapan konsep pembangunan pelancongan lestari*. Academia.edu. https://www.academia.edu/35489449/Membangunkan_Kuala_Kedah_sebagai_Destinasi_Pelancongan_Warisan_Penerapan_Konsep_Pembangunan_Pelancongan_Lestari

Pembangunan Kuala Kedah sebagai destinasi pelancongan yang menyumbang kepada ekonomi setempat. (n.d.). *Berita PAS*. https://berita.pas.org.my/pelancongan-di-kuala-kedah/

RTM. (2023, June 2). *Projek Pembangunan Bandar Maritim di Kuala Kedah perlu jaga kepentingan nelayan tempatan*. Berita RTM. https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/projek-pembangunan-bandar-maritim-di-kuala-kedah-perlu-jaga-kepentingan-nelayan-tempatan

BAHAGIAN A

Laporan Pemetaan Isu Parlimen
P.018 Kulim Bandar Baharu

Disediakan oleh:
Dr. Thanaraj Murudi

BAHAGIAN A

LAPORAN LAWATAN PEMETAAN ISU 181 – 192

BAHAGIAN B

1.0 PENGENALAN 196 – 202
1.1 Geografi/Topografi 196
1.2 Komposisi Penduduk 197
1.3 Kegiatan Ekonomi Utama 198
1.4 Hubungan Kerangka Konseptual SDG dan Konteks Tempatan 199

2.0 METODOLOGI PENYELIDIKAN 202 – 206
2.1 Pendekatan Kajian 202
2.2 Langkah Etika Semasa Kajian Lapangan 205
2.3 Kekangan Lawatan Kajian Lapangan 205
2.4 Keterbatasan Kajian 205

3.0 RANGKUMAN ISU RENTAS SDG 207 – 211

4.0 GAMBARAN KESELURUHAN PEMETAAN ISU 212 – 236
4.1 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu 212
4.2 Pengutamaan Isu 232

5.0 PENGENALPASTIAN AWAL PROJEK PENYELESAIAN 237 – 241

6.0 RUJUKAN 242

P.018 KULIM BANDAR BAHARU

BAHAGIAN A

Laporan Lawatan Pemetaan Isu

P.018 Kulim Bandar Baharu

KULIM BANDAR BAHARU

Lawatan Pemetaan Kawasan
13 - 15 Jun 2025

DENGAN SOKONGAN DARIPADA

AHLI PARLIMEN KULIM BANDAR BAHARU,YB TUAN ROSLAN BIN HASHIM



TEMPAT-TEMPAT YANG TELAH DILAWATI

13 Jun - 15 Jun 2025
(Jumaat - Ahad)

HARI 1

1. FGD 1: Komuniti Nelayan Pengkalan Bagan Samak
2. FGD 2: Komuniti Kampung Tradisional Jermai, Mukim Sungai Batu
3. FGD 3: Komuniti Usahawan Kecil Wanita (Usahanita) Jelong, Lubok Buntar, Mukim Bandar Baharu

HARI 2

4. FGD 4: Komuniti Kampung Terap di Mukim Terap Daerah Kulim
5. FGD 5: komuniti Kampung Padang Tembak dan Taman Seri Kulim
6. FGD 6: Komuniti SEDIM berkaitan eko-pelancongan (Campsite, Chalet)
7. Lawatan Tapak 1: Lot PT 686, Mukim Terap, Daerah Kulim, Kedah

HARI 3

8. FGD 7: Komuniti Belia Gunong Bongsu Daerah Kulim
9. FGD 8: Komuniti Usahawan / Pengusaha Madu Kelulut

PASUKAN PENYELIDIK



DR. THANARAJ MURUDI
(Ketua Penyelidik)



MOHAMAD AL MUTTAQIN BIN MOHAMAD ZAMRI



AZLINA BINTI MANSOR

LAWATAN PEMETAAN KAWASAN TELAH DIJALANKAN PADA 13-15 JUN 2025 (JUMAAT - AHAD)

01



14 April 2025
Mesyuarat Awalan

02



25 Mei 2025
Kunjung Hormat ke Pejabat Pegawai Daerah dan Tanah Kulim

03



04 Jun 2024
Kunjung Hormat ke Pejabat Daerah Bandar Baharu

04



13 Jun 2025
FGD 1: Komuniti Nelayan Pengkalan Bagan Samak

05



13 Jun 2025
FGD 2: Komuniti Kampung Tradisional Jermai, Mukim Sungai Batu

06



13 Jun 2025
FGD 3: Komuniti Usahawan Kecil Wanita (Usahanita) Jelong, Lubok Buntar, Mukim Bandar Baharu

07



14 Jun 2025
FGD 4: Komuniti Kampung Terap di Mukim Terap Daerah Kulim

08



14 Jun 2025
FGD 5: Komuniti Kampung Padang Tembak dan Taman Seri Kulim

09



14 Jun 2025
FGD 6: Komuniti SEDIM berkaitan eko-pelancongan (Campsite, Chalet)

10



14 Jun 2025
Lawatan Tapak 1: Lot PT 686, Mukim Terap, Daerah Kulim, Kedah

11



15 Jun 2025
FGD 7: Komuniti Belia Gunong Bongsu Daerah Kulim

12



15 Jun 2025
FGD 8: Komuniti Usahawan / Pengusaha Madu Kelulut

14 APRIL 2025 - MESYUARAT AWALAN



Mesyuarat awalan Parlimen Kulim Bandar Baharu bersama YB Tuan Roslan bin Haji Hashim telah berlangsung di Pusat Khidmat Parlimen. Pemetaan SDG dianggarkan berlangsung pada 24-26 Mei 2025. Parlimen Kulim Bandar Baharu melibatkan 2 Daerah iaitu Daerah Kulim dan Daerah Bandar Baharu dan melibatkan lebih 100k pengundi. YB telah menyambut baik kedatangan dan inisiatif APPGM-SDG di Kulim. Pihak APPGM-SDG telah direpresentasi oleh Paniirselvam Jayaraman dan Dr. Thanaraj Murudi.

21 MEI 2025 - KUNJUNG HORMAT KE PEJABAT PEGAWAI DAERAH DAN TANAH KULIM



Jabatan Penyelaras Parlimen (CCD) telah mengadakan kunjungan hormat bersama Tuan Haji Mohd Zaini bin Haji Ramli, Pegawai Daerah dan Tanah Kulim di Pejabat Daerah Kulim untuk membincangkan kerjasama pemetaan isu di Parlimen Kulim Bandar Baharu (P018). Tuan Pegawai Daerah berkongsi gambaran sosioekonomi di bawah pentadbiran PDT Kulim termasuk Zon Industri dengan anggaran 40-50 ribu pekerjaan, cabaran kesesakan lalu lintas, peningkatan kos sara hidup, isu banjir kilat dengan solusi yang mencabar, serta kebimbangan terhadap belia yang hilang arah dan memilih pekerjaan tidak tetap yang berpotensi menjadi kekangan masa depan. Kerjasama pelaksanaan Inter-Agensi akan diteruskan selepas pemetaan isu di Parlimen Kulim Bandar Baharu.





04 JUN 2025 - KUNJUNG HORMAT KE PEJABAT DAERAH BANDAR BAHARU

APPGM-SDG Zon Utara telah mengadakan kunjungan hormat bersama Pegawai Daerah Bandar Baharu, Tuan Mohd Noor bin Ismail bagi membincangkan pelaksanaan pemetaan SDG dan perancangan Dialog Inter-Agensi Parlimen Kulim Bandar Baharu. Beberapa cabaran utama daerah yang dibincangkan termasuk kekurangan fasiliti kesihatan, ketiadaan sektor industri utama, tahap kemiskinan tegar, isu pemilikan tanah komersial, dan kurangnya tarikan pelancongan. Keperluan pembangunan menyeluruh dikenal pasti merangkumi perumahan, kemudahan jalan raya, dan ekonomi komuniti setempat. APPGM-SDG komited menyokong inisiatif pembangunan setempat melalui pendekatan berasaskan data dan penyelesaian dasar yang menyeluruh.







FGD 1: KOMUNITI NELAYAN PENGKALAN BAGAN SAMAK

FGD 1 telah berlangsung di Pengkalan Nelayan Bagan Samak, Daerah Bandar Baharu. Terdapat dua mukim di Daerah Bandar Baharu iaitu Mukim Bagan Samak dan Mukim Sungai Batu. Seramai kira-kira 42 nelayan beroperasi di kawasan ini, termasuk 8 orang nelayan tulen yang berlesen, manakala selebihnya merupakan nelayan sampingan. Sumber sosioekonomi utama masyarakat setempat adalah hasil sungai, pertanian, dan pekerjaan harian. Antara isu yang telah di bicarakan termasuk: **(1)** Pencemaran sungai akibat aktiviti kuari tanah telah menyebabkan penurunan hasil tangkapan nelayan darat; **(2)** kekangan dari segi akses kepada kemudahan kesihatan – jarak hospital yang jauh dan perlu ke negeri lain, memakan masa yang lama untuk mendapatkan rawatan; **(3)** Lampu jalan hanya berfungsi di kawasan tertentu sahaja, menyebabkan isu keselamatan dan keselesaan pada waktu malam; **(4)** proses penubuhan koperasi mengambil masa yang lama, menyekat pembangunan ekonomi komuniti nelayan; **(5)** status TOL sementara masih dalam proses kelulusan, menyebabkan ketidakpastian dalam pemilikan dan penggunaan tanah; dan **(6)** keperluan penambahbaikan infrastruktur pengkalan bagi menarik kedatangan pelancong dan merancakkan sosioekonomi setempat.



FGD 2: KOMUNITI KAMPUNG TRADISIONAL JERMAI, MUKIM SUNGAI BATU

FGD 2 telah diadakan bersama komuniti kampung Jermai yang terdiri daripada sekitar 160 keluarga Melayu yang rata-ratanya bergantung kepada sektor pertanian dan pekerjaan harian. Aktiviti ekonomi utama mereka termasuk pertanian sawah padi (namun kebanyakannya telah dipajak kepada pihak lain), penanaman kelapa sawit, serta penternakan kambing dan lembu. Sebahagian penduduk juga bekerja di kilang-kilang berhampiran seperti kilang kelapa sawit, kilang telur ayam, *Hi-Tech* Kulim dan lain-lain pekerjaan harian. Satu keunikan yang masih dikekalkan oleh komuniti ini ialah amalan gotong-royong, khususnya dalam penyediaan makanan untuk kenduri, yang mencerminkan semangat kekitaan yang masih utuh dalam kalangan penduduk. Antara isu yang telah di bicarakan termasuk: **(1)** masalah tekanan air rendah dan gangguan bekalan air, yang menjadi lebih ketara ketika musim perayaan. Contohnya, gangguan bekalan air yang sepatutnya berlaku selama satu hari telah berlarutan sehingga tiga hari, menjejaskan urusan harian dan aktiviti sosial penduduk; **(2)** gangguan haiwan liar seperti kera, yang merosakkan tanaman dan menimbulkan kebimbangan keselamatan, terutamanya kepada golongan tua dan kanak-kanak; **(3)** kekurangan peluang ekonomi tempatan, yang menyebabkan ramai anak muda berhijrah ke bandar untuk mencari pekerjaan. Tiadanya bimbingan atau insentif untuk usahawan kecil turut menghalang pertumbuhan ekonomi setempat; **(4)** kemerosotan aktiviti pertanian tradisional, terutamanya sawah padi yang semakin tidak diusahakan secara langsung oleh penduduk. Faktor seperti kos tinggi, kekurangan pelapis muda, dan hasil yang tidak menentu menjadi punca utama; **(5)** ketiadaan pusat komuniti atau ruang hijau, menyebabkan aktiviti sosial, belia dan warga emas terhad kepada kawasan rumah persendirian; dan **(6)** pencemaran lalat akibat kilang penternakan ayam yang beroperasi di sekitar kampung. Setiap kali proses pengeluaran ayam berlaku, penduduk berhadapan dengan kehadiran lalat yang banyak, menimbulkan ketidakselesaan dan kebimbangan terhadap tahap kebersihan dan kesihatan.



FGD 3: KOMUNITI USAHAWAN KECIL WANITA (USAHANITA) JELONG, LUBOK BUNTAR, MUKIM BANDAR BAHARU

FGD 3 telah melibatkan seramai 22 orang wanita usahawan kecil, majoritinya merupakan suri rumah yang menjalankan perniagaan kecil-kecilan seperti penghasilan makanan, kek, kuih-muih, biskut dan masakan basah. Mereka berkongsi pelbagai cabaran yang dihadapi dalam menjalankan perniagaan di kawasan ini. Isu yang dikenalpasti termasuk; **(1)** sewa kedai yang mahal. Sewa kedai di bawah seliaan Majlis Daerah Serdang dan Majlis Daerah Bandar Baharu adalah mahal, sekitar RM500 hingga RM600 sebulan, dan tidak mampu ditanggung oleh usahawan kecil golongan B40; **(2)** keterhadan kedai KEDA. Kedai di bawah kendalian KEDA (RM120 sebulan dengan pembaharuan setiap 3 tahun) adalah sangat terhad. Walaupun lebih mampu milik, kedai-kedai ini telah penuh dan ada antaranya tidak dibuka dan dijadikan stor, sekaligus menyekat peluang kepada usahawan lain. Setursnya, **(3)** isu kekurangan premis mampu sewa, premis atau kedai yang berpatutan untuk usahawan kecil B40 di sekitar Bandar Baharu adalah sangat terhad, menyebabkan ramai terpaksa menjalankan perniagaan dari rumah atau lokasi tidak strategik; **(4)** kiosk KPKT tidak sesuai. Inisiatif kiosk baharu oleh KPKT dilihat tidak sesuai untuk perniagaan jenis pembuatan makanan seperti kek dan warung, kerana saiz, kemudahan dan reka bentuk tidak menepati keperluan operasi harian mereka. Akhirnya **(5)** masalah sosial, terutama, pengunaan dadah dalam kalangan belia. Berlaku peningkatan kes penyalahgunaan dadah dalam kalangan belia di kawasan Taman Kelisa, yang menimbulkan kebimbangan kepada para usahawan dan ibu bapa di kawasan tersebut.





FGD 4: KOMUNITI KAMPUNG TERAP DI MUKIM TERAP DAERAH KULIM

FGD 4 telah berlangsung bersama komuniti kampung Terap di Mukim Terap Daerah Kulim. Di Mukim Terap terdapat 7 buah Kampung iaitu: 1) Kampung Terap, 2) Kampung Bendang Sara, 3) Kampung Batu 12, 4) Kampung Badlishah, 5) Kampung Durian Burung, 6) Kampung Batu 10, 7) Kampung Sungai Tengas. Antara isu yang telah diutarakan termasuk: **(1)** Isu lalat disebabkan oleh 3 kilang ayam yang berdekatan dengan kampung menyebabkan pendapatan peniaga terjejas, kehidupan *hygiene* masyarakat tergugat, dan masalah ini berlarutan selama 20 tahun; dan **(2)** ancaman haiwan liar seperti kera, monyet, dan beruk yang mengancam hasil tanaman dan pertanian.





FGD 5: KOMUNITI KAMPUNG PADANG TEMBAK DAN TAMAN SERI KULIM

FGD 5 telah berlangsung bersama komuniti di Surau Al-Watan Padang Tembak.g Terap, Mukim Terap Daerah Kulim yang telah membicarakan isu-isu termasuk: **(1)** Banjir kilat yang berlaku di Kampung Padang Tembak. Antara sebab utama menyebabkan bajir ialah pintu air tasik kulim terlalu kecil dan rumah pam yang masih dalam pembinaan menyukarkan air keluar Ketika Sungai telah penuh.Selain itu,projek perumahan yang sedang dinaikkan juga antara faktor penyebab dan tidak mengikut SOP.Seterusnya,Sungai tebuan tidak diselanggara dengan baik telah naik belukar di dalam Sungai tersebut sehingga menyebabkan air Sungai melimpah keluar dan Kawasan banjir ini melibatkan hamper 160 buat rumah yang melibatkan kampung padang tembak serta taman seri kulim. Keadaan parit yang tidak diselanggara atau menaik taraf untuk memasang *"flat gate"* bagi menampung kemasukkan air yang banyak sehingga melibatkan banjir; **(2)** terdapat kerosakkan pada struktur jalan Jalan utama di Taman seri kulim yang sudah lama tidak diselanggara disebabkan tiada peruntukan. Situasi ini membahayakan penduduk yang lalu ke Kawasan ini. Taman Seri Kulim; dan **(3)** kesesakkan lalu lintas Kesesakkan lalu lintas pada waktu kemuncak dan perlu mengambil masa yang lama. Jalan ke klinik Kesihatan yang agak sempit dan kesesakkan di klinik Kesihatan kulim. Terdapat bangunan Kerajaan utama dan Kawasan penduduk namun akses ke jalan tersebut masih kurang memuaskan.





FGD 6: KOMUNITI SEDIM BERKAITAN EKO-PELANCONGAN (CAMPSITE, CHALET)

FGD 6 telah berlangsung bersama komuniti SEDIM berkaitan eko-pelancongan. antara isu yang telah diluaskan termasuk: **(1)** kepala Air Kejadian: Kepala air sangat membimbangkan bagi setiap pengusaha Terdapat lebih 30 pengusaha campsite yang berada di SEDIM dan selalunya trajedi kepala air ini akan berlaku selepas waktu hujan; **(2)** ketiadaan siren amaran apabila kepala air berlaku merisaukan pengusaha campsite; **(3)** perlesenan *campsite* telah lama memohon tetapi belum ada maklum balas. Dimaklumkan proses dokumentasi dan masih menunggu dari pihak majlis tentang kelulusan lessen tersebut; **(4)** ketiadaan tong sampah: Tong sampah yang agak jauh dari penduduk kampung. Pihak majlis memaklumkan yang Kawasan kampung di sedim bukan dibawah seliaan mereka kerana tidak membayar cukai pintu. Sampah-sampah yang dibuang pada bukan tempat yang sepatutnya dan tong sampah besar perlu disewa; dan **(5)** mesin ATM terlalu jauh dari tempat komuniti. Penduduk terpaksa ke pekan Karangan dan mengambil masa lebih 20 minit untuk urusan perbankan.





LAWATAN TAPAK 1: LOT PT 686, MUKIM TERAP, DAERAH KULIM, KEDAH

Satu lawatan tapak telah dilaksanakan di Lot PT 686, Mukim Terap, Daerah Kulim, Kedah. Isu yang berkaitan cadangan kuari telah diutarakan termasuk: **(1)** kesan terhadap alam sekitar. Aktiviti pengkuarian yang dicadangkan melibatkan kawasan seluas kira-kira 100 ekar (40.46 hektar) berpotensi memberi kesan kepada alam sekitar termasuk flora, fauna, pencemaran udara, kebisingan, dan air. Seterusnya **(2)** tempoh operasi yang lama. Tempoh operasi yang dijangka selama 37 tahun merupakan tempoh yang sangat panjang dan boleh memberi kesan jangka masa panjang kepada komuniti dan alam sekitar sekeliling; **(3)** gangguan kepada komuniti setempat. Aktiviti kuari berkemungkinan menyebabkan gangguan bunyi, debu, getaran dan pencemaran yang menjejaskan kualiti hidup penduduk berhampiran; **(4)** penggunaan tanah milik kerajaan negeri. Projek ini dijalankan atas tanah milik Menteri Besar Kedah Incorporated yang menimbulkan persoalan tentang keutamaan pembangunan dan penggunaan tanah kerajaan; **(5)** ketelusan dan libat urus awam. Walaupun pameran awam diadakan dari 14 Mei hingga 12 Jun 2025, persoalan timbul sama ada proses libat urus awam mencukupi dan pendapat komuniti akan benar-benar diambil kira; **(6)** lokasi projek yang berhampiran kawasan hijau. Projek ini terletak di kawasan yang masih mempunyai kehijauan dan mungkin berdekatan dengan kawasan kediaman atau pertanian yang boleh terjejas secara langsung. Akhirnya, **(7)** kepentingan sosioekonomi *vs* pemeliharaan alam. Perlu ada keseimbangan antara keperluan ekonomi (pengoperasian kuari) dan perlindungan alam sekitar serta kesihatan awam.




FGD 7: KOMUNITI BELIA GUNONG BONGSU DAERAH KULIM

FGD 7 telah berlangsung bersama komuniti belia gunong bongsu. Antara cabaran yang telah diutarakan termasuk: **(1)** Perumahan Felda Generasi Ke-2: Perumahan generasi ke-2 felda masih belum ada dan anak peneroka terpaksa keluar mencari rumah di luar Kawasan felda. Dimaklumkan tanah perumahan generasi ke-2 telah ada dan majlis pecah tanah telah berlaku pada tahun 2017 namun selepas penukaran Kerajaan peruntukan tersebut telah dibekukan dan sehingga kini masih belum ada maklum balas; **(2)** tidak mendapat kebenaran penyambungan elektrik: Rumah baru yang dibina atas tanah peneroka yang sedia ada tidak mendapat kebenaran dari TNB untuk penyambungan meter. Difahamkan pihak pengurusan felda telah mengarahkan TNB supaya tidak membuat penyambungan meter kepada rumah yang dibina sendiri oleh peneroka; **(3)** penglebaran jalan raya yang sempit dan tidak diselanggara: Kali terakhir jalan raya diselanggara di felda Gunung Bongsu ialah pada tahun 2018 dan ia melibatkan 183 rumah.Peningkatan penduduk dan bilangan kereta memerlukan penglebaran jalan raya; dan **(4)** dewan orang ramai: Dewan Felda Gunung Bongsu perlu disewa sekiranya ingin digunakan oleh komuniti setempat dan harga yang dikenakan adalah sama seperti orang luar. Keputusan penyewaan telah diputuskan oleh pihak pengurusan yang baru dan ini telah menimbul kemarahan dari komuniti felda yang melibatkan 183 buah rumah.



FGD 8: KOMUNITI USAHAWAN / PENGUSAHA MADU KELULUT

FGD 8 komuniti usahawan / pengusaha madu kelulut di Dewan Air Putih Junjung (Mukim Junjung, Daerah Kulim). Antara isu yang telah diutarakan termasuk: **(1)** sukar mencari pasaran; **(2)** ketiadaan dewan terbuka Kesukaran untuk mendapat dewan terbuka untuk kegunaan orang ramai. Mukim junjung mempunyai 5 kampung dan tidak mempunyai dewan terbuka. Dimaklumkan tanah untuk membina dewan tersebut telah ada namun pejabat daerah tidak mempunyai peruntukan; **(3)** kepadatan hospital kulim Hospital kulim yang terlalu ramai dan perlu menunggu sangat lama. Kominiti setempat memerlukan hospital yang baru memandangkan hospital kulim yang terlalu padat dan perlu berkongsi dngn daerah lain seperti padang serai,began serai dan kulim; dan **(4)** lampu jalan kurang Ketiadaan lampu jalan menyukarkan perjalanan penduduk Kekurangan lampu jalan melibatkan peruntukan dan perancangan daerah kerana pemasangan dibuat namun tidak mencukupi melibatkan kampung tiong.

BAHAGIAN B

Laporan Pemetaan Isu

P.018 Kulim Bandar Baharu

Senarai Jadual

Jadual 1	Tentatif Ringkas Lawatan Tapak Parlimen Kulim Bandar Baharu
Jadual 2	Rangkuman Isu Rentas SDG
Jadual 3	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 1
Jadual 4	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 2
Jadual 5	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 3
Jadual 6	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 4
Jadual 7	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 5
Jadual 8	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 6
Jadual 9	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 7
Jadual 10	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 8
Jadual 11	Ringkasan Isu 1
Jadual 12	Ringkasan Isu 2
Jadual 13	Pengenalpastian Projek Penyelesaian

Senarai Rajah

Rajah 1	Paip Besar Gopeng
Rajah 2	Peta Parlimen Gopeng
Rajah 3	Komposisi Warganegara Ethnik di Gopeng
Rajah 4	Struktur Umur di Gopeng
Rajah 5	Nisbah Tanggungan (Dependency Ratio) Penduduk Gopeng

Senarai Singkatan

DUN	Dewan Undangan Negeri
FGD	Focus Group Discussion
SPR	Suruhanjaya Pilihan Raya
PAS	Parti Islam Se-Malaysia
PN	Perikatan Nasional
YB	Yang Berhormat

1.0 PENGENALAN

Kawasan Parlimen Kulim-Bandar Baharu (P.018) terletak di negeri Kedah dan merangkumi dua kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN), iaitu DUN Kulim (N35) dan DUN Bandar Baharu (N36). Berdasarkan data banci Malaysia 2020, jumlah penduduk keseluruhan di kawasan ini adalah seramai 120,210 orang, dengan 90,033 pengundi berdaftar pada tahun 2023. Ahli Parlimen semasa yang mewakili kawasan ini ialah Roslan Hashim daripada Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU), yang merupakan sebahagian daripada gabungan Perikatan Nasional (PN) setelah memenangi kerusi tersebut pada Pilihan Raya Umum ke-15.[12]



YB Tuan Roslan bin Hashim

1.1 Geografi/Topografi

Parlimen Kulim Bandar Bharu (P.115) terletak di negeri Kedah, Malaysia, dan merangkumi daerah Kulim yang merupakan kawasan penting dalam pembangunan industri dan pertanian di utara Semenanjung Malaysia. Keluasan kawasan Parlimen ini adalah kira-kira 387 kilometer persegi dengan pusat pentadbiran utama terletak di Bandar Kulim. Kawasan ini juga meliputi beberapa bandar kecil seperti Kulim Hi-Tech Park, Lunas, dan Karangan, yang menyumbang kepada corak pembangunan yang berpusat pada industri teknologi dan pertanian.

Secara geografi, Parlimen Kulim Bandar Bharu bersempadan dengan Daerah Pendang di utara, Daerah Baling di timur, serta Daerah Seberang Perai Selatan di selatan dan barat, yang membentuk sempadan dengan negeri Pulau Pinang. Topografi kawasan ini didominasi oleh dataran rendah yang subur, sesuai untuk aktiviti pertanian seperti penanaman padi dan getah, serta bukit-bukit rendah yang menjadi sebahagian daripada hutan simpan seperti Hutan Simpan Kulim. Sungai Muda, yang merupakan sungai utama, memainkan peranan penting dalam menyokong aktiviti pertanian dan menjadi sumber air utama penduduk.

Kawasan ini juga mempunyai landskap yang mencerminkan gabungan antara pembangunan moden dan elemen semula jadi, dengan Kulim Hi-Tech Park sebagai pusat industri teknologi yang berkembang pesat. Walaupun kebanyakannya merupakan kawasan luar bandar, terdapat infrastruktur seperti jalan raya dan kemudahan asas yang menyokong pertumbuhan ekonomi. Ciri topografi yang rata dan sumber air yang mencukupi menjadikan kawasan ini strategik untuk pelaburan industri dan pelancongan alam semula jadi pada masa depan.

[12] https://mysprsemak.spr.gov.my/semakan/keputusan/pru

1.2 Komposisi Penduduk

Berdasarkan data Banci 2020, jumlah penduduk di kawasan Parlimen Kulim-Bandar Baharu adalah seramai 120,210 orang, dengan majoriti terdiri daripada warganegara Malaysia iaitu 96.2 peratus iaitu 115,626 orang, manakala 3.8peratus atau 4,584 orang adalah bukan warganegara. Dari segi jantina, bilangan lelaki adalah sedikit lebih tinggi dengan 61,412 orang berbanding perempuan seramai 58,798 orang, dengan nisbah jantina sekitar 104 lelaki bagi setiap 100 perempuan

Komposisi etnik menunjukkan bahawa Bumiputera merupakan kumpulan terbesar dengan 73.8 peratus daripada keseluruhan warganegara, diikuti oleh masyarakat Cina sebanyak 14.4 peratus, India dengan 11.5 peratus, dan kumpulan lain-lain dengan 0.2 peratus. Pola etnik ini mencerminkan struktur masyarakat majmuk Malaysia, dengan Bumiputera sebagai majoriti, sementara kaum Cina dan India membentuk minoriti yang signifikan dari segi sumbangan ekonomi dan sosial.

Dari segi struktur umur, sebahagian besar penduduk berada dalam kategori 15 hingga 64 tahun dengan 67.5 peratus, iaitu kumpulan umur produktif yang menyumbang kepada tenaga kerja aktif di kawasan ini. Penduduk berumur antara 0 hingga 14 tahun membentuk 24.7 peratus, manakala golongan berusia 65 tahun ke atas adalah 7.8 peratus. Data ini juga memperlihatkan bahawa hampir 70 peratus daripada jumlah penduduk berumur 18 tahun dan ke atas, sekali gus menandakan potensi besar dari aspek penyertaan dalam tenaga kerja, politik dan aktiviti sosial.

Selain itu, nisbah tanggungan keseluruhan adalah 48.2, dengan 36.6 bagi umur muda dan 11.6 bagi umur tua. Angka ini menunjukkan bahawa setiap 100 penduduk dalam kumpulan umur produktif perlu menyokong hampir 48 tanggungan, yang memberi implikasi terhadap dasar pembangunan sosial, ekonomi dan perkhidmatan kesihatan di kawasan Parlimen ini. Kepadatan penduduk pula direkodkan pada 174 orang per kilometer persegi, mencerminkan tahap urbanisasi sederhana yang bersesuaian dengan kedudukan kawasan ini sebagai daerah sempadan yang berhubung rapat dengan Pulau Pinang dan Perak.

Berdasarkan data yang diperoleh daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (2020), kawasan Parlimen P.018 Kulim-Bandar Baharu mempunyai luas keseluruhan 690 kilometer persegi dengan jumlah penduduk seramai 120,210 orang. Secara purata, kepadatan penduduk di kawasan Parlimen ini Adalah 174 orang bagi setiap kilometer persegi, menunjukkan tahap taburan penduduk yang sederhana berbanding kawasan bandar utama lain di Malaysia.[13] Jika diteliti mengikut pecahan kawasan Dewan Undangan Negeri

[13] https://open.dosm.gov.my/dashboard/kawasanku/Kedah/parlimen/P.018%20Kulim-Bandar%20Baharu

(DUN), N.35 Kulim meliputi kawasan seluas 420 kilometer persegi dengan penduduk seramai 75,798 orang, memberikan kepadatan penduduk yang lebih tinggi iaitu 180 orang per kilometer persegi. Hal ini menunjukkan bahawa DUN Kulim merupakan pusat tumpuan utama penduduk, sejajar dengan peranan Bandar Kulim sebagai pusat pentadbiran, komersial dan industri.

Sementara itu, N.36 Bandar Baharu mempunyai keluasan 270 kilometer persegi dengan jumlah penduduk seramai 44,412 orang. Kepadatan penduduk di kawasan ini direkodkan pada 164 orang per kilometer persegi, iaitu lebih rendah berbanding DUN Kulim. Keadaan ini memperlihatkan bahawa Bandar Baharu lebih bercirikan kawasan separa bandar dan luar bandar, dengan aktiviti ekonomi yang berasaskan pertanian, perniagaan kecil dan penempatan bersepadu di sempadan dengan Pulau Pinang serta Perak.

Secara keseluruhannya, analisis statistik ini menunjukkan wujudnya ketidakseimbangan taburan penduduk antara DUN Kulim dan DUN Bandar Baharu, yang berimplikasi terhadap perancangan pembangunan infrastruktur, penyediaan kemudahan awam, serta pengagihan sumber sosioekonomi di peringkat Parlimen Kulim-Bandar Baharu.
Jadual 1: Statistik terpilih penduduk, Parlimen Kulim-Bandar Baharu, Kedah, 2020

1.3 Kegiatan Ekonomi Utama

Kawasan Parlimen Kulim-Bandar Baharu memperlihatkan struktur ekonomi yang bercirikan kepelbagaian sektor, sejajar dengan kedudukannya yang strategik bersempadan dengan Pulau Pinang dan Perak. Berdasarkan data bancian Jabatan Perangkaan Malaysia serta rujukan pelan rancangan tempatan, aktiviti ekonomi utama di kawasan ini tertumpu kepada perindustrian, pertanian, perkhidmatan, dan perdagangan kecil.

- **Perindustrian**
  Pertama, sektor perindustrian merupakan tonggak utama di kawasan ini, terutamanya melalui kewujudan Kulim Hi-Tech Park (KHTP) yang menjadi hab teknologi tinggi pertama di Malaysia. Taman industri ini menempatkan pelaburan dalam bidang semikonduktor, elektronik, tenaga solar, bioteknologi, dan automotif, sekali gus menjadikan Kulim sebagai salah satu pemacu pertumbuhan ekonomi negara. Kehadiran KHTP juga menyumbang kepada peningkatan guna tanah industri di kawasan DUN Kulim serta menarik migrasi pekerja mahir dari luar daerah.

- **Pertanian**
  Kedua, sektor pertanian masih kekal signifikan, khususnya di kawasan DUN Bandar Baharu yang mempunyai tanah pertanian luas. Aktiviti pertanian utama

meliputi penanaman padi, kelapa sawit, getah, buah-buahan tropika serta sayur-sayuran, yang bukan sahaja menyumbang kepada keselamatan makanan, tetapi juga menyokong rantaian ekonomi setempat. Di samping itu, terdapat aktiviti penternakan kecil seperti unggas, lembu dan kambing yang berperanan melengkapkan ekosistem agroekonomi kawasan ini.

- **Perkhidmatan dan Perdagangan**
  Ketiga, sektor perkhidmatan dan perdagangan berkembang pesat di kawasan bandar utama seperti Bandar Kulim, Lunas, Serdang, dan Bandar Baharu. Aktiviti ekonomi dalam sektor ini merangkumi perdagangan borong dan runcit, perkhidmatan kewangan, logistik, pendidikan, serta kesihatan. Kedudukan Kulim berhampiran Lebuhraya Utara-Selatan turut memperkukuh peranannya sebagai nod transit perdagangan antara Kedah, Pulau Pinang dan Perak.

- **Pelancongan**
  Akhir sekali, sektor pelancongan tempatan turut berpotensi, khususnya pelancongan agro dan ekopelancongan. Kawasan tasik, hutan simpan serta kampung tradisional menyediakan tarikan sampingan kepada pelawat yang menuju ke Pulau Pinang atau Kulim Hi-Tech Park. Walaupun sektor ini masih kecil, potensinya dilihat mampu menyumbang kepada kepelbagaian ekonomi kawasan pada masa depan.

  Secara keseluruhan, struktur ekonomi Parlimen Kulim-Bandar Baharu memperlihatkan keseimbangan antara perindustrian moden berteknologi tinggi dan aktiviti tradisional berasaskan pertanian, dengan sektor perkhidmatan dan perdagangan berfungsi sebagai penghubung sokongan. Dinamika ini menjadikan kawasan Parlimen ini sebagai satu ruang pembangunan yang penting di selatan Kedah serta sebagai pelengkap kepada pertumbuhan ekonomi Wilayah Utara Semenanjung Malaysia.

1.4 Hubungan Kerangka Konseptual SDG dan Konteks Tempatan

Parlimen Kulim-Bandar Baharu terletak di bahagian tenggara Negeri Kedah, bersempadan dengan Pulau Pinang dan Perak. Dari aspek lokasi fizikal, kawasan ini menampilkan kepelbagaian landskap termasuk kawasan bandar seperti Kulim, penempatan desa di Bandar Baharu, kawasan pertanian padi, serta hutan tadahan air di bahagian timur. Keadaan ini menunjukkan keseimbangan antara pembangunan moden dan kelestarian sumber semula jadi, selaras dengan SDG 11 (Bandar dan Komuniti Mampan) serta SDG 15 (Kehidupan di Darat). Antara sasaran yang berkait adalah:

Sasaran 11.3: Menjelang 2030, memastikan perancangan kawasan dan pengurusan bandar yang inklusif dan mampan, termasuk pembangunan luar bandar yang selamat, mampu milik dan mampan, serta peluang sama rata, dengan khususnya menangani pemeliharaan warisan alam sekitar dan budaya di bandar.

Sasaran 15.1: Menjelang 2030, memastikan pemuliharaan, pemulihan dan penggunaan mampan yang meluas ekosistem daratan dan perairan tawar yang dalam rangka kerja sedia ada seperti konvensyen biodiversiti, dengan khususnya menyokong dan melaksanakan penilaian ekosistem.

Dari segi ekonomi tempatan, kegiatan utama merangkumi industri berteknologi tinggi yang tertumpu di Kulim Hi-Tech Park, selain pertanian padi, getah, dan sektor perkhidmatan. Pertumbuhan sektor teknologi berimpak besar dalam menyediakan peluang pekerjaan, namun jurang pembangunan antara bandar dan luar bandar masih ketara. Ini berkaitan dengan SDG 8 (Pekerjaan Layak dan Pertumbuhan Ekonomi) dan SDG 9 (Industri, Inovasi, dan Infrastruktur) yang menekankan keperluan mewujudkan pembangunan ekonomi inklusif dan inovatif (Invest Kedah 2018; Rahimi, Nurul Hidayah, and Mohd Nazri 2013) Selain itu, dari perspektif nilai sejarah, Kulim dikenali dengan sejarah perlombongan emas, manakala Bandar Baharu terkenal dengan kawasan pertanian tradisionalnya. Elemen sejarah ini berpotensi dimajukan dalam sektor pelancongan berasaskan warisan yang menekankan pemeliharaan budaya dan sejarah tempatan (JICA 1996). Antara sasaran yang berkait adalah:

Sasaran 8.2: Menjelang 2030, mencapai tahap produktiviti ekonomi yang lebih tinggi melalui pempelbagaian, naiktaraf teknologi dan inovasi, termasuk dengan tumpuan khusus pada sektor bernilai tambah tinggi dan sektor intensif buruh.

Sasaran 8.9: Menjelang 2030, merancang dan mengurus pelancongan mampan yang memupuk penciptaan pekerjaan dan pertumbuhan ekonomi tempatan, dengan sokongan kepada industri budaya, pelancongan asli, ekopelancongan dan pelancongan lain yang sensitif.

Sasaran 9.2: Menjelang 2030, mencapai naiktaraf teknologi dan infrastruktur, termasuk akses kepada perkhidmatan kewangan, untuk perusahaan kecil dan sederhana, selaras dengan keperluan negara.

Dari sudut budaya, masyarakat Kulim-Bandar Baharu bersifat majmuk dengan komposisi Bumiputera, Cina, dan India yang hidup harmoni. Tradisi seperti gotong-royong, sambutan perayaan pelbagai agama, dan warisan adat resam menjadi ciri utama identiti masyarakat setempat. Nilai keterangkuman ini seiring dengan SDG 16

(Kehidupan Aman, Keadilan, dan Institusi Kukuh) yang mengutamakan perpaduan sosial dan kesejahteraan masyarakat (PlanMalaysia 2010). Antara sasaran yang berkait adalah:

> **Sasaran 11.4:** Kuatkan usaha untuk melindungi dan memelihara warisan budaya dan semula jadi dunia.
>
> **Sasaran 16.7:** Pastikan proses pembuatan keputusan yang responsif, inklusif, penyertaan dan mewakili di semua peringkat.

Dalam aspek sosial, hubungan antara komuniti bandar dan desa masih diperkukuh dengan jaringan kejiranan, persatuan penduduk, serta institusi keagamaan. Walaupun pembangunan pesat berlaku di bandar Kulim, hubungan sosial berasaskan nilai komuniti desa masih terpelihara. Ini menyokong SDG 10 (Mengurangkan Ketidaksamarataan), kerana perpaduan sosial membantu mengurangkan jurang ekonomi dan sosial antara masyarakat (Unit Perancang Ekonomi Negeri Kedah 2021). Antara sasaran yang berkait adalah:

> **Sasaran 10.2:** Menjelang 2030, memberdayakan dan mempromosikan penyertaan sosial, ekonomi dan politik untuk semua, tanpa mengira umur, jantina, ketidakupayaan, bangsa, etnik, asal usul, agama atau status ekonomi atau sebaliknya.

Akhir sekali, keunikan kawasan Parlimen Kulim-Bandar Baharu terletak pada kombinasi antara industri berteknologi tinggi dengan kehidupan desa tradisional. Kontras ini menjadikan kawasan tersebut sebagai contoh pembangunan seimbang yang menggabungkan kemajuan ekonomi, pemeliharaan budaya, serta perlindungan alam sekitar. Hal ini seiring dengan SDG 1 (Tiada Kemiskinan), SDG 2 (Tiada Kelaparan), dan SDG 15 (Kehidupan di Darat) yang menekankan pengurangan jurang kemiskinan, keterjaminan makanan, serta kelestarian ekosistem (Unit Perancang Ekonomi/JUPEM 2020). Antara sasaran berkait adalah:

> **Sasaran 1.1:** Menjelang 2030, memansuhkan kemiskinan mutlak di seluruh dunia mengikut definisi antarabangsa.
>
> **Sasaran 2.4:** Menjelang 2030, pastikan sistem pengeluaran makanan yang mampan dan melaksanakan amalan pertanian yang berdaya tahan, yang meningkatkan produktiviti dan pengeluaran, memelihara ekosistem, mengukuhkan keupayaan penyesuaian terhadap perubahan iklim, cuaca ekstrem, kemarau, banjir dan bencana lain, dan secara beransur-ansur meningkatkan kualiti tanah dan air.

Sasaran 15.2: Menjelang 2020, mempromosikan pelaksanaan pengurusan hutan yang mampan di seluruh dunia, selaras dengan matlamat asal Perjanjian Hutan Dunia yang diterbitkan pada 1992, dan memastikan pemuliharaan, pemulihan hutan dan peningkatan penyerapan karbon di seluruh dunia melalui ekopelancongan, penanaman semula dan pengurusan hutan yang mampan.

2.0 METODOLOGI PENYELIDIKAN

2.1 Pendekatan Kajian

Kajian awal telah dijalankan oleh penyelidik untuk memahami konteks makro kawasan parlimen serta mengenal pasti isu-isu yang timbul. Kajian ini menggunakan sumber sekunder seperti statistik yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, kajian-kajian terdahulu, pencarian dalam talian, dan laporan akhbar. Pendekatan ini bertujuan untuk menyediakan gambaran umum yang lebih jelas mengenai keadaan semasa dan isu yang perlu diberi perhatian dalam kawasan tersebut.

Mesyuarat awalan bersama YB Tuan Roslan bin Hashim telah diadakan pada 14 April 2025 di Pusat Khidmat Parlimen Kulim-Bandar Baharu untuk membincangkan gerak kerja dan metodologi kajian APPGM-SDG. Dalam mesyuarat tersebut, YB Tuan Roslan bin Hashim telah memberi persetujuan untuk bekerjasama dengan APPGM-SDG dalam melaksanakan kajian pemetaan isu di Parlimen Kulim-Bandar Baharu.

Pada 21 Mei 2025, Dr Thanaraj Murudi selaku Ketua Penyelidik Kulim Bandar Baharu telah mengadakan kunjungan hormat terhadap Pegawai Daerah dan Tanah Daerah Kulim Tuan Haji Mohd Zaini bin Haji Ramli untuk memberi pengenalan APPGM-SDG dan tujuan pemetaan SDG di Parlimen Kulim-Bandar Baharu di Pejabat Daerah dan Tanah Bandar Baharu. Tuan Pegawai Daerah telah memberi sokongan penuh dan bersetuju untuk perbincangan Sesi Dialog Inter-Agensi bersama agensi-agensi kerajaan untuk memberi maklum balas dan kesahihan maklumat.

Pada 4 Jun 2025, Dr Thanaraj Murudi selaku Ketua Penyelidik Kulim Bandar Baharu telah mengadakan kunjungan hormat terhadap Pegawai Daerah dan Tanah Daerah Bandar Baharu Tuan Mohd Noor bin Ismail AMK., BCK., untuk memberi pengenalan APPGM-SDG dan tujuan pemetaan SDG di Parlimen Kulim-Bandar Baharu di Pejabat Daerah dan Tanah Bandar Baharu. Tuan Pegawai Daerah telah memberi sokongan penuh dan bersetuju untuk perbincangan Inter- Agensi Dialog bersama agensi-agensi kerajaan pada 2 Julai 2025 untuk memberi maklum balas dan kesahihan maklumat.

Kunjung hormat ke atas En. Mohamad Izwan bin Dato’ Paduka Mohd Omar, Penolong Pegawai Daerah Kulim (Pembangunan Fizikal) telah dijalankan untuk menetapkan tarikh

sesi dialog bersama agensi untuk kajian pemetaan isu Parlimen-Kulim Bandar Baharu pada 08 Julai 2025 bertempat di Bilik Rafflesia, Unit Pembangunan, Pejabat Daerah Dan Tanah Kulim. Sesi kunjungan hormat tersebut bermula dengan pembentangan berkenaan latar belakang serta peranan APPGM-SDG dan diteruskan dengan perbincangan berkenaan isu-isu kelestarian alam di kawasan Parlimen Kulim-Bandar Baharu. Turut menghadiri sesi ini adalah Ketua Penghulu Hasnizam bin Jahari Penghulu Mukim Kulim/Sungai Ular, Muhammad Syaphawi bin Sharif-Penghulu Mukim Sedim dan Mohd Naim Zamhuri bin Zainul Abidin Penghulu Mukim Mahang.

Kunjung hormat ke atas Encik Iman Hazwan bin Abd. Halim, AMK., BCK., Ketua Penolong Pegawai Daerah Kulim (Pengurusan Tanah) untuk menetapkan tarikh sesi dialog bersama agensi untuk kajian pemetaan isu Parlimen Kulim-Bandar Baharu pada 25 Ogos 2025 bertempat di Bilik Rafflesia, Unit Pembangunan, Pejabat Daerah Dan Tanah Kulim. Sesi kunjungan hormat tersebut bermula dengan pembentangan berkenaan latar belakang serta peranan APPGM-SDG dan diteruskan dengan perbincangan berkenaan isu-isu kelestarian alam di kawasan Parlimen Kulim-Bandar Baharu.

Pada 21 Mei 2025, ketua penyelidik bersama YB Tuan Roslan bin Hashim telah mengadakan perbincangan mengenai profil kawasan Parlimen Kulim-Bandar Baharu dan persiapan tentatif lawatan tapak.

Penglibatan awam melalui sesi perbincangan bersama pihak berkepentingan, atau *Focus Group Discussion* (FGD), merupakan elemen yang amat penting dalam proses pemetaan isu. Tujuan utama penglibatan awam dalam FGD adalah untuk:

- Mengenal pasti isu dan masalah utama yang dihadapi oleh Parlimen Kulim-Bandar Baharu.
- Berkongsi pandangan serta cadangan penyelesaian terhadap masalah yang berlaku di kawasan tersebut.
- Mengambil kira aspirasi daripada kumpulan sasaran berkaitan hala tuju masa hadapan Parlimen Kulim-Bandar Baharu.

Pasukan kajian yang terlibat dalam menjalankan sesi FGD bersama komuniti dan lawatan tapak di Parlimen Kulim-Bandar Baharu adalah seperti berikut:

1. Dr Thanaraj Murudi : Ketua Penyelidik, Ketua Zon Utara
2. Mohamad Al Muttaqin Mohamad Zamri : Pembantu Penyelidik
3. Azlina Mansor : Pembantu Penyelidik

Sebanyak lapan sesi Focus Group Discussion (FGD) telah dilaksanakan bersama komuniti tempatan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) selama tiga hari di kawasan lokaliti Parlimen Kulim-Bandar Baharu. Selain itu, sesi dialog inter-agensi turut diadakan bersama agensi kerajaan selama setengah hari di Bilik Gerakan Pejabat Daerah dan Tanah Bandar Baharu. Tentatif ringkas bagi lawatan tapak serta sesi dialog bersama komuniti dan agensi kerajaan adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual 3.

Jadual 1. Tentatif Ringkas Lawatan Tapak Parlimen Kulim Bandar Baharu

TARIKH	PERKARA
13 Jun 2025, Jumaat	• FGD 1: Komuniti Nelayan Darat Bandar Baharu (Pengkalan Bagan Samak) • FGD 2: Komuniti Pesawah Bandar Baharu • FGD 3: Komuniti Peladangnita Bandar Baharu (Kg. Chelong)
14 Jun 2025, Sabtu	• FGD 4: Komuniti Kampung Terap • FGD 5: Komuniti Kampung Padang Tembak dan Taman Seri Kulim • FGD 6: Komuniti SEDIM (Eko-Pelancongan)
15 Jun 2025, Ahad	• FGD 7: Komuniti Belia Felda Gunong Bongsu FGD 8: Komuniti Usahawan/Pengusaha Madu Kelulut
17 Jun 2025, Selasa	• Pengutamaan Isu
2 Julai 2025, Rabu	• Sesi Dialog bersama agensi Kerajaan Daerah Bandar Baharu (Fasa 1) (*Inter-Agency Dialogue*)
30 September 2025, Selasa	• Sesi Dialog bersama agensi Kerajaan Daerah Kulim (Fasa 2) (*Inter-Agency Dialogue*)

Sesi pengutamaan isu di kawasan Parlimen Kulim-Bandar Baharu telah melibatkan perbincangan mendalam bersama Ahli Parlimen YB Tuan Roslan bin Hashim pada 17 Jun 2025 yang telah diadakan di Pusat Khidmat Parlimen Bandar Baharu bagi membincangkan hasil dapatan kajian dan mengenal pasti projek solusi yang berpotensi dilaksanakan.

Sesi Dialog Inter-Agensi bagi Parlimen Kulim-Bandar Baharu telah diadakan di Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Bandar Baharu pada 2 Julai 2025 jam 9.00 pagi di Bilik Gerakan Pejabat Daerah dan Tanah Bandar Baharu. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Pegawai Daerah Tuan Mohd Noor bin Ismail AMK., BCK. Sebanyak 25 pegawai agensi kerajaan telah hadir untuk memberi input kepada pemetaan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) di kawasan Parlimen Kulim-Bandar Baharu. Antara agensi yang terlibat adalah dari Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Lembaga Kemajuan

Ikan Malaysia (LKIM), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Pejabat Perikanan, Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Pejabat Daerah serta Penghulu Mukim. Turut hadir dalam sesi ini ialah Ahli Parlimen Kulim-Bandar Baharu YB Tuan Roslan Hashim dan Ahli Dewan Undangan Negeri Bandar Baharu, YB Dr Mohd Suffian Yusoff.

2.2 Langkah Etika Semasa Kajian Lapangan

Ketua penyelidik mendapatkan persetujuan daripada peserta terlebih dahulu untuk merekodkan suara dan diambil video dan gambar. Sekiranya, peserta FGD tidak bersetuju apa yang dikatakan untuk direkod dan melarang mengambil gambarnya, maka penyelidikan ini tidak boleh mengambil kira perkara tersebut untuk dilaporkan dan dikongsikan di mana-mana platform. Namun begitu, bagi kajian pemetaan isu di Parlimen Kulim-Bandar Baharu, tiada apa-apa halangan daripada pihak peserta.

2.3 Kekangan Lawatan Kajian Lapangan

Sepanjang proses pemetaan isu, terdapat satu kekangan telah dikenalpasti oleh ketua penyelidik. Kekangan yang dihadapi adalah berkaitan dengan sesi *Focus Group Discussion* (FGD). Pada awalnya, kajian ini merancang untuk mengadakan dalam tiga kumpulan sesi FGD berasingan untuk mendapatkan pandangan dari dua kumpulan berbeza. Namun, peserta dalam satu sesi telah meminta supaya kedua- dua kumpulan tersebut digabungkan dalam satu perbincangan. Permintaan ini menyebabkan ketua penyelidik terpaksa menyesuaikan format dan struktur sesi FGD agar dapat menampung perbincangan yang lebih besar dan lebih dinamik.

Untuk mengatasi kekangan ini, ketua penyelidik memutuskan untuk memecahkan sesi menjadi beberapa segmen perbincangan yang lebih kecil bagi memastikan setiap peserta dapat memberikan input yang lebih fokus dan teratur. Selain itu, lebih banyak fasilitator dilibatkan dalam sesi tersebut untuk memastikan proses perbincangan berjalan dengan lancar dan setiap suara didengari. Walaupun menghadapi cabaran dalam penyusunan semula sesi ini, pendekatan alternatif yang diambil dapat memastikan objektif kajian tetap tercapai tanpa mengorbankan kualiti perbincangan.

2.4 Keterbatasan Kajian

- **Tempoh Masa yang Terhad untuk Sesi FGD**
  Salah satu limitasi utama dalam kajian ini ialah tempoh masa yang terhad untuk sesi *Focus Group Discussion* (FGD), yang hanya berlangsung selama dua jam. Tempoh masa yang singkat ini tidak mencukupi untuk membincangkan isu-isu secara lebih mendalam atau mendapatkan penjelasan yang lebih terperinci daripada peserta. Akibatnya, beberapa aspek penting yang memerlukan perbincangan lebih lanjut dan pengumpulan maklumat yang lebih mendalam

terpaksa diketepikan. Walaupun alternatif lain seperti temubual individu atau kajian lebih lanjut dapat dicadangkan, namun kekangan masa menjadikan pendekatan ini tidak dapat dilaksanakan dalam ruang waktu yang sama, mengakibatkan hasil kajian terbatas kepada maklumat yang diperoleh dalam tempoh yang singkat.

- **Kesukaran Menyertakan Semua Kumpulan Sasaran**
  Limitasi lain yang dihadapi adalah kesukaran untuk menemui dan melibatkan semua kumpulan sasaran yang relevan dalam kajian. Walaupun usaha telah dilakukan untuk mengenal pasti dan menjemput wakil daripada pelbagai kumpulan, terdapat beberapa kelompok yang tidak dapat dijumpai atau didekati kerana faktor jarak, kekangan masa, atau kesukaran dalam komunikasi. Hal ini menyebabkan kajian terhad kepada sumber maklumat daripada kumpulan yang berjaya dijumpai sahaja, dengan mengabaikan perspektif penting daripada kelompok lain yang mungkin dapat memberikan pandangan berbeza atau lebih menyeluruh.

3.0 RANGKUMAN ISU RENTAS SDG

Berikut adalah tiga isu utama yang dikenal pasti sebagai keutamaan dan memerlukan perhatian segera. Isu-isu ini dipilih kerana impaknya yang besar terhadap kesejahteraan penduduk dan kaitannya dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG):

Jadual 2. Rangkuman Isu Rentas SDG

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
1	Kekurangan kemudahan pelupusan sisa pepejal, khususnya ketiadaan tong sampah	Pembuangan sampah berlaku secara tidak teratur di lokasi yang tidak sepatutnya, sementara keperluan untuk mendapatkan tong sampah bersaiz besar memerlukan penyewaan khas oleh penduduk.	Alam Sekitar	Komuniti Sedim Komuniti Kampung Terap Komuniti Nelayan Pengkalan Bagan Samak	SEDIM Kampung Terap Pengkalan Bagan Samak	**SDG 3: Kehidupan Sihat dan Kesejahteraan** ***Sasaran 3.9*:** Mengurangkan kematian dan penyakit yang berpunca daripada pencemaran udara, air, dan tanah serta bahan kimia berbahaya. pepejal. **SDG 12: Pengeluaran dan Penggunaan Bertanggungjawab** ***Sasaran 12.4:*** Menguruskan bahan kimia dan sisa buangan sepanjang kitaran hayatnya dengan cara yang mesra alam untuk mengurangkan pencemaran kepada alam sekitar dan kesihatan manusia.

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						SDG 14: Kehidupan di Bawah Air ***Sasaran 14.1*:** Mengurangkan pencemaran laut, termasuk sisa plastik dan bahan pencemar dari aktiviti daratan **SDG 15: Kehidupan di Darat** ***Sasaran 15.1:*** Melindungi ekosistem daratan daripada pencemaran yang memusnahkan kepelbagaian biologi. **SDG 13: Tindakan Terhadap Perubahan Iklim** ***Sasaran 13.2:*** Menggalakkan tindakan bersepadu untuk mengurangkan pelepasan gas rumah hijau dan pencemaran berkaitan iklim.
2	Pencemaran lalat	Penduduk setempat berdepan dengan masalah kehadiran lalat yang berlebihan setiap hari, yang berpunca	Alam Sekitar	Penduduk Kampung Terap	Kampung Terap Kampung Jermal	**SDG 3: Kehidupan Sihat dan Kesejahteraan** ***Sasaran 3.9*:** Mengurangkan kematian dan penyakit yang berpunca daripada pencemaran

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		daripada operasi sebuah ladang ayam yang terletak berhampiran kawasan perumahan. Kehadiran lalat yang berlebihan telah menimbulkan gangguan signifikan terhadap kualiti kehidupan harian penduduk. Serangga ini didapati berada hampir setiap masa di sekitar kawasan kediaman, dengan keadaannya menjadi lebih teruk terutamanya selepas hujan, sehingga menimbulkan ketidakselesaan yang berpanjangan dalam kalangan komuniti setempat.		Penduduk Kampung Jerma Sungai Taka	Sungai Taka	udara, air, dan tanah serta bahan kimia berbahaya. **SDG 12: Pengeluaran dan Penggunaan Bertanggungjawab** ***Sasaran 12.4:*** Menguruskan bahan kimia dan sisa buangan sepanjang kitaran hayatnya dengan cara yang mesra alam untuk mengurangkan pencemaran kepada alam sekitar dan kesihatan manusia.

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
3.	Bencana banjir kilat	Masalah banjir yang telah berlarutan selama hampir tiga dekad terus membelenggu penduduk setempat, dengan paras air yang dilaporkan mencecah sehingga melepasi paras pinggang. Antara punca utama kejadian banjir ini dikenal pasti adalah saiz pintu air Tasik Kulim yang terlalu kecil serta kelewatan siapnya rumah pam, yang mengakibatkan kesukaran pengaliran keluar air terutamanya apabila sungai berdekatan mencapai kapasiti maksimum.	Ekonomi / Alam Sekitar	Komuniti Kampung Padang Tembak dan Taman seri Kulim	Kampung Padang Tembak Taman Seri Kulim	**SDG 1: Tiada Kemiskinan** ***Sasaran 1.5*:** Membina daya tahan terhadap bencana alam, termasuk banjir, untuk melindungi komuniti miskin dan terdedah daripada kesan ekonomi, sosial, dan alam sekitar yang buruk. **SDG 11: Bandar dan Komuniti Lestari** ***Sasaran 11.5*:** Mengurangkan jumlah kematian dan kerugian ekonomi akibat bencana, termasuk banjir, dengan fokus kepada perlindungan infrastruktur dan perkhidmatan asas. ***Sasaran 11.6*:** Meningkatkan perancangan dan pengurusan bandar untuk daya tahan terhadap bencana alam.

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						SDG 13: Tindakan Terhadap Perubahan Iklim ***Sasaran 13.1*:** Mengukuhkan daya tahan dan kapasiti penyesuaian terhadap risiko berkaitan perubahan iklim, termasuk kejadian banjir. **SDG 6: Air Bersih dan Sanitasi** ***Sasaran 6.6*:** Melindungi dan memulihkan ekosistem berkaitan air seperti sungai dan tadahan air bagi mengurangkan risiko banjir. **SDG 6: Air Bersih dan Sanitasi** ***Sasaran 6.6*:** Melindungi dan memulihkan ekosistem berkaitan air seperti sungai dan tadahan air bagi mengurangkan risiko banjir.

4.0 GAMBARAN KESELURUHAN PEMETAAN ISU

4.1 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu

Jadual 3. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 1

BIL.	ISU	PENERANGAN
FGD 1: Dialog Bersama PIBG dan Guru Sekolah **Tarikh:** 09 Mei 2025 **Bilangan Peserta:** 12 Orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 2 kumpulan		
1.	Pencemaran sungai	Masalah pencemaran sungai telah dikenal pasti berpunca daripada aktiviti perindustrian kuari yang dijalankan di kawasan Permatang Kerat Telunjuk. Sebelum pembinaan struktur Ampang Jajar, kawasan sungai tersebut menunjukkan hasil tangkapan ikan yang tinggi. Namun demikian, selepas operasi kuari bermula, terdapat penurunan ketara dalam jumlah hasil tangkapan, dipercayai akibat gangguan terhadap ekosistem sungai. Jabatan Perikanan turut mengambil inisiatif dengan membekalkan benih ikan sebagai usaha pemulihan habitat akuatik di kawasan berkenaan. Difahamkan bahawa operasi kuari tersebut telah berlangsung selama hampir tiga dekad dan dijalankan dengan lesen yang sah. Selain itu, aliran air dari kawasan perbukitan ke dalam sungai turut menyebabkan peningkatan kekeruhan air, yang seterusnya memberi kesan negatif kepada habitat hidupan akuatik.
2.	Banjir	Masalah banjir sering berlaku semasa musim tengkujuh dan turut dipengaruhi oleh fenomena air pasang sungai yang tidak menentu.

BIL.	ISU	PENERANGAN
		Keadaan ini menyebabkan banjir mengambil masa antara dua hingga tiga hari untuk surut sepenuhnya. Situasi ini memberi kesan langsung kepada komuniti nelayan tempatan, terutamanya dari segi gangguan terhadap aktiviti menangkap ikan serta Keperluan untuk mengalihkan bot-bot nelayan yang terpaksa dipindahkan kerana paras air yang melepasi bumbung pengkalan.
3.	Ketiadaan kemudahan kutipan sampah yang berdekatan	Ketiadaan kemudahan kutipan sampah yang berdekatan menyulitkan urusan harian penduduk setempat, memandangkan lokasi tapak pembuangan sisa yang sedia ada terletak pada jarak yang agak jauh dari kawasan perumahan. Pemindahan tong sampah bersaiz besar telah dilaksanakan ke Kampung Began Samak, yang terletak agak jauh dari penempatan utama penduduk. Tindakan ini diambil berikutan ketidaksesuaian lokasi asal penempatan tong tersebut. Selain itu, penduduk turut memaklumkan bahawa kawasan mereka tidak menerima perkhidmatan kutipan sampah oleh lori pemungut yang disediakan pihak berkuasa tempatan. Hal ini dipercayai berpunca daripada ketiadaan kutipan cukai pintu oleh pejabat daerah mahupun pihak berkuasa tempatan, yang seterusnya menjejaskan penyediaan perkhidmatan asas di kawasan berkenaan.
4.	Keadaan jalan gelap akibat vandalisme haiwan mengancam keselamatan pengguna.	Keadaan jalan yang tidak mencukupi pencahayaan telah menimbulkan kesukaran kepada pengguna jalan raya, sekali gus meningkatkan risiko kemalangan. Pemerhatian mendapati bahawa kerosakan atau ketiadaan lampu jalan berlaku secara berterusan dari kawasan tol Jalan Bandar hingga ke bulatan Bandar Baharu. Faktor utama kerosakan ini dipercayai berpunca daripada gangguan haiwan liar, khususnya kera, yang sering bergayut atau menghayun pada struktur lampu jalan, menyebabkan kerosakan fizikal pada kemudahan tersebut.
5.	Penyelenggaraan pangkalan nelayan menghadapi	Permohonan untuk mendapatkan kelulusan Lesen Pendudukan Sementara (TOL) telah dikemukakan, namun masih berada dalam proses dokumentasi di peringkat Pejabat Daerah.

BIL.	ISU	PENERANGAN
	kesukaran disebabkan oleh isu pemilikan tanah yang belum diselesaikan sepenuhnya.	Bantuan berkaitan Pembangunan infrastruktur asas di kawasan pengkalan, seperti penyediaan tandas dan surau, sukar dilaksanakan disebabkan pembatalan pendaftaran persatuan nelayan oleh Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS) akibat isu teknikal. Di samping itu, saiz pengkalan yang kecil serta bilangan bot yang terhad turut menjadi faktor yang menyukarkan komuniti nelayan tempatan untuk menjana pendapatan tambahan, khususnya melalui penyewaan bot atau penjualan hasil tangkapan kepada pihak luar.

Jadual 4. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 2

BIL.	ISU	PENERANGAN
FGD 2: Dialog Bersama Komuniti Kampung Jermal Sungai Taka Bandar Baharu **Tarikh:** 13 Jun 2025 (Jumaat) **Bilangan peserta:** 17 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam tiga (3) kumpulan		
1.	Ganguan bekalan air	Isu bekalan air merupakan antara permasalahan paling kritikal yang dihadapi oleh penduduk setempat dan terus menjadi cabaran berpanjangan dalam kehidupan harian mereka. Berdasarkan maklumat yang diperoleh, ganguan bekalan air berpunca daripada sistem paip yang telah usang serta kerosakan pada sebahagian paip yang memerlukan penggantian segera. Faktor-faktor ini menjadi penyumbang utama kepada kesukaran saluran air sampai ke kawasan komuniti terlibat. Tempoh gangguan bekalan air dilaporkan boleh berlarutan sehingga satu minggu tanpa sebarang bantuan bekalan air alternatif seperti lori tangki daripada pihak berwajib. Sebagai langkah sementara, sebahagian penduduk mengambil inisiatif menggunakan sumber air sungai terdekat. Walau bagaimanapun, pendekatan ini tidak mampu memenuhi keperluan keseluruhan komuniti disebabkan jarak sungai yang agak jauh dari kawasan kediaman. Keadaan ini menimbulkan implikasi serius terhadap kesejahteraan dan kualiti hidup penduduk.
2.	Keselamatan pengguna jalan raya terjejas	Kesukaran mendapatkan akses jalan yang sesuai untuk jentera berat telah menjejaskan kelancaran pergerakan penduduk, memandangkan kenderaan seperti lori, backhoe, dan jentera berat lain sering bertembung dengan pengguna jalan raya dalam kalangan komuniti setempat. Tiada akses kepada jalan utama untuk kegunaan jentera berat telah menyebabkan penggunaan jalan kampung yang sempit dan berturap kecil (mini tar) sebagai laluan alternatif. Situasi ini menimbulkan

BIL.	ISU	PENERANGAN
		kebimbangan dalam kalangan penduduk setempat kerana ia secara langsung menjejaskan aspek keselamatan mereka.
3.	Ketiadaan atau kerosakan pada kemudahan pili bomba telah menjejaskan keberkesanan operasi	Ketiadaan atau kerosakan pada kemudahan pili bomba telah menjejaskan keberkesanan operasi pemadaman kebakaran oleh pihak bomba. Keadaan ini memaksa anggota bomba mendapatkan sumber air dari Lokasi yang lebih jauh, sekali gus melambatkan proses menyelamat dan mengawal kebakaran. Masalah seperti pili bomba yang tidak disenggara dengan baik merupakan antara faktor utama ia tidak dapat digunakan semasa kecemasan. Sebagai contoh, dalam insiden kebakaran yang berlaku baru-baru ini melibatkan sebuah kediaman, jentera bomba yang digerakkan ke lokasi tidak dapat menggunakan pili bomba berhampiran kerana didapati dalam keadaan rosak. Hal ini jelas menunjukkan keperluan penyelenggaraan berkala terhadap kemudahan tersebut bagi memastikan ia berfungsi ketika diperlukan.
4.	Kekurangan perkhidmatan ambulan di Klinik Kesihatan Bandar Baharu	Penduduk setempat menghadapi kesukaran yang ketara dalam mendapatkan perkhidmatan ambulans untuk membawa pesakit ke hospital, berikutan kekurangan kenderaan ambulans yang beroperasi di kawasan tersebut. Difahamkan bahawa hanya satu unit ambulans disediakan di Klinik Kesihatan Bandar Baharu, dan hal ini menyebabkan tempoh menunggu menjadi terlalu lama kerana ambulans tersebut terlebih dahulu perlu mengambil pesakit lain. Akibatnya, penduduk kampung terpaksa mendapatkan khidmat ambulans swasta dari luar, yang berkemungkinan melibatkan kos tambahan dan menjejaskan akses kepada rawatan segera.
5.	Ketiadaan kemudahan kutipan	Jarak antara kawasan perumahan penduduk dan lokasi pembuangan sampah utama di Pekan Selama dianggarkan sejauh 10 kilometer. Penarikan semula tong sampah yang dahulunya ditempatkan berhampiran kawasan kediaman telah dilakukan atas alasan ketidaksesuaian lokasi tersebut kerana

BIL.	ISU	PENERANGAN
	sampah yang berdekatan	berada di laluan utama. Keadaan ini menyebabkan penduduk kampung terpaksa bergerak lebih jauh bagi melaksanakan aktiviti pembuangan sisa domestik harian. Ketiadaan kemudahan kutipan sampah yang berdekatan telah menjejaskan kelancaran aktiviti harian penduduk, memandangkan lokasi tempat pembuangan sisa terletak pada jarak yang agak jauh dari kawasan perumahan.
6.	Kelimpahan populasi kera yang kerap mengganggu dan merosakkan hasil tanaman penduduk menimbulkan kebimbangan serius dalam kalangan komuniti setempat.	Bilangan populasi kera yang semakin meningkat telah menimbulkan gangguan berterusan terhadap hasil tanaman pertanian seperti durian, getah dan tanaman lain.
7.	Sistem perparitan yang tidak diselenggara dengan baik telah menyebabkan berlakunya saliran tersumbat serta menimbulkan	Masalah banjir kilat yang kerap berlaku di kawasan tersebut berpunca daripada system perparitan yang tidak berfungsi dengan baik, khususnya apabila hujan turun dalam tempoh yang berpanjangan. Tambahan pula, usaha penyelenggaraan tidak dapat dijalankan kerana pemilik tanah tidak memberikan kebenaran memandangkan kawasan berkenaan merupakan tanah persendirian. Difahamkan juga bahawa sistem perparitan tersebut tidak termasuk dalam senarai penyelenggaraan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) kerana kawasan tersebut berada di luar bidang kuasa agensi berkenaan.

BIL.	ISU	PENERANGAN
	masalah pencemaran bau.	
8.	Lambakan lalat yang berleluasa	Fenomena lambakan lalat yang berleluasa telah menjejaskan rutin harian penduduk kampung, sehingga memaksa mereka mengambil langkah sendiri dengan membeli peralatan penghalau lalat. Situasi ini dipercayai berpunca daripada kewujudan sebuah ladang ayam yang terletak berhampiran kawasan kediaman. Sebagai respons terhadap gangguan tersebut, majoriti penduduk yang terkesan telah mengambil inisiatif sendiri untuk mengurangkan impak masalah ini melalui pembelian alat-alat penghalau serangga.

Jadual 5. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 3

BIL.	ISU	PENERANGAN
FGD 3: Dialog Bersama Komuniti Peladangnita **Tarikh:** 13 Jun 2025 **Bilangan peserta:** 22 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam tiga (3) kumpulan		
1.	Kesukaran dalam permohonan bantuan	Golongan pemohon, khususnya suri rumah yang terlibat dalam perusahaan kecil seperti pembuatan kuih, menghadapi kesukaran untuk mendapatkan bantuan kewangan mahupun barangan keperluan. Permohonan mereka sering kali ditolak dengan pelbagai alasan yang meragukan, termasuk ketiadaan tanah untuk mendirikan bengkel serta factor usia yang dijadikan kriteria utama dalam penilaian. Selain itu, terdapat kecenderungan dalam pemilihan penerima bantuan yang bersifat tidak adil, apabila individu yang sama atau kumpulan tertentu terus diberikan keutamaan untuk menerima peruntukan, sekali gus menafikan akses saksama terhadap sokongan yang disediakan. (Komuniti Peladangnita Kampung Chelong Bandar Baharu* Kampung Permatang Pasir)
2.	Perbezaan harga barang keperluan asas yang ketara berbanding lokasi lain	Perbezaan harga yang ketara berbanding lokasi lain serta kekangan dalam mendapatkan barangan keperluan asas disebabkan had pembelian setiap individu menunjukkan wujudnya ketidakseimbangan pasaran. Kenaikan harga barangan asas pula berpunca daripada bekalan yang terhad daripada pihak pembekal serta permintaan pengguna yang tinggi. Tambahan pula, penglibatan pihak orang tengah atau monopoli oleh segelintir pembekal turut menyumbang kepada lonjakan harga barangan, seperti yang dapat dilihat pada harga kelapa mentah yang meningkat sebelum diproses menjadi santan. (Komuniti Peladangnita Kampung Chelong Bandar Baharu* Kampung Bukit Buluh,Taman Kelisa)

BIL.	ISU	PENERANGAN
3.	Status pemilikan rumah yang terbengkalai	Sehingga kini, penempatan tersebut tidak dapat dikenal pasti dengan jelas berikutan syarikat pemaju yang membangunkan kawasan perumahan tersebut telah mengalami kegagalan operasi dan gulung tikar. Status pemilikan kediaman di Rimbunan Kasih masih menjadi persoalan dalam kalangan penduduk, memandangkan ketiadaan entiti bertanggungjawab yang sah untuk menguruskan urusan berkaitan. Dianggarkan sebanyak 100 buah kediaman terkesan akibat ketidakpastian ini, khususnya dalam aspek pemindahan hak milik kepada generasi seterusnya. Tambahan pula, tiada perjanjian bertulis atau dokumen rasmi yang dikeluarkan semasa penempatan awal, sekali gus menyulitkan proses pengesahan pemilikan. Penempatan tersebut kini tidak lagi dapat dikenal pasti berikutan syarikat pemaju yang membangunkan kawasan perumahan tersebut telah menghentikan operasi akibat muflis. (Komuniti Peladangnita Kampung Chelong Bandar Baharu* Rimbunan Kasih Bukit Benggali Bandar Baharu)

Jadual 6. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 4

BIL.	ISU	PENERANGAN
FGD 4: Dialog Bersama Komuniti Kampung Terap **Tarikh:** 14 Jun 2025 **Bilangan peserta:** 17 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam tiga (3) kumpulan		
1.	Pencemaran lalat	Penduduk setempat berdepan dengan masalah kehadiran lalat yang berlebihan setiap hari, yang berpunca daripada operasi sebuah ladang ayam yang terletak berhampiran kawasan perumahan. Kehadiran lalat yang berlebihan telah menimbulkan gangguan signifikan terhadap kualiti kehidupan harian penduduk. Serangga ini didapati berada hampir setiap masa di sekitar kawasan kediaman, dengan keadaannya menjadi lebih teruk terutamanya selepas hujan, sehingga menimbulkan ketidakselesaan yang berpanjangan dalam kalangan komuniti setempat. Difahamkan bahawa ladang ternakan tersebut telah beroperasi lebih 30 tahun dan telah melalui proses pembesaran, yang menyumbang kepada peningkatan ketara dalam populasi lalat. Pertambahan bilangan unggas telah menyebabkan pengusaha ladang gagal menguruskan kebersihan secara optimum serta tidak mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan dalam sektor penternakan. Penduduk melaporkan bahawa masalah lalat akan kembali dalam tempoh dua hingga tiga hari selepas lawatan dilakukan. Masalah pencemaran lalat ini bukan sahaja menjejaskan keselesaan penduduk, malah turut memberi kesan negatif kepada para pengusaha Industri Kecil dan Sederhana (IKS), khususnya dalam aspek keselamatan dan kualiti makanan yang berisiko tercemar serta boleh mengakibatkan keracunan makanan.
2.	Pencemaran air	Air yang keruh dan berbau busuk yang mengalir ke kawasan penempatan penduduk telah menimbulkan ketidakselesaan dalam kalangan komuniti setempat.

BIL.	ISU	PENERANGAN
		Saluran air buangan daripada aktiviti penternakan ayam telah mengalir ke kawasan penempatan penduduk, sekali gus menimbulkan masalah bau yang tidak menyenangkan di persekitaran. Ketidakcekapan dalam penyelenggaraan sistem saliran telah menyebabkan air buangan tersebut mengalir terus ke dalam sungai atau longkang, seterusnya menyumbang kepada pencemaran sumber air dan alam sekitar.
3.	Ancaman haiwan ternakan dan haiwan liar	Kehadiran sejumlah besar haiwan seperti lembu, anjing dan kera yang berkeliaran tanpa kawalan di kawasan kampung telah menimbulkan pelbagai masalah, termasuk pencemaran najis di merata tempat serta kerosakan terhadap tanaman penduduk. Situasi ini berpunca daripada tindakan pemilik kebun yang melepaskan haiwan- haiwan peliharaan mereka tanpa kawalan, terutamanya anjing yang digunakan untuk tujuan kawalan kebun. Namun begitu, haiwan-haiwan ini telah bebas berkeliaran hingga ke kawasan perumahan, menyebabkan gangguan seperti kehilangan barangan peribadi penduduk seperti kasut dan pencemaran najis yang menjejaskan kebersihan serta keselesaan komuniti setempat.
4.	Kuari dan Hutan Simpan	Kawasan Hutan Simpan Gunung Bongsu seluas 40 hektar telah dinyahsenaraikan daripada status Hutan Simpan Kekal dan diserahkan kepada pihak Menteri Besar Incorporate (MBI) untuk tujuan pengurusan. Walau bagaimanapun, kelulusan bagi aktiviti penerokaan dan pemberian lesen didapati tidak mematuhi prosedur perundangan serta tidak mengikut tatacara operasi piawai (SOP) yang ditetapkan. Kelulusan tersebut, yang diperoleh sejak tahun 2017, turut menunjukkan ketiadaan penglibatan jabatan teknikal dalam menjalankan penilaian di kawasan lapangan.

BIL.	ISU	PENERANGAN
		Aktiviti penerokaan yang tidak terkawal ini berpotensi membawa implikasi negatif seperti kerosakan kepada hasil pertanian penduduk setempat, pencemaran sumber air sungai, dan secara tidak langsung meningkatkan risiko kejadian banjir di kawasan berkenaan. Aktiviti kuari tersebut dikenal pasti menyebabkan beberapa impak negatif, antaranya termasuk letupan yang kuat, serpihan batu yang terpelanting ke kawasan perumahan, serta pencemaran habuk dan debu yang menjejaskan kualiti udara persekitaran. Penduduk turut melahirkan kegusaran terhadap kemunculan retakan pada struktur rumah mereka yang dipercayai berpunca daripada gegaran letupan kuari, sekali gus menimbulkan kebimbangan akan berulangnya insiden seperti yang berlaku di Gunung Inas. Sehubungan itu, beberapa agensi berkaitan seperti Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) telah mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap pengusaha kuari yang didapati melanggar syarat- syarat yang ditetapkan dalam laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA).
5.	Kekurangan lampu jalan	Keadaan jalan yang terlalu gelap di kawasan kampung telah menimbulkan kesukaran kepada penduduk untuk memandu dan menjalankan urusan harian seperti membeli barangan keperluan, terutamanya pada waktu malam. Ketiadaan atau kekurangan lampu jalan bukan sahaja menyulitkan pergerakan, malah menimbulkan rasa gusar dan tidak selamat dalam kalangan penduduk setempat. Aduan telah dikemukakan kepada pihak penghulu.
		Kekurangan lampu jalan di Kampung Tiong merupakan isu yang berkait rapat dengan aspek peruntukan kewangan dan perancangan pembangunan peringkat daerah. Walaupun terdapat usaha pemasangan lampu jalan, jumlah yang disediakan masih tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan keselamatan dan kesejahteraan penduduk setempat.

BIL.	ISU	PENERANGAN
6.	Keadaan jalan yang sempit	Keadaan jalan yang sempit telah menimbulkan kesulitan kepada penduduk untuk bergerak, terutamanya kerana jalan tersebut merupakan laluan utama yang menghubungkan kawasan Kampung Terap ke Bendang Sera. Jalan ini juga tidak diselenggara dengan baik, sekali gus menjejaskan keselamatan dan kelancaran pergerakan harian penduduk. Justeru, usaha untuk melebarkan jalan ini amat penting memandangkan lebih daripada 400 buah rumah bergantung kepada laluan ini sebagai akses utama ke kawasan sekitar.

Jadual 7. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 5

BIL.	ISU	PENERANGAN
FGD 5: Dialog Bersama Komuniti Kampung Padang Tembak dan Taman Seri Kulim **Tarikh:** 14 Jun 2025 **Bilangan peserta:** 11 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam tiga (3) kumpulan		
1.	Kesesakan lalu lintas	Kesesakan lalu lintas yang berlaku pada waktu puncak menyebabkan pengguna jalan raya terpaksa mengambil masa yang lama untuk sampai ke destinasi, khususnya ke Klinik Kesihatan Kulim. Jalan menuju ke klinik tersebut agak sempit dan tidak dapat menampung jumlah kenderaan yang tinggi, sekali gus menimbulkan kesulitan kepada orang awam. Walaupun terdapat bangunan kerajaan utama dan kawasan penempatan penduduk di sekitar kawasan tersebut, akses jalan masih kurang memuaskan dan tidak selari dengan keperluan infrastruktur semasa. (Taman Seri Kulim)
2.	Banjir	Masalah banjir yang telah berlarutan selama hampir tiga dekad terus membelenggu penduduk setempat, dengan paras air yang dilaporkan mencecah sehingga melepasi paras pinggang. Antara punca utama kejadian banjir ini dikenal pasti adalah saiz pintu air Tasik Kulim yang terlalu kecil serta kelewatan siapnya rumah pam, yang mengakibatkan kesukaran pengaliran keluar air terutamanya apabila sungai berdekatan mencapai kapasiti maksimum. Selain itu, aktiviti pembangunan projek perumahan yang sedang dijalankan tanpa pematuhan sepenuhnya terhadap prosedur operasi standard (SOP) turut menyumbang kepada permasalahan ini. Tambahan pula, kegagalan dalam penyelenggaraan Sungai Tebuan, yang kini dipenuhi belukar dan tumbuhan liar, telah mengakibatkan halangan kepada aliran air yang lancar, seterusnya menyebabkan limpahan air sungai ke kawasan sekeliling. Fenomena banjir ini telah memberi kesan kepada hampir 160 buah kediaman, termasuk di Kampung Padang Tembak dan Taman Seri Kulim.

BIL.	ISU	PENERANGAN
3.	Parit yang tidak diselanggara	Keadaan sistem saliran di kawasan tersebut didapati tidak mencukupi dan kurang berfungsi secara optimum, antaranya disebabkan oleh saiz longkang yang kecil serta sering mengalami sumbatan. Selain itu, sistem perparitan juga tidak diselenggara secara berkala dan tidak dinaik taraf, termasuk kegagalan memasang "flat gate" bagi mengawal aliran masuk air dalam kuantiti yang banyak. Keadaan ini menyumbang kepada peningkatan risiko banjir di kawasan terlibat.
4.	Jalan raya berlubang	Terdapat kerosakan pada struktur jalan utama di Taman Seri Kulim yang berpunca daripada ketiadaan peruntukan bagi kerja- kerja penyelenggaraan sejak sekian lama. Malah turut menimbulkan risiko keselamatan kepada penduduk setempat yang kerap menggunakan laluan tersebut.

Jadual 8. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 6

BIL.	ISU	PENERANGAN
FGD 6: Dialog Bersama Komuniti SEDIM (Eko Pelancongan) **Tarikh:** 14 Jun 2025 **Bilangan peserta:** 14 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam dua (2) kumpulan		
1.	Tiada kelulusan untuk perlesenan *campsite*	Permohonan telah dikemukakan sejak sekian lama, namun sehingga kini masih belum menerima sebarang maklum balas rasmi. Difahamkan bahawa permohonan tersebut masih dalam proses dokumentasi dan sedang menunggu kelulusan daripada pihak majlis berkuasa tempatan.
2.	Limitasi akses mesin ATM	Ketiadaan mesin ATM yang berhampiran dengan kawasan komuniti menyebabkan penduduk terpaksa melakukan perjalanan ke Pekan Karangan yang mengambil masa melebihi 20 minit semata-mata untuk menjalankan urusan perbankan. Keadaan ini menyulitkan penduduk, khususnya golongan warga emas dan mereka yang tidak mempunyai kenderaan sendiri.
3.	Kejadian kepala air	Kejadian kepala air merupakan suatu fenomena yang amat membimbangkan dalam kalangan para pengusaha, khususnya yang bergiat dalam sektor berkaitan sumber air dan alam sekitar, memandangkan kesannya boleh menjejaskan keselamatan, operasi harian serta kelestarian ekonomi mereka. Terdapat lebih daripada 30 pengusaha tapak perkhemahan (campsite) yang beroperasi di kawasan Sedim, dan fenomena kepala air lazimnya berlaku selepas hujan lebat. Ketiadaan sistem amaran awal seperti siren semasa kejadian kepala air menimbulkan kebimbangan dalam kalangan para pengusaha tapak perkhemahan berkenaan terhadap keselamatan pengunjung serta risiko kerugian.

BIL.	ISU	PENERANGAN
4.	Kekurangan kemudahan pelupusan sisa pepejal, khususnya ketiadaan tong sampah	Kedudukan tong sampah yang terletak agak jauh dari kawasan penempatan penduduk kampung menimbulkan kesulitan dalam pengurusan sisa domestik. Menurut pihak berkuasa tempatan, kawasan kampung di Sedim tidak berada di bawah bidang kuasa mereka memandangkan penduduk tidak membayar cukai pintu. Akibatnya, pembuangan sampah berlaku secara tidak teratur di lokasi yang tidak sepatutnya, sementara keperluan untuk mendapatkan tong sampah bersaiz besar memerlukan penyewaan khas oleh penduduk.

Jadual 9. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 7

BIL.	ISU	PENERANGAN
FGD 7: Dialog Bersama Komuniti Belia Felda Gunung Bongsu **Tarikh:** 14 Jun 2025 **Bilangan peserta:** 12 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam tiga (3) kumpulan		
1.	Kekangan Perumahan Felda Generasi Ke-2	Perumahan untuk generasi kedua Felda masih belum dibangunkan, menyebabkan ramai anak peneroka terpaksa mencari kediaman di luar kawasan Felda. Menurut maklumat yang diperoleh, tanah bagi tujuan pembinaan perumahan generasi kedua telah dikenal pasti dan majlis pecah tanah telah diadakan pada tahun 2017. Namun demikian, selepas berlakunya perubahan pentadbiran Kerajaan, peruntukan yang telah diluluskan bagi projek ini telah dibekukan. Sehingga kini, tiada sebarang maklum balas rasmi diterima berhubung status terkini pelaksanaan projek tersebut.
2.	Tidak mendapat kebenaran penyambungan elektrik	Pembinaan rumah baharu di atas tanah milik peneroka sedia ada didapati tidak memperoleh kebenaran daripada pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) bagi tujuan penyambungan meter elektrik. Difahamkan bahawa pihak pengurusan Felda telah mengeluarkan arahan kepada TNB agar tidak meluluskan penyambungan meter elektrik kepada rumah-rumah yang dibina secara persendirian oleh peneroka.
3.	Keadaan jalan raya yang sempit serta tidak diselenggara dengan baik menimbulkan	Kali terakhir kerja- kerja penyelenggaraan jalan raya di Felda Gunung Bongsu dilaksanakan adalah pada tahun 2018, yang melibatkan sebanyak 183 buah kediaman.

BIL.	ISU	PENERANGAN
	pelbagai implikasi terhadap keselamatan pengguna dan kelancaran sistem pengangkutan	Seiring dengan peningkatan jumlah penduduk dan pertambahan bilangan kenderaan, keperluan untuk pelebaran jalan raya menjadi semakin mendesak bagi memastikan kelancaran dan keselamatan sistem perhubungan di kawasan tersebut.
4.	Sewa dewan komuniti Felda yang sama kepada komuniti Felda dan orang luar.	Dewan FELDA Gunung Bongsu hanya boleh digunakan oleh komuniti setempat sekiranya disewa, dengan kadar bayaran yang dikenakan adalah sama seperti yang dikenakan kepada pihak luar. Dasar penyewaan ini telah ditetapkan oleh pihak pengurusan baharu, dan keputusan tersebut telah menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan penduduk FELDA, yang melibatkan seramai 183 buah isi rumah.

Jadual 10. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 8

BIL.	ISU	PENERANGAN
FGD 8: Dialog Bersama Komuniti Usahawan / Pengusaha Madu Kelulut **Tarikh:** 15 Jun 2025 **Bilangan peserta:** 15 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam tiga (3) kumpulan		
1.	Ketiadaan dewan terbuka	Terdapat kesukaran dalam penyediaan kemudahan dewan terbuka bagi kegunaan orang ramai di Mukim Junjung. Kawasan mukim ini merangkumi lima buah kampung, namun masih belum memiliki sebarang dewan terbuka untuk kegunaan komuniti setempat. Difahamkan bahawa tanah bagi tujuan pembinaan dewan tersebut telah dikenal pasti dan disediakan, namun pembinaan tidak dapat dilaksanakan disebabkan ketiadaan peruntukan daripada pihak Pejabat Daerah. (Kampung Padang Janggus)
2.	Kepadatan Hospital Kulim	Hospital Kulim kini menghadapi isu kepadatan pesakit yang serius sehingga menyebabkan tempoh menunggu rawatan menjadi terlalu lama. Keadaan ini menunjukkan keperluan mendesak untuk pembinaan sebuah hospital baharu bagi memenuhi keperluan komuniti setempat. Hal ini lebih ketara apabila Hospital Kulim turut menampung pesakit dari kawasan berdekatan seperti Padang Serai, Bagan Serai dan seluruh daerah Kulim, sekali gus membebankan kapasiti sedia ada dan menjejaskan kualiti perkhidmatan kesihatan awam.
3.	Sukar mencari pasaran (Madu Kelulut)	Pemasaran madu kelulut menghadapi cabaran yang ketara disebabkan oleh kesukaran dalam mendapatkan sarang madu yang mencukupi untuk tujuan pemprosesan, di samping kekangan dari segi kemudahan dan kapasiti untuk melaksanakan pemprosesan secara berskala besar. (Kampung Air Putih)

4.2 Pengutamaan Isu

4.2.2 Pengutamaan Isu 1: Pencemaran lalat

Dalam konteks Parlimen Kulim-Bandar Baharu, isu pencemaran lalat yang berpunca daripada operasi kilang ayam berhampiran Kampung Terap perlu diberikan keutamaan kerana ia memberi implikasi serius terhadap kesejahteraan masyarakat setempat.

- **Kilang ayam yang berdekatan dengan kampung**
  Kehadiran lalat dalam jumlah yang tinggi bukan sahaja menjejaskan kualiti hidup penduduk, malah meningkatkan risiko penyebaran penyakit bawaan vektor, khususnya yang berkaitan dengan kebersihan dan kesihatan awam. Situasi ini juga mencerminkan cabaran dalam aspek kawalan pencemaran industri penternakan yang memerlukan pemantauan lebih berkesan, penguatkuasaan peraturan yang ketat serta kerjasama antara pihak berkuasa tempatan, agensi kesihatan, dan pengusaha industri ternakan bagi memastikan pembangunan ekonomi tidak mengorbankan aspek kesihatan awam serta kelestarian persekitaran.

Jadual 11. Ringkasan Isu 1

Permasalahan berkaitan dengan isu	1. Kesan langsung terhadap kesihatan awam, kebersihan persekitaran, serta kesejahteraan masyarakat setempat. 2. Peningkatan jumlah lalat akibat operasi kilang ayam berhampiran. 3. Menurunkan kualiti hidup dengan menimbulkan rasa tidak selesa, pencemaran bau, serta gangguan kepada aktiviti harian masyarakat. 4. Kelemahan dalam penguatkuasaan undang-undang serta pengurusan sisa industri penternakan yang tidak sistematik.
Cadangan	**1. Penguatkuasaan Peraturan Alam Sekitar** Pihak berkuasa tempatan perlu meningkatkan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap kilang ayam yang beroperasi berhampiran penempatan penduduk. Pelaksanaan standard operasi (SOP) berkaitan pengurusan sisa ternakan harus dipatuhi secara ketat untuk mengurangkan pembiakan lalat. 2. **Pengurusan Sisa Ternakan yang Berkesan** Kilang ayam perlu mengamalkan teknologi moden dalam pelupusan sisa, seperti sistem biogas, pengkomposan

	terkawal, atau penggunaan enzim khas bagi mempercepat pereputan sisa organik. Langkah ini dapat mengurangkan bau serta sumber makanan bagi lalat. 3. **Pendekatan Kolaboratif Komuniti-Agensi** Penduduk setempat, agensi kesihatan, serta pihak berkuasa tempatan perlu diwujudkan dalam satu platform kolaboratif. Mekanisme aduan yang sistematik boleh membolehkan isu pencemaran dilaporkan segera dan tindakan susulan diambil dengan pantas. 4. **Kajian Penilaian Impak Kesihatan (HIA)** Kajian saintifik mengenai kesan jangka pendek dan jangka panjang terhadap kesihatan penduduk perlu dilakukan. Hasil kajian ini boleh menjadi asas untuk cadangan polisi dan justifikasi terhadap penempatan semula atau pengubahsuaian operasi kilang. 5. **Pendidikan dan Kesedaran Masyarakat** Program kesedaran komuniti mengenai pencegahan penyakit bawaan lalat serta langkah kawalan kebersihan persekitaran perlu dilaksanakan secara berterusan bagi meminimumkan risiko kesihatan.
Kumpulan Terjejas	Penduduk sekitar Kampung Terap
Kawasan	Kampung Terap
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	**Sasaran SDG Berkaitan**
SDG 3: Kesihatan dan Kesejahteraan	Sasaran 3.3: Menamatkan wabak penyakit berjangkit termasuk penyakit bawaan vektor menjelang 2030. Sasaran 3.9: Mengurangkan dengan ketara bilangan kematian dan penyakit akibat pencemaran bahan kimia serta pencemaran udara, air dan tanah.
SDG 6: Air Bersih dan Sanitasi	Sasaran 6.3: Menambah baik kualiti air dengan mengurangkan pencemaran, menghapuskan pembuangan sisa dan meminimumkan pembebasan bahan kimia serta sisa berbahaya. Sasaran 6.b: Menyokong dan mengukuhkan penglibatan masyarakat tempatan dalam pengurusan air dan sanitasi.
SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan	Sasaran 11.6: Mengurangkan kesan alam sekitar bandar per kapita, termasuk memberi perhatian khusus kepada kualiti udara dan pengurusan sisa perbandaran.

SDG 12: Penggunaan dan Pengeluaran Bertanggungjawab	Sasaran 12.4: Menjamin pengurusan alam sekitar yang baik bagi bahan kimia dan semua sisa sepanjang kitaran hayatnya serta mengurangkan pembebasan bahan tersebut ke udara, air, dan tanah. Sasaran 12.5: Mengurangkan penjanaan sisa melalui langkah pencegahan, pengurangan, kitar semula, dan guna semula.
SDG 15: Kehidupan di Darat	Sasaran 15.1: Memastikan pemuliharaan, pemulihan dan penggunaan lestari ekosistem daratan serta perkhidmatan ekosistem

4.2.2 Pengutamaan Isu 2: Penerokaan Kuari dan Hutan Simpan yang tidak mematuhi Standard Operation Procedure (SOP)

Kawasan Hutan Simpan Gunung Bongsu seluas 40 hektar telah dinyahsenaraikan daripada status Hutan Simpan Kekal dan diserahkan kepada pihak Menteri Besar Incorporate (MBI) untuk tujuan pengurusan. Walaubagaimanapun, kelulusan bagi aktiviti penerokaan dan pemberian lesen didapati tidak mematuhi prosedur perundangan serta tidak mengikut tatacara operasi piawai (SOP) yang ditetapkan.

- **Tidak mematuhi prosedur perundangan serta tidak mengikut tatacara operasi piawai (SOP) yang ditetapkan**
  Kelulusan tersebut, yang diperoleh sejak tahun 2017, turut menunjukkan ketiadaan penglibatan jabatan teknikal dalam menjalankan penilaian di kawasan lapangan. Aktiviti penerokaan yang tidak terkawal ini berpotensi membawa implikasi negatif seperti kerosakan kepada hasil pertanian penduduk setempat, pencemaran sumber air sungai, dan secara tidak langsung meningkatkan risiko kejadian banjir di kawasan berkenaan.

Jadual 12. Ringkasan Isu 2

Permasalahan berkaitan dengan isu	1. Letupan yang kuat, serpihan batu yang terpelanting ke kawasan perumahan, serta pencemaran habuk dan debu yang menjejaskan kualiti udara persekitaran. Penduduk turut melahirkan kegusaran terhadap kemunculan retakan pada struktur rumah
Cadangan	**1. Pengukuhan Proses Kelulusan dan Penilaian Teknikal** Semua permohonan baharu atau pembaharuan lesen kuari perlu melalui proses penilaian teknikal menyeluruh yang melibatkan agensi berkaitan seperti Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Mineral dan

	Geosains (JMG), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), serta pihak berkuasa tempatan. Proses ini harus dijalankan secara telus dengan laporan penilaian lapangan yang didedahkan kepada pihak berkepentingan. **2. Pemantauan Berkala dan Audit Bebas** Aktiviti kuari wajar dipantau secara berkala melalui audit bebas bagi memastikan pematuhan terhadap syarat Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) dan SOP keselamatan. Laporan audit perlu dikemukakan secara berkala kepada pihak berkuasa serta diumumkan secara awam bagi meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti. **3. Penguatkuasaan Undang-Undang yang Tegas** Tindakan tegas perlu diambil terhadap pengusaha kuari yang melanggar syarat kelulusan atau gagal mematuhi SOP, termasuklah penggantungan atau pembatalan lesen operasi. Penalti kewangan yang bersifat punitif juga boleh diperkenalkan sebagai langkah pencegahan terhadap pengulangan kesalahan. **4. Penglibatan Komuniti Setempat** Mekanisme aduan awam yang berkesan perlu diwujudkan bagi membolehkan penduduk setempat menyalurkan laporan segera berkaitan aktiviti kuari yang menjejaskan keselamatan, kesihatan, atau alam sekitar. Maklum balas daripada komuniti harus diintegrasikan dalam proses pemantauan dan penilaian berkala. **5. Penggunaan Teknologi Pemantauan** Pihak berkuasa boleh memperkenalkan sistem pemantauan berasaskan teknologi seperti dron, penderia gegaran, dan sistem pengawasan kualiti udara secara masa nyata bagi mengesan lebih awal sebarang ketidakpatuhan terhadap SOP. **6. Peningkatan Kesedaran dan Latihan** Pengusaha kuari perlu diwajibkan mengikuti program latihan berkala berkaitan pematuhan perundangan, pengurusan risiko alam sekitar, serta keselamatan operasi. Hal ini penting bagi meningkatkan kesedaran

	terhadap tanggungjawab sosial korporat (CSR) dalam meminimumkan impak kepada masyarakat dan alam sekitar.
Kumpulan Terjejas	Mukim Kampung Terap
Kawasan	Mukim Kampung Terap
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	**Sasaran SDG Berkaitan**
SDG 6: Air Bersih dan Sanitasi	Sasaran 6.3: Menambah baik kualiti air dengan mengurangkan pencemaran, menghapuskan pembuangan sisa dan meminimumkan pelepasan bahan kimia berbahaya.
SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan	Sasaran 11.4: Melindungi dan memelihara warisan budaya dan semula jadi dunia. Sasaran 11.6: Mengurangkan kesan alam sekitar bandar termasuk kualiti udara.
SDG 12: Penggunaan dan Pengeluaran yang Bertanggungjawab	Sasaran 12.4: Menguruskan bahan kimia dan sisa buangan dengan cara yang mesra alam. Sasaran 12.5: Mengurangkan penjanaan sisa melalui pencegahan, pengurangan, kitar semula dan guna semula.
SDG 13: Tindakan terhadap Perubahan Iklim	Sasaran 13.1: Memperkukuh daya tahan dan keupayaan menyesuaikan diri terhadap bahaya berkaitan iklim serta bencana alam.
SDG 15: Kehidupan di Darat	Sasaran 15.1: Melindungi, memulihara dan memulihkan ekosistem daratan. Sasaran 15.5: Mengambil tindakan segera untuk mengurangkan degradasi habitat semula jadi dan kehilangan biodiversiti.
SDG 16: Keamanan, Keadilan dan Institusi Kukuh	Sasaran 16.6: Membentuk institusi yang berkesan, telus dan bertanggungjawab di semua peringkat.

5.0 PENGENALPASTIAN AWAL PROJEK PENYELESAIAN

Jadual 13. Pengenalpastian Projek Penyelesaian

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3
Tajuk Projek	Projek Ternakan Ikan Air Tawar Keli dan Talapia	Keli's Community Terap	Dapur Mak Ang Si Manis
SDG Berkaitan	Matlamat 1 - Menamatkan semua jenis kemiskinan di seluruh dunia Matlamat 2 - Menamatkan kelaparan, mencapai jaminan makanan dan nutrisi yang lebih baik serta menggalakkan pertanian mampan Matlamat 8 - Menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang mampan, menyeluruh dan berkekalan, guna tenaga penuh dan produktif serta pekerjaan yang sesuai untuk semua Matlamat 17 - Memperkukuhkan kaedah pelaksanaan dan menggiatkan semula Kerjasama Global untuk Pembangunan Mampan	Matlamat 1 - Menamatkan semua jenis kemiskinan di seluruh dunia Matlamat 2 - Menamatkan kelaparan, mencapai jaminan makanan dan nutrisi yang lebih baik serta menggalakkan pertanian mampan Matlamat 4 – Memastikan pendidikan berkualiti secara menyeluruh dan saksama serta menggalakkan peluang pembelajaran sepanjang hayat untuk semua Matlamat 10 – Mengurangkan ketidaksamaan dalam dan antara negara	Matlamat 1- Menamatkan semua jenis kemiskinan di seluruh dunia Matlamat 5- Mencapai kesaksamaan jantina dan memperkasakan semua wanita serta kanak-kanak Perempuan Matlamat 8- Menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang mampan, menyeluruh dan berkekalan, guna tenaga penuh dan produktif serta pekerjaan yang sesuai untuk semua Matlamat 17- Memperkukuhkan kaedah pelaksanaan dan menggiatkan semula Kerjasama

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3
			Global untuk Pembangunan Mampan
Objektif	Golongan belia FELDA berdepan kekurangan peluang pekerjaan dan pendapatan tetap, menyebabkan sebahagian mereka berhijrah ke bandar atau menganggur. Projek ternakan ikan keli dan tilapia dicadangkan sebagai inisiatif keusahawanan komuniti untuk menangani isu ini. Melalui latihan teknikal, pengurusan kolam, penjagaan ikan, serta strategi pemasaran, projek ini bertujuan memperkasa ekonomi belia FELDA, membina kemahiran praktikal, dan menggalakkan penglibatan dalam akuakultur secara mampan. Secara keseluruhan, usaha ini diharap dapat mengurangkan pengangguran dan mewujudkan sumber pendapatan yang lebih stabil di kawasan FELDA.	Projek kolam ikan keli ini memberi manfaat kepada golongan B40 dengan menyediakan peluang pendapatan, membekalkan sumber makanan berprotein, serta membuka ruang menghasilkan produk seperti ikan keli salai. Peserta juga akan mendapat kemahiran akuakultur melalui latihan amali, manakala kelestarian projek dijamin dengan model kitaran semula, di mana keuntungan jualan digunakan untuk membeli benih dan makanan ikan bagi pusingan seterusnya.	Masalah utama di kawasan Lubuk Buntar ialah ramai suri rumah dan ibu tunggal berdepan cabaran kewangan kerana tiada pekerjaan tetap walaupun mereka mempunyai kemahiran asas memasak. Namun, mereka tidak pernah diberikan peluang atau latihan untuk menjana pendapatan. Projek ini dirancang bagi memberi latihan praktikal dalam bidang bakeri serta pendedahan kepada teknik pemasaran moden, supaya mereka dapat menjana pendapatan sama ada dari rumah atau secara berkumpulan. Matlamat dan objektif projek ini adalah untuk meningkatkan taraf sosioekonomi wanita luar bandar melalui latihan

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3
			keusahawanan bakeri dan pemasaran.
Hasil Jangkaan	Projek ternakan ikan keli dan tilapia yang dikendalikan koperasi dijangka memberi manfaat jangka panjang kepada belia FELDA melalui kemahiran, jaringan niaga dan pendapatan mampan. Selepas fasa awal, peserta diharap dapat mengurus operasi secara berdikari dengan sokongan koperasi atau komuniti. Projek ini berpotensi menjadi rintis untuk diperluas ke rancangan FELDA lain. Bagi menjamin kelestarian, peserta memerlukan bimbingan dalam menjalin kerjasama dengan pembeli tetap, pembekal dan agensi pertanian. Penubuhan kumpulan belia penternak pula akan menggalakkan kerjasama berkelompok, perkongsian sumber dan keuntungan, sekali gus mewujudkan ekosistem ekonomi tempatan yang kukuh.	Projek kolam ikan keli ini akan diteruskan selepas tamat tempoh pembiayaan APPGM- SDG melalui kerjasama dengan Jabatan Perikanan atau FAMA bagi khidmat nasihat dan pembangunan. Dari segi kewangan, pendapatan dijana melalui jualan terus kepada pengguna, restoran dan pasar mingguan, serta penghasilan produk hiliran. Keuntungan tersebut akan dijadikan dana pusingan untuk memastikan kelestarian projek.	Dalam jangka pendek, program ini bertujuan meningkatkan kemahiran serta keyakinan diri peserta untuk menjana pendapatan melalui jualan produk dessert. Dalam jangka panjang, ia menyasarkan penubuhan perniagaan dessert dan pastri secara komuniti dengan penglibatan berterusan dalam aktiviti jualan seperti pasar tani, e-dagang, jualan dari rumah dan secara dalam talian. Strategi kelestarian pula memberi fokus kepada penambahan pendapatan keluarga melalui jualan dessert dan pastri, sekali gus menjadi sumber ekonomi berterusan pada masa hadapan.
Organisasi	Koperasi Peneroka Felda Gunung Bongsu Kulim Berhad	Not Maju Enterprise	Dapur Mak Ang Si Manis

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3
Aktiviti	Program latihan ternakan ikan ini merangkumi 12 sesi utama yang disusun secara berperingkat. Sesi bermula dengan perjumpaan awal peserta serta perbincangan perjalanan kerja, diikuti dengan bengkel latihan asas ternakan ikan keli dan tilapia meliputi teori dan praktikal. Peserta kemudiannya didedahkan kepada penyediaan kolam serta sistem saliran, sebelum menjalani latihan berkaitan pembelian benih ikan dan pelepasan ke dalam kolam. Seterusnya, sesi memberi tumpuan kepada pengurusan air dan kesihatan ikan, diikuti dengan pemantauan awal pertumbuhan ikan serta latihan pemakanan. Pada peringkat pertengahan, peserta dilatih dalam aspek pemantauan pertumbuhan serta pemasaran hasil ternakan, sebelum menghadiri bengkel keusahawanan dan strategi jualan.	Projek penternakan ikan keli di bawah APPGM-SDG bermula dengan pengenalan mengenai objektif program dan penyediaan tapak kolam, termasuk rawatan awal air bagi memastikan habitat sesuai untuk benih ikan. Peserta diberikan latihan tentang pemasangan peralatan, pemilihan benih berkualiti, serta kaedah pelepasan anak ikan ke dalam kolam. Penekanan turut diberikan kepada penjagaan kualiti air, penggunaan garam antibakteria, dan kawalan penyakit supaya ikan dapat membesar dengan sihat. Seterusnya, peserta mengikuti sesi pengawasan tumbesaran ikan, pengurusan makanan, serta latihan kewangan asas bagi memastikan operasi projek lebih mampan. Aktiviti lanjutan	Program latihan projek ini dijalankan selama 12 minggu dengan pengisian berbentuk praktikal dan teori. Minggu 1 hingga 10 menekankan latihan pembuatan pelbagai produk pastri, kuih tradisional, pencuci mulut moden, roti, dan makanan sejuk beku yang sesuai untuk pelbagai saluran jualan seperti katering, pasar malam, pasar tani, kiosk, café kecil, food truck, serta jualan dalam talian. Antara produk yang dipelajari termasuk mini tart, cream puff, kuih tradisional Melayu, frozen pastry, dessert dalam cawan, aiskrim buatan sendiri, pastry box berperisa masin, cheese cake tanpa bakar, cupcake, muffin, serta roti moden. Pada Minggu 11, peserta didedahkan kepada aspek sokongan keusahawanan seperti kemudahan pembiayaan perniagaan oleh

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3
	Program diteruskan dengan tuaian pertama ikan dan jualan ke pasaran tempatan, serta sesi penilaian projek dan perancangan kitaran seterusnya. Akhir sekali, peserta dibimbing dalam digital marketing dan penggunaan makanan alternatif bagi memperkukuh kelestarian serta daya saing projek ternakan.	merangkumi penghasilan makanan tambahan alternatif, pemasaran digital menggunakan platform media sosial, dan persediaan untuk penuaian. Hasil tuaian dipasarkan secara segar atau dipelbagaikan seperti keli salai, ikan pekasam dan keli sejuk beku bagi mengelakkan kerugian. Peserta juga dilatih untuk mengembangkan pasaran dengan bimbingan agensi seperti FAMA dan Jabatan Perikanan. Selepas projek tamat, fasa pemantauan dijalankan dengan pemberian benih tambahan, sokongan peralatan, serta galakan promosi jualan agar peserta dapat mengekalkan kelangsungan penternakan.	TEKUN, pendaftaran perniagaan melalui SSM, serta bimbingan kewangan bersama AKPK. Seterusnya, Minggu 12 memberi fokus kepada peranan NADI dalam menyediakan sokongan ICT, ruang aktiviti, serta peluang promosi bagi mengukuhkan daya saing dan meningkatkan peluang ekonomi peserta di peringkat komuniti setempat.
Jumlah (RM)	RM40, 000	RM40, 000	RM40, 000
Lokasi	Felda Gunung Bongsu	Kampung Batu 10, Terap	Taman Kelisa Emas, Lubok Buntar
Tempoh	3 Bulan	3 Bulan	3 Bulan

6.0 RUJUKAN

Jabatan Perangkaan Malaysia. 2020. *Kawasanku: P.018 Kulim-Bandar Baharu*. OpenDOSM. https://open.dosm.gov.my/dashboard/kawasanku/Kedah/parlimen/P.018%20KulimBandar%20Baharu

Department of Statistics Malaysia. 2020. Population and Housing Census of Malaysia 2020: Kawasanku—Parlimen P.018 Kulim-Bandar Baharu. Putrajaya: DOSM. https://open.dosm.gov.my/dashboard/kawasanku/Kedah/parlimen/P.018%20Kulim- Bandar%20Baharu

Invest Kedah / Malaysian Investment Development Authority (MIDA). 2018. Kulim Hi-Tech Park: Slide Presentation by Invest Kedah. Kuala Lumpur: MIDA. https://www.mida.gov.my/wp- content/uploads/2020/07/20180125134353_Slide-Presentation-by-InvestKedah.pdf

Japan International Cooperation Agency (JICA). 1996. The Study on Establishment of Kulim Hi-Tech Industrial Park in Malaysia. Tokyo: JICA. https://openjicareport.jica.go.jp/pdf/10968865_01.pdf

PlanMalaysia. 2010. Draf Rancangan Tempatan Daerah Bandar Baharu 2010–2020: Ringkasan Eksekutif. Kuala Lumpur: Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia. https://www.planmalaysia.gov.my/planmalaysia/resources/epublisiti/turun/rt_bandarbaharu20102020/ ringkasan.pdf

Rahimi Abidin, Nurul Hidayah Che Ahmat, and Mohd Nazri Mohd Nor. 2013. "The Impact of Technology Parks' Services on the High Technology Industry: A Case Study on Kulim Hi-Tech Park." ResearchGate. https://www.researchgate.net/publication/258048954_The_Impact_of_Technology_Parks_Services_o n_The_High_Technology_Industry_A_Case_Study_On_Kulim_Hi-Tech_Park

Unit Perancang Ekonomi Negeri Kedah. 2021. Buku Pelan Pembangunan Kedah 2035. Alor Setar: Kerajaan Negeri Kedah. https://fliphtml5.com/owqkf/nbob/BUKU-PELAN-PEMBANGUNAN- KEDAH-2035

Unit Perancang Ekonomi / Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM). 2020. Laporan Maklumat Guna Tanah Negara Tahun 2020. Putrajaya: Kementerian Tenaga dan Sumber Asli. https://anyflip.com/pjgzq/wgfg/basic

Laporan Pemetaan Isu Parlimen
P.053 Balik Pulau

Disediakan oleh:
Siti Noraiysah Rohim

BAHAGIAN A

LAPORAN LAWATAN PEMETAAN ISU 245 – 257

BAHAGIAN B

1.0 PENGENALAN 262 – 268
1.1 Geografi/Topografi 262
1.2 Komposisi Penduduk 263
1.3 Kegiatan Ekonomi Utama 263
1.4 Hubungan Kerangka Konseptual SDG dan Konteks Tempatan 265

2.0 METODOLOGI PENYELIDIKAN 268 – 272
2.1 Pendekatan Kajian 268
2.2 Langkah Etika Semasa Kajian Lapangan 270
2.3 Kekangan Lawatan Kajian Lapangan 271
2.4 Keterbatasan Kajian 271

3.0 RANGKUMAN ISU RENTAS SDG 273 – 284

4.0 GAMBARAN KESELURUHAN PEMETAAN ISU 285 – 364
4.1 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu 285
4.2 Pengutamaan Isu 357

5.0 PENGENALPASTIAN AWAL PROJEK PENYELESAIAN 365 – 367

6.0 RUJUKAN 368

P.053 BALIK PULAU

BAHAGIAN A

Laporan Lawatan Pemetaan Isu

P.053 Balik Pulau

DENGAN SOKONGAN DARIPADA

AHLI PARLIMEN BALIK PULAU, YB DATO' MUHAMMAD BAKHTIAR WAN CHIK



TEMPAT-TEMPAT YANG TELAH DILAWATI

22 Feb - 24 Feb 2025
(Sabtu - Isnin)

HARI 1

1. FGD 1: Komuniti Penternak
2. Lawatan Tapak 1: Kolam Ternakan Ikan Keli, Kampung Bagan Air Hitam
3. Lawatan Tapak 2: Kawasan Ternakan di Kampung Sungai Burung
4. Lawatan Tapak 3: Penglibatan Warga Asing dalam Pertanian dan Penternakan
5. FGD 2: Komuniti Nelayan Pantai
6. FGD 3: Komuniti Belia

HARI 2

7. Lawatan Tapak 4: Bagan Teluk Kumbar
8. FGD 4: Komuniti Petani Balik Pulau
9. FGD 5: Komuniti Usahawan
10. Lawatan Tapak 5: Peladang Outlet PPK Sri Pulau
11. FGD 6: Komuniti Pelancongan
12. Lawatan Tapak 6: Audi Dream Farm
13. FGD 7: Komuniti Sukarelawan Wanita

HARI 3

14. Lawatan Tapak 7: Chin Hwa Chinese Primary School
15. FGD 8: Komuniti Warga Emas
16. FGD 9: Komuniti Orang Kurang Upaya
17. Lawatan Tapak 8: Kampung Perlis

PASUKAN PENYELIDIK



SITI NORAIYSAH ROHIM

(Ketua Penyelidik)



PROF. DATUK DR. DENISON JAYASOORIA



ZOEL NG



DARSHINI RAWICHANDRAN



PRATHINA SARAVANAMUTHU

01



13 Januari 2025
Mesyuarat Awalan

02



27 Januari 2025
Mesyuarat Pemprofilan

03



27 Januari 2025
Mesyuarat Pra-lawatan

04



22 Februari 2025
FGD 1: Komuniti Penternak

05



22 Februari 2025
Lawatan Tapak 1: Kolam Ternakan Ikan Keli, Kg. Bagan Air Hitam

06



22 Februari 2025
Lawatan Tapak 2: Kawasan Ternakan di Kg. Sungai Burung

07



22 Februari 2025
Lawatan Tapak 3: Penglibatan Warga Asing dalam Pertanian dan Penternakan

08



22 Februari 2025
FGD 2: Komuniti Nelayan Pantai

09



22 Februari 2025
FGD 3: Komuniti Belia

10



23 Februari 2025
Lawatan tapak 4: Bagan Teluk Kumbar

11



23 Februari 2025
FGD 4: Komuniti Petani Balik Pulau

12



23 Februari 2025
FGD 5: Komuniti Usahawan

13



23 Februari 2025
Lawatan tapak 5:
Peladang Outlet PPK Sri Pulau

14



23 Februari 2025
FGD 6: Komuniti Pelancongan

15



23 Februari 2025
Lawatan Tapak 6: Audi Dream Farm

16



23 Februari 2025
FGD 7: Komuniti Sukarelawan Wanita

17



24 Februari 2025
Lawatan Tapak 7:
Chin Hwa Chinese Primary School

18



24 Februari 2025
FGD 8: Komuniti Warga Emas

19



24 Februari 2025
FGD 9: Komuniti Orang Kurang Upaya

20



24 Februari 2025
Lawatan Tapak 8: Kampung Perlis



13 JANUARI 2025 - MESYUARAT AWALAN

Mesyuarat Awalan bagi Parlimen Balik Pulau bersama Ahli Parlimen, YB Dato' Muhammad Bakhtiar Wan Chik di Mycreative Ventures, Surian Tower. Sesi ini dihadiri oleh Nurul Syaza dan Siti Noraiysah. Bagi Parlimen Balik Pulau, YB Dato' Muhammad Bakhtiar Wan Chik bersetuju untuk tarikh lawatan tapak adalah pada 22 - 24 Februari 2025.

27 JANUARI 2025 - MESYUARAT PEMPROFILAN

Sesi mesyuarat pemprofilan bersama pegawai-pegawai YB Parlimen Balik Pulau telah diadakan di Pusat Khidmat Parlimen Balik Pulau. Sesi ini bertujuan untuk mendapatkan profil parlimen dan mengenal pasti isu-isu semasa di kawasan parlimen tersebut. Aturcara tentatif bagi lawatan tapak *(site visit)* juga telah telah dibincangkan yang akan diadakan pada 22 - 24 Februari 2025 nanti.









27 JANUARI 2025 - MESYUARAT PRA-LAWATAN

Dr. Teo Lee Ken, Dr. Thanaraj Murudi, Siti Noraiysah dan Darshini Rawichandran telah menghadiri satu mesyuarat bersama Pegawai Daerah, Tn. Hafiz Aswad di Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya. Sesi ini turut dihadiri oleh Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan Masyarakat), Pn. Fariza dan 4 penghulu. Beberapa isu setempat yang berkaitan dengan ekonomi, sosial, dan alam sekitar telah diketengahkan sepanjang sesi mesyuarat ini. Tn. Pegawai Daerah turut bersetuju untuk mengadakan *Inter-Agensi* pada 4 Mac 2025.



FGD 1: KOMUNITI PENTERNAK

Sesi FGD 1 ini telah melibatkan 12 orang penternak di kawasan Parlimen Balik Pulau. Para penternak terdiri daripada mereka yang menternak lembu, kambing dan ayam telah menyuarakan permasalahan yang telah dialami oleh mereka semasa sesi dialog di Pejabat Ahli Parlimen Balik Pulau. Antara isu-isu yang disuarakan oleh penternak adalah seperti: **(1)** kos makanan ternakan tinggi dimana penternak bergantung pada makanan ternakan luar yang mahal, meningkatkan kos operasi; **(2)** subsidi diesel untuk penternak tidak mencukupi; **(3)** proses lesen untuk penternakan sangat kompleks yang telah menghalang penternak kecil dari berdaftar dan menerima bantuan; **(4)** ketiadaan pusat penyembelihan berdekatan yang membawa kepada peningkatan kos pengangkutan; **(5)** keperluan tanah untuk penanaman silaj untuk mengurangkan kos makanan ternakan; dan **(6)** kebimbangan terhadap aktiviti penyembelihan tanpa lesen oleh warga asing, terutama di kawasan sekitar Sungai Burung.





LAWATAN TAPAK 1: KOLAM TERNAKAN IKAN KELI, KAMPUNG BAGAN AIR HITAM

Satu sesi lawatan tapak telah diadakan ke Kolam Ternakan Ikan Keli yang diusahakan oleh En. Lim di Kampung Bagan Air Hitam, Balik Pulau. Penternakan ikan keli (Keli Afrika) ini telah dijalankan sejak 15 tahun yang lalu dan kini mempunyai 11 kolam yang merangkumi kawasan seluas 6 hektar. Menurut En. Lim, salah satu cabaran utama yang dihadapi adalah kenaikan kos makanan ikan yang semakin tinggi. Selain itu, kekurangan bekalan benih ikan dari Pulau Pinang turut menyumbang kepada peningkatan kos operasi, terutama sekali dalam aspek kos pengangkutan dan penghantaran. Tambahan lagi, keterlibatan belia tempatan dalam bidang penternakan semakin meruncing kerana kebanyakan belia tidak menunjukkan minat terhadap sektor ini. Akibatnya, pengusaha tempatan terpaksa memberi peluang pekerjaan kepada warga asing untuk memastikan kelangsungan perniagaan mereka.



LAWATAN TAPAK 2: KAWASAN TERNAKAN DI KAMPUNG SUNGAI BURUNG

Para penyelidik telah melawat kandang ternakan yang dimiliki oleh Pengerusi Persatuan Penternak Ruminan Pulau Pinang, En. Shamsul, yang terletak di Kampung Sungai Burung. Menurut beliau, selain memfokuskan kepada hasil ternakan, kandang tersebut juga berfungsi sebagai tempat untuk menimbang haiwan ternakan sebelum dijual kepada pembeli.

Terdapat beberapa isu yang perlu diberi perhatian, antaranya adalah keperluan untuk membina sebuah pusat penyembelihan di Daerah Barat Daya. Selain itu, beliau juga menyuarakan kebimbangan terhadap sektor penternakan tempatan yang semakin kritikal akibat persaingan dengan haiwan ternakan dari Thailand, yang memberi impak besar terhadap kelangsungan perniagaan penternak tempatan.







LAWATAN TAPAK 3: PENGLIBATAN WARGA ASING DALAM PERTANIAN DAN PENTERNAKAN

Para penyelidik juga melawat kawasan pertanian yang melibatkan warga asing. Isu ini telah menjadi satu kerungsingan kepada penternak tempatan. Hal ini kerana kebanyakan warga asing mula terlibat dalam penternakan dan menjalankan aktiviti penyembelihan haiwan tanpa mematuhi syarat serta peraturan yang ditetapkan, sekali gus menjejaskan kualiti serta keselamatan produk ternakan di pasaran. Tambahan, para penternak turut mendedahkan bahawa ramai warga asing di Balik Pulau mula menguasai sektor pertanian dengan menyewa tanah daripada tuan tanah tempatan untuk tujuan pertanian.







FGD 2: KOMUNITI NELAYAN PANTAI

FGD 2 ini telah melibatkan para nelayan Pantai (Zon A) dari Unit Nelayan Kuala Jalan Baru. Terdapat 7 orang nelayan yang hadir dan telah menyuarakan beberapa isu terdesak dalam kalangan nelayan setempat ini. Antara isu-isu tersebut adalah: **(1)** projek tambakan laut memberi kesan negatif terhadap ekosistem; **(2)** pengambilan pasir/aktiviti korek pasir yang menjadikan kawasan tangkapan tradisional semakin tercemar; **(3)** penebangan bakau untuk projek akuakultur memberi kesan buruk kepada hasil nelayan pada jangka masa yang panjang; **(4)** isu pampasan bagi Projek Pulau Silikon tidak adil kerana semua nelayan di Unit Kuala Jalan Baru tidak menerima pampasan walaupun mereka turut terkesan akibat projek tersebut.





FGD 3: KOMUNITI BELIA

FGD 3 ini telah melibatkan golongan belia di kawasan sekitar Balik Pulau dan Bayan Lepas yang diadakan di Gula Garam Café. Antara isu-isu yang telah disuarakan oleh belia yang terdiri daripada 7 orang belia yang terdiri daripada belia lingkungan 19 hingga 29 tahun ini adalah: **(1)** kekurangan peluang pekerjaan; **(2)** kurangnya penyertaan dalam aktiviti sosial; **(3)** masalah pengurusan kewangan; dan (4) penglibatan belia dalam aktiviti sosial seperti lumba haram, penyalahgunaan dadah dan ketum, serta perjudian dalam talian.





LAWATAN TAPAK 4: BAGAN TELUK KUMBAR

Satu lawatan tapak ke Bagan Teluk Kumbar telah diadakan. Isu penempatan dan kehadiran etnik Rohingya di Teluk Kumbar, Pulau Pinang telah menjadi topik hangat di kalangan penduduk tempatan dan nelayan. Walau bagaimanapun, semasa sesi lawatan, para penyelidik bertemu dengan beberapa penduduk dan nelayan setempat yang menyatakan bahawa isu tersebut tidak wujud kerana mereka adalah warganegara Malaysia, namun tidak memiliki lesen nelayan.

Terdapat banyak persepsi negatif daripada masyarakat yang menganggap mereka sebagai warga asing, menyebabkan mereka menghadapi kesukaran untuk menjalankan aktiviti nelayan. Sebagai contoh, mereka sering ditahan di lautan, bot nelayan disita akibat ketiadaan lesen, dan mereka juga tidak dapat sokongan daripada Ketua Unit Nelayan Teluk Kumbar, yang semakin merumitkan lagi situasi mereka.



FGD 4: KOMUNITI PETANI BALIK PULAU

Sesi FGD 4 ini telah melibatkan golongan petani yang terdiri daripada 17 pengusaha durian dan petani sawah padi. Sesi ini juga turut dihadiri oleh Pengerusi Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Seri Pulau, Balik Pulau, YBhg. Dato' Prof. Emeritus Muhammad Idiris Saleh. Beberapa isu yang diketengahkan termasuk: **(A)** isu pengusaha durian, **(1)** keperluan penjenamaan Durian Balik Pulau; **(2)** subsidi diesel tidak mencukupi; **(3)** ketiadaan hab pemasaran durian di Balik Pulau; **(4)** kesukaran untuk mengemaskini permohonan MyGAP; **(5)** penyampaian maklumat berkenaan latihan dan program tidak menyeluruh. Selain itu, **(B)** isu petani sawah padi merangkumi; **(1)** bekalan dan kualiti benih padi di mana terdapat kekurangan bekalan benih di pulau pinang dan kualiti benih yang ada adalah rendah; **(2)** perosak dan penyakit: petani menghadapi serangan perosak, terutamanya bena perang dan virus; **(3)** tanah terbiar: tanah yang dibeli oleh individu atau syarikat berdekatan kawasan pertanian dibiarkan tanpa penyelenggaraan, menjadi tempat pembiakan perosak yang menyerang tanaman berdekatan; **(4)** kos input pertanian yang semakin meningkat; dan **(5)** tahap kesuburan tanah sawah padi yang semakin berkurangan.



FGD 5: KOMUNITI USAHAWAN

FGD 5 ini telah melibatkan 16 orang usahawan. Sesi ini juga turut dihadiri oleh Pengerusi Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Seri Pulau, Balik Pulau, YBhg. Dato' Prof. Emeritus Muhammad Idiris bin Saleh. Sepanjang sesi dialog yang berlangsung di Pejabat PPK ini, terdapat beberapa isu yang diketengahkan: **(1)** kekurangan tenaga kerja disebabkan oleh gaji yang tidak kompetitif, pilihan golongan muda yang lebih cenderung bekerja di sektor kilang; **(2)** bantuan kepada usahawan sangat terhad kerana hanya disediakan untuk mereka yang berumur di bawah 43 tahun; **(3)** kekurangan usaha dalam pemasaran dan publisiti menyukarkan perniagaan untuk berkembang ke tahap yang lebih tinggi; **(4)** kekurangan premis perniagaan dan sewaan premis sangat mahal; dan **(5)** proses pensijilan halal berjalan perlahan disebabkan oleh syarat yang ketat serta masa kelulusan yang panjang.







LAWATAN TAPAK 5: PELADANG OUTLET PPK SRI PULAU

Para penyelidik telah melawat Peladang Outlet PPK Sri Pulau yang berperanan sebagai pusat pengumpulan hasil pertanian bagi Pertubuhan Peladang, ahli, dan usahawan, serta berfungsi sebagai pusat pengedaran yang menjual hasil pertanian secara borong dan melaksanakan aktiviti penjualan runcit secara terus kepada pengguna. Penubuhan outlet ini juga secara tidak langsung para usahawan kecil-kecilan dalam mempromosikan dan memasarkan produk mereka kepada orang ramai.





FGD 6: KOMUNITI PELANCONGAN

FGD 6 telah melibatkan 17 individu/pemilik yang aktif dalam sektor ekopelancongan di Balik Pulai. Sepanjang sesi dialog yang berlangsung di Audi Dream Farm, Sungai Rusa, beberapa isu utama yang telah diketengahkan seperti: **(1)** kekurangan promosi dalam mengetengahkan Balik Pulau sebagai satu tarikan pelancongan; **(2)** kekurangan akses pengangkutan awam. Penutupan perkhidmatan bas Rapid 501 pada laluan Teluk Bahang-Titi, Kerawang-Sungai, dan Rusa-Balik Pulau telah menyebabkan kekurangan mobiliti, menyukarkan penduduk dan pelancong untuk berhubung antara kawasan; **(3)** kekurangan penurapan tar dan pelebaran jalan masuk ke sesetengah pusat pelancongan di Balik Pulau menyebabkan masalah aksesibiliti, yang mengganggu aliran pelancong dan perkembangan industri pelancongan setempat; **(4)** proses perlesenan yang tidak menyeluruh bagi sesetengah pusat pelancongan dan inap desa mengakibatkan halangan dalam pembangunan dan operasi.







LAWATAN TAPAK 6: AUDI DREAM FARM

Para penyelidik turut dibawa melawat Audi Dream Farm, sebuah ladang agropelancongan yang dimiliki oleh En. Sam, di mana pasukan penyelidik berpeluang melihat pelbagai haiwan seperti arnab, rusa, kuda, unta, burung, dan love birds serta memberi mereka makanan. Audi Dream Farm merupakan destinasi yang menarik bagi pelancong dan warga tempatan kerana ia menawarkan suasana ladang yang menenangkan sambil membolehkan pengunjung mendekati haiwan-haiwan tersebut. Selain itu, ladang ini turut menyediakan ruang untuk aktiviti kekeluargaan, sambutan hari jadi, serta lawatan pendidikan khusus untuk tadika dan sekolah, menjadikannya lokasi yang sesuai untuk pembelajaran luar bilik darjah dan aktiviti sosial. Walau bagaimanapun, keperluan dan sokongan daripada pelbagai pihak untuk mengembangkan serta menarik lebih ramai pengunjung, sama ada dari kalangan tempatan atau luar, adalah satu perkara serius yang perlu dibincangkan



FGD 7: KOMUNITI SUKARELAWAN WANITA

FGD 7 ini telah melibatkan 23 orang sukarelawan wanita dari Balik Pulai. Sepanjang sesi dialog yang berlangsung di Pejabat Wanita Perihatin Kampung Seronok, Bayan Lepas, beberapa isu penting telah diketengahkan: **(1)** golongan wanita/ibu tunggal yang tidak bekerja, mengalami kemiskinan tegar memerlukan bantuan kewangan dan sokongan yang lebih menyeluruh; **(2)** peningkatan kos sara hidup; **(3)** isu warga emas dan pendigitalan yang terhad; **(4)** penggunaan ketum, ganja, dan syabu telah berleluasa di Kampung Nelayan sejak 20 tahun lalu dan situasi ini semakin meruncing sejak PKP; **(5)** peningkatan golongan "*blindspot*"; dan **(6)** ketiadaan rumah perlindungan kepada mereka yang berhadapan dengan keganasan rumah tangga.







LAWATAN TAPAK 7: CHIN HWA CHINESE PRIMARY SCHOOL

Satu sesi lawatan ke Chin Hwa Chinese Primary School telah diadakan. Sekolah ini telah beroperasi sejak tahun 1939. Pada masa ini, sekolah ini hanya mempunyai 8 orang guru dan 25 orang pelajar. Sepanjang lawatan, Guru Besar, Cik Thor, telah menekankan kepentingan pendidikan dan nilai murni yang perlu diterapkan dalam kehidupan pelajar. Sebagai contoh, di setiap pintu tandas sekolah, terdapat gambar-gambar yang menggambarkan pelbagai jenis pekerjaan pada masa hadapan, untuk memberi inspirasi kepada pelajar tentang potensi kerjaya mereka. Apa yang lebih menarik lagi adalah adanya sebuah monumen berbentuk tenggiling yang dihasilkan daripada barangan kitar semula. Monumen ini membawa mesej "*The day start a very good day*", yang bertujuan untuk memberi motivasi kepada guru dan pelajar agar sentiasa memulakan hari mereka dengan semangat dan komitmen untuk menimba ilmu.





FGD 8: KOMUNITI WARGA EMAS

FGD 8 ini telah melibatkan 8 orang warga emas di Balik Pulai. Sepanjang sesi dialog yang berlangsung di Pusat Warga Emas (PAWE), beberapa isu penting telah diketengahkan termasuk: **(1)** kesunyian warga emas tanpa anak-anak; **(2)** peningkatan kos sara hidup; **(3)** isu warga emas dan pendigitalan yang terhad; dan **(4)** isu warga emas yang menjadi mangsa *"scammer"*.



FGD 9: KOMUNITI ORANG KURANG UPAYA

FGD 9 ini telah melibatkan Pengerusi, Penyelia dan Pekerja Bengkel di Balik Pulai. Sepanjang sesi dialog yang berlangsung di Pusat Harian Harapan Bakti, Balik Pulau, beberapa isu penting telah diketengahkan termasuk: **(1)** sokongan dana dan bantuan terhadap pengurusan Rumah Harapan sangat terhad; **(2)** peluang pekerjaan untuk golongan Istimewa ini sangat terhad; dan **(3)** kekangan fizikal dalam menjalankan aktiviti ekonomi dan sosial.

LAWATAN TAPAK 8: KAMPUNG PERLIS

Para penyelidik telah dibawa melawat ke kawasan yang terjejas oleh banjir yang berdekatan dengan kebun dan tanah pertanian di Kampung Perlis. Menurut salah seorang petani di kawasan tersebut, isu banjir ini berpunca daripada kekurangan penyelenggaraan di kawasan sungai berhampiran, di mana banyak rumput liar tumbuh, menghalang aliran air. Akibatnya, apabila hujan lebat yang berpanjangan, air akan naik dan melimpah, menyebabkan kerosakan kepada tanah pertanian dan kebun penduduk.





BAHAGIAN B

Laporan Pemetaan Isu

P.053 Balik Pulau

Senarai Jadual

Jadual 1	Komposisi Penduduk di Parlimen Balik Pulau
Jadual 2	Tentatif Ringkas Lawatan Tapak Parlimen Balik Pulau
Jadual 3	Rangkuman Isu Rentas SDG
Jadual 4	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 1
Jadual 5	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 2
Jadual 6	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 3
Jadual 7	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 4
Jadual 8	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 5
Jadual 9	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 6
Jadual 10	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 7
Jadual 11	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 8
Jadual 12	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu Temubual
Jadual 13	Ringkasan Isu 1
Jadual 14	Ringkasan Isu 2
Jadual 15	Ringkasan Isu 3
Jadual 16	Pengenalpastian Projek Penyelesaian

Senarai Singkatan

AADK	Agensi Antidadah Kebangsaan
APPGM-SDG	All Party Parliamentary Group Malaysia- Sustainable Development Goals
DBD	Daerah Barat Daya
DOSM	Department of Statistic Malaysia
DUN	Dewan Undangan Negeri
DVS	Jabatan Perkhidmatan Veterinar (Malaysia)
EXCO	Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
FGD	Focus Group Discussion
FMD	Foot and Mouth Disease (penyakit kuku & mulut ternakan)
IAD	*Inter-agency Dialogue*
IATn	Industri Asas Tani
JBS	Jabatan Belia dan Sukan
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
JMB	Joint Management Body
JKR	Jabatan Kerja Raya
JPS	Jabatan Pengairan dan Saliran
JPW	Jabatan Pembangunan Wanita
JPVPP	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pulau Pinang
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
KPKT	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
KPTM	Kolej Poly-Tech MARA
LHDN	Lembaga Hasil Dalam Negeri
LPNPP	Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang
MBPP	Majlis Bandaraya Pulau Pinang
MC	Management Corporation
MESTI	Skim keselamatan makanan “MESTI” (dirujuk sebagai peraturan spesifikasi premis)
N.38 / N.39 / N.40	Kod DUN Bayan Lepas / Pulau Betong / Teluk Bahang
NGO	Non-Governmental Organisation
OKU	Orang Kurang Upaya
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PDRM	Polis Diraja Malaysia
PERDA	Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA)
PH	Pakatan Harapan
PHI	Penang Halal International
PKR	Parti Keadilan Rakyat
PPR	Projek/Program Perumahan Rakyat

PWDC	Penang Women's Development Corporation
ROS	Registrar of Society
RS	Rumah Sembelih
SDG	Sustainable Development Goals
SPS	Seberang Perai Selatan
SSM	Suruhanjaya Syarikat Malaysia
YB	Yang Berhormat

1.0 PENGENALAN



YB Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik

Parlimen Balik Pulau (P.053) merupakan sebuah kawasan Persekutuan di Pulau Pinang, Malaysia yang mempunyai wakil di Dewan Rakyat. Ahli Parlimen Balik Pulau kini disandang oleh YB Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik, dari Parti Keadilan Rakyat (PKR), sebuah parti komponen dalam gabungan Pakatan Harapan (PH). Pada Pilihan Raya Umum ke-15 (2022), YB Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik berjaya memperoleh kemenangan di kerusi Parlimen Balik Pulau dengan majoriti sebanyak 1,582 undi.

1.1 Geografi/Topografi

Secara fizikalnya, Negeri Pulau Pinang terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian pulau dan Seberang Perai. Ia terletak di utara Semenanjung Malaysia dan bersempadan beberapa negeri di bahagian Seberang Perai iaitu Negeri Kedah di sebelah Utara dan Timur serta Negeri Perak di bahagian Selatan. Negeri Pulau Pinang terdiri daripada lima daerah iaitu Daerah Timur Laut dan Daerah Barat Daya di bahagian pulau serta Daerah Seberang Perai Utara, Daerah Seberang Perai Tengah dan Daerah Seberang Perai Selatan di kawasan tanah besar. Ibu negeri bagi Negeri Pulau Pinang adalah George Town dan disokong beberapa bandar utama lain seperti Bayan Baru, Jelutong, Tanjong Tokong, Bandar Baru Ayer Itam, Butterworth, Bukit Mertajam dan Kepala Batas/ Bandar Bertam.

Parlimen Balik Pulau ialah sebuah kawasan parlimen yang terletak di bawah pentadbiran Daerah Barat Daya, Pulau Pinang. Daerah ini bersempadan dengan kawasan Seberang Perai di bahagian timur, yang dihubungkan melalui Jambatan Pulau Pinang dan Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah. Kawasan pesisir pantai Daerah Barat Daya turut bersempadan dengan Selat Melaka, sebuah kawasan yang kaya dengan sumber maritim serta mempunyai keindahan semula jadi. Justeru itu, Pantai Pasir Panjang dan kawasan rekreasi di sekitar Teluk Bahang, yang menjadi tarikan utama dan destinasi pilihan bagi pelancong dan penduduk tempatan untuk beriadah.

Parlimen Balik Pulau terdiri daripada tiga Dewan Undangan Negeri (DUN) iaitu DUN Bayan Lepas (N.38), DUN Pulau Betong (N.39) dan DUN Teluk Bahang (N.40). Berdasarkan bancian 2020, keluasan kawasan Parlimen ini adalah 147-kilometer persegi dengan jumlah penduduk seramai 132,344 orang. Parlimen Balik Pulau mempunyai kepadatan penduduk 900 orang per satu kilometer persegi pada tahun 2020.

Daripada segi keluasan kawasan, DUN Bayan Lepas mempunyai kawasan seluas 38 km persegi dengan jumlah penduduk seramai 85,321 orang dan kepadatan penduduk adalah 2,245 orang per km persegi. Manakala, kawasan DUN Pulau Betong mempunyai

keluasan sebanyak 44 km persegi dan jumlah penduduk seramai 27,310 orang dengan kepadatan penduduk sebanyak 621 orang per km persegi. DUN Teluk Bahang pula berkeluasan sebanyak 65 km persegi mempunyai 19,713 penduduk dengan kepadatan 303 orang per km persegi.

1.2 Komposisi Penduduk

Jumlah penduduk di Parlimen Balik Pulau secara keseluruhannya berjumlah 132,344 orang. Daripada jumlah penduduk tersebut, 129,100 orang atau 97.5 peratus adalah warganegara dan 3,244 orang atau 2.5 peratus bukan warganegara. Menerusi jumlah 132,344 orang penduduk di Parlimen Balik Pulau ini, sebanyak 84,303 orang adalah etnik bumiputera, 41,820 orang adalah daripada etnik Cina, 5,690 orang etnik India dan 529 orang lagi daripada etnik lain-lain.

Jadual 1. Komposisi Penduduk di Parlimen Balik Pulau

BIL.	KAUM	BIL.	% BIL.
1.	Bumiputera	84,303	63.7
2.	Cina	41,820	31.6
3.	India	5690	4.3
4.	Lain-lain	529	0.4
JUMLAH KESELURUHAN		132,344	100

Sumber: Statistik Subnasional Parlimen dan DUN, 2020

Pengkelasan mengikut kategori jantina pula, 67,558 orang adalah lelaki, manakala 64,786 orang adalah wanita. Daripada segi lingkungan umur, golongan antara 0 ke 14 tahun berjumlah sebanyak 23.3 peratus, golongan 15 ke 64 tahun sebanyak 71.4 peratus, dan golongan daripada 65 tahun ke atas adalah 5.3 peratus.

1.3 Kegiatan Ekonomi Utama

Dari segi geografi, Parlimen Balik Pulau terletak kira-kira 12.7 km ke arah barat daya dari pusat bandar George Town. Kawasan parlimen ini dikelilingi oleh perbukitan di bahagian tengah pulau, yang memisahkannya dari kawasan bandar di sebelah timur. Keadaan topografi ini menjadikan Balik Pulau sebagai kawasan yang lebih tenang dan kurang membangun berbanding dengan kawasan pusat bandar di sebelah timur. Walau bagaimanapun, parlimen ini juga mempunyai pelbagai kegiatan ekonomi yang menyumbang kepada pembangunan kawasan ini dimana sebahagian besar ekonomi di Parlimen Balik Pulau berasaskan pertanian, perikanan, dan pelancongan, selain sektor perkhidmatan yang semakin berkembang.

- **Pertanian**
  Balik Pulau terkenal dengan landskap semula jadi yang indah, termasuk kawasan **pertanian** yang luas. Ekonomi di sini banyak bergantung kepada aktiviti pertanian, dengan tanaman seperti durian, buah pala, dan cempedak yang terkenal di seluruh Malaysia. Tanah yang subur dan iklim tropika membolehkan kawasan ini menjadi pusat pengeluaran durian berkualiti tinggi, termasuk varieti durian terkenal seperti *Musang King* dan *Black Thorn*. Selain itu, tanaman padi juga diusahakan oleh penduduk di beberapa kawasan, menjadikan pertanian sebagai sumber pendapatan penting.

- **Perikanan**
  Di samping pertanian, **sektor perikanan** juga memainkan peranan penting dalam ekonomi tempatan. Kampung-kampung nelayan seperti Teluk Kumbar dan Kuala Sungai Pinang menjadi pusat aktiviti penangkapan ikan dan hasil laut segar. Ramai penduduk tempatan terlibat dalam industri ini, sama ada sebagai nelayan atau dalam pemprosesan hasil laut seperti ikan kering dan belacan. Aktiviti perikanan ini bukan sahaja memenuhi keperluan domestik, malah ada yang dieksport ke luar daerah.

- **Pelancongan**
  Selain itu, **sektor pelancongan** di Balik Pulau semakin berkembang, menarik pelancong yang ingin menikmati keindahan alam semula jadi serta keunikan budaya tempatan. Keindahan kampung tradisional yang masih terpelihara, keramahan penduduk, serta hidangan tempatan yang enak seperti laksa dan nasi lemak daun pisang turut menjadi daya tarikan utama. Antara destinasi menarik di Balik Pulau termasuk ladang-ladang durian yang terkenal dengan hasil berkualiti tinggi, pantai-pantai yang masih terjaga, serta laluan eko-pelancongan yang menawarkan pengalaman unik kepada pengunjung. Di sepanjang pesisir pantai baratnya, terdapat beberapa pantai yang menjadi lokasi pilihan untuk aktiviti rekreasi, seperti Pantai Pasir Panjang dan Pantai Malindo. Kombinasi antara perbukitan yang menghijau, kawasan pertanian yang subur, dan pantai yang indah menjadikan topografi Balik Pulau unik dan berbeza daripada kawasan lain di Pulau Pinang, menjadikannya destinasi yang sesuai untuk pencinta alam dan pelancongan santai.

- **Perkhidmatan dan keusahawanan**
  Sektor perkhidmatan dan keusahawanan juga semakin meningkat seiring dengan pertumbuhan penduduk dan keperluan ekonomi moden. Kedai-kedai kecil, restoran, serta perniagaan dalam talian mula mendapat tempat dalam masyarakat, membuka peluang pekerjaan kepada penduduk setempat. Dengan

adanya pembangunan infrastruktur yang lebih baik, sektor ini dijangka terus berkembang dan menyumbang kepada kemajuan ekonomi Parlimen Balik Pulau.

Secara keseluruhannya, kegiatan ekonomi di Parlimen Balik Pulau berkembang dengan pesat dalam pelbagai sektor, menjadikan kawasan ini unik dengan gabungan ekonomi tradisional dan moden. Dengan potensi besar dalam pertanian, perikanan, dan pelancongan, Balik Pulau mampu terus maju dan memberikan kesejahteraan kepada penduduknya.

1.4 Hubungan Kerangka Konseptual SDG dan Konteks Tempatan

Parlimen Balik Pulau di Pulau Pinang terdiri daripada tiga kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN), iaitu DUN Bayan Lepas, DUN Pulau Betong, dan DUN Teluk Bahang. Setiap DUN ini mempunyai keistimewaan tersendiri yang berkait rapat dengan konteks geografi, ekonomi, dan sosial tempatan. Secara asasnya setiap DUN di parlimen ini mempunyai keistimewaan serta hubungannya dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

DUN Bayan Lepas terkenal sebagai pusat ekonomi utama kerana kedudukannya yang berhampiran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dan kawasan perindustrian. Pembangunan pesat di kawasan ini dilengkapi dengan kemudahan moden seperti sekolah, hospital, dan pusat membeli-belah. Kehadiran industri di kawasan Bayan Lepas ini merancakkan ekonomi dan menawarkan peluang kerja terutamanya kepada penduduk kawasan Parlimen Balik Pulau. Dari perspektif Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), Bayan Lepas berkait rapat dengan SDG 8 (Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi) dan SDG 9 (Industri, Inovasi dan Prasarana) dengan fokus sasaran seperti berikut:

Sasaran 8.2: Mencapai tahap produktiviti ekonomi yang lebih tinggi melalui kepelbagaian, peningkatan teknologi dan inovasi, termasuk melalui tumpuan pada sektor bernilai ditambah tinggi dan intensif buruh.

Sasaran 9.1: Membangunkan infrastruktur yang berkualiti, boleh dipercayai, mampan dan berdaya tahan, termasuk infrastruktur serantau dan rentas sempadan, untuk menyokong pembangunan ekonomi dan kesejahteraan manusia, dengan tumpuan pada akses yang berpatutan dan adil untuk semua;

Sasaran 9.2: Menggalakkan perindustrian yang inklusif dan mampan, dan menjelang 2030, untuk meningkatkan dengan ketara bahagian pekerjaan industri dan KDNK selaras dengan keadaan negara serta menggandakan bahagiannya di negara-negara kurang maju. Walaubagaimanapun, pembangunan di kawasan ini perlu menyeimbangkan pertumbuhan ekonomi dengan pemeliharaan alam

sekitar untuk memastikan kesejahteraan penduduk dan kemampanan yang berterusan.

DUN Pulau Betong merupakan kawasan luar bandar yang terkenal dengan aktiviti pertanian seperti penanaman padi, buah-buahan tropika, dan penternakan. Kawasan ini juga kaya dengan keindahan alam semula jadi seperti pantai dan hutan paya bakau. Agro-pelancongan telah menjadi antara fokus utama di Balik Pulau, terutamanya dalam sektor pengeluaran buah-buahan tropika seperti durian. Durian Musang King dari kawasan ini telah mula dieksport ke pasaran antarabangsa seperti China dan Hong Kong, serta menarik minat pelancong untuk melawat dusun-dusun durian semasa musim buah-buahan. Dalam konteks SDG, Pulau Betong berkait rapat dengan SDG 2 (Kelaparan Sifar) dan SDG 15 (Kehidupan di Darat) dengan fokus sasaran seperti berikut:

> **Sasaran 2.3:** menggandakan produktiviti pertanian dan pendapatan pengeluar makanan berskala kecil, khususnya wanita, orang peribumi, petani keluarga, pengembala dan nelayan, termasuk melalui akses yang selamat dan sama rata kepada tanah, sumber produktif lain dan input, pengetahuan, perkhidmatan kewangan, pasaran, dan peluang untuk menambah nilai dan pekerjaan bukan ladang.
>
> **Sasaran 15.1:** Menjelang 2020, pastikan pemuliharaan, pemulihan dan penggunaan mampan ekosistem air tawar daratan dan pedalaman serta perkhidmatannya, khususnya hutan, tanah lembap, gunung dan tanah kering, selaras dengan kewajipan di bawah perjanjian antarabangsa.
>
> **Sasaran 15.2:** Menjelang 2020, menggalakkan pelaksanaan pengurusan lestari semua jenis hutan, menghentikan penebangan hutan, memulihkan hutan yang rosak dan meningkatkan penghutanan dan penghutanan semula dengan ketara secara global.

DUN Teluk Bahang pula merupakan destinasi utama pelancongan ekologi di Pulau Pinang, dengan tarikan alam semulajadi seperti Taman Negara Pulau Pinang dan Pantai Kerachut. Di samping itu, kawasan ini turut menempatkan komuniti nelayan tradisional yang masih aktif menjalankan aktiviti perikanan. Dalam konteks Matlamat Pembangunan Mampan, Teluk Bahang berkait rapat dengan SDG 14 iaitu Kehidupan Dalam Air, khususnya dalam usaha melindungi dan menguruskan ekosistem laut secara mampan. Kawasan ini juga menyumbang kepada pencapaian SDG 12 iaitu Penggunaan dan Pengeluaran yang Bertanggungjawab, terutamanya dalam aspek pembangunan dan pelaksanaan dasar pelancongan mampan yang memelihara alam sekitar. Hal ini bertepatan dengan:

Sasaran 14.2: Menjelang 2020, urus dan lindungi ekosistem marin dan pantai secara mampan untuk mengelakkan kesan buruk yang ketara, termasuk dengan mengukuhkan daya tahan mereka, dan mengambil tindakan untuk pemulihannya bagi mencapai lautan yang sihat dan produktif.

Sasaran 12.b : Membangun dan melaksanakan alat untuk memantau impak pembangunan mampan dalam pelancongan mampan yang mewujudkan pekerjaan dan mempromosikan budaya dan produk tempatan.

Parlimen Balik Pulau, yang terletak di barat daya Pulau Pinang, Malaysia, merupakan sebuah kawasan yang kaya dengan potensi agro-pelancongan dan ekopelancongan. Dikenali sebagai "kawasan hijau" Pulau Pinang, Balik Pulau menawarkan gabungan unik antara pertanian subur dan keindahan alam semula jadi yang menarik. Keistimewaan ini menjadikannya destinasi pelancongan yang berpotensi tinggi untuk dibangunkan secara mampan.

Agro-pelancongan telah menjadi salah satu fokus utama di Balik Pulau, terutamanya dalam sektor pengeluaran buah-buahan tropika seperti durian. Durian *Musang King* dari kawasan ini telah mula dieksport ke pasaran antarabangsa seperti China dan Hong Kong, menarik minat pelancong untuk melawat dusun-dusun durian semasa musim buah[14]. Selain itu, Comfort Organic Farm menawarkan pengalaman langsung mengenai pertanian organik, di mana pelancong boleh mempelajari kaedah pertanian mampan dan menikmati hasil organik yang segar[15]. Ladang kambing tenusu Saanen juga menjadi tarikan unik, dengan peluang untuk berinteraksi dengan kambing dan mencuba produk tenusu seperti ais krim dan yogurt.

Dari segi ekopelancongan, Balik Pulau menawarkan destinasi alam semula jadi yang menarik seperti Taman Negara Pulau Pinang, yang terkenal dengan aktiviti mendaki, menjelajah hutan, dan menikmati keindahan pantai seperti Pantai Kerachut[16]. Kawasan hutan paya bakau juga penting untuk ekosistem marin dan pencegahan hakisan pantai, menjadikannya lokasi yang sesuai untuk aktiviti pemuliharaan dan lawatan berasaskan alam[17].

[14] Jabatan Pertanian Malaysia, "Eksport Durian Musang King dari Balik Pulau," diakses pada 23 Mac 2025, www.doa.gov.my.
[15] Comfort Organic Farm, "Pengalaman Pelancongan Mampan," diakses pada 23 Mac 2025, www.comfortorganicfarm.com.
[16] Ladang Kambing Tenusu Saanen, "Pengalaman Interaksi dengan Kambing dan Produk Tenusu," diakses pada 23 Mac 2025, www.saanendairyfarm.com.
[17] Taman Negara Pulau Pinang, "Aktiviti Ekopelancongan," diakses pada 23 Mac 2025, www.penangnationalpark.gov.my.

Untuk memaksimumkan potensi ini, beberapa strategi pembangunan mampan boleh dilaksanakan. Pertama, pembangunan infrastruktur seperti hospital swasta dan kemudahan pelancongan perlu dipertingkatkan untuk meningkatkan aksesibiliti dan kualiti hidup penduduk tempatan[18]. Kedua, kerjasama antara kerajaan, sektor swasta, dan komuniti tempatan adalah penting untuk memastikan pembangunan yang seimbang dan mampan [19] . Ketiga, program pendidikan dan kesedaran tentang kepentingan pemeliharaan alam sekitar dan pertanian mampan perlu dilaksanakan untuk melibatkan komuniti tempatan dan pelancong[20].

Secara keseluruhan, Balik Pulau mempunyai potensi besar untuk menjadi destinasi agro dan ekopelancongan yang unik dan mampan. Dengan gabungan kekuatan sektor pertanian, keindahan alam semula jadi, dan sokongan kerajaan, kawasan ini boleh menarik lebih banyak pelancong sambil memastikan pemeliharaan alam sekitar dan kesejahteraan komuniti tempatan.

2.0 METODOLOGI PENYELIDIKAN

2.1 Pendekatan Kajian

Data ini dikumpulkan melalui kaedah lapangan dan perbincangan kumpulan fokus bersama kumpulan sasaran di peringkat komuniti. Kaedah pengumpulan data dimulakan dengan mesyuarat awalan bersama Ahli Parlimen Balik Pulau pada 15 Januari 2025 di Mycreative Ventures, Surian Tower. Sesi ini dihadiri oleh YB Ahli Parlimen Balik Pulau, YB Dato' Muhammad Bakhtiar Wan Chik dan pihak APPGM-SDG diwakili oleh Puan Nurul Syaza Mazelan dan Cik Siti Noraiysah.Tujuan perbincangan ini dilakukan adalah untuk berkongsi gerak kerja APPGM-SDG dalam konteks kajian pemetaan isu di Parlimen Balik Pulau serta mendapatkan persetujuan kerjasama daripada Ahli Parlimen dalam gerak kerja ini. Selain itu, dalam perbincangan ini juga pihak Ahli Parlimen berkongsi isu-isu awalan di kawasan kajian dan cadangan kumpulan komuniti yang akan difokuskan.

Satu Mesyuarat Pemprofilan Penempatan *(Profiling)* telah dilakukan secara bersemuka di Pusat Khidmat Ahli Parlimen Balik Pulau pada 27 Januari 2025 bersama dengan pegawai-pegawai dari Pusat Khidmat tersebut. Sesi ini bertujuan untuk mendapatkan profil parlimen dan mengenal pasti isu-isu terdesak serta kumpulan sasaran bagi kajian pemetaan isu di kawasan parlimen tersebut. Aturcara tentatif bagi lawatan tapak *(site visit)* juga telah dibincangkan semasa sesi mesyuarat ini berlangsung.

[18] World Wildlife Fund (WWF) Malaysia, "Pemeliharaan Hutan Paya Bakau," diakses pada 23 Mac 2025, www.wwf.org.my.
[19] Portal Rasmi Kerajaan Negeri Pulau Pinang, "Pembangunan Infrastruktur di Balik Pulau,
[20] Laporan Tempatan Akhbar Berita Harian, "Program Pendidikan dan Kesedaran Alam Sekitar di Balik Pulau," 15 Februari 2025

Sesi pra-lawatan (*pre-visit*) juga telah dilakukan pada 27 Januari 2025 bersama Tuan Pegawai Daerah Barat Daya, Tuan Mohd Hafiz Aswad Bin Nadzri yang berlangsung di Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya. Sesi ini dihadiri oleh wakil APPGM-SDG, Dr. Teo Lee Ken, Dr. Thanaraj Murudi, Siti Noraiysah dan Darshini Rawichandran. Turut hadir dalam sesi ini ialah Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan Masyarakat), Pn. Fariza dan empat orang penghulu. Tujuan utama sesi pra-lawatan ini adalah untuk memberi gambaran awal kepada Pegawai Daerah tentang gerak kerja APPGM-SDG dan memberi makluman berkenaan lawatan tapak tiga hari yang akan dijalankan di Parlimen Balik Pulau. Menerusi sesi pra lawatan tersebut, tumpuan perbincangan telah menfokuskan kepada pelbagai isu yang berkaitan dengan pembangunan ekonomi sosial dan pemeliharaan alam sekitar di kawasan setempat.

Sesi lawatan tapak telah dijalankan selama tiga hari bermula dari 22 hingga 24 Februari 2025. Teknik yang telah digunakan adalah melalui Perbincangan Kumpulan Berfokus atau *Focus Group Discussion* (FGD) secara bersemuka. Sesi perbincangan ini telah dijalankan oleh kumpulan penyelidik yang terdiri daripada:

1. Siti Noraiysah Rohim : Ketua Penyelidik
2. Prof Datuk Dr. Denison Jayasooria : Ketua Sekretariat APPGM-SDG
3. Zoel Ng : Pengarah Jabatan Komunikasi Korporat
4. Darshini Rawichandran : Pembantu Penyelidik
5. Prathina Saravanamuthu : Pembantu Penyelidik

Perbincangan ini melibatkan beberapa lokasi dengan komuniti dan isu yang berbeza selaras untuk mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG). Terdapat sembilan kumpulan komuniti utama dengan lapan sesi dialog, satu sesi temubual secara mendalam dan lapan sesi lawatan dijalankan (rujuk Jadual 2) . Dalam kebanyakan sesi FGD, gambar-gambar yang diambil adalah dengan persetujuan oleh pihak komuniti dan peserta yang terlibat dan perbincangan telah direkodkan setelah mendapatkan kebenaran dari peserta.

Jadual 2. Tentatif Ringkas Lawatan Tapak Parlimen Balik Pulau

TARIKH	PERKARA
22 Februari 2025, Sabtu	• Dialog Bersama Komuniti Penternak • Lawatan Tapak ke Kolam Ternakan Ikan Keli, Kampung Bagan Air Hitam • Lawatan Tapak ke Kawasan Ternakan di Kampung Sungai Burung

TARIKH	PERKARA
	• Lawatan Tapak berkenaan dengan Penglibatan Warga Asing dalam Pertanian dan Penternakan • Dialog Bersama Komuniti Nelayan Pantai • Dialog Bersama Komuniti Belia
23 Februari 2025, Ahad	• Dialog Bersama Komuniti Petani Balik Pulau • Lawatan Tapak ke Bagan Teluk Kumbar • Dialog Bersama Komuniti Usahawan • Lawatan Tapak ke Peladang Outlet PPK Sri Pulau • Dialog Bersama Komuniti Pelancongan • Lawatan Tapak ke Audi Dream Farm • Dialog Bersama Komuniti Sukarelawan Wanita
24 Februari 2025, Isnin	• Lawatan Tapak ke *Chin Hwa Chinese Primary School* • Dialog Bersama Komuniti Warga Emas • Temubual Mendalam Bersama Komuniti Orang Kurang Upaya • Lawatan Tapak ke Kampung Perlis
13 Mac 2025, Khamis	• Sesi Dialog antara Agensi bersama Pejabat Daerah dan Tanah Barat Daya

Satu sesi dialog antara agensi telah dijalankan pada 13 Mac 2025 di Pejabat Daerah dan Tanah Barat Daya. Sesi dialog ini dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Rosli Bin Halim selaku Pegawai Daerah, Pejabat Daerah Dan Tanah Barat Daya. Sesi dialog ini bertujuan untuk mendapatkan maklum balas pejabat daerah dan juga agensi-agensi kerajaan berkenaan isu-isu yang telah dikenal pasti dan dicatatkan oleh pasukan penyelidik. Wakil APPGM-SDG yang hadir bagi sesi dialog ini adalah Siti Noraiysah Rohim, Dr Thanaraj Murudi dan Darshini.

2.2 Langkah Etika Semasa Kajian Lapangan

Terdapat beberapa perkara yang diberi keutamaan dari segi etika sepanjang kajian lapangan. Ketua Penyelidik akan memberikan ucapan alu-aluan dan memaklumkan bahawa kajian pemetaan isu ini adalah bersifat kualitatif sebelum sesi perbincangan dalam kumpulan dimulakan. Ketua Penyelidik turut mendapatkan persetujuan daripada para peserta terlebih dahulu untuk merekodkan suara, video dan gambar. Sekiranya, peserta FGD tidak bersetuju dengan rakaman atau pengambilan gambar, maklumat dan ahan tersebut tidak akan digunakan dalam laporan atau dikongsikan di mana-mana medium. Namun begitu, bagi kajian pemetaan isu di Parlimen Balik Pulau tiada halangan yang berlaku berkenaan pengambilan video, gambar dan audio.

2.3 Kekangan Lawatan Kajian Lapangan

Semasa lawatan tapak, beberapa kekangan telah dikenal pasti yang menjejaskan kelancaran sesi perbincangan. **Pertama**, bilangan peserta yang tidak memberangsangkan menjadi cabaran utama. Sebagai contoh, sesi FGD bersama nelayan laut dan belia hanya dihadiri kurang daripada 10 orang peserta, menyebabkan perbincangan kurang berkesan dan tidak mewakili pandangan majoriti kumpulan sasaran. Kekurangan penyertaan ini menyukarkan penyelidik mendapatkan maklumat yang menyeluruh dan mendalam mengenai isu yang dibincangkan.

Kedua, perubahan masa dan kelewatan peserta yang hadir turut menjejaskan perjalanan sesi. Misalnya, dalam sesi FGD bersama belia, para penyelidik terpaksa menunggu hampir satu jam sebelum sesi dapat dimulakan. Kekangan berupa perubahan masa dan kelewatan kehadiran peserta telah mempengaruhi pematuhan garis masa sesi. Walau bagaimanapun, melalui langkah mitigasi penjadualan semula dan pengimbangan jantina dalam kalangan peserta, sesi berjalan tuntas dengan keluaran data yang lebih bernuansa dari sudut lelaki dan perempuan.

Ketiga, kumpulan sasaran yang tidak bersesuaian turut memberi kesan terhadap keberkesanan perbincangan. Contohnya, dalam sesi bersama komuniti eko pelancongan, kehadiran kumpulan *"pressure group"* menyebabkan intipati perbincangan menyimpang daripada topik asal. Kehadiran mereka menjadikan perbincangan lebih tertumpu kepada isu-isu tertentu yang mungkin tidak selari dengan objektif kajian, sekaligus menyukarkan penyelidik untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan.

2.4 Keterbatasan Kajian

Keterbatasan masa menjadi salah satu cabaran dalam sesi *Focus Group Discussion* (FGD) di Parlimen Balik Pulau, yang hanya berlangsung selama 1 jam 30 minit hingga 2 jam. Kekangan ini menyebabkan maklumat yang diperoleh tidak cukup mendalam, terutama dalam memahami isu-isu kompleks yang dihadapi oleh komuniti setempat. Sebagai contoh, dalam sesi FGD bersama nelayan di Balik Pulau, perbincangan lebih tertumpu kepada cabaran utama seperti penurunan hasil tangkapan dan persaingan dengan nelayan pukat tunda. Namun, disebabkan had masa, aspek lain seperti keberkesanan bantuan kerajaan atau strategi jangka panjang untuk kelangsungan ekonomi nelayan tidak dapat dibincangkan secara terperinci.

Selain keterbatasan masa, **saiz penyertaan FGD yang rendah** di Parlimen Balik Pulau turut menjadi cabaran utama. Sebagai ilustrasi, dalam sesi FGD bersama nelayan, kehadiran peserta adalah kurang daripada 10 peserta walaupun komuniti sebenar adalah jauh lebih besar. Justeru, keterwakilan pandangan adalah terbatas dan dapatan berisiko lebih mencerminkan pengalaman individu tertentu berbanding kepelbagaian

realiti komuniti. Batasan ini diakui dan hendaklah diambil kira dalam penafsiran hasil kajian.

Akhir sekali, para penyelidik berdepan **kesukaran mendapatkan maklum balas menyeluruh** berkenaan isu pelancongan. Sepanjang lawatan tapak di Parlimen Balik Pulau, isu pelancongan yang memfokuskan keperluan promosi didapati masih belum memadai. Ketidakhadiran agensi berkaitan seperti *Tourism Malaysia* turut mengehadkan input khusus terhadap isu tersebut.

3.0 RANGKUMAN ISU RENTAS SDG

Berikut adalah enam isu utama yang dikenal pasti sebagai keutamaan dan memerlukan perhatian segera. Isu-isu ini dipilih kerana impaknya yang besar terhadap kesejahteraan penduduk dan kaitannya dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG):

Jadual 3. Rangkuman Isu Rentas SDG

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
1.	Cabaran kestabilan ekonomi dan peningkatan kos sara hidup	Di Parlimen Balik Pulau, penternak menanggung lonjakan kos susulan kenaikan harga makanan ternakan dan diesel serta persaingan daging import. Tambahan, usahawan kecil pula berdepan bahan mentah yang semakin mahal hingga margin mengecil dan operasi menyusut. Nelayan kehilangan kestabilan pendapatan apabila musim, tambakan laut dan pencemaran menurunkan hasil tangkapan; namun harga jualan tidak meningkat seiring, lantas kos sara hidup	Sosial Ekonomi	Komuniti penternak, Komuniti nelayan (Unit Nelayan Kuala Jalan Baru), Belia, Komuniti usahawan	Parlimen Balik Pulau	**SDG 1 : Tiada Kemiskinan** ***Sasaran 1.2*** - Menjelang 2030, kurangkan sekurang-kurangnya separuh bahagian lelaki, wanita dan kanak-kanak dari semua peringkat umur yang hidup dalam kemiskinan dalam semua dimensinya mengikut definisi nasional. ***Sasaran 1.4*** - Menjelang 2030, pastikan semua lelaki dan wanita, khususnya golongan miskin dan rentan, mempunyai hak yang sama kepada sumber ekonomi, serta akses kepada perkhidmatan asas, pemilikan dan kawalan ke atas tanah dan bentuk hartanah lain, pusaka, sumber asli, teknologi

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		terus menekan isi rumah. Dalam pasaran kerja, peluang terhad memaksa graduan menerima gaji rendah, sementara pekerja tempatan bersaing dengan pekerja asing sehingga pengangguran meningkat. Pada masa yang sama, proses permohonan modal yang rumit dan syarat ketat menyukarkan peniaga kecil mendapatkan pembiayaan, justeru pertumbuhan perniagaan terbantut.				baharu dan perkhidmatan kewangan yang sesuai, termasuk kewangan mikro. **SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi** ***Sasaran 8.3*** - Menggalakkan dasar berorientasikan pembangunan yang menyokong aktiviti produktif, penciptaan pekerjaan yang baik, keusahawanan, kreativiti dan inovasi. ***Sasaran 8.5*** - Menjelang 2030, capai pekerjaan penuh dan produktif serta kerja yang layak untuk semua wanita dan lelaki, termasuk untuk golongan muda dan orang kelainan upaya, dan gaji sama rata bagi kerja yang sama nilai. ***Sasaran 8.6*** - Menjelang 2020, mengurangkan dengan ketara

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						bahagian belia yang tidak dalam pekerjaan, pendidikan atau latihan. **SDG 10: Mengurangkan Ketidaksamaan** ***Sasaran 10.2*** - Menjelang 2030, memperkasa dan menggalakkan kemasukan sosial, ekonomi dan politik semua, tanpa mengira umur, jantina, kelainan upaya, bangsa, etnik, asal usul, agama atau status ekonomi atau lain-lain. ***Sasaran 10.4*** - Mengguna pakai dasar, terutamanya dasar fiskal, gaji dan perlindungan sosial, dan secara progresif mencapai kesaksamaan yang lebih besar.
2.	Kerapuhan jaringan perlindungan sosial di	Dalam ekosistem perlindungan sosial setempat, subsidi dan bantuan kerajaan kekal tidak memadai, termasuk subsidi	Sosial Ekonomi	Komuniti petani, Komuniti penternak,	Parlimen Balik Pulau Pusat Harian	**SDG 1 : Tiada Kemiskinan** ***Sasaran 1.4*** - Menjelang 2030, pastikan semua lelaki dan wanita, khususnya golongan miskin dan rentan, mempunyai hak yang sama

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
	peringkat akar umbi	diesel yang gagal menampung keperluan sebenar golongan sasar di Parlimen Balik Pulau. Warga emas kerap tercicir apabila permohonan ditolak atas anggapan "anak sebagai penyokong" tanpa penilaian sosioekonomi yang teliti. Ibu tunggal berdepan halangan berlapis terutamanya akses terhad kepada bantuan kewangan dan peluang kerja yang setara, seterusnya menjejaskan kestabilan isi rumah. Golongan OKU masih tidak menerima sokongan menyeluruh, khususnya dari segi penempatan kerja bermaruah dan bantuan pendapatan yang konsisten. Pada masa yang sama,		Komuniti usahawan, Warga emas, Ibu tunggal, Komuniti OKU	Harapan Bakti	kepada sumber ekonomi, serta akses kepada perkhidmatan asas, pemilikan dan kawalan ke atas tanah dan bentuk hartanah lain, pusaka, sumber asli, teknologi baharu dan perkhidmatan kewangan yang sesuai, termasuk kewangan mikro. **SDG 5 : Kesaksamaan Gender** ***Sasaran 5.4*** – Mengiktiraf dan menghargai penjagaan tanpa gaji dan kerja domestik melalui penyediaan perkhidmatan awam, infrastruktur dan dasar perlindungan sosial dan promosi tanggungjawab bersama dalam rumah tangga dan keluarga mengikut kesesuaian negara ***Sasaran 5.5*** - Memastikan penyertaan penuh dan berkesan wanita serta peluang yang sama

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		saluran permohonan dalam talian tidak mesra pengguna, menutup akses warga emas dan pemohon berkeperluan khas. Kumulatifnya, reka bentuk bantuan yang tidak peka realiti lapangan, kriteria kelayakan yang sempit, dan halangan digital melemahkan keberkesanan jaringan perlindungan sosial.				untuk kepimpinan di semua peringkat membuat keputusan dalam politik, ekonomi dan kehidupan awam. **SDG 10: Mengurangkan Ketidaksamaan** ***Sasaran 10.2*** - Menjelang 2030, memperkasa dan menggalakkan kemasukan sosial, ekonomi dan politik semua, tanpa mengira umur, jantina, kelainan upaya, bangsa, etnik, asal usul, agama atau status ekonomi atau lain-lain.
3.	Kerapuhan infrastruktur dan sistem sokongan sosial di balik pulau	Di Parlimen Balik Pulau, kegagalan penyelenggaraan jalan raya mengakibatkan kerosakan fizikal berpanjangan. Tambahan, kekurangan papan tanda promosi menurunkan keterlihatan Balik Pulau sebagai destinasi	Sosial	Komuniti penternak, Warga emas, Wanita, Ibu tunggal, Komuniti Pelancongan	Parlimen Balik Pulau	**SDG 9 : Industri, Inovasi dan Infrastruktur** ***Sasaran 9.1*** - Membangunkan infrastruktur yang berkualiti, boleh dipercayai, mampan dan berdaya tahan, termasuk infrastruktur serantau dan rentas sempadan, untuk menyokong pembangunan ekonomi dan kesejahteraan

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		pelancongan. Selain itu, pengangkutan awam kekal terhad, sekali gus menyempitkan mobiliti harian penduduk dan meningkatkan kebergantungan kepada kenderaan persendirian. Dalam masa yang sama, perkhidmatan kesihatan awam tidak memadai, menyebabkan masa menunggu yang panjang, akses yang membebankan warga emas, dan kapasiti yang gagal menampung permintaan. Dari sisi perlindungan sosial, rumah perlindungan untuk mangsa keganasan rumah tangga masih tidak mencukupi, sekali gus melambatkan				manusia, dengan tumpuan pada akses yang berpatutan dan adil untuk semua. ***Sasaran 9.3*** - Meningkatkan akses perindustrian berskala kecil dan perusahaan lain, khususnya di negara membangun, kepada perkhidmatan kewangan termasuk kredit mampu milik dan penyepaduan mereka ke dalam rantaian nilai dan pasaran. **SDG 11 : Bandar dan Komuniti Mampan** ***Sasaran 11.2*** - Menjelang 2030, sediakan akses kepada sistem pengangkutan yang selamat, mampu milik, mudah diakses dan mampan untuk semua, meningkatkan keselamatan jalan raya, terutamanya dengan meluaskan pengangkutan awam,

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		akses mangsa kepada perlindungan serta-merta.				dengan perhatian khusus kepada keperluan mereka yang berada dalam situasi terdedah, wanita, kanak-kanak, orang kelainan upaya dan orang tua. ***Sasaran 11.6*** - Menjelang 2030, kurangkan kesan buruk terhadap alam sekitar di petempatan per kapita, termasuk dengan memberi perhatian khusus kepada kualiti udara dan pengurusan sisa perbandaran dan lain-lain.
4.	Kerosakan ekosistem dan kemerosotan produktiviti pertanian	Aktiviti tambakan serta akuakultur yang intensif mencemarkan perairan, merosakkan ekosistem marin dan mengurangkan hasil tangkapan, lalu menekan pendapatan nelayan. Sebahagian petani sawah pula meninggalkan tanah pertanian,	Alam Sekitar Ekonomi	Komuniti nelayan, Komuniti petani (pesawah padi)	Parlimen Balik Pulau	**SDG 13 : Tindakan Iklim** ***Sasaran 13.1*** – Kuatkan daya tahan dan kapasiti penyesuaian kepada bahaya berkaitan iklim dan bencana alam di semua negara. **SDG 14 : Kehidupan di Air** ***Sasaran 14.1-*** Menjelang 2025, mencegah dan mengurangkan dengan ketara semua jenis

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		menyebabkan kawasan tersebut terdedah kepada serangan perosak berulang dan produktiviti merosot. Pada masa yang sama, kegagalan menyelenggara dan menaik taraf sistem perparitan seperti parit tersumbat, reka bentuk tidak memadai, penyelenggaraan lemah turut mencetuskan banjir kilat. Kemerosotan kualiti tanah pula menuntut intervensi pemulihan, termasuk pengapuran berjadual serta pengurusan kesuburan yang lebih seimbang.				pencemaran marin, khususnya daripada aktiviti berasaskan darat, termasuk serpihan marin dan pencemaran nutrien. ***Sasaran 14.4***- Menjelang 2020, mengawal selia secara berkesan penuaian dan menamatkan penangkapan ikan berlebihan, penangkapan ikan yang menyalahi undang-undang, tidak dilaporkan dan tidak terkawal serta amalan penangkapan ikan yang merosakkan, dan melaksanakan pelan pengurusan berasaskan sains, untuk memulihkan stok ikan sesingkat mungkin, pada sekurang-kurangnya ke tahap yang boleh menghasilkan hasil mampan maksimum seperti yang ditentukan oleh ciri biologinya.

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						SDG 15: Kehidupan di Darat ***Sasaran 15.2***- Menjelang 2020, menggalakkan pelaksanaan pengurusan lestari semua jenis hutan, menghentikan penebangan hutan, memulihkan hutan yang rosak dan meningkatkan penghutanan dan penghutanan semula dengan ketara secara global. ***Sasaran 15.3***- Menjelang 2030, memerangi penggurunan, memulihkan tanah dan tanah yang terdegradasi, termasuk tanah yang terjejas oleh penggurunan, kemarau dan banjir, dan berusaha untuk mencapai dunia yang neutral degradasi tanah.
5.	Cabaran sosial dan kesejahteraan	Gejala sosial kian meningkat di Balik Pulau termasuklah aktiviti lumba haram, penagihan dadah,	Sosial	Belia, Warga emas,	Parlimen Balik Pulau	**SDG 3 : Kesihatan dan Kesejahteraan** ***Sasaran 3.4***- Menjelang 2030, kurangkan sebanyak satu pertiga

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
	komuniti terpinggir	penyalahgunaan ketum serta penipuan digital oleh *scammer* yang menjejaskan keselamatan komuniti dan kesejahteraan isi rumah. Seterusnya, warga emas berdepan kemurungan dan pengabaian. Di samping itu, penyertaan wanita dalam kepimpinan kekal rendah, lalu mengehadkan representasi dan pengaruh mereka dalam proses membuat keputusan. Pada masa yang sama, OKU terus berdepan stigma dan kekurangan peluang kerja bermaruah, sekali gus menghadkan penyertaan ekonomi. Akhirnya, kekurangan pusat jagaan mampu milik untuk ibu tunggal dan kanak-kanak		Komuniti OKU, Ibu tunggal		kematian pramatang daripada penyakit tidak berjangkit melalui pencegahan dan rawatan serta menggalakkan kesihatan mental dan kesejahteraan. ***Sasaran 3.5*** - Kuatkan pencegahan dan rawatan penyalahgunaan bahan, termasuk penyalahgunaan dadah narkotik dan penggunaan alkohol yang berbahaya. **SDG 16 : Keamanan dan Keadilan** ***Sasaran 16.1*** - Mengurangkan dengan ketara semua bentuk keganasan dan kadar kematian berkaitan di mana-mana.

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		istimewa mengekang penyertaan kerja dan kestabilan pendapatan.				
6.	Kelemahan pembangunan pelancongan dan sektor pertanian	Tahap mempromosikan durian Balik Pulau masih tidak berkesan dengan penjenamaan yang lemah berbanding Bentong terus merendahkan keterlihatan produk. Malahan, penumpuan pelancongan di Georgetown mengalihkan pelaburan dan aliran pelawat ke pusat bandar, lalu Balik Pulau terpinggir daripada pembangunan. Di samping itu, proses pelesenan *homestay* yang rumit melambatkan kemasukan pemain baharu dan mengehadkan bekalan penginapan berlesen. Pada masa yang sama, kekangan	Sosial Ekonomi	Komuniti petani (pengusaha kebun durian), Komuniti pengusaha eko-pelancongan dan Pengusaha *homestay*	Parlimen Balik Pulau	**SDG 8 : Pekerjaan dan Pertumbuhan Ekonomi** ***Sasaran 8.9 -*** Menjelang 2030, susun dan laksanakan dasar untuk mempromosikan pelancongan mampan yang mencipta pekerjaan dan mempromosikan budaya dan produk tempatan. **SDG 12 : Penggunaan dan Pengeluaran Bertanggungjawab** ***Sasaran 12.2*** - Menjelang 2030, capai pengurusan yang mampan dan penggunaan sumber asli yang cekap. ***Sasaran 12.5*** - Menjelang 2030, mengurangkan penjanaan sisa dengan ketara melalui pencegahan,

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		kewangan dalam pengurusan tapak pelancongan mengekang penyelenggaraan, pemasaran, dan pengayaan produk. Akibatnya, rantaian nilai pelancongan Balik Pulau daripada tarikan durian hingga penginapan komuniti ketinggalan dari segi daya saing serantau.				pengurangan, kitar semula dan penggunaan semula.

4.0 GAMBARAN KESELURUHAN PEMETAAN ISU

4.1 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu

Jadual 4. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 1

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 1: Dialog Bersama Komuniti Penternak **Tarikh:** 22 Februari 2025 **Bilangan peserta:**12 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam satu kumpulan			**Agensi yang memberikan maklum balas:** 1. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang 2. Pegawai Daerah
1.	Peningkatan kos dan ketidaktentuan dalam industri penternakan	Penternak menanggung kenaikan kos makanan ternakan yang berterusan. Harga pelet naik hampir setiap dua bulan sebanyak RM2–RM3. Tambahan, kerajaan mengawal harga daging tetapi tidak mengawal harga makanan, sementara tiada subsidi dan kebergantungan tinggi pada jagung import (~80%) menaikkan lagi kos.	**Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang** – Jawapan bertulis *Kos Operasi Tinggi / Kenaikan Harga Makanan Ternakan / Kenaikan Harga Rumput* Salah satu cabaran kepada penternak ruminan di Malaysia adalah perlu menanggung kos harga dedak komersial yang semakin meningkat. Untuk makluman, hampir 70% kos pengeluaran ternakan adalah merupakan kos makanan ternakan. Harga dedak komersial bagi ternakan ruminan di Malaysia meningkat adalah disebabkan oleh beberapa faktor seperti berikut: • Kos bahan mentah: Dedak komersial seringkali mengandungi campuran bahan-bahan seperti jagung, soya, bijirin, dan
		Kenaikan harga diesel melonjakkan kos logistik penternak di samping kos makanan. Akibatnya, keseluruhan kos operasi meningkat, sama ada penternak menanam sendiri atau membeli makanan.	
		Subsidi yang diterima oleh penternak tidak mencukupi berbanding kos operasi sebenar, menyebabkan beban kewangan yang ketara.	

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			bahan tambahan lain yang perlu diimport. Sebilangan bahan mentah ini mempunyai harga yang tinggi, terutama jika perlu diimport dari negara lain, dan faktor ini turut memberi kesan kepada kos keseluruhan. • Kos pengangkutan dan logistik: Pengangkutan bahan mentah dan produk siap ke ladang-ladang ruminan di pelbagai kawasan mempengaruhi harga dedak. • Kos pengeluaran dan pemprosesan: Dedak komersial memerlukan proses pengeluaran yang teliti. Ia melalui beberapa tahap pemprosesan termasuk penggilingan, pencampuran bahan, dan pengemasan, yang memerlukan tenaga kerja dan teknologi. Kos-kos ini akan ditambahkan ke dalam harga jualan. • Permintaan yang tinggi: Permintaan terhadap dedak komersial di kalangan penternak ruminan boleh mendorong harga dedak meningkat. Selain itu, jika bekalan dedak tidak mencukupi atau jika

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			ada masalah dalam pengeluaran, harga juga boleh meningkat. • Kadar inflasi dan perubahan mata wang: Fluktuasi harga mata wang (seperti nilai Ringgit Malaysia berbanding Dolar AS) boleh mempengaruhi harga bahan mentah yang diimport. Kenaikan harga bahan mentah asing atau kadar inflasi boleh meningkatkan kos pengeluaran dan akhirnya, harga dedak. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang sangat prihatin dan memandang serius mengenai isu makanan ternakan. Jabatan sangat menggalakkan penternak untuk menanam sendiri rumput dengan menyediakan bantuan pakej penanaman rumput homeplot (napier) termasuklah penambakan tanah, pengemburan tanah, pembajaan tanah, penanaman rumput, sistem sprinkler dan pam air serta pemagaran. Mana – mana penternak ruminan yang mempunyai kawasan tanah yang bersesuaian untuk penanaman rumput bolehlah mengisi borang permohonan bantuan yang boleh

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			diperoleh melalui sistem eVetPG Jabatan yang dibuka pada setiap tahun. • Terdapat beberapa alternatif makanan ternakan ruminan yang boleh digunakan sebagai pengganti atau campuran kepada dedak komersial. Penggunaan bahan-bahan ini perlu disesuaikan mengikut keperluan nutrisi ternakan serta ketersediaan bahan-bahan tersebut di kawasan sekitar. Pemilihan makanan yang betul akan memastikan ternakan mendapat sumber makanan yang mencukupi dan seimbang. Berikut adalah beberapa cadangan makanan ternakan ruminan yang lain. • Rumput Napier adalah salah satu makanan ternakan yang mudah ditanam dan mempunyai kandungan serat yang tinggi. Ia boleh memberikan nutrien yang baik untuk ternakan ruminan seperti lembu dan kambing. • Silaj adalah rumput atau tanaman yang ditapai untuk menjadikannya sumber makanan yang lebih tahan lama. Ia boleh

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			dihasilkan daripada rumput, jagung, atau tanaman lain. Silaj adalah pilihan baik untuk menambah sumber makanan pada musim kemarau atau ketika rumput segar tidak mencukupi. • Fodder (Hay) atau jerami kering adalah makanan yang biasa digunakan untuk ternakan ruminan. Ia boleh diperolehi dari rumput, padi, atau tanaman lain yang dikeringkan. • Kacang soya yang telah diproses boleh menjadi sumber protein yang baik untuk ternakan ruminan. Selain itu, kacang soya juga kaya dengan asid amino penting yang diperlukan oleh haiwan. • Tanaman legum seperti kacang hijau, kacang tanah, dan alfalfa adalah sumber protein yang sangat baik untuk ternakan ruminan. Legum juga mengandungi banyak serat dan boleh digunakan untuk menggantikan dedak. • Daun dan batang pisang boleh dijadikan alternatif makanan ruminan kerana mengandungi serat yang baik dan boleh

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			digunakan sebagai pelengkap kepada makanan utama ternakan. • Batang jagung bukan sahaja boleh digunakan untuk penghasilan silaj, tetapi bijinya juga boleh digunakan untuk memberi sumber tenaga kepada ternakan. • Pelepah kelapa sawit boleh digunakan sebagai bahan makanan alternatif kerana ia mengandungi serat yang tinggi. Namun, ia perlu diproses terlebih dahulu dengan cara memotong supaya lebih mudah dicerna oleh ternakan. • Tebu adalah sumber makanan alternatif yang kaya dengan gula dan tenaga. Ia boleh digunakan untuk memberi tenaga tambahan kepada ternakan, terutama dalam musim kering. • Buah-buahan dan sayur-sayuran tidak boleh dimakan oleh manusia, seperti kulit pisang, kelapa dan sebagainya boleh digunakan untuk memberi tenaga tambahan kepada ternakan ruminan. Begitu juga dengan sisa sayur-sayuran.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			• Sisa Makanan terutamanya dari industri makanan, boleh dimanfaatkan sebagai makanan ternakan ruminan jika diproses dengan betul.
		Penternak bergantung pada lonjakan permintaan semasa musim Raya Korban untuk menampung kos, sebaliknya di luar musim, jualan merosot hingga operasi terasa "teruk".	**Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang** – Jawapan bertulis Penternak perlu mengenalpasti keupayaan pemasaran berdasarkan permintaan kawasan setempat serta keperluan tempatan. Kapasiti penternakan perlu disesuaikan dengan permintaan tersebut. Penternak boleh berurusan dengan agensi berkaitan pemasaran seperti FAMA untuk memperluaskan potensi pemasaran memandangkan FAMA telah memperluaskan skop bidang pemasaran yang dilaksanakan oleh agensi berkenaan. Selain itu, Jabatan menggalakkan penternak untuk melihat potensi industri hiliran yang boleh diceburi bagi menyediakan kepelbagaian produk yang dapat ditawarkan kepada pengguna.
		Penurunan harga daging sehingga RM20–RM25/kg, menyebabkan penternak menanggung kos input yang mahal sementara harga jualan merosot.	**Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang** – Jawapan bertulis

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			Dimaklumkan bahawa terdapat lambakan ternakan di Thailand kerana kekurangan permintaan pada bahagian Selatan dan tawaran diberikan kepada sebelah Utara (Malaysia). Kes penyeludupan ternakan ruminan dari Negara Thailand ke dalam Negara Malaysia memberi kesan yang sangat negatif kepada penternak tempatan, menimbulkan persaingan yang tidak sihat, merugikan ekonomi serta merosakkan industri ternakan tempatan selain membawa risiko besar terhadap kesihatan awam dan keselamatan makanan. Dengan itu, sempadan negara hendaklah dikawal dengan ketat agar penyeludupan ini dapat ditumpaskan (bidang kuasa Agensi Kawalan Sempadan Malaysia / MAQIS). Hal ini memberi tekanan kepada penternak dari segi harga, kerana ternakan yang diseludup dijual pada harga yang lebih rendah iaitu sekitar RM20.00 – RM25.00 sekilogram berbanding harga pasaran tempatan semasa sekitar RM40.00 – RM45.00 sekilogram. Sekiranya kemasukan dengan prosedur yang betul, penjualan dengan

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			harga murah tersebut dilakukan oleh kebanyakannya trader yang membawa masuk sendiri ternakan daripada Negara Thailand dan terus disembelih dan dijual. Kebanyakan penternak / penjual daging merupakan pihak ketiga yang mendapatkan bekalan ternakan daripada trader. Oleh sebab harga yang diperolehi rendah, maka ditawarkan harga runcit juga rendah. Kawalan harga dilaksanakan oleh KPDNHEP namun tertakluk kepada harga maksimum musim perayaan sahaja dalam tempoh masa tertentu (7-14 hari). Sekiranya penjual menawarkan harga yang rendah daripada kawalan harga maksimum, maka tidak ada perundangan yang boleh menghalang perkara tersebut. Pihak Jabatan sentiasa mengesyorkan harga kawalan yang ingin ditetapkan mengikut kos operasi semasa yang ditanggung oleh penternak dan tidak dipengaruhi oleh situasi semasa.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
2.	Kekurangan subsidi dan kos diesel yang tinggi	Subsidi diesel RM200 sebulan gagal menampung realiti kos penternak yang menanggung perbelanjaan operasi melebihi RM1,000 setiap bulan, terutama selepas subsidi diesel dihentikan. Peralatan dan kenderaan bergantung kepada diesel, manakala penggunaan naik turun mengikut skala ternakan dan cuaca. Akibatnya, jurang antara bantuan dan kos sebenar terus melebar, menekan kelangsungan operasi penternak. Pemberian subsidi diesel tidak menyeluruh, malahan permohonan khusus seperti untuk lori turut ditolak	**Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang** – Jawapan bertulis *Subsidi Tidak Mencukupi / Kebergantungan Kepada Diesel Dalam Operasi* • Penternak yang ingin memohon mendapatkan bantuan subsidi diesel hendaklah ke Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah yang berdekatan bagi melaksanakan pendaftaran Budi Agri Komoditi kerana penternak perlu mendapat pengesahan daripada Jabatan sebelum pengesahan di dalam sistem. • Pemberian kuota diesel sebenarnya mengikut kenderaan yang berdaftar di atas nama syarikat. Sekiranya dapat dibuktikan syarikat tersebut mempunyai banyak aset yang menggunakan diesel untuk beroperasi, maka dipertimbangkan mengikut keperluan tersebut. Sekiranya kelulusan yang diberikan masih belum mencukupi, kebiasaan pemohon akan mengemukakan permohonan rayuan bagi pertambahan kuota diesel mengikut

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			operasi sebenar yang akan disahkan oleh agensi berkaitan. • Sekiranya penternak berdaftar secara individu, maka kouta diesel yang diberikan berdasarkan penggunaan individu seperti pemilik kenderaan diesel yang lain.
3.	Persaingan daging import dan kualiti daging	Penternak tempatan berdepan persaingan harga dengan daging import yang lebih murah. walaupun kualiti daging import kurang memuaskan.	**Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang** – Jawapan bertulis • Permohonan kemasukan ternakan import / daging import diuruskan oleh MAQIS. Penternak harus bersaing secara sihat dalam memenuhi permintaan pasaran. Pihak Kerajaan tidak mempunyai hak untuk menyekat kebebasan perniagaan dan pihak penternak seharusnya berdaya saing dalam pasaran terbuka ini dengan memperbanyakkan jualan pada waktu lain dan tidak tertumpu kepada tujuan korban sahaja. • Pihak Jabatan terbuka untuk menyediakan program latihan pengurusan, pemasaran dan rancangan perniagaan kepada penternak sekiranya berkeperluan bagi merancang perniagaan dengan lebih baik

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			dan meneroka bidang pasaran yang lebih luas. • Penerokaan sektor Industri Asas Ternakan (IATn) juga adalah digalakkan memandangkan kekangan serta persaingan guna tanah menjadi penghalang utama bagi sektor penternakan di Negeri ini. Peluang Pulau Pinang sebagai Negeri yang mempunyai hub dan jaringan pengangkutan yang menyeluruh seperti pengangkutan darat, laut dan udara perlu dimanfaatkan sepenuhnya bagi meneroka industri hiliran yang jauh bernilai tinggi. Banyak agensi Kerajaan yang menawarkan perkhidmatan nasihat dan bimbingan serta geran sokongan bagi mereka yang menceburi bidang IATn termasuklah Pihak JPV.
		Kualiti daging import menjadi keraguan apabila tahap keselamatan dan kandungan residu antibiotik tidak dapat dipastikan secara telus	**Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang** – Jawapan bertulis Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) serta Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) sentiasa mengawasi dan mengawal kemasukan produk haiwan dari luar negara.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			Sebelum kebenaran import dikeluarkan, beberapa langkah penting telah diambil: • Pematuhan kepada Syarat Import: Pengimport perlu memastikan bahawa daging yang akan diimport memenuhi syarat-syarat kesihatan yang ditetapkan oleh Malaysia. Ini termasuk memastikan bahawa produk daging bebas daripada penyakit berbahaya seperti Foot-and-Mouth Disease (FMD), dan negara pengeluar harus memenuhi standard keselamatan makanan yang ditetapkan. • Pemeriksaan di Loji Pemprosesan: Sebelum kebenaran import diberikan, auditor yang dilantik oleh pihak berkuasa Malaysia akan membuat pemeriksaan menyeluruh di loji pemprosesan di negara pengeluar. Pemeriksaan ini bertujuan untuk memastikan bahawa loji pemprosesan mematuhi semua piawaian kebersihan dan keselamatan yang ditetapkan. • Pengeluaran Sijil Kesihatan: Negara pengeluar akan mengeluarkan sijil kesihatan untuk produk daging tersebut.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			Sijil ini diperlukan bagi memastikan produk tersebut bebas daripada penyakit dan selamat untuk dimakan. • Pemeriksaan di Pintu Masuk: Setelah daging tiba di Malaysia, pihak Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) akan memeriksa setiap penghantaran untuk memastikan bahawa produk yang dibawa masuk adalah sah dan mematuhi segala peraturan. Jika daging tersebut tidak memenuhi syarat, ia akan ditolak atau dimusnahkan. Dengan langkah-langkah ketat ini, Malaysia berusaha memastikan bahawa hanya daging yang selamat dan berkualiti sahaja yang dibenarkan untuk masuk ke negara ini, sekaligus mengurangkan risiko penyebaran penyakit seperti FMD. Namun, penyeludupan lembu dari negara jiran ke Malaysia adalah satu isu yang amat membimbangkan dalam aspek kesihatan ternakan yang boleh menyebabkan penyebaran penyakit

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			berjangkit seterusnya membawa mudarat kepada industri ternakan dalam negara. Walaubagaimanapun, pengawasan barang dan haiwan dari pintu masuk luar negara, termasuk ternakan seperti lembu adalah dibawah kuasa dan pengawasan pihak MAQIS / Agensi Kawalan Sempadan Malaysia dan DVS akan mengawal pemindahan ternakan dalam negara melalui sistem EvetPermit. Pihak DVS akan memastikan ternakan yang bergerak dari satu negeri ke negeri lain atau dari ladang ke ladang lain memenuhi syarat-syarat pindah ternakan dan bebas dari penyakit berjangkit melalui ujian yang dijalankan. Mana – mana individu yang ditahan sewaktu mengangkut ternakan tanpa mempunyai kebenaran yang sah oleh Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri, maka tindakan merampas ternakan serta menyita kenderaan boleh dikenakan terhadap individu tersebut. Kesalahan yang dilakukan boleh dikenakan denda/kompaun. Manakala, ternakan dan kenderaan yang dirampas

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			boleh dilucuthakkan mengikut budi bicara Mahkamah untuk memutuskan. Sekiranya ternakan telah berada di kandang penternak, maka Jabatan Perkhidmatan Veterinar akan melaksanakan kawalan terhadap aktiviti penyembelihan seperti yang digariskan di bawah Kaedah - Kaedah Binatang (Kawalan Penyembelihan 2009).
4.	Kekurangan infrastruktur penyembelihan dan isu keselamatan makanan	Ketiadaan Pusat Sembelihan di Daerah Barat Daya dan memaksa sebahagian pihak menyembelih secara tidak rasmi. Penternak terpaksa menghantar ternakan ke Timur Laut yang jauh, menyebabkan kesesakan, kos tinggi, dan daging kurang segar.	**Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang** – Jawapan bertulis Perkara ini pernah dibangkitkan melalui Sesi Townhall YB. Tuan Fahmi Bin Zainol, EXCO Agroteknologi, Keterjaminan Makanan & Pembangunan Koperasi Pulau Pinang Bersama Penternak Di Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) pada 24 Jun 2024. Turut hadir bersama dalam sesi ini adalah Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia serta Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang. Ketika ini, terdapat empat (4) buah Rumah Sembelih Berlesen iaitu tiga (3) di Seberang Perai (termasuk Rumah Sembelih Ruminan JPV, Bukit Tengah) dan satu (1) di bahagian Pulau (Rumah Sembelihan Ruminan,

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			MBPP, Sungai Pinang). Ketika ini, tiada cadangan bagi Rumah Sembelih Ruminan di Daerah Barat Daya oleh Pihak Kerajaan (Persekutuan atau PBT – tiada RS milik Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri). Hal ini kerana ianya melibatkan peruntukan pembangunan bagi pembinaan rumah sembelih berkenaan serta sumber tenaga kerja yang diperlukan untuk operasi rumah sembelih berkenaan. Pihak JPVPP mengalu-alukan cadangan pembinaan rumah sembelihan daripada pihak penternak / swasta dan akan berusaha untuk membantu bagi membolehkan rumah sembelihan tersebut dapat dilesenkan. Terdapat beberapa permohonan dikemukakan oleh penternak / pihak swasta bagi Rumah Sembelih Ruminan Swasta ini namun tidak diluluskan memandangkan syarat yang ditetapkan bagi Rumah Sembelih Swasta Berlesen perlu mempunyai kelulusan Kebenaran Merancang (KM) daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berkaitan.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			Pihak JPVPP telah berusaha untuk mencadangkan agar Permohonan Rumah Sembelih Ruminan dikecualikan Kebenaran Merancang (KM) memandangkan jumlah penyembelihan dalam kuantiti yang kecil jika dibandingkan dengan Rumah Sembelih Babi namun tidak dapat dipertimbangkan dan dipohon untuk mengikut prosedur seperti permohonan Rumah Sembelih Babi. Walau bagaimanapun, Pihak Jabatan sentiasa memanjangkan permohonan Rumah Sembelihan Ruminan Swasta yang mematuhi keperluan DVS kepada Pihak YB. EXCO untuk mendapatkan sokongan bagi pelaksanaan berkenaan. Terdapat cadangan untuk menambahbaik syarat yang telah ditetapkan iaitu permohonan Rumah Sembelih Swasta ini mempunyai Kebenaran Merancang (KM) atau Lesen Operasi Premis daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berkenaan untuk dipertimbangkan RS berkenaan dan perkara ini akan dibawa di Peringkat DVS Putrajaya untuk diperhalusi.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Terdapat penyembelihan haram oleh warga asing di Sungai Burong.	**Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang** – Jawapan bertulis Pemantauan berterusan masih dilakukan di kawasan DBD dan tindakan telah pun dipertingkatkan di kawasan Sungai Burung bagi mengenal pasti lokasi sebenar penyembelihan haram dilakukan. 2.Pihak Jabatan menyeru kerjasama daripada semua pihak untuk melaporkan kepada Bahagian Penguatkuasa, Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pulau Pinang sekiranya mempunyai maklumat mengenai aktiviti penyembelihan haram terutamanya melibatkan warga asing ini. Maklumat yang dikemukakan perlulah lengkap bagi membolehkan tindakan sewajarnya dapat diambil oleh Pihak Jabatan. Antara maklumat yang diperlukan ; tarikh dan masa kejadian berlaku, masa kebiasaan penyembelihan dilakukan, lokasi penyembelihan dilakukan dan disertakan video atau gambar bagi membuktikan aktiviti tersebut berlaku.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
5.	Keterbatasan dalam penggunaan tanah terbiar untuk penternakan	Kesukaran menggunakan tanah terbiar untuk menggunakan tanah tersebut untuk penanaman silaj.	**Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang** – Jawapan bertulis Pihak JPVPP bersama Pejabat YB EXCO serta PDTDBD pernah beberapa kali menjalankan kerjasama bagi mencari kawasan tanah Kerajaan yang bersesuaian untuk dijadikan kawasan penternakan ruminan namun kekangan topografi dan kawasan yang tidak bersesuaian menyukarkan pelaksanaan tersebut. Kebanyakan kawasan yang bersesuaian dengan penternakan terletak di atas rizab sungai yang mempunyai kepentingan di bawah agensi berkaitan (JPS).
		Walaupun penternak telah menghubungi Pejabat Tanah untuk permohonan menggunakan tanah, mereka tidak menerima sebarang maklum balas.	**Pegawai Daerah** Isu keterbatasan dalam penggunaan tanah terbiar untuk penternakan bukan sahaja berkait dengan penternak di daerah Barat Daya sahaja, tetapi juga melibatkan mereka di daerah Timur Laut, menunjukkan skop isu ini lebih luas dan melibatkan lebih ramai penternak. Daerah Barat Daya dikenal pasti sebagai kawasan yang sesuai untuk menempatkan aktiviti penternakan secara terancang. Ini kerana di daerah Timur Laut, penternakan tidak dibenarkan

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			disebabkan kawasan itu sudah sesak dengan perumahan dan aktiviti penternakan boleh menimbulkan gangguan seperti bau, bunyi atau pencemaran. Isu ini telah dibawa ke peringkat EXCO negeri dan penyelarasan utama dibuat oleh Jabatan Veterinar. Sebuah jawatankuasa atau komuniti antara agensi (multi-agency committee) telah dibentuk dan dianggotai oleh jabatan-jabatan seperti Pejabat Tanah. Jawatankuasa ini masih berfungsi dan sedang mengadakan perbincangan berterusan untuk mencari penyelesaian yang sesuai bagi isu-isu yang dihadapi penternak. Pegawai Daerah mencadangkan bahawa Jabatan Veterinar sebagai urus setia sepatutnya lebih proaktif berhubung dan memberi maklumat terkini kepada penternak. Mungkin juga penternak ini mempunyai persatuan yang sepatutnya boleh menjadi saluran rasmi untuk komunikasi dua hala.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
6.	Kesukaran mendapatkan lesen PBT	Penternak menghadapi kesukaran mendapatkan lesen PBT kerana prosesnya rumit dan memakan masa. Kesukaran memperoleh lesen PBT menyebabkan ramai beroperasi tanpa pendaftaran rasmi, sekali gus menyukarkan penternak mendapat bantuan kerajaan. *Zon* perumahan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan menyukarkan kelulusan bagi operasi penternakan.	**Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang** – Jawapan bertulis Penternak yang baru mula menternak sangatlah dialu – alukan untuk mendaftar dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang untuk mendapatkan ID Premis. Tujuan pendaftaran ID Premis di bawah Jabatan ini adalah untuk memastikan kawalan yang lebih berkesan dalam bidang pengurusan haiwan, kawalan penyakit dan keselamatan makanan di samping memastikan pematuhan terhadap peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa veterinar. Manakala lesen bukan di bawah bidang kuasa Jabatan ini, ianya di bawah kawalan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Syarat bagi permohonan bantuan Jabatan adalah keperluan lesen PBT untuk permohonan bantuan kandang ruminan dan baka ternakan ruminan di daerah Seberang Perai sahaja manakala daerah DBD adalah dikecualikan. Ini adalah kerana kuota bantuan tersebut adalah terhad dan kebanyakan penternak yang memohon bantuan di daerah Seberang Perai mempunyai lesen PBT berbanding dengan daerah DBD di samping persaingan tanah

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			yang tinggi di daerah DBD. Oleh itu, kriteria lesen PBT adalah diutamakan di daerah Seberang Perai kecuali daerah DBD. Bagi bantuan seperti mesin dan peralatan ruminan, penanaman rumput, naiktaraf premis usahawan, mesin dan peralatan usahawan, pembungkusan dan pelabelan usahawan, naiktaraf kandang aneka haiwan dan unggas, mesin dan peralatan aneka haiwan dan unggas beserta baka aneka haiwan tidak dikenakan syarat lesen PBT.

Jadual 5. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 2

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 2: Dialog Bersama Komuniti Nelayan Pantai **Tarikh:** 22 Februari 2025 **Bilangan peserta:** 8 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam satu kumpulan			**Agensi yang memberikan maklum balas:** 1. LKIM / Persatuan Nelayan Pulau Pinang Selatan 2. Pegawai Daerah
1.	Ketidakstabilan pendapatan nelayan	Pendapatan nelayan bergantung langsung pada jendela cuaca untuk turun ke laut. Namun kini, pola monsun yang kian tidak menentu berbanding sedekad lalu menyukarkan nelayan meramal waktu selamat dan berbaloi untuk menangkap ikan.	**LKIM / Persatuan Nelayan Pulau Pinang Selatan** Isu ini diyakini sahih kerana nelayan bergantung sepenuhnya kepada keadaan cuaca. Cadangan penyelesaian: • Nelayan disaran gunakan masa tengkujuh untuk: • Menyediakan dan membaiki pukat tangkapan • Menceburi aktiviti alternatif seperti penternakan dan pertanian
2.	Pencemaran dan gangguan ekosistem persisir pantai menjejaskan hasil nelayan	Penerokaan bakau untuk kolam akuakultur dan aktiviti korek pasir mencemarkan pesisir. Manakala, selut mengeruhkan air, mengotorkan serta merosakkan pukat. Kesannya, habitat pesisir rosak, stok ikan menjauh dan hasil tangkapan merosot. Penebangan bakau di rizab sungai serta aktiviti mencuci kolam menggunakan bahan kimia oleh pengusaha kolam telah mencetuskan kekeruhan air dan degradasi	**LKIM / Persatuan Nelayan Pulau Pinang Selatan** Masalah pencemaran akibat pembangunan dibangkitkan dalam mesyuarat unit nelayan Kuala Jalan Baru dan Kuala Sungai Pinang.Aduan telah dimajukan kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS). Status semasa adalah masih menunggu maklum balas rasmi. Agensi turut menyatakan

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		ekosistem. Stok ikan pesisir surut serta menjauh, menyebabkan nelayan menanggung kos penyelenggaraan alat yang meningkat.	bahawa nelayan di kawasan terbabit memang terkesan secara langsung, kesan daripada pembangunan yang dibangkitkan.
		Komuniti nelayan mempersoalkan kredibiliti agensi bertanggungjawab dalam meluluskan projek ini walaupun komuniti nelayan ada menyatakan pandangan mengenai impak negatif yang diterima oleh mereka.	
3.	Konflik projek penambakan laut dan pengambilan pasir mencetus kekeruhan	Nelayan mempersoal agihan pampasan yang hanya meliputi nelayan di unit Pulau Betung dan Sungai Burung sahaja. Manakala Unit Nelayan Kuala Jalan Baru dan Kuala Sungai Pinang tidak menerima sebarang pampasan walaupun berada di kawasan yang sama terjejas, kerana unit mereka dikatakan berada “di luar radius pampasan.” Nelayan menuntut semakan semula senarai penerima dan penilaian lapangan untuk memastikan keadilan.	**LKIM / Persatuan Nelayan Pulau Pinang Selatan** Nelayan Kuala Jalan Baru tidak menerima pampasan kerana tidak termasuk dalam radius projek. Hanya Unit Nelayan di Pulau Betong menerima pampasan. Tindakan telah diambil: • Persatuan telah menghantar rayuan kepada kerajaan negeri. Namun, tiga kawasan masih tidak menerima pampasan. • Cadangan: menaikkan tahap nelayan Kuala Jalan Baru dan Sungai Pinang ke
		Kesan daripada projek tambakan tersebut adalah gangguan ekosistem, menyebabkan ikan lari dan pukat menjadi kotor. Malahan, hasil tangkapan merosot berbanding 5 tahun dahulu.	

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Nelayan turut menegaskan elemen ketidaktelusan ketika proses pengambilan pasir dijalankan apabila maklumat dan persetujuan nelayan telah dimanipulasi.	Tahap 2 supaya layak menerima pampasan. **Pegawai Daerah** Pegawai Daerah telah mengesahkan keputusan telah dibuat oleh pihak MLK (autoriti projek). Cadangan : LKIM perlu mendapatkan keputusan rasmi daripada pelaksana projek atau JUPEN (Unit Perancang Ekonomi Negeri), bukan hanya bergantung pada makluman lisan atau rayuan.
4.	Kenaikan kos operasi dan harga jualan tidak berubah	Kos input meningkat secara mendadak antara dua hingga tiga kali ganda Harga jualan statik dan tidak mampu menampung kos sara hidup Memberi kesan kepada kelangsungan nelayan yang sentiasa berhutang dan tiada kemampuan membeli peralatan baharu.	**LKIM / Persatuan Nelayan Pulau Pinang Selatan** LKIM ada menyediakan subsidi petrol kepada nelayan. Pihak agensi turut menyatakan bahawa hasil tangkapan ada yang dijual ke pasar nelayan Sungai Pinang atau dijual sendiri oleh nelayan. Harga jualan tidak dikawal dan bergantung kepada turun naik pasaran. Tambahan, kos peralatan menangkap ikan turut meningkat, memberi tekanan kepada pendapatan nelayan.

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
5.	Persaingan ekonomi antara nelayan tempatan dan nelayan warga asing	Berlakunya persaingan operasi dan konflik di laut antara nelayan tempatan dan nelayan warga asing Terdapat keraguan terhadap status dokumen dan sokongan lesen terhadap nelayan warga asing	**LKIM / Persatuan Nelayan Pulau Pinang Selatan** Agensi mengesahkan dan mengakui isu ini di mana nelayan warga asing yang beroperasi tanpa lesen di kawasan Teluk Kumbar. **Jabatan Perikanan** Mereka(merujuk kepada nelayan warga asing) bukan warganegara penuh Malaysia, tetapi mempunyai dokumen pengenalan khas (IC kod 02) yang biasanya merujuk kepada status pemastautin atau pelarian berdaftar. Mereka dianggap sah dari segi identiti dokumen dalam Malaysia, tetapi kerana mereka bukan warganegara penuh, mereka tidak diberikan lesen menangkap ikan. Tambahan, nelayan tempatan sendiri membantah kehadiran dan pengoperasian mereka. Aktiviti mereka diakui sebagai salah (tidak sah). Namun, selagi tidak melanggar syarat dari segi peralatan, pihak jabatan kadang kala tidak mengambil tindakan langsung.

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			Anggaran permohonan lesen daripada kumpulan ini telah mencecah lebih 60 permohonan, yang dihantar ke Putrajaya melalui ketua komuniti mereka sendiri dan semua permohonan telah ditolak.

Jadual 6. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 3

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 3: Dialog Bersama Komuniti Belia **Tarikh:** 22 Februari 2025 **Bilangan peserta:** 6 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam satu kumpulan			**Agensi yang memberikan maklum balas:** 1. Polis Diraja Malaysia (PDRM) 2. Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) 3. PWDC (Penang Women's Development Corporation)
1.	Pasaran kerja terhad dan tidak seimbang menyempitkan peluang belia di Balik Pulau	Belia di Balik Pulau berdepan kekurangan peluang pekerjaan tempatan yang sesuai. Majoriti pekerjaan hanya tertumpu dalam sektor tradisional seperti pertanian, perniagaan kecil-kecilan dan nelayan, manakala pekerjaan pejabat atau sektor profesional sangat terhad. Oleh itu, ramai belia terpaksa berpindah ke kawasan lain seperti Bayan Lepas untuk bekerja di kilang	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir*
		Struktur upah yang rata dan laluan progresi kerjaya yang sempit menolak graduan ke peranan operator, walaupun kelayakan mereka lebih tinggi. Ketidakpadanan kerja-kelayakan (underemployment) bersama stagnasi upah menekan belia.	
		Terdapat persaingan pekerjaan antara warga tempatan dengan pekerja asing apabila pekerja asing sanggup menerima pada yang lebih rendah sekaligus menjadi pilihan majikan.	

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
2.	Ketidakcelikan kewangan yang menjerumuskan belia ke dalam perangkap hutang tidak formal.	Kebanyakan belia tidak mempunyai ilmu pengurusan kewangan yang baik. Mereka cenderung membuat pembelian impulsif, terpengaruh oleh diskaun dalam talian, promosi "double date" (11.11, 9.9) dan pengaruh influencer di media sosial. Belia berbelanja tanpa kawalan di platform e-dagang dan apabila gagal bayar, mereka meminjam daripada Ah Long dan terjerat dalam kitaran hutang. Di Bayan Lepas, termasuk pelajar Tingkatan Enam, dianggarkan 10–20 kes.	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir*
3.	Gejala sosial menggugat kemaslahatan dan keharmonian masyarakat.	Kewujudan aktiviti rempit yang berterusan dan tiada jalan penyelesaian	**Polis Diraja Malaysia (PDRM)** Pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) memaklumkan bahawa dari tempoh Januari hingga Mac tahun ini, sebanyak 16 operasi telah dijalankan berkaitan kegiatan lumba haram di sekitar Balik Pulau. Hasil daripada operasi tersebut, 21 individu telah berjaya ditangkap, terdiri daripada 18 pemuda Melayu dan 2 pemuda Cina. Dari segi umur, seramai 17 orang berumur antara 14 hingga 18 tahun, manakala 3 orang lagi berumur antara 19 hingga 30 tahun. Kebanyakan orang yang ditangkap adalah belia yang tidak mempunyai pekerjaan tetap.

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			Kegiatan lumba haram ini dikenal pasti berlaku pada malam Jumaat, malam Sabtu, cuti umum, serta aktif antara jam 2.00 pagi hingga 5.00 pagi. Menurut PDRM, tindakan tegas telah diambil dengan membawa kes-kes ke mahkamah untuk pendakwaan. **Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)** Pihak JPJ menyatakan bahawa mereka banyak mengambil pendekatan advokasi dan pencegahan melalui pendidikan, termasuk program di sekolah dan IPT. Namun, mereka akui sukar memastikan kumpulan sasaran mereka benar-benar melibatkan pelaku lumba haram. **PWDC (Penang Women's Development Corporation)** Mencadangkan supaya pendekatan reverse psychology dipertimbangkan iaitu mengawal waktu dan lokasi aktiviti lumba, dan memaklumkan kepada masyarakat agar dapat dielakkan, berbanding melarang sepenuhnya. Pegawai Daerah menyatakan bahawa cadangan

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			ini perlu dikaji lebih lanjut dari sudut risiko dan kesan sosial.
		Terdapat penyalahgunaan dadah dalam bentuk perasa *("flavor")* dan cendawan khayal *("mushroom"),* yang menyebabkan pengguna hilang kesedaran atau mengalami sawan.	**Polis Diraja Malaysia (PDRM)** Isu dadah dan bahan khayal seperti *mushroom* dan ketum membimbangkan. Jualan bahan ini dilaporkan berlaku berhampiran sekolah, malah ada pelajar seawal tingkatan 3 terlibat. Bahan ini menyebabkan simptom seperti sawan dan kehilangan kesedaran
		Penyalahgunaan ketum yang telah dinormalisasikan.	**Polis Diraja Malaysia (PDRM)** Bagi kes berkaitan penyalahgunaan dadah, dalam tempoh Januari hingga Mac, pihak polis telah membuka: • 50 kes bekalan dadah, melibatkan 70 tangkapan, • 134 kes permintaan dadah, melibatkan 203 tangkapan, dan • 266 tangkapan bagi kes urin positif, yang didakwa di bawah Seksyen 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952. Kawasan-kawasan hotspot bagi tangkapan berkaitan dadah adalah seperti berikut: • Bayan Baru: 29 tangkapan • Bayan Lepas: 66 tangkapan

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			• Balik Pulau: 60 tangkapan • Batu Maung: 44 tangkapan • Queen's Bay: 4 tangkapan • Teluk Kumbar: 26 tangkapan
		Capaian ketum yang mudah diakses menggalakkan penggunaan ketum berleluasa	**Polis Diraja Malaysia (PDRM)** PDRM memaklumkan bahawa penggunaan dan pengedaran ketum berlaku secara berleluasa khususnya dalam kalangan belia Melayu. Terdapat satu kes dimana PDRM telah menyerbu sebuah rumah sewa di Bayan Baru yang digunakan sebagai tempat memasak dan membungkus air ketum. Ketum diperoleh dari negeri Kedah dan dijual dalam bentuk bungkusan. Menurut anggaran, dalam satu minggu, hasil jualan 300 bungkus ketum boleh menghasilkan keuntungan mencecah RM6,000, menjadikannya satu aktiviti yang menguntungkan walaupun menyalahi undang-undang. Pihak PDRM menyatakan bahawa pengedaran ketum adalah kesalahan di bawah Akta Racun 1952, manakala penggunaan peribadi masih berada dalam kawasan kelabu dari segi penguatkuasaan. Dalam banyak kes, penggunaan

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			ketum oleh nelayan, petani atau pekerja kilang dikatakan untuk tujuan tenaga kerja atau kesihatan, dan PDRM mengambil pendekatan "give and take" memandangkan kekangan ruang lokap dan kadar keterlibatan yang tinggi.
		Sindiket penipuan digital semakin rancak dan menyasarkan penduduk tempatan, termasuk golongan dewasa serta warga emas. Modus operandi utama ialah *love scam* dan pautan SMS palsu yang memancing data perbankan. Sebagai contohnya terdapat satu kes, mangsa kehilangan RM7,000 selepas mengklik pautan haram.	**Polis Diraja Malaysia (PDRM)** PDRM juga melaporkan bahawa sebanyak 49 kes penipuan dalam talian (scammer) telah direkodkan pada bulan Januari, diikuti 39 kes pada Februari, dan 12 kes pada bulan Mac. Kesemua ini melibatkan penipuan menggunakan platform seperti Instagram, Facebook dan pautan (link) palsu. Dalam operasi berkaitan, PDRM telah membuat: • 24 operasi dan 23 tangkapan pada Januari • 12 operasi dan 12 tangkapan pada Februari • 11 operasi dan 11 tangkapan pada Mac. Kesemua tangkapan tersebut berkaitan dengan pemilik akaun bank (mule/bil account) yang dipercayai menyewakan akaun mereka kepada sindiket. Tindakan undang-undang telah diambil terhadap mereka. Pihak polis juga menyatakan

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			terdapat trend peningkatan dalam aktiviti penyewaan akaun bank kepada sindiket penipuan, yang melibatkan pelbagai lapisan masyarakat termasuk warga emas dan golongan belia.
4.	Keciciran sekolah	Kadar keciciran sekolah yang tinggi di mana ramai berhenti sekolah sebelum mencapai umur 17 tahun.	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir*
5.	Cabaran pengurusan sisa pepejal dalam kalangan warga tua dan kawasan padat	Kurangnya amalan pengasingan sisa pepejal dan aktiviti pembakaran terbuka dalam kalangan warga tua di Balik Pulau	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir*
		Kekurangan kapasiti tong sampah di kawasan padat penduduk seperti flat dan pangsapuri di Bayan Lepas	

Jadual 7. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 4

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 4: Dialog Bersama Komuniti Petani **Tarikh:** 23 Februari 2025 **Bilangan peserta:** 17 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam dua kumpulan			**Agensi yang memberikan maklum balas:** 1. Pejabat Pertanian Daerah
1.	Infrastruktur kebun durian belum memadai	Para pengusaha durian menegaskan bahawa akses jalan dan bekalan elektrik merupakan keperluan paling asas untuk menggerakkan operasi dusun durian secara efisien. Ketiadaan jalan yang baik menghalang generasi muda daripada terlibat dalam pertanian, manakala bekalan elektrik yang tidak mencukupi (hanya single phase) mengehadkan penggunaan pam air.	* Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir
2.	Kos operasi tinggi	Penggunaan pam berasaskan diesel menaikkan kos Subsidi diesel RM200 dianggap tidak memadai untuk menampung kos sebenar operasi	**Pejabat Pertanian Daerah** Bagi menangani kenaikan kos diesel, pihak jabatan memperkenalkan Program BUDI MADANI, iaitu satu bantuan khas kepada pengusaha pertanian. Melalui program ini, setiap pengusaha layak menerima bantuan tunai sebanyak RM200 sebulan, yang bertujuan untuk mengurangkan beban kos operasi terutamanya bagi pengusaha kebun durian.
		Pengusaha durian menyatakan bahawa kerja kebun sangat bergantung pada pekerja asing, namun pelaksanaan gaji minimum sekitar RM1,800 sukar	** Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir*

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		ditampung apabila hasil tidak menentu, manakala pekerja asing menolak upah rendah (bawah RM1,700).	
3.	Struktur pasaran tidak memihak pengusaha	Harga durian ditentukan orang tengah. Kesannya, apabila bekalan tinggi, harga terus jatuh.	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir*
4.	Risiko Akta Benih	Kebimbangan terhadap cadangan akta berkaitan permit benih akan menjejaskan ekosistem durian tempatan dengan lebih 100 varieti kerana peraturan baharu berpotensi memupuskan kepelbagaian varieti.	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir*
5.	Kemerosotan populariti durian Balik Pulau	Pada masa ini, jenama durian "Balik Pulau" kian tenggelam berbanding Bentong kerana ketiadaan dasar promosi yang konsisten di peringkat Persekutuan, termasuk keperluan melihat kembali dasar berkaitan pelancongan. Sebagai langkah segera, pengusaha mencadangkan penjenamaan yang lebih jelas dan terlihat misalnya papan tanda "Balik Pulau" di lapangan terbang	**Pejabat Pertanian Daerah** Jabatan Pertanian memaklumkan bahawa bagi menangani isu kemerosotan populariti durian Balik Pulau, pihak jabatan telah mendaftarkan dan mematenkan jenama "Durian Balik Pulau" di bawah Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO). Ini bertujuan untuk memperkukuh jenama dan nilai tambah kepada hasil pertanian tempatan. Oleh kerana Jabatan Pertanian tidak mempunyai peruntukan besar untuk tujuan promosi, mereka memohon agar Kementerian Pelancongan turut terlibat membantu dari aspek promosi. Tumpuan kini lebih diberikan kepada usaha mengeksport

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			durian Balik Pulau ke luar negara. Beberapa pengusaha durian telahpun memulakan pengeksportan, dengan syarat utama adalah memiliki sijil MyGAP (Malaysian Good Agricultural Practices) yang merupakan keperluan asas untuk eksport.
6.	Akses maklumat dan laluan mendapatkan bantuan atau sokongan kerajaan adalah terhad dan tidak jelas.	Pengusaha keliru tentang geran/garis panduan dan memerlukan *"pathway"/one-stop* info dan sokongan menghubungkan agensi berkaitan.	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir*
		Mereka turut menyatakan ketiadaan SOP penanaman dan bergantung kepada perkongsian maklumat antara pengusaha durian sahaja.	
		Pengusaha yang pernah mendapat pensijilan MYGAP tidak tahu prosedur sambungan/renewal, serta tiada maklumat susulan atau bimbingan daripada pihak berkaitan tentang cara memperbaharuinya.	
		Pengusaha berminat dengan bantuan agro-pelancongan tetapi tiada panduan jelas untuk permohonan.	**Pejabat Pertanian Daerah** Dalam usaha memperkukuhkan sektor agropelancongan, Jabatan Pertanian menyediakan Geran Agropelancongan bernilai sehingga RM120,000 untuk satu projek. Geran ini disasarkan kepada projek-projek di kawasan dusun durian bagi menyokong pembangunan tarikan pelancongan berasaskan pertanian.

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			Pejabat Pertanian Daerah Maklumat berkaitan bantuan dan program Jabatan Pertanian disalurkan melalui beberapa saluran: • Laman web rasmi Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang • Koperasi Penanam Durian Pulau Pinang • Persatuan Buah-buahan Pulau Pinang • Kelompok pertanian tempatan • Empat orang pegawai lapangan khusus ditugaskan di kawasan Balik Pulau bagi menjalankan hebahan terus kepada pengusaha durian
		Kebun durian sudah mempunyai elektrik dan mula mengguna pakai IoT, namun kekurangan modal mengekang skala. Pengusaha menyatakan keperluan latihan berfokus seperti kualiti buah, standard eksport, serta menumpukan bakat belia.	**Pejabat Pertanian Daerah** Penggunaan teknologi pertanian moden seperti Internet of Things (IoT) dan drone masih berada di peringkat awal. Beberapa kebun dusun durian sedang dalam proses percubaan untuk mengadaptasi teknologi ini, namun belum meluas.
7.	Rantaian benih yang lemah menjejaskan hasil dan daya saing	Kualiti benih yang dibekalkan dinilai rendah dengan padi angin terlalu banyak sehingga menurunkan produktiviti.	**Pejabat Pertanian Daerah** Isu kekurangan benih tidak berlaku ketika ini. Namun, terdapat aduan berhubung harga benih yang tinggi, yang mungkin menyebabkan kekeliruan di kalangan pesawah. Harga benih
		Para petani menyatakan lonjakan harga benih padi yang ketara daripada sekitar RM31 (dua tahun lalu) kepada RM45 (tahun lalu) dan kini RM58. Namun, kenaikan kos	

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	sektor padi setempat	ini tidak seiring dengan mutu, kerana kualiti benih dilihat kurang.	boleh berbeza-beza bergantung kepada jenis dan kawasan.
		Ketidakjelasan saluran subsidi sama ada ia disalurkan secara langsung kepada pengilang benih atau terus kepada petani.	
		Bekalan benih lewat kerana pembekal di Kedah terkesan banjir.	
8.	Perparitan dan sistem saliran tidak lancar	Petani menegaskan bahawa sumber air bukan isu utama, sebaliknya sistem perparitan yang bermasalah.	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir*
		Aliran air keluar-masuk melalui palung air sepatutnya lancar, namun halangan di laluan parit termasuk kes tuan tanah generasi baharu enggan membenarkan air melintas di kawasannya menyukarkan kerja pembersihan oleh JPS. Apabila parit tidak boleh dicuci, air tidak dapat keluar, sawah bertakung terlalu lama, dan benih yang ditabur menemui kegagalan.	
9.	Pengambilan, penjualan tanah dan tanah terbiar serta impak pada sawah sekitar	Petani menyatakan wujudnya lot sawah yang dibeli pemilik baharu termasuk syarikat dan individu. Namun dibiarkan terbiar hingga menjadi semak, lalu bertukar menjadi habitat makhluk perosak seperti tikus yang menular ke petak jiran dan menjejaskan hasil. Isu ini dilaporkan ketara di Kg Sungai Rusa dan Sungai Pinang dan sekitar tanah individu merentas beberapa fasa (1, 2, 3).	**Pejabat Pertanian Daerah** Terdapat kawasan tanah pertanian terbiar seperti di Kampung Sungai Rusa dan Kampung Sungai Pinang. Jarak kawasan ini dianggarkan sekitar 5 kilometer daripada kawasan sawah aktif seperti Sungai Burung. Walaupun ada kebimbangan serangan serangga dari tanah terbiar, pihak

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			jabatan menyatakan pemantauan rutin dilakukan. Usaha turut dijalankan untuk memadankan pemilik tanah dengan individu yang mencari tanah untuk diusahakan, namun kadangkala tidak berjaya atas sebab enggan menyewa atau isu lain. Jika terdapat gangguan, petani disaran membuat aduan rasmi kepada pihak berkuasa tempatan Jabatan Pertanian melaksanakan pemantauan mingguan oleh pasukan khas dari Kelompok Limau terhadap kawasan tanaman padi di Balik Pulau yang meliputi 295 hektar. Sebarang penyakit atau serangan perosak akan segera dimaklumkan kepada petani. Selain itu, terdapat kemudahan Takaful Tanaman Padi di bawah Agro Bank yang membolehkan pesawah memohon perlindungan sekiranya berlaku serangan perosak atau penyakit yang mengakibatkan kerugian.

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Petani menegaskan bahawa masalah utama bukan benih atau padi "tak menjadi", tetapi tekanan perosak yang berterusan dan sukar untuk dihapuskan.	
10.	Ancaman penyakit dan peningkatan kos kawalan	Serangan bena perang dan penyakit virus dianggap sebagai musuh paling sukar dikawal	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir*
		Kesannya, petani terpaksa mengguna racun berganda, sekali gus menaikkan kos operasi.	
11.	Harga lantai padi tidak memadai dan ketidakselarasan musim menuai	Para petani menyatakan bahawa walaupun kerajaan menetapkan harga lantai RM1,500/tan, kebanyakan petani masih menjual pada RM1,300/tan kerana telah menuai sebelum 16 Februari 2025 (pengumuman harga baharu).	**Pejabat Pertanian Daerah** Harga lantai padi yang sebelum ini ditetapkan pada RM1,300 setan telah dinaikkan kepada RM1,500 setan mulai 16 Februari. Namun begitu, isu harga padi yang rendah dan tidak stabil masih dianggap sebagai isu dasar peringkat nasional.
		Petani mencadangkan harga lantai dinaikkan kepada RM2,000–RM2,200/tan bagi menampung kenaikan kos operasi masa hadapan.	
12.	Kemerosotan kesuburan tanah menjejaskan hasil padi	Petani perlu menambah baja tambahan untuk meningkatkan kesuburan tanah ber-PH rendah.	**Pejabat Pertanian Daerah** Pada Februari 2021, kerja-kerja pengapuran telah dilaksanakan di seluruh kawasan penanaman padi seluas 295 hektar. Jabatan Pertanian mencadangkan agar proses pengapuran kali kedua dilakukan pada penghujung tahun depan, semasa musim kemarau tahun 2026.
		Amalan pengapuran tanah telah lama tidak dilakukan (4–5 tahun) akibat kekangan peruntukan, menyebabkan tanah menjadi masam dan hasil merosot.	

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
13.	Peningkatan kos input dan operasi pertanian	Kos input pertanian seperti racun, baja dan bahan kimia meningkat mendadak dan tidak terkawal, menyebabkan sesetengah petani terpaksa menanggung hutang.	**Pejabat Pertanian Daerah** Isu ini merupakan isu nasional yang turut menjejaskan petani di Balik Pulau. Seperti dinyatakan sebelum ini, Program BUDI MADANI juga terbuka kepada pesawah bagi mengurangkan beban kos berkaitan diesel.
		Kenaikan diesel menaikkan kos pembajakan, penuaian dan penggunaan mesin.	
		Keberkesanan baja menurun. Kesannya kini hanya bertahan sekitar seminggu berbanding 15 hari dahulu, memaksa petani membeli lebih banyak baja.	
		Kos tambahan pula boleh mencecah RM250 per beg apabila mengambil kira operasi.	

Jadual 8. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 5

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 5: Dialog Bersama Komuniti Usahawan **Tarikh:** 23 Februari 2025 **Bilangan peserta:** 26 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam dua kumpulan			**Agensi yang memberikan maklum balas:** 1. Penang Halal International (PHI) 2. YB Ahli Parlimen
1.	Volatiliti kos input dan peningkatan kos operasi perniagaan	Peningkatan harga barang menjadi isu utama dalam kalangan usahawan. Usahawan berdepan tekanan kos yang tinggi akibat kenaikan mendadak harga bahan mentah utama seperti serbuk coklat, santan dan bahan asas lain. Malahan, kenaikan bahan mentah ini berlaku hampir setiap minggu. Usahawan juga tidak mampu meletakkan harga yang memadai terhadap jualan mereka kerana kuasa beli yang lemah. Apabila harga dinaikkan, jualan merosot. Akibatnya, peniaga terpaksa kekalkan harga rendah, memotong komisen sendiri, dan kerap tukar tanda harga, keuntungan menipis dan aliran tunai tertekan.	** Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir*
2.	Kesukaran pengusaha tempatan dalam pensijilan halal	Usahawan menghadapi kesukaran mendapatkan sijil halal kerana prosedur yang ketat. Permohonan logo halal sukar diperoleh kerana banyak syarat dan ketidakpatuhan spesifikasi premis/dapur yang dikesan semasa pemeriksaan.	**Penang Halal International (PHI)** Agensi memaklumkan bahawa mereka berperanan sebagai agensi sokongan kepada usahawan, khususnya di Pulau Pinang, bagi membantu proses permohonan pensijilan halal. Selain itu, PHI turut menyediakan latihan dan khidmat rundingan (konsultansi) berkaitan kefahaman dan keperluan mematuhi garis panduan halal.

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			Pada tahun sebelumnya (2023), PHI telah melaksanakan program kesedaran halal di antara enam hingga lapan daerah di seluruh Pulau Pinang. Hasilnya, berlaku peningkatan yang ketara dalam penyertaan usahawan bumiputera. Sebelum ini, hanya 18–20% daripada usahawan bumiputera di Pulau Pinang memohon sijil halal. Kini, kadar permohonan telah meningkat kepada 38%, menunjukkan keberkesanan pendekatan latihan dan advokasi oleh PHI. Sasaran terkini PHI adalah untuk mencapai pariti 50:50 antara usahawan Muslim dan bukan Muslim yang memohon sijil halal.
		Kebanyakan usahawan tempatan tidak mempunyai sijil halal kerana proses mendapatkannya sukar dan penuh cabaran.	**Penang Halal International (PHI)** Bertentangan dengan kebimbangan sesetengah pihak, PHI menjelaskan bahawa saiz atau spesifikasi kedai bukan halangan untuk mendapatkan sijil halal. Yang penting ialah: • Premis dijaga dalam keadaan bersih dan tersusun. • Pengendalian peralatan dan bahan mentah dilakukan mengikut garis panduan halal dan keselamatan makanan.
		Status premis menemui kegagalan apabila hasil pemeriksaan tidak memenuhi keperluan infrastruktur dan spesifikasi pembinaan/pelesenan di bawah peraturan MESTI dinilai sangat ketat.	

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Kesan ketiadaan sijil halal terhadap permintaan pengguna dan ketiadaan sijil menghalang kemasukan produk ke pasar raya.	**Penang Halal International (PHI)** PHI turut menjelaskan bahawa masih ramai usahawan Muslim beranggapan bahawa produk mereka secara automatik dianggap halal kerana mereka beragama Islam. Salah faham ini menyukarkan usaha pensijilan formal dan menyumbang kepada tahap pematuhan yang rendah. Sebagai penyelesaian, PHI kini aktif mendekati gerai-gerai kecil dan penjaja jalanan, termasuk mereka yang menyediakan makanan di lokasi, untuk memohon pensijilan halal sekiranya mereka memenuhi syarat – kecuali bagi pengusaha dari rumah, yang tidak layak.
3.	Kekurangan tenaga kerja tempatan dan perubahan trend pekerjaan menyukarkan operasi usahawan	Usahawan berdepan dengan kekurangan tenaga kerja kerana persaingan dengan kilang yang menawarkan gaji lebih tinggi.	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir*
		Tenaga kerja tempatan sukar diperoleh dan menyebabkan usahawan terpaksa mengupah pekerja luar. Hal ini demikian kerana, orang tempatan mahukan gaji yang tinggi dan tawaran gaji sehari RM80 dianggap tidak mencukupi.	
		Belia cenderung memilih perniagaan dalam talian *(influencer/affiliate)* yang dilihat *"easy money"* tanpa	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir*

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		modal, sewa atau produksi, maka ramai beralih ke kerja online	
4.	Penyertaan acara menjadi beban kewangan dan tekanan pasaran kepada usahawan kecil	Penyertaan dalam acara atau "event" menimbulkan beban kewangan kepada usahawan kecil.	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir*
		Kekerapan *event* yang berlebihan setiap hujung minggu mencetuskan 'kejutan pasaran'	
		Akses dan inklusiviti yang mempengaruhi peluang penyertaan.	
5.	Kriteria bantuan yang tidak inklusif dan penilaian tidak relevan menyebabkan usahawan mikro tersisih daripada akses sokongan	Had umur dalam skim bantuan/geran keusahawanan menyebabkan usahawan berusia (40–60+ tahun) tersisih daripada akses sokongan, walaupun mereka masih aktif dan bersemangat berniaga.	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir*
		Bantuan memang disediakan, namun agihannya tidak meliputi semua golongan dan lebih banyak diberikan kepada usahawan baharu.	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir*
		Kerangka kelayakan bantuan yang fokus semata-mata kepada B40 mewujudkan "jurang kelayakan"	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir*
		Usahawan beroperasi dari rumah *(home-based)* sering ditolak permohonan geran kerana tidak memiliki premis perniagaan berdaftar.	**Penang Halal International (PHI)** Sejak PHI berada di bawah pentadbiran Timbalan Ketua Menteri 1 (TKM1), pendekatan lebih tertumpu kepada usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Bumiputera. Dalam usaha menggalakkan lebih ramai usahawan mendapatkan sijil halal, PHI, dengan sokongan Unit Penyelarasan Pelaksanaan ICU JPM,

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			memperkenalkan mekanisme bayaran balik *(reimbursement).*
		Penilaian bantuan berasaskan "rupa bentuk kemampuan rumah" (astro, kereta, keadaan kediaman) menyebabkan permohonan usahawan mikro, terutamanya yang beroperasi dari rumah ditolak walaupun mereka benar-benar memerlukan sokongan.	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir*
6.	Akses premis perniagaan dan kos sewa tidak mampu milik	Usahawan memerlukan premis sewa rendah, namun mendapatkan premis mengambil masa lama (hingga 2 tahun) dan kadar sewa di Balik Pulau mahal sehingga usahawan kecil terpaksa menanggung sebahagian besar pendapatan untuk membayar sewa.	**YB Ahli Parlimen** Terdapat tapak penjaja sementara disediakan oleh Pejabat Daerah dan MBPP. Tambahan, pemilihan penjaja adalah melalui proses temuduga yang dijalankan oleh Jabatan Pelesenan MBPP, yang turut menilai aspek kesihatan dan kebersihan. Penjaja yang layak akan diberikan tapak yang sah dan diselia, yang mana akan memudahkan mereka untuk kemudiannya memohon pensijilan halal secara rasmi
		Premis sewa rendah di bawah agensi seperti PERDA dan KPTM sangat terhad serta sukar diakses oleh usahawan. Malah, terdapat unit yang tidak beroperasi tetapi masih disewa, dan tiada tindakan diambil oleh pihak agensi terhadap situasi tersebut.	
7.	Kelemahan publisiti dan kekurangan literasi digital menyekat pertumbuhan pasaran PKS	Pemasaran di bawah agensi dinilai lemah dan tidak jelas hala tuju. Sebagai contohnya event/ekspo dilihat kurang publisiti.	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir*
		Usahawan mengakui pemasaran dalam talian adalah penting. Namun, ramai usahawan masih kekurangan ilmu dan memerlukan latihan menyeluruh dari asas hingga pelaksanaan.	

Jadual 9. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 6

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 6: Dialog Bersama Komuniti Pelancongan **Tarikh:** 23 Februari 2025 **Bilangan peserta:** 18 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam satu kumpulan			**Agensi yang memberikan maklum balas:** 1. Plan Malaysia Pulau Pinang: 2. Penang Women's Development Corporation (PWDC)
1.	Promosi tidak terancang dan kekurangan infrastruktur informasi membantutkan potensi ekopelancongan Balik Pulau	Potensi Balik Pulau sebagai destinasi ekopelancongan yang unik dan bernilai tinggi belum dimanfaatkan sepenuhnya akibat ketiadaan promosi berskala besar. Kekurangan papan tanda utama di lokasi strategik serta bahan penerangan menyebabkan kawasan ini kurang dikenali oleh pelancong luar, walaupun memiliki daya tarikan semula jadi. Terdapat keperluan strategi promosi yang terancang dan berterusan, bukan sekadar projek bersifat ad hoc. Pengusaha tempatan terpaksa menanggung kos sendiri bagi tujuan pemasaran	**Plan Malaysia Pulau Pinang** Memaklumkan bahawa Balik Pulau telah dikenal pasti dalam kajian Dasar Perbandaran Negara Ketiga oleh Plan Malaysia Persekutuan, yang meletakkan kawasan ini sebagai tumpuan pembangunan dalam tempoh 10 bulan akan datang. Selain itu, kajian Rancangan Tempatan Penang South Island 2050 sedang dijalankan bersama Perbadanan Infrastruktur Pulau Pinang (PIC). Kajian ini merangkumi pelan tindakan secara berfasa yang boleh dirujuk bagi isu berkaitan perumahan dan pembangunan di Balik Pulau.
2.	Ketidakseimbangan dalam strategi perancangan pelancongan di Pulau Pinang	Perancangan pelancongan sedia ada lebih tertumpu kepada kawasan bandar seperti Georgetown, menyebabkan kawasan lain seperti Balik Pulau terpinggir dan kurang diberi ruang dalam strategi promosi pelancongan negeri.	** Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir*

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
3.	Fragmentasi antara agensi menghalang hasil bersepadu untuk komuniti	Walaupun terdapat pelbagai agensi terlibat dalam inisiatif pelancongan, hasil kerjasama tersebut belum diterjemahkan kepada impak nyata. Komuniti mengharapkan penyelesaian bersepadu dan hasil yang konkrit, bukan sekadar perancangan tanpa pelaksanaan.	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir*
4.	Pelesenan tidak mesra pengusaha (proses rumit, kos tinggi dan kekurangan latihan/subsidi) menyebabkan pengusaha beroperasi tanpa lesen.	Ramai pengusaha pelancongan tempatan masih beroperasi tanpa lesen sah disebabkan proses kelulusan yang rumit. Hanya Karuna Hill sahaja beroperasi secara sah.	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir*
		Kos permohonan lesen daripada pihak berkuasa tempatan dianggap membebankan pengusaha tempatan.	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir*
		Terdapat keperluan latihan dan subsidi untuk pengusaha tempatan seperti negara Taiwan.	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir*
5.	Akses jalan tidak memadai menghambat tarikan pelancongan	Terdapat keperluan penurapan dan pelebaran jalan ke lokasi tarikan pelancongan.	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir*
		Kos penyelenggaraan tapak persendirian tinggi tanpa pulangan.	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir*
6.	Rangkaian mobiliti lemah (balik pulau–teluk bahang)	Perkhidmatan bas awam ke Balik Pulau menghadapi pelbagai kekangan termasuk kekerapan operasi yang tidak menentu, jumlah penumpang yang rendah, serta isu penyelenggaraan laluan. Perkhidmatan yang hanya	**Penang Women's Development Corporation (PWDC)** PWDC turut mengesahkan dan bersetuju isu kekurangan pengangkutan awam ke kawasan

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	menyekat aliran pelancong	beroperasi semasa musim tertentu seperti musim durian sahaja. Situasi ini menyebabkan pengalaman pelancong terjejas, termasuk insiden menunggu bas dalam tempoh yang lama.	pelancongan seperti dusun durian dan homestay di pedalaman Balik Pulau. Ketiadaan perkhidmatan menyeluruh menyebabkan pelancong sukar mengakses lokasi-lokasi ini, yang memberi kesan kepada komuniti tempatan. Beliau mencadangkan agar Rapid Penang diundang menyertai sekretariat atau FGD akan datang bagi memberikan penjelasan berkenaan perancangan laluan, jadual dan kemungkinan pengembangan perkhidmatan.
		Pengusaha setempat menggesa agar laluan Bas 501 diaktifkan semula, sambil menekankan keperluan intervensi kerajaan dalam bentuk subsidi operasi	
		Perkhidmatan e-hailing tidak konsisten dan ketiadaan *e-bike* di Balik Pulau. Pengusaha tempatan menegaskan keperluan pengangkutan bagi Balik Pulau–Teluk Bahang kerana tanpa penjagaan akses mobiliti, pelancongan akan merosot.	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir*

Jadual 10. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 7

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 7: Dialog Bersama Komuniti Sukarelawan Wanita (NGO Wanita Prihatin Pulau Pinang) **Tarikh:** 23 Februari 2025 **Bilangan peserta:** 20 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam tiga kumpulan			**Agensi yang memberikan maklum balas:** 1. Zakat Pulau Pinang 2. Pengarah Hospital Balik Pulau: 3. YB Ahli Parlimen 4. Jabatan Pembangunan Wanita(JPW) 5. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) 6. Jabatan Kerja Raya (JKR) 7. Penang Women's Development Corporation (PWDC) 8. Pegawai Daerah 9. Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP)
1.	Sistem kebajikan tidak mesra warga emas dan kerapuhan rangkaian sokongan	Ramai warga emas hidup bersendirian walaupun mempunyai anak, kerana komitmen kewangan dan tanggungjawab keluarga menyebabkan mereka kurang diberi perhatian. Keadaan ini menimbulkan rasa terpinggir dan kesunyian dalam kalangan warga emas.	**Zakat Pulau Pinang** Zakat turut menerima aduan berkaitan warga emas yang tinggal bersendirian tetapi tidak menerima bantuan berkala. Menurut penjelasan, bantuan bulanan tidak diberikan secara automatik kerana penilaian turut melibatkan keadaan anak-anak atau waris. Jika warga emas tinggal bersama anak, atau diketahui anak masih menyokong dari segi kewangan, maka bantuan mungkin tidak disalurkan secara bulanan, sebaliknya secara
		Terdapat warga emas yang terlantar sakit tanpa penjagaan mencukupi, manakala proses mendapatkan bantuan kebajikan pula sering rumit. Status mempunyai anak atau rumah sendiri kerap dijadikan alasan permohonan ditolak, walaupun hakikatnya mereka masih memerlukan sokongan asas seperti rawatan kesihatan.	
		Penempatan warga emas turut berdepan cabaran apabila keperluan mendapatkan persetujuan waris	

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		menyukarkan proses penghantaran ke rumah jagaan. Dalam sesetengah kes, warga emas sendiri enggan berpindah, memilih untuk kekal di rumah walaupun dalam keadaan tidak terurus.	sekaligus *(one-off).* Dalam kes lain, warga emas ditawarkan untuk ditempatkan di rumah kebajikan seperti Darul Hanan, namun ramai enggan berpindah, menyebabkan kebajikan mereka sukar dipantau secara berkala.
2.	Pendigitalan dan mobiliti yang tidak inklusif menyekat akses kesihatan warga emas	Peralihan kepada transaksi digital di fasiliti kesihatan menimbulkan kesukaran kepada warga emas yang tidak celik teknologi atau tidak memiliki akaun bank.	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir*
		Kekurangan pengangkutan hospital atau klinik menyukarkan mereka mendapatkan rawatan. Walaupun dihantar oleh anak, mereka sering terpaksa menguruskan diri sendiri semasa berurusan dengan perkhidmatan kesihatan.	
		Proses rawatan pula tidak mengambil kira keperluan khusus warga emas dan perlu menunggu giliran seperti pesakit lain tanpa keutamaan.	**Pengarah Hospital Balik Pulau** Memaklumkan bahawa unit kecemasan hospital masih kekal beroperasi berdasarkan pengkelasan tahap kecemasan, iaitu: • Zon Merah *(red zone)* – kes kritikal, dilayan segera • Zon Kuning *(yellow zone)* – kes separa kritikal, turut dilayan segera • Zon Hijau *(green zone)* – kes tidak kritikal, menunggu mengikut tempoh yang ditetapkan

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			Mengikut Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Kementerian Kesihatan, pesakit di zon hijau sepatutnya dilihat dalam tempoh sehingga 90 minit, namun kini telah dilanjutkan kepada maksimum 2 jam. Daripada analisis yang dilakukan, 90% hingga 95% pesakit kecemasan di Hospital Balik Pulau adalah dari zon hijau. Ini menunjukkan bahawa hospital masih beroperasi dengan baik, dan hanya sekitar 5% hingga 10% pesakit yang mungkin perlu menunggu lebih lama. Dengan anggaran 100 hingga 120 pesakit kecemasan sehari, ini bermaksud sekitar 10 hingga 12 pesakit setiap hari yang mungkin dilayan melebihi tempoh KPI. Pengarah hospital turut menerangkan bahawa isu kelewatan sering berlaku pada waktu malam selepas waktu berbuka puasa, apabila pesakit datang secara berkumpulan (3 hingga 7 orang sekaligus), dan menyebabkan pegawai perubatan tidak dapat memberi rawatan segera secara berperingkat.

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			Berbeza dengan klinik pakar yang kini menggunakan sistem temujanji berperingkat (staggered appointment) untuk mengelakkan kesesakan, unit kecemasan tidak mempunyai keupayaan untuk mengawal aliran pesakit dengan cara yang sama. Pegawai perubatan meminta kerjasama pesakit agar lebih sabar, kerana mereka sentiasa berusaha memberi rawatan sebaik mungkin. **YB Ahli Parlimen** Memaklumkan bahawa Skim Perubatan MADANI telah diperkenalkan oleh kerajaan untuk mengurangkan kesesakan di hospital kerajaan, khususnya bagi kes bukan kritikal. Melalui skim ini, pesakit boleh mendapatkan rawatan di klinik swasta berdaftar di bawah skim, tanpa perlu hadir ke hospital. Jumlah manfaat yang diberikan ialah: • RM250 setahun untuk satu keluarga • RM125 setahun untuk warga emas • RM152 setahun untuk individu bujang

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
3.	Kurangnya penyertaan wanita dalam kepimpinan	Kepimpinan komuniti masih didominasi lelaki walaupun ramai wanita terlibat aktif dalam pelbagai inisiatif. Malahan, sumbangan wanita dalam sektor keusahawanan dan sosial sering diabaikan.	**Jabatan Pembangunan Wanita(JPW)** JPW mencadangkan agar inisiatif melahirkan lebih ramai pemimpin wanita diteruskan melalui kerjasama dengan PWDC (Penang Women's Development Corporation), yang sebelum ini telah melaksanakan program di bawah Sidang Wanita. Program ini merupakan platform penting untuk melatih wanita dalam bidang kepimpinan dan pengurusan komuniti.
4.	Ketiadaan pusat sehenti kerajaan melemahkan perlindungan dan pemerkasaan wanita	Kemudahan perlindungan khusus bagi wanita teraniaya masih terhad, memaksa mereka mencari pilihan swasta yang mahal. Terdapat keperluan kepada satu pusat sokongan kerajaan yang bukan sahaja melindungi tetapi juga membantu membangunkan potensi wanita, termasuk ibu tunggal dan wanita yang ditinggalkan.	**Jabatan Pembangunan Wanita(JPW)** JPW mengesahkan bahawa tiada rumah perlindungan milik kerajaan yang disediakan khusus untuk kes keganasan rumah tangga di Pulau Pinang. Namun, beberapa organisasi swasta seperti Women's Centre for Change (WCC) dan Tenaganita pernah menjalankan perkhidmatan ini. Walaubagaimanapun, Tenaganita telah menghentikan operasi, dan kes-kes keganasan domestik perlu terlebih dahulu dibuat laporan polis sebelum tindakan selanjutnya diambil.

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			JPW menjelaskan bahawa antara cabaran utama ialah pengadu tidak konsisten dalam membuat laporan – mereka bersetuju membuat laporan semasa insiden berlaku tetapi kemudian menarik semula laporan setelah berdamai, yang menyukarkan proses perlindungan dan bantuan. Selain itu, di bawah Yayasan Kebajikan Negara (YKN), terdapat kemudahan Anjung Singgah, namun hanya satu atau dua kuota sahaja diperuntukkan bagi kes keganasan rumah tangga.
5.	Kesukaran ibu tunggal dalam mendapatkan banntuan kewangan	Bantuan tidak diterima oleh sebahagian pemohon walaupun mereka benar-benar memerlukan dan termasuk dalam kategori asnaf. Malahan, punca penolakan tidak dimaklumkan.	**Zakat Pulau Pinang** Menurut pihak Zakat Pulau Pinang, ibu tunggal tidak disekat daripada memohon bantuan, malah mereka biasanya tidak menghadapi masalah besar selagi memenuhi syarat asas tanggungan dan kewangan. Selain ibu tunggal, ketua isi rumah yang digantikan oleh wanita, seperti isteri kepada suami yang sedang menjalani hukuman penjara atau berada di pusat pemulihan, juga layak memohon bantuan zakat. Namun, jika ibu tunggal tersebut mempunyai pendapatan melebihi had kifayah, maka permohonannya

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			tidak akan diluluskan. Sekiranya jumlah tanggungan ramai dan pendapatan rendah, bantuan lazimnya akan diberikan.
6.	Pembangunan ekonomi ibu tunggal terhad	NGO setempat mahu sokongan yang lebih mampan bukan sekadar dana agihan dengan cadangan diberi modal untuk jalankan projek penjanaan pendapatan agar hasilnya boleh menyalur manfaat terus kepada asnaf serta mewujudkan kerja sukarela berbayar. Namun, peranan NGO terhad oleh pelbagai halangan, dana yang kecil, dan kebergantungan pada sumbangan sendiri atau YB.	**Jabatan Pembangunan Wanita (JPW)** JPW memaklumkan bahawa terdapat Bantuan Khas Perbendaharaan yang disediakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, berjumlah RM2 juta, untuk menyokong program pembangunan wanita oleh NGO. Dana ini boleh digunakan untuk: • Kelas kemahiran • Program penjanaan pendapatan • Aktiviti komuniti wanita NGO perlu menyediakan kertas cadangan projek yang akan dinilai dan disahkan oleh pihak JPW. Dana ini turut menyasarkan NGO yang berdaftar dan aktif dalam pembangunan wanita. JPW memaklumkan bahawa hebahan dibuat melalui: • Laman Facebook rasmi JPW • Taklimat kepada NGO berdaftar • Hebahan terus kepada NGO tempatan

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			Namun, penglibatan NGO di Pulau Pinang masih rendah, termasuk dalam permohonan Geran Perantis. Antara sebab yang dikenalpasti ialah keaktifan NGO menurun selepas pandemik COVID-19 (PKP). **Penang Women's Development Corporation (PWDC)** PWDC memaklumkan bahawa pihaknya akan bekerjasama dengan NGO dan agensi berkaitan untuk memperkukuh pembangunan usahawan wanita, termasuk memberi perhatian terhadap inisiatif yang boleh membantu bangkit semula pasca pandemik. PWDC turut mencadangkan supaya NGO wanita memohon Geran Bantuan Khas Perbendaharaan di bawah Kementerian Pembangunan Wanita yang menyediakan peruntukan sebanyak RM2 juta. Geran ini disasarkan bagi program berkaitan penjanaan pendapatan wanita, dan permohonan akan dinilai oleh kementerian.

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Terdapat cadangan agar disalurkan dana untuk membuka program yang membolehkan ibu tunggal menjana pendapatan dari rumah. Sokongan kerajaan diminta bagi menyediakan kursus kemahiran untuk ibu tunggal dan asnaf. Selain itu, dicadangkan peluang berniaga melalui penyediaan atau keutamaan menggunakan warung milik kerajaan bagi membantu mereka memulakan perniagaan tanpa beban sewa awal.	**Jabatan Pembangunan Wanita(JPW)** Agensi memaklumkan bahawa terdapat pusat latihan wanita di bawah mereka yang dikenali sebagai Laman Wanita, dan satu-satunya pusat di Pulau Pinang terletak di Jalan Anson, George Town. Di sini, peserta wanita boleh menyertai pelbagai kursus seperti bakeri, jahitan, dan kemahiran lain. JPW membuka ruang untuk berbincang lebih lanjut bagi merancang kursus khas bersesuaian dengan keperluan komuniti wanita di kawasan terlibat. JPW juga menyarankan agar agensi seperti KEMAS turut dilibatkan bagi memperluas liputan program latihan.
7.	Kekurangan sistem sokongan kepada kanak-kanak istimewa	Kanak-kanak OKU berkerusi roda tidak menerima bantuan JKM atau Zakat. Permohonan JKM ditolak kerana syarat memerlukan kanak-kanak OKU mesti bersekolah sedangkan sekolah jauh menyebabkan beliau tidak hadir. Usaha susulan dengan pegawai tetap tidak berhasil, manakala permohonan Zakat turut ditolak atas alasan bantuan berfokus kepada “anak-anak asnaf”, sekali gus mengecualikan kes OKU ini.	**Zakat Pulau Pinang** Wakil Zakat menjelaskan bahawa permohonan untuk bantuan seperti kerusi roda bagi golongan OKU sebenarnya tidak mempunyai halangan besar dari sudut agensi. Namun begitu, setiap permohonan dinilai berdasarkan prinsip had kifayah, iaitu sama ada keluarga pemohon tergolong dalam golongan asnaf atau tidak.

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			Pihak Zakat tidak meletakkan sebarang syarat berkaitan umur atau status pendidikan (tidak bersekolah) sebagai penghalang. Oleh itu, jika keluarga OKU tersebut tergolong dalam kumpulan yang tidak melepasi had kifayah, bantuan sepatutnya boleh disalurkan.
8.	Perumahan tidak mampu milik	Kos perumahan tinggi menyukarkan akses kepada rumah mampu milik di Bayan Lepas. Kadar sewa minimum pula sekitar RM500 dan kini lazimnya RM600–RM700 ke atas walaupun untuk unit flat.	**Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP)** Harga rumah kos rendah di Balik Pulau bermula serendah RM42,000 (seperti di projek K-Park), kini dijenamakan sebagai Rumah MutiaraKu. Tabung penyelenggaraan disediakan bagi membantu JMB/MC menyelenggara fasiliti flat (contoh: tangki air, lif) sehingga 80% kos kerja ditanggung oleh kerajaan negeri. Bagi isu sewaan tinggi dan permintaan terhadap rumah sewa mampu milik, satu cadangan telah dikemukakan kepada KPKT untuk membina projek PPR di Daerah Barat Daya.
9.	Banjir kilat dan infrastruktur	Terdapat masalah banjir kilat yang kerap berlaku akibat hujan lebat dan fenomena air pasang di beberapa kawasan termasuklah Kampung Nelayan, Taman Kumbar Permai dan Kampung Masjid	**Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)** Wakil JPS memaklumkan bahawa projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Teluk Kumbar

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	perparitan belum memadai		telah dilaksanakan dan setakat ini tiada lagi kejadian banjir dilaporkan di kawasan tersebut. Namun, terdapat kekeliruan berkaitan lokasi Kampung Nelayan yang disebut dalam isu nombor 58. JPS menjelaskan bahawa: Sekiranya dimaksudkan Kampung Nelayan di Teluk Kumbar, maka tiada isu banjir dilaporkan. Tetapi sekiranya yang dimaksudkan ialah Taman Nelayan di Sungai Pinang, maka banjir akibat air pasang masih berlaku di kawasan tersebut.
		Sistem perparitan yang tidak lancar di Mutiara Perdana, Bayan Lepas, memerlukan penyelenggaraan longkang dan pembangunan seimbang.	**Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)** JPS menjelaskan bahawa isu sistem perparitan di kawasan perumahan Bayan Lepas adalah di bawah tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). **Pegawai Daerah** Turut mengesahkan bahawa kawasan perumahan di Daerah Barat Daya secara amnya adalah di bawah seliaan JKR, namun sistem perparitan dan penyelenggaraan harian (seperti

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			pembersihan dan pembaikan kecil) adalah tugas MBPP. **Jabatan Kerja Raya (JKR)** JKR pula menyatakan bahawa kawasan yang sering terkesan banjir kilat termasuk Bayan Lepas dan Queensbay. Kawasan ini merupakan kawasan pembangunan lama dan terletak di zon rendah, menjadikannya lebih mudah terdedah kepada banjir kilat. Berkenaan kejadian banjir kilat di kawasan Mutiara Perdana, Bayan Lepas, wakil JKR mengesahkan bahawa: • JKR tidak pernah menerima aduan rasmi berkenaan Mutiara Perdana. • Kawasan tersebut terletak di Jalan Federal, dan sebarang kerja pembaikan akan dilaksanakan oleh konsesi yang dilantik. • JKR hanya bertanggungjawab ke atas struktur rosak, manakala kerja penyelenggaraan longkang harian (termasuk pembersihan dan pembuangan sampah) diuruskan oleh MBPP.

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
10.	Gejala sosial yang mengganggu ketenteraman dan keselamatan masyarakat	Di kawasan Taman Nelayan, Balik Pulau, kanak-kanak seawal umur 6 tahun hingga remaja sering bermain basikal lajak pada waktu malam di lokasi yang kurang pencahayaan, menimbulkan risiko keselamatan.	**YB Ahli Parlimen** Menegaskan bahawa walaupun lumba haram adalah isu serius, basikal lajak adalah lebih berbahaya, kerana risiko kemalangan yang tinggi. Beliau menyatakan usaha sedang dilakukan untuk membawa pengusaha litar sah seperti litar go-kart atau litar lumba bermotor ke kawasan tersebut sebagai alternatif aktiviti belia.
		Gejala rempit melibatkan remaja, malah seawal sekitar 12 tahun turut berlaku di Teluk Kumbar, Bayan Lepas (Kampung Bukit, Kampung Seronok), serta Taman Nelayan Sungai Pinang. Penunggang kerap tidak memakai helmet, menakutkan pengguna jalan raya hingga terpaksa menunggu mereka melepasi selekoh. Kegiatan ini juga menyebabkan gangguan bunyi kuat pada waktu malam.	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir*
		Kecurian motosikal dan logam terutama besi longkang kerap berlaku. Kes disebut khusus di Mutiara Perdana serta meluas ke kawasan seperti Teluk Bahang dan Sungai Batu.	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir*

Jadual 11. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 8

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 8: Dialog Bersama Komuniti Warga Emas (PAWE Balik Pulau) **Tarikh:** 24 Februari 2025 **Bilangan peserta**: 8 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam dua kumpulan			**Agensi yang memberikan maklum balas:** 1. Pengarah Hospital Balik Pulau 2. YB Ahli Parlimen 3. Penang Women's Development Corporation (PWDC)
1.	Kekangan pengangkutan menjejaskan penyertaan warga emas	Ramai warga emas menghadapi kesukaran untuk menyertai aktiviti komuniti kerana masalah pengangkutan. Kekurangan kenderaan sendiri serta kos tinggi perkhidmatan e-hailing menjadi penghalang utama, menyebabkan hanya mereka yang berkemampuan hadir ke program.	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir*
2.	Kehilangan ruang aktiviti (Dewan PAWE) akibat disewa pihak swasta	Dewan sedia ada telah diambil alih dan disewakan untuk majlis perkahwinan (Lia Butik), menyebabkan warga emas terpaksa berkongsi ruang atau mencari tapak Baharu.	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir*
		Tapak baharu 50×80 telah dicadang dan permohonan peruntukan dihantar ke Kementerian Luar Bandar; masih menunggu.	
		Terdapat kebimbangan kehilangan tempat (bergantung budi bicara pemilik/YB), namun tiada arahan rasmi mengusir PAWE.	
3.	Warga emas terdedah kepada penipuan kewangan	Warga emas di Balik Pulau terdedah dengan risiko penipuan yang memanipulasi panggilan telefon dan pautan mesej, termasuk jemputan palsu serta penyamaran sebagai pihak telco. Kekurangan literasi digital menyebabkan mereka mudah mengikut arahan	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir*

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	berasaskan telefon, pautan digital dan fizikal	yang kelihatan rasmi seperti menekan pautan hingga membawa kepada kehilangan wang yang besar. Tambahan rasa malu atau enggan berkongsi dengan anak/ahli keluarga pula menghalang mereka mendapatkan nasihat awal, menjadikan kerugian hanya disedari selepas transaksi berlaku	
		Penipuan tidak hanya berlaku melalui panggilan atau mesej telefon sahaja. Malahan terdapat taktik berasaskan pemerhatian fizikal di premis kewangan. Sebagai contohnya, terdapat dua kes dimana *scammer* mengekori warga emas hingga ke rumah.	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir*
4.	Kesunyian dan kekurangan interaksi sosial dalam kalangan warga emas	Warga emas tinggal bersendirian dan mengalami kemurungan, lalu menjadikan PAWE satu-satunya tempat bersosial.	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir*
		Terdapat keperluan mempunyai aktiviti interaksi sosial.	
		Situasi kemurungan bagi warga emas tinggal bersendirian, sunyi, lalu "mendengar bisikan" seolah-olah ada orang berbual padahal mereka keseorangan.	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir*
5.	Perkhidmatan awam yang kurang memuaskan	Kekerapan bas yang rendah menyukarkan mobiliti harian iaitu hanya sejam sekali.	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir*
		Perkhidmatan Unit Kecemasan Hospital Balik Pulau perlahan, dengan pesakit menunggu lebih dari satu jam untuk rawatan.	**Pengarah Hospital Balik Pulau** Memaklumkan bahawa unit kecemasan hospital masih kekal beroperasi berdasarkan pengkelasan tahap kecemasan, iaitu: • Zon Merah *(red zone)* – kes kritikal, dilayan segera
		Peserta menegaskan temu janji terjadual di klinik pesakit luar (OPD) biasanya lancar. Namun, masalah sebenar tertumpu pada Unit Kecemasan.	

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			• Zon Kuning *(yellow zone)* – kes separa kritikal, turut dilayan segera • Zon Hijau *(green zone)* – kes tidak kritikal, menunggu mengikut tempoh yang ditetapkan Mengikut Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Kementerian Kesihatan, pesakit di zon hijau sepatutnya dilihat dalam tempoh sehingga 90 minit, namun kini telah dilanjutkan kepada maksimum 2 jam. Daripada analisis yang dilakukan, 90% hingga 95% pesakit kecemasan di Hospital Balik Pulau adalah dari zon hijau. Ini menunjukkan bahawa hospital masih beroperasi dengan baik, dan hanya sekitar 5% hingga 10% pesakit yang mungkin perlu menunggu lebih lama. Dengan anggaran 100 hingga 120 pesakit kecemasan sehari, ini bermaksud sekitar 10 hingga 12 pesakit setiap hari yang mungkin dilayan melebihi tempoh KPI. Pengarah hospital turut menerangkan bahawa isu kelewatan sering berlaku pada waktu malam

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			selepas waktu berbuka puasa, apabila pesakit datang secara berkumpulan (3 hingga 7 orang sekaligus), dan menyebabkan pegawai perubatan tidak dapat memberi rawatan segera secara berperingkat. Berbeza dengan klinik pakar yang kini menggunakan sistem temujanji berperingkat (staggered appointment) untuk mengelakkan kesesakan, unit kecemasan tidak mempunyai keupayaan untuk mengawal aliran pesakit dengan cara yang sama. Pegawai perubatan meminta kerjasama pesakit agar lebih sabar, kerana mereka sentiasa berusaha memberi rawatan sebaik mungkin. **YB Ahli Parlimen** Memaklumkan bahawa Skim Perubatan MADANI telah diperkenalkan oleh kerajaan untuk mengurangkan kesesakan di hospital kerajaan, khususnya bagi kes bukan kritikal. Melalui skim ini, pesakit boleh mendapatkan rawatan di klinik swasta berdaftar di bawah skim,

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			tanpa perlu hadir ke hospital. Jumlah manfaat yang diberikan ialah: • RM250 setahun untuk satu keluarga • RM125 setahun untuk warga emas • RM152 setahun untuk individu bujang
		Warga emas enggan membuat aduan kerana bimbang akan menerima layanan buruk.	**Pengarah Hospital Balik Pulau** Tiada sebarang tindakan balas atau diskriminasi akan dikenakan terhadap mana-mana pengadu. Pihak hospital mengamalkan sistem aduan terbuka melalui platform SISPA, dan beliau sendiri mengamalkan dasar pintu terbuka di mana pesakit boleh hadir dan menyampaikan aduan secara terus. Beliau turut menegaskan bahawa butiran pengadu tidak akan didedahkan kepada mana-mana pegawai perubatan yang terlibat dalam aduan tersebut. Selain itu, semua petugas kesihatan tertakluk kepada etika perkhidmatan dan sumpah profesion, di mana setiap pesakit akan dilayan secara adil tanpa mengira bangsa, agama atau latar belakang.

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
6.	Kekangan pendigitalan *(digitalization)* dan warga emas	Peralihan kepada pembayaran tanpa tunai (QR/kad) menimbulkan halangan praktikal kepada warga emas yang kurang mahir IT. Bagi urusan kecil seperti bayaran RM1 di hospital sekalipun, ketiadaan kad atau ketidakfahaman penggunaan QR menyebabkan urusan tertangguh dan memerlukan bantuan orang lain.	**Penang Women's Development Corporation (PWDC)** Menyatakan bahawa isu pendigitalan bukan hanya terhad kepada warga emas, tetapi turut melibatkan petani, nelayan, dan usahawan luar bandar. Walaupun maklumat sudah tersedia di platform seperti Facebook dan laman web rasmi, golongan ini tidak dapat mengakses atau tidak tahu bagaimana hendak menggunakannya secara berkesan. Beliau mencadangkan agar Digital Penang iaitu anak syarikat Kerajaan Negeri dapat digerakkan ke kawasan Balik Pulau untuk menyediakan program latihan digital dan peningkatan kemahiran kepada golongan yang kurang celik digital.
		Penerima bantuan e-Kasih tidak menyedari tentang penerimaan bantuan bulanan kerana kekangan teknologi (telefon lama tanpa WhatsApp) dan saluran komunikasi yang tidak sesuai. Komunikasi lebih sesuai seperti melalui surat dicadangkan agar makluman sampai dengan pasti.	
		Terdapat keperluan untuk memberi bimbingan atau latihan supaya warga emas lebih faham dan selesa menggunakan sistem digital ini.	

Jadual 12. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu Temubual

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
Temubual : Dialog Bersama Komuniti OKU (Pusat Harian Harapan Bakti) **Tarikh:** 24 Februari 2025 **Bilangan peserta**: 3 orang **Kaedah FGD:** Temubual mendalam			**Agensi yang memberikan maklum balas:** Tiada
1.	Diskriminasi pasaran kerja dan pendidikan tidak inklusif menyekat potensi golongan OKU	Golongan OKU berdepan cabaran untuk memasuki pasaran kerja, di mana hanya sebilangan kecil sahaja diterima oleh majikan. Kekangan dari segi keupayaan fizikal, tahap produktiviti dan persepsi bahawa mereka sukar dilatih menjadi antara faktor utama peluang pekerjaan yang sangat terbatas.	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir*
		Pendekatan pengajaran kepada pelajar OKU masih belum sesuai, dengan sesetengah tenaga pengajar kurang keyakinan dan kesabaran dan kaedah pengajaran yang kurang bersesuaian.	
2.	Peruntukan JKM tidak mencukupi dan fasiliti latihan belum memadai	Peruntukan daripada JKM hanya mencukupi untuk membayar sebahagian kecil kos operasi seperti gaji asas kakitangan, manakala keperluan lain seperti aktiviti dan kemudahan tambahan terpaksa ditanggung sendiri oleh pusat. Kekurangan ini menyebabkan pihak pengurusan perlu mencari alternatif dana luar, walaupun keupayaan dan akses kepada sumber awam masih terhad.	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir*
		Fasiliti latihan yang tersedia masih tidak mencukupi untuk menyokong aktiviti kemahiran pelajar OKU.	

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Sebagai contoh, kekurangan peralatan asas seperti mesin pemotong kain	
3.	Sistem permohonan dalam talian JKM tidak stabil	Proses permohonan geran tahunan melalui sistem dalam talian JKM tidak efisien kerana sering mengalami gangguan teknikal. Keadaan ini menyukarkan urusan pentadbiran dan memaksa pihak pengurusan membuat lawatan berulang ke pejabat JKM bagi memastikan permohonan berjaya.	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir*

4.2 Pengutamaan Isu

4.2.1 Pengutamaan Isu 1: Keterbatasan Pembangunan Ekonomi Setempat

Pada asasnya, Parlimen Balik Pulau merupakan salah satu kawasan Parlimen di Negeri Pulau Pinang dengan struktur ekonomi tersendiri. Namun dari sudut geografi, Balik Pulau ialah kawasan luar bandar yang relatif terpinggir daripada arus pembangunan pesat di Daerah Timur Laut Pulau Pinang. Sehubungan itu, pembangunan ekonominya masih terhad dengan kebolehcapaian peluang tertumpu pada sektor perkhidmatan, pertanian dan agro-pelancongan yang masih di peringkat pengembangan. Akibatnya, beberapa keterbatasan ekonomi turut dirasai terutama dari segi pendapatan, peluang pekerjaan dan akses pasaran yang lebih dirasai oleh golongan rentan seperti wanita/ibu tunggal, warga emas, OKU, petani, nelayan kecil serta usahawan mikro.

- **Peningkatan kos sara hidup**

  Peningkatan kos sara hidup memberi kesan yang menyeluruh kepada pelbagai lapisan masyarakat tempatan, terutamanya golongan yang bergantung kepada sektor asas seperti penternak, nelayan, petani dan usahawan kecil. Dalam kalangan penternak, kenaikan mendadak harga makanan ternakan, diesel dan logistik menyebabkan kos operasi meningkat secara ketara, manakala harga jualan daging yang rendah tidak mampu menampung perbelanjaan tersebut. Nelayan pula terjejas akibat kos peralatan dan penyelenggaraan yang meningkat dua hingga tiga kali ganda, sedangkan harga jualan hasil tangkapan kekal statik seperti dua dekad lalu. Hal ini menyebabkan ramai dalam kalangan mereka terus berhutang dan tidak mampu membeli peralatan baharu.

  Petani turut berhadapan dengan lonjakan harga input seperti baja, racun dan benih yang tidak terkawal, sementara keberkesanannya menurun sehingga memerlukan penggunaan yang lebih kerap. Keadaan ini menjejaskan pendapatan dan daya saing sektor pertanian, malah ada yang terpaksa menanggung hutang bagi meneruskan penanaman. Dalam masa yang sama, usahawan kecil berdepan tekanan kos bahan mentah yang meningkat hampir setiap minggu, tetapi tidak dapat menaikkan harga jualan kerana kuasa beli pengguna yang lemah. Akibatnya, keuntungan menipis, aliran tunai terganggu dan operasi perniagaan menjadi semakin tidak mampan.

  Keseluruhannya, peningkatan kos sara hidup bukan sahaja menjejaskan kelangsungan ekonomi golongan pengusaha dan pekerja dalam sektor tradisional, tetapi turut melemahkan daya tahan komuniti Balik Pulau secara keseluruhan.

- **Peluang pekerjaan terhad**
  Peluang pekerjaan yang terhad di Balik Pulau menjadi antara cabaran utama yang menjejaskan kesejahteraan sosial dan ekonomi penduduk, khususnya dalam kalangan belia. Struktur ekonomi tempatan yang masih bergantung kepada sektor tradisional seperti pertanian, perniagaan kecil-kecilan dan perikanan menyebabkan ruang pekerjaan yang ditawarkan sangat terhad dan tidak pelbagai. Kebanyakan belia terpaksa berhijrah ke kawasan lain seperti Bayan Lepas untuk bekerja di kilang kerana kekurangan peluang kerja profesional atau pejabat di kawasan sendiri. Keadaan ini diburukkan lagi oleh struktur upah yang rendah dan tiada laluan perkembangan kerjaya yang jelas, menyebabkan ramai graduan berkelayakan hanya bekerja sebagai operator kilang dengan gaji minimum yang tidak mencukupi untuk menampung kos sara hidup. Persaingan dengan pekerja asing yang sanggup menerima upah lebih rendah turut menjejaskan peluang pekerjaan bagi warga tempatan. Akibatnya, ramai belia beralih kepada pekerjaan tidak formal atau ekonomi gig seperti perniagaan dalam talian yang dilihat lebih mudah dan tidak memerlukan modal besar. Namun, fenomena ini juga membawa risiko jangka panjang dari segi kestabilan pendapatan dan keselamatan sosial.

- **Ketiadaan bantuan khusus untuk ibu tunggal**
  Di Balik Pulau, sokongan sedia ada belum memadai dan tidak cukup terarah kepada keperluan khusus ibu tunggal. Dalam sesi FGD, peserta menyatakan bahawa walaupun pelbagai bentuk bantuan kerajaan disediakan, kebanyakannya bersifat umum dan tidak mengambil kira keperluan khas ibu tunggal seperti bantuan penjagaan anak, latihan kemahiran atau sokongan perniagaan kecil. Akibatnya, ramai dalam kalangan mereka tercicir daripada akses kepada program pembangunan ekonomi dan sosial, sekali gus kekal terperangkap dalam kitaran kemiskinan.

Jadual 13. Ringkasan Isu 1

Permasalahan berkaitan dengan Isu	1. Peningkatan kos sara hidup 2. Peluang pekerjaan yang terhad 3. Ketiadaan bantuan khusus untuk ibu tunggal
Cadangan	1. Mewujudkan Program Daya Tahan Kos Hidup Balik Pulau 2. Membuka peluang pekerjaan/pendapatan melalui peningkatan kemahiran TVET ringan dan kemahiran digital untuk pekerjaan setempat dan kerja jarak jauh.

	3. Menyediakan bantuan khusus dan bersepadu kepada ibu tunggal agar berdaya ekonomi dan stabil dari segi sosial.
Kumpulan Terjejas	Wanita, Ibu Tunggal, Petani, Belia
Kawasan	Pulau Betong, Teluk Bahang
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	**Sasaran SDG Berkaitan**
SDG 4 - Memastikan pendidikan berkualiti, menyeluruh dan saksama serta menggalakkan peluang pembelajaran sepanjang hayat untuk semua	Sasaran 4.4: Menjelang 2030, meningkatkan dengan ketara bilangan belia dan dewasa yang memiliki kemahiran yang relevan, termasuk kemahiran teknikal dan vokasional untuk penggajian, pekerjaan yang baik dan keusahawanan
SDG 5 - Mencapai kesaksamaan gender dan memperkasa semua golongan wanita	Sasaran 5.5: Memastikan penyertaan penuh wanita secara berkesan, serta peluang sama rata untuk memimpin pada semua peringkat membuat keputusan politik, ekonomi dan kehidupan awam
SDG 8 - Menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang mampan, menyeluruh dan mampan, guna tenaga penuh dan produktif serta pekerjaan yang baik untuk semua	Sasaran 8.5: Menjelang 2030, mencapai guna tenaga penuh dan produktif serta pekerjaan yang baik untuk semua wanita dan lelaki, termasuk belia dan orang kurang upaya, serta bayaran sama rata untuk kerja dengan nilai yang sama

4.2.2 Pengutamaan Isu 2: Rantaian Sokongan Orang Kurang Upaya (OKU) yang terhad

Secara amnya, komuniti Orang Kurang Upaya (OKU) sering berhadapan dengan pelbagai masalah dan kekangan dalam kehidupan seharian. Permasalahan ini turut tidak asing di Parlimen Balik Pulau. Terdapat beberapa organisasi yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang berusaha memastikan kelangsungan dan kemandirian komuniti OKU. Namun begitu, isu pembangunan ekonomi dan sosial komuniti ini masih berlarutan.

- **Batasan akses pengangkutan dan prasarana mesra OKU ke sekolah**
  Pengangkutan dan prasarana mesra OKU merupakan prasyarat asas kepada penyertaan pendidikan yang inklusif serta indikator keterlibatan OKU dalam komuniti. Hal ini demikian kerana kekurangan kemudahan mobiliti akan terus menghadkan pergerakan pelajar berkeperluan khas dan menambah beban

penjaga. Dalam konteks Balik Pulau, sebahagian murid OKU berdepan ketiadaan pengangkutan khusus seperti perkhidmatan pintu ke pintu (*"door-to-door")* atau van mesra OKU. Kekangan ini menyebabkan kebanyakan murid OKU ini terpinggir daripada sistem pendidikan formal. Kesan daripada jurang akses ini akan berpanjangan, termasuklah peluang peralihan ke latihan dan pekerjaan, dan risiko pengulangan kitaran kerentanan sosioekonomi pada masa hadapan.

- **Halangan peralihan pendidikan kepada pekerjaan**
  Peralihan daripada alam persekolahan kepada pekerjaan didapati sangat mencabar bagi pelajar OKU di Balik Pulau. Kadar penempatan kerja adalah rendah susulan penapisan majikan dan persepsi terhadap keupayaan, sehingga hanya sebilangan kecil graduan OKU yang diterima bekerja walaupun jumlah calon adalah jauh lebih besar. Kekurangan keyakinan dan kompetensi pedagogi dalam pengajaran pendidikan khas turut mengurangkan kesiapsiagaan kerja pelajar OKU.

- **Dana operasi daripada JKM tidak mencukupi**
  Menerusi sesi dialog antara agensi bagi pemetaan isu di Parlimen Balik Pulau, agensi kerajaan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) didapati sangat menyokong usaha memperkasakan OKU. Namun begitu peruntukan hanya menfokuskan operasi sahaja dan dana yang diterima hanyalah sekitar separuh daripada keperluan sebenar dan kebiasaannya hanya menampung emolumen, manakala kos aktiviti pemulihan serta pemerkasaan tidak termasuk. Tambahan Skim Sukarelawan JKM yang mengehadkan imbuhan kepada RM900 sebulan juga tidak sepadan dengan kelayakan dan beban tugas pentadbiran sahaja. Sebagai contohnya, Pusat Harian Bakti Balik Pulau terpaksa menampung kekurangan menggunakan sumber dalaman. Kekangan ini secara langsung menghadkan kapasiti program berfokus OKU di Balik Pulau.

- **Keupayaan NGO mengumpul dana awam terhad**
  Kelestarian sesuatu projek atau program sangat bergantung pada kesinambungan dana. Hakikatnya, rata-rata NGO termasuklah Pusat Harian Bakti berdepan kekangan pembiayaan dan keupayaan yang terhad untuk mengumpul dana awam. Akibatnya, banyak inisiatif berkaitan OKU terpaksa dilaksanakan pada skala kecil atau ditangguhkan apabila sumber tidak mencukupi. Kekangan ini turut mengehadkan keanjalan program untuk bertindak balas terhadap keperluan komuniti yang sentiasa berubah. Natijahnya, komuniti OKU kekal pada tahap yang sama dan terus ketinggalan dalam usaha memperkasa kemandirian diri.

Jadual 14. Ringkasan Isu 2

Permasalahan berkaitan dengan Isu	1. Akses pengangkutan dan prasarana mesra OKU ke sekolah 2. Halangan peralihan pendidikan kepada pekerjaan 3. Dana operasi JKM tidak mencukupi 4. Keupayaan NGO mengumpul dana awam terhad
Cadangan	1. Mewujudkan program berbentuk latihan bimbingan kerjaya atau kemahiran sedia kerja. 2. Menyediakan Skim Pengukuhan Operasi Perkhidmatan OKU 3. Mewujudkan program penjanaan ekonomi
Kumpulan Terjejas	Orang Kurang Upaya (OKU)
Kawasan	Pusat Harian Bakti, Balik Pulau
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	**Sasaran SDG Berkaitan**
SDG 1 - Menamatkan semua jenis kemiskinan di seluruh dunia	Sasaran 1.4: Menjelang 2030, memastikan semua lelaki dan wanita, terutamanya golongan miskin dan berisiko, mempunyai hak yang sama rata terhadap sumber ekonomi, dan juga akses kepada perkhidmatan asas, pemilikan dan kawalan terhadap tanah dan bentuk harta lain, pewarisan, sumber asli, teknologi baharu yang sesuai dan perkhidmatan kewangan, termasuk mikrokewangan
SDG 4 - Memastikan pendidikan berkualiti, menyeluruh dan saksama serta menggalakkan peluang pembelajaran sepanjang hayat untuk semua	Sasaran 4.4: Menjelang 2030, meningkatkan dengan ketara bilangan belia dan dewasa yang memiliki kemahiran yang relevan, termasuk kemahiran teknikal dan vokasional untuk penggajian, pekerjaan yang baik dan keusahawanan
SDG 8 - Menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang mampan, menyeluruh dan mampan, guna tenaga penuh dan produktif serta pekerjaan yang baik untuk semua	Sasaran 8.5: Menjelang 2030,mencapai guna tenaga penuh dan produktif serta pekerjaan yang baik untuk semua wanita dan lelaki, termasuk belia dan orang kurang upaya, serta bayaran Sama rata untuk kerja dengan nilai yang sama

4.2.3 Pengutamaan Isu 3: Kekangan Pendigitalan dan teknologi

Di Balik Pulau, kelompok utama yang terkesan dalam konteks pendigitalan dan teknologi ini merangkumi warga emas, usahawan mikro (terutama dalam pertanian, makanan desa dan agro-pelancongan), pelajar serta ibu bapa B40. Apabila lebih banyak urusan kerajaan, perbankan dan perniagaan beralih ke platform digital sejak pasca pandemik, kekangan akses peranti, dan kemahiran rendah menyebabkan sebahagian komuniti ketinggalan. Akibatnya, peluang ekonomi, akses bantuan serta keselamatan transaksi menjadi isu yang semakin mendesak.

- **Literasi digital dan kemahiran teknologi di tahap rendah**
  Tahap literasi digital dan kemahiran teknologi yang rendah bagi sebahagian komuniti terutamanya warga emas di Balik Pulau menjejaskan akses kepada bantuan dan perkhidmatan. Sebagai contohnya, terdapat kes penerima e-Kasih yang tidak menyedari bantuan bulanan diterima kerana menggunakan telefon lama tanpa WhatsApp. Maka, maklumat dan bantuan sewajarnya gagal disalurkan kepada golongan sasar yang mempunyai kelemahan dalam literasi digital dan kemahiran teknologi. Justeru, situasi ini menunjukkan saluran komunikasi digital sedia ada tidak inklusif dan wajar dilengkapkan dengan kaedah alternatif seperti surat. Pihak berkaitan juga menegaskan keperluan bimbingan atau latihan agar warga emas dan kumpulan rentan lebih faham dan selesa menggunakan sistem digital.

- **Ketidaksediaan Pelaksanaan Penggunaan Kemudahan Digital Menyeluruh Kepada warga emas**
  Peralihan kepada pembayaran tanpa tunai (QR/kad) menimbulkan kesukaran nyata kepada warga emas di Balik Pulau. Mereka mengakui “buta IT” dan sukar menggunakan kod QR, malah wujud situasi bayaran kecil di fasiliti kesihatan yang hanya menerima kad/kaedah digital sehingga memaksa pihak lain membantu membayar. Keadaan ini memperlihatkan keperluan penyesuaian amalan kaunter dan program literasi kewangan-digital yang praktikal kepada warga emas.

- **Peningkatan Risiko keselamatan siber dan penipuan dalam talian**
  Risiko keselamatan siber dan penipuan dalam talian yang melibatkan masyarakat meningkat kerana peralihan pantas perkhidmatan harian termasuk perbankan dan pembelian, dan urusan kerajaan melalui platform digital sedangkan jurang literasi serta keyakinan digital masih ketara dalam kalangan mereka. Kekurangan kemahiran menilai kesahihan pautan, aplikasi dan panggilan palsu menjadikan kumpulan tertentu seperti warga emas lebih mudah tertipu.

Impaknya, warga emas berdepan bukan sahaja kehilangan wang tetapi juga kesan psikologi seperti rasa cemas dan hilang keyakinan untuk menggunakan perkhidmatan digital yang semakin penting dalam kehidupan

Jadual 15. Ringkasan Isu 3

Permasalahan berkaitan dengan Isu	1. Literasi dan kemahiran digital rendah 2. Transaksi tanpa tunai meminggirkan warga emas 3. Risiko keselamatan siber dan penipuan dalam talian meningkat
Cadangan	1. Menyediakan kempen dan komunikasi (kesedaran) pendigitalan 2. Mewujudkan program berbentuk latihan dan bimbingan (kemahiran) celik teknologi
Kumpulan Terjejas	Warga emas, masyarakat setempat
Kawasan	Balik Pulau
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	**Sasaran SDG Berkaitan**
SDG 4 - Memastikan pendidikan berkualiti, menyeluruh dan saksama serta menggalakkan peluang pembelajaran sepanjang hayat untuk semua	Sasaran 4.4: Menjelang 2030, meningkatkan dengan ketara bilangan belia dan dewasa yang memiliki kemahiran yang relevan, termasuk kemahiran teknikal dan vokasional untuk penggajian, pekerjaan yang baik dan keusahawanan
SDG 8 - Menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang mampan, menyeluruh dan mampan, guna tenaga penuh dan produktif serta pekerjaan yang baik untuk semua	Sasaran 8.10: Memperkukuh keupayaan institusi kewangan dalam negeri untuk menggalakkan dan meluaskan akses kepada perbankan, insurans dan perkhidmatan kewangan untuk semua
SDG 10 - Mengurangkan ketidaksamaan di dalam negara dan dalam kalangan negara	Sasaran 10.2: Menjelang 2030, memperkasa dan menggalakkan penyertaan semua dalam politik, ekonomi dan sosial tanpa mengira umur, jantina, ketidakupayaan, kaum, etnik, asal usul, agama atau status ekonomi atau status lain
SDG 16: Menggalakkan masyarakat yang aman dan	Sasaran 16.4: Menjelang 2030, mengurangkan secara signifikan aliran kewangan dan senjata yang tidak sah,

menyeluruh untuk pembangunan mampan, menyediakan akses kepada keadilan untuk semua dan membina institusi yang berkesan, bertanggungjawab dan menyeluruh pada semua peringkat	mengukuhkan perolehan semula dan pemulangan aset yang dicuri serta menentang semua bentuk jenayah terancang

5.0 PENGENALPASTIAN AWAL PROJEK PENYELESAIAN

Jadual 16. Pengenalpastian Projek Penyelesaian

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3
Tajuk Projek	Essential Digital Skills for Virtual Assistants	Sistem Agroteknologi Bersepadu Untuk Memperkasakan PPDK Teluk Bahang	Wawasan Wanita Masa Kini: Dari Dapur ke Dunia Digital
SDG Berkaitan	SDG 4, 5, 8	SDG 1, 8, 17	SDG 3, 4, 10
Objektif	1. Ramai wanita mempunyai akses terhad kepada peluang pekerjaan digital akibat kekurangan kemahiran teknologi asas. 2. Projek ini menangani isu literasi digital yang rendah dengan menyediakan latihan berstruktur dan mesra pemula dalam kemahiran digital asas. 3. Memperkasa individu untuk menceburi kerjaya sebagai pembantu maya, mengambil pekerjaan bebas (freelance), atau menyokong perniagaan	1. Memperkasa komuniti OKU melalui kemahiran pertanian. 2. Meningkatkan produktiviti dan pendapatan PPDK	1. Memperkasa wanita secara holistik (emosi, rohani, sosial, intelektual, ekonomi) untuk ketahanan diri dan keluarga. 2. Membentuk kemahiran pengurusan emosi, stres dan konflik secara sihat. 3. Mengukuhkan komunikasi empati/asertif dalam keluarga, tempat kerja dan komuniti. 4. Memantapkan peranan wanita sebagai ibu/isteri/anak/anggota masyarakat dengan nilai dan adab. 5. Meningkatkan celik digital dan keupayaan menapis pengaruh media sosial secara berprinsip.

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3
	kecil secara digital dari rumah.		6. Memupuk literasi kewangan asas (belanjawan, simpanan, disiplin kewangan) serta keseimbangan kerjaya–keluarga.
Hasil Jangkaan	1. Memperoleh kemahiran digital siap kerja untuk memasuki ekonomi kerja jarak jauh. 2. Menamatkan program dengan pengetahuan digital yang praktikal, sijil, serta panduan untuk memulakan kerja bebas *(freelance)* atau kerja berasaskan rumah. 3. Program ini membina keupayaan jangka panjang dengan menghubungkan mereka kepada kumpulan bimbingan *(mentorship)* dan rangkaian sokongan.	1. Membantu meningkatkan kapasiti hasil tuaian 2. Meningkatkan pendapatan bulanan khususnya dan pengurangan kos pengoperasian	1. Menghasilkan dan mengamalkan Pelan Pengurusan Emosi peribadi untuk mengurangkan tekanan dan meningkatkan kesejahteraan. 2. Peningkatan kecekapan peranan sebagai ibu, isteri, anak/menantu, termasuk penghasilan skrip komunikasi asertif, kemahiran mengurus konflik, dan hubungan antara generasi yang lebih harmoni. 3. Peserta menetapkan sempadan digital sihat, menyediakan bajet keluarga dan tabung kecemasan, dan melakar pelan keseimbangan masa untuk kerjaya dan tanggungjawab rumah tangga.
Organisasi	Mily Ventures	PPDK Teluk Bahang	Pertubuhan Inspirasi Insaniah Pulau Pinang

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3
Aktiviti	• Modul 1: Gmail untuk Komunikasi Perniagaan • Modul 2: Google Docs untuk Kolaborasi • Modul 3: Google Sheets untuk Pengurusan Data • Modul 4: Google Slides untuk Pembentangan • Modul 5: Google Forms untuk Pendaftaran • Modul 6: Google Photos • Modul 7: Google Drive • Modul 8: Google Calendar • Modul 9: Google Meet • Modul 10: Google Tasks • Sesi Literasi Kewangan: "Smart Duit – Asas Kewangan untuk Freelancer"	• Bengkel teknikal dan persediaan sistem • Penanaman dan penjagaan awal dan rekod/log projek • Pemantauan pertumbuhan dan rawatan serta penuaian awal • Pemasaran asas dan penilaian/penambahbaikan	• Mini Talk / Perkongsian ilmu mingguan mengikut tema • Latihan refleksi bertulis (journaling) dan ruang nota peribadi sebagai tugasan mingguan. • Sesi refleksi terpimpin (contoh: "Melepaskan dengan Reda") dan aktiviti refleksi berfokus iman ("Iman Saya, Harapan Saya"). • Latihan praktikal komunikasi (menyusun semula skrip/ayat kepada bentuk empati; aktiviti "Belajar Cakap Dengan Cinta"). • Hands-on modul tematik: Celik Digital; Pengurusan Kewangan (termasuk refleksi & simulasi); Keseimbangan Kerjaya-Keluarga (alat "Roda Seimbang Saya"). • Lembaran kerja/jurnal program dan pembelajaran berasaskan permainan papan
Jumlah (RM)	40,000.00	40,000.00	40,000.00
Lokasi	Pulau Betong	PPDK Teluk Bahang	Teluk Bahang
Tempoh	3 Bulan	3 Bulan	3 Bulan

6.0 RUJUKAN

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia (KPKT). (2020). *Laporan banci penduduk dan perumahan Malaysia 2020*. Diakses pada 23 Mac 2025 daripada https://www.kpkt.gov.my

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR). (2023). *Statistik pengundi berdaftar Parlimen Balik Pulau 2023*. Diakses pada 23 Mac 2025 daripada https://www.spr.gov.my

Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) Malaysia. (n.d.). *Matlamat pembangunan mampan (SDG)*. Diakses pada 23 Mac 2025 daripada https://www.my.undp.org

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2022). *Laporan sosioekonomi Negeri Pulau Pinang 2022*. Diakses pada 23 Mac 2025 daripada https://www.dosm.gov.my

Laporan Pemetaan Isu Parlimen
P.056 Larut

Disediakan oleh:
Dr. Thanaraj Murudi



BAHAGIAN A

LAPORAN LAWATAN PEMETAAN ISU 371 – 382

BAHAGIAN B

1.0 PENGENALAN 386 – 388
1.1 Geografi/Topografi 386
1.2 Komposisi Penduduk 387
1.3 Kegiatan Ekonomi Utama 387
1.4 Hubungan Kerangka Konseptual SDG dan Konteks Tempatan 387

2.0 METODOLOGI PENYELIDIKAN 389 – 393
2.1 Pendekatan Kajian 389
2.2 Langkah Etika Semasa Kajian Lapangan 392
2.3 Kekangan Lawatan Kajian Lapangan 392
2.4 Keterbatasan Kajian 392

3.0 RANGKUMAN ISU RENTAS SDG 394 – 399

4.0 GAMBARAN KESELURUHAN PEMETAAN ISU 400 – 442
4.1 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu 400
4.2 Pengutamaan Isu 438

5.0 PENGENALPASTIAN AWAL PROJEK PENYELESAIAN 443 – 451

6.0 RUJUKAN 452

P.056 LARUT

BAHAGIAN A

Laporan Lawatan Pemetaan Isu

P.056 Larut

LARUT

Lawatan Pemetaan Kawasan
04-06 OGOS 2025

DENGAN SOKONGAN DARIPADA

AHLI PARLIMEN LARUT, YB DATO' SERI HAMZAH ZAINUDIN



TEMPAT-TEMPAT YANG TELAH DILAWATI

04 OGOS - 06 OGOS 2025
(Isnin - Rabu)

HARI 1

1. FGD 1, 2, 3: Komuniti Peniaga, Petani, NGO dan Penduduk Selama
2. FGD 4: Komuniti Luar Bandar Parlimen Larut
3. Lawatan Tapak 1: Usahawan Tempatan Penternak Kambing di Kampung Rantau Panjang

HARI 2

4. FGD 5: JPKK & Penduduk Kampung Tengah, Bukit Bertam
5. Lawatan Tapak 2: Rancangan Petempatan Tersusun
6. Lawatan Tapak 3 : Lata yang Tidak Dipromosikan
7. Lawatan Tapak 4: Tebatan Banjir yang Dibina untuk Menghalang Banjir
8. FGD 6: Komuniti Ibu Tunggal dan Warga Emas di Kampung Tapah
9. Lawatan Tapak 5: Pengurusan Infrastruktur Parit Usang
10. FGD 7: Mak Lang Frozen
11. FGD 8: Cabaran Sosioekonomi Komuniti India di Mukim Selama

HARI 3

12. FGD 9: Sesi Bersama Penduduk Kampung Mukim Hulu Ijok

PASUKAN PENYELIDIK



DR. THANARAJ MURUDI
Ketua Penyelidik &
Ketua Zon Utara



PROF. DATUK DR.
DENISON JAYASOORIA



JAMES RYAN RAJ



DR. TEO LEE KEN



KARUPPIAH PALANIANDY



MUHAMMAD NORAIMAN
HAKIM AHMAD ZAKI



FAIZZUL AMRI
SHAHABUDDIN
(Penyelaras Tempatan)



PATHMA DEVI
PAKRISAMY
(Penyelaras Tempatan)

LAWATAN PEMETAAN KAWASAN TELAH DIJALANKAN PADA 04-06 OGOS 2025 (ISNIN - RABU)

01

27 Mei 2025
Mesyuarat Awalan

02

04 Julai 2025
Mesyuarat Persediaan

03

16 Julai 2025
Sesi Pemprofilan dan Perbincangan Tentatif

04

4 Ogos 2025
FGD 1, 2, & 3: Komuniti Peniaga, Petani, NGO dan Penduduk Selama

05

4 Ogos 2025
FGD 4: Komuniti Luar Bandar Parlimen Larut

06

4 Ogos 2025
Lawatan Tapak 1: Penternak Kambing di Kampung Rantau Panjang

07

5 Ogos 2025
FGD 5: JPKK & Penduduk Kampung Tengah, Bukit Bertam

08

5 Ogos 2025
Lawatan Tapak 2: Rancangan Petempatan Tersusun

09

5 Ogos 2025
Lawatan Tapak 3 : Lata yang Tidak Dipromosikan

10

5 Ogos 2025
Lawatan Tapak 4: Tebatan Banjir yang Dibina untuk Menghalang Banjir

11

5 Ogos 2025
FGD 6: Komuniti Ibu Tunggal dan Warga Emas di Kampung Tapah

12

5 Ogos 2025
Lawatan Tapak 5: Pengurusan Infrastruktur Parit Usang

13

5 Ogos 2025
FGD 7: Pengusaha Perusahaan Mak Lang Frozen

14

5 Ogos 2025
FGD 8: Komuniti India di Mukim Selama

15

6 Ogos 2025
FGD 9: Penduduk Kampung Mukim Hulu Ijok



27 MEI 2025 - MESYUARAT AWALAN

Mesyuarat Awalan bersama YB Dato' Seri Hamzah Zainudin telah diadakan di kediaman rasmi beliau untuk membincangkan gerak kerja dan metodologi kajian APPGM-SDG. YB Dato' Seri Hamzah Zainudin telah memberi persetujuan untuk bekerjasama dengan APPGM-SDG dalam melaksanakan kajian pemetaan isu di Parlimen Larut. Wakil APPGM-SDG telah dihadiri oleh Prof. Datuk. Dr. Denison Jayasooria, Rahmah, Dr. Teo Lee Ken, dan Dr. Khairil.

04 JULAI 2025 - MESYUARAT PERSEDIAAN

Kunjung Hormat bersama Pegawai Daerah dan Tanah untuk kawasan Larut, Matang dan Selama Tn. Mohd Nasrul Menhat dan bersama Ketua Penolong Pegawai Daerah Selama En. Mustoffa Aliman. Tujuan perjumpaan ini adalah untuk kerjasama pemetaan SDG di Parlimen Larut. Tn. Mohd Nasrul Menhat telah bersetuju untuk mempermudahkan urusan APPGM-SDG.





16 JULAI 2025 - SESI PEMPROFILAN DAN PERBINCANGAN TENTATIF

Sesi Pemprofilan dan perbincangan tentatif Parlimen P056 Larut. Perbincangan bersama Penolong Pegawai Daerah, En. Mohd Rizwan Rozi di Pejabat Daerah dan Tanah Selama. Tarikh pemetaan isu SDG di Parlimen Larut ditetapkan 4-7 Ogos 2025. Manakala cadangan Dialog Antara Agensi (IAD) pada 14 Ogos 2025. Perbincangan meliputi mengenai Mukim dan kumpulan sasaran yang ingin ditemui. Pihak Penghulu Mukim Selama, Ulu Selama, dan Ijok akan mengetuai bersama pihak APPGM-SDG untuk urusan penyediaan tempat dan peserta. Turut hadir bersama Penghulu Mukim Selama, dan Hulu Selama.







FGD 1, 2 & 3: KOMUNITI PENIAGA, PETANI, NGO DAN PENDUDUK SELAMA

FGD 1, 2 & 3 telah dilaksanakan pada 4 Ogos 2025 (Isnin) melalui kerjasama strategik antara Pejabat Daerah dan Tanah Selama serta Penghulu Mukim Selama, En. Mohd Noralfaezeain. IAD ini menyasarkan pelbagai segmen komuniti setempat termasuk peniaga, penternak, petani, pekerja awam/swasta/pesara, pelajar dan NGO, dengan penyertaan peserta yang dibahagikan kepada lima kumpulan utama. Antara dapatan kritikal yang dikenal pasti menerusi sesi FGD bersama peniaga tempatan termasuklah: **(1)** ketiadaan pemasaran bagi produk tempatan seperti kube arang, kokopeat, roti dan kraftangan *crochet* ; **(2)** kekurangan sokongan agensi dalam usaha menambah nilai kemahiran seperti kejuruteraan; dan **(3)** ketiadaan libat urus kerajaan yang berterusan, di mana sesi ini merupakan yang pertama. Keadaan ini diperburuk oleh **(4)** fenomena kelesuan politik, di mana wakil rakyat hanya hadir setiap lima tahun dengan pemberian bantuan bersifat *one-off* tanpa pembangunan berterusan. **(5)** Dalam sektor pertanian, ancaman haiwan liar seperti kera serta kos input pertanian yang melebihi hasil menjadi cabaran utama; dan **(6)** NGO pula menghadapi kesukaran mendapatkan dana daripada Ahli Parlimen atau ADUN walaupun banyak yang berdaftar di bawah parlimen, kebanyakan Ahli Parlimen hanya menyalurkan bantuan



menyebabkan ramai beralih kepada kelapa sawit walaupun bantuan seperti dari RISDA hanya disediakan kepada pemilik tanah berdaftar, **(2)** dalam aspek ekonomi, peniaga kecil seperti penjual nasi lemak dan kuih terpaksa mengekalkan harga rendah (RM1.50 dan RM0.50) bagi menyesuaikan kemampuan penduduk setempat, sekali gus menjejaskan keuntungan, **(3)** akses kepada kemudahan kesihatan di Hospital Selama bergantung kepada kenderaan sendiri berikutan ketiadaan pengangkutan awam, **(4)** kampung ini masih mengekalkan semangat gotong-royong, namun menghadapi cabaran dari segi kurangnya pendedahan terhadap bantuan sosial seperti JKM, termasuklah isu kecekapan agensi dalam menyampaikan maklumat dan menyantuni komuniti, **(5)** isu pekerjaan turut membelenggu golongan muda yang cenderung berhijrah ke kawasan perindustrian seperti Kulim dan Pulau Pinang, selain ketidakstabilan pekerjaan akibat peralihan dari sistem kerja tetap kepada kontrak, **(6)** jalan raya yang menghubungkan ke Kulim dikenal pasti sebagai kawasan berisiko tinggi dengan rekod kemalangan akibat ketiadaan lampu jalan dan keadaan jalan yang serong, **(7)** gangguan haiwan seperti monyet berlaku di ketiga-tiga kampung yang terlibat, **(8)** masalah sosial seperti penyalahgunaan dadah dan perlumbaan haram turut dikenal pasti, khususnya dalam kalangan belia, dan keadaan ini diburukkan lagi oleh dakwaan salah guna kuasa dan kegagalan pihak berkuasa tempatan mengendalikan pengedaran dadah dengan berkesan. **(9)** Kejadian kebakaran turut mencetuskan kebimbangan kerana jalan yang sempit menyukarkan akses kenderaan bomba, **(10)** infrastruktur asas seperti titi ke Kampung Ulu Kerung yang telah runtuh selama hampir dua tahun menghalang akses petani ke kebun mereka, **(11)** ketidakstabilan harga komoditi seperti getah (yang pernah mencapai RM5 namun kini sekitar RM3.10) serta tiada kawalan terhadap manipulasi timbangan oleh peraih turut menambah tekanan kepada petani kecil yang tiada bimbingan teknikal atau pemantauan daripada agensi seperti Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) atau Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA); dan **(12)** Tambahan pula, harga barangan asas seperti beras, gula dan minyak yang tidak dikawal dan berbeza mengikut kedai menyulitkan kehidupan golongan berpendapatan rendah. Keseluruhannya, komuniti di kawasan ini amat memerlukan sokongan dasar dan tindakan intervensi bersepadu daripada agensi kerajaan bagi memperkukuh jaringan sosial, ekonomi dan kesejahteraan asas secara mampan.



bantuan kepada NGO yang mereka sendiri tubuhkan. **(7)** Ini memaksa NGO tertentu mendapatkan bantuan terus daripada Menteri Besar Perak dan sumbangan orang awam, seperti yang dihadapi NGO pengurusan jenazah sejak 2019. **(8)** Sektor kesihatan turut mencatat kekurangan ketara dengan ketiadaan doktor pakar tetap di Hospital Selama, yang hanya menerima pakar secara lawatan mingguan, sekaligus menjejaskan rawatan kes kritikal seperti komplikasi kehamilan, memaksa rujukan ke hospital lebih jauh seperti Taiping atau Kulim yang memakan masa dan membahayakan nyawa, **(9)** dari sudut pendidikan tinggi, ketiadaan institusi pengajian tinggi di Selama telah menyebabkan penghijrahan generasi muda dan kehilangan potensi ekonomi tempatan; dan **(10)** keluarga berpendapatan rendah turut berdepan kesulitan kewangan dalam menyara anak-anak yang menuntut di madrasah pondok, terpaksa berpindah demi mengurangkan kos sara hidup.





FGD 4: KOMUNITI LUAR BANDAR PARLIMEN LARUT

FGD 4 telah dijalankan dengan kerjasama Pejabat Daerah dan Tanah Selama bersama komuniti dari tiga kampung utama iaitu Kampung Tanjung Sengkang, Kampung Tengah, dan Kampung Ulu Kerung, melibatkan lebih kurang 150 buah rumah dengan anggaran penduduk antara 400 hingga 500 orang. **(1)** Komuniti di kawasan ini bergantung kepada sektor ekonomi luar bandar seperti penorehan getah, penanaman kelapa sawit dan nenas, dengan beberapa petani memiliki tanah pertanian seluas 3 hingga 6 ekar. Namun demikian, musim tengkujuh yang hanya membolehkan penorehan selama seminggu sebulan dan kejatuhan harga getah kepada sekitar RM3.00 telah menjejaskan pendapatan mereka, menyebabkan





LAWATAN TAPAK 1: BERSAMA USAHAWAN TEMPATAN PENTERNAK KAMBING DI KAMPUNG RANTAU PANJANG

Bersama usahawan tempatan penternak kambing di Kampung Rantau Panjang. Beliau telah berkongsi ilmu mengenai penternakan kambing dan cabaran semasa.





FGD 5: JPKK & PENDUDUK KAMPUNG TENGAH, BUKIT BERTAM

FGD 5 bersama Ahli Jawatankuasa Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Kampung Tua, Bukit Bertam, Selama (Mukim Hulu Selama) telah mengenal pasti beberapa isu utama yang memberi kesan langsung terhadap kesejahteraan komuniti setempat, antaranya: **(1)** kemudahan dan infrastruktur asas yang tidak ditambah baik mengikut keperluan semasa, **(2)** wujud jurang komunikasi antara pemimpin tempatan dan penduduk akibat tiadanya platform dialog yang berterusan, **(3)** ketiadaan penyaluran maklumat tentang dasar dan program kerajaan berkaitan sosial dan ekonomi turut menjejaskan kesedaran komuniti, **(4)** isu bekalan air menjadi kebimbangan kerana penduduk di kawasan Rancangan Perkampungan Tersusun hanya bergantung kepada sumber air bukit yang semakin tercemar terutama semasa hujan akibat kegiatan pembalakan sah di hulu kawasan, **(5)** bil elektrik pukal yang tertunggak sehingga mencecah ribuan ringgit menyebabkan penggunaan pum boring tidak dapat dijalankan, **(6)** masalah banjir berulang yang sering melanda kawasan turut memburukkan keadaan, di samping, **(7)** hubungan manusia dengan alam sekitar yang tidak lestari; dan **(8)** liputan internet yang lemah juga menambah cabaran harian komuniti setempat.





LAWATAN TAPAK 2: RANCANGAN PETEMPATAN TERSUSUN





LAWATAN TAPAK 3 : LATA YANG TIDAK DIPROMOSIKAN




LAWATAN TAPAK 4: TEBATAN BANJIR YANG DIBINA UNTUK MENGHALANG BANJIR




FGD 6: KOMUNITI IBU TUNGGAL DAN WARGA EMAS DI KAMPUNG TAPAH

FGD 6 bersama Komuniti Ibu Tunggal dan Warga Emas di Kampung Tapah, Selama (Mukim Ulu Selama) telah menonjolkan pelbagai cabaran yang dihadapi golongan rentan ini, antaranya: **(1)** isu kebajikan ibu tunggal yang sudah berumur namun tidak layak menerima elaun sara hidup JKM atas alasan ditanggung anak, walhal anak mereka sendiri bekerja sebagai penoreh getah dengan pendapatan tidak menentu dan mempunyai tanggungan keluarga sendiri; **(2)** kebanyakan rumah yang didiami oleh ibu tunggal berada dalam keadaan daif, dengan atap bocor dan struktur yang uzur, namun segala usaha Ketua Kampung mendapatkan bantuan melalui pelbagai saluran masih belum berhasil; dan **(3)** ramai dalam kalangan ibu tunggal tidak mengetahui tentang kewujudan atau cara memohon bantuan ekonomi melalui program Industri Kecil dan Sederhana (IKS/PKS), menyebabkan mereka terus terpinggir daripada peluang peningkatan taraf hidup.





LAWATAN TAPAK 5: PENGURUSAN INFRASTRUKTUR PARIT USANG

Kawasan parit yang lama dibina pada tahun 80-an dan tidak ditambahbaik mengikut keperluan semasa menyebabkan banjir berlaku setiap tahun, apabila banjir, tahap air sampai sehingga paras pinggang.





FGD 7: PENGUSAHA PERUSAHAAN MAK LANG FROZEN

FGD 7 dijalankan bersama pengusaha perusahaan makanan sejuk beku Mak Lang Frozen di Kampung Rantau Panjang, Selama (Mukim Hulu Selama) yang dikendalikan oleh En. Yahya dan Pn. Zurainah. Usaha ini telah bermula sejak tahun 2001 dan kini menghasilkan 13 jenis produk dengan dibantu oleh 9 pekerja, berbanding 20 pekerja sebelum pandemik Covid-19. Antara cabaran utama yang dihadapi oleh pengusaha ini termasuklah: **(1)** kos bahan mentah yang semakin meningkat; **(2)** keperluan kepada mesin untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran; **(3)** kekurangan sokongan dari segi logistik; dan **(4)** pemasaran termasuk ketiadaan hub perdagangan, kos pekerja yang tinggi berikutan dasar gaji minimum, tiadanya libat urus dan sokongan daripada agensi kerajaan, serta kos pembentukan pembungkusan yang membebankan.



FGD 8: KOMUNITI INDIA DI MUKIM SELAMA

Perbincangan bersama Komuniti India Mukim Selama pada 5 Ogos 2025. Antara cabarannya: **(1)** kekurangan peluang pekerjaan kerana tiada sektor perkilangan di kawasan ini. Ramai penduduk yang dahulunya tinggal dan bekerja di estet terpaksa berpindah keluar apabila ladang-ladang digantikan dengan tanaman kelapa sawit, **(2)** tahap penyebaran maklumat juga rendah, menyebabkan ramai yang tidak mengetahui tentang peluang atau bantuan yang tersedia; dan **(3)** dana *Malaysian Indian Transformation Unit* (MITRA) didapati tidak sampai kepada kumpulan sasar sebenar dan tidak memenuhi keperluan asas komuniti di peringkat akar umbi.



FGD 9: PENDUDUK KAMPUNG MUKIM HULU IJOK

FGD 9 bersama penduduk Kampung Mukim Hulu Ijok mendedahkan beberapa isu berlarutan yang membelenggu kesejahteraan komuniti. Antaranya: **(1)** ketiadaan sistem pembuangan sampah yang teratur menjadi punca utama pencemaran, **(2)** risiko kesihatan, apabila penduduk terpaksa membuang sampah secara tidak terkawal kerana tiada kemudahan seperti tong *Roll-On Roll-Off* (RORO) disediakan. Isu ini telah lama berlaku tanpa penyelesaian berkesan, **(3)** golongan rentan seperti pekebun kecil, ibu tunggal, dan warga emas menjadi paling terkesan, **(4)** gangguan daripada haiwan liar seperti babi hutan dan kera terus menjejaskan tanaman serta keselamatan penduduk. Aduan kepada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) dianggap tidak efektif; dan **(5)** undang-undang sedia ada pula melarang penduduk bertindak sendiri. Keadaan ini menuntut satu dasar baharu yang lebih proaktif dan berkesan dalam menangani populasi haiwan liar yang semakin membiak serta mengancam komuniti luar bandar.

BAHAGIAN B

Laporan Pemetaan Isu

P.056 Larut

Senarai Jadual

Jadual 1	Tentatif Ringkas Lawatan Tapak Parlimen Larut
Jadual 2	Rangkuman Isu Rentas SDG
Jadual 3	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 1
Jadual 4	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 2
Jadual 5	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 3
Jadual 6	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 4
Jadual 7	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 5
Jadual 8	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 6
Jadual 9	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 7
Jadual 10	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 8
Jadual 11	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 9
Jadual 12	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 10
Jadual 13	Ringkasan Isu 1
Jadual 14	Ringkasan Isu 2
Jadual 15	Pengenalpastian Projek Penyelesaian

Senarai Rajah

Rajah 1:	Mesyuarat antara agensi P056 Larut

Senarai Singkatan

ADUN	Ahli Dewan Undangan Negeri
BERSATU	Parti Pribumi Bersatu Malaysia
DUN	Dewan Undangan Negeri
PN	Perikatan Nasional

1.0 PENGENALAN



YB Dato' Seri Hamzah bin Zainudin

Kawasan Parlimen Larut (P.056) terletak di negeri Perak dan merangkumi tiga kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN), iaitu Selama, Kubu Gajah dan Batu Kurau. Berdasarkan data Banci Malaysia 2020, jumlah penduduk di kawasan ini adalah sekitar 66,020 orang,[21] dengan bilangan pengundi berdaftar sebanyak 65,719 orang pada Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15). [22] Parlimen ini kini diwakili oleh Yang Berhormat Dato' Seri Hamzah bin Zainudin yang mewakili Parti Perikatan Nasional (PN) setelah memenangi kerusi tersebut pada PRU15 (Department of Statistics Malaysia 2020; Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia 2022; Parlimen Malaysia 2023). Parlimen Larut di bawah pentadbiran Pejabat Daerah dan Tanah Kecil Selama.

1.1 Geografi/Topografi

Parlimen Larut, yang dikenali dengan kod **P.056**, terletak di utara Negeri Perak Darul Ridzuan dan merupakan kawasan persekutuan dalam pentadbiran Daerah Larut, Matang dan Selama (LMS). Ia merangkumi kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN), Selama (N5), Kubu Gajah (N6), dan Batu Kurau (N7). Secara geografi, daerah LMS keseluruhannya bersempadan dengan daerah Kerian (barat laut), Kuala Kangsar (timur), Manjung (selatan), dan Hulu Perak (timur laut), serta di utara dengan negeri Kedah dan berdekatan dengan Selat Melaka di sebelah barat.

Dari segi topografi, Parlimen Larut mempunyai ciri-ciri kawasan **berbukit dan tanah tinggi** yang ketara, terutamanya di bahagian timur, yang menjadi sebahagian daripada Banjaran Bintang Hijau. Banjaran ini memisahkan daerah LMS dengan daerah Kuala Kangsar. Keadaan geografi berbukit ini membolehkan aktiviti pertanian berskala besar seperti penanaman durian (terutamanya di kawasan Batu Kurau dan Bukit Gantang yang berdekatan). Walau bagaimanapun, kawasan ini juga merangkumi kawasan tanah rendah dan dataran yang menyokong pembangunan bandar dan pekan, terutamanya di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Selama.[23]

Kepelbagaian topografi Larut mempengaruhinya sebagai pusat aktiviti eko-pelancongan, terutamanya di zon Hulu Selama, yang terkenal dengan tarikan air terjun dan kawasan semulajadi . Walaupun terletak dalam daerah yang sama, Larut tidak merangkumi kawasan pesisir pantai seperti Matang yang terkenal dengan industri bakau dan produk

[21] https://open.dosm.gov.my/dashboard/kawasanku/Perak/parlimen/P.056%20Larut?utm
[22] https://election.thestar.com.my/perak.html?utm
[23] Pejabat Daerah dan Tanah Selama. (n.d.). *Geografi Daerah*.

akuakultur, sebaliknya lebih menumpukan kepada pembangunan pertanian dan industri SME di Kamunting (sebahagian daripada daerah LMS yang berdekatan).[24]

1.2 Komposisi Penduduk

Daerah Larut menunjukkan jumlah penduduk seramai 66 ribu orang pada tahun 2020 dengan kepadatan 58 orang bagi setiap kilometer persegi di atas keluasan kawasan 1,129 km². Di Parlimen Larut, komposisi etnik penduduk menunjukkan majoriti besar terdiri daripada etnik Bumiputera sebanyak 92.8 peratus, diikuti oleh etnik India sebanyak 4.5 peratus, etnik Cina sebanyak 2.5 peratus, manakala etnik lain-lain hanya 0.2 peratus sahaja. Peratusan ini memperlihatkan sejumlah besar komuniti Bumiputera, sementara masyarakat India dan Cina pula membentuk minoriti yang turut menyumbang kepada kepelbagaian sosial, ekonomi dan budaya di kawasan Parlimen Larut.

1.3 Kegiatan Ekonomi Utama

Daripada segi pendapatan kasar isi rumah bulanan pada tahun 2019, isi rumah berpendapatan rendah mencatatkan RM4,115 manakala isi rumah berpendapatan menengah adalah RM5,173 (Jabatan Perangkaan Malaysia).

Sektor eko-pelancongan seperti Projek Pelancongan Desa Selama dibawah seliaan Majlis Daerah Selama yang melibatkan penginapan seperti *homestay* dan rumah inap telah membuka ruang kepada aktiviti yang mengkomersialkan warisan serta alam sekitar desa dengan matlamat meningkatkan pendapatan penduduk, khususnya pekebun kecil, di samping mempertingkatkan imej kampung dan menyediakan peluang ekonomi kepada semua lapisan masyarakat. Pada masa yang sama, pembangunan ekonomi komuniti turut berkembang melalui pengeluaran kraftangan, jualan produk makanan, cenderamata, serta penerokaan sumber semula jadi yang boleh dikomersialkan, manakala projek *homestay* dan penginapan desa terus menyokong usaha pembangunan ekonomi tempatan.[25]

1.4 Hubungan Kerangka Konseptual SDG dan Konteks Tempatan

Parlimen Larut terletak di negeri Perak dan merangkumi kawasan bandar kecil, pekan tradisional, serta kampung-kampung yang masih mengekalkan ciri-ciri desa. Kawasan ini dikelilingi oleh perbukitan dan kawasan hutan, selain mempunyai tanah pertanian yang subur. Bandar Taiping, yang berhampiran, turut menjadi pusat rujukan bagi urusan pentadbiran, ekonomi, dan perkhidmatan. Keadaan fizikal ini memberikan kelebihan dalam sektor pertanian dan pelancongan alam sekitar.

[24] Perak Sejahtera 2030. (2023). *Daerah Larut, Matang & Selama*.
[25] Majlis Daerah Selama, *"Penginapan – Projek Pelancongan Desa Selama,"* Majlis Daerah Selama, https://www.mdselama.gov.my/index.php/penginapan.

Ekonomi Larut didominasi oleh sektor pertanian (padi, getah, kelapa sawit, buah-buahan tropika), perikanan darat serta aktiviti perusahaan kecil dan sederhana (IKS). Sebahagian masyarakat juga terlibat dalam sektor pelancongan, khususnya ekopelancongan yang memanfaatkan keindahan alam semula jadi seperti air terjun, hutan simpan, dan tasik buatan. Walau bagaimanapun, masih terdapat cabaran dari segi peluang pekerjaan dan kadar pendapatan isi rumah, terutamanya di kawasan kampung. Namun demikian, dari sudut Matlamat Pembangunan Lestari (SDG), kawasan ini masih berdepan cabaran utama seperti keterbatasan peluang pekerjaan (SDG 8: Pekerjaan Layak dan Pertumbuhan Ekonomi) serta kadar pendapatan isi rumah yang rendah (SDG 1: Tiada Kemiskinan dan SDG 10: Mengurangkan Ketidaksamaan), khususnya di kawasan kampung.

Masyarakat di Larut hidup dalam kepelbagaian budaya melibatkan kaum Melayu, Cina, India, dan masyarakat Orang Asli. Nilai tradisi, gotong-royong, serta sikap hormat-menghormati menjadi teras hubungan sosial. Kehidupan masyarakat desa yang masih kuat dengan adat dan budaya warisan memberi identiti unik kepada kawasan ini dan menyumbang kepada pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), khususnya Matlamat 11: Bandar dan Komuniti Mampan serta Matlamat 16: Keamanan, Keadilan dan Institusi yang Kukuh.

Hubungan masyarakat di Larut relatif harmoni dengan aktiviti komuniti yang melibatkan pelbagai kaum. Masjid, kuil, dan tokong menjadi pusat interaksi sosial selain balai raya dan dewan komuniti. Namun, cabaran sosial termasuklah keperluan memperkukuh pendidikan, kesihatan awam, dan peluang belia agar jurang bandar-desa dapat dirapatkan.

Larut mempunyai nilai sejarah yang tinggi, antaranya berkait dengan Perang Larut pada abad ke-19 yang membabitkan konflik pelombong bijih timah. Sejarah ini menjadikan Larut sebagai kawasan penting dalam perkembangan awal ekonomi moden Tanah Melayu. Selain itu, bangunan kolonial dan tapak warisan di sekitar kawasan Larut-Taiping menambah nilai sejarah yang wajar dipelihara.

Keunikan Larut terserlah melalui gabungan alam semula jadi, sejarah, dan budaya. Kawasan hutan hujan tropika yang kaya dengan biodiversiti, landskap desa yang indah, serta kepelbagaian etnik dan budaya memberi kelebihan dari segi pembangunan mampan, terutamanya dalam aspek pelancongan, pendidikan warisan, dan kelestarian alam sekitar.

2.0 METODOLOGI PENYELIDIKAN

2.1 Pendekatan Kajian

- **Kajian Awalan**
  Kajian awal telah dijalankan oleh penyelidik untuk memahami konteks makro kawasan parlimen serta mengenal pasti isu-isu yang timbul. Kajian ini menggunakan sumber sekunder seperti statistik yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, kajian-kajian terdahulu, pencarian dalam talian, dan laporan akhbar. Pendekatan ini bertujuan untuk menyediakan gambaran umum yang lebih jelas mengenai keadaan semasa dan isu yang perlu diberi perhatian dalam kawasan tersebut.

- **Mesyuarat Awalan, Pra Lawatan dan Pengenalan Profil Kawasan Parlimen**
  Mesyuarat Awalan bersama YB Dato' Seri Hamzah bin Zainudin telah diadakan pada 27 Mei 2025 di pejabat rasmi beliau untuk membincangkan gerak kerja dan metodologi kajian APPGM-SDG. Dalam mesyuarat tersebut, YB Dato' Seri Hamzah bin Zainudin telah memberi persetujuan untuk bekerjasama dengan APPGM-SDG dalam melaksanakan kajian pemetaan isu di Parlimen Larut. Wakil APPGM-SDG telah dihadiri oleh Profesor Datuk Dr Denison Jayasooria, Puan Rahmah Othman, Dr Teo Lee Ken, dan Dr Khairil Ahmad.

  Pada 4 Julai 2025, Ketua Penyelidik Larut telah mengadakan kunjungan hormat terhadap Pegawai Daerah dan Tanah Daerah Larut, Matang dan Selama, Tuan Mohd Nasrul bin Menhat dan Ketua Penolong Pegawai Daerah dan Tanah, En Mustoffa bin Aliman untuk memberi pengenalan tentang APPGM-SDG dan tujuan kajian pemetaan isu SDG Parlimen Larut di Pejabat Daerah dan Tanah Larut, Matang, dan Selama. Tuan Pegawai Daerah telah memberi sokongan penuh dan bersetuju untuk memudahcara perbincangan dialog antara agensi bersama agensi-agensi kerajaan untuk memberi maklum balas dan kesahihan maklumat.

  Pada 16 Julai 2025, Ketua Penyelidik Larut telah mengadakan kunjungan hormat terhadap Penolong Pegawai Daerah dan Tanah Daerah Selama, Tuan Mohd Rizman bin Rozi, untuk memberi pengenalan tentang APPGM-SDG dan tujuan kajian lapangan untuk pemetaan isu SDG di Parlimen Larut di Pejabat Daerah dan Tanah Kecil Selama. Beliau telah memberi sokongan penuh dan bersetuju untuk menyelaras perbincangan dialog bersama agensi-agensi kerajaan pada bulan Ogos 2025 untuk memberi maklum balas dan menyemak kesahihan maklumat. Pihak Penghulu untuk Mukim Selama, Mukim Ulu Selama, dan Mukim Ulu Ijok juga

telah bersetuju untuk membantu mengumpulkan para peserta yang terdiri daripada beberapa kumpulan sasaran.

- **Penglibatan Awam Melalui Sesi Perbincangan Kumpulan Fokus (FGD)**
  Penglibatan awam melalui sesi perbincangan bersama pihak berkepentingan, atau *Focus Group Discussion* (FGD), merupakan elemen yang amat penting dalam proses pemetaan isu. Tujuan utama penglibatan awam dalam FGD adalah untuk:

  - Mengenal pasti isu dan masalah utama yang dihadapi oleh komuniti di Parlimen Larut;
  - Berkongsi pandangan serta cadangan penyelesaian terhadap masalah yang berlaku di kawasan tersebut; dan
  - Mengambil kira aspirasi daripada kumpulan sasaran berkaitan hala tuju masa hadapan Parlimen Larut.

Pasukan kajian yang terlibat dalam menjalankan sesi FGD bersama komuniti dan lawatan tapak di Parlimen Larut adalah seperti berikut:

1.	Dr Thanaraj Murudi	:	Ketua Penyelidik, Ketua Zon Utara
2.	Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria	:	Ketua Sekretariat APPGM-SDG
3.	James Ryan Raj	:	Pemangku Timbalan Pengarah Eksekutif
4.	Dr. Teo Lee Ken	:	Jabatan Penyelarasan Konstituensi
5.	Muhammad Noraiman Hakim Ahmad Zaki	:	Pembantu Penyelidik
	Karuppiah Palaniandy	:	Pembantu Penyelidik
	Faizzul Amri Shahabuddin	:	Pembantu Penyelidik
	Pathma Devi Pakrisamy	:	Pembantu Penyelidik

Sebanyak 10 sesi *Focus Group Discussion* (FGD) telah dilaksanakan bersama komuniti tempatan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) selama tiga hari di kawasan Parlimen Larut. Selain itu, sesi dialog antara agensi turut diadakan bersama agensi Kerajaan selama setengah hari di Bilik Gerakan Pejabat Daerah dan Tanah Selama. Tentatif ringkas bagi lawatan tapak serta sesi dialog bersama komuniti dan agensi kerajaan adalah seperti di Jadual 1.

Jadual 1. Tentatif Ringkas Lawatan Tapak Parlimen Sabak Bernam

TARIKH	PERKARA
4 Ogos 2025, (Isnin)	• FGD 1: B40 • FGD 2: Peniaga • FGD 3: Penduduk Tempatan • FGD 4: Komuniti Peladang
5 Ogos 2025, (Selasa)	• FGD 5: Pengurusan Kampung & Cabaran JPKK Bukit Bertam • FGD 6: Usahawan Kecil / Peniaga Kecil • FGD 7: Penduduk Kampung Tapah & Ibu Tunggal • FGD 8: Komuniti India
6 Ogos 2025, (Rabu)	• FGD 9: Penduduk Tempatan Kg Masjid, Kg Sg Jernih, Kg Sangkut, Kg Teras • FGD 10: Penduduk Tempatan Kg Pantai Besar, Kg Redang Panjang, Kg Sg Segar, FELDA Ijok
14 Ogos 2025, (Khamis)	• Sesi Dialog bersama agensi Kerajaan Daerah Selama (*Inter-Agency Dialogue*)
25 September 2025, (Khamis)	• Pembangunan Kapasiti bersama Agensi

- **Mesyuarat Dialog antara Agensi**
  Mesyuarat antara agensi P056 Larut telah diadakan di Bilik Gerakan Pejabat Daerah dan Tanah Kecil Selama pada 14 Ogos 2025 pada jam 9.00 pagi. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Penolong Pegawai Daerah Tuan Mohd Rizman bin Rozi. Seramai 17 pegawai agensi kerajaan telah hadir untuk memberi input kepada pemetaan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) di kawasan Parlimen Larut. Antara agensi yang terlibat adalah daripada Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Tenaga Kerja (JTK), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Pejabat Perikanan, Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Pejabat Daerah serta Penghulu-penghulu Mukim Selama, Ulu Selama, dan Ijok.



Rajah 1: Mesyuarat antara agensi P056 Larut

2.2 Langkah Etika Semasa Kajian Lapangan

Ketua penyelidik mendapatkan persetujuan daripada peserta terlebih dahulu untuk merekodkan suara dan diambil video dan gambar. Sekiranya, peserta FGD tidak bersetuju apa yang dikatakan untuk direkod dan melarang mengambil gambarnya, maka penyelidikan ini tidak boleh mengambil kira perkara tersebut untuk dilaporkan dan dikongsikan di mana-mana platform. Namun begitu, bagi kajian pemetaan isu di Parlimen Larut, tiada apa-apa halangan daripada pihak peserta.

2.3 Kekangan Lawatan Kajian Lapangan

Sepanjang proses pemetaan isu, terdapat satu kekangan telah dikenalpasti oleh ketua penyelidik. Kekangan yang dihadapi adalah berkaitan dengan sesi *Focus Group Discussion* (FGD). Pada awalnya, kajian ini merancang untuk mengadakan setiap sesi FGD secara berasingan untuk mendapatkan pandangan daripada dua kumpulan berbeza. Namun demikian, pihak Penghulu telah mencadangkan agar ketiga-tiga sesi yang untuk tiga hari tersebut *Focus Group Discussion* (FGD) dijalankan secara serentak memandangkan sebahagian besar peserta bekerja dan tidak berkesempatan untuk menyertainya pada waktu petang.

Untuk mengatasi kekangan ini, ketua penyelidik memutuskan untuk membahagikan sesi menjadi beberapa segmen perbincangan yang lebih kecil bagi memastikan setiap peserta dapat memberikan input yang lebih fokus dan teratur. Selain itu, lebih banyak fasilitator dilibatkan dalam sesi tersebut untuk memastikan proses perbincangan berjalan dengan lancar dan setiap suara didengari. Walaupun menghadapi cabaran dalam penyusunan semula sesi ini, pendekatan alternatif yang diambil dapat memastikan objektif kajian tetap tercapai tanpa mengorbankan kualiti perbincangan.

2.4 Keterbatasan Kajian

- **Tempoh masa yang terhad untuk sesi FGD**
  Salah satu batasan utama dalam kajian ini adalah tempoh masa yang terhad untuk sesi perbincangan. *Focus Group Discussion* (FGD) hanya berlangsung selama dua jam. Tempoh masa yang singkat ini tidak mencukupi untuk membincangkan isu-isu secara lebih mendalam atau mendapatkan penjelasan yang lebih terperinci daripada peserta. Akibatnya, beberapa aspek penting yang memerlukan perbincangan lebih lanjut dan pengumpulan maklumat yang lebih mendalam tidak dapat dilakukan. Walaupun alternatif lain seperti temubual individu atau kajian lebih lanjut dapat dicadangkan, namun kekangan masa menjadikan pendekatan ini tidak dapat dilaksanakan dalam ruang waktu yang sama, mengakibatkan hasil kajian terbatas kepada maklumat yang diperoleh dalam tempoh yang singkat.

- **Kesukaran menyertakan semua kumpulan sasaran**
  Batasan lain yang dihadapi adalah kesukaran untuk menemui dan melibatkan semua kumpulan sasaran yang relevan dalam kajian. Walaupun usaha telah dilakukan untuk mengenal pasti dan menjemput wakil daripada pelbagai kumpulan, terdapat beberapa kelompok yang tidak dapat dijumpai atau disantuni kerana faktor jarak, kekangan masa, atau kesukaran dalam komunikasi. Hal ini menyebabkan kajian terhad kepada sumber maklumat daripada kumpulan yang berjaya dijumpai sahaja, dengan ketiadaan perspektif penting daripada kelompok lain yang mungkin dapat memberikan pandangan berbeza atau lebih menyeluruh.

3.0 RANGKUMAN ISU RENTAS SDG

Berikut adalah tiga isu utama yang dikenal pasti sebagai keutamaan dan memerlukan perhatian segera. Isu-isu ini dipilih kerana impaknya yang besar terhadap kesejahteraan penduduk dan kaitannya dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG):

Jadual 2. Rangkuman Isu Rentas SDG

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
1.	Pertembungan manusia dengan kehidupan dan alam habitat	Gangguan kera yang semakin serius telah menjejaskan hasil tanaman, sekali gus mengurangkan pendapatan para petani dan pekebun. Keadaan ini diburukkan lagi dengan populasi kera menunjukkan kadar pembiakan yang pesat. Menurut peruntukan undang-undang sedia ada, penduduk adalah dilarang untuk mengambil tindakan sendiri, termasuk menembak haiwan liar.	Ekonomi / Alam Sekitar	Petani Penduduk setempat	Kampung Tua, Bukit Bertam (Mukim Hulu Selama) Kampung Teras (Mukim Hulu Ijok)	**SDG 2: Membasmi Kelaparan** ***Sasaran 2.4:*** Menjelang 2030, memastikan sistem pengeluaran makanan mampan dan melaksanakan amalan pertanian berdaya tahan yang dapat meningkatkan produktiviti dan membantu melindungi ekosistem. **SDG 12: Penggunaan dan Pengeluaran Bertanggungjawab** ***Sasaran 12.2:*** Menjelang 2030, mencapai pengurusan dan penggunaan sumber semula jadi yang mampan. **SDG 13: Tindakan terhadap Perubahan Iklim**

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		Oleh itu, keperluan untuk merangka dasar baharu yang lebih berkesan adalah mendesak bagi menangani isu pembiakan haiwan liar, khususnya spesies seperti kera yang mempunyai kadar pembiakan yang tinggi.				***Sasaran 13.1:*** Memperkukuh daya tahan dan keupayaan menyesuaikan diri terhadap bahaya berkaitan iklim dan bencana alam. **SDG 15: Kehidupan di Darat** ***Sasaran 15.1:*** Menjelang 2020 dan seterusnya, memastikan pemuliharaan, pemulihan, dan penggunaan ekosistem daratan secara mampan. ***Sasaran 15.5:*** Mengambil tindakan segera dan berkesan untuk mengurangkan kemerosotan habitat semula jadi serta kehilangan biodiversiti. ***Sasaran 15.7:*** Mengambil langkah segera untuk menamatkan pemburuan haram dan

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						perdagangan spesies yang dilindungi. **SDG 17: Perkongsian untuk Mencapai Matlamat** ***Sasaran 17.16:*** Memperkukuh perkongsian global untuk pembangunan mampan, termasuk kerjasama kerajaan, sektor swasta, NGO, dan masyarakat tempatan.
2.	Peluang pekerjaan terhad di kawasan luar bandar dan dimonopoli oleh warga asing	Fenomena pengambilan pekerja asing oleh syarikat besar seperti *Farm Fresh* dilihat mengurangkan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan, khususnya belia luar bandar yang memiliki kemahiran asas dalam penternakan.	Sosial / Ekonomi	Belia Penduduk setempat	Parlimen Larut	**SDG 1 – Tiada Kemiskinan** ***Sasaran 1.4:*** Menjamin akses sama rata kepada peluang ekonomi dan sumber produktif untuk golongan miskin dan luar bandar. **SDG 8 – Pekerjaan yang Layak dan Pertumbuhan Ekonomi** ***Sasaran 8.3:*** Menggalakkan pembangunan perusahaan kecil dan sederhana (PKS), pertanian

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		Faktor kos buruh yang lebih rendah dan kemudahan operasi mendorong syarikat untuk meminggirkan tenaga kerja tempatan, sekali gus menyebabkan ramai belia terpaksa berhijrah mencari pekerjaan di luar daerah atau kekal menganggur. Keadaan ini, yang telah berlarutan selama beberapa tahun, memberi kesan paling ketara kepada lepasan sekolah dan golongan muda di kawasan seperti Selama yang bergantung kepada sektor penternakan sebagai sumber pendapatan utama.				moden, dan keusahawanan di kawasan luar bandar. ***Sasaran 8.5:*** Menjamin pekerjaan penuh, produktif, dan upah yang setara untuk semua lelaki dan wanita, termasuk belia serta orang kurang upaya menjelang 2030. Sasaran 8.6 Mengurangkan kadar pengangguran belia melalui latihan kemahiran teknikal dan vokasional. **SDG 10: Mengurangkan Ketidaksamaan** ***Sasaran 10.2***: Memperkasa keterangkuman sosial, ekonomi, dan politik semua lapisan masyarakat, tanpa diskriminasi.

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
3.	Penyalahgunaan dadah	Penagihan syabu didapati semakin berleluasa dalam komuniti. Keadaan ini menyebabkan golongan belia dan remaja di kawasan luar bandar, khususnya di perkampungan, semakin terdedah kepada risiko pengaruh dan penglibatan dalam aktiviti penyalahgunaan dadah.	Sosial	Belia Peneroka Felda	Ulu Kroh, Tanjong Lengkong (Mukim Selama) Kampung Teras Felda Ijok (Mukim Hulu Ijok)	**SDG 3: Kesihatan dan Kesejahteraan** ***Sasaran 3.5:*** Mengukuhkan pencegahan dan rawatan penyalahgunaan bahan, termasuk penyalahgunaan dadah narkotik dan penggunaan berbahaya alkohol. ***Sasaran 3.3:*** Menamatkan epidemik penyakit berjangkit seperti HIV/AIDS, hepatitis, dan penyakit bawaan darah yang sering berkait dengan penggunaan jarum suntikan dadah. ***Sasaran 3.4:*** Mengurangkan kadar kematian akibat penyakit tidak berjangkit serta meningkatkan kesihatan mental – kerana penyalahgunaan dadah memberi impak besar kepada kesihatan mental dan fizikal.

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						SDG4: Pendidikan Berkualiti ***Sasaran 4.7:*** Memastikan semua pelajar memperoleh pengetahuan dan kemahiran untuk mempromosikan pembangunan mampan, termasuk melalui pendidikan kesihatan, pencegahan dadah, dan gaya hidup sihat. **SDG 8: Pekerjaan Layak dan Pertumbuhan Ekonomi** ***Sasaran 8.6:*** Mengurangkan kadar belia yang tidak bekerja, tidak mendapat pendidikan atau latihan.

4.0 GAMBARAN KESELURUHAN PEMETAAN ISU

4.1 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu

Jadual 3. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 1, 2 dan 3

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 1, 2, 3: Dialog Bersama B40, Peniaga, dan Penduduk Tempatan (Mukim Selama) di Selama Inn **Tarikh:** 04 Ogos 2025 **Bilangan peserta:** 45 peserta **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 5 kumpulan			Agensi yang memberikan maklum balas: 1. Polis Diraja Malaysia (PDRM) 2. Penolong Pegawai Daerah 3. PERKESO
1.	Akses hubungan ke kebun terjejas	Titi atau jambatan kecil menuju ke Ulu Krong telah runtuh sejak hampir dua tahun yang lalu dan merupakan laluan penting yang digunakan oleh ramai pekebun serta peladang untuk mengakses kebun mereka. Penduduk dan peladang tempatan amat berharap agar pihak agensi berkaitan dapat mengambil tindakan segera bagi membaiki kemudahan tersebut demi memastikan kelancaran aktiviti pertanian dan kesejahteraan komuniti setempat. Ulu Kroh, Tanjong Lengkong (Mukim Selama)	Tiada maklum balas khusus daripada agensi

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
2.	Penipuan atas talian / Scam	Kes penipuan maya pada masa kini menunjukkan trend yang membimbangkan, terutamanya dalam kalangan penduduk kampung, khususnya warga emas. Berdasarkan maklum balas responden, golongan ini lebih terdedah kepada risiko menjadi mangsa penipuan atas talian disebabkan oleh tahap pendedahan dan pengetahuan yang rendah terhadap penggunaan teknologi digital semasa. Justeru, usaha meningkatkan kesedaran serta menyediakan pendedahan yang sistematik dan berterusan kepada mereka adalah penting bagi mengurangkan risiko menjadi mangsa jenayah siber. (Penduduk awam (Mukim Selama))	PDRM: Di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Selama, bahagian jenayah komersial hanya mula diwujudkan pada tahun ini, setelah sebelum ini semua kes berkaitan dirujuk ke IPD Taiping. Bahagian ini masih kecil dengan keanggotaan seramai empat orang sahaja, termasuk seorang pegawai, dua anggota dan seorang kerani. Jenayah komersial kini dilihat semakin serius, khususnya melibatkan penipuan terhadap golongan warga emas dan pesara, yang sering menjadi mangsa kerana faktor usia serta kecenderungan mudah mempercayai pihak tertentu. Kes-kes sedemikian dilaporkan berlaku hampir setiap minggu, dengan purata dua hingga tiga kes. PDRM Selama berusaha meningkatkan kesedaran masyarakat melalui saluran rasmi seperti Pegawai Perhubungan Masjid (PPM) dan Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS) untuk menyalurkan maklumat pencegahan. Walau bagaimanapun, cabaran utama adalah kepintaran penjenayah yang menggunakan pelbagai taktik licik, serta hakikat bahawa mangsa melibatkan pelbagai peringkat masyarakat termasuk penjawat awam, pelajar dan warga tua.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
3.	Keciciran pembelajaran dalam kalangan belia	Segelintir pelajar memilih untuk berhenti sebelum menamatkan pendidikan di peringkat menengah. Faktor dalaman seperti kurangnya motivasi, rasa malas, dan keengganan untuk hadir ke sekolah sering menjadi pendorong utama. Selain itu, terdapat juga pengaruh faktor luaran, terutamanya kekangan sosioekonomi keluarga, di mana sesetengah ibu bapa tidak berupaya memberikan bimbingan atau teguran yang sewajarnya kerana keletihan akibat bekerja sepanjang hari bagi menyara kehidupan seharian. Penduduk Tempatan JPKK Bukit Bertam & Kampung Rantau Panjang (Mukim Selama)	Tiada maklum balas khusus daripada agensi
4.	Tiada sistem pemasaran yang baik	Ketiadaan jaringan pemasaran yang berkesan telah menjejaskan peluang pasaran bagi pengusaha tempatan seperti pengusaha kube arang dan kokopeat, pengusaha roti, serta pengusaha barangan crochet. Para pengusaha menyatakan bahawa produk mereka hanya mendapat sambutan terhad daripada penduduk kampung setempat, tanpa	

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		akses yang meluas kepada pasaran luar. (Peniaga (Mukim Selama))	
5.	Tiada pusat sembelihan dan pusat pemasaran ternakan di Selama	Ketiadaan pusat sembelihan dan pusat pemasaran ternakan di daerah Selama telah menjejaskan keupayaan penternak untuk memasarkan hasil ternakan secara langsung dan dalam skala besar. Keadaan ini memaksa mereka mendapatkan perkhidmatan di luar kawasan, sekali gus meningkatkan kos logistik dan rawatan ternakan. Kekurangan perhatian serta pelaburan daripada pihak berkuasa telah menyebabkan pembangunan infrastruktur sektor ternakan terbantut. Penternak kecil, yang bergantung sepenuhnya kepada pendapatan daripada ternakan, merupakan kelompok paling terkesan, dan isu ini berlarutan sejak bertahun-tahun tanpa penyelesaian melalui pembinaan kemudahan asas yang diperlukan. (Penternak (Mukim Selama))	Setiausaha Majlis Daerah Selama: Isu utama yang dibangkitkan adalah ketiadaan pusat sembelihan dan pusat pemasaran ternakan di kawasan Selama. Walaupun Majlis Daerah Selama (MDS) menyediakan kemudahan berkaitan perancangan untuk pemasaran ayam, namun tiada inisiatif khusus bagi pusat sembelihan kambing dan lembu. Hal ini disebabkan ketiadaan penglibatan langsung daripada agensi kawal selia seperti Jabatan Pertanian dan Jabatan Veterinar. Justeru, keperluan untuk mendapatkan kerjasama dan maklumat daripada agensi berkenaan telah dikenalpasti sebagai langkah penyelesaian.
6.	Peluang pekerjaan tidak diberikan kepada penduduk tempatan.	Fenomena pengambilan pekerja asing oleh syarikat besar seperti Farm Fresh dilihat mengurangkan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan,	PERKESO: Farm Fresh telah berdaftar dengan pihak berkuasa dan dikenal pasti menghadapi isu berkaitan sifat pekerjaan 3D (dirty, dangerous, difficult) yang menyukarkan penglibatan tenaga

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		khususnya belia luar bandar yang memiliki kemahiran asas dalam penternakan. Faktor kos buruh yang lebih rendah dan kemudahan operasi mendorong syarikat untuk meminggirkan tenaga kerja tempatan, sekali gus menyebabkan ramai belia terpaksa berhijrah mencari pekerjaan ke luar daerah atau kekal menganggur. Keadaan ini, yang telah berlarutan selama beberapa tahun, memberi kesan paling ketara kepada lepasan sekolah dan golongan muda di kawasan seperti Selama yang bergantung kepada sektor penternakan sebagai sumber pendapatan utama. (Golongan muda / Belia & Penduduk setempat (Mukim Selama))	kerja secara berterusan. Walaupun syarikat menggunakan kemudahan PERKESO, majoriti permohonan pekerja adalah dalam bidang pentadbiran, manakala bagi tenaga kerja di bahagian operasi kadar pusing ganti (turnover) adalah sangat tinggi, dengan kebanyakan pekerja berhenti dalam tempoh tiga hingga enam bulan untuk mencari pekerjaan lain. Keadaan ini mengakibatkan FarmFresh kerap merujuk kepada Seksyen 69(23) apabila pekerja berhenti secara mengejut, di mana caruman hanya dapat dibuat sekiranya pekerja hadir bekerja; jika tidak, syarikat terpaksa menamatkan hubungan pekerjaan. Isu berkaitan ketiadaan akses kepada sumber pendapatan dan kekurangan peluang pekerjaan telah dibincangkan. Wakil PTK menjelaskan bahawa agensi tersebut berperanan sebagai badan penguatkuasaan undang-undang, seumpama APMM, dan tidak bertanggungjawab menyediakan peluang pekerjaan atau sumber pendapatan. Sebaliknya, aspek peluang pekerjaan berada di bawah bidang kuasa agensi lain seperti PERKESO,

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			yang telah memulakan pelaksanaan berkaitan pada 1 Januari 2020.
7.	Kurangnya program dan latihan pembinaan kapasiti dan kemahiran	Ketiadaan sokongan dan program outreach daripada agensi berkaitan telah menjejaskan usaha pembangunan perniagaan serta peningkatan nilai kemahiran, khususnya dalam bidang kejuruteraan seperti pembaikan motosikal moden dan terkini. Selain itu, pengusaha rintis dalam sektor perusahaan roti dan pastri, serta mekanik motosikal, turut memerlukan bantuan bagi memperoleh jentera atau peralatan berat berteknologi tinggi yang bernilai besar. Ini bagi tujuan pengurusan dan pengembangan operasi secara berkesan. Peniaga (Mukim Selama)	Penglibatan agensi di kawasan tersebut telah dilaksanakan secara aktif dengan kerjasama Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Bukit Bertam bersama masyarakat setempat. Pelbagai program telah dianjurkan dengan penglibatan agensi seperti KEMAS, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), RISDA, serta sokongan daripada pihak masjid dan surau dalam menyalurkan maklumat kepada penduduk, termasuk melalui pengumuman sebelum solat Jumaat. Walau bagaimanapun, beliau mengakui terdapat segelintir penduduk yang kurang menerima maklumat secara menyeluruh dan menekankan keperluan penambahbaikan dalam mekanisme penyampaian maklumat di peringkat mukim. Selain itu, isu akses ke kebun di Mukim Selama Hulu Kroh yang melibatkan jambatan kecil (titi) telah diambil maklum oleh pihak berwajib dan sedang dalam proses pembaikan. Maklumat terkini berhubung perkembangan kerja pembaikan

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			tersebut akan diperoleh daripada pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sebelum dimaklumkan kembali kepada pihak berkaitan.
8.	Ketiadaan libat urus dan outreach oleh agensi kerajaan/tempatan kepada pengusaha tempatan	Penyampaian maklumat lebih tertumpu kepada saluran dalam talian yang tidak dapat diakses oleh majoriti penternak, khususnya penternak kecil di kawasan luar bandar yang kurang celik teknologi. Kekurangan petugas berkemahiran dalam penyampaian maklumat, dan ketiadaan program outreach di lapangan telah mengakibatkan jurang maklumat yang signifikan, sehingga golongan penternak kecil terpinggir daripada bantuan dan peluang yang ada. Keadaan ini telah berlarutan melebihi dua tahun tanpa penyelesaian yang tuntas. (Penternak sekitar Kg. Medan, Sungai Bayor dan Kg. Rantau Panjang (Mukim Selama))	Tiada maklum balas khusus daripada agensi

Jadual 4. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 4

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 4: Dialog Bersama Komuniti Peladang di Dewan Orang Ramai Kampung Tanjung Lengkong, Selama **Tarikh:** 4 Ogos 2025 **Bilangan peserta:** 13 peserta **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 3 kumpulan			Agensi yang memberikan maklum balas: 1. Pegawai Belia dan Sukan
1.	Penyalahgunaan dadah	Penagihan syabu didapati semakin berleluasa dalam komuniti. Keadaan ini menyebabkan golongan belia dan remaja di kawasan luar bandar, khususnya di perkampungan, semakin terdedah kepada risiko pengaruh dan penglibatan dalam aktiviti penyalahgunaan dadah. (Ulu Kroh, Tanjong Lengkong, Mukim Selama)	Pegawai Belia dan Sukan: Pejabat Belia dan Sukan mengakui keterbatasan kuasa dalam menangani secara langsung isu penglibatan belia dengan masalah sosial seperti dadah, memandangkan bidang kuasa penangkapan atau siasatan terletak pada agensi lain. Justeru, peranan utama pejabat ini tertumpu kepada penyediaan program dan pengisian yang bersifat pencegahan, khususnya bagi kumpulan belia di peringkat sekolah menengah rendah yang masih mudah dibentuk melalui kesedaran dan nasihat. Program-program tersebut dirangka untuk mengisi masa lapang belia agar mereka tidak mudah terjebak dengan gejala negatif. Walau bagaimanapun, bagi golongan belia yang sudah terlibat secara aktif dalam penyalahgunaan dadah, usaha dijalankan melalui kerjasama dengan pelbagai pihak seperti AADK, penghulu dan PPD, meskipun keberkesanan intervensi ini masih sukar

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			dipastikan. Sasaran program meliputi belia yang terlibat dengan masalah sosial, pengangguran, serta belia yang berjaya, selaras dengan jangkaan komuniti setempat.
2.	Operasi dan pembelian oleh penimbang minyak kelapa sawit yang tidak telus	Terdapat pandangan bahawa terdapat penipuan harga minyak kelapa sawit oleh penimbang ataupun pembeli kelapa sawit. Peladang mendapati berat minyak yang berjumlah 1 tan, hanya berjumlah berat 700 ke 800 kg apabila sampai dan ditimbang oleh penimbang. Mereka berpendapat tiada sistem pemantauan yang konsisten oleh pihak berkuasa.	Tiada maklum balas khusus daripada agensi
3.	Pendapatan penoreh getah yang rendah	Harga getah yang rendah, dan juga pendapatan bulanan yang rendah bagi pekebun getah. Pendapatan paling tinggi yang dapat diperolehi pekebun adalah sebanyak RM500 sahaja	
4.	Ketiadaan penyelarasan harga bagi barangan keperluan asas	Terdapat pandangan daripada peserta bahawa harga jualan minyak, gula dan beras tidak menepati harga siling yang ditetapkan kerajaan.	Tiada maklum balas khusus daripada agensi

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Kedai yang berbeza mempunyai harga jualan yang berbeza bagi barang-barang ini.	
5.	Keperluan untuk sistem pemantauan dan penguatkuasaan yang lebih cekap	Terdapat isu penagihan dan pengedaran di kawasan kampung ini. Peserta beri makluman bahawa pihak yang terlibat dalam pengedaran mempunyai hubungan rapat dengan pihak berkuasa. Penagih ditangkap, tetapi pengedar tidak ditangkap oleh pihak berkuasa. Tambahan, ada perkongsian bahawa apabila ada pasukan daripada pihak berkuasa ibu pejabat ingin masuk untuk jalankan operasi, pihak berkuasa tempatan telah pun maklumkan pihak-pihak yang terlibat dahulu.	Tiada maklum balas khusus daripada agensi
6.	Ketiadaan hubungan dan libaturus antara pihak berkuasa dan penduduk tempatan	Kawasan kampung di sini tidak pernah dilawat oleh mana-mana agensi tempatan untuk mengambil tahu dan mendapatkan maklum balas daripada penduduk tempatan berkenaan isu-isu terdesak. Agensi-agensi termasuk MPOB, RISDA, dan pemimpin-pemimpin tempatan.	Tiada maklum balas khusus daripada agensi

Jadual 5. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 5

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 5: Dialog Bersama Pengurusan Kampung & Cabaran JPKK Bukit Bertam di Dewan Orang Ramai Kampung Tua, Bukit Bertam, Selama **Tarikh:** 5 Ogos 2025 **Bilangan peserta:** 12 peserta **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 4 kumpulan			Agensi yang memberikan maklum balas: 1. Penolong Pegawai Daerah 2. Setiausaha Majlis Daerah Selama 3. Jabatan Alam Sekitar (JAS)
1.	Tanah wakaf tanpa dokumen yang sah menyukarkan permohonan bantuan kerajaan	Status tanah bagi dewan yang digunakan pada masa ini merupakan tanah wakaf yang diikrarkan secara lisan dan dikategorikan sebagai tanah persendirian. Keadaan ini menimbulkan kekangan terhadap penerimaan sebarang bentuk bantuan atau sokongan daripada agensi kerajaan mahupun agensi lain. Akibat daripada status pemilikan tersebut, tiada pembiayaan atau kerja-kerja naik taraf dapat dilaksanakan ke atas dewan berkenaan. Dewan ini juga merupakan satu-satunya kemudahan serbaguna yang tersedia bagi kawasan dari Bukit Bertam hingga ke Kampung Baru, menjadikannya kemudahan penting kepada komuniti setempat.	Berkaitan dengan status tanah bagi Dewan Orang Ramai ialah ketiadaan dokumen rasmi yang mengesahkan penyerahan hak milik. Walaupun pada asalnya tanah tersebut difahami sebagai wakaf, hakikatnya ia tidak diserahkan kepada Majlis Agama, sebaliknya digunakan untuk kepentingan awam melalui pembinaan dewan. Namun, status tanah kekal sebagai milikan persendirian kerana tidak dipindah milik kepada kerajaan. Keadaan ini menimbulkan kekangan dari segi peruntukan baik pulih kerana aset tersebut belum diwartakan sebagai harta kerajaan. Tambahan pula, kesukaran timbul apabila pewakaf asal telah meninggal dunia dan wujud percanggahan dalam kalangan waris, sekali gus menyulitkan proses pindah milik. Justeru, tindakan penyelesaian yang diambil pihak berkuasa adalah memohon pengambilan tanah secara rasmi, agar ia dapat dijadikan tanah kerajaan, diwartakan

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			sebagai Dewan Orang Ramai, serta layak menerima peruntukan penyelenggaraan daripada kerajaan.
2.	Ketiadaan jaringan internet yang baik dan lancar yang boleh digunakan oleh penduduk tempatan untuk akses maklumat awam dan penting	Penduduk memaklumkan bahawa liputan internet di kawasan mereka adalah tidak memuaskan dan tidak stabil, sekali gus menjejaskan akses kepada berita, maklumat bantuan, serta program-program kerajaan. Keadaan ini turut memberi kesan kepada pelajar sekolah yang memerlukan internet bagi tujuan seperti pendaftaran sekolah. Terdapat juga penduduk yang melaporkan bahawa mereka terpaksa bergantung kepada liputan internet yang berpunca daripada rangkaian telekomunikasi di negeri Kedah.	Setiausaha Majlis Daerah Selama: Pada 30 Jun yang lalu, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) telah membentangkan laporan mengenai liputan serta prestasi telekomunikasi di daerah Selama, Perak. Berdasarkan dapatan, sebanyak 99.4 peratus kawasan berpenduduk di daerah tersebut telah mencapai capaian liputan, namun terdapat beberapa lokasi yang masih tidak menerima liputan, termasuk kawasan Bukit Bertam yang merangkumi Kampung Medan, Kampung Batu 3, dan kawasan sekitar. MCMC memaklumkan bahawa di bawah Program JENDELA, sebanyak 10 tapak stesen pemancar telah siap dibina, manakala 4 lagi sedang dalam perancangan, menjadikan keseluruhan 14 tapak di daerah Selama. Tambahan dua tapak sedang dalam proses pembinaan di Kampung Medan dan Kampung Batu 3, dengan dua lagi tapak tambahan dirancang. Pihak berkepentingan disarankan mendapatkan data

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			lebih terperinci daripada MCMC untuk tujuan pengesahan dan rujukan lanjut.
3.	Tiada bekalan air terawat	Penduduk di Kampung Baru Basong telah mengalami ketiadaan bekalan air bersih selama kira-kira sembilan tahun. Komuniti ini merupakan kumpulan yang dipindahkan dari kawasan banjir dan hanya menerima bekalan elektrik selepas berpindah. Namun masih belum memperoleh akses kepada sistem bekalan air yang terancang dan sistematik. Bagi memenuhi keperluan harian, penduduk bergantung kepada sumber air bukit yang infrastrukturnya disediakan oleh agensi kerajaan. Walau bagaimanapun, kawasan tadahan atau takungan air tersebut terdedah kepada pencemaran akibat kemasukan haiwan liar, termasuk babi hutan. (Kampung Baru Basong)	Tiada maklum balas khusus daripada agensi
4.	Fenomena banjir yang berulang	Penduduk memaklumkan bahawa kejadian banjir berlaku secara tahunan, khususnya pada bulan Ogos dan September. Fenomena ini dikaitkan	Kampung Baru Bukit Bertam terletak berhampiran kawasan banjir di Selama dan menghadapi isu berkaitan sumber bekalan air. Sebuah sistem

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		dengan kelemahan sistem perparitan dan saliran yang tidak pernah ditambah baik atau dimodenkan bagi menampung keperluan dan cabaran semasa. Sistem sedia ada dibangunkan sejak tahun 1980an dan masih beroperasi tanpa penambahbaikan yang signifikan. (Kampung Tengah, Bukit Bertam, Mukim Hulu Selama)	penapisan air telah dibina oleh pihak pembalak melalui persetujuan bersama dengan penduduk, memandangkan kos untuk memasukkan bekalan air terawat daripada LAP adalah terlalu tinggi. Walau bagaimanapun, sistem ini masih bergantung kepada sumber air bukit, yang sering terjejas akibat hujan lebat dan banjir kilat sehingga menjejaskan kualiti serta kelestarian bekalan air. Pada masa ini, pejabat daerah sedang giat mencari penyelesaian jangka panjang bagi memastikan bekalan air yang stabil dan berdaya tahan dapat disalurkan ke kawasan RPT Kampung Baru.
5.	Pertembungan masyarakat dan kehidupan dan alam habitat	Gangguan kera yang semakin serius telah menjejaskan hasil tanaman, sekali gus mengurangkan pendapatan para petani dan pekebun. Keadaan ini diburukkan lagi dengan populasi kera menunjukkan kadar pembiakan yang pesat. Menurut peruntukan undang-undang sedia ada, penduduk adalah dilarang untuk mengambil tindakan sendiri, termasuk menembak haiwan liar.	Gangguan hidupan liar, khususnya spesies kera, sering dilaporkan berlaku di kawasan tanah terbiar seperti kebun lama yang tidak diuruskan, yang seterusnya menjadi habitat utama spesies tersebut. Walaupun usaha kawalan dijalankan melalui pemasangan perangkap oleh pihak berkuasa dan penduduk setempat, masalah ini sukar diselesaikan secara menyeluruh tanpa pengurusan jangka panjang terhadap kawasan terbiar. Operasi berskala besar juga menghadapi kekangan kos, terutamanya

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Oleh itu, keperluan untuk merangka dasar baharu yang lebih berkesan adalah mendesak bagi menangani isu pembiakan haiwan liar, khususnya spesies seperti kera yang mempunyai kadar pembiakan yang tinggi.	bagi pembelian peluru yang digunakan oleh pihak berkuasa. Daripada sudut perundangan, masyarakat awam tidak dibenarkan mengambil tindakan membunuh haiwan ini kerana ia dilindungi di bawah akta berkaitan hidupan liar. Tambahan pula, terdapat pindaan baharu yang memperkenalkan pendekatan penswastaan dalam pengurusan hidupan liar bermasalah, namun pelaksanaannya masih dalam penelitian kerana status konservasi spesies kera kini telah dinaik taraf di peringkat antarabangsa. Keadaan ini mewujudkan cabaran besar kepada pihak berkuasa tempatan, yang hanya dapat melaksanakan kawalan terhad seperti tangkapan dan operasi menembak, tetapi berisiko menimbulkan reaksi negatif daripada pihak pencinta haiwan.
6.	Kemudahan & infrastruktur yang perlu ditambahbaik ikut keperluan semasa	Terdapat sebuah jalan yang merentasi kawasan ladang kelapa sawit yang berada dalam keadaan tidak diselenggara. Pada peringkat awal, penyelenggaraan jalan tersebut dilaksanakan oleh RISDA.	Tiada maklum balas khusus daripada agensi

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Namun, selepas tanaman di kawasan berkenaan ditukar daripada getah kepada kelapa sawit, tiada lagi agensi yang mengambil tanggung jawab penyelenggaraan. Pihak MPOB turut memaklumkan bahawa mereka tidak mempunyai peruntukan kewangan untuk tujuan tersebut.	
7.	Kurang penyaluran maklumat sosial dan ekonomi kepada penduduk tempatan	Penduduk Kampung Tengah melaporkan bahawa tahap pengetahuan mereka terhadap program serta usaha yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan adalah terhad. Mereka turut menyatakan bahawa sokongan dan bantuan, termasuk geran serta pelbagai inisiatif sosial yang disediakan, kurang mendapat pendedahan sewajarnya dan tidak diketahui secara meluas oleh komuniti setempat.	Tiada maklum balas khusus daripada agensi

Jadual 6. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 6

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 6: Dialog Bersama Usahawan Kecil /Peniaga Kecil **Tarikh:** 5 Ogos 2025 **Bilangan peserta:** 2 peserta **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 1 kumpulan			Agensi yang memberikan maklum balas: 1. KPDN 2. MARA
1.	Tiada sistem pemasaran yang baik	Dalam konteks pembangunan ekonomi tempatan, para pengusaha memerlukan sokongan yang kukuh serta sistem pemasaran yang berkesan bagi memperluas pasaran produk mereka. Usaha ini bertujuan untuk meningkatkan jumlah penjualan dan seterusnya memperkukuh pendapatan. Pada masa ini, kawasan pemasaran para pengusaha tertumpu di sekitar Selama dan negeri Perak sahaja. Sehubungan itu, adalah dicadangkan agar sebuah hab atau pusat penjualan dan pengumpulan produk diwujudkan sebagai strategi untuk memperluas capaian pasaran serta mengoptimumkan rantaian bekalan.	KPDN: Isu berkaitan sokongan kepada pengusaha dan peniaga telah diperjelaskan. Pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN) menjelaskan bahawa perkara ini lebih tertumpu di bawah tanggungjawab MARA. MARA menyediakan skim pinjaman bercagar atau berpenjamin serta premis perniagaan, termasuk 16 gerai di Pekan Selama dengan kadar sewaan antara RM200 hingga RM400 sebulan, yang terbuka kepada semua pemohon tanpa mengira latar belakang sosioekonomi. Selain itu, inisiatif Majlis Daerah Selama (MDS) turut memainkan peranan penting melalui penyediaan kiosk dan mesin layan diri (vending machine) di Selama Inn sebagai platform mempromosikan produk Industri Kecil dan Sederhana (IKS). MDS juga menawarkan hub ekopelancongan yang

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		(Perusahaan Perniagaan Makanan Sejuk Beku Mak Lang Frozen Kampung Rantau Panjang, Selama, Mukim Hulu Selama)	membolehkan peniaga menyewa ruang untuk memasarkan produk mereka secara lebih meluas.
2.	Ketiadaan libat urus dan *outreach* oleh agensi kerajaan/tempatan kepada pengusaha tempatan	Sejak tahun 2005, apabila Jabatan Pertanian memberikan dorongan awal, para pengusaha mendapati tiada lagi agensi atau pihak berkuasa yang menawarkan bantuan mahupun khidmat nasihat daripada pakar secara berterusan. Walaupun terdapat beberapa lawatan daripada pihak universiti serta pejabat daerah dan tempatan bersama pengunjung luar, sokongan atau bantuan khusus tidak pernah disalurkan. Ketiadaan bimbingan teknikal dan akses kepada sumber pembiayaan ini telah menyebabkan pengusaha tidak berupaya merangka strategi yang berkesan untuk meningkatkan produktiviti serta memperluas jangkauan operasi mereka.	MARA: MARA menawarkan pelbagai kursus berbayar yang boleh dirujuk melalui laman sesawang rasmi, dengan kadar yuran antara RM50 hingga RM100. Kursus-kursus ini memberi tumpuan kepada bidang kemahiran, khususnya dalam pemasaran, perakaunan dan keusahawanan, serta dilaksanakan di bawah pengelolaan Giat MARA. Di daerah Selama, Giat MARA menjadi institusi utama dalam penyediaan latihan kemahiran seperti pembuatan kek, pemprosesan makanan, dan aktiviti transaksi asas. Walau bagaimanapun, daerah tersebut berdepan kekangan infrastruktur pendidikan kerana ketiadaan institusi pengajian tinggi seperti universiti, politeknik, dan kolej komuniti, menjadikan Giat MARA sebagai satu-satunya institusi tertinggi yang wujud di kawasan berkenaan.

Jadual 7. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 7

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 7: Dialog Bersama Penduduk Kampung Tapah & Ibu Tunggal **Tarikh:** 5 Ogos 2025 **Bilangan peserta:** 17 peserta **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 3 kumpulan			Agensi yang memberikan maklum balas: 1. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)
1.	Keperluan untuk menambah baik penyampaian khidmat bantuan JKM kepada warga emas	Saluran bantuan yang disediakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) didapati kurang diketahui oleh komuniti setempat, termasuk pelbagai geran yang tersedia. Kekurangan pendedahan ini menyebabkan ramai penduduk tidak memahami prosedur atau kaedah permohonan bantuan dengan betul, mengakibatkan permohonan mereka sering ditolak oleh pihak JKM. Keadaan ini seterusnya menyumbang kepada keciciran komuniti, khususnya golongan warga emas, di mana sebahagian besar daripada mereka hanya memiliki tahap celik digital yang terhad. Kebanyakan daripada mereka tinggal bersama anak-anak dan bergantung kepada pendapatan yang rendah, yang hanya mencukupi untuk menampung keperluan asas harian keluarga.	Jabatan Kebajikan Masyarakat: Isu bantuan kebajikan masyarakat (JKM) tidak berlaku secara menyeluruh di semua daerah, namun terdapat salah faham dalam kalangan masyarakat mengenai syarat kelayakan, khususnya berkaitan bantuan warga emas. Bantuan JKM bersifat bersyarat dan bertujuan memenuhi keperluan asas isi rumah berdasarkan tahap pendapatan. Proses permohonan adalah inklusif, di mana maklumat boleh disalurkan oleh pelbagai pihak seperti jiran, penghulu atau JPKK, sebelum disiasat dan ditentukan kelayakannya. JKM turut mengadakan taklimat serta turun padang untuk memastikan kefahaman jelas, selain bekerjasama dengan agensi lain seperti Pejabat Daerah (e-Kasih, miskin tegar, miskin) dan Baitulmal bagi mengurangkan keciciran penerima bantuan.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		(Kampung Tanjung Lengkong / Kampung Tapah, Mukim Hulu Selama)	Bantuan bencana yang disalurkan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) adalah berbentuk bantuan segera bagi meringankan beban mangsa, bukannya untuk tujuan membaik pulih rumah. Sebagai contoh, bagi kes kebakaran rumah yang musnah 100 peratus, jumlah maksimum bantuan yang boleh diberikan adalah RM3,000. Walau bagaimanapun, terdapat pengiraan khusus yang mengambil kira faktor seperti bilangan anak bersekolah. Justeru, JKM tidak memperuntukkan dana untuk pembaikan rumah, sebaliknya menyalurkan bantuan bersifat sokongan asas sahaja.
2.	Kediaman yang sudah uzur	Kebanyakan rumah di sini sudah uzur. Terdapat ibu tunggal yang memerlukan bantuan kewangan untuk membaiki rumahnya. Setiap kali hujan, air akan masuk ke dalam rumah. Permohonan bantuan telah dibuat, namun sehingga kini masih belum ada sebarang keputusan.	Tiada maklum balas khusus daripada agensi

Jadual 8. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 8

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 8: Dialog Bersama Komuniti India di Selama Inn **Tarikh:** 5 Ogos 2025 **Bilangan peserta:** 8 peserta **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 1 kumpulan			Agensi yang memberikan maklum balas: 1. Majlis Daerah Selama 2. Pejabat Kesihatan Daerah (PKD)
1.	Kurang penyaluran maklumat sosial dan ekonomi kepada penduduk tempatan	Komuniti India melaporkan bahawa tahap pengetahuan mereka terhadap program serta usaha yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan adalah terhad. Mereka turut menyatakan bahawa sokongan dan bantuan, termasuk geran MITRA serta pelbagai inisiatif sosial yang disediakan, kurang mendapat pendedahan sewajarnya dan tidak diketahui secara meluas oleh komuniti setempat.	Tiada maklum balas khusus daripada agensi
2.	Harga rumah baru yang mahal	Harga pembinaan rumah baru di sekitar Selama mahal dan penduduk yang mendapat gaji yang rendah tidak mampu memiliki rumah baru kerana harga rumah yang mahal. Rata-rata penduduk di sekitar Selama hanya bekerja dengan gaji minimum.	KPDN: Kerajaan tidak mempunyai kawalan terhadap harga rumah yang dibangunkan oleh sektor swasta kerana ia ditentukan oleh mekanisme pasaran berasaskan penawaran dan permintaan. Namun, bagi projek perumahan kerajaan, harga dapat dikawal. Di kawasan Selama, kos perumahan swasta dilihat agak tinggi dan hampir setara dengan kawasan Taiping. Walau bagaimanapun, pemaju sedar akan

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			kemampuan penduduk tempatan, sehingga terdapat projek perumahan swasta yang masih sukar dijual walaupun hampir siap, dan risiko tersebut perlu ditanggung oleh pemaju sendiri. Harga rumah tidak berada di bawah kawalan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN) kerana bidang kuasa kementerian tersebut hanya meliputi barang-barang asas dan barangan kawalan yang diperuntukkan di bawah Akta Kawalan Harga 1991. Sebaliknya, hal ehwal berkaitan perumahan terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT). Aduan pembeli rumah akan ditangani melalui tribunal perumahan di bawah KPKT, kecuali bagi kes tertentu seperti pengubahsuaian atau projek perumahan yang tidak siap, yang boleh dirujuk kepada tribunal KPDN.
3.	Keperluan perkhidmatan perubatan dan kemudahan hospital	Ketiadaan doktor pakar tetap di Hospital Selama menimbulkan cabaran besar dalam penyampaian perkhidmatan kesihatan berkualiti, khususnya bagi kes-kes kritikal melibatkan ibu hamil. Pada masa ini, hospital tersebut hanya mempunyai doktor	Pegawai Pejabat Kesihatan Daerah: Perkhidmatan kesihatan di Hospital Selama pada masa ini beroperasi dengan sokongan pakar secara visiting specialist tanpa perjawatan tetap. Antara bidang yang terlibat ialah Kecemasan, Obstetrik dan Ginekologi, Ortopedik serta Psikiatri. Kes-kes

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		perubatan am, manakala doktor pakar hanya hadir sekali seminggu mengikut jadual lawatan. Bagi kes kecemasan seperti uri tersangkut yang memerlukan pembedahan segera, pesakit terpaksa dipindahkan ke hospital rujukan seperti Hospital Taiping atau Hospital Kulim yang terletak sejauh satu hingga dua jam perjalanan. Jarak perjalanan yang jauh ini meningkatkan risiko komplikasi serius terhadap kesihatan ibu dan bayi, malah situasi ini telah berlarutan dalam tempoh yang agak lama tanpa penyelesaian yang tuntas. Perkhidmatan farmasi di Hospital Selama beroperasi dalam tempoh waktu yang terhad, iaitu hanya pada waktu pejabat. Keadaan ini menyebabkan pesakit yang berjumpa doktor pada waktu petang atau malam (di luar waktu operasi farmasi) terpaksa hadir semula pada keesokan harinya untuk mendapatkan ubat.	berisiko tinggi, khususnya ibu mengandung, biasanya dirujuk lebih awal ke Hospital Taiping bagi tujuan rawatan lanjut atau pembedahan. Namun, kekangan kewangan dan ketiadaan jawatan pakar menyebabkan perancangan penubuhan bilik pembedahan hanya dijangka dapat direalisasikan dalam tempoh 4–5 tahun akan datang. Setakat ini, tiada komplikasi serius dilaporkan hasil daripada proses rujukan pesakit tersebut. Selain itu, perkhidmatan farmasi di Hospital Selama turut terhad disebabkan kekurangan pegawai farmasi. Operasi farmasi hanya berjalan pada waktu pejabat, manakala pada hujung minggu hanya dibuka bagi kes kecemasan. Pesakit yang hadir pada waktu malam tetap mendapat rawatan segera daripada doktor bertugas, namun bagi ubat-ubatan ringan, pesakit diminta hadir semula pada keesokan harinya. Permohonan untuk penambahan jawatan farmasi telah dikemukakan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Suruhanjaya Perkhidmatan

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Implikasi ini menjejaskan keberkesanan rawatan dan menimbulkan kesulitan kepada pesakit, khususnya bagi mereka yang memerlukan ubat segera pada waktu malam.	Awam (SPA), namun proses pengisian jawatan masih belum dimuktamadkan.

Jadual 9. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 9

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 9: Dialog Bersama Penduduk Tempatan Kg Masjid, Kg Sg Jernih, Kg Sangkut, Kg Teras di Pejabat Penghulu Mukim Ulu Ijok **Tarikh:** 6 Ogos 2025 **Bilangan peserta:** 13 peserta **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 4 kumpulan			Agensi yang memberikan maklum balas: 1. Penghulu Mukim Hulu Ijok 2. Penolong Pegawai Daerah 3. Polis Diraja Malaysia (PDRM)
1.	Kekurangan kemudahan sokongan bagi penempatan perumahan	Sebuah kawasan Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) yang merangkumi kira-kira 30 buah rumah, penduduk tidak mempunyai akses kepada bekalan air paip. Sebagai alternatif, mereka bergantung sepenuhnya kepada sumber air bukit. Namun demikian, semasa berlakunya hujan lebat, kualiti air tersebut terjejas dengan ketara kerana menjadi keruh, sekali gus menimbulkan isu keselamatan dan kebersihan air untuk kegunaan harian. (JPKK Kampung Sangkut, Mukim Hulu Ijok)	Daripada 30 buah rumah asal, hanya 27 rumah masih aktif beroperasi sementara selebihnya telah ditutup. Penduduk kawasan berkenaan tidak mempunyai akses kepada bekalan air paip kerajaan dan bergantung sepenuhnya kepada sumber air bukit. Hal ini berpunca daripada dua faktor utama, iaitu (i) jarak kedudukan penempatan dari jalan raya utama sejauh kira-kira 3 kilometer dengan elevasi berbukit yang memerlukan kos tinggi untuk pemasangan paip, dan (ii) laluan akses ke kawasan PPRT melalui tanah persendirian yang tidak mendapat kebenaran rasmi daripada pemilik tanah, sekali gus menimbulkan kekangan untuk pembinaan jalan serta bekalan air.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			Penyelesaian jangka pendek yang sedang diusahakan ialah pengambilan rizab jalan baharu bagi memastikan akses utama dapat dibangunkan secara sah. Setelah isu akses jalan diselesaikan, barulah langkah ke arah penyediaan bekalan air kerajaan dapat direalisasikan.
		Keadaan turut melibatkan sebuah jalan yang melalui kawasan Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) yang tidak dapat diperluas dan tidak dapat dipasang kemudahan pencahayaan jalan. Hal ini disebabkan jalan tersebut terletak di atas tanah persendirian, dan pemilik tanah berkenaan tidak memberikan kebenaran untuk sebarang kerja-kerja pembangunan atau pemasangan infrastruktur. (JPKK Kampung Sangkut, Mukim Hulu Ijok)	Isu yang dibincangkan berkaitan dengan hak milik tanah, khususnya kedudukan kawasan PPRT dan jalan sementara yang terletak antara tanah persendirian dan jalan utama. Berdasarkan undang-undang, pemilik tanah mempunyai hak untuk tidak membenarkan akses ke atas tanah miliknya, namun terdapat peruntukan yang membolehkan pengambilan tanah bagi kepentingan awam. Walau bagaimanapun, proses pengambilan tanah mengambil masa yang panjang serta melibatkan kos yang tinggi, bergantung kepada kelulusan peruntukan daripada kerajaan negeri. Kelewatan berlaku kerana kekangan bajet, namun proses tersebut sedang dijalankan dan masih dalam perjalanan untuk diselesaikan.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
2.	Kekurangan kawasan dan unit perumahan untuk penduduk setempat	Kawasan kampung dan sekitarnya mengalami kekurangan unit perumahan yang mencukupi. Keadaan ini menyebabkan majoriti penduduk, khususnya golongan muda dan keluarga baharu, terpaksa menetap bersama ibu bapa dalam kediaman yang sama. Sebagai contoh, seorang peserta memaklumkan bahawa beliau tinggal bersama 38 ahli keluarga lain dalam sebuah rumah yang mempunyai 10 bilik. Peserta tersebut mempunyai 12 orang adik-beradik, dan pada masa kini, seramai sembilan daripada mereka termasuk yang telah berkahwin masih menetap di rumah tersebut bersama kedua-dua ibu bapa. Walaupun kerajaan ada menyediakan skim pemberian rumah serta peluang untuk memohon, syarat kelayakan yang memerlukan pemohon memiliki tanah atau hak milik tanah menjadi halangan utama. Hal ini kerana sebahagian besar penduduk tidak mempunyai tanah atau hak milik yang sah. (JPKK Kampung Sangkut, Mukim Hulu Ijok)	Isu yang dibangkitkan bukan sahaja dalam sesi libat urus, malah telah diketengahkan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri pada persidangan terdahulu. Beberapa siri lawatan bersama agensi berkaitan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah dilaksanakan untuk meneliti permasalahan yang bersifat sosial dan emosi penghuni, khususnya keinginan mereka untuk kekal berhampiran ahli keluarga dan tidak berpindah keluar. Selain itu, faktor sosio-ekonomi turut menjadi cabaran utama, antaranya peningkatan kos sewaan sekiranya mereka dipindahkan. Situasi ini kadangkala menimbulkan persepsi bahawa pihak berkuasa tidak memberi perhatian sewajarnya, walaupun pelbagai bentuk bantuan, termasuk sokongan psikologi, kaunseling, serta sumbangan daripada JKM dan institusi zakat, telah disalurkan.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
3.	Tingkah laku anti-sosial dan peminggiran sosial	Kes aktiviti lumba haram (rempit) dilaporkan berleluasa di kawasan berkenaan. Laporan polis telah dibuat pada 25 April 2025 berhubung kegiatan tersebut, namun sehingga kini tiada tindakan berkesan diambil oleh pihak berkuasa untuk membanterasnya. (JPKK Kampung Teras, Mukim Hulu Ijok)	Berkenaan dengan isu jenayah narkotik dan aktiviti sosial tidak sihat di kawasan Selama, pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) memaklumkan bahawa tangkapan berkaitan dadah merupakan aktiviti rutin harian yang dilaksanakan oleh Bahagian Narkotik. Walau bagaimanapun, isu ini dilihat berterusan tanpa penyelesaian tuntas, seiring dengan faktor geografi kawasan yang luas termasuk ladang kelapa sawit dan kebun yang dijadikan lokasi pertemuan oleh pengedar serta penagih. Bebanan tugas semakin mencabar apabila keanggotaan Bahagian Narkotik di IPD Selama hanya seramai 13 orang, meskipun status balai telah dinaik taraf daripada gred C kepada gred B. Selain itu, masalah perlumbaan haram (rempit) juga dikenal pasti, khususnya di Kampung Teras yang dijadikan lokasi utama perhimpunan remaja. PDRM Selama telah melaksanakan rondaan melalui dua zon kawalan iaitu zon AB (Selama) dan zon CD (Batu Kurau), namun kekangan aset dan kekurangan keanggotaan menyebabkan rondaan tidak dapat dilaksanakan secara optimum. Walaupun operasi telah dijalankan secara berkala, kumpulan remaja

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			terlibat dilihat masih berupaya berkumpul semula selepas operasi dijalankan. Sehubungan itu, PDRM menekankan bahawa segala maklumat daripada Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) amat penting untuk disalurkan segera kepada pihak berkuasa agar tindakan pantas dapat diambil. Hal ini menunjukkan keperluan kepada sumber manusia dan logistik yang lebih mencukupi bagi meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan di Selama.
4.	Tiada akses kepada punca pendapatan, dan kekurangan peluang pekerjaan	Secara keseluruhannya, majoriti penduduk di kawasan ini bekerja secara sendiri atau terlibat dalam pekerjaan kampung, dengan ketiadaan sumber pendapatan yang tetap dan berterusan. Sebagai contoh, terdapat penduduk yang memiliki atau bekerja di kebun durian, di mana pendapatan hanya diperoleh apabila hasil tuaian tersedia, manakala pada musim tiada buah, pendapatan terhenti sama sekali. Dalam sesi perbincangan, peserta mencadangkan agar diwujudkan industri baharu di kawasan ini, di	Tiada maklum balas khusus daripada agensi

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		samping mengesyorkan pelaksanaan semula skim atau program pembangunan berkonsepkan FELDA atau FELCRA bagi memperkukuh ekonomi komuniti setempat. Program seperti ini dijangka dapat membuka peluang pekerjaan baharu serta memberi akses kepada pemilikan perumahan bagi penduduk tempatan. (JPKK Kampung Sangkut, Mukim Hulu Ijok)	
5.	Pertembungan masyarakat dan kehidupan dan habitat alam	Kekerapan pertembungan antara penduduk dan haiwan liar seperti kera semakin tinggi. Keadaan ini mengancam kesejahteraan hidup dan keselamatan komuniti setempat. Peruntukan undang-undang dan dasar yang lebih baik diperlukan untuk menangani masalah yang di hadapi di peringkat akar umbi. (Kampung Teras, Mukim Hulu Ijok)	Tiada maklum balas khusus daripada agensi
6.	Tiada kemudahan surau	Pada penghujung tahun 2023, Pejabat Menteri Besar telah meluluskan peruntukan hampir RM350,000 bagi pembinaan sebuah surau baharu.	Isu utama yang dibincangkan berkaitan dengan projek menaiktaraf sebuah surau lama berusia lebih 40 tahun yang uzur di Mukim Ijok. Projek ini berada di bawah seliaan JKR dengan peruntukan sebanyak RM350,000. Menurut wakil JKR, isu tanah yang sebelum ini menghalang pelaksanaan telah

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Sehubungan itu, sebuah tadika berdekatan telah ditutup pada awal tahun 2025 bagi memberikan laluan kepada pelaksanaan projek tersebut. Namun demikian, sehingga kini tiada sebarang kerja pembinaan dimulakan, sekali gus menimbulkan kekeliruan dalam kalangan penduduk yang amat memerlukan kemudahan surau tersebut dengan segera. (JPKK Kampung Teras, Mukim Hulu Ijok)	diselesaikan, dan kini bahagian arkitek sedang menyediakan pelan susun atur surau baharu berkapasiti 120 jemaah, dengan pembentangan dijadualkan pada penghujung September sebelum pelaksanaan dimulakan. Walau bagaimanapun, wujud sedikit kekeliruan berkaitan maklumat penutupan tadika yang dikaitkan dengan projek ini, sedangkan surau tersebut masih wujud dan projek fizikal belum dilaksanakan. Lazimnya, apabila surau lama dirobohkan bagi tujuan pembinaan semula, tapak sementara akan dijadikan surau bagi kegunaan jemaah. Pada peringkat semasa, projek ini masih berada dalam fasa perancangan, dengan kekangan utama melibatkan keluasan tapak, permohonan penduduk, dan kesesuaian saiz bangunan dengan keadaan tanah yang diserahkan oleh MAIPK sebagai pemilik tapak.
7.	Penempatan penduduk di tanah hak milik kerajaan	Terdapat kawasan tertentu di mana penduduk kampung yang tidak memiliki tanah atau rumah telah membina penempatan di atas tanah milik kerajaan.	Secara asasnya, isu berkaitan pendudukan tanah bergantung kepada status pemilikan tanah sama ada milik kerajaan atau persendirian. Mana-mana pihak tidak dibenarkan membina kediaman tanpa kebenaran yang sah. Walau bagaimanapun,

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Contohnya termasuk tanah yang berada di bawah hak milik Jabatan Pertanian serta sebidang tanah yang diperuntukkan untuk kegunaan sekolah. Keadaan ini menyebabkan sebahagian besar penduduk menetap di rumah teroka yang dibina di atas tanah milik pihak lain. (JPKK Kampung Sangkut, Mukim Hulu Ijok)	terdapat mekanisme rasmi seperti Permohonan Lesen Pendudukan Sementara (TOL) atau Lesen Pendudukan Sementara bagi kediaman yang boleh dipohon untuk membolehkan penduduk menghuni di atas tanah kerajaan. Selain itu, penduduk juga boleh memohon untuk memiliki tanah tersebut melalui pembayaran tertentu, dan sekiranya diluluskan, geran tanah akan dikeluarkan oleh kerajaan setelah melalui penelitian syarat-syarat teknikal oleh jabatan berkaitan. Dalam kes melibatkan tanah berstatus hak milik persendirian, kebenaran pemilik tanah adalah keutamaan sebelum sebarang pendudukan dibenarkan. Hal ini menunjukkan bahawa isu tanah perlu ditangani berdasarkan peraturan undang-undang dan kelulusan pihak berkuasa yang berkenaan.
8.	Kekurangan sistem infrastruktur dan perkhidmatan awam yang asas	Kampung Teras tidak mempunyai sistem pembuangan sisa pepejal yang khusus, seperti penyediaan tong RORO yang lazimnya terdapat di kawasan lain.	Isu pembuangan sampah di Kampung Teras telah dibincangkan dengan mengambil kira peranan Majlis Daerah (MDS) dalam penyediaan tong sampah dan pengurusan kutipan harian. Walaupun MDS menyediakan kemudahan tong sampah yang

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Ketiadaan kemudahan ini menyebabkan penduduk membuang sampah secara tidak terkawal, sekali gus memberi kesan negatif terhadap kesihatan awam dan kelestarian alam sekitar. Masalah ini telah berlarutan sejak sekian lama tanpa penyelesaian yang berkesan. (JPKK Kampung Teras, Mukim Hulu Ijok)	mencukupi, kapasiti tong roro dianggap tidak diperlukan berikutan jumlah sisa yang masih terkawal. Namun, timbul dakwaan bahawa terdapat pembuangan sampah tidak teratur di kawasan tertentu, yang didapati berpunca daripada sikap segelintir penduduk yang tidak memanfaatkan kemudahan dengan sebaiknya. Hal ini menunjukkan bahawa selain daripada penyediaan prasarana oleh pihak berkuasa tempatan, faktor kesedaran dan sikap penduduk memainkan peranan penting dalam memastikan kebersihan dan kelestarian alam sekitar di kawasan kampung.
		Keadaan jalan dari Surau Kampung Teras menuju ke Kampung Teras Seberang berada dalam keadaan rosak teruk dan membahayakan keselamatan pengguna. Permohonan untuk kerja pembaikan telah dikemukakan sejak dua tahun lalu, namun sehingga kini tiada sebarang tindakan diambil. Penduduk setempat terdedah kepada risiko kemalangan, di samping tidak menerima sebarang makluman	Keadaan jalan dari Surau Kampung Teras menuju ke Kampung Teras Seberang telah dimaklumkan berada dalam proses perolehan dan kerja-kerja pelaksanaan sedang berjalan serta dijangka selesai dalam masa terdekat. Manakala isu keruntuhan tebing sungai yang berhampiran dengan kawasan penempatan penduduk telah dilaporkan secara rasmi oleh Pejabat Penghulu kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) pada April 2025. Walaupun pihak JPS telah turun padang meninjau

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		rasmi berhubung status permohonan tersebut walaupun aduan telah dibuat kepada pihak berkuasa tempatan (PLB) dan wakil rakyat. (JPKK Kampung Teras, Mukim Hulu Ijok)	lokasi tersebut, sehingga kini masih tiada tindakan susulan yang dilaksanakan, dan perkembangan lanjut mengenai perkara ini tidak dapat dipastikan berikutan ketiadaan wakil JPS dalam perbincangan.

Jadual 10. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 10

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 10: Dialog Bersama Penduduk Tempatan Kg Pantai Besar, Kg Redang Panjang, Kg Sg Segar, FELDA Ijok **Tarikh:** 6 Ogos 2025 **Bilangan peserta:** 16 peserta **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 3 kumpulan			**Agensi yang memberikan maklum balas:** 1. Penolong Pegawai Daerah 2. Penghulu Mukim Hulu Ijok
1.	Kekurangan sistem kemudahan asas	Di kawasan ini, bekalan air paip yang sistematik, terawat, serta beroperasi dengan baik dan cekap masih tidak wujud. Bekalan air sedia ada sering mengalami masalah tekanan yang rendah dan kadangkala terputus sepenuhnya, selain hanya sampai ke kawasan luar perkampungan. Sambungan bekalan air ke dalam rumah memerlukan kos yang perlu ditanggung sendiri oleh penduduk. Pada masa ini, penduduk kampung bergantung kepada sumber air bukit, namun kualitinya akan merosot dan menjadi keruh setiap kali berlaku hujan. (JPKK Kampung Pantai Besar)	*Tiada maklum balas khusus daripada agensi*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
2.	Penyalahgunaan dadah	Pasukan kajian memperolehi maklumat daripada penduduk setempat bahawa aktiviti penggunaan dadah semakin meningkat. Ianya memberikan kesan sosial dan ekonomi yang negatif kepada komuniti tempatan. (FELDA Ijok, Mukim Hulu Ijok)	*Tiada maklum balas khusus daripada agensi*
3.	Tiada akses kepada punca pendapatan yang baik dan peluang pekerjaan	Majoriti penduduk, termasuk golongan belia, tergolong dalam kategori berpendapatan rendah atau miskin, dengan sektor pekerjaan utama terdiri daripada kerja kampung dan pekerjaan sendiri. Bagi memperoleh pendapatan yang lebih stabil dan tinggi, mereka terpaksa berhijrah atau berulang-alik ke kawasan lain seperti Kamunting serta ke pekan dan bandar yang lebih besar.	Kecenderungan generasi muda di kawasan FELDA untuk meninggalkan penempatan asal mereka kerana kekurangan peluang pekerjaan yang sesuai dengan aspirasi semasa. Hanya sebahagian kecil yang mewarisi kerjaya pertanian keluarga, manakala majoritinya berhijrah ke luar kawasan. Cadangan pembukaan rancangan penempatan atau FELDA baharu yang berorientasikan pertanian dilihat kurang relevan dengan kehendak penduduk, khususnya golongan muda yang lebih cenderung kepada pekerjaan bukan berasaskan hasil bumi. Oleh itu, terdapat kebimbangan bahawa pelaksanaan cadangan sedemikian tidak mencerminkan keperluan sebenar komuniti setempat dan berisiko membawa kepada

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			ketidakselarasan antara dasar pembangunan dengan aspirasi masyarakat tempatan.
		Kenaikan kos sara hidup telah memberi implikasi negatif terhadap kesejahteraan penduduk kampung, khususnya dalam aspek pengurusan kewangan isi rumah. Peningkatan perbelanjaan bagi keperluan asas dan tanggungjawab berkeluarga telah menjadi beban yang signifikan, meliputi kos pendidikan anak-anak, penyediaan makanan harian, serta perbelanjaan pengangkutan. (JPKK Kampung Pantai Besar, Mukim Hulu Ijok)	*Tiada maklum balas khusus daripada agensi*
4.	Fenomena banjir yang berulang	Fenomena banjir di kawasan ini dilaporkan oleh penduduk sebagai kejadian tahunan yang konsisten, dengan paras air yang boleh mencapai sehingga paras pinggang. Kejadian banjir yang paling teruk direkodkan pada tahun 2019, di mana paras air meningkat sehingga mencecah bumbung rumah-rumah kampung. Walaupun pihak agensi kerajaan pernah melaksanakan kerja-kerja pendalaman sungai,	Dimensi alam sekitar di kawasan Pantai Besar menumpukan kepada isu banjir. Rekod terakhir kejadian banjir berlaku pada Disember 2023, manakala sepanjang tahun 2024 tiada insiden dilaporkan. Faktor utama yang mengurangkan risiko banjir adalah intervensi Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) melalui kerja-kerja pendalaman sungai. Walau bagaimanapun, kekangan utama ialah ketiadaan rizab sungai khusus di Sungai Ara yang merupakan sungai utama kawasan tersebut. Hal ini menghadkan usaha kerja-kerja korek pasir secara

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		usaha tersebut didapati masih tidak mencukupi kerana sungai kembali menjadi cetek, sekali gus menyebabkan banjir terus berlaku. Intervensi terakhir bagi kerja pendalaman sungai direkodkan pada tahun 2023. (JPKK Kampung Pantai Besar, Mukim Hulu Ijok)	besar-besaran dan hanya membolehkan aktiviti pembersihan sungai dijalankan. Dari sudut peranan agensi lain, Jabatan Kerja Raya (JKR) hanya terlibat secara langsung sekiranya banjir memberi kesan kepada infrastruktur jalan raya atau jambatan utama.
5.	Kekurangan sistem perkhidmatan asas yang terancang	Kawasan kampung tidak mempunyai kemudahan pembuangan sisa pepejal atau tong sampah yang khusus. Sehubungan itu, penduduk terpaksa membuang sampah di Pekan Ijok atau di lokasi tertentu di Kampung Relang. Bagi sebahagian penduduk lain, kaedah pelupusan sisa dilakukan dengan membakar sampah yang dikumpulkan atau membuangnya terus ke dalam sungai. (JPKK Kampung Pantai Besar, Mukim Hulu Ijok)	*Tiada maklum balas khusus daripada agensi*

4.2 Pengutamaan Isu

4.2.1 Pengutamaan Isu 1: Pertembungan Masyarakat dengan Habitat Alam Sekitar

Dalam konteks Parlimen Larut (P056), konflik haiwan liar di kawasan Larut semakin ketara, khususnya melibatkan kera yang sering menceroboh kawasan pertanian. Kehadiran kera ini menyebabkan kerosakan tanaman seperti kelapa sawit, buah-buahan, dan sayur-sayuran, sekali gus menjejaskan pendapatan pekebun kecil. Masalah ini berlaku kerana pengurangan habitat semula jadi akibat pembukaan tanah untuk pertanian dan pembangunan. Kera yang kehilangan sumber makanan di hutan terpaksa mencari alternatif di ladang dan kebun penduduk. Situasi ini memerlukan penyelesaian lestari melalui kerjasama agensi kerajaan, komuniti setempat dan penggunaan kaedah mitigasi mesra alam bagi mengurangkan kerugian petani khususnya di ketiga-tiga mukim, Mukim Selama, Mukim Hulu Selama, dan Mukim Hulu Ijok.

- **Petani mengeluarkan modal (kos) yang tinggi untuk pagar elektrik**
  Masalah berkaitan konflik kera di Larut bukan sekadar kerosakan tanaman, tetapi juga menambah beban kewangan kepada petani. Sebagai contoh, ada petani yang mengeluarkan perbelanjaan besar untuk memasang pagar elektrik atau jerat, namun usaha ini kurang berkesan kerana kera mempunyai kebolehan melompat jauh dan pintar mencari jalan masuk. Selain itu, penggunaan kaedah seperti mercun atau bunyi bising hanya memberi kesan sementara kerana kera cepat menyesuaikan diri. Keadaan ini menimbulkan rasa kecewa dalam kalangan petani, meningkatkan kos operasi pertanian, serta menjejaskan motivasi mereka untuk terus mengusahakan tanah.

Jadual 10. Ringkasan Isu 1

Permasalahan berkaitan dengan Isu	1. Gangguan kera yang semakin serius telah menjejaskan hasil tanaman, sekali gus mengurangkan pendapatan para petani dan pekebun di kawasan Kampung Teras, Mukim Hulu Ijok. 2. Situasi menjadi lebih buruk apabila populasi kera menunjukkan kadar pembiakan yang pesat, menyebabkan konflik manusia-haiwan semakin meningkat. 3. Menurut peruntukan undang-undang sedia ada, penduduk adalah dilarang untuk mengambil tindakan sendiri termasuk menembak haiwan liar.

	4. Oleh itu, keperluan untuk merangka dasar baharu yang lebih efektif adalah mendesak bagi menangani isu pembiakan haiwan liar, khususnya spesies kera.
Cadangan	1. **Program kawalan populasi kera** melalui kaedah pemindahan atau pensterilan secara berperingkat dengan kerjasama Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN). 2. **Pemasangan pagar mesra alam dan berteknologi moden** seperti pagar elektrik solar dengan reka bentuk yang lebih tinggi dan sesuai dengan tabiat kera. 3. **Penggunaan tanaman penampan (buffer crops)** seperti halia atau serai di pinggir kebun yang kurang digemari kera. 4. **Kempen kesedaran komuniti** bagi mengurangkan amalan memberi makanan kepada kera yang boleh meningkatkan pergantungan haiwan tersebut terhadap manusia. 5. **Dasar insentif atau pampasan** kepada petani yang mengalami kerugian akibat gangguan haiwan liar.
Kumpulan Terjejas	Para petani dan pekebun tempatan
Kawasan	Kawasan Kampung Teras, Mukim Hulu Ijok.
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	**Sasaran SDG Berkaitan**
SDG 1: Tiada Kemiskinan	Sasaran 1.5: Mengurangkan kerentanan golongan miskin terhadap kejutan ekonomi, sosial, dan alam sekitar.
SDG 2: Sifar Kelaparan	Sasaran 2.3: Meningkatkan produktiviti pertanian dan pendapatan pengeluar makanan kecil.
SDG 15: Kehidupan di Darat	Sasaran 15.5: Mengambil tindakan segera untuk mengurangkan degradasi habitat dan menguruskan spesies liar.

	Sasaran 15.9: Mengintegrasikan nilai biodiversiti dalam perancangan pembangunan.
SDG 16: Keamanan, Keadilan dan Institusi Kukuh	Sasaran 16.6: Membangunkan institusi yang berkesan, bertanggungjawab, dan telus.

4.2.2 Pengutamaan Isu 2: Peluang Pekerjaan yang terhad di kawasan luar bandar

Di kawasan luar bandar di Larut, peluang pekerjaan adalah terhad kerana ekonomi setempat masih bergantung kepada sektor tradisional seperti pertanian, perikanan dan perniagaan kecil. Kebanyakan anak muda berhijrah ke bandar untuk mencari pekerjaan dengan pendapatan lebih stabil, meninggalkan kekosongan tenaga kerja mahir di kampung. Kekurangan pelaburan industri moden dan infrastruktur yang kurang lengkap turut menyukarkan penciptaan peluang pekerjaan baharu. Walaupun terdapat potensi dalam sektor agro-pelancongan, perusahaan kecil dan ekonomi hijau, ia masih belum dimanfaatkan sepenuhnya. Keadaan ini menyumbang kepada kadar pengangguran terselindung dan jurang pembangunan wilayah.

- **Belia berhijrah**
  Ramai belia di kawasan luar bandar Larut mengambil keputusan untuk berhijrah atau berulang-alik ke Kulim dan Pulau Pinang kerana peluang pekerjaan di kawasan mereka agak terhad. Majoriti pekerjaan di Larut masih tertumpu kepada sektor tradisional seperti pertanian dan perniagaan kecil yang kurang menjanjikan pendapatan stabil. Sebaliknya, Kulim dan Pulau Pinang menawarkan lebih banyak peluang pekerjaan dalam sektor perindustrian, teknologi, dan perkhidmatan yang menjanjikan gaji lebih baik serta peluang peningkatan kerjaya. Migrasi ini juga dipacu oleh akses kemudahan infrastruktur yang lebih maju, namun ia meninggalkan kesan terhadap pembangunan sosial luar bandar.

Jadual 11. Ringkasan Isu 2

Permasalahan berkaitan dengan Isu	1. Majoriti penduduk termasuk golongan belia tergolong dalam kategori berpendapatan rendah atau miskin. 2. Sektor pekerjaan utama terdiri daripada kerja kampung dan pekerjaan sendiri. 3. Untuk memperoleh pendapatan yang lebih stabil dan tinggi, penduduk terpaksa berhijrah atau berulang-alik ke kawasan lain.

	4. Kawasan tumpuan migrasi kerja termasuk Kamunting, serta pekan dan bandar yang lebih besar.
Cadangan	1. **Pemerkasaan ekonomi tempatan** melalui pembangunan projek keusahawanan komuniti, seperti pertanian moden, kraftangan, dan produk makanan. 2. **Latihan kemahiran dan TVET** (Technical and Vocational Education and Training) untuk golongan belia bagi meningkatkan kebolehpasaran dalam sektor pekerjaan formal. 3. **Sokongan koperasi atau usahawan mikro** bagi memberi akses kepada modal, pasaran, dan bimbingan perniagaan. 4. **Pembangunan infrastruktur digital** untuk memperluas peluang ekonomi melalui perniagaan dalam talian (e-commerce, freelancing). 5. **Kerjasama dengan pihak swasta** bagi membuka peluang pekerjaan berdekatan kawasan penempatan. 6. **Program pembangunan belia** seperti kursus kepimpinan, inovasi sosial, dan pembangunan kemahiran insaniah untuk mengurangkan penghijrahan keluar.
Kumpulan Terjejas	Belia
Kawasan	Parlimen Larut (Mukim Selama / Mukim Hulu Selama / Mukim Hulu Ijok)
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	**Sasaran SDG Berkaitan**
SDG 1: Tiada Kemiskinan	Sasaran 1.2: Menurunkan sekurang-kurangnya separuh kadar kemiskinan dalam semua dimensi menjelang 2030. Sasaran 1.4: Memastikan semua orang, terutama golongan miskin, mempunyai akses sama rata kepada sumber ekonomi.

SDG 8: Pekerjaan Layak dan Pertumbuhan Ekonomi	Sasaran 8.3: Menggalakkan dasar pembangunan yang menyokong aktiviti produktif, keusahawanan, pekerjaan kreatif dan inovatif. Sasaran 8.6: Mengurangkan kadar belia yang tidak bekerja, tidak bersekolah dan tidak mengikuti latihan (NEET).
SDG 4: Pendidikan Berkualiti	Sasaran 4.4: Menambah bilangan belia dan dewasa yang mempunyai kemahiran teknikal dan vokasional untuk pekerjaan serta keusahawanan.
SDG 9: Industri, Inovasi dan Infrastruktur	Sasaran 9.c: Meningkatkan akses kepada teknologi maklumat dan komunikasi, termasuk internet mampu milik.
SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan	Sasaran 11.a: Menyokong hubungan ekonomi, sosial dan alam sekitar antara kawasan bandar, pinggir bandar dan luar bandar.

5.0 PENGENALPASTIAN AWAL PROJEK PENYELESAIAN

Jadual 12. Pengenalpastian Projek Penyelesaian

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3	PROJEK 4
Tajuk Projek	**Exam Excellence: SPM 2025 Strategy Workshop**	**Projek Jari Emas, Jahitan, Sulaman Dan Printing**	**Kursus Asas Ternakan Ruminan**	**Bengkel Keusahawanan Digital Dan Pembangunan Produk Makanan**
SDG Berkaitan	SDG 4, 3, 17	SDG 1, 4, 8, 17	SDG 1, 4, 8, 12, 17	SDG 1, 4, 8, 17
Objektif	Peningkatan kesiapsiagaan pelajar B40 melalui pendedahan kepada teknik peperiksaan yang terbukti berkesan, kemahiran pengurusan masa yang lebih baik, serta strategi menjawab yang tersusun. Calon juga akan mendapat manfaat daripada tip peribadi yang dikongsi oleh	Projek Jahitan, Sulaman dan Printing yang diuruskan oleh Jari Jahit Komuniti Desa melibatkan lima pekerja mahir dengan aktiviti utama menjahit pakaian, langsir, pakaian sekolah serta perkhidmatan ubah suai, menghasilkan sulaman moden eksklusif, dan menyediakan perkhidmatan cetakan baju, apron, tshirt, jersi serta baju korporat. Sasaran projek ini adalah ahli komuniti, pihak sekolah dan organisasi.	Perancangan Kursus Asas Ternakan Kambing menekankan objektif memberi ilmu asas ternakan dan membimbing peserta menjadi penternak berdaya saing. Sasaran utama ialah belia, penternak baharu, penduduk luar bandar, pelajar dan kumpulan berpendapatan rendah. Persiapan awal melibatkan bajet, fasiliti,	Projek ini ialah bengkel latihan intensif yang merangkumi dua aspek utama: Keusahawanan Digital (penggunaan platform Shopee, TikTok Shop dan media sosial untuk jualan atas talian) serta Pembangunan Produk Makanan (inovasi resipi, pembungkusan moden dan pematuhan piawaian MESTI dan HALAL). Bengkel dijalankan secara interaktif melalui sesi

	guru pakar, yang membawa kepada peningkatan motivasi dan ketahanan diri. Calon seterusnya akan memperoleh alat praktikal, keyakinan menghadapi peperiksaan serta kerangka persediaan holistik yang secara langsung menyumbang kepada peningkatan prestasi dalam SPM 2025.	Matlamat projek ialah meningkatkan ekonomi golongan sasaran, membantu B40 mengurangkan kebergantungan pada bantuan kerajaan, memberi kemahiran kepada suri rumah, serta membina keyakinan belia tercicir bagi mengurangkan jurang sosial. Dalam jangka panjang, projek ini bercita-cita melahirkan jenama sendiri di peringkat lebih tinggi serta memperkukuh imej komuniti sebagai berdikari dan berinovasi.	modul teori dan praktikal serta jurulatih berpengalaman. Modul merangkumi pemakanan, kesihatan, pembinaan kandang dan pengurusan ternakan. Kursus dijalankan selama tiga bulan melalui kuliah, praktikal dan lawatan ladang. Pengurusan peserta termasuk pendaftaran, jadual, makan minum dan bahan kursus, manakala pemantauan dibuat melalui kuiz, tugasan dan maklum balas. Laporan akhir disediakan sebagai rujukan. Pencapaian utama kursus ialah peningkatan ilmu dan kemahiran,	praktikal, simulasi jualan dan bimbingan mentor industri.

			kelahiran penternak baharu, pembentukan jaringan komuniti serta peluang ekonomi. Secara keseluruhan, kursus ini menjadi asas melahirkan agropreneur moden dan mampan.	
Hasil Jangkaan	Projek ini dijangka memberi impak yang berkekalan dengan membekalkan calon SPM 2025 dengan kemahiran belajar yang praktikal, teknik menjawab peperiksaan serta keyakinan diri. Ilmu dan strategi yang diperoleh akan terus memberi manfaat kepada pelajar sepanjang perjalanan akademik mereka, sekali gus	**Produk** – Jahitan pakaian, langsir, uniform; sulaman tuala, apron, tanda nama, cenderahati; serta printing t-shirt, jersi dan baju korporat. **Peningkatan Sosioekonomi** – Peserta memperoleh pendapatan tambahan. **Pembangunan Kemahiran** – Peserta menguasai jahitan, sulaman dan printing, serta mahir asas pemasaran dan pengurusan kewangan kecil. **Kesan Sosial Positif** – Mengurangkan pengangguran, menyediakan peluang kerja	Impak Kursus Asas Ternakan Ruminan dapat dilihat melalui peningkatan ilmu, kemahiran, serta pengurusan moden peserta yang membawa kepada produktiviti lebih tinggi dan peningkatan pendapatan. Kursus ini juga melahirkan usahawan tani berdaya saing serta berpotensi menjamin kelestarian projek ternakan. Bagi mengekalkan	Projek ini bertujuan melahirkan usahawan makanan Bukit Bertam yang celik digital, meningkatkan kualiti serta nilai produk tempatan, memperluas pasaran melalui pemasaran digital, serta menjana pendapatan mampan dan peluang pekerjaan komuniti. Masalah dikenal pasti ditangani melalui latihan praktikal digital, pembangunan produk dari segi rasa,

	memupuk pembelajaran kendiri dan daya ketahanan. Dengan penglibatan guru pakar sebagai tenaga sumber, program ini juga membina rangkaian sokongan yang boleh dimanfaatkan oleh kohort-kohort akan datang.	fleksibel, serta mewujudkan komuniti produktif dan berdaya saing.	keberkesanan, perlu ada perancangan rapi, pemantauan berterusan, bimbingan agensi, pembentukan komuniti/koperasi, serta sokongan kewangan. Gabungan faktor ini dapat memastikan kejayaan penternakan ruminan secara mampan.	pembungkusan dan pensijilan, bimbingan strategi pemasaran mengikut trend semasa, serta sokongan susulan bagi memastikan peserta mampu mengaplikasikan ilmu yang diperoleh.
Organisasi	Persatuan Guru-Guru Tamil Perak Utara	JPKK Kampung Sungai Jernih	Akrab Maju Venture	Syamnanie Resources
Aktiviti	Program ini merangkumi pelancaran projek, orientasi, kajian asas dan pengurusan masa dengan penekanan kepada objektif yang jelas, data asas serta jadual belajar peribadi.	**September** Peserta belajar asas jahitan termasuk pengendalian mesin jahit (lurus, tepi, interlock), mengukur badan dan mencipta pola pakaian asas. Mereka menghasilkan rekaan pakaian mengikut kreativiti	**Minggu 1: Pengenalan Ternakan Kambing** Sejarah industri kambing & biri-biri, peranan sebagai sumber protein, kelebihan ternakan ruminan kecil, serta peluang keusahawanan. *Hasil*: Peserta faham	**September** • *Minggu 1:* Taklimat pembukaan – peserta faham objektif, peranan, dan wujud kerjasama awal. • *Minggu 2:* Produk Cucur Badak sejuk beku – kualiti

	Aspek pengurusan stres, motivasi dan perbincangan kumpulan rakan sebaya turut diberi perhatian untuk mengurangkan tekanan dan membina sistem sokongan. Komponen akademik meliputi: ● Bahasa Melayu Kertas 1: penambahbaikan teknik esei dan strategi soalan tahun lepas. ● Bahasa Melayu Kertas 2 + Ujian Percubaan: penguasaan kefahaman, rumusan, kesusasteraan	sendiri, belajar strategi harga dan pemasaran. Hasil: Peserta mampu mengenal pasti fungsi mesin jahit, menghasilkan produk mengikut saiz, membina keyakinan diri melalui rekaan sendiri, serta mula yakin menerima tempahan kecil. **Oktober** Fokus kepada asas sulaman: pengendalian mesin sulaman, teknik jahitan sulaman, rekaan corak asas, dan menghasilkan produk sulaman pada tuala, apron atau sapu tangan. Hasil: Peserta mampu menghasilkan sulaman asas seperti nama atau tulisan, melakar corak mudah (bunga, daun, huruf), serta menguasai sekurang-kurangnya dua jenis jahitan sulaman.	kepentingan & potensi industri. **Minggu 2: Biologi & Pemilihan Baka** Jenis baka popular (Boer, Jamnapari, Saanen, Katjang, Dorper, Dorset dll.), ciri baka daging/susu/serat, teknik pemilihan induk & pejantan. *Hasil*: Peserta mampu pilih baka sesuai. **Minggu 3: Reka Bentuk & Pengurusan Kandang** Jenis kandang, keluasan, ventilasi, kebersihan, pengurusan najis & air buangan. *Hasil*: Peserta boleh merancang kandang praktikal & mesra alam. **Minggu 4: Pemakanan & Diet**	terjamin, pembungkusan menarik, jana pendapatan & kemahiran keusahawanan. ● *Minggu 3:* Karipap Keledek sejuk beku – inovasi kuih tradisional, pasaran runcit, peluang komersial lebih besar. ● *Minggu 4:* Roti Canai sejuk beku – produk berkualiti, pasaran tempatan/antarabangsa, potensi jenama makanan beku. **Oktober** ● *Minggu 1:* Kuih Tiram – kekalkan warisan, jana

	serta maklum balas ujian. ● Bahasa Inggeris Kertas 1: strategi penulisan esei berstruktur untuk markah tinggi. ● Bahasa Inggeris Kertas 2 + Ujian Percubaan: peningkatan dalam kefahaman dan kesusasteraan. ● Matematik Kertas 1: kepantasan dan ketepatan menjawab. ● Matematik Kertas 2 + Ujian	**November** Peserta didedahkan kepada asas printing: pengendalian mesin printing, jenis printing (heat press, sublimation, screen printing), dan kemahiran reka bentuk asas (tulisan, logo, corak). Projek melibatkan mencetak design pada pakaian seperti apron, t-shirt atau jersi. Hasil: Peserta mampu mengenal pasti jenis mesin printing, mencetak design sendiri menggunakan heat press, menghasilkan logo atau corak kreatif, serta meningkatkan kemahiran ICT melalui rekaan grafik digital.	Keperluan nutrisi (protein, tenaga, vitamin, mineral), jenis makanan, pengurusan air & jadual makanan. *Hasil*: Peserta boleh sediakan diet seimbang & kawal kos. **Minggu 5: Penanaman Rumput Napier** Kaedah penanaman, penjagaan, kawalan perosak, penuaian, integrasi dengan ternakan & analisis kos. *Hasil*: Peserta mahir tanam Napier & menilai aspek ekonomi. **Minggu 6: Pengenalan Silaj** Bahan, teknik penyediaan, proses fermentasi, penilaian kualiti, penggunaan	pendapatan, potensi eksport. ● *Minggu 2:* Kuih Siput – makanan ringan bernilai, kemahiran keusahawanan, peluang dijadikan jenama. ● *Minggu 3:* Muruku – kuih tradisi pelbagai kaum, tanpa pengawet, potensi jenama global. ● *Minggu 4:* Kerepek Pisang – produk rangup & tahan lama, potensi makanan ringan terkenal. **November** ● *Minggu 1:* Roti pelbagai jenis – kualiti tinggi, pasaran harian,

	Percubaan: penyelesaian masalah berstruktur dengan maklum balas. ● Sejarah Kertas 1: pengenalpastian corak dan ingatan pantas. ● Sejarah Kertas 2 + Ujian Percubaan: pembinaan esei sejarah yang kukuh. ● Bahasa Tamil Kertas 1: penulisan esei dan karya kreatif berkualiti tinggi.		dalam diet, dan kos. *Hasil*: Peserta boleh hasilkan & guna silaj dengan betul. **Minggu 7: Pembiakan & Reproduksi** Sistem pembiakan, kitaran estrus, penjagaan induk bunting, kelahiran & anak. *Hasil*: Peserta boleh mengurus pembiakan & tingkatkan kelahiran hidup. **Minggu 8: Kesihatan & Penyakit** Jenis penyakit biasa, vaksinasi, rawatan cacing, biosekuriti & kuarantin. *Hasil*: Peserta mampu cegah, kenal pasti & rawat asas penyakit.	potensi jenama tempatan. ● *Minggu 2:* Kursus Asas Keusahawanan Digital – peserta kuasai platform digital, jana pendapatan online. ● *Minggu 3:* Kursus Shopee & TikTok Shop Affiliate – faham affiliate marketing, hasilkan pendapatan pasif. ● *Minggu 4:* Majlis Penutup & Penyampaian Sijil – penghargaan, motivasi, peluang susulan, penutup profesional.

	• Bahasa Tamil Kertas 2 + Penutup & Penilaian Pasca: persediaan akhir peperiksaan, penilaian kemajuan, panduan belajar serta majlis penutup.		**Minggu 9: Pengurusan Harian** Rutin penternak, rekod kesihatan & kos, kebajikan haiwan & amalan lestari. *Hasil*: Peserta boleh urus ladang secara sistematik. **Minggu 10: Ekonomi & Pemasaran** Kos operasi, ROI, strategi pemasaran, pasaran tempatan & bantuan kerajaan. *Hasil*: Peserta mampu rancang perniagaan ternakan. **Minggu 11: Asas Pembuatan EM4** Definisi, bahan & alatan, teknik pembuatan, kegunaan dalam penternakan, pertanian & alam sekitar, penilaian	

			kualiti & kos. *Hasil*: Peserta boleh hasilkan EM4 & guna secara praktikal. **Minggu 12: Modul Sembelihan Halal & Pemasaran** Konsep halal, syarat & teknik sembelihan, kebajikan haiwan, piawaian undang-undang, asas perniagaan, teknik jualan, kos & etika perniagaan. *Hasil*: Peserta mampu sembelih halal, berniaga secara etika & berdaya tahan.	
Jumlah (RM)	RM30,000	RM30,000	RM30,000	RM30,000
Lokasi	Larut	Kampung Sungai Jernih, Ijok	Ulu Mengkuang, Rantau Panjang	Bukit Bertam
Tempoh	3 bulan	3 bulan	3 bulan	3 bulan

6.0 RUJUKAN

Department of Statistics Malaysia, Kawasanku: P.056 Larut Dashboard, OpenDOSM, accessed 21 September 2025.

Department of Statistics Malaysia. *MyCensus 2020: Population and Housing Census of Malaysia 2020*. Putrajaya: DOSM, 2022.

Majlis Daerah Selama, *"Penginapan – Projek Pelancongan Desa Selama,"* Majlis Daerah Selama, https://www.mdselama.gov.my/index.php/penginapan.

Parlimen Malaysia, Profil Ahli Dewan: Hamzah bin Zainudin, accessed 21 September 2025.

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, Semakan DPT Perak dan keputusan PRU15 for P.056 Larut, accessed 21 September 2025.

Laporan Pemetaan Isu Parlimen
P.061 Padang Rengas

Disediakan oleh:
Dr. Teo Lee Ken & Siti Noraiysah Rohim



P.061 PADANG RENGAS

BAHAGIAN A

LAPORAN LAWATAN PEMETAAN ISU 455 – 467

BAHAGIAN B

1.0 PENGENALAN 471 – 476
1.1 Geografi/Topografi 471
1.2 Komposisi Penduduk 472
1.3 Kegiatan Ekonomi Utama 473
1.4 Hubungan Kerangka Konseptual SDG dan Konteks Tempatan 474

2.0 METODOLOGI PENYELIDIKAN 474 – 479
2.1 Pendekatan Kajian 476
2.2 Langkah Etika Semasa Kajian Lapangan 478
2.3 Kekangan Lawatan Kajian Lapangan 478
2.4 Keterbatasan Kajian 479

3.0 RANGKUMAN ISU RENTAS SDG 480 – 484

4.0 GAMBARAN KESELURUHAN PEMETAAN ISU 485 – 523
4.1 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu 485
4.2 Pengutamaan Isu 519

5.0 PENGENALPASTIAN AWAL PROJEK PENYELESAIAN 524 – 527

6.0 RUJUKAN 528

BAHAGIAN A

Laporan Lawatan Pemetaan Isu

P.061 Padang Rengas

DENGAN SOKONGAN DARIPADA

AHLI PARLIMEN PADANG RENGAS,
YB KAPTEN AZAHARI BIN HASAN



TEMPAT-TEMPAT YANG TELAH DILAWATI

24 - 26 Mei 2025
(Jumaat - Ahad)

HARI 1

1. FGD 1: Persatuan Sahabat OKU Padang Rengas
2. FGD 2 : Persatuan Pemilik Dusun Ulu Kongsor Padang Rengas
3. Lawatan Tapak 1 : Kawasan Agro Pelancongan Ulu Kongsor
4. Lawatan Tapak 2: Kawasan Kg Jaya
5. Lawatan Tapak 3: Kawasan Pembuangan Sampah
6. Lawatan Tapak 4: Kawasan Banjir Kilat

HARI 2

7. FGD 3 : Komuniti MYKP
8. Lawatan Tapak 5: Pasaraya Sauk
9. FGD 4 : Pertubuhan Jalinan Bakti Padang Rengas
10. FGD 5: Pertubuhan Penganut Dewi Sri Maha Mariamman
11. FGD 6 : Komuniti Petani

HARI 3

12. FGD 7: Komuniti Warga Emas Rumah PAWE
13. Sesi Temubual Secara Mendalam Bersama Wakil Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)

PASUKAN PENYELIDIK



DR. TEO LEE KEN
(Ketua Penyelidik)



DR THANARAJ MURUDI
(Ketua Zon Utara, Penyelidik)



SITI NORAIYSAH ROHIM
(Penyelidik)



ROSE HELEN
(Penyelidik)



ZARIZ ZAINAL
(Penyelaras Tempatan)

LAWATAN PEMETAAN KAWASAN TELAH DIJALANKAN PADA 24-26 MEI 2025 (SABTU - ISNIN)

01



21 Januari 2025
Mesyuarat Awalan

02



14 Februari 2025
Mesyuarat Pemprofilan

03



19 Februari 2025
Perbincangan Kajian Pemetaan SDG Parlimen Padang Rengas

04



24 Mei 2025
FGD 1: Persatuan Sahabat OKU Padang Rengas

05



24 Mei 2025
FGD 2 : Persatuan Pemilik Dusun Ulu Kongsor Padang Rengas

06



24 Mei 2025
Lawatan Tapak 1 : Kawasan Agro Pelancongan Ulu Kongsor

07



24 Mei 2025
Lawatan Tapak 2: Kawasan Kg Jaya

08



24 Mei 2025
Lawatan Tapak 3: Kawasan Pembuangan Sampah

09



24 Mei 2025
Lawatan Tapak 4: Kawasan Banjir Kilat

10



25 Mei 2025
FGD 3 : Komuniti MYKP

11



25 Mei 2025
Lawatan Tapak 5: Pasaraya Sauk

12



25 Mei 2025
FGD 4 : Pertubuhan Jalinan Bakti Padang Rengas

13



25 Mei 2025
FGD 5 : Pertubuhan Penganut Dewi Sri Maha Mariamman

14



25 Mei 2025
FGD 6 : Komuniti Petani

15



26 Mei 2025
FGD 7: Komuniti Warga Emas Rumah PAWE

18



26 Mei 2025

Lawatan Tapak 6: Lokasi Strategik Untuk Penempatan Kenderaan Berat

17



26 Mei 2025

FGD 8 : Komuniti Belia

16



26 Mei 2025

Sesi Temubual Mendalam Bersama Wakil Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)



21 JANUARI 2025 - MESYUARAT AWALAN

Satu perjumpaan awalan telah diadakan bersama YB Kapten Azahari bin Hasan, Ahli Parlimen Padang Rengas. YB bersetuju untuk mengadakan lawatan tapak yang dijadualkan sama ada pada 12-14 April atau 19-21 April 2025. Sekretariat APPGM-SDG telah diwakili oleh Dr. Teo Lee Ken, Nurmaisarah Mohd Asri, dan Yoogeswaran Kanis dalam perbincangan ini bagi menyelaras gerak kerja lapangan di kawasan Parlimen Padang Rengas.

14 FEBRUARI 2025 - MESYUARAT PEMPROFILAN



Dr. Teo Lee Ken dan Syaza Mazelan telah mengadakan sesi mesyuarat bersama wakil Pejabat YB Padang Rengas, Encik Hisham Husaini dan Encik Haris Awang bagi membentuk profil kawasan. Selain mendapatkan maklumat demografi, isu-isu awal yang dibincangkan termasuk pekerjaan, kemiskinan, perumahan mampu milik, kebolehgunaan kemudahan awam, pencemaran, penyelenggaraan infrastruktur, konflik manusia-haiwan, dan pencemaran alam sekitar. Sebagai langkah susulan, kunjungan tidak rasmi ke Pejabat YB akan diadakan pada 19 Februari bagi memperincikan tentatif dan menetapkan tarikh kajian lapangan yang dijadualkan pada minggu kedua April 2025.

19 FEBRUARI 2025 - PERBINCANGAN KAJIAN PEMETAAN SDG PARLIMEN PADANG RENGAS



Perjumpaan bersama Pegawai Daerah Kuala Kangsar, YBrs. Tuan Muhamad Nazri bin Abdullah, telah diadakan bagi membincangkan kajian pemetaan SDG di Parlimen Padang Rengas.

Dr. Teo Lee Ken dan Dr. Thanaraj Murudi membentangkan pengenalan APPGM-SDG serta berkongsi hasil dapatan dan projek solusi yang telah dilaksanakan di Kuala Kangsar pada tahun 2023. Tuan DO menyatakan kesediaan untuk bekerjasama dan turut memberikan input sosioekonomi berkaitan Padang Rengas. Turut hadir dalam sesi ini adalah Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan), Dr. Kamarul Lisa binti Hashim. Pemetaan SDG bagi Padang Rengas dijadualkan berlangsung pada April 2025.



FGD 1: PERSATUAN SAHABAT OKU PADANG RENGAS

Sesi FGD 1 bersama Persatuan Sahabat OKU Padang Rengas telah diadakan di Pejabat Ahli Parlimen Padang Rengas. Seramai 7 orang peserta telah menyertai sesi ini. Sepanjang sesi dialog ini juga YB Kapten Azahari bin Hasan (Ahli Parlimen Padang Rengas) dan pegawai-pegawai hadir turut hadir sama. Antara isu yang telah dikenal pasti adalah: **(1)** Proses kemaskini laporan bantuan tahunan yang rumit dan membebankan OKU; **(2)** peluang pekerjaan yang terhad untuk OKU, menyukarkan kelangsungan hidup mereka; dan **(3)** kekurangan dana program bagi pelaksanaan aktiviti pembangunan dan kesejahteraan komuniti OKU.



FGD 2 : PERSATUAN PEMILIK DUSUN ULU KONGSOR PADANG RENGAS

Sesi FGD 2 bersama Persatuan Pemilik Dusun Ulu Kongsor telah diadakan di Green Stone Campsite, Ulu Kongsor. Seramai 8 orang peserta (pengusaha) telah menyertai sesi ini. Sepanjang sesi dialog ini juga YB Kapten Azahari bin Hasan (Ahli Parlimen Padang Rengas) dan pegawai-pegawai hadir turut hadir sama. Antara isu yang telah dikenal pasti adalah: **(1)** ketiadaan bekalan elektrik di Ulu Kongsor; **(2)** kegagalan mendapatkan geran tanah bagi pemilik campsite dan dusun; **(3)** kesan pembalakan dan penanaman semula terhadap aliran sungai; dan **(4)** kekangan infrastruktur dalam menyokong ekonomi tempatan.




LAWATAN TAPAK 1 : KAWASAN AGRO PELANCONGAN ULU KONGSOR

Pasukan Penyelidik telah membuat satu lawatan tapak ke Ulu Kongsor yang merupakan lokasi yang kaya dengan keindahan alam semula jadi, dikelilingi oleh dusun buah-buahan, sungai jernih, dan air terjun yang menenangkan. Kawasan ini menawarkan suasana yang damai dan segar, sesuai untuk aktiviti perkhemahan dan rekreasi keluarga. Daya tarikan utamanya termasuk pemandangan hijau yang memukau serta pengalaman mandi-manda di sungai berair sejuk dan jernih. Terdapat 13 chalet dan tapak perkhemahan yang menjadi destinasi bagi mereka yang inginkan keindahan alam. Di samping aliran sungai, air terjun, kehijauan alam, terdapat dusun - dusun seperti durian dan cempedak. Ramai pelancong datang dari luar dan dalam negara. Harapan pengusaha adalah Ulu Kongsor akan terus diperkenalkan untuk peningkatan tarikan bagi kawasan Padang Rengas.





LAWATAN TAPAK 2: KAWASAN KG JAYA

Kampung Jaya merupakan penempatan yang telah wujud sejak lebih 50-60 tahun yang lalu dengan anggaran antara 700 hingga 800 rumah, namun hanya tiga individu yang memiliki geran tanah. Struktur kampung yang tidak teratur menyebabkan rumah dibina terlalu rapat, sistem perparitan tidak sesuai, jalan sempit, dan jarak kediaman yang terlalu dekat antara satu sama lain. Keadaan ini meningkatkan risiko keselamatan seperti kebakaran dan penularan denggi akibat persekitaran yang tidak terurus.





LAWATAN TAPAK 3: KAWASAN PEMBUANGAN SAMPAH

Lawatan ke kawasan pembuangan sampah di sekitar kaki Gunung Pondok mendapati bahawa lokasi ini telah beberapa kali dipindahkan dan kini berada di tapak ketiga. Tapak sedia ada didapati tidak mencukupi, khususnya ketika musim perayaan, sehingga menyebabkan longgokan sampah yang berlebihan. Selain itu, kewujudan beberapa tempat pembuangan sampah di tepi jalan secara tidak sistematik turut menimbulkan isu kebersihan dan mencemarkan imej persekitaran.





LAWATAN TAPAK 4: KAWASAN BANJIR KILAT

Lawatan tapak telah dijalankan ke beberapa kawasan terjejas banjir kilat, termasuk Kg Laneh dan Kg Labu Kubong. Di Kg Laneh, banjir kilat sering berlaku akibat fenomena kepala air dari kawasan berbukit, yang mengambil masa kira-kira 5 jam untuk surut. Walau bagaimanapun, keadaan semakin baik selepas Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) melaksanakan projek mendalamkan sungai dan membina tebing. Manakala di Kg Labu Kubong pula berpunca daripada sistem perparitan yang tidak mencukupi, di mana saiz parit tidak mampu menampung jumlah air hujan yang tinggi.



FGD 3 : KOMUNITI MYKP CHEGAR GALAH

Sesi FGD 3 bersama komuniti MyKP Chegar Galah telah diadakan di Kg Chegar Galah. Seramai 15 orang peserta telah menyertai sesi ini. Antara isu yang telah dikenal pasti adalah: **(1)** ketidakupayaan komuniti untuk membayar caj sewa tanah; **(2)** peningkatan kos sara hidup; **(3)** peluang pekerjaan yang terhad; dan **(4)** konflik hidupan liar.





LAWATAN TAPAK 5: PASARAYA SAUK

Para penyelidik telah mengadakan lawatan ke Pasaraya Sauk, iaitu pasaraya pertama milik bumiputera di kawasan Parlimen Padang Rengas. Dalam lawatan ini, para pegawai APPGM-SDG berpeluang bertemu secara langsung dengan pemilik pasaraya, Tuan Mazlan. Kunjungan ini turut memberi peluang kepada penyelidik untuk meneliti inisiatif yang dilaksanakan oleh Parlimen Padang Rengas dalam menyediakan kemudahan perbankan seperti mesin ATM, deposit tunai dan pengeluaran (CRM) di dalam pasaraya ini. Usaha ini bertujuan memudahkan urusan kewangan harian penduduk setempat tanpa perlu ke Bandar Kuala Kangsar yang lebih jauh dari kawasan kampung.



FGD 4 : PERTUBUHAN JALINAN BAKTI PADANG RENGAS

Sesi FGD 4 bersama para ahli Pertubuhan Jalinan Bakti Padang Rengas telah diadakan di Kedai Smith, Pekan Padang Rengas. Seramai 17 orang peserta telah menyertai sesi ini. Antara isu yang telah dikenal pasti adalah: **(1)** kekurangan penyelenggaraan infrastruktur kawasan setempat; **(2)** sistem perparitan yang tidak sistematik; dan **(3)** kekurangan dana untuk kelestarian pertubuhan.



FGD 5 : PERTUBUHAN PENGANUT DEWI SRI MAHA MARIAMMAN

Sesi FGD 5 bersama komuniti Pertubuhan Penganut Dewi Srii Maha Mariamman telah diadakan di Kuil Sri Maha Mariamman. Seramai 18 orang peserta telah menyertai sesi ini. Antara isu yang telah dikenal pasti adalah: **(1)** peluang pekerjaan yang terhad; **(2)** pencemaran udara berpunca daripada kilang simen; dan **(3)** tahap sosio-ekonomi komuniti India setempat yang masih rendah.



FGD 6 : KOMUNITI PETANI

Sesi FGD 6 bersama para petani tempatan telah diadakan di Warung Telaga Kota Lama Kiri. Seramai 5 orang peserta telah menyertai sesi ini. Antara isu yang telah dikenal pasti adalah: **(1)** peningkatan kos input pertanian; **(2)** kekurangan jentera pertanian; dan **(3)** kelewatan pengedaran baja.



FGD 7: KOMUNITI WARGA EMAS RUMAH PAWE

Sesi FGD7 bersama komuniti warga emas telah diadakan di Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) Daerah Kuala Kangsar. Seramai 14 orang peserta hadir, terdiri daripada Penghulu Mukim Kampung Buaia, ahli jawatankuasa, serta ahli PAWE. Antara isu utama yang dikenal pasti semasa sesi ini ialah: **(1)** kekurangan dana untuk memastikan kelangsungan dan kelestarian aktiviti PAWE; **(2)** lokasi tapak pembuangan sampah yang tidak sistematik dan menimbulkan ketidakselesaan; dan dan **(3)** penyampaian maklumat kepada komuniti yang kurang jelas, menyeluruh, dan tidak sampai kepada semua lapisan warga emas.



SESI TEMUBUAL SECARA MENDALAM BERSAMA WAKIL PUSAT PEMULIHAN DALAM KOMUNITI (PDK)

Sesi temubual secara mendalam telah diadakan bersama Penyelia dan Petugas bertempat di PDK Talian Permai. Antara isu yang diketengahkan adalah berkenaan dengan: **(1)** elaun petugas dan penyelia yang masih rendah; **(2)** kekurangan geran peruntukan untuk PDK; dan **(3)** penggunaan sistem dan dokumentasi secara talian membebankan pengurusan PDK.



FGD 8 : KOMUNITI BELIA

Sesi FGD 8 bersama para belia daripada Pertubuhan Pergerakan Amal Bakti. Seramai 4 orang peserta telah menyertai sesi ini. Antara isu yang telah dikenal pasti adalah: **(1)** kekurangan kemudahan dan tempat riadah untuk belia; dan **(2)** ketiadaan dana dalam kelestarian program untuk belia setempat.




LAWATAN TAPAK 6: LOKASI STRATEGIK UNTUK PENEMPATAN KENDERAAN BERAT

Para penyelidik telah melawat ke sebuah lokasi strategik yang dicadangkan sebagai kawasan khusus untuk parkir kenderaan berat, terutamanya lori-lori dari kilang simen YTL. Pada masa ini, kenderaan berat tersebut diletakkan di bahu jalan secara tidak teratur, sekali gus menimbulkan kebimbangan dalam kalangan penduduk setempat daripada segi keselamatan dan keselesaan.

BAHAGIAN B

Laporan Pemetaan Isu

P.061 Padang Rengas

Senarai Jadual

Jadual 1	Komposisi Penduduk di Parlimen Padang Rengas
Jadual 2	Tentatif Ringkas Lawatan Tapak Parlimen Padang Rengas
Jadual 3	Rangkuman Isu Rentas SDG
Jadual 4	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 1
Jadual 5	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 2
Jadual 6	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 3
Jadual 7	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 4
Jadual 8	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 5
Jadual 9	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 6
Jadual 10	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 7
Jadual 11	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu Sesi Temu Bual Mendalam
Jadual 12	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 8
Jadual 13	Ringkasan Isu 1
Jadual 14	Ringkasan Isu 2
Jadual 15	Ringkasan Isu 3
Jadual 16	Pengenalpastian Projek Penyelesaian

Senarai Singkatan

APPGM-SDG	*All-Party Parliamentary Group Malaysia on SDGs*
ADUN	Ahli Dewan Undangan Negeri
BERSATU	Parti Pribumi Bersatu Malaysia
CADO	*Chief Assistant District Officer*
DUN	Dewan Undangan Negeri
EIA	*Environmental Impact Assessment*
FGD	*Focus Group Discussion*
IPD	Ibu Pejabat Daerah
JAS	Jabatan Alam Sekitar
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
JKR	Jabatan Kerja Raya
JPS	Jabatan Pengairan dan Saliran
KKDW	Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
MyKP	My Komuniti Perikanan
NAFAS	Pertubuhan Peladang Kebangsaan
OKU	Orang Kurang Upaya
PAS	Parti Islam Se-Malaysia
PAWE	Pusat Aktiviti Warga Emas
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PDK	Pusat Pemulihan dalam Komuniti
PDT	Pejabat Daerah dan Tanah
PERHILITAN	Jabatan Perlindungan Hidupan Liar
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
PPK	Pertubuhan Peladang Kawasan
SDG	*Sustainable Development Goals*
TOL	*Temporary Occupational License*
YB	Yang Berhormat
YTL	YTL Corporation

1.0 PENGENALAN



YB Kapten Azahari Hasan

Parlimen Padang Rengas (P.061) merupakan sebuah kawasan parlimen di negeri Perak Darul Ridzuan. Parlimen ini merangkumi dua kawasan dewan undangan negeri, iaitu Chenderoh (N.19) dan Lubok Merbau (N.20). Jumlah penduduk keseluruhan di parlimen Padang Rengas adalah 38,295 orang (setakat mengikut MyCensus 2020), dan mempunyai sejumlah 38,686 pengundi berdaftar (setakat pilihanraya umum yang ke-15).

Ahli Parlimen pada waktu kini adalah Yang Berhormat Kapten Azahari Hasan daripada Parti BERSATU. Manakala Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Chenderoh adalah Yang Berhormat Syed Lukman Hakim Syed Mohd Zin, daripada Parti BERSATU, dan ADUN Lubok Merbau Yang Berhormat Azizi Mohamed Ridzuan daripada Parti Islam Se-Malaysia (PAS). Pada pilihanraya umum yang ke-15 pada tahun 2022, YB Kapten Azahari Hasan memperolehi undi sebanyak 12,931 dengan calon UMNO-BN, Mohd Arrif Abdul Majid, memperolehi 9.885 undi dan calon PKR-PH, Muhammad Kamil Abdul Munim mendapat 7,062 undi.

Secara geografinya, Parlimen Padang Rengas bersempadan dengan Parlimen Larut dan Lenggong di arah utara, Parlimen Sungai Siput di sebelah timur, Parlimen Taiping dan Bukit Gantang di arah barat, dan Parlimen Kuala Kangsar ke arah selatan. Dalam konteks pentadbiran awam dan kerajaan, Parlimen Padang Rengas terletak dalam daerah Kuala Kangsar.

1.1 Geografi/Topografi

Kawasan Parlimen Padang Rengas (P.061) terletak bersebelahan dengan Parlimen Larut (P.056) dan Parlimen Lenggong (P.055) di bahagian utara, Parlimen Sungai Siput (P.062) ke arah timur, Parlimen Kuala Kangsar (P.067) di bahagian selatan dan Parlimen Taiping (P.060) serta Parlimen Bukit Gantang (P.059) ke arah barat.

Daripada segi pentadbiran awam dan kerajaan, Parlimen Padang Rengas terletak dalam kawasan daerah Kuala Kangsar dan berada di bawah tatakelola Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Kangsar dan Majlis Perbandaran Kuala Kangsar. Daerah Kuala Kangsar disempadani oleh daerah Hulu Perak di utara, daerah Kerian di barat, dan Daerah Perak Tengah serta Kinta di bahagian selatan. Selain Parlimen Padang Rengas, Parlimen Kuala Kangsar juga berada dalam lingkungan daerah Kuala Kangsar.

Daerah Kuala Kangsar, serta Parlimen Padang Rengas secara umumnya merangkumi kawasan hijau yang kaya dengan alam flora dan fauna, dan dikelilingi tanah bergunung

dan laluan sungai. Ini digambarkan melalui dapatan guna tanah daerah Kuala Kangsar pada 2020, di mana daripada jumlah keluasan 256,150.58 hektar, 65.74 peratus atau 168,399.70 hektar terdiri daripada kawasan hutan, dan 26.63 peratus atau 68,216.21 hektar meliputi kawasan pertanian.

Mengikut Draf Rancangan Tempatan Daerah, pada tahun 2020 Kuala Kangsar mempunyai 177,500 orang penduduk. Di daerah ini, terdapat 9 mukim, iaitu Kampong Buaya, Lubok Merbau, Kota Lama Kiri, Chegar Galah, Kota Lama Kanan, Sayong, Pulau Kamiri, dan Sungai Siput. Di Parlimen Padang Rengas, terdapat 4 mukim, iaitu Kampong Buaya, Lubok Merbau, Kota Lama Kiri, dan Chegar Galah. Parlimen ini juga mempunyai 3 pekan, iaitu Pekan Sauk, Pekan Kati, dan Pekan Padang Rengas. Pada masa yang sama, terdapat sejumlah 45 kawasan kampung di Parlimen Padang Rengas.

Jumlah keseluruhan penduduk di daerah Kuala Kangsar diunjurkan untuk mencapai 186,000 orang pada tahun ini, iaitu tahun 2025, 197,000 orang pada tahun 2030, dan 210,000 orang pada tahun 2035.

1.2 Komposisi Penduduk

Kawasan Parlimen Padang Rengas merangkumi jumlah 38,294 orang. Daripada jumlah angka ini, 37,426 atau 97.7 peratus adalah warganegara manakala 868 atau 2.3 peratus adalah bukan warganegara. Kepadatan penduduk adalah sebanyak 97 per kilometer persegi.[26] Kawasan DUN Chenderoh dididuki oleh 16,881 orang, manakala DUN Lubok Merbau dididuki oleh 21,413 penduduk. Daripada jumlah keseluruhan penduduk warganegara ini, 82.6 peratus atau 30,914 orang terdiri daripada penduduk etnik Melayu, 11.9 peratus atau 4,454 orang terdiri daripada penduduk etnik Cina, dan 5.2 peratus atau 1,946 orang terdiri daripada penduduk etnik India. Penduduk yang beretnik selain daripada tiga etnik ini merangkumi 0.2 peratus atau 75 orang daripada jumlah keseluruhan penduduk di Padang Rengas.[27]

Daripada segi jumlah perbandingan antara jantina, 19,242 adalah golongan lelaki. Manakala 19,052 adalah golongan wanita. Kalau dibahagikan mengikut lingkungan umur, sejumlah 27.1 peratus atau 10,142 orang berada dalam lingkungan umur 0-14 tahun, 63.3 peratus atau 23,691 orang tergolong dalam lingkungan 15-64 tahun, dan 9.6 peratus atau 3,593 orang berada dalam lingkungan umur 65 tahun dan ke atas.

[26] Jabatan Perangkaan Malaysia: Padang Rengas, 2022
[27] Dengan margin perbezaan sebanyak 0.1 peratus berdasarkan statistik sedia ada

Jadual 1. Komposisi Penduduk di Parlimen Padang Rengas

BIL.	KAUM	BIL.	% BIL.
1.	Melayu	30,914	82.6
2.	Cina	4,454	11.9
3.	India	1,946	5.2
4.	Lain-lain	75	0.2
JUMLAH KESELURUHAN		**37,426***	**100**

* margin perbezaan 0.1 peratus

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (2022)

1.3 Kegiatan Ekonomi Utama

Di Parlimen Padang Rengas, antara kegiatan ekonomi utama yang dijalankan adalah bidang pertanian. Ini termasuk kegiatan penanaman berskala kecil dan sederhana seperti tanaman durian, buah-buahan tempatan, dan sawah padi. Selain itu, terdapat juga penangkapan ikan sungai secara berskala kecil di kawasan Sungai Perak yang mengalir melalui kampung-kampung seperti Kampung Chegar Galah. Kalau kita merujuk kepada peta guna tanah daerah Kuala Kangsar pada tahun 2020, sebahagian besar kawasan guna tanah di sekitar Padang Rengas adalah tertumpu kepada kegunaan atau sektor pertanian, iaitu sejumlah 26.63 peratus daripada jumlah keseluruhan kawasan guna tanah di daerah Kuala Kangsar. Mengikut laporan Jabatan Perangkaan pada tahun 2022, terdapat 30 pertubuhan atau syarikat perniagaan yang menjalankan usaha-usaha pertanian, perhutanan dan perikanan. Sektor tanaman mempunyai jumlah entiti perusahaan yang paling tinggi, diikuti sektor ternakan, dan kemudiannya sektor perhutanan dan pembalakan. Dalam konteks tanaman pertanian, penghasilan buah durian adalah yang tertinggi, diikuti oleh kubis bulat, buah nanas, tomato, sayur-sayur sawi, timun, cili, dan akhirnya buah mangga. Hubungan antara kegiatan ekonomi pertanian dan konteks serta latar geografi semula jadi Padang Rengas, menjadikannya penting walaupun angka rasmi bilangan pertubuhan adalah direkodkan sebagai 30 sahaja dan lebih rendah berbanding jumlah entiti yang terlibat dalam kegiatan atau sektor ekonomi lain.

Selain bidang pertanian, kegiatan ekonomi lain yang mustahak atau signifikan adalah bidang perkhidmatan. Laporan Perangkaan yang sama mencatatkan bahawasanya terdapat 644 entiti yang terdiri daripada pertubuhan dan syarikat perniagaan yang terlibat dalam bidang perkhidmatan. Daripada jumlah 644 entiti yang sedia ada, bilangan yang tinggi, iaitu 260, terlibat dalam bidang perdagangan borong dan runcit serta pembaikan kenderaan bermotor dan motorsikal. Terdapat 47 entiti yang menjalankan aktiviti atau perusahaan kedai runcit, manakala 179 lagi menjalankan aktiviti lain-lain. Selain itu, bidang lain yang juga mencatatkan bilangan entiti atau perusahaan yang tinggi adalah aktiviti yang berhubung dengan makanan dan minuman, dan gerai atau penjaja

makanan dan minuman. Sejumlah 220 entiti terlibat dalam usaha perkhidmatan makanan dan minuman, manakala terdapat sejumlah 120 entiti yang menjalankan usaha khidmat gerai atau menjaja makanan dan minuman.

Pengamatan dan juga keadaan semasa struktur dan hubungan sosio-ekonomi penduduk tempatan di Parlimen Padang Rengas membawa kita untuk mengenal pasti beberapa rumusan atau perkara pokok.

Pertamanya, pertanian dan ekonomi berasaskan alam semula jadi, atau apa yang barangkali dapat dikenalpasti sebagai ekonomi hijau, adalah kunci kepada pembangunan kawasan dan penduduk Padang Rengas. Aktiviti seperti tanaman sayur-sayuran dan buah-buahan, antaranya, dan eko-pelancongan merupakan sumber penjanaan pendapatan yang penting untuk kesejahteraan masyarakat tempatan.

Keduanya, sektor perusahaan atau perniagaan skala kecil dan persendirian adalah signifikan. Sekiranya kegiatan ekonomi hijau terbentuk hasil daripada ciri-ciri semula jadi Padang Rengas, aktiviti keusahawanan dan pengeluaran industri perumahan (*cottage industry*) berkembang hasil daripada trajektori pembinaan ekonomi di kawasan Padang Rengas yang belum diserapkan sepenuhnya ke dalam perkembangan ekonomi moden dan arus perdana yang lebih dominan. Oleh itu, hasil ekonomi adalah umumnya untuk kegunaan sara diri atau untuk kejiranan dan perumahan setempat sahaja.

Yang ketiga dan terakhir, berkait dengan intervensi dan program pembangunan ekonomi. Program ekonomi atau pembangunan yang dijalankan harus mengambil kira realiti sosial, keadaan hakiki dan keperluan serta kapasiti sosio-ekonomi-ekologi penduduk tempatan. Oleh kerana wujud faktor-faktor yang dibincangkan di atas, yakni struktur dan hubungan ekonomi tempatan yang berskala kecil, kemasukan pelaburan dan perbelanjaan dana awal harus bertitik tolak daripada sifat dan ciri perusahaan yang bersifat kecilan. Dan daripada asas ini, kemudiannya menyasarkan untuk membina peningkatan pengeluaran serta jaringan pemasaran. Selain itu, pada masa sama, menjalankan program yang dapat membina kapasiti, umpamanya kemahiran, penduduk-penduduk tempatan agar dapat berkembang seiring dengan tuntutan pengeluaran dan pasaran.

1.4 Hubungan Kerangka Konseptual SDG dan Konteks Tempatan

Parlimen Padang Rengas merupakan daripada segi alam persekitaran merupakan kawasan yang dikelilingi oleh alam semula jadi, yakni hutan-hutan hijau dan juga laluan sungai. Landskap kawasan Padang Rengas juga pelbagai dengan campuran tanah-tanah landai dan rata, dan juga tanah yang tinggi dan bergunung. Daripada segi landskap sosioekonomi yang wujud di Padang rengas, kawasan ini merangkumi sektor-sektor

pelancongan, pertanian dan perniagaan atau perusahaan sosial yang bersifat skala kecil-kecilan. Pemerhatian di pekan Padang Rengas dan kawasan-kawasan di sekitarnya memaparkan aktiviti tanaman seperti sawah padi, kelapa sawit, tanaman sayuran dan buah-buahan. Dalam konteks perniagaan, Padang Rengas mengandungi peniaga-peniaga yang menjalankan aktiviti penjualan dan penghasilan makanan, peruncitan, dan perkhidmatan. Aktiviti perkhidmatan turut berkait rapat dengan bidang pelancongan khususnya bersandarkan alam semula jadi dan ketenangan dan keaslian cara kehidupan yang tiada di kota-kota dan bandar-bandar besar.

Berasaskan konteks dan latar belakang ini, terdapat beberapa matlamat pembangunan mampan, atau SDGs (*sustainable development goals*), yang terkait dan penting khususnya untuk Parlimen dan warga Padang Rengas.

Matlamat yang pertama, adalah **SDG 15**: Melindungi, memulihkan dan mempromosikan penggunaan ekosistem daratan secara lestari, menguruskan hutan-hutan secara lestari, membanteras proses penggurunan, menghentikan dan menterbalikkan degradasi tanah dan menghentikan kehilangan biodiversiti. Lebih khusus lagi, adalah **sasaran 15.4** di bawah matlamat ini yang menjelaskan supaya 'menjelang 2030, untuk memastikan pemeliharaan ekosistem pergunungan, termasuk biodiversiti yang sedia ada, supaya dapat meningkatkan upayanya untuk memberikan manfaat yang penting untuk pembangunan mampan.' Selain itu, **sasaran 15.a** juga menyatakan supaya perlunya 'mengerakkan dan meningkatkan secara ketara sumber kewangan daripada semua asal sumber bagi memelihara dan menggunakan secara lestari biodiversiti dan ekosistem-ekosistem yang sedia ada.'

Berhubungan dengan konteks sosio-ekonomi Padang Rengas, matlamat selanjutnya yang relevan adalah **SDG 8**: Menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang berkekalan, inklusif dan mampan, guna tenaga kerja yang penuh dan produktif dan pekerjaan yang bermartabat untuk semua. Ini bagi mengetengahkan kepentingan perniagaan dan perusahaan sosial dan kecil, seperti **sasaran 8.3** yang menjelaskan supaya perlu 'menggalakkan dasar-dasar berpandukan pembangunan yang menyokong aktiviti-aktiviti produktif, pembentukan pekerjaan yang bermartabat, keusahawanan, kreativiti dan inovasi, dan menggalakkan formalisasi dan perkembangan perusahaan-perusahaan mikro-, kecil dan sederhana, termasuk melalui akses kepada perkhidmatan kewangan.' Disebabkan hubungan antara pelancongan dan alam semula jadi, maka **sasaran 8.9** juga mustahak, yakni 'menjelang 2030, membentuk dan melaksanakan dasar-dasar untuk promosi pelancongan mampan yang mewujudkan pekerjaan dan mempromosikan budaya dan produk setempat.

Selain SDG 8, adalah keberkaitan **SDG 2**: Menghentikan kelaparan, mencapai keterjaminan makanan dan nutrisi lebih baik dan mempromosikan pertanian mampan. Untuk memajukan sektor pertanian dan tanaman yang asas, **sasaran 2.3** dapat dijadikan panduan dan merujuk kepada usaha supaya 'menjelang 2030, mendua kali gandakan produktiviti pertanian dan pendapatan pengeluar makanan berskala kecil, khususnya golongan wanita, orang asli, petani berkelompok, penternak dan nelayan, termasuk melalui akses yang saksama dan terjamin kepada tanah, sumber dan input produktif yang lain, ilmu, perkhidmatan kewangan, pasaran dan peluang untuk penambahan nilai dan pekerjaan tidak berasaskan perladangan.

2.0 METODOLOGI PENYELIDIKAN

2.1 Pendekatan Kajian

Pendekatan kajian yang sedia ada merangkumi beberapa unsur, seperti contohnya: 1) mesyuarat awalan; 2) mesyuarat untuk pembentukan profil kawasan parlimen; 3) pra-lawatan dan perjumpaan bersama dengan Pegawai Daerah; 4) kajian lapangan pemetaan isu di kawasan parlimen tersebut; dan 5) sesi dialog antara agensi, yang berlangsung di peringkat daerah dan dipengerusikan Pegawai Daerah.

Mesyuarat awalan bersama YB Kapten Azahari Hasan dijalankan pada 21hb Januari 2025, di pejabat APPGM-SDG di Petaling Jaya. Mesyuarat ini bertujuan untuk memberikan penerangan berkenaan proses lokasi SDG, dan proses kajian lapangan di Parlimen Padang Rengas. Mesyuarat ini dihadiri oleh Dr. Teo Lee Ken, selaku ketua penyelidik bagi Parlimen Padang Rengas, Nurmaisarah Mohd Asri, dan Yoogeswaran Kanis.

Selepas mesyuarat ini, pada 14hb Februari 2025, Dr Teo Lee Ken dan Nurul Syaza daripada APPGM-SDG telah menjalankan mesyuarat atas talian bersama Tuan Hisham Husaini dan Tuan Haris Awang daripada Pejabat Parlimen Padang Rengas untuk mendapatkan latar belakang dan demografi Parlimen Padang Rengas, dan isu-isu berkaitan sosial, ekonomi, alam sekitar dan tadbir urus yang dihadapi oleh warga tempatan di kawasan tersebut.

Lanjutan daripada itu, satu proses pra-lawatan dan mesyuarat diaturkan bersama Pegawai Daerah bagi daerah Kuala Kangsar, Tuan Muhamad Nazri Abdullah, di mana Parlimen Padang Rengas terangkum, untuk memberikan taklimat berkenaan skop gerak kerja yang dijalankan APPGM-SDG, termasuk dengan kajian lapangan bagi Parlimen Padang Rengas. Ini berlangsung pada 19hb Februari 2025, dan berasaskan pendekatan *multi-stakeholder* APPGM-SDG yang melalui proses lokalisasi SDG membawa bersama semua pihak berkepentingan utama yang masing-masing mewakili pihak Parlimen, kerajaan persekutuan dan juga kerajaan daerah. Ini agar isu-isu tempatan yang dihadapi

warga Padang Rengas dapat dikenal pasti dan ditangani secara multi sektoral dan multi dimensi.

Setelah tahap ini dilaksanakan, kajian lapangan untuk pemetaan isu di Parlimen Padang Rengas dijalankan dari 24hb Mei 2025 sehingga 26hb Mei 2025. Pasukan penyelidik yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada:

1. Dr. Teo Lee Ken : Ketua Penyelidik
2. Dr. Thanaraj Murudi : Pembantu Penyelidik
3. Siti Noraiysah Rohim : Pembantu Penyelidik
4. Rose Helen Ambrose : Pembantu Penyelidik
5. Zariz Zainal : Pembantu Penyelidik

Secara keseluruhannya, 8 sesi dialog atau perbincangan kumpulan fokus, 1 sesi temu bual secara mendalam, dan 6 lawatan tapak dilaksanakan sepanjang kajian lapangan 3 hari berkenaan. Program untuk kajian yang dijalankan dapat dirujuk seperti di *Jadual 2:*

Jadual 2. Tentatif Ringkas Lawatan Tapak Parlimen Padang Rengas

TARIKH	PERKARA
24 Mei 2025, Sabtu	• Sesi Dialog 1 bersama Persatuan Sahabat OKU Padang Rengas • Sesi Dialog 2 bersama Persatuan Pemilik Dusun Ulu Kongsor, Padang Rengas • Lawatan Tapak 1 di Kawasan Agro-pelancongan Ulu Kongsor • Lawatan Tapak 2 di Kawasan Kg Jaya • Lawatan Tapak 3 diKawasan Pembuangan Sampah, Sekitar Padang Rengas • Lawatan Tapak 4 di Kawasan Banjir Kilat
25 Mei 2025, Ahad	• Sesi Dialog 3 bersama Komuniti MyKP Chegar Galah • Lawatan Tapak 5 di Pasaraya Sauk, Padang Rengas • Sesi Dialog 4 bersama Pertubuhan Jalinan Bakti Padang Rengas • Sesi Dialog 5 bersama Pertubuhan Penganut Dewi Sri Maha Mariamman • Sesi Dialog 6 bersama Komuniti Petani, Padang Rengas
26 Mei 2025, Isnin	• Sesi Dialog 7 bersama Komuniti Warga Emas Rumah PAWE, Kuala Kangsar • Sesi Temu Bual Mendalam: Wakil-wakil PDK Talian Permai, Padang Rengas

TARIKH	PERKARA
	• Sesi Dialog 8 bersama Komuniti Belia Pertubuhan Pergerakan Amal Bakti • Lawatan Tapak 6 di Lokasi Strategik untuk Penempatan Kenderaan Berat/Industri
17 Jun 2025, Selasa	• Sesi Dialog antara Agensi bersama Pejabat Daerah Kuala Kangsar

Satu mesyuarat dialog antara agensi juga dijalankan pada 17hb Jun 2025, dan dipengerusikan oleh Dr. Kamarul Liza binti Hashim, Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan), Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Kangsar. Agenda mesyuarat ini bertujuan untuk mendapatkan maklum balas pejabat daerah dan juga agensi-agensi kerajaan berkenaan isu-isu yang telah dikenal pasti dan dicatatkan oleh pasukan penyelidik. Mesyuarat ini dihadiri oleh Siti Noraiysah Rohim, sebagai pembentang, dan disertai juga Dr Thanaraj Murudi, Rose Helen dan Azura.

2.2 Langkah Etika Semasa Kajian Lapangan

Ketua penyelidik mendapatkan persetujuan daripada peserta terlebih dahulu untuk merekodkan suara dan diambil video dan gambar. Sekiranya, peserta FGD tidak bersetuju apa yang dikatakan untuk direkod dan melarang mengambil gambarnya, maka penyelidikan ini tidak boleh mengambil kira perkara tersebut untuk dilaporkan dan dikongsikan di mana-mana platform. Namun begitu, bagi kajian pemetaan isu di Parlimen Padang Rengas, tiada apa-apa halangan daripada pihak peserta.

2.3 Kekangan Lawatan Kajian Lapangan

Daripada segi kekangan, proses kajian lapangan oleh pasukan APPGM-SDG menghadapi dua kekangan utama. Yang pertamanya, adalah berhubung dengan penetapan masa yang sesuai untuk berjumpa dengan komuniti-komuniti tempatan tertentu. Ini disebabkan oleh kerja hakiki dan tanggungjawab harian yang dipikul oleh peserta-peserta yang mewakili komuniti-komuniti berbeza ini. Antara contoh adalah seperti tanggungjawab bekerja dan mencari sumber pendapatan, dan juga seperti peranan untuk menjaga keperluan keluarga seperti menjaga anak. Faktor ini menyebabkan ada kalanya sesi FGD perlu ditukar masa dan tempat. Bilangan peserta juga mengalami perubahan daripada segi jumlah.

Kekangan yang kedua, dan barangkali kerap dihadapi oleh pasukan kajian lain dalam kajian lapangan pemetaan isu yang berlainan, adalah daripada segi masa untuk sesi FGD. Ini kerana tempoh masa yang diperuntukkan walaupun sudah cukup singkat, tidak digunakan bagi tujuan perbincangan atau FGD sahaja. Dalam tempoh masa ini, terdapat juga aktiviti-aktiviti yang sampingan seperti berbual santai dan juga berkongsi dan

menerima jamuan. Secara kesannya, ia akan mendorong pasukan kajian untuk lebih peka terhadap sempadan masa, dan oleh itu apabila sudah mula berbincang dan ketika perbincangan fokus akan diberikan kepada persoalan dan interaksi yang berhubung langsung dengan usaha untuk mencungkil isu-isu tempatan dan keperluan komuniti-komuniti terlibat.

2.4 Keterbatasan Kajian

Skop dan dapatan kajian lapangan di Parlimen Padang Rengas dibatasi oleh ketidakupayaan kajian dan pasukan kita untuk menjangkaui kelompok sasar yang lebih pelbagai dan dinamis. Umpamanya, golongan ibu dan wanita dan keperluan mereka belum dapat didokumenkan secara langsung lagi. Selain itu, terdapat juga golongan lain seperti kelompok peniaga, kelompok petani yang berbeza selain petani sawah padi, dan kelompok penduduk tempatan beretnik Cina.

Di samping itu sepanjang kajian lapangan dijalankan, terdapat kelompok sasar yang walaupun dilibatkan, ia hanya terdiri atau mengambil daripada satu komuniti atau latar organisasi sahaja. Sebagai contoh, untuk golongan belia, terdapat satu FGD sahaja di mana semua pesertanya adalah daripada suatu persatuan. Contoh lain adalah seperti komuniti OKU, yang mana peserta-peserta yang hadir dalam FGD yang dijalankan juga adalah daripada satu persatuan yang sama.

Walaupun demikian, sama ada terdapat golongan yang tidak dilibatkan atau golongan yang terlibat berasal daripada organisasi atau persatuan yang sama, ini tidak mengurangkan pentingnya laporan kajian ini. Dan dapatan yang dicatatkan yang diperolehi daripada setiap kelompok sasar menerusi setiap sesi FGD. Hasil dapatan yang diperolehi perlu diambil berat supaya realiti sosial tempatan dan keperluan penduduk tempatan dapat dikenalpasti, dan lebih penting lagi program-program intervensi boleh dilaksanakan untuk menangani dan mengatasi permasalahan-permasalahan yang berlaku. Laporan ini juga dapat dijadikan sebagai asas dan perintis untuk kajian lanjutan yang perlu dilaksanakan di Parlimen Padang Rengas agar dapat meneliti dan melaksanakan program pembangunan yang membawa kepada transformasi sosial, ekonomi, alam sekitar dan budaya dalam lingkungan kehidupan penduduk Padang Rengas.

3.0 RANGKUMAN ISU RENTAS SDG

Berikut adalah dua isu utama yang dikenal pasti sebagai keutamaan dan memerlukan perhatian segera. Isu-isu ini dipilih kerana impaknya yang besar terhadap kesejahteraan penduduk dan kaitannya dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG):

Jadual 3. Rangkuman Isu Rentas SDG

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
1.	Kekurangan ruangan/kemudahan yang sesuai untuk kegunaan organisasi komuniti, dan juga untuk tempat riadah bagi masyarakat setempat.	Persatuan OKU pada masa kini tidak mempunyai pejabat atau pusat aktiviti yang tetap.	Sosial Tadbir Urus	Komuniti OKU, Persatuan Sahabat OKU	Padang Rengas	**SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan** ***Sasaran 11.a*** - Perancangan pembangunan negara dan wilayah yang kukuh **SDG 17: Perkongsian untuk Matlamat** ***Sasaran 17.17*** - Menggalakkan kerjasama berkesan
		Komuniti Toh Muay yang aktif dan terbina daripada akar umbi belia tempatan tidak mempunyai kemudahan atau pusat rekreasi yang bersesuaian untuk menjalankan latihan. Kemudahan dan aktiviti yang dijalankan ini penting untuk memastikan golongan belia tidak terlibat dalam aktiviti anti-sosial.		Komuniti Belia, Persatuan Toh Muay Padang Rengas		

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
2.	Peluang pekerjaan yang terhad untuk OKU, menyukarkan kelangsungan hidup mereka. Peluang pekerjaan yang terhad bagi golongan wanita dan ibu. Peluang pekerjaan yang terhad secara umum.	Terdapat OKU yang walaupun mendapat pendidikan tinggi seperti sijil atau diploma, gagal mendapat pekerjaan selepas menghadiri temuduga. Kesannya, reaksi komuniti OKU adalah tiada manfaat untuk sambung pelajaran tinggi.	Ekonomi Sosial	Komuniti OKU, Persatuan Sahabat OKU	Padang Rengas	**SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi** ***Sasaran 8.3*** - Menggalakkan dasar utk menyokong penciptaan pekerjaan dan perusahaan yang sedang berkembang ***Sasaran 8.5*** - Kadar pekerjaan penuh dan kerja yang layak dengan gaji yang sama ***Sasaran 8.9*** - Menggalakkan pelancongan yang bermanfaat dan mampan **SDG 1: Tiada Kemiskinan** ***Sasaran 1.4*** - Hak sama rata untuk pemilikan, perkhidmatan asas, teknologi dan sumber ekonomi ***Sasaran 1.b*** - Mewujudkan rangka kerja dasar pembasmian kemiskinan di semua peringkat
		Kelompok wanita di Ulu Kongsor maklumkan bahawa di sini terdapat ramai suri rumah dan wanita yang bekerja secara sendiri. Kebanyakan daripada mereka menjalankan aktiviti perniagaan secara atas talian. Sektor ekonomi yang ada juga terhad, dengan ada satu sahaja kilang di sini, iaitu kilang YTL.		Persatuan Pemilik Dusun, Ulu Kongsor		

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		Komuniti di Chegar Galah khususnya golongan wanita tidak mempunyai akses kepada peluang pekerjaan. Golongan wanita di kampung tidak mempunyai pekerjaan tetap dan bekerja sendiri.		Komuniti Nelayan Darat, MyKP Chegar Galah, Wanita Kampung Chegar Galah		
		Akses kepada peluang pekerjaan yang terhad merupakan isu kritikal di Padang Rengas. Ini menyebabkan penduduk tempatan berhijrah ke tempat lain seperti Taiping dan Ipoh untuk mencari kerja.		Komuniti India, Pertubuhan Penganut Dewi Sri Mariamman		
3.	Kekurangan pusat pengumpulan sampah yang baik, dan juga	Tiada pusat pengumpulan sampah yang sistematik di Padang Rengas. Kawasan semasa yang digunakan adalah di persekitaran kawasan kaki Gunung	Alam Sekitar Sosial	Komuniti Pekan dan Penduduk Kampung	Padang Rengas	**SDG 11: Bandar dan Komuniti Lestari** ***Sasaran 11.6*** - Mengurangkan kesan alam sekitar bandar

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
	penyelenggaraan	Pondok. Terdapat juga anjing liar pada waktu malam yang menyebabkan sampah berselerak. Air dari kawasan sampah juga bertakung dan menyebabkan pencemaran.				**SDG 3: Kesihatan yang Baik dan Sejahtera** ***Sasaran 3.9*** - Mengurangkan penyakit dan kematian akibat bahan kimia berbahaya dan pencemaran
4.	Kesan aktiviti pembalakan dan penanaman semula pokok untuk pembalakan berulangan terhadap aliran sungai	Aktiviti ini memberi kesan yang negatif terhadap pemeliharaan semula jadi kawasan hutan dan habitat seperti kehilangan kawasan hijau dan biodiversiti, dan pencemaran air. Ianya juga memberi kesan negatif kepada kawasan perusahaan sosial dan aktiviti pengusaha dusun dan *campsite*.	Alam Sekitar Tadbir Urus	Komuniti Pemilik Dusun	Ulu Kongsor	**SDG 6: Air Bersih dan Sanitasi** ***Sasaran 6.6*** - Melindungi dan memulihkan ekosistem berkaitan air **SDG 15: Kehidupan di Darat** *Sasaran 15.4* - Memastikan pemuliharaan ekosistem gunung
5.	Kurangnya hubungan libat urus dan koordinasi	Hubungan penyampaian maklumat dan penerimaan maklum balas antara kelompok komuniti dan	Tadbir Urus Sosial	Komuniti OKU, Persatuan Sahabat OKU	Padang Rengas	**SDG 16: Keamanan, Keadilan dan Institusi yang Kukuh**

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
	masyarakat akar umbi	golongan rentan tidak terbentuk, dan berlaku kesenjangan kuasa dan pentadbiran.		Komuniti Petani Komuniti Belia, Persatuan Toh Muay Padang Rengas Komuniti Nelayan Darat, MyKP Chegar Galah		***Sasaran 16.6*** - Membangunkan institusi yang berkesan, bertanggungjawab dan telus ***Sasaran 16.7*** - Memastikan pembuatan keputusan yang responsif, inklusif dan berperwakilan **SDG 17: Kerjasama untuk Matlamat** ***Sasaran 17.17*** - Menggalakkan kerjasama berkesan

4.0 GAMBARAN KESELURUHAN PEMETAAN ISU

4.1 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu

Jadual 4. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 1

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 1: Dialog bersama Persatuan Sahabat OKU Padang Rengas **Tarikh:** 24 Mei 2025 **Bilangan peserta:** 7 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 1 kumpulan			**Agensi yang memberikan maklum balas:** 1. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)
1.	Sistem sokongan bantuan sosial yang tidak mesra OKU dan orang awam	Komuniti OKU berpandangan bahawa proses kemaskini laporan untuk mendapatkan bantuan bulanan (elaun bekerja dan elaun tidak bekerja) adalah rumit dan membebankan OKU. Kemaskini ini perlu dijalankan setiap tahun, dengan penyerahan laporan tahunan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Segelintir komuniti menghadapi kesusahan untuk memenuhi syarat atau melaksanakan proses ini kerana kurangnya upaya fizikal atau mental atau bantuan luar.	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir*
2.	Peluang pekerjaan yang terhad untuk OKU, menyukarkan kelangsungan hidup mereka.	Terdapat OKU yang walaupun mendapat pendidikan tinggi seperti sijil atau diploma, gagal mendapat pekerjaan selepas menghadiri temuduga. Kesannya, reaksi komuniti OKU adalah tiada manfaat untuk sambung pelajaran tinggi.	Wakil JKM memaklumkan bahawa pihak mereka tidak menyediakan program khusus untuk penempatan kerja, tetapi hanya mengeluarkan surat pengesahan bantuan untuk tujuan sokongan. Maklumat berkaitan pekerjaan mungkin perlu

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Mengikut pandangan komuniti, kadar nisbah OKU yang berjaya sangat kecil, seperti 1 atau 2 orang bagi setiap 50 orang yang hadir temuduga. Bagi mereka yang tidak mendapat kerja, mereka juga tidak mendapat respon. Ini berlaku juga di sektor pekerjaan awam.	dirujuk kepada agensi lain seperti Jabatan Tenaga Kerja atau NGO berkaitan.
3.	Kekurangan dana program bagi pelaksanaan aktiviti pembangunan dan kesejahteraan komuniti OKU.	Ketiadaan sumber dana atau pendapatan yang mampan antara cabaran yang utama bagi persatuan menjalankan aktiviti dan program yang dapat membantu golongan OKU di Padang Rengas Dana minimum yang diperlukan untuk menjalankan aktiviti dan program persatuan sahaja setiap tahun dianggarkan sejumlah RM6,000-RM10,000, dan keseluruhannya anggaran sebanyak RM20,000 diperlukan.	Wakil dari Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) memberikan maklum balas terhadap isu kekurangan dana dan kemudahan yang dihadapi oleh Persatuan Sahabat OKU di Padang Rengas. Permohonan geran terdahulu pada tahun 2002 tidak dapat diproses kerana tempoh operasi persatuan yang belum mencukupi. Namun begitu, pada tahun semasa, permohonan semula boleh dikemukakan memandangkan persatuan tersebut sudah memenuhi syarat minimum operasi tiga tahun. Geran JKM merangkumi bantuan pembangunan komuniti, termasuk bayaran sewa bangunan dan gaji petugas, tertakluk kepada kelulusan dan penilaian dari Ibu Pejabat (HQ) dan proses permohonan hanya memerlukan dokumen sokongan dan akan diproses oleh unit berkaitan di pejabat JKM daerah.
4.	Kekurangan ruangan yang sesuai untuk menjalankan	Persatuan pada masa kini tidak mempunyai pejabat atau pusat aktiviti yang tetap.	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	pengurusan dan aktiviti persatuan	Tempat yang digunakan sekarang untuk perbincangan dan aktiviti adalah surau di kawasan kediaman perumahan.	
5.	Kurangnya hubungan libat urus dan koordinasi masyarakat akar umbi	Komuniti OKU di sini berpandangan bahawa hubungan antara agensi-agensi tempatan kerajaan dan organisasi awam seperti persatuan OKU. Ini berbeza dengan hubungan antara, contohnya, JKM dan PDK.	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir*

Jadual 5. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 2

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 2: Dialog bersama Persatuan Pemilik Dusun Ulu Kongsor, Padang Rengas **Tarikh:** 24 Mei 2025 **Bilangan peserta:** 8 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 2 kumpulan			**Agensi yang memberikan maklum balas:** 1. PDT Kuala Kangsar 2. Penghulu Mukim 3. Jabatan Perhutanan 4. Jabatan Alam Sekitar
1.	Ketiadaan bekalan elektrik di Ulu Kongsor.	Antara cabaran utama kepada pengusaha di sini adalah untuk mendapatkan bekalan elektrik dan stabil dan konsisten. Komuniti difahamkan bahawa memerlukan dana yang besar, sejumlah RM300,000 dan lebih, untuk melantik kontraktor bagi menjalankan penilaian dan pemetaan yang diperlukan sebelum boleh memohon untuk mendapatkan bekalan elektrik yang sistematik.	CADO (Tanah) mengatakan telah lama menjadi isu berbangkit sejak zaman pentadbiran terdahulu. Isu utama - kekurangan bekalan elektrik dan ketidakpatuhan kepada syarat guna tanah. Kawasan Ulu Kongsor pada asalnya kawasan ladang (estate) yang kini telah berkembang menjadi pusat pelancongan semula jadi seperti glamping dan chalet, namun masih menggunakan status tanah pertanian. Kekangan utama ialah kegagalan menukar syarat tanah kepada zon pelancongan secara rasmi. Satu lagi halangan utama - lokasi pengusahaan glamping yang sering terletak di kawasan rizab sungai, yang berada di bawah bidang kuasa JPS. Oleh kerana sungai di kawasan ini membekalkan air kepada penduduk Kuala Kangsar, JPS sangat berhati-hati dan biasanya tidak meluluskan permohonan penggunaan kawasan rizab untuk aktiviti pelancongan kerana bimbang pencemaran akibat sisa kumbahan dan gangguan kepada ekosistem air.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			CADO (Tanah) menjelaskan bahawa kerajaan negeri kini sedang berusaha untuk mengenal pasti kawasan yang padat dengan aktiviti pelancongan bagi diberikan pajakan tanah rizab (PTR) secara rasmi kepada pengusaha. Ini akan membolehkan pengusaha memohon sambungan elektrik daripada TNB secara sah. Namun, proses ini rumit kerana memerlukan pemetaan terperinci dan melibatkan kos tinggi, bukan sekadar RM300,000, malah mungkin mencecah jutaan ringgit. Selain elektrik, WiFi pernah dibekalkan ke kawasan tersebut semasa lawatan rasmi (PMX), namun sehingga kini sambungan elektrik masih belum dapat direalisasikan kerana isu keselamatan dan pemilikan tanah. CADO (Pembangunan) mengatakan bahawa aspek keselamatan turut menjadi sebab TNB belum meluluskan sambungan elektrik ke kawasan glamping kerana terdapat struktur binaan yang tidak sah serta potensi risiko kebakaran dan kemalangan.
2.	Kegagalan mendapatkan geran tanah bagi sebahagian pemilik *campsite* dan dusun.	Komuniti pengusaha di sini merangkumi antara mereka yang mempunyai hak milik tanah, dan mereka yang tidak memiliki hak milik. Keinginan dan permohonan untuk mendapatkan hak milik sudah lama berlangsung, tetapi masih belum mendapat keputusan yang bermanfaat bagi komuniti pengusaha.	* *Rujuk juga maklum balas di atas*.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Ada beberapa percubaan untuk mendapatkan kelulusan TOL ataupun pajakan tanah tetapi tidak berjaya. Ada kesedaran bahawa terdapat bahagian tanah yang di bawah JPS bersama syarat-syarat yang khusus yang tidak membolehkan hak milik, tetapi pihak-pihak berkepentingan tempatan percaya bahawa satu persetujuan *win-win* dapat dicapai.	
3.	Kesan aktiviti pembalakan dan penanaman semula pokok untuk pembalakan berulangan terhadap aliran sungai.	Wujudnya aktiviti pembalakan yang dalam lingkungan kawasan perusahaan dan aktiviti pengusaha dusun dan *campsite*. Aktiviti ini memberi kesan yang negatif terhadap pemeliharaan semula jadi kawasan hutan dan habitat seperti pencemaran air. Aktiviti pembalakan ini juga berjalan secara konsisten atau berkala, di mana setiap kali kitaran ini berlaku, termasuk penanaman semula pokok kecil untuk pembalakan pada masa yang akan datang, keadaan alam semula jadi habitat dan sungai akan terganggu.	Jabatan Hutan menjelaskan bahawa kawasan tersebut telah diwartakan sebagai Hutan Simpanan Kekal (*Virgin Jungle Reserve*) dan tidak terdapat sebarang pembalakan yang sah dijalankan. Namun begitu, terdapat pencerobohan oleh penduduk kampung yang menggunakan sebahagian kecil kawasan untuk kegiatan pertanian secara tidak sah. Jabatan Alam Sekitar turut menyokong kenyataan tersebut dengan menyatakan bahawa tiada kelulusan EIA (*Environmental Impact Assessment*) pernah dikeluarkan untuk pembalakan di kawasan berkenaan. Mereka menegaskan bahawa sebarang pencerobohan kecil oleh individu untuk tujuan penanaman akan diteliti dan boleh disiasat lanjut sekiranya terdapat aduan rasmi.
4.	Kekangan infrastruktur dalam	Komuniti pengusaha dan tempatan berpendapat bahawa kemudahan yang sedia ada dapat	Wakil Majlis Daerah menyatakan bahawa mereka sedar akan keperluan pengurusan sampah di kawasan penginapan dan glamping, namun buat

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	menyokong ekonomi tempatan.	ditambah baik, contohnya jalan untuk masuk ke kawasan pengusaha dusun dan *campsite*. Setakat ini kelulusan untuk membina jalan sudah ada, dan akan bermula. Komuniti berharap projek ini dapat berlangsung dengan kadar lebih segera. Pada masa sama terdapat juga, jalan-jalan lain yang masih memerlukan penambahaikan dari semasa ke semasa, dan ada juga satu laluan jalan yang pihak komuniti tidak mempunyai peruntukan yang secukupnya untuk melaksanakan.	masa ini pihak berkuasa tempatan tidak dapat masuk mengutip sampah secara berkala kerana kebanyakan kawasan pengusaha belum mempunyai pemilikan rasmi dan pelan bangunan yang sah. Tanpa dokumen rasmi dan kelulusan pembangunan, mereka tidak dapat menetapkan sistem kutipan sampah yang teratur dan berlesen. Tambahan pula, jalan ke kawasan tersebut juga tidak berada dalam keadaan baik, menyukarkan akses masuk untuk kenderaan kutipan sampah. Pegawai menekankan bahawa keutamaan mereka masih tertumpu kepada kampung-kampung dan kawasan penduduk tetap, dan oleh itu mereka menyeru para pengusaha untuk menyelesaikan urusan pemilikan serta penukaran syarat tanah dan zon pembangunan terlebih dahulu agar dapat menerima perkhidmatan awam seperti kutipan sisa secara sah. Wakil Majlis Daerah - buat masa ini pihak berkuasa tempatan tidak dapat masuk mengutip sampah secara berkala kerana kebanyakan kawasan pengusaha belum mempunyai pemilikan rasmi dan pelan bangunan yang sah. Tanpa dokumen rasmi dan kelulusan pembangunan, mereka tidak dapat menetapkan sistem kutipan sampah yang teratur dan berlesen.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			Tambahan pula, jalan ke kawasan tersebut juga tidak berada dalam keadaan baik, menyukarkan akses masuk untuk kenderaan kutipan sampah. Pegawai menyeru para pengusaha untuk menyelesaikan urusan pemilikan serta penukaran syarat tanah dan zon pembangunan terlebih dahulu agar dapat menerima perkhidmatan awam seperti kutipan sisa secara sah.
5.	Peluang pekerjaan yang terhad bagi golongan wanita dan ibu.	Kelompok wanita di sini berkongsikan bahawa di sini terdapat ramai suri rumah dan wanita yang bekerja secara sendiri. Kebanyakan daripada mereka menjalankan aktiviti perniagaan secara atas talian. Sektor ekonomi yang ada juga terhad, dengan ada satu sahaja kilang di sini, iaitu kilang YTL.	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir*

Jadual 6. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 3

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 3: Dialog bersama My Komuniti Perikanan (MyKP) Chegar Galah **Tarikh:** 25 Mei 2025 **Bilangan peserta:** 15 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 2 kumpulan			**Agensi yang memberikan maklum balas:** 1. Pejabat Perikanan Daerah Kuala Kangsar 2. PDT Kuala Kangsar
1.	Ketidakupayaan komuniti nelayan untuk membayar caj sewa tanah.	Komuniti MyKP di sini perlu membayar jumlah sekitar RM1,700 ke RM1,800 untuk menyewa tapak tanah di sekitar jeti. Kawasan tapak merangkumi kawasan dari ladang kelapa sawit, ke tiang TNB, dan di bawah bidang kuasa untuk aspek berbeza antara JPS, MPKK dan Pejabat Daerah dan Tanah. Kos penyewaan kawasan tapak di sekitar jeti yang tinggi yang tidak dapat ditampung oleh komuniti nelayan.	Menurut wakil agensi perikanan, pembayaran ini adalah syarat sah setelah permohonan TOL dibuat oleh komuniti untuk menggunakan tanah tersebut secara sah, termasuk sebagai kawasan aktiviti atau dataran. Sebelum ini, kawasan tersebut digunakan secara tidak rasmi tanpa sebarang bayaran, namun dengan penstrukturan dan pembentukan NGT (jawatankuasa nelayan) serta permohonan TOL rasmi, bayaran tahunan kini dikenakan. Ketua Penolong Pegawai Daerah (Tanah) menjelaskan bahawa bayaran tahunan TOL adalah hasil kepada kerajaan negeri dan tidak boleh dielakkan. Selain itu, apabila lesen TOL tamat, ia perlu diperbaharui, dan tiada sebarang binaan kekal dibenarkan atas tanah TOL. Persoalan yang timbul dalam kalangan komuniti adalah mengapa bayaran dikenakan sekarang, walhal sebelum ini tiada kos sedemikian. Jawapan diberikan oleh Penghulu Mukim, mereka sudah dimaklumkan dari awal bahawa permohonan TOL membawa bersama tanggungjawab pembayaran cukai tanah, dan pembayaran ini tidak termasuk dalam skop pembiayaan agensi seperti Jabatan Perikanan.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			Penghulu Mukim menjelaskan bahawa komuniti perlu menjana pendapatan melalui aktiviti di atas tanah tersebut untuk menampung bayaran TOL, dan bukannya bergantung sepenuhnya kepada bantuan. MyKP telah diwujudkan sebagai satu entiti komuniti, dan mereka digesa untuk membina aktiviti yang berdaya saing seperti pelancongan komuniti atau aktiviti rekreasi bagi menghasilkan pendapatan. Penghulu Mukim/CADO (Tanah)/Perikanan menjelaskan bahawa kesilapan utama adalah apabila tanah TOL diperolehi tetapi tiada perancangan projek atau perniagaan yang mampan dijalankan di atasnya. Beberapa individu memohon TOL semata-mata sebagai cagaran tanpa komitmen aktiviti sebenar. Hal ini menyebabkan beban kewangan tanpa sebarang sumber pendapatan untuk menampung kos seperti cukai tanah.
2.	Kos membaiki enjin yang mahal dan ketiadaan pusat pembaikan enjin bot di Padang Rengas.	Komuniti menyuarakan bahawa tidak ada tempat pembaikan di sekitar Padang Rengas. Tempat yang sedia ada adalah di Kuala Kangsar dan Taiping. Terdapat bahagian enjin atau bot yang murah dan boleh dibeli di Shopee. Namun, kos pembaikan foreman adalah mahal. Sebagai contoh, walaupun satu bahagian atau spare part itu RM700, foreman mengenakan bayaran RM2000.	Masalah lain yang dibangkitkan ialah kos penyelenggaraan dan pembaikan bot (MJ) yang tinggi bagi komuniti nelayan. Jabatan Perikanan menjelaskan bahawa hanya satu pusat latihan teknikal berkaitan enjin dan bot wujud di Manjung, dan latihan bergantung kepada takwim pusat tersebut. Di Kuala Kangsar, slot latihan dijangka hanya tersedia pada bulan Ogos.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Ini menyebabkan segelintir nelayan yang beli bahagian daripada Shopee sendiri, dan baiki sendiri atau mendapatkan bantuan nelayan atau mekanik lain untuk membaiki kerosakan.	Namun begitu, CADO (Pembangunan) mencadangkan agar Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) turut dilibatkan memandangkan mereka memiliki pegawai teknikal dan aset bot yang digunakan untuk urusan banjir, malah pernah mengendalikan latihan berkaitan. Terdapat cadangan untuk mengadakan kerjasama silang agensi, seperti melibatkan pegawai teknikal JPS dalam memberikan latihan membaiki bot secara berkala, agar tidak bergantung sepenuhnya kepada satu pusat latihan di Manjung. Wakil Perikanan menyambut cadangan ini dan sedia menyelaraskan latihan pada bulan Ogos nanti untuk kawasan Chegar Galah.
3.	Pendapatan nelayan yang tidak konsisten dengan jumlah pendapatan yang ketara setiap bulan.	Komuniti nelayan di sini juga mengalami cabaran mendapatkan pendapatan bulanan yang memuaskan. Hasil tangkapan setiap bulan tidak menentu, dan mengikut musim. Ini juga berlaku walaupun, benih ikan ada dilepaskan oleh pihak berkuasa yang berkaitan. Contoh seperti ikan lampam, ikan baung dan udang. Pendapatan purata, kalau ada, sekitar RM700-800 sahaja. Dalam waktu, bilamana tangkapan tiada atau bukan musim, komuniti nelayan perlu	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		mencari kerja lain seperti ikan pekasam contohnya. Ada nelayan juga, yang mencadangkan supaya boleh jalankan aktiviti eco atau agro-pelancongan.	
4.	Infrastruktur yang tidak memadai dalam bentuk pembinaannya.	Komuniti memberikan maklum balas bahawa walaupun jeti di sini baru siap pada bulan Mac, tahun 2025, terdapat kelemahan yang menonjol dalam reka bentuk pembinaan. Ini kerana, tangga yang di hujung jeti tidak sampai ke sungai bila air surut.	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir*
5.	Peningkatan kos sara hidup.	Komuniti di sini, termasuk golongan wanita dan ibu berkongsikan cabaran kos sara hidup yang tinggi, khususnya sejak PKP. Mereka juga menghadapi kesukaran dalam membeli minyak masak bersubsidi.	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir*
6.	Peluang pekerjaan yang terhad.	Komuniti di sini khususnya golongan wanita tidak mempunyai akses kepada peluang pekerjaan. Kebanyakan wanita di kampung tidak mempunyai pekerjaan tetap dan hanya bekerja sendiri. Terdapat keperluan untuk menganjurkan program berbentuk bengkel dan latihan kemahiran bagi menjana pendapatan wanita setempat.	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
7.	Penghijrahan anak muda	Bilangan anak muda di kampung semakin berkurangan kerana ramai telah berhijrah ke luar kawasan, termasuk ke Ipoh, disebabkan kekurangan peluang pekerjaan. Implikasi penghijrahan ini memberi kesan kepada pendidikan, kerana bilangan pelajar di sekolah sekitar Chegar Galah semakin menurun.	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir*
8.	Konflik hidupan liar	Kampung Chegar Galah menghadapi konflik hidupan liar, terutamanya ancaman daripada monyet dan kera yang membiak dengan banyak. Haiwan ini sering mengganggu penduduk kampung, termasuk menceroboh rumah dan mengambil makanan, dan tidak takut kepada manusia. Walaupun sangkar disediakan, jumlah haiwan terlalu banyak menjadikan sukar ditangkap dan kawasan pelepasan mereka tidak diketahui.	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir*
9.	Kenaikan Bil Air Akibat Paip Pecah	Di kawasan penempatan baru Kampung Chegar Galah (RPT), bil air meningkat secara mendadak mencecah RM200 sebulan. Masalah ini disebabkan paip yang pecah, dengan meter air diletakkan sejauh 300 meter dari rumah (berdekatan surau), menyebabkan kebocoran sukar dikesan.	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Laporan telah dibuat kepada penghulu. Namun, kos pembaikan paip adalah tinggi dan belum ada penyelesaian meskipun isu ini telah berlarutan lebih 6 bulan. Penduduk mencadangkan meter air dipindahkan lebih dekat ke rumah untuk memudahkan pemantauan.	

Jadual 7. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 4

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 4: Dialog bersama Pertubuhan Jalinan Bakti Padang Rengas **Tarikh:** 25 Mei 2025 **Bilangan peserta:** 17 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 1 kumpulan			**Agensi yang memberikan maklum balas:** 1. Jabatan Kerja Raya (JKR) 2. PDT Kuala Kangsar 3. Jabatan Alam Sekitar (JAS) 4. PERHILITAN
1.	Langkah keselamatan dan penyelenggaraan jalan raya yang perlu ditambah baik.	Keselamatan menjadi isu utama di jalan raya depan SK Tun Perak. Komuniti beri maklum balas bahawa trafik dan jalan lalu lintas tidak terurus. Lampu juga tidak ada di jalan depan kilang papan, dan di jalan-jalan besar dan utama yang lain. Antaranya di jalan kilometer 15-18 Pekan Padang Rengas, kawasan jalan Kuala Kangsar ke Taiping juga yang memerlukan kerja-kerja penyelenggaraan. Ini termasuk penurapan semula kerana kali terakhir diturap sudah lama. Satu lagi jalan yang perlukan tambah baik adalah jalan ke kebun di Kampung Changkat Ponggeng. Permohonan telah dibuat selama 5 tahun tetapi masih tiada tindakan.	Wakil JKR menyatakan bahawa penyelenggaraan jalan raya di Padang Rengas, menyatakan bahawa jalan-jalan yang semakin usang memerlukan kos penyelenggaraan tinggi, namun peruntukan yang diterima semakin berkurangan setiap tahun. Pada tahun 2025, daripada jumlah keseluruhan RM33 juta untuk seluruh Malaysia, hanya RM740,000 diperuntukkan kepada daerah Kuala Kangsar untuk jalan federal (FT001 dan FT076), melibatkan hanya lima projek kecil. Permohonan perlu dibuat berdasarkan keutamaan seperti kawasan kemalangan, persimpangan berbahaya, tempat ibadat dan sekolah, dan bukan setiap aduan boleh dilayan secara serta-merta. Pembekalan lampu jalan baru juga terhad kepada lokasi-lokasi kritikal ini. Namun, mereka masih memohon bantuan daripada YB Parlimen dan ADUN untuk menyalurkan dana tambahan, termasuk yang pernah diberikan oleh Menteri Kerja Raya secara langsung untuk beberapa lokasi di kawasan Parlimen ini. * *Rujuk juga maklum balas di bawah*.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
2.	Kekurangan penyelenggaraan infrastruktur kawasan setempat.	Komuniti tempatan berkongsi bahawa jambatan di kawasan *flyover* di hadapan balai polis perlu penambahbaikan juga. Ini kerana terdapat bahagian yang mempunyai potensi dan berisiko untuk pecah. Turut disampaikan bahawa jambatan di Kampung Buaia telah dapat peruntukan, tetapi kerja penyelenggaraan tidak dijalankan lagi. Terdapat pertindihan atau perbezaan skop kawal selia antara JPS dan KKDW.	Menurut CADO (Pembangunan), tanggungjawab terhadap penyelenggaraan jalan luar bandar dibahagi mengikut kategori agensi: jalan pertanian biasanya di bawah Jabatan Pertanian atau JPS, jalan utama atau laluan antara kampung oleh JKR, manakala lorong kecil dalam kawasan perumahan berada di bawah tanggungjawab pihak PBT. Tambahan, jalan ke Kampung Cangkat Punggai yang berpotensi untuk pembangunan sektor pertanian, justeru perlu dipertimbangkan oleh agensi yang berkaitan. Menurut CADO (Pembangunan) menyatakan keperluan mengutamakan projek pembangunan yang memberi manfaat kepada ramai berbanding hanya kepada individu atau kawasan terpencil. Ini termasuklah pembaikan longkang dan akses jalan di kawasan kampung, di mana pihaknya sentiasa berhubung rapat dengan pengurusan JPKK untuk mengenal pasti projek yang wajar dilaksanakan. Akses jalan sangat penting, bukan sahaja dari segi keselamatan tetapi juga bagi memastikan kelancaran aktiviti ekonomi dan sosial, seperti ke tempat kerja dan menghantar anak ke sekolah. Oleh itu, sebarang pembangunan infrastruktur tidak boleh dikompromikan sekiranya ia menyentuh soal keselamatan dan kesejahteraan awam.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
3.	Sistem perparitan yang tidak sistematik dan kejadian banjir.	Komuniti tempatan memberi maklum balas bahawa tahap kemudahan sistem saliran dan longkang di sekitar Pekan Padang Rengas tidak seimbang. Terdapat tempat yang lebih terurus berbanding dengan tempat yang lain. Terdapat juga kerisauan tentang masalah banjir dengan sistem saliran yang tidak memadai antaranya di kawasan Jalan Taman Utama. Selain Jalan Taman Utama, sistem longkang di Kampung Buaia yang tidak diselenggara juga menyebabkan banjir. Kawasan Kampung Paya Panjang dan Jalan Raja Munah juga tiada sistem saliran yang baik, dan diburukkan dengan pembinaan jalan yang lebih tinggi dari kawasan sekitar.	JKR menjelaskan bahawa reka bentuk jalan yang lebih tinggi daripada kawasan sekeliling adalah disengajakan agar jalan tidak ditenggelami air dan boleh digunakan ketika banjir. Namun, sistem saliran tidak terselaras dengan baik kerana hanya menangani aliran air dari jalan sahaja, sedangkan air dari perumahan dan kawasan kedai juga memasuki sistem yang sama. Ada cadangan agar semua pihak termasuk JKR, PBT dan JPS duduk semeja untuk menyelaraskan sistem saliran sedia ada dan yang akan dibina. CADO (Pembangunan) dan JPS menyokong cadangan ini dan menambah bahawa antara punca utama banjir kilat adalah kapasiti longkang yang tidak mencukupi dan sikap penduduk yang membuang sampah secara sembarangan, ditambah pula dengan ketiadaan sistem "flap gate". Beliau juga menyentuh isu kekangan perundangan seperti kawasan rizab dan pengambilan tanah yang menghalang pembesaran longkang, serta kos tinggi untuk melaksanakan pelebaran saliran yang efektif. Isu ini perlu ditangani melalui perancangan bersama pelbagai agensi dan penilaian yang lebih menyeluruh terhadap infrastruktur kampung dan taman perumahan.
4.	Pertembungan hidupan liar dan masyarakat	Ancaman kera dan beruk menjadi isu berterusan di persekitaran kampung. Penangkapan gunakan sangkar digunakan, tetapi populasinya tidak berkurang.	Jabatan Perlindungan Hidupan Liar (PERHILITAN) memaklumkan bahawa sejak tahun 2022 hingga kini, sebanyak 771 ekor kera telah dilupuskan di Padang Rengas, termasuk 107 ekor yang ditembak mati.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			Sebanyak 194 aduan telah diterima setakat ini, menggambarkan betapa seriusnya masalah gangguan kera, terutamanya di kawasan kampung. Kera ini cepat membiak, dan walaupun populasi dalam kawasan kampung dikawal, mereka akan kembali dari kawasan hutan apabila gangguan manusia berkurangan. Tindakan hanya diambil terhadap kera di kawasan konflik, kerana populasi di hutan tidak boleh dikurangkan sepenuhnya. Operasi tangkapan memerlukan kerjasama penduduk, termasuk menjaga umpan dan melaporkan kehadiran kumpulan kera. Ada kampung seperti Kampung Jarau yang aktif bekerjasama, menjadikan operasi lebih berkesan. Penghulu Mukim menyatakan bahawa pengurusan sampah rumah yang lemah turut menjadi faktor penarik utama kehadiran kera. Kehadiran sisa makanan di sekitar rumah kampung memberi peluang mudah kepada kera untuk mendapatkan makanan, menyebabkan mereka semakin berani dan agresif, termasuk mencuri telur atau memasuki rumah - mencadangkan agar setiap kampung mempunyai perangkap sendiri yang dijaga dengan baik.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
5.	Kekurangan pusat pengumpulan sampah yang baik, dan juga penyelenggaraan.	Tiada pusat pengumpulan sampah yang sistematik di Padang Rengas. Kawasan semasa yang digunakan adalah di persekitaran kawasan kaki Gunung Pondok. Terdapat juga anjing liar pada waktu malam yang menyebabkan sampah berselerak. Air dari kawasan sampah juga bertakung dan menyebabkan pencemaran.	Wakil majlis menjelaskan kutipan sampah dilaksanakan tanpa mengira lokasi perumahan atau kampung, namun beberapa kawasan seperti di kaki Gunung Pondok hanya disediakan tong secara sementara atas permintaan ahli majlis. Lokasi ini tidak sesuai kerana menyebabkan gangguan bau dan kehadiran haiwan liar seperti anjing, tetapi disediakan sebagai langkah sementara. Wakil daripada JKR menyatakan bahawa pihaknya tidak mempunyai kuasa terhadap pengurusan lokasi pelupusan dan hanya boleh menyemak dari sudut keselamatan. Wakil Jabatan Alam Sekitar menekankan isu pembakaran terbuka yang berlaku berdekatan kawasan perumahan dan bangunan komersial. Dua aduan diterima pada bulan Mei, dan pihak mereka telah mengeluarkan amaran serta menekankan bahawa tindakan kompaun boleh dikenakan sehingga RM2,000. Beliau turut mencadangkan pendekatan holistik terhadap pengurusan sisa pepejal dan mencadangkan agar negeri Perak mengadaptasi Akta Pengurusan Sisa Pepejal Negara agar dapat menerima peruntukan dari persekutuan dan mengurus sistem sisa dengan lebih bersepadu. Wakil JAS turut mengaitkan perkara ini dengan laporan audit pengurusan sisa peringkat negeri yang mendapati

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			kelemahan dalam keupayaan kewangan dan infrastruktur untuk kawasan pedalaman. Majlis Daerah mengakui bahawa sistem pengurusan sisa semasa masih bergantung sepenuhnya kepada PBT tanpa koordinasi menyeluruh antara agensi. Mereka tidak menjalankan kutipan sisa di kawasan luar bandar seperti kampung-kampung sepanjang Jalan Lanyak ke Taman Merah kerana ia bukan kawasan operasi mereka. Sebaliknya, hanya kawasan tertentu seperti sekolah diberikan perkhidmatan tetap. KADO (Pembangunan) mengesahkan bahawa tiada peruntukan khas negeri untuk sistem kutipan bersepadu, dan banyak dasar persekutuan masih belum dilaksanakan di negeri akibat isu perundangan antara kerajaan pusat dan negeri.

Jadual 8. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 5

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 5: Dialog bersama Pertubuhan Penganut Dewi Sri Maha Mariamman, Padang Rengas **Tarikh:** 25 Mei 2025 **Bilangan peserta:** 18 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 2 kumpulan			**Agensi yang memberikan maklum balas:** 1. IPD Kuala Kangsar
1.	Peluang pekerjaan yang terhad	Akses kepada peluang pekerjaan yang terhad merupakan isu kritikal di Padang Rengas. Ini menyebabkan penduduk tempatan berhijrah ke tempat lain seperti Taiping dan Ipoh untuk mencari kerja. Daripada komuniti di sini terdapat mereka yang memiliki tahap pendidikan tinggi tetapi tidak dapat berkembang daripada segi pekerjaan kerana kurang akses kepada peluang.	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir*
2.	Kurangnya program yang memberi pendedahan tentang peluang pekerjaan dan kerjaya	Terdapat kelompok dalam kalangan komuniti yang tidak tahu bagaimana untuk memohon kerja atau bantuan untuk pelajaran seperti biasiswa, atau tiada pendedahan dan maklumat tentang perkara-perkara sebegini. Program yang berkaitan kerjaya seperti karnival, dijalankan di kawasan lain seperti di Ipoh. Golongan ibu bapa juga tidak tahu dan tiada pendedahan kepada TVET.	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
3.	Tahap sosioekonomi komuniti India setempat yang masih rendah.	Penduduk di sini berada dalam status sosioekonomi B40. Pendapatan isi rumah untuk komuniti di sini adalah sekitar RM2000 dan ke bawah. Pekerjaan yang umum di sini adalah pemandu lori, pekerja kilang dan pekerja estet. Untuk golongan wanita, kebanyakannya suri rumah, dengan ada yang bekerja sambilan sebagai pembantu rumah dengan gaji sekitar RM25-30 sehari.	Isu pinjaman tidak berlesen atau 'Ah Long', khususnya dalam kalangan komuniti India di Padang Rengas. Pihak polis mengesahkan bahawa isu ini sangat serius, bahkan telah mencapai tahap keganasan apabila tindakan seperti baling bom Molotov ke rumah peminjam berlaku di kawasan tempatan. Pihak polis menegaskan bahawa selain tindakan penguatkuasaan terhadap peminjam tidak berlesen, penting juga untuk mendidik komuniti agar tidak meminjam daripada saluran haram.
4.	Bilangan murid di sekolah yang semakin kurang	Akibat daripada peluang pekerjaan yang kurang, dan juga perpindahan golongan muda ke tempat lain, sekolah yang ada tidak mendapat pendaftaran murid yang secukupnya.	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir*
5.	Ketiadaan IC biru	Terdapat individu yang masih miliki kad pengenalan merah. Perkara ini telah berterusan dari tahun 1954. Permohonan dihantar beberapa kali, tetapi masih gagal memperolehi IC biru. Tanpa pemilikan IC yang penuh, terdapat kesukaran untuk mendapatkan akses kepada bantuan dan perkhidmatan awam.	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir*
6.	Pencemaran habuk	Operasi kilang simen YTL menyebabkan pencemaran habuk. Kesan pencemaran ini meliputi kawasan-kawasan termasuk Jalan Besar Padang Rengas, Kampung Baru Cina, Kampung	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Paya Panjang, Kampung Jaya, Taman Utama, Kampung Gapis dan kawasan sekitarnya.	
7.	Banjir kilat disebabkan sistem perparitan yang tidak diselenggara	Banjir kilat berlaku di Kampung Jaya setiap kali hujan lebat berlanjutan selama 30 minit. Ini disebabkan longkang kecil yang tidak diselenggara dan dipenuhi pasir. Aduan telah dibuat ke pejabat penghulu tetapi tiada tindakan diambil.	* *Rujuk maklum balas FGD 4, poin/isu 3*.

Jadual 9. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 6

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 6: Dialog bersama Komuniti Petani Padang Rengas **Tarikh:** 25 Mei 2025 **Bilangan peserta:** 5 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 1 kumpulan			**Agensi yang memberikan maklum balas:** 1. Jabatan Pertanian
1.	Peningkatan kos input pertanian	Terdapat peningkatan mendadak dalam harga benih padi – daripada RM20 kepada RM28, RM35, RM40, RM60, dan kini sekitar RM55 bagi satu beg 20 kilogram. Harga siling benih padi kini RM58, manakala harga jualan di peruncit adalah sekitar RM55 selepas subsidi ditarik balik. Peningkatan harga benih berlaku akibat penarikan subsidi benih padi, tetapi petani tidak dimaklumkan dengan jelas, menyebabkan kekeliruan dalam kalangan petani.	Wakil dari Jabatan Pertanian mengesahkan bahawa kos input pertanian meningkat selepas pandemik COVID-19 dan krisis geopolitik seperti konflik Israel-Ukraine. Walaubagaimanapun, harga kini menunjukkan trend kestabilan. Jabatan Pertanian tidak mempunyai kuasa untuk mengawal harga input kerana kebanyakannya diimport, namun bantuan berbentuk subsidi tetap diberikan kepada petani yang layak, termasuk bantuan infrastruktur dan input pertanian.
2.	Peningkatan kos operasi pertanian	Kos input pertanian semakin meningkat akibat kenaikan harga benih padi, baja, dan keperluan membeli bahan tambahan seperti booster atau tonik untuk penghasilan padi yang baik. Kos operasi pertanian bagi satu ekar padi kini mencecah sekitar RM1,300 bermula dari penyediaan tanah sehingga penuaian hasil.	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Petani menghadapi risiko besar terhadap hasil padi akibat serangan bakteria dan ulat seperti penyakit *Bacteria Leaf Blight* (BLB) yang tiada racun khusus untuk menanganinya. Bagi menangani masalah tersebut, petani terpaksa menggunakan tiga jenis racun, tetapi mereka tidak pasti tentang keberkesanan racun yang digunakan, menyebabkan peningkatan kos operasi.	
3.	Kekurangan jentera pertanian	Petani, termasuk yang golongan muda, tidak mempunyai jentera yang tersendiri untuk mengusahakan sawah padi. Jentera yang diperlukan termasuk mesin padi atau menuai, lori, dan mesin bajak. Harga minyak yang meningkat juga menyebabkan kos penggunaan mesin dan jentera menjadi semakin tinggi. Contohnya, mesin menuai menjadi RM130 daripada RM75, dan lori kini RM80 daripada RM55. Ketiadaan sumber jentera ini juga menyebabkan petani-petani bergantung kepada pihak swasta untuk membayar bagi meminjam kemudahan ini.	** Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir*
4.	Kelewatan pengedaran baja	Baja subsidi tidak diuruskan dengan cekap, menyebabkan kelewatan pengedaran. Sebagai contoh, di Kota Lama, petani hanya menerima baja 45 hari selepas penaburan.	** Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Kelewatan pengedaran baja memberi kesan kepada keseluruhan proses penanaman padi kerana setiap fasa memerlukan bekalan baja tepat pada masanya. Di Kota Lama juga, terdapat isu kelewatan yang berkait dengan baja daripada NAFAS kepada PPK.	
5.	Ketiadaan jadual penyelenggaraan oleh pihak berkuasa	Saliran tidak menghadapi masalah besar, tetapi isu utama adalah ketiadaan jadual penyelenggaraan yang dimaklumkan oleh pihak JPS. Petani memerlukan makluman awal sekiranya JPS ingin menutup air untuk kerja penyelenggaraan kerana penutupan mengejut menjejaskan proses tanaman seperti pertumbuhan lalang dan perkembangan padi.	** Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir*
6.	Penyalahgunaan tanah sawah untuk tujuan selain padi, termasuk penanaman jagung oleh warga asing, tanpa penguatkuasaan tegas.	Berlaku persaingan dalam penggunaan tanah sawah untuk tujuan lain seperti penanaman jagung dan pembinaan *homestay*, penanaman jagung dilakukan oleh warga asing, tanpa penguatkuasaan yang tegas – walaupun termaktub dalam akta tanah tersebut hanyalah untuk tujuan penanaman padi sahaja. Di Kawasan Lubok Merbau, sebahagian tanah sawah telah disewakan untuk penanaman jagung, memerlukan tindakan penguatkuasaan oleh pihak berkuasa.	Berhubung isu tanah sawah yang ditukar kepada tanaman lain, pegawai menyatakan kebimbangan terhadap penyalahgunaan kawasan penanaman padi. Ramai petani, terutama yang hanya menyewa tanah, beralih kepada tanaman kontan seperti jagung kerana proses dokumentasi subsidi padi yang rumit dan memerlukan bukti hak milik atau perjanjian bertulis. Tanah-tanah pusaka yang tidak mempunyai pemilikan yang jelas turut menjejaskan kelayakan subsidi.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			Jabatan hanya boleh menasihatkan, namun tidak mempunyai kuasa untuk menghalang penukaran jenis tanaman oleh penyewa tanah.
7.	Penjadualan kerja perataan dan pengapuran tidak sistematik.	Di Kampung Kota Lama, penjadualan kerja-kerja perataan dan pengapuran tidak sistematik dan kurang dimaklumkan kepada petani secara menyeluruh. Komuniti petani memerlukan penjadualan dan pemakluman yang jelas untuk aktiviti pengapuran dan perataan tanah.	Jabatan Pertanian menjelaskan bahawa kerja-kerja ini adalah tanggungjawab petani, namun jabatan turut memberikan bantuan kepada petani terpilih. Pengapuran dan perataan biasanya dilakukan setiap dua atau tiga tahun sekali, bergantung kepada musim dan keadaan tanah. Kerja-kerja ini dilaksanakan antara dua musim penanaman – selepas penuaian dan sebelum musim baru bermula – agar tidak mengganggu kitaran pertanian. Jadual biasanya ditentukan berdasarkan perancangan petani dan bukan secara tetap oleh jabatan kerana bimbang tidak selaras dengan kemampuan petani. Jabatan Pertanian menjelaskan bahawa mereka akan menyesuaikan kerja-kerja pengapuran dengan jadual petani selepas musim menuai, dan segala kelewatan biasanya disebabkan oleh keluasan kawasan dan bilangan kontraktor yang terlibat. Namun mereka berusaha untuk memastikan kerja selesai dalam tahun yang sama. Penyelenggaraan sistem saliran dan bekalan air pula berada di bawah tanggungjawab agensi lain seperti JPS (Jabatan Pengairan dan Saliran).

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
8.	Potongan jualan padi mengurangkan pendapatan dan keuntungan petani.	Potongan jualan padi yang dikenakan kini adalah 20 peratus, dianggap terlalu tinggi dan memberi kesan negatif kepada pendapatan. Petani mencadangkan potongan yang sesuai adalah sekitar 15 peratus.	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir*
9.	Harga penjualan padi masih rendah	Harga jualan padi oleh petani masih rendah; mereka mengharapkan sekurang-kurangnya RM1,800 satu tan metrik sebagai harga minimum yang wajar. Komuniti petani juga berpendapat bahawa peningkatan harga tidak menguntungkan petani dan tidak berkesan kerana apabila harga yang baru yang lebih tinggi diumumkan, kos-kos lain juga meningkat sama.	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir*
10.	Kekurangan tadbir urus antara petani dan pihak tertentu	Terdapat keperluan mendesak untuk memperbaiki aspek tadbir urus (*governance*) dan hubungan antara petani dan agensi kerajaan, termasuk libat urus dengan pegawai yang berkaitan.	* *Rujuk juga maklum balas di isu/poin 7, di atas*.

Jadual 10. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 7

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 7: Dialog bersama Komuniti Warga Emas Rumah PAWE Kuala Kangsar **Tarikh:** 26 Mei 2025 **Bilangan peserta:** 14 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 1 kumpulan/Townhall			**Agensi yang memberikan maklum balas:** 1. Jabatan Kerja Raya 2. PDT Kuala Kangsar 3. Jabatan Alam Sekitar (JAS) 4. PERHILITAN
1.	Kekurangan dana yang mencukupi untuk memastikan kelangsungan dan kemampanan aktiviti PAWE.	AJK Rumah PAWE berpendapat bahawa geran tahun sebanyak RM50,000 tidak mencukupi. Jumlah ini hanya memadai untuk membayar penyelia, pembantu di Rumah PAWE dan kos utiliti termasuk elektrik. Dana yang sedia ada tidak dapat merangkumi kos untuk melaksanakan program dan aktiviti berkala untuk warga emas. Kebanyakan sumbangan tambahan adalah daripada pihak lain. Komuniti PAWE mencadangkan supaya kerajaan negeri dapat sediakan juga dana khas untuk semua Rumah PAWE yang kini ada 11 ke 12 buah rumah yang ada di Perak.	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir*
2.	Kekurangan kemudahan asas di Rumah PAWE	Tapak dan bangunan yang kini digunakan merupakan bekas pejabat penghulu yang asal dan bangunan ini dikongsi bersama sebuah pertubuhan wanita (WI). Kemudahan tambahan diperlukan seperti meja untuk menulis dan aktiviti-aktiviti lain. Tandas di bangunan ini juga memerlukan penambahbaikan.	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Bangunan sedia ada juga mengalami masalah anai-anai dan tidak sesuai untuk kegunaan jangka masa lama tanpa intervensi menghapuskan anai-anai.	
3.	Lokasi tapak pembuangan sampah yang tidak sistematik dan menimbulkan ketidakselesaan.	Tapak pembuangan sampah yang sedia ada di kawasan Lubok Merbau dan kaki Gunung Pondok tidak sistematik dan sesuai. Malahan, tong sampah yang digunakan kini tidak cukup besar kapasitinya untuk menampung jumlah sampah sarap keseluruhan Padang Rengas. Wujud pandangan daripada komuniti yang beri contoh bahawa cukai taksiran dibayar untuk unit lot pertama di kawasan berhampiran SMK Tun Perak, tetapi pengurusan sampah tidak konsisten atau tiada. Manakala di kawasan lain, apabila tidak membayar cukai, pihak majlis tidak menyediakan perkhidmatan untuk pengurusan sisa pepejal. Ini kerana ketiadaan peruntukan yang cukup.	* *Rujuk FGD 4, isu/poin 5 di atas*.
4.	Penyampaian maklumat kepada komuniti yang kurang jelas, menyeluruh, dan tidak sampai kepada semua lapisan	Warga emas tidak tahu kepada pihak mana yang perlu dirujuk sekiranya mempunyai masalah atau cadangan. Komuniti PAWE ada mencadangkan supaya kotak cadangan diletakkan sama ada di pejabat	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	warga emas serta tiada hubungan interaktif dua hala antara komuniti dan pelbagai pihak berkuasa..	penghulu atau di kedai-kedai kopi sebagai saluran maklum balas komuniti. Terdapat ahli PAWE yang merupakan bekas jururawat dan mempunyai pengetahuan penjagaan kesihatan. Tetapi tidak mengetahui cara untuk mulakan satu inisiatif yang dapat memberi pendedahan penjagaan kesihatan kepada warga emas. Ada cadangan supaya diwujudkan wadah berkait kesihatan untuk memberi pendedahan dan maklumat kepada warga emas.	
5.	Kemudahan jejantas yang tidak dapat dimanfaatkan	Terdapat satu jejantas di kawasan SMK Tun Perak tidak digunakan kerana dilihat sebagai tidak selamat. Turut dikongsikan bahawa aduan telah dibuat kepada pihak majlis, tetapi tiada tindakan penyelesaian.	* *Rujuk FGD 4, isu/poin 1 dan 2 di atas*.

Jadual 11. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu Sesi Temu Bual Mendalam

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD: Sesi Temu Bual Mendalam bersama Wakil-wakil PDK Talian Permai **Tarikh:** 26 Mei 2025 **Bilangan peserta**: 2 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan Temu Bual Mendalam			**Agensi yang memberikan maklum balas:** 1. Tiada
1.	Elaun petugas dan penyelia yang masih rendah.	Petugas hanya diberi elaun sebanyak sekitar RM1000, dan penyelia elaun RM1200. Jumlah elaun ini tidak mencukupi untuk skop kerja yang dibuat dan juga untuk menampung kos kehidupan secara munasabah. Pada waktu sama, di PDK ini, terdapat sejumlah 15 pelatih. Dua staf, di mana satu adalah penyelia, tidak mencukupi untuk menjaga 15 pelatih secara baik.	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir*
2.	Kekurangan geran peruntukan untuk PDK.	Peruntukan yang diberikan oleh pihak JKM juga tidak mencukupi untuk menanggung kos pentadbiran dan pengurusan serta utiliti, dan aktiviti yang ingin dijalankan oleh PDK. Keseluruhan dana hanya memadai untuk mencakupi perbelanjaan asas PDK dan staf. Pada masa sama, ruangan bangunan yang kini diguna adalah dewan orang ramai. Dan sebelum ini, merupakan surau. PDK kini tidak mempunyai ruangan sendiri yang sesuai.	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir*
3.	Penggunaan sistem dan dokumentasi secara atas talian membebankan pengurusan PDK.	Terdapat prosedur dan pelaporan yang perlu dibuat gunakan proses atas talian. Ini mengambil masa pihak pengurusan, juga kerana terdapat staf yang terhad.	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir*

Jadual 12. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 9

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 8: Dialog bersama Komuniti Belia, Pertubuhan Pergerakan Amal Bakti **Tarikh:** 26 Mei 2025 **Bilangan peserta:** 4 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 1 kumpulan			**Agensi yang memberikan maklum balas**: 1. Pejabat Belia dan Sukan
1.	Kekurangan kemudahan dan tempat riadah untuk belia.	Komuniti Toh Muay yang aktif dan terbina daripada akar umbi belia tempatan tidak mempunyai kemudahan atau pusat rekreasi yang bersesuaian untuk menjalankan latihan. Kos sewaan premis seperti kedai lot adalah tinggi. Ini menyukarkan penyediaan tempat latihan yang selamat dan tetap untuk semua ahli Toh Muay dan komuniti belia secara umumnya.	Wakil daripada agensi belia memberi maklum balas terhadap isu belia Muay Thai yang berlatih di bawah jambatan kerana kekurangan kemudahan sukan. Pada awalnya, komuniti belia telah memohon lokasi yang lebih selamat dan sesuai, namun tiada lokasi yang khusus disediakan. Mereka akur bahawa lokasi yang digunakan kini tidak sesuai dari aspek keselamatan dan keselesaan. Pihak kementerian mengambil maklum terhadap kekangan ini dan memberikan petunjuk bahawa sokongan terhadap aktiviti komuniti seperti ini boleh dipertimbangkan, namun memerlukan proses dan perancangan lanjut melibatkan kerjasama pelbagai pihak, termasuk PBT dan agensi pembangunan sukan tempatan.
2.	Ketiadaan dana dalam kelestarian program untuk belia setempat.	Ketiadaan dana menyebabkan aktiviti-aktiviti sukar untuk dijalankan secara konsisten. Ini juga menyebabkan kekurangan kelengkapan khususnya seperti sarung tangan, alat pelindung dan peralatan latihan lain. Kekurangan sumber dan dana ini juga mengakibatkan ketidakupayaan komuniti belia Toh Muay untuk menerima penglibatan daripada	* *Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		kalangan belia walaupun terdapat permintaan yang tinggi. Semua perbelanjaan ditanggung sendiri oleh individu yang terlibat tanpa sebarang bantuan kewangan. Pada masa sama, tidak ada mana-mana pihak yang memberikan peruntukan khas untuk menyokong atau membiayai program Toh Muay di sini secara berterusan.	

4.2 PENGUTAMAAN ISU

4.2.1 Pengutamaan Isu 1: Penjanaan Pendapatan Warga Emas dengan Perusahaan Sosial

Dalam kajian lapangan di Parlimen Rengas, salah satu kumpulan sasar yang dikenalpasti menghadapi cabaran kerentanan adalah golongan warga emas dan veteran. Berbanding dengan kelas atau kumpulan sosial yang lain dalam masyarakat, cabaran sosio-ekonomi dan ekologi yang dihadapi mereka lebih runcing disebabkan keterbatasan dalam beberapa dimensi. Ianya seperti status ekonomi, kepemilikan jaminan perlindungan sosial, tahap fisiologi dan kesihatan, termasuk akses kepada perkhidmatan dan kemudahan kesihatan, sokongan sosial dalam kalangan keluarga, dan kedudukan dalam hubungan dan proses tadbir urus bersama pihak berkuasa. Keadaan ini menjadi lebih kritikal, disebabkan oleh kedudukan kawasan Padang Rengas yang berada di luar atau pinggir bandar-bandar lain yang lebih besar seperti Ipoh dan Taiping. Berbeza dengan tahap urbanisasi di bandar-bandar berkenaan, pembangunan di Padang Rengas, seperti kawasan-kawasan sekitarnya Pekan Padang Rengas dan Pekan Sauk, lebih terhad.

- **Keperluan Sumber Penjanaan Pendapatan untuk Komuniti Rumah PAWE Padang Rengas**

  Oleh itu, bagi menangani atau sekurangnya untuk minimakan cabaran-cabaran yang diketengahkan di atas, dan sekurangnya daripada sudut sosioekonomi, program intervensi untuk membentuk satu wadah perusahaan sosial menjadi mustahak. Pendirian wadah ini dapat menyokong proses penjanaan sumber pendapatan dalam kalangan kelompok warga emas dan veteran.

  Sokongan dalam dimensi ekonomi dan kewangan, dapat membantu dalam mengukuhkan kebolehan untuk akses sumber dan kemudahan yang lain seperti kesihatan, perumahan, dan perkhidmatan awam. Ianya juga dapat membantu membina kesepaduan sosial dan hubungan solidariti yang dapat berfungsi sebagai jaringan sokongan sosial bagi dan dalam kalangan komuniti Rumah PAWE, dan penduduk tempatan umumnya.

Jadual 13. Ringkasan Isu 1

Permasalahan berkaitan dengan Isu	Keperluan Sumber Penjanaan Pendapatan untuk Komuniti Rumah PAWE Padang Rengas
Cadangan	Program perusahaan sosial
Kumpulan Terjejas	Komuniti Rumah PAWE, komuniti warga emas dan veteran
Kawasan	Padang Rengas
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	**Sasaran SDG Berkaitan**
SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi	Sasaran 8.3: Menggalakkan dasar berorientasikan pembangunan yang menyokong aktiviti produktif, pembentukan pekerjaan yang baik, keusahawanan, kreativiti dan inovasi, dan menggalakkan proses menjadikan formal dan pertumbuhan perusahaan mikro, kecil dan sederhana, termasuk melalui akses kepada perkhidmatan kewangan.
SDG 1: Tiada Kemiskinan	Sasaran 1.5: Menjelang 20230, membina daya tahan golongan yang miskin dan mereka yang berada dalam keadaan rentan dan mengurangkan pendedahan dan risiko kerentanan terhadap kejadian berkait iklim yang ekstrem dan kejutan dan bencana ekonomi, sosial dan alam sekitar yang lain.

4.2.2 Pengutamaan Isu 2: Pembangunan Pendidikan Pelajar B40 Padang Rengas

Kumpulan berpendapatan rendah atau B40, merupakan antara kumpulan rentan yang utama di Parlimen Padang Rengas. Penduduk yang berasal daripada kumpulan ini, antara cirinya adalah, walaupun mempunyai pendapatan, ianya berjumlah rendah dan tidak cukup untuk sara hidup keluarga atau isi rumah. Pada masa sama, ada juga antara mereka yang tidak mempunyai gaji yang tetap dan sifat punca mata pencariannya bergantung kepada kerja-kerja pekan atau kampung yang dilakukan.

Antara kesannya adalah bahawasanya mereka tidak mempunyai akses kepada sumber atau kemudahan yang lainnya, seperti pendidikan, kesihatan dan perumahan yang mencukupi dan baik. Dalam keadaan di mana wujud akses ini, mereka tidak dapat menikmati atau menggunakan perkhidmatan-perkhidmatan sebegini dengan baik disebabkan oleh sifat atau status kerentanan yang dihadapi. Sedangkan apabila golongan yang berpendapatan rendah tidak mempunyai sokongan kemudahan dan perkhidmatan awam yang baik, seperti perkhidmatan kesihatan untuk membolehkan mereka berada pada tahap kesihatan yang optima untuk bekerja, keupayaan mereka

untuk mencari pendapatan juga akan terkesan. Sifat dan hubungan kerentanan ini telah banyak dibincangkan dalam kajian-kajian kemiskinan multidimensi, umpamanya.

Makanya, golongan berpendapatan rendah atau B40 akan sentiasa dan kekal berada dalam kitaran kemiskinan dan kerentanan yang berterusan. Dan ianya juga bersifat inter-generasi, kerana status sosial ini menjangkau unit keluarga asas, kepada anak mereka, dan kemudiannya terhadap anak kepada anak mereka tersebut.

- **Penganjuran Kelas Tuisyen dan Pendidikan untuk Komuniti Pelajar Etnik India**

  Lanjutan kepada huraian di atas, kelompok sasar etnik India di Padang Rengas merupakan antara komuniti yang paling terkesan oleh deprivasi sosioekonomi. Ianya berlaku bukan kerana agensi atau pilihan komuniti mereka sendiri, tetapi disebabkan oleh sejarah dan struktur ekonomi tempatan. Salah satu komuniti yang mengalami kesusahan dan perlu diberi perhatian adalah komuniti pelajar dan murid dalam kalangan penduduk tempatan etnik India. Sebagai contohnya, pelajar-pelajar tersebut memerlukan sokongan daripada segi pembelajaran untuk meningkatkan upaya ilmu pengetahuan mereka.

  Pemerhatian jurang dalam proses pembelajaran dan pemberdayaan tahap pendidikan ini menonjolkan kesan keadaan kerentanan kelompok sasar penduduk etnik India dan menguatkan pemahaman bahawasanya terdapat kesalinghubungan langsung antara deprivasi dan kitaran kemiskinan, dan kerentanan.

  Oleh kerana itu, intervensi luaran yang berstruktur diperlukan. Contohnya, program pendidikan yang dapat memupuk minat pemahaman dan latihan dalam proses pembelajaran. Seterusnya memboleh pelajar-pelajar yang terlibat meningkatkan tahap penguasaan dan kemahiran ilmu pengetahuan. Program sebegini juga mempunyai kesan jangka masa pertengahan dan panjang. Ianya menguatkan asas-asas kemahiran dan kehidupan yang dapat mendorong pergerakan mobiliti sosial. Dan selanjutnya akan membuka peluang yang lain seperti kepada peluang pekerjaan, pembangunan perwatakan dan kemahiran dan juga perolehan pendapatan.

Jadual 14. Ringkasan Isu 2

Permasalahan berkaitan dengan Isu	Penganjuran Kelas Tuisyen dan Pendidikan untuk Komuniti Pelajar Etnik India
Cadangan	Program pembangunan pendidikan
Kumpulan Terjejas	Komuniti pelajar etnik India, komuniti pendapatan rendah
Kawasan	Pekan Padang Rengas Padang Rengas
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	**Sasaran SDG Berkaitan**
SDG 4: Pendidikan Berkualiti	Sasaran 4.1: Menjelang 2030, memastikan bahawa semua kanak perempuan dan lelaki melengkapkan pendidikan rendah dan menengah yang percuma, saksama dan berkualiti, dan yang akan menyumbang kepada hasil pembelajaran yang relevan dan berkesan.
SDG 1: Tiada Kemiskinan	Sasaran 1.5: Menjelang 20230, membina daya tahan golongan yang miskin dan mereka yang berada dalam keadaan rentan dan mengurangkan pendedahan dan risiko kerentanan terhadap kejadian berkait iklim yang ekstrem dan kejutan dan bencana ekonomi, sosial dan alam sekitar yang lain.

4.2.3 Pengutamaan Isu 3: Pemberdayaan Jati Diri Belia Padang Rengas

Selain daripada komuniti penduduk beretnik India dalam kalangan kelompok sasar berpendapatan rendah, komuniti belia dan anak muda daripada kelompok sasar ini juga menghadapi deprivasi sosio-ekonomi dan sokongan sosial yang runcing. Status sosial golongan ini mempunyai hubungan langsung dengan beberapa faktor dalaman atau masyarakat, dan juga luaran atau makro, yang memberi kesan kepada keupayaan mereka untuk berkembang maju dalam kehidupan mereka.

Antara faktor dalaman adalah golongan belia dan anak muda umumnya berasal daripada keluarga yang tidak berada. Oleh itu, akses mereka kepada keperluan seperti pendidikan, perumahan dan kesihatan tidak wujud sepenuhnya. Daripada segi faktor luaran atau makro, kedudukan dan tingkat ekonomi kawasan Padang Rengas menjadi pengaruh penting. Konteks sosialnya yang tidak terserap dalam perkembangan ekonomi arus perdana dengan hasil material dan fizikal seperti di bandar besar membataskan keupayaan warga Padang Rengas untuk berkembang menjadi berdaya tahan.

Akibat daripada permasalahan-permasalahan ini, kelompok berpendapatan rendah dan golongan belia dan anak muda, malahan pelajar-pelajar, menghadapi dan ditekan isu

peminggiran sosial atau *social exclusion*. Proses ini bukan sahaja mengurangkan kedudukan sosial mereka, tetapi juga membawa bersamanya isu-isu lain seperti perlakuan anti-sosial, risiko terlibat dalam aksi yang membahayakan diri dan komuniti, dan juga dalam keadaan yang lebih parah atau keras, tindakan melanggar undang-undang dan aktiviti jenayah.

- **Pembangunan Pusat dan Sistem Sokongan Sosial Anak Muda untuk Komuniti Toh Muay Padang Rengas**
  Dalam kajian lapangan yang dijalankan di Parlimen Padang Rengas, pasukan pengkaji APPGM-SDG telah bertemu dengan golongan belia dan generasi muda daripada komuniti atau persatuan belia yang aktif dalam sukan atau aktiviti Toh Muay. Kumpulan atau wadah ini penting sebagai tempat untuk golongan belia dan anak muda menjalankan aktiviti sosial. Ianya membantu memupuk hubungan dan ikatan sosial dalam kalangan orang-orang muda dan juga menjadi pentas untuk mereka mencapai hala tuju dan juga cita-cita kehidupan mereka.

  Oleh kerana itu, program intervensi yang berasaskan akar umbi, sejajar dengan keperluan dan minat komuniti setempat dan membuka peluang untuk mereka yang mengambil bahagian merealisasikan potensi diri yang sepenuhnya perlu disokong serta dilaksanakan untuk meningkatkan modal sosial, ekonomi, budaya dan kepimpinan masyarakat tempatan.

Jadual 15. Ringkasan Isu 3

Permasalahan berkaitan dengan Isu	Pembangunan Pusat dan Sistem Sokongan Sosial Anak Muda untuk Komuniti Toh Muay Padang Rengas
Cadangan	Program pembangunan latihan dan pusat Muay Thai
Kumpulan Terjejas	Komuniti belia, komuniti desa
Kawasan	Pekan Padang Rengas Padang Rengas
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	**Sasaran SDG Berkaitan**
SDG 4: Pendidikan Berkualiti	Sasaran 4.4: Menjelang 2030, meningkatkan secara substantif bilangan belia dan orang dewasa yang memiliki kemahiran relevan, termasuk kemahiran teknikal dan vokasional, untuk alam pekerjaan, pekerjaan bermartabat dan keusahawanan.
SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan	Sasaran 11.4: Memperkukuh usaha untuk melindungi dan menjamin pemeliharaan budaya dan warisan semula jadi dunia.

5.0 PENGENALPASTIAN AWAL PROJEK PENYELESAIAN

Jadual 16. Pengenalpastian Projek Penyelesaian

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3
Tajuk Projek	Projek Makanan Retort dan Sejuk Beku	Pusat Latihan Muay Thai Komuniti Padang Rengas	Pembinaan Pusat Ilmu dan Warisan Masyarakat
SDG Berkaitan	SDG 1, SDG 2, SDG 4, SDG 8	SDG 3, SDG 4, SDG 5, SDG 16	SDG 4, SDG 10, SDG 11
Objektif	Makan retort adalah produk makanan yang dimasak dan dibungkus dalam bekas tertutup kemudian melalui proses pemanasan tinggi untuk memastikan keselamatan makanan dan memanjangkan jangka hayat. Projek ini bertujuan untuk menghasilkan makanan yang berkualiti tinggi yang dapat memenuhi kehendak pasaran serta meningkatkan kesedaran tentang pemakanan yang sihat.	Terdapat beberapa masalah utama yang dihadapi dalam pelaksanaan pembelajaran dan latihan yang berkesan. Antaranya ialah persekitaran tempat pembelajaran dan latihan yang kurang selamat, yang boleh memberi kesan negatif kepada keselamatan serta keselesaan para pelatih semasa menjalani latihan. Selain itu, kelengkapan alat latihan yang tidak mencukupi dan uzur turut menjadi halangan besar. Masalah kekurangan kewangan juga merupakan cabaran utama. Kekangan peruntukan menyebabkan kesukaran meneruskan latihan secara intensif dan produktif.	Projek ini bertujuan membangunkan sebuah pusat pembelajaran dan aktiviti sosial dalam kawasan kuil bagi menyediakan kemudahan yang selamat, selesa dan mesra komuniti. Melalui pelaksanaan projek ini, masyarakat akan memperoleh ruang yang kondusif untuk menjalankan pelbagai aktiviti pembangunan diri dan budaya secara berkala. Matlamat utama projek ini adalah untuk membina sebuah platform yang menyokong pendidikan, memperkukuh nilai murni, serta menggalakkan perpaduan dan keterlibatan aktif dalam kalangan masyarakat secara menyeluruh.

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3
		Kekurangan ini sekali gus menyekat peluang pelatih untuk berkembang dan bersaing di peringkat yang lebih tinggi.	
Hasil Jangkaan	Projek dapat memastikan semua peserta sudah memahami cara kerja dan juga jenis produk yang akan dihasilkan dengan peralatan pemprosesan yang telah tersedia bagi kawalan kualiti produk dan memastikan keselamatan produk. Selain itu peserta juga akan dapat memastikan pesaing dalam produk makanan dan membuat rancangan pemasaran dengan lebih kreatif atas talian.	Persatuan akan mewujudkan rangka operasi profesional dan sistematik seperti menyediakan SOP (prosedur Operasi Standard) dari segi latihan pentadbiran dan pemasaran. Penjadualan latihan dan silibus bertahap untuk memastikan pelatih kekal terlibat dan bermotivasi juga akan dilaksanakan. Jurulatih muda akan dilatih secara mendalam sebagai pelapis untuk memastikan kesinambungan serta penekanan kepada pembangunan bakat belia sebagai atlet, jurulatih dan penganjur acara.	Projek ini dijangka memberi impak yang besar kepada pembangunan pendidikan dan sosial masyarakat, khususnya dalam membantu pelajar sekolah rendah dan menengah meningkatkan pencapaian akademik mereka, terutamanya menjelang peperiksaan utama seperti Akhir Sesi Akademik dan SPM. Melalui penyediaan kemudahan yang selesa dan bimbingan berstruktur, pelajar akan lebih bersemangat untuk belajar dan lebih bersedia menghadapi peperiksaan. Projek ini juga akan mewujudkan ruang inklusif untuk aktiviti komuniti seperti ceramah, bengkel kemahiran hidup dan program kebajikan, yang mampu memupuk perpaduan serta

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3
			meningkatkan kualiti hidup masyarakat setempat.
Organisasi	Persatuan PAWE Kuala Kangsar	Persatuan Pergerakan Amal Bakti Padang Rengas	Pertubuhan Penganut Dewi Sri Maha Mariamman Padang Rengas
Aktiviti	1. Pengenalan APPGM-SDG 2. Menjalankan latihan dan kursus retort 3. Penghasilan produk retort 4. Penghasilan produk dan pemasaran 5. Penghasilan produk makanan 6. Penghasilan produk makanan sejuk beku 7. Kursus pengendalian makanan dan kursus asas kira 8. Penghasilan produk makanan 9. Penghasilan produk makanan sejuk beku 10. Mempelajari masakan Melayu 11. Kursus pemasaran digital 12. Penyelidikan dan perancangan perniagaan	1. Pengenalan APPGM-SDG 2. Asas pengenalan tentang Muay Thai 3. Latihan berkala dan pembangunan fizikal 4. Ceramah motivasi tentang disiplin sukan 5. Pendedahan sistem pemarkahan sukan Muay Thai 6. Penilaian saringan 7. Pertandingan dalaman 8. Kolaborasi bersama pusat latihan luar 9. Pemantapan dan ujian kecergasan 10. Penyertaan kejohanan luar 11. Latihan berkala dan pembangunan fizikal (tahap tinggi)	1. Kelas bimbingan intensif subjek teras 2. Ceramah motivasi 3. Latihan menjawab soalan akhir sesi akademik dan SPM 4. Ulang kaji berkumpulan dan *peer tutoring*, dan latihan pengurusan masa dan strategi ulang kaji 5. Ceramah motivasi dan pembangunan diri pelajar sekolah rendah dan menengah 6. Sesi kaunseling individu/kumpulan B40 7. Majlis penyuntik semangat akhir

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3
		12. Kem pembangunan jati diri dan kepimpinan	
Jumlah (RM)	RM 40,000	RM 40,000	RM 40,000
Lokasi	Kampung Paya Panjang	Pekan Padang Rengas	Pekan Padang Rengas
Tempoh	3 Bulan	3 Bulan	3 Bulan

6.0 RUJUKAN

P.061 Padang Rengas Perak, Statistik Subnasional Parlimen dan DUN, Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022

Ringkasan Eksekutif, Draf Rancangan Tempatan Daerah, Kuala Kangsar 2035, November 2021

Laporan Pemetaan Isu Parlimen
P.071 Gopeng

Disediakan oleh:
Lydia Ann Bill



BAHAGIAN A

LAPORAN LAWATAN PEMETAAN ISU **531 – 542**

BAHAGIAN B

1.0 PENGENALAN **546 – 552**
1.1 Geografi/Topografi 546
1.2 Komposisi Penduduk 547
1.3 Kegiatan Ekonomi Utama 549
1.4 Hubungan Kerangka Konseptual SDG dan Konteks Tempatan 551

2.0 METODOLOGI PENYELIDIKAN **553 – 557**
2.1 Pendekatan Kajian 553
2.2 Langkah Etika Semasa Kajian Lapangan 556
2.3 Kekangan Lawatan Kajian Lapangan 556
2.4 Keterbatasan Kajian 557

3.0 RANGKUMAN ISU RENTAS SDG **558 – 563**

4.0 GAMBARAN KESELURUHAN PEMETAAN ISU **564 – 599**
4.1 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu 564
4.2 Pengutamaan Isu 596

5.0 PENGENALPASTIAN AWAL PROJEK PENYELESAIAN **600 – 603**

6.0 RUJUKAN **604 – 605**

P.071 GOPENG

BAHAGIAN A

Laporan Lawatan Pemetaan Isu

P.071 Gopeng

DENGAN SOKONGAN DARIPADA

AHLI PARLIMEN GOPENG, YB TUAN TAN KAR HING



TEMPAT-TEMPAT YANG TELAH DILAWATI

18 Jan - 20 Jan 2025
(Sabtu - Isnin)

HARI 1

1. Lawatan Tapak 2: 5 Hotspot Pembuangan Sampah Haram
2. FGD 1: Pekebun Limau Bali Tambun (Dun Simpang Pulai)
3. FGD 2: Ibu Tunggal & PAWE Gopeng (Dun Simpang Pulai)
4. FGD 3: Peniaga-Peniaga Kecil (Dun Simpang Pulai)

HARI 2

5. FGD 4: NGO, KRT dan Persatuan Pejuang Pesakit Kanser Perak (Dun Sungai Rapat)
6. FGD 5: Komuniti Ibu Tunggal (Dun Sungai Rapat)
7. FGD 6: Komuniti Peniaga-peniaga Kecil, Penternak & Pekebun (Dun Sungai Rapat)
8. FGD 7: Komuniti Belia (Dun Sungai Rapat)

HARI 3

9. FGD 8: Komuniti Orang Asli suku etnik Temiar & Semai (Dun Teja)
10. FGD 9: Komuniti Orang Asli suku etnik Semai di Kampung Groh (Dun Teja)
11. Lawatan tapak 3: Homestay dan kawasan eko-pelancongan (Dun Teja)
12. FGD 10: Komuniti Eko-pelancongan (Dun Teja)

PASUKAN PENYELIDIK



LYDIA ANN BILL
(Ketua Penyelidik)



ANTHONY TAN



DR. THANARAJ MURUDI



NIK ATHIRAH ABDUL GHANI

LAWATAN PEMETAAN KAWASAN TELAH DIJALANKAN PADA: 18-20 JAN 2025 (SABTU - ISNIN)

01



12 Disember 2024
Mesyuarat Awalan

02



23 Disember 2024
Mesyuarat Pemprofilan

03



3 Januari 2025
Mesyuarat Awalan (Daerah kinta)

04



17 Januari 2025
Mesyuarat Pra-lawatan

05



17 Januari 2025
Lawatan Tapak 1: Gaharu Tea Valley

06



18 Januari 2025
Lawatan Tapak 2: 5 Hotspot Pembuangan Sampah Haram

07



18 Januari 2025
FGD 1: Pekebun Limau Bali Tambun

08



18 Januari 2025
FGD 2: Ibu Tunggal & PAWE Gopeng
(Dun Simpang Pulai)

09



19 Januari 2025
FGD 3: Peniaga-Peniaga Kecil
(Dun Simpang Pulai)

10



19 Januari 2025
FGD 4: NGO, KRT dan Persatuan Pejuang Pesakit Kanser Perak
(Dun Sungai Rapat)

11



19 Januari 2025
FGD 5: Komuniti Ibu Tunggal
(Dun Sungai Rapat)

12



19 Januari 2025
FGD 6: Komuniti Peniaga-peniaga Kecil, Penternak & Pekebun
(Dun Sungai Rapat)





12 DISEMBER 2024 - MESYUARAT AWALAN

Mesyuarat awalan bersama YB Tuan Tan Kar Hing, Ahli Parlimen Gopeng, telah diadakan bagi membincangkan pelaksanaan pemetaan isu di Parlimen Gopeng. Tarikh pemetaan isu telah ditetapkan pada 18 hingga 20 Januari 2025. Langkah ini bertujuan untuk memastikan penyelarasan awal dapat dilakukan dan penglibatan pelbagai pihak berkepentingan di Gopeng dapat dioptimumkan bagi memastikan keberkesanan gerak kerja pemetaan.

23 DISEMBER 2025 - MESYUARAT PEMPROFILAN

Sesi profiling bagi kawasan Parlimen Gopeng telah diadakan secara talian dan diketuai oleh Lydia Ann Bill bersama Nik Athirah Abdul Ghani daripada sekretariat APPGM-SDG. Turut hadir dari pihak Parlimen Gopeng ialah setiausaha dan pegawai khas DUN, termasuk En. Jamean, En. William Lee, Pn. Choon Wah, En. Looi Mun, Pn. Christine, dan En. Isyraf.



Perbincangan sesi ini tertumpu kepada penyusunan jadual serta kumpulan sasaran bagi sesi pemetaan isu yang dirancang pada 18-20 Januari 2025.



3 JANUARI 2025 - MESYUARAT AWALAN (DAERAH KINTA)

Dr. Thanaraj Murudi, Nurul Syaza Mazelan, dan Lydia Ann telah menghadiri perjumpaan awalan bersama Pegawai Daerah Kinta, Tuan Zulhisham, di Pejabat Daerah dan Tanah Kinta, Ipoh. Tuan Zulhisham menyatakan sokongan dan mengambil maklum tentang gerak kerja pemetaan isu APPGM-SDG di kawasan Parlimen Gopeng. Perbincangan turut melibatkan cadangan untuk mengadakan dialog interagensi kerajaan, di mana pihak Daerah Kinta akan bekerjasama dengan Daerah Kampar bagi menjayakan sesi dialog yang dirancang pada 4 Februari 2025.



17 JANUARI 2025 - MESYUARAT PRA-LAWATAN

Perjumpaan bersama Pegawai Daerah dan Tanah Kampar, Tuan Nasrul Fazami bin Mohamad, K.M.N., P.K.T., telah diadakan sebagai sebahagian daripada persiapan pra lawatan untuk Parlimen Gopeng. Mesyuarat turut dihadiri oleh Ketua Penolong Pegawai Daerah, Tuan Ahmad Bashir bin Abdul Rahim, dan Penolong Pegawai Daerah, Tuan Muhamad Sharul Nizam bin Shuhaimi. Sekretariat APPGM-SDG diwakili oleh Pengarah Kanan, Anthony Tan, bersama Dr. Thanaraj Murudi, Lydia Ann Bill, dan Nik Athirah Abdul Ghani. Perbincangan tertumpu kepada persediaan interagensi yang akan berlangsung pada 4 Februari 2025, diikuti dengan sesi pembangunan kapasiti pada 5 Februari 2025.







LAWATAN TAPAK 1: GAHARU TEA VALLEY

Kumpulan penyelidik parlimen Gopeng berkesempatan singgah salah satu tempat yang menarik di kawasan tersebut iaitu Gaharu Tea Valley. Ladang Gaharu ini adalah destinasi agropelancongan yang semakin berkembang. Fakta menarik mengenari Ladang Gaharu ini adalah ia tersenarai dalam 'Malaysia Book of Records' sebagai ladang organik pertama di Malaysia selain dijadikan sebagai gaharu Gopeng yang mempunyai GI (geographical indication) oleh MyIPO. Bukti bahawa betapa berharga dan uniknya gaharu ini boleh dilihat apabila sebiji berbentuk minik gaharu boleh mencecah RM400-RM600.





LAWATAN TAPAK 2: 5 HOTSPOT PEMBUANGAN SAMPAH HARAM

Pasukan penyelidik telah menjalankan satu lawatan tapak di 5 hotspot pembuangan sampah haram di parlimen Gopeng. Lawatan ini bertujuan untuk melihat kawasan yang menjadi tumpuan pembuangan sampah secara haram yang berleluasa. Pihak ADUN dan Parlimen Gopeng telah memasang CCTV di 5 kawasan hotspot ini bagi mengurangkan masalah pembuangan secara tidak terkawal. Kunjungan pasukan telah mendapati bahawa pemasangan ini adalah berkesan dalam mengurangkan pembuangan sampah namun tidak sepenuhnya menyelesaikan masalah.




FGD 1: PEKEBUN LIMAU BALI TAMBUN (KOMUNITI CINA)

Sesi FGD telah dijalankan di Gerai Limau Bali Heng Kee Kampung Ampang Baru bersama Pekebun Limau Bali Tambun (pertanian, komuniti Cina). Antara isu yang telah dibahaskan adalah: **(1)** tiada geran dan jaminan pemilikan tanah; **(2)** tiada penerusan/ pelapis petani muda disebabkan tiada jaminan tanah; dan **(3)** pekebun tidak layak untuk mendapat manfaat seperti subsidi baja dan racun.



FGD 2: IBU TUNGGAL & PAWE GOPENG (DUN SIMPANG PULAI)

Sesi FGD bersama komuniti ibu tunggal dan PAWE telah dijalankan di Dewan KRT Taman Lembah Permai. Isu yang telah di bangkitkan oleh ibu tunggal merangkumi: **(1)** terdapat ibu yang tidak layak untuk mendapat bantuan ibu tunggal JKM kerana mempunyai aset; **(2)** komuniti memerlukan bantuan JKM kerana usia telah lanjut untuk bekerja dan tinggal bersendirian; dan **(3)** kesukaran melakukan pembayaran *cashless.*

Isu-isu utama dalam komuniti PAWE merangkumi: **(1)** insfrastruktur padang permainan kanak-kanak yang tidak diselenggara; **(2)** air longkang tersumbat sehingga memasuki halaman rumah; **(3)** masalah hidupan liar seperti babi hutan, anjing liar dan monyet; **(4)** kesukaran ke klinik sekiranya tidak mempunyai kenderaan; dan **(5)** masalah alam sekitar dan kesihatan iaitu letupan kuari hingga menyebabkan gegaran rumah dan masalah asma dan batuk-batuk - sebahagian penduduk diarahkan pindah untuk setahun dan sewa dibayar oleh syarikat kuari sementara rumah dibaiki.




FGD 3: PENIAGA-PENIAGA KECIL (DUN SIMPANG PULAI)

Sesi FGD telah dijalankan di Pejabat JPKK Seri Ampang bersama komuniti peniaga-peniaga kecil. Antara isu yang telah dibahaskan adalah: **(1)** kos operasi bertambah akibat daripada pengurangan subsidi diesal kepada kontraktor G1; **(2)** masalah perparitan yang lama dan tidak diselenggara menyebabkan banjir; **(3)** komuniti susah mencari pelapis dalam kalangan belia untuk aktiviti komuniti; **(4)** masalah pembuangan sampah.



FGD 4: NGO, KRT DAN PERSATUAN PEJUANG PESAKIT KANSER PERAK

Sesi FGD bersama komuniti NGO, KRT dan Persatuan Pejuang Pesakit Kanser Perak telah dijalankan di Persatuan Pejuang Pesakit Kanser Perak. Isu yang telah di bangkitkan oleh NGO merangkumi: **(1)** NGO tidak menerima subsidi diesel menyebabkan kos operasi meningkat; **(2)** tiada kemudahan parking dan tandas awam yang mesra OKU; **(3)** kesukaran ambulans milik NGO untuk mengambil pesakit daripada hospital; **(4)** jalan raya yang beralun, tiada lampu jalan dan ancaman haiwan ternakan dan liar di jalan raya; dan **(5)** ancaman kes pecah rumah.

Isu-isu utama KRT merangkumi: **(1)** peruntukan KRT tidak mencukupi untuk menjalankan aktiviti sepanjang tahun; dan **(2)** kesukaran untuk mencari pelapis dalam kalangan belia untuk sertai persatuan dalam komuniti.

Seterusnya, isu yang dibangkitkan oleh Persatuan Pejuang Pesakit Kanser Perak merangkumi: **(1)** kekurangan kempen kesedaran mengenai kanser; dan **(2)** kos perubatan untuk merawat pesakit kanser adalah tinggi - tiada insurans, tidak tahu ada bantuan kerajaan disediakan



FGD 5: KOMUNITI IBU TUNGGAL

Sesi FGD telah dijalankan di Dewan KRT Lembah Permai bersama Komuniti Ibu Tunggal. Antara isu yang dibangkitkan adalah: **(1)** tiada penempatan ibu-ibu tunggal yang tiada waris; **(2)** tiada maklumat diterima mengenai perkhidmatan kerajaan seperti perubatan Madani & PEKA; **(3)** kos sara hidup yang tinggi & program jualan rahmah yang berkurang; dan **(4)** ancaman binatang ternakan dan liar.



FGD 6: KOMUNITI PENIAGA-PENIAGA KECIL, PENTERNAK & PEKEBUN

Sesi FGD telah dijalankan di Laman Zulfaqar Kampung Changkat Larang bersama komuniti peniaga-peniaga kecil, penternak dan pekebun. Antara isu yang dibangkitkan adalah: **(1)** isu permohonan lesen yang perlu dilakukan di pelbagai tempat untuk menjalankan perniagaan di daerah berlainan dengan harga lesen yang berbeza mengikut daerah; **(2)** tiada penguatkuasaan dalam pembelian minyak kepada warga asing; **(3)** tanah pertanian padi telah diusahakan untuk penanaman kelapa sawit sehingga menyukarkan untuk mendapat bantuan kerajaan; **(4)** sewaan semula pada harga yang tinggi secara tidak sah di petak perniagaan yang disewa daripada MBI; dan **(5)** kos dedak yang semakin mahal.





FGD 7: KOMUNITI BELIA

Sesi FGD telah dijalankan di Laman Zulfaqar Kampung Changkat Larang bersama komuniti belia. Antara isu yang dibangkitkan adalah: **(1)** belia tidak diberi peluang untuk menerajui kepimpinan masyarakat seperti KRT & JPKK; **(2)** belia kurang keinginan dalam kalangan pelajar lepasan SPM untuk melanjutkan pelajaran; **(3)** tiada peluang pekerjaan menyebabkan penghijrahan belia ke bandar; dan **(4)** persepsi sesetengah belia yang mengganggap vape & merokok sebagai budaya yang normal.



FGD 8: KOMUNITI ORANG ASLI SUKU ETNIK TEMIAR-SEMAI

Sesi FGD telah dijalankan di Dewan Tan Sri Bernard Dompok bersama komuniti Orang Asli suku etnik Temiar-Semai. Antara isu yang dibangkitkan adalah: **(1)** jarak SMK yang jauh menyebabkan keciciran pelajar orang asli ke sekolah menengah; **(2)** masalah sosial bagi pelajar orang asli yang tinggal di asrama sehingga mengurangkan keyakinan ibu bapa; **(3)** masalah capaian internet; **(4)** tiada lampu jalan di jalan utama Gopeng menuju ke Cameron Highland; dan **(5)** pencemaran sungai menjejaskan sumber makanan dan budaya hidup orang asli.



FGD 9: KOMUNITI ORANG ASLI SUKU ETNIK SEMAI

Sesi FGD telah dijalankan di Dewan Orang Ramai Kg Ulu Groh bersama komuniti Orang Asli suku etnik Semai. Antara isu yang dibangkitkan adalah: **(1)** jarak kampung ke sekolah yang jauh menyebabkan keciciran dalam pelajaran; **(2)** kurangnya minat golongan muda untuk bekerja dan belajar; **(3)** tiada bantuan untuk anak-anak OA ke sekolah seperti yuran, buku dan pakaian sekolah; **(4)** kemiskinan haid kerana tidak mampu membeli tuala wanita; dan **(5)** bencana tanah runtuh yang menyekat laluan penduduk kampung.







LAWATAN TAPAK 3: *HOMESTAY* DAN KAWASAN EKO-PELANCONGAN

Pasukan penyelidik telah mengadakan lawatan tapak ke salah satu pengusaha operator di Gopeng. Kebanyakkan chalet-chalet yang sedia ada menggunakan kuasa elektrik kipas dan kurangnya menggunakan penghawa angin untuk mengurangkan kegunaan elektrik. Hal ini kerana bekalan elektrik di kawasan tersebut adalah terhad untuk tujuan perumahan sahaja. Selain itu, sungai yang terletak berdekatan dengan homestay menjadi faktor menarik untuk orang awam melawat homestay tersebut. Disebabkan sungai yang sama juga berkongsi dengan pengusaha homestay yang lain, oleh itu, adanya sifat berkesafahaman antara operator-operator sekeliling untuk saling menjaga kebersihan sungai serta sentiasa memberi nasihat kepada pelanggan masing-masing untuk menjaga kebersihan.



FGD 10: KOMUNITI EKO-PELANCONGAN

Sesi FGD telah dijalankan di Dewan Kg Pintu Padang bersama komuniti eko-pelancongan. Antara isu yang dibangkitkan adalah: **(1)** harga lesen eko-pelancongan yang tinggi; **(2)** struktur jalan ke kawasan pelancongan yang daif dan berlubang; **(3)** kekurangan penjanaan elektrik dan air untuk menampung permintaan daripada industri eko pelancongan; **(4)** pencemaran sampah sarap ke dalam sungai oleh orang awam mengganggu perkhidmatan pelancongan.

Perbincangan juga telah merakam bahawa Industri pelancongan di Gopeng telah mendapat sambutan yang begitu menggalakkan bukan sahaja daripada penduduk Malaysia juga daripada pelancong luar negara khususnya Singapura, Korea, Taiwan dan Jepun.

BAHAGIAN B

Laporan Lawatan Pemetaan Isu

P.071 Gopeng

Senarai Jadual

Jadual 1	Tentatif Ringkas Lawatan Tapak Parlimen Gopeng
Jadual 2	Rangkuman Isu Rentas SDG
Jadual 3	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 1
Jadual 4	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 2
Jadual 5	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 3
Jadual 6	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 4
Jadual 7	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 5
Jadual 8	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 6
Jadual 9	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 7
Jadual 10	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 8
Jadual 11	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 9
Jadual 12	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 10
Jadual 13	Ringkasan Isu 1
Jadual 14	Ringkasan Isu 2
Jadual 15	Ringkasan Isu 3
Jadual 16	Pengenalpastian Projek Penyelesaian

Senarai Singkatan

AI	Artificial Intelligence
APPGM-SDG	All Party Parliamentary Group Malaysia on Sustainable Development Goals
CITES	Convention on International Trade in Endangered Species
DUN	Dewan Undangan Negeri
EIA	Environmental Impact Assessment
FGD	Focus Group Discussions (Perbincangan Kumpulan Berfokus)
HOGA	Holistics Gaharu
ICU	Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan
IKS	Industri Kecil dan Sederhana
IPD	Ibu Pejabat Polis Daerah
JAKOA	Jabatan Kemajuan Orang Asli
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
JPKK	Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung
K9	Sekolah Model Khas Komprehensif 9 Tahun
KBS	Kementerian Belia dan Sukan
KK	Klinik Kesihatan
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KRT	Kawasan Rukun Tetangga
MCMC	Malaysian Communications and Multimedia Commission
MOTAC	Ministry of Tourism, Arts and Culture Malaysia (Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya).
NGO	Non-Governmental Organisations
OA	Orang Asli
OKU	Orang Kurang Upaya
PAWE	Pusat Aktiviti Warga Emas
PDRM	Polis Diraja Malaysia
PDT	Pegawai Daerah dan Tanah
PeKA B40	Skim Peduli Kesihatan untuk Kumpulan B40
PERHILITAN	Jabatan Perlindungan Hidupan Liar Dan Taman Negara
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
QR	Quick Response
RELA	Jabatan Sukarelawan Malaysia
SDG	Sustainable Development Goals
TNB	Tenaga Nasional Berhad
YB	Yang Berhormat

1.0 PENGENALAN



YB Tuan Tan Kar Hing

Parlimen Gopeng merangkumi tiga (3) kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN), iaitu DUN Simpang Pulai, DUN Sungai Rapat, dan DUN Teja.[28] Terdapat dua (2) daerah di bawah kawasan parlimen tersebut iaitu Daerak Kampar dan Daerah Kinta. Jumlah penduduk di parlimen Gopeng adalah seramai 216,237 orang di mana kebanyakkan penduduk adalah warganegara,94.5 peratus. Dari segi komposisi mengikut etnik, separuh daripada jumlah penduduk iaitu 52.7peratus adalah bumiputera manakala 38.6peratus adalah etnik Cina, 8.3 peratus adalah etnik India dan 0.4 peratus adalah yang lain-lain.[29]

Berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia, peratusan komposisi jantina menunjukkan bahawa 51.3 peratus adalah golongan lelaki manakala 48.7 peratus adalah golongan wanita. Ini bermakna komposisi jantina antara golongan lelaki dan wanita adalah seimbang meskipun kaum lelaki adalah lebih sedikit.

Pada Pilihan Raya Umum ke-15, kawasan Parlimen Gopeng mencatatkan seramai 143,657 pengundi, merangkumi pemilih dari ketiga-tiga DUN di bawahnya. Statistik menunjukkan bahawa kumpulan berusia 21 hingga 29 tahun merupakan kelompok pengundi terbesar berbanding kumpulan umur lain.[30] Trend ini menggambarkan penglibatan aktif golongan muda dalam proses demokrasi serta tahap kesedaran politik yang tinggi dalam kalangan mereka.

Pada tahun 2022, Yang Berhormat (YB) Tuan Tan Kar Hing dari Parti Keadilan Rakyat, salah satu komponen Pakatan Harapan, berjaya memenangi kerusi Parlimen Gopeng. Selaras dengan itu, program pemetaan isu bagi tahun 2025 di Parlimen Gopeng dilaksanakan melalui kerjasama strategik bersama YB Tuan Tan Kar Hing.

1.1 Geografi/Topografi

Parlimen Gopeng (P.071) terletak di tengah-selatan Perak, Malaysia, bersempadan dengan daerah Kampar dan Batang Padang di selatan serta bandaraya Ipoh di utara. Luas kawasan parlimen Gopeng adalah seluas 577 km persegi. Gopeng merupakan kawasan yang strategik kerana ia terletak berdekatan dengan bandar-bandar seperti

[28] Portal Rasmi Dewan Negeri Perak, Senarai Ahli Dewan Negeri (2024)
[29] Jabatan Perangkaan Malaysia, *KawasanKu*, *Kawasan Parlimen Gopeng* (Putrajaya, Malaysia: Jabatan perangkaan Malaysia, 2023)
[30] Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, Pilihan Raya Umum ke-15, Statistik Umur Mengikut DUN (9 Oktober 2022).

Ipoh, Batu Gajah dan Kampar. Dari segi topografi, Gopeng terletak pada ketinggian purata 120 meter di atas paras laut, dengan ketinggian 21 meter sehingga 646 meter.

Gopeng terletak di bahagian timur Lembah Kinta dan dikelilingi oleh Banjaran Titiwangsa, menjadikannya kawasan yang berbukit dan bergunung-ganang. Lembah Kinta terkenal sebagai kawasan perlombongan bijih timah utama, dan sejak tahun 1870-an, aktiviti perlombongan telah mendorong perkembangan petempatan di Gopeng (Ariffin, 2011). Namun, selepas kemerosotan industri bijih timah global pada tahun 1980-an, ramai penduduk berpindah keluar kawasan tersebut dan berhijrah ke bandar-bandar berdekatan untuk mencari peluang lebih baik.

Salah satu bukti warisan industri bijih timah di Gopeng ialah Paip Besar Gopeng, rangkaian paip gergasi yang membentang merentasi Jalan Gopeng, antara Stesen Minyak Shell dan Masjid Baru Gopeng. Dahulu, paip ini memainkan peranan penting dalam menyalurkan air bersih dari kawasan pergunungan ke lombong bijih timah serta penempatan penduduk di sekitarnya. Walaupun industri perlombongan telah lama berhenti, Paip Besar masih teguh berdiri di atas tiang asalnya, menjadi mercu tanda ikonik yang mengabadikan sebagai salah satu sejarah dan identiti Gopeng.

Selain sejarah perlombongan, Gopeng juga dikenali kerana formasi gua batu kapurnya, termasuk Gua Tempurung, yang merupakan antara gua batu kapur terbesar di Semenanjung Malaysia. Kawasan ini turut menawarkan tarikan ekopelancongan seperti arung jeram di Sungai Kampar, yang terkenal dengan aliran berjeram dan sering menjadi lokasi aktiviti lasak serta rekreasi alam semula jadi.

1.2 Komposisi Penduduk

Berdasarkan statistik subnasional Parlimen Gopeng (P.071), kawasan parlimen tersebut mempunyai jumlah penduduk seramai 216,236 orang. Nisbah jantina pula di kawasan ini adalah 105 lelaki bagi setiap 100 perempuan.[31]

Dari segi komposisi penduduk adalah 52.7 peratus adalah bumiputera, 38.6 peratus etnik Cina, 8.3 peratus etnik India dan 0.4 peratus adalah lain-lain.

Tambahan itu, struktur umur di kawasan parlimen Gopeng boleh dibahagikan kepada empat iaitu penduduk berumur 0-14 tahun, penduduk berumur 15-64 tahun, penduduk berumur 65 tahun, penduduk berumur 65 tahun dan ke atas, serta penduduk berumur 18 tahun dan ke atas.. Berdasarkan graf struktur umur di Gopeng di bawah, majoriti penduduk berada dalam usia produktif (15-64 tahun), yang penting untuk pembangunan

[31] Jabatan Perangkaan Malaysia, KawasanKu, Kawasan Parlimen Gopeng (Putrajaya, Malaysia: Jabatan perangkaan Malaysia, 2023)

ekonomi dan sosial. Selain itu, peratusan warga emas sebanyak 8.6peratus menunjukkan tanda-tanda penuaan populasi yang hampir selari dengan tren di peringkat kebangsaan iaitu 11.6 peratus (Bernama, 2024).[32] Di samping itu, terdapat 70.5 peratus penduduk berumur 18 tahun dan lebih, ini menunjukkan potensi besar populasi tersebut dalam penglibatan politik, pembangunan komuniti dan sosio-ekonomi setempat.

Berdasarkan graf Nisbah Tanggungan (Dependency Ratio) Penduduk Parlimen Gopeng, beberapa trend utama dapat diperhatikan, pertama sekali adalah mengenai nisbah tanggungan secara keseluruhan di mana nisbah ini terus menurun daripada 71.8 peratus (1991) ke 62.6 peratus (2000), 52.3 peratus (2010) dan akhirnya 47.3 peratus (2020). Ini menunjukkan pengurangan beban tangungan kepada penduduk yang bekerja. Namun demikian, ini munkin disebabkan juga oleh perubahan demografi di mana kebanyakkan penduduk terutamanya belia berhijrah bekerja ke bandar.[33]

Selain itu, pada tahun 1991, nisbah tanggungan muda adalah 63.4 peratus dan menunjukkan trend penurunan kepada 53 peratus (2000), 40.5 peratus (2010), 34.2% (2020). Penurunan ini mencerminkan penurunan kadar kelahiran dan perubahan struktur penduduk dengan kurangnya generasi muda.

Di samping itu, nisbah tanggungan warga emas meningkat dari 8.4 peratus (1991) kepada 13.2 peratus (2020). Ini menunjukkan trend penuaan penduduk, di mana populasi warga emas semakin meningkat, sejajar dengan jangka hayat yang lebih panjang dan pengurangan kadar kelahiran. Gopeng mengalami perubahan demografi yang ketara, dengan penurunan generasi muda dan peningkatan populasi warga tua. Ini mencerminkan trend penuaan yang perlu diberi perhatian dalam aspek pembangunan ekonomi, tenaga kerja, dan sistem sokongan sosial.

[32] BERNAMA. (Oktober , 2024). Warga emas di Malaysia dipastikan meniti usia dengan bermaruah. Retrieved from Berita Harian Online: https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/10/1305312/warga-emas-di-malaysia-dipastikan-meniti-usia-dengan-bermaruah

[33] Jeevendran, K. (11 November , 2022). Dr. Wayne rancang jana peluang pekerjaan di Simpang Pulai, elak belia berhijrah. Retrieved from Malaysia Gazette: https://malaysiagazette.com/2022/11/11/dr-wayne-rancang-jana-peluang-pekerjaan-di-simpang-pulai-elak-belia-berhijrah/

1.3 Kegiatan Ekonomi Utama

Gopeng telah mengalami perubahan ekonomi yang ketara, daripada pusat perlombongan bijih timah pada abad ke-19 kepada hab pelancongan, pertanian, dan industri kecil sederhana (IKS) pada masa kini.[34]

- **Eko-pelancongan dan warisan**
  Gopeng terletak di Lembah Kinta, dikelilingi oleh hutan hujan tropika, gua batu kapur, sungai deras, dan biodiversiti yang tinggi. Anugerah geografi ini menjadikannya lokasi yang ideal untuk pelbagai aktiviti eko-pelancongan. Antara produk pelancongan Gopeng adalah Gua Tempurung, iaitu salah satu gua batu kapur terbesar di Malaysia. Tambahan pula, terdapatnya Hutan Lipur Ulu Geroh – Terkenal dengan populasi Rafflesia dan habitat kelip-kelip, menjadikannya daya tarikan bagi pencinta alam. Selain itu, Sungai Kampar pula merupakan destinasi utama di Perak untuk aktiviti white water rafting.[35]

  Pada suatu ketika dahulu, Gopeng merupakan pusat utama perlombongan bijih timah sejak abad ke-19, menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan pembangunan kawasan sekitarnya. Walau bagaimanapun, industri ini mengalami kemerosotan pada tahun 1980-an, menyebabkan banyak tapak perlombongan ditinggalkan dan meninggalkan kesan terhadap landskap serta ekonomi tempatan. Menyedari kepentingan sejarah perlombongan ini, kerajaan negeri Perak mengambil inisiatif untuk mengekalkan legasi tersebut dengan menubuhkan Muzium Gopeng. Muzium ini bukan sahaja berperanan sebagai pusat maklumat mengenai sejarah perlombongan bijih timah di Gopeng, tetapi juga sebagai platform untuk memelihara dan mempamerkan artifak bersejarah yang pernah digunakan oleh masyarakat setempat. Pelawat dapat melihat pelbagai koleksi antik, termasuk peralatan perlombongan lama, dokumen sejarah, dan barang-barang warisan yang memberi gambaran tentang kehidupan masyarakat Gopeng pada masa lalu. Tuntasnya, selain menjadi pusat eko-pelancongan, Gopeng turut dikenali sebagai destinasi warisan sejarah.

- **Pertanian dan agropelancongan**
  Selain daripada itu, ekonomi utama Gopeng juga termasuk agropelancongan dan pertanian, sejajar dengan keindahan alam semula jadi dan sumber

[34] Ariffin, N. (2011). Sejarah Perlombongan Bijih Timah di Gopeng, Perak. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
[35] Samat, H. A., Rasyid, N. M., Khan, T. K., Aziz, M. A., Hashim, M., & Basal, H. (2020). Perceived Risk and Perceived Competence in White Water Rafting Activity at Kampar River, Gopeng, Perak. Enhancing Health and Sports Performance by Design: Proceedings of the 2019 Movement, Health & Exercise (MoHE) and International Sports Science Conference (ISSC) (pp. 519-527). Singapore: Springer.

pertanian yang terdapat di kawasan tersebut. Ladang-ladang dan kebun-kebun tempatan bukan Sahaja menghasilkan tanaman seperti limau bali, durian, kelapa sawit dan getah tetapi juga dibuka kepada pelancong untuk merasai pengalaman pertanian secara langsung. Contohnya, anggur premium Kyoho, yang lazimnya tumbuh di negara beriklim empat musim, telah berjaya ditanam dan dihasilkan oleh Agrotech Profarm Gopeng (Gunawan, 2024). Tambahanya, pihak penyelidik APPGM-SDG juga berkesempatan melawat sendiri tapak agro-farm herba gaharu yang dikenali sebagai HOGA Gaharu Tea Valley Gopeng. Lawatan ini memberikan peluang untuk melihat dengan lebih dekat bagaimana pokok gaharu diproses menjadi teh yang mempunyai pelbagai manfaat kesihatan. Selain menawarkan lawatan ladang, tempat ini turut menyediakan sebuah kafe yang menyajikan minuman berasaskan gaharu serta ruang untuk pengunjung menikmati pengalaman agropelancongan yang unik. Gaharu Tea Valley bukan sahaja menyumbang kepada sektor pertanian, tetapi juga menjadi tarikan pelancongan yang menggabungkan warisan herba tempatan dengan pelancongan berasaskan kesihatan.

- **Penternakan**

  Gopeng juga terkenal dengan aktiviti penternakan, yang memainkan peranan penting dalam sektor pertanian serta agropelancongan di kawasan ini. Penternakan bukan sahaja menyumbang kepada ekonomi tempatan melalui pengeluaran daging segar, tetapi juga menarik minat pelancong yang ingin merasai pengalaman kehidupan desa secara langsung. Salah satu contoh lokasi yang telah dilawati oleh pihak penyelidik APPGM-SDG ialah Laman Zulfaqar. Tempat ini menawarkan konsep homestay dengan suasana kampung, membolehkan pengunjung menikmati pengalaman kehidupan desa yang sebenar. Selain menyediakan penginapan yang selesa, Laman Zulfaqar turut menampilkan sebuah kedai daging yang menjual daging segar hasil ternakan sendiri. Secara keseluruhannya, kombinasi antara penternakan, jualan daging segar, dan hospitaliti desa menjadikan Laman Zulfaqar sebagai contoh terbaik bagaimana sektor penternakan boleh dimanfaatkan dalam industri agropelancongan, sekaligus memberi nilai tambah kepada ekonomi tempatan di Gopeng.

Sebagai kesimpulan, Gopeng merupakan sebuah destinasi yang kaya dengan keunikan sejarah, keindahan alam semula jadi, dan kepelbagaian ekonomi. Dari segi ekonomi, Gopeng tidak lagi bergantung kepada industri perlombongan bijih timah seperti dahulu. Sebaliknya, sektor pelancongan, pertanian, dan industri kecil dan sederhana (IKS) kini menjadi tunjang utama pertumbuhan ekonomi di kawasan ini.

1.4 Hubungan Kerangka Konseptual SDG dan Konteks Tempatan

Sektor eko-pelancongan yang semakin berkembang di Gopeng menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan, terutamanya dalam bidang hospitaliti, pemandu pelancong, dan aktiviti lasak seperti arung jeram dan eksplorasi gua. Selain itu, peningkatan sektor pertanian dan penternakan, seperti di Laman Zulfaqar, memberi impak kepada pertumbuhan ekonomi luar bandar dengan mewujudkan pekerjaan dalam industri agropelancongan dan pembekalan makanan. Tuntasnya, ekonomi yang pelbagai tersebut telah menyumbang terutamanya kepada Matlamat Pembangunan Mampan *SDG 8.0 Promote Beneficial and Sustainable Tourism.*

Selain SDG 8, para pengusaha yang terlibat dalam ekonomi Gopeng turut menyumbang terperincinya kepada pencapaian *SDG 12.2: Sustainable Management and Use of Natural Resources* yang menekankan pengurusan sumber alam secara lestari dalam sektor pelancongan, termasuk kawalan pencemaran dan pemeliharaan kawasan hijau. Sebagai contoh, Gaharu Tea Valley, yang terletak di Parlimen Gopeng, merupakan ladang gaharu mampan dan organik pertama di Malaysia. Hal ini kerana pokok gaharu dikategorikan sebagai spesies terancam di bawah Konvensyen Perdagangan Antarabangsa Spesies Flora dan Fauna Liar Terancam (CITES). Namun, pihak HOGA telah mengambil inisiatif menanam semula pokok gaharu secara organik bagi memastikan kelangsungan spesies ini. Selain itu, usaha pertanian organik juga dapat dilihat melalui projek seperti Agrotech Program Gopeng, yang mengusahakan kebun sayur organik serta tanaman anggur Kyoho (BERNAMA, 2024). Penanaman sayur secara organik bukan sahaja memberi manfaat kepada kesihatan pengguna, tetapi juga membantu mengekalkan kesuburan tanah dengan penggunaan baja kompos dan teknik penanaman semula jadi, memastikan kesuburan tanah dalam jangka panjang.

Dalam pada itu, kedudukan Gopeng di Lembah Kinta serta berhampiran dengan beberapa sungai utama seperti Sungai Kampar dan Sungai Raya meningkatkan lagi risiko banjir, terutamanya semasa musim hujan lebat. Sering kali kawasan tersebut dilaporkan berlaku banjir dan mendapati liputan di media massa. Namun demikian, pelbagai pihak telah memainkan peranan dalam mengurangkan kesan banjir terhadap komuniti setempat. Misalnya, YB Tan Kar Hing dan pasukannya telah turun padang pada penghujung tahun 2024 dan awal tahun 2025 untuk menilai situasi banjir di beberapa kawasan seperti Taman Orkid, Ara Payung, Estate Kellie's Castle, Kampung Pisang, dan Kuil Kellie's Castle. Selain itu, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Perak turut melaksanakan langkah-langkah pencegahan, termasuk membina kolam takungan tambahan di kawasan perumahan Sungai Rapat dan Sungai Pinji, serta menjalankan kerja-kerja pembersihan kawasan semak dan rumput bagi tujuan penyelenggaraan. Oleh demikian, usaha ini sejajar dengan *SDG 11: Sustainable Cities and Communities*, yang menekankan kepentingan membangunkan bandar dan penempatan yang selamat,

berdaya tahan, serta mampan dalam menghadapi cabaran seperti bencana alam. Tambahan pula, ianya juga berkait rapat dengan *SDG 13: Climate Action* di mana pelbagai pihak telah menekankan keperluan untuk mengambil tindakan segera dan Pembangunan infrastruktur yang lebih berdaya tahan bagi menangani perubahan iklim dan kesannya.

Jika lihat dari sudut *SDG 4: Quality Education*, pelbagai program telah dilaksanakan di peringkat nasional untuk menggalak pelajar orang asli untuk menceburi pendidikan terutamanya di kawasan parlimen Gopeng. Tamsilnya, pihak KPM telah mengadakan sesi libat urus dan Program Ziarah Kasih bersama komuniti Orang Asli di mana ianya adalah pendekatan strategik yang melibatkan Kementerian Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, pihak sekolah, ibu bapa, dan murid dalam memastikan kelangsungan pendidikan pelajar-pelajar Orang Asli.[36] Namun demikian, hasil pemetaan isu yang telah dijalankan menunjukkan bahawa masyarakat Orang Asli di DUN Simpang Pulai, Gopeng, khususnya dari suku Temiar dan Semai, masih berdepan dengan pelbagai cabaran dalam memperoleh akses kepada pendidikan yang berkualiti. Keterpencilan lokasi penempatan, kekurangan kemudahan asas, serta faktor sosio-ekonomi menjadi antara penyebab utama yang menyumbang kepada kadar keciciran yang tinggi dalam kalangan pelajar Orang Asli di kawasan ini. Justeru, bagi merealisasikan SDG 4, peningkatan infrastruktur, bantuan pendidikan, dan program sokongan komuniti adalah kunci dalam merealisasikan SDG 4. Langkah ini akan memastikan setiap pelajar Orang Asli mempunyai peluang untuk mencapai potensi mereka serta merapatkan jurang perbezaan dalam akses kepada pendidikan, selari dengan *SDG 10: Reduced Inequalities.*

Tuntasnya, pembangunan di kawasan Parlimen Gopeng berkait rapat dengan pelbagai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), mencerminkan usaha bersepadu dalam menangani isu sosial, ekonomi, dan alam sekitar secara holistik. Dengan pendekatan menyeluruh dan inklusif, Gopeng dapat berkembang secara lestari, selari dengan agenda Matlamat Pembangunan Mampan 2030 (SDG 2030).

[36] BERNAMA. (1 Disember , 2023). Lebih 300 kanak-kanak Orang Asli berjaya dipujuk untuk bersekolah. Retrieved from Astro Awani: https://www.astroawani.com/berita-malaysia/lebih-300-kanakkanak-orang-asli-berjaya-dipujuk-untuk-bersekolah-448208

2.0 METODOLOGI PENYELIDIKAN

2.1 Pendekatan Kajian

Penyelidik telah menjalankan kajian awal bagi memahami konteks makro kawasan parlimen serta mengenal pasti isu-isu utama yang wujud. Kajian ini berpandukan sumber sekunder, termasuk statistik daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, kajian terdahulu, carian dalam talian, dan laporan media. Pendekatan ini bertujuan memberikan gambaran menyeluruh mengenai situasi semasa serta isu-isu yang memerlukan perhatian dalam kawasan tersebut.

Mesyuarat awalan bersama YB Tuan Tan Kar Hing telah diadakan pada 12 Disember 2024 di Parlimen Malaysia untuk membincangkan gerak kerja dan metodologi kajian APPGM-SDG. Dalam mesyuarat tersebut, YB Tuan Tan Kar Hing telah memberi persetujuan untuk bekerjasama dengan APPGM-SDG dalam melaksanakan kajian pemetaan isu di Parlimen Gopeng. Hadirin daripada pihak APPGM-SDG termausklah Cik Lydia Ann dan Dr. Thanaraj.

Pada 23 Disember 2024, ketua penyelidik dan pegawai APPGM-SDG, Cik Lydia Ann telah mengadakan perbincangan bersama pihak Parlimen Gopeng ialah setiausaha dan pegawai khas DUN, termasuk Encik Jamean, Encik William Lee, Puan Choon Wah, Encik Looi Mun, Puan Christine, dan Encik Isyraf. Perbincangan sesi ini tertumpu kepada penyusunan jadual serta kumpulan sasaran bagi sesi pemetaan isu yang dirancang pada 18-20 Januari 2025.

Pada 3 Januari 2025, Cik Lydia Ann selaku Ketua Penyelidik Gopeng, Puan Nurul Syaza Maselan Penolong Pengarah Unit *Constituency Coordination* dan Dr. Thanaraj Murudi, Ketua Zon Utara telah mengadakan kunjungan hormat terhadap Pegawai Daerah Kinta Tuan Zulhisham bin Ahmad Shukori untuk memberi pengenalan APPGM-SDG dan tujuan pemetaan SDG di Parlimen Gopeng di Pejabat Daerah dan Tanah Kinta. Tuan Pegawai Daerah telah memberi sokongan penuh dan bersetuju untuk perbincangan Inter-Agensi Dialog bersama agensi-agensi kerajaan pada 4 Febuari 2025 untuk memberi maklum balas dan kesahihan maklumat. Perjumpaan tersebut juga memaklumkan bahawa Daerah Kinta sedia bekerjasama dengan pihak Daerah Kampar untuk sesi dialog tersebut untuk menyempurnakan pemetaan isu bagi kawasan parlimen Gopeng.

Pada 17 Januari 2025, ketua penyelidik Gopeng, Encik Anthony Tan, Pengarah Kanan, *MySDG Centre for Environment Society* dan Cik Athirah, pegawai penyelidik dan pengurusan projek di bawah Unit Dasar Solusi sekali telah pergi membuat lawatan awalan bersama Pegawai Daerah Kampar pula iaitu YBrs. Tuan Nazrul Fazami Bin Mohamad K.M.N, P.K.T, sebagai sebahagian daripada persiapan pra lawatan untuk Parlimen Gopeng. Mesyuarat

turut dihadiri oleh Ketua Penolong Pegawai Daerah, Tuan Ahmad Bashir bin Abdul Rahim, dan Penolong Pegawai Daerah, Tuan Muhamad Sharul Nizam bin Shuhaimi. Perbincangan tertumpu kepada persediaan inter-agensi yang akan berlangsung pada 4 Februari 2025, diikuti dengan sesi pembangunan kapasiti pada 5 Februari 2025.

Penglibatan awam melalui sesi perbincangan bersama pihak berkepentingan, atau Focus Group Discussion (FGD), merupakan elemen yang amat penting dalam proses pemetaan isu. Tujuan utama penglibatan awam dalam FGD adalah untuk:

1. Mengenal pasti isu dan masalah utama yang dihadapi oleh Parlimen Gopeng.
2. Berkongsi pandangan serta cadangan penyelesaian terhadap masalah yang berlaku di kawasan tersebut.
3. Mengambil kira aspirasi daripada kumpulan sasaran berkaitan hala tuju masa hadapan Parlimen Gopeng.

Sebanyak 10 sesi Focus Group Discussion (FGD) telah dilaksanakan bersama komuniti tempatan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) selama tiga hari di kawasan lokaliti Parlimen Gopeng. Selain itu, sesi dialog inter-agensi turut diadakan bersama agensi kerajaan selama setengah hari di Bilik Gerakan Pejabat Daerah dan Tanah Kampar. Tentatif ringkas bagi lawatan tapak serta sesi dialog bersama komuniti dan agensi kerajaan adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual 2.

Mesyuarat Inter-Agensi Parlimen Gopeng telah berlangsung pada 4 Februari 2025, dari jam 9.30 pagi hingga 12.30 tengah hari, bertempat di Bilik Gerakan Pejabat Daerah dan Tanah Kampar. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh YBrs. Tuan Nazrul Fazami Bin Mohamad K.M.N, P.K.T., pegawai daerah Daerah Kampar. Seramai 45 pegawai daripada pelbagai agensi kerajaan turut hadir untuk menyumbang input dalam pemetaan isu di Parlimen Gopeng. Antara agensi yang terlibat termasuk PDT Kampar, PDT Kinta, Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) Perak, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Semenanjung Malaysia (PERHILITAN), Pejabat Imigresen, Jabatan Kebajikan Orang Asli (JAKAO), Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Batu Gajah, Suruhanjaya Komunikas dan Miltimedia Malaysia, Jabatan Penerangan Kampar, Jabatan Kebajikan Masyarakat Kinta dan Kampar, Pejabat Pendidikan dan Daerah Kinta Selatan, Pejabat Belia dan Sukan, serta Pejabat Pertanian Daerah Kinta.

Pengutamaan isu di Parlimen Gopeng telah dibincangkan secara mendalam bersama Ahli Parlimen, YB Tuan Tan Kar Hing, dalam satu sesi di Bangunan Parlimen pada 27 Februari 2025. Perbincangan ini turut dihadiri oleh wakil APPGM-SDG, Cik Lydia Ann, serta Pengarah Unit Pengurusan Projek, Cik Nur Farah Ezzaty. Dalam sesi tersebut, beberapa isu kritikal yang memerlukan perhatian telah diketengahkan, dengan penekanan khusus

terhadap keperluan pembangunan mampan dan pencapaian matlamat pembangunan lestari di kawasan tersebut. Pasukan kajian yang terlibat dalam menjalankan sesi FGD bersama komuniti dan lawatan tapak di Gopeng adalah seperti berikut:

1. Lydia Ann : Ketua Penyelidik
2. Anthony Tan Kee Huat : Pembantu Penyelidik
3. Dr. Thanaraj Marudi : Pembantu Penyelidik
4. Nik Athirah Abdul Ghani : Pembantu Penyelidik

Jadual 1. Tentatif Ringkas Lawatan Tapak Parlimen Gopeng

TARIKH	PERKARA
18 Januari 2025, Sabtu	• Lawatan Tapak di Hotspot Pembuangan Sampah Haram di Halaman Ampang Mewah • Komuniti Peniaga dan Pekebun Limau Bali Tambun di Gerai Limau Bali Heng Kee Kampung Ampang Baru • Komuniti Ibu Tunggal & PAWE Gopeng di Dewan Komuniti Taman Chandan Desa • Komuniti Peniaga-Peniaga Kecil di Pejabat JPKK Seri Ampang
19 Januari 2025, Ahad	• Komuniti NGO, KRT dan Persatuan Pesakit Kanser Perak di Pejabat Persatuan Sahabat Pejuang Kanser Perak • Komuniti Ibu Tunggal di Dewan KRT Taman Lembah Pantai • Komuniti Peniaga-Peniaga Kecil, Penternak dan Pekebun di Laman Zulfaqar Kampung Changkat Larang • Komuniti Belia di Laman Zulfawar Kampung Changkat Larang
20 Januari 2025, Isnin	• Komuniti Orang Asli, suku etnik Temiar-Semai di Kampung Kerawat • Komuniti Orang Asli, suku etnik Semai di Kampung Ulu Geroh • Lawatan Tapak di homestay dan Kawasan eko-pelancongan • Komuniti Pengusaha Eko-Pelancongan di Kampung Pintu Padang

2.2 Langkah Etika Semasa Kajian Lapangan

Sebelum sesi dialog bersama komuniti sasaran dan agensi kerajaan dimulakan, ketua penyelidik mendapatkan persetujuan daripada peserta terlebih dahulu untuk merekodkan suara termasuk mengambil video dan gambar. Sekiranya, peserta FGD tidak bersetuju dengan apa yang dikatakan untuk direkod dan melarang mengambil gambarnya, maka penyelidikan ini tidak boleh mengambil kira perkara tersebut untuk dilaporkan dan dikongsikan di mana-mana platform. Namun begitu, bagi kajian pemetaan isu di Parlimen Gopeng, tiada apa-apa halangan daripada pihak peserta.

2.3 Kekangan Lawatan Kajian Lapangan

Pada hari ketiga proses pemetaan isu, penyelidik menghadapi cabaran dalam mendapatkan input daripada komuniti Orang Asli. Walaupun mereka memahami Bahasa Melayu, terdapat sebilangan yang kurang fasih dalam memahami soalan yang dikemukakan. Bagi mengatasi cabaran ini, penyelidik mengambil lebih masa untuk menghuraikan dan menyederhanakan soalan bagi memastikan pemahaman yang lebih jelas dalam kalangan responden Orang Asli. Selain itu, seorang pegawai khas yang merupakan anak tempatan daripada komuniti Orang Asli turut membantu dengan menjelaskan soalan-soalan penyelidik kepada responden. Bantuan ini bukan sahaja mempercepatkan pemahaman tetapi juga memudahkan proses perbincangan dalam sesi fokus berkumpulan.

Satu lagi kekangan dalam proses pemetaan isu pada hari ketiga ialah kekurangan tenaga penyelidik. Pada hari tersebut (Ahad), salah seorang pembantu penyelidik bagi Parlimen Gopeng terpaksa pulang ke Kuala Lumpur atas urusan penting yang perlu dihadiri pada keesokan harinya (Isnin). Permintaan kehadiran ini dibuat pada saat akhir, menyebabkan kekurangan tenaga kerja untuk menjalankan pemetaan isu pada hari ketiga. Akibatnya, hanya tiga pegawai penyelidik yang tersedia untuk meneruskan kajian pada hari tersebut. Oleh itu, jumlah kumpulan perbincangan pada hari ketiga terpaksa dihadkan kepada maksimum tiga kumpulan sahaja bagi memastikan kelancaran sesi pemetaan isu.

Selain itu, terdapat permintaan daripada pihak komuniti sendiri agar perbincangan dijalankan dalam bentuk *townhall* atau dalam satu kumpulan besar. Mereka berpendapat bahawa pendekatan ini lebih selesa dan membolehkan mereka berbincang secara terbuka mengenai isu-isu mendesak yang mereka hadapi bersama sebagai sebuah komuniti. Sehubungan itu, pihak penyelidik menghormati permintaan tersebut dan menyesuaikan format perbincangan. Bagi memastikan input yang diperoleh tetap menyeluruh dan berkualiti, ketua penyelidik memutuskan untuk memperuntukkan lebih banyak masa bagi sesi perbincangan ini. Langkah ini bertujuan memberi ruang kepada setiap individu untuk menyuarakan pandangan serta isu yang ingin diketengahkan.

2.4 Keterbatasan Kajian

Salah satu keterbatasan utama dalam kajian ini adalah tempoh masa yang terhad bagi sesi *Focus Group Discussion (FGD),* yang hanya berlangsung selama dua jam. Durasi yang singkat ini tidak mencukupi untuk membincangkan isu-isu secara mendalam atau mendapatkan penjelasan lebih terperinci daripada peserta. Akibatnya, beberapa aspek penting yang memerlukan perbincangan lebih lanjut serta pengumpulan data yang lebih mendalam tidak dapat diberi perhatian sewajarnya.Walaupun terdapat alternatif seperti temubual individu atau kajian lanjutan yang boleh dicadangkan, kekangan masa menghalang pelaksanaannya dalam tempoh kajian yang ditetapkan. Oleh itu, hasil kajian ini tertumpu kepada maklumat yang diperoleh dalam jangka masa yang singkat.

Satu lagi keterbatasan dalam kajian ini adalah cabaran dalam menemui dan melibatkan semua kumpulan sasaran yang relevan. Meskipun pelbagai usaha telah dilakukan untuk mengenal pasti serta menjemput wakil dari pelbagai latar belakang, terdapat beberapa kelompok yang sukar dihubungi atau tidak dapat ditemui. Selain itu, pasukan penyelidik juga tidak berpeluang untuk menjalankan lawatan tapak ke lokasi-lokasi menarik atau yang menghadapi masalah, yang boleh memberikan gambaran lebih mendalam bagi pengisian laporan ini. Ketiadaan lawatan ini menghadkan pemahaman langsung terhadap isu-isu yang dihadapi oleh komuniti setempat.

3.0 RANGKUMAN ISU RENTAS SDG

Berikut adalah tiga isu utama yang dikenal pasti sebagai keutamaan dan memerlukan perhatian segera. Isu-isu ini dipilih kerana impaknya yang besar terhadap kesejahteraan penduduk dan kaitannya dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG):

Jadual 2. Rangkuman Isu Rentas SDG

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
1	Bencana Banjir	Gopeng merupakan salah satu kawasan yang sering mengalami banjir akibat faktor geografi dan cuaca. Terletak di Lembah Kinta dan dikelilingi oleh beberapa sungai utama seperti Sungai Kampar dan Sungai Raya, kawasan ini berisiko tinggi mengalami banjir terutama semasa musim hujan lebat. Selain itu, kehadiran banyak anak sungai di sekitar Gopeng turut meningkatkan potensi berlakunya limpahan air.Banjir di	Sosial, Ekonomi & Alam Sekitar	Pengusaha Eko-pelancongan kawasan perumahan terutamanya Kumpulan B40 Perkampung Orang Asli	Kampung Baru Seri Ampang, kawasan Kampung Tersusun, Kampung Geroh, DUN Sungai Rapat, DUN Teja	**SDG 1: Tiada Kemiskinan** ***Sasaran 1.5*** - Membina daya tahan terhadap bencana alam, termasuk banjir, untuk melindungi komuniti miskin dan terdedah daripada kesan ekonomi, sosial, dan alam sekitar yang buruk. **SDG 6: Air Bersih dan Sanitasi** ***Sasaran 6.6*** - Melindungi dan memulihkan ekosistem berkaitan air seperti sungai dan tadahan air bagi mengurangkan risiko banjir. **SDG 11:Bandar dan Komuniti Lestari**

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		Gopeng bukan sahaja memberi kesan kepada penduduk setempat tetapi juga menjejaskan infrastruktur, sektor pertanian, dan aktiviti ekonomi.				***Sasaran 11.5*** - Mengurangkan jumlah kematian dan kerugian ekonomi akibat bencana, termasuk banjir, dengan fokus kepada perlindungan infrastruktur dan perkhidmatan asas. ***Sasaran 11.6*** - Meningkatkan perancangan dan pengurusan bandar untuk daya tahan terhadap bencana alam. ***SDG 13*** - *Tindakan Terhadap Perubahan Iklim* Sasaran 13.1: Mengukuhkan daya tahan dan kapasiti penyesuaian terhadap risiko berkaitan perubahan iklim, termasuk kejadian banjir.
2	Cabaran Pemerkasaan Masyarakat Orang Asli	Di Gopeng, cabaran utama dalam memperkasa komuniti, termasuk Orang Asli, berpunca daripada	Sosial dan Ekonomi	-Masyarakat Orang Asli	-Kampung Geroh -Kampung Kerawat	**SDG 1: Tiada Kemiskinan** ***Sasaran 1.4*** - Menjelang 2030, memastikan semua lelaki dan wanita, terutamanya golongan

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		beberapa faktor yang saling berkait. Keciciran pendidikan menjadi isu kritikal kerana banyak sekolah terletak jauh dari penempatan mereka, ditambah dengan kekurangan kemudahan asas seperti asrama dan pengangkutan yang memadai. Hal ini menyebabkan ramai anak muda tidak dapat meneruskan pendidikan ke peringkat lebih tinggi, sekali gus menyukarkan mereka untuk mendapatkan pekerjaan yang lebih stabil. Dari segi peluang ekonomi, ramai dalam komuniti ini bergantung kepada				miskin dan berisiko, mempunyai hak yang sama rata terhadap sumber ekonomi, dan juga akses kepada perkhidmatan asas, pemilikan dan kawalan terhadap tanah dan bentuk harta lain, pewarisan, sumber asli, teknologi baharu yang sesuai dan perkhidmatan kewangan, termasuk mikrokewangan. **SDG 4: Pendidikan Berkualiti** ***Sasaran 4.3*** - Menjelang 2030, pastikan akses sama rata untuk semua wanita dan lelaki kepada pendidikan teknikal, vokasional dan pengajian tinggi yang berpatutan dan berkualiti, termasuk university. ***Sasaran 4.5*** - Menjelang 2030, hapuskan jurang perbezaan jantina dalam pendidikan dan pastikan akses sama rata kepada semua

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		pertanian dan sumber alam sekitar sebagai punca pendapatan. Namun, pasaran bagi produk tempatan masih terhad, dengan kebanyakan hasil pertanian atau kraftangan hanya dijual dalam komuniti sendiri atau pelancong yang datang secara bermusim. Akhir sekali adalah infrastruktur asas yang masih lemah turut memberi kesan besar kepada kesejahteraan komuniti. Banyak jalan yang masih tidak berturap, menyukarkan akses ke sekolah, pasar, dan pusat kesihatan.				peringkat pendidikan dan latihan vokasional untuk golongan yang terdedah, termasuk orang kelainan upaya, orang asli dan kanak-kanak dalam situasi terdedah. **SDG 11: Bandar dan Masyarakat Mampan** ***Sasaran 11.2*** - Menjelang 2030, sediakan akses kepada sisten pengakutan yang selamat, mampu milik, mudah akses dan mampan untuk semua, meningkatkan keselamatan jalan raya, terutamanya dengan meluaskan pengakutan awam dengan perhatian khusus kepada keperluan mereka yang berada dalam situasi terdedah, wanita, kanak-kanak dan orang kelaianan upaya dan orang tua.

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
3	Potensi dan Cabaran Pengukuhan Ekonomi Komuniti	Di Gopeng, terdapat pelbagai komuniti yang berpotensi menjana pendapatan berdasarkan keunikan setempat. Sebagai contoh, di kawasan DUN Teja, ramai pengusaha terlibat dalam sektor eko-pelancongan, namun mereka memerlukan sokongan kerajaan dalam aspek pemutihan, bantuan pembangunan homestay dan aktiviti pelancongan, serta latihan kemahiran teknikal bagi memperkasa operasi mereka. Selain itu, komuniti ibu tunggal, peniaga-peniaga kecil, dan belia juga menghadapi cabaran	Ekonomi	Pengusaha-pengusaha eko-pelancongan -Ibu Tunggal -Belia -Peniaga-peniaga Kecil -Peniaga dalam golongan B40 -Pekebun/Pertanian	-DUN Teja -Jalan Tambun Baru -Taman Chandan Desa -Kampung Seri Ampang -Taman Lembah Pantai -Kampung Changkat Larang	**SDG 1: Tiada Kemiskinan** ***Sasaran 1.4 -*** Menjelang 2030, pastikan semua lelaki dan wanita, khususnya golongan miskin dan rentan, mempunyai hak yang sama kepada sumber ekonomi, serta akses kepada perkhidmatan asas, pemilikan dan kawalan ke atas tanah dan bentuk hartanah lain, pusaka, sumber asli, teknologi baharu dan perkhidmatan kewangan yang sesuai, termasuk kewangan mikro. **SDG 8: Pekerjaan Sesuai dan Pembangunan Ekonomi** ***Sasaran 8.3*** - Menggalakkan dasar berorientasikan pembangunan yang menyokong aktiviti produktif, penciptaan pekerjaan yang baik, keusahawanan, kreativiti dan inovasi.

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		dalam memperoleh modal serta akses kepada pasaran, yang penting bagi mengembangkan perniagaan mereka dan meningkatkan kestabilan ekonomi. Sokongan berterusan dalam bentuk bantuan kewangan, polisi geran hak milik tanah latihan, dan jaringan pemasaran amat diperlukan bagi memastikan kelangsungan dan pertumbuhan ekonomi komuniti di Gopeng.				***Sasaran 8.6*** - Menjelang 2020, mengurangkan dengan ketara bahagian belia yang tidak dalam pekerjaan, pendidikan atau Latihan. ***Sasaran 8.9*** - Menjelang 2030, susun dan laksanakan dasar untuk mempromosikan pelancongan mampan yang mencipta pekerjaan dan mempromosikan budaya dan produk tempatan. **SDG9: Industri, Inovasi dan Prasarana** ***Sasaran 9.3*** - Meningkatkan akses perindustrian berskala kecil dan perusahaan lain, khususnya di negara membangun, kepada perkhidmatan kewangan termasuk kredit mampu milik dan penyepaduan mereka ke dalam rantaian nilai dan pasaran.

4.0 GAMBARAN KESELURUHAN PEMETAAN ISU

4.1 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu

Jadual 3. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 1

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 1: Dialog Bersama Pekebun Limau Bali Tambun **Tarikh:** 18 Januari 2025 **Bilangan peserta**: 4 Orang **Kaedah FGD**: Perbincangan dalam 1 kumpulan			**Agensi yang memberikan maklum balas:** 1. Pegawai Daerah Kampar 2. Pegawai Daerah Kinta 3. Jabatan Pertanian 4. Pejabat Penghulu Mukim Sungai Raya
1.	Kesukaran untuk mendapat geran kebun atau '*temporary occupation licence*' (TOL) dan menyebabkan tiada jaminan pemilikan tanah	Golongan terjejas adalah peniaga dan pekebun limau bali Tanah yang diusahakan oleh pekebun adalah di bawah rizab kerajaan negeri, kemudian dipindah hak milik kepada GLC negeri dan seterusnya dijual kepada pengusaha projek perumahan. Permohonan dibuat ke Pejabat Daerah tetapi terpaksa bersaing dengan permohonan pengusaha perumahan. Pekebun juga memaklumkan bahawa terdapat permohonan projek pembangunan perumahan	**Pegawai Daerah Kinta:** Sebanyak 197 hektar tanah di Perak telah diwartakan sebagai Rezab Pembangunan untuk Masa Depan. Disebabkan kekurangan tanah dengan permintaan pembangunan di Perak, tanah tersebut telah direzabkan untuk kepentingan Perak di masa hadapan.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		dan perniagaan yang mudah diluluskan oleh pihak kerajaan negeri. Perkara ini menimbulkan kerisauan pekebun yang telah bekerja keras untuk menanam dan membesarkan pokok buah limau bali. Namun, hak milik ladang tersebut boleh dihilangkan pada bila-bila masa sahaja.	
2.	Tidak layak untuk mendapatkan subsidi Jabatan Pertanian kerana tiada geran penanaman	Hanya pemilik tanah secara pajakan atau pegangan bebas (*leasehold*) boleh menerima manfaat dan bantuan subsidi daripada Jabatan Pertanian. Namun, ketiadaan subsidi menyebabkan kos penanaman menjadi mahal terutamanya kepada racun serangga dan baja.	**Pegawai Jabatan Pertanian:** Subsidi daripada jabatan tersebut hanya boleh diberikan kepada individu yang memiliki geran hak milik tanah. Permohonan subsidi bagi mereka yang tidak mempunyai geran hak milik tanah adalah di luar bidang kuasa Jabatan Pertanian.
3.	Pengeluaran hasil buah yang berkurangan kerana masalah cuaca yang tidak menentu	Pekebun memaklumkan bahawa hasil buah telah berkurangakibat cuaca ekstrem, iaitu hujan lebat yang berlebihan atau hujan tidak dijangka. Mereka juga merasai peningkatan suhu panas semenjak 15 tahun lalu. Hal ini menjejaskan kualiti buah seperti kerosakan kulit.	**Pegawai Jabatan Pertanian:** Diakui bahawa perubahan iklim sememangnya berlaku, namun isu tersebut berada di luar bidang kuasa agensi pertanian.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Dimaklumkan bahawa buah limau bali secara semula jadi boleh mengeluarkan hasil yang banyak pada setiap bulan, namun kini pengeluaran buah tersebut tidak menentu.	
4.	Generasi muda atau anak-anak pengusaha kebun/pertanian tidak berminat untuk menyambung legasi	Generasi muda memilih untuk tidak menjadi pekebun dan kerana risiko seperti isu tiada jaminan tanah.	*Tiada ulasan daripada Jabatan Pertanian*
5.	Tiada bantuan untk penurapan jalan dan pembinaan jambatan yang roboh akibat aliran sungai yang deras	Jalan menuju ke kebun merupakan jalan berbatu dan berlubang, manakala jambatan dibina daripada konkrit serta hanya mampu menampung satu kenderaan pada satu masa. Pada musim hujan, aliran sungai yang deras telah merobohkan jambatan tersebut. (Jalan Ulu Piah (bermula daripada Iskandar Polo Club dan Sungai Raya)	**Penghulu Sungai Raya :** Jalan yang telah dibaiki terletak di atas tanah milik Kelab Polo Iskandar. Sebaliknya, jalan yang masih belum dibaiki adalah kerana ia berada di atas tanah milik pihak lain.

Jadual 4. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 2

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 2: Dialog Bersama Komuniti Ibu Tunggal & PAWE Gopeng di Dewan Komuniti Taman Chandan Desa **Tarikh**: 18 Januari 2025 **Bilangan peserta**: 20 orang **Kaedah FGD**: Perbincangan dalam 3 kumpulan			**Agensi yang memberikan maklum balas:** 1. Jabatan Kebajikan Masyarakat Kampar 2. Jabatan Kebajikan Masyarakat Kinta 3. Pegawai Daerah Kampar 4. Pegawai Daerah Kinta
1.	Cabaran Kelayakan Penerimaan bantuan JKM	Ibu tunggal memaklumkan permohonan bantuan telah ditolak JKM berikutan mempunyai barangan seperti kereta, telefon dan rumah. Terdapat juga ibu tunggal yang ditolak permohonan kerana kuota pendapatan isi rumah adalah RM1,190 dan pendapatan isi rumah tersebut adalah RM1,500 yang mana jumlah tersebut adalah gaji minima. Walaupun begitu, pendapatan RM1500 adalah tidak mencukupi untuk menampung keperluan di rumah yang ramai terutamanya bagi yang tinggal bersama anak dan cucu. Maka, ibu tunggal ini berputus asa untuk mengisi borang JKM atau mana-mana bantuan kerajaan kerana birokrasi dan tidak tahu cara mengisi borang	**Pegawai JKM Kampar:** Pihak JKM Kampar tidak pernah menolak sebarang pemohonan JKM. Juga dimaklumkan bahawa JKM Kampar tak pernah menyiasat dan melawat mana-mana isi rumah yang telah membuat pemohonan. Pihak JKM Kinta akan menyemak pendapatan isi rumah dan memberi RM310 per kapita sebagai bantuan jika ada tangunggan. Kadang-kadang bantuan ibu tunggal diberi dalam bantuan persekolahan anak-anak (18 tahun ke bawah), bukan secara nyata seperti bantuan untuk ibu tunggal.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
2.	Kesukaran melakukan pembayaran digital seperti *cashless*/QR	Terdapat klinik seperti Klinik Gunung Rapat dan pusat pembelian tiket pengangkutan awam yang hanya menawarkan pembayaran secara digital dan tanpa duit yang menyukarkan golongan warga emas untuk melakukan transaksi pembayaran. (Klinik Gunung Rapat)	*Tiada penjelasan daripada agensi kerajaan*
3.	Kos perbelanjaan yang meningkat	Kos barangan mentah yang tinggi seperti harga beras lima kilogram mencecah RM20. Kos yang tinggi ini menjejaskan pembelian para ibu tunggal yang tidak bekerja dan hanya mengharapkan sumber kewangan daripada kaum keluarga.	**Pegawai Daerah Kampar:** Semua lapisan masyarakat turut terkesan dengan keadaan ekonomi semasa, yang memberikan tekanan kepada kehidupan harian sekarang.
4.	Kos perkhidmatan Indah Water Konsertium (IWK) yang naik berganda dan servis yang tidak selaras dengan harga	Kos bagi perkhidmatan IWK telah meningkat daripada RM24 pada tahun 2023 kepada RM48 pada tahun 2024. Walaupun peningkatan harga telah berlaku namun tiada penyelenggaraan dilakukan daripada pihak IWK.	*Tiada penjelasan daripada agensi kerajaan*
5.	Tiada penyelenggaran di kawasan longkang menjadi punca kejadian banjir	Longkang di kawasan perumahan Hala Pulai Timur 5 & 7, Taman Chandan Desa tidak diselenggara dan terdapat sampah berkumpul. Ini menyebabkan longkang menjadi tersumbat dan menyebabkan banjir.	*Tiada penjelasan daripada agensi kerajaan -dimaklumkan bahawa kawasan tersebut di bawah Majlis Bandaraya Ipoh namun, pegawai tidak hadir*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
6.	Banjir disebabkan struktur Sungai	struktur Sungai Raya yang bertembung dengan sistem perparitan kecil telah menyebabkan limpahan air ke kawasan perumahan terutamanya di Kampung Tanjung	*Tiada penjelasan daripada agensi kerajaan*
7.	Keluasan premis PAWE di Gopeng yang terhad untuk menjalankan aktiviti pelbagai	Keluasan premis PAWE yang padat dan tempat yang terhad untuk melakukan pelbagai aktiviti pada masa yang sama. Oleh hal yang demikian, kebanyakan aktiviti terpaksa ditundakan dan hanya memfokuskan satu aktiviti pada satu masa yang sama.	**Pegawai Daerah Kinta:** Memang diakui bahawa premis PAWE kekurangan kemudahan and amat sukar untuk mereka membuat aktiviti. Akan pihak berkuasa melihat kawasan lain yang lebih sesuai untuk masa depan.
8	Aktiviti Kuari yang mengganggu kesejahteraan penduduk sekitar	Letupan menggegarkan pintu, jendela, berhabuk menyebabkan orang tua dan kanak-kanak batuk, sakit asma.	**Pegawai Tanah & Galian Daerah Kinta:** Pegawai Daerah Kampar: Memang sudah wujudnya jawatankuasa yang bertanggungjawab untuk memantau gerak kerja pihak kilang yang akan melakukan letupan kuari. Mereka akan memastikan jika penduduk atau kawasan tersebut sesuai untuk membuat letupan atau mengesyorkan tempat yang lebih selamat untuk melakukan aktiviti berikut.

Jadual 5. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 3

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 3: Dialog Bersama Komuniti Seri Ampang di Pejabat JPKK Seri Ampang **Tarikh**: 18 Januari 2025 **Bilangan peserta**: 3 Orang **Kaedah FGD**: Perbincangan dalam 1 kumpulan			**Agensi yang memberikan maklum balas:** 1. Pegawai Daerah 2. Majlis Daerah Kampar 3. Pejabat Daerah Batu Gajah 4. Pejabat Belia dan Sukan 5. Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kampar 6. Pegawai TELEKOM 7. Jabatan Kerja Raya
1	Kos operasi bertambah akibat daripada pengurangan subsidi diesel kepada kontraktor G1	Pengurangan subsidi diesel menyebabkan kenaikan kos operasi seperti penggunaan jentera. Harga diesel ini menyebabkan quotation harga baru perlu dikeluarkan kontraktor dan anggaran sebanyak 10% kenaikan daripada jumlah asal.	**Jabatan Kerja Raya:** Harga diesel akan disemak setiap lima tahun sekali, di mana satu kaedah penetapan harga akan ditetapkan untuk tujuan pembangunan. Selain itu, pihak JKR juga sentiasa merujuk kepada harga semasa dalam perancangan dan pelaksanaan projek mereka.
2	Pertikaian kepada kredibiliti pegawai kerajaan dalam kelulusan pembangunan	Terdapat pemantau yang tidak mempunyai ilmu yang cukup untuk meluluskan bangunan dan bertindak hanya meluluskan projek tersebut tanpa penilaian sebenar	**Majlis Daerah Kampar:** Setiap pegawai yang membuat pemantauan sudah ada kelayakan professional. Isu yang dinyatakan kemunkinan adalah isu dari segi pelaksanaan di mana kontraktor tidak mengikut pelan yang sedia ada. Namun, tidak ada isu dari segi pegawai yang membuat pemantauan. Semuanya ada kelayakan professional.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			Pejabat Daerah Batu Gajah: Pegawai Daerah Batu Gajah menekankan bahawa tidak ada isu kelayakan kontraktor. Isu yang dinyatakan munkin adalah dari segi pengurusan pembangunan.
3	Kesukaran mencari pelapis dalam kalangan belia untuk aktiviti komuniti	Belia tidak menunjukkan minat untuk menyertai aktiviti komuniti yang tidak memberi keuntungan seperti duit. Selain itu, kekurangan infrastruktur juga menyebabkan sukar untuk pihak KBS membuat program di kawasan Seri Ampang. Kesukaran ini menyebabkan tiada calon muda untuk menjadi wakil KRT dan hanya mempunyai calon berusia.	**Pegawai Pejabat Belia dan Sukan:** Penyertaan belia bergantung kepada minat-minat belia sendiri. Banyak program telah dilaksanakan untuk penyertaan belia dalam komuniti.
4	Kecurian kabel TELEKOM	Terdapat insiden kehilangan kabel telekomunikasi yang disyaki dicuri di kawasan perumahan. Difahamkan, kegiatan ini dipercayai dilakukan oleh individu yang arif dan berpengalaman dalam mencuri kabel TELEKOM. Penduduk sering membuat aduan kepada pihak TM, namun maklum balas yang diterima menyatakan bahawa kabel tersebut tidak lagi digunakan, dan aduan tidak diberi perhatian sewajarnya.	**Pejabat Polis Daerah (IPD Batu Gajah dan wakil rakan IPD Kampar) :** Pihak IPD ada membuat operasi dan kerjasama bersama pihak Telekom dan PDRM. Salah satu langkah yang telah dibuat adalah pihak TM akan menaiktarafkan kabel lama telekom kepada fibre optic. Kabel lama telekom terdapat di bawah tanah dan memerlukan kos dan masa yang lama untuk keluarkan dan digantikan dengan fibre optik. Pegawai TELEKOM: Pihak TM perlu meneliti bahawa kes kecurian kabel Telekom adalah dilakukan oleh

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			pihak individu atau gangster. Jika dilakukan oleh pihak gangster, mereka tidak berani untuk masuk campur malah akan serahkan kes tersebut kepada pihak PDRM. Mereka hanya boleh sediakan gambar dan video kepada pihak polis atau maklumkan kepada ketua penduduk komuniti/ kampung.
5	Tempat rekreasi tidak selamat dan tidak sesuai untuk kenak-kanak beriadah	Keadaan padang bola yang tidak selamat untuk digunakan, terutamanya oleh kanak-kanak, walaupun pada zahirnya kelihatan terjaga. Selain itu, peserta turut menyatakan bahawa selepas generasi muda terdahulu tamat sekolah dan berhijrah untuk melanjutkan pelajaran atau bekerja, padang tersebut menjadi terbiar tanpa penyelenggaraan yang berterusan.	*Tiada ulasan daripada agensi kerajaan*

Jadual 6. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 4

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 4: Dialog Bersama Komuniti NGO, KRT dan Persatuan Pesakit Kanser Perak di Pejabat Persatuan Sahabat Pejuang Kanser Perak **Tarikh**: 19 Januari 2025 **Bilangan peserta**: 17 orang **Kaedah FGD**: Perbincangan dalam 3 kumpulan			**Agensi yang memberikan maklum balas:** 1. Pejabat Kesihatan Daerah Kinta 2. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Kinta/ Kampar 3. Ibu Pejabat Polis (IPD) Kinta 4. Pegawai wakil Hospital Raja Permaisuri Bainun
1	Golongan tercicir dalam program dan subsidi perubatan	Antara program dan subsidi perubatan adalah termasuk Skim Perubatan Madani, PeKA B40, MySalam Hanya segelintir telah menerima maklumat mengenai program perubatan Madani daripada pihak KK Gopeng yang membuat program pameran dan pemeriksaan kesihatan. Namun program ini tidak sampai kepada penduduk Taman Lembah Permai	**PKD Kinta:** Pihak PKD Kinta memang ada program kesedaran dan turun padang untuk program-program perubatan MADANI. Hanya boleh menjawab untuk bahagian Daerah Kinta dan tidak tahu sangat mengenai gerak kerja tentang program kesedaran atau perubatan untuk Daerah Kampar.
2	Kesukaran untuk mengambil pesakit di hospital (Masalah parking/ letak kenderaan di hospital)	Pihak ambulans swasta menghadapi kesukaran untuk mengambil pesakit dan berharap agar pintu utama dapat digunakan untuk kegunaan pesakit. Hal ini berlaku di Raja Permaisuri Bainun Hospital, Ipoh	**PKD Kinta:** Mungkin penduduk merujuk kepada pintu lama di hospital kerajaan sebab pintu tersebut khas untuk kakitangan dan VVIP sahaja. Pihak hospital kerajaan juga terpaksa mengawal kemasukkan untuk pintu lama untuk mengelak daripada pesakit lari dari

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	Cabaran Akses ke Pintu Utama untuk Pengangkutan Pesakit		hospital. Pintu utama hospital kerajaan ada fasiliti khas untuk ambulans. Jika merujuk kepada hospital, memang ada masalah untuk mencari tempat letak kederaan mahupun ambulans disebabkan kekurangan tapak. (Hanya ada 278 tapak meletak kenderaan di hospital swasta- Hospital Raja Permaisuri Bainun Ipoh).
3	Permohonan untuk meluluskan pencen Ilat menjadi cabaran kepada pesakit kanser	PERKESO sukar untuk meluluskan "pencen Ilat". Proses untuk permohonan pencen Ilat sangat mencabar kerana pihak PERKESO dan pegawai Kesihatan tidak dapat memberi kelulusan kepada pesakit-pesakit kanser.	*Tiada ulasan daripada agensi kerajaan*
4	Elaun Pekerja Orang Kurang Upaya (EPOKU) yang rendah dianggap tidak bersesuaian	Majikan rasa terbeban untuk mengambil pekerja daripada golongan OKU disebabkan oleh perbezaan output kerja berbanding pekerja biasa. Dicadangkan bahawa penambahan elaun (insentif) kepada pekerja OKU/ majikan OKU dapat membantu meringankan beban majikan dalam menawarkan gaji yang setara seperti individu normal.	**JKM Kinta/ Kampar:** Elaun perkerja (RM450/bulan) dan tidak bekerja (RM300/bulan). Majikan juga diberikan insentif pengelakkan cukai dan beberapa kemudahan akan disediakan kepada majikan jika majikan mengambil komuniti OKU peluang pekerjaan. Namun, jika adanya tiada keseimbangan input dan output pekerja OKU, ini adalah luar kawalan pihak JKM tetapi insentif kerajaan suda ada untuk mengalakkan peluang pekerjaan kepada komuniti OKU.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
5	Kekangan mendapatkan bantuan tambahan untuk isi rumah yang mempunyai lebih daripada seorang pesakit	Setiap satu alamat yang berdaftar hanya layak untuk mendapat satu bantuan sahaja. Perkara ini menyukarkan isi rumah yang mempunyai lebih daripada seorang pesakit yang warga emas.	**JKM Kinta/Kampar:** Ini adalah garis panduan yang dulu. Sekarang pihak Kementerian Wanita telah mengeluarkan garis panduan yang baru (telah diwujudkan semenjak 18 Disember 2024). Oleh itu, isu yang telah disuarakan tidak terikat lagi dengan garis panduan yang lama.
6	Kekurangan dan keperluan penambahbaikkan fasiliti dan kemudahan infrastruktur awam	Infrastruktur dewan yang tidak memuaskan untuk menjalankan aktiviti setempat yang dirancang oleh pihak KRT. (spt dewan orang ramai) untuk dijadikan alat mengeratkan perpaduan kaum. Tiada kemudahan sukan di kawasan Bandar Sri Botani dan terdapat peralatan yang tidak diselenggara dengan baik. Selain itu, informan juga memohon agar disediakan gelanggang futsal untuk komuniti.	*Tiada ulasan daripada agensi kerajaan*
7	Kekurangan sokongan peruntukan kerajaan dalam pergerakan persatuan ibu tunggal	Ketidakcukupan bantuan kewangan daripada pihak kerajaan kepada Pertubuhan Kebangsaan Ibu Tunggal di Gopeng yang mewakili dan memperjuangkan kebajikan ibu tunggal. Dahulu, pertubuhan tersebut menerima peruntukkan setiap tahun namun kebelakangan ini, kurang mendapat peruntukkan. Kekangan peruntukkan	*Tiada ulasan daripada agensi kerajaan*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		ini menyebabkan persatuan tersebut kurang bergiat aktif untuk mengadakan aktiviti.	
9	Kesukaran melakukan pembayaran digital seperti cashless/QR	Walaupun Malaysia sedang menuju ke arah digitalisasi dalam sistem pembayaran melalui penggunaan e-dompet, QR code dan kad debit/kredit, realitinya masih berdepan kesukaran untuk menyesuaikan diri dengan kaedah ini khususnya warga emas yang	*Tiada ulasan daripada agensi kerajaan*
10	Program KRT (Kawasan Rukun Tetangga) yang memerlukan perhatian peruntukkan dan penglibatan belia.	Program Kawasan Rukun Tetangga (KRT) merupakan salah satu inisiatif penting kerajaan dalam memperkukuhkan perpaduan komuniti, keselamatan kejiranan, serta kesejahteraan sosial di peringkat akar umbi. Namun begitu, program ini kini memerlukan perhatian yang lebih serius daripada segi peruntukan kewangan dan penglibatan golongan belia.	*Tiada ulasan daripada agensi kerajaan*

Jadual 7. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 5

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 5: Dialog Bersama Komuniti Ibu Tunggal di Dewan KRT Taman Lembah Pantai **Tarikh**: 19 Januari 2025 **Bilangan peserta**: 16 **Kaedah FGD**: Perbincangan dalam 2 kumpulan			**Agensi yang memberikan maklum balas:** 1. PERHILITAN 2. Pejabat Kesihatan Daerah Kinta 3. Pejabat Daerah Kampar 4. Pejabat Daerah Kinta
1	Ancaman haiwan liar di persekitaran kampung	Tanaman rosak akibat babi liar. Terdapat juga banyak anjing liar yang menganggu ketenteraman penduduk.	**Pegawai PERHILITAN:** Pihak PERHILITAN ada membuat rondaan dan pemantauan di kawasan tersebut (Taman Chandan Desa).
2	Kesukaran membuat pembayaran parking menggunakan perkhidmatan '*cashless*' dan aplikasi	Warga emas merasakan sistem '*cashless*' ini menyukarkan mereka untuk urusan pembelian barang-barangan.	*Ulasan seperti yang telah diberikan atas (FGD 2).*
3	Tidak menerima maklumat mengenai program perubatan Madani	Segelintir komuniti menerima maklumat mengenai program perubatan Madani daripada pihak Klinik Kesihatan Gopeng yang membuat program pameran dan pemeriksaan kesihatan. Namun program ini tidak sampai kepada penduduk Taman Lembah Permai sehingga mereka tidak diberi pendedahan mengenai inisiatif kerajaan ini.	**PKD Kinta:** Pegawai hanya mampu memberikan maklumat mengenai Daerah Kinta kerana program-program kesedaran perubatan di peringkat komuniti dijalankan meluas di daerah tersebut.

Jadual 8. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 6

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 6: Dialog Bersama Komuniti Peniaga-Peniaga Kecil, Penternak dan Pekebun di Laman Zulfaqar Kampung Changkat Larang **Tarikh:** 19 Januari 2025 **Bilangan peserta**: 24 **Kaedah FGD**: Perbincangan dalam 2 kumpulan			**Agensi yang memberikan maklum balas:** 1. Majlis Daerah Kampar 2. Majlis Daerah Kinta 3. Jabatan Pertanian 4. Majlis Daerah Batu Gajah
1	Beban kos lesen pelbagai tapak perniagaan bagi peniaga pasar malam	Disebabkan pasar malam adalah sekali dalam seminggu, kebanyakan peniaga akan pergi melebihi satu kawasan pasar malam dalam seminggu menyebabkan berhadapan dengan kos membeli lesen yang lebih daripada satu tempat. Tambahan pula, harga lesen dan harga kutipan sampah adalah berlainan di tapak pasar malam.	**Majlis Daerah Batu Gajah:** Tiada perbezaan ketara dalam kadar yuran permohonan lesen. Secara amnya, yuran lesen adalah sekitar RM240 setahun, bersamaan RM20 sebulan bagi tapak di pasar malam. Yuran ini merangkumi kos pengurusan sampah serta perkhidmatan anggota penguat kuasa seperti RELA. Jumlah ini dianggap berpatutan dan selaras dengan kos operasi pihak pengurusan.
2	Kenaikan kos sewa tapak Bazar Ramadhan membebankan peniaga	Padatahun 2020, tapak 10x10 dan khemah sendiri adalah RM450. Pada tahun 2021, sewa tapak dan khemah tepak adalah antara RM500 hingga RM600. Manakala, pada tahun2025, kos sewa tapak Bazar Ramadhan Pulai Jaya adalah RM600. Bagi sewa khemah kahwin adalah RM1,200 untuk saiz 10x20(kaki?), di mana satu tapak dan setengah khemah adalah RM800.	**Majlis Daerah Batu Gajah:** Kos tapak hanyalah RM125/bulan. Kos RM125/bulan ini termasuklah kos caj petak, permit bazaar dan proses pemohonan. Jika terdapat harga yang berlebihan, harga ini bukanlah di bawah kuasa PBT lagi. Kemunkinan ada pihak ketiga yang terlibat dalam isu tersebut.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Maka, peniaga kecil tidak mampu untuk menyertai perniagaan di Bazar Ramadhan kerana kos tapak terlalu mahal bagi tapak bersaiz 20x10 (kaki?) hampir mencecah RM2,000.	Nota* Pegawai Daerah Kampar memberi bayangan bahawa mungkin wujud pihak ketiga yang terlibat dalam pengurusan tapak dan mengenakan caj sewa tambahan yang lebih tinggi daripada kadar rasmi. **Majlis Daerah Kampar:** Berbanding dengan kadar sewa tapak bazar di kawasan lain, kos sewa yang dikenakan oleh Majlis Daerah Kampar masih dianggap berpatutan. Harga kos tapak sewaan adalah lingkungan RM180-RM550.
3	Persaingan perniagaan antara peniaga tempatan dan warga asing	Warga asing seperti warga Acheh dan Bangladesh yang membuka kedai di pasar malam telah memberi persaingan kepada peniaga tempatan. Hal ini berlaku kerana kurang penguatkuasaan daripada pihak atasan dan persatuan terlibat untuk menyekat warga asing daripada berniaga tanpa permit.	**Majlis Daerah Kampar:** Terdapat Operasi Bersepadu di mana pihak Majlis akan membuat pemantauan bersepadu bersama agensi-agensi lain. Kebiasaanya, pemutihan berlaku 2 kali setahun. Namun, kekerapan operasi berlaku juga bergantung kepada aduan.
4	Dilema peniaga dalam penentuan kos jualan dan untung yang rendah	Peniaga berasa bersalah kepada pembeli sekiranya menjual dengan harga mahal. Namun, kos modal yang tinggi ditanggung telah menyebabkan peniaga hanya mendapat keuntungan yang sedikit	*Tiada ulasan daripada agensi kerajaan*
5	Faktor cuaca mempengaruhi	Terdapat musim seperti perayaan, angin monsun, hujan lebat menyebabkan harga ikan yang perlu	*Tiada ulasan daripada agensi kerajaan*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	harga jualan ikan kepada peniaga Ikan Tiada kawalan harga jualan ikan yang sering berubah mengikut keadaan cuaca	dibeli menjadi mahal. Tiada kawalan harga dilaporkan berlaku.	
6	Kos penanaman semula ladang kelapa sawit yang tinggi (Konflik status tanah)	Peladang sukar untuk melakukan penanaman semula untuk kebun seluas 19 ekar kerana status tanah ialah tanah pertanian. Ia menyukarkan peladang tersebut untuk mendapatkan sebarang bantuan atau kelulusan dari pihak bank.	**Jabatan Pertanian:** Dalam konteks undang-undang tanah di Malaysia, khususnya di bawah Kanun Tanah Negara (KTN) 1965, status geran tanah yang bertujuan pertanian dengan syarat nyata untuk tanaman tertentu seperti getah atau kelapa sawit perlu dipatuhi.

Jadual 9. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 7

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 7: Dialog Bersama Komuniti Belia **Tarikh**: 19 Januari 2025 **Bilangan peserta**: 16 Orang **Kaedah FGD**: Perbincangan dalam 2 kumpulan			**Agensi yang memberikan maklum balas:** 1. PKD Kinta 2. Jabatan Pendidikan Daerah Kinta 3. Jabatan Penerangan 4. Pejabat Belia dan Sukan Daerah
1	Normalisasi budaya vape merokok	Belia menganggap budaya vape dan merokok sebagai penyelesaian masalah dan merupakan ikutan terkini zaman ini. Penjualan '*vape*' pula begitu meluas dan mudah didapati baik di atas talian seperti Shopee atau di kedai dan pasar malam.	**PKD Kinta:** Pihak PKD Kinta mengakui ada persepsi sedemikian dalam kalangan belia, oleh itu mereka telah mengadakan program kesihatan dalam kalangan belia. Ini juga termasuk khidmat kaunseling di mana belia boleh pergi ke klinik bagi mendapatkan cara-cara untuk berhenti merokok. Pihak PKD juga berharap setiap permis makanan ditegaskan untuk meletakkan papan tanda jangan merokok atau '*vape*'. Juga perlu ditegaskan bahawa kedai-kedai yang menjual '*vape*' perlu diberi pantauan supaya tidak dijual kepada pelajar-pelajar. Namun demikian, jika terdapat penjualan dalam e-commerce seperti Shoppee, ini adalah luar bidang kuasa PKD. **Pegawai Pendidikan Kinta:** Terdapat penguatkuasaan dalam peringkat sekolah di mana guru-guru bekerjasama dengan AADK dan

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			pihak polis dalam usaha pencegahan merokok dan vape dalam kalangan pelajar.
2	Maklumat terkini tidak sampai di kawasan luar bandar	Penyebaran maklumat dan informasi terkini bagi belia di luar bandar kurang dicapai. Terdapat juga kawasan kampung yang tidak mempunyai talian internet yang baik dan ada juga individu yang masih tidak mampu memiliki telefon bimbit persendirian. Komuniti luar bandar masih menggunakan media tradisional seperti surat khabar.	**Pegawai Penerangan:** Maklumat-maklumat daripada pihak atasan dan mereka akan membuat hebahan ke kawasan tumpuan ramai. Walaupun terdapat usaha hebahan telah dibuat untuk program-program komuniti, namun sambutan amatlah tidak memberangsangkan. Pihak agensi juga bekerjasama dengan pihak berkepentingan di akar umbi seperti NGO setempat dan JPKK untuk penyebaran maklumat. **Pegawai Pejabat Belia dan Sukan:** Kebiasaanya, maklumat akan disebarkan melalui media sosial, whatsapp dll. Tetapi program-program yang dihebahkan juga bergantung kepada kecenderungan dan minat-minat belia sendiri.
3	Kekurangan program kokurikulum bagi pelajar tingkatan 6	Pelajar Tingkatan 6 memerlukan platform yang membolehkan mereka untuk membuat program sendiri bagi mengumpul merit untuk ke universiti. Pelaksanaan aktiviti pelajar mempunyai kekangan daripada segi dana.	**Pegawai Pendidikan Daerah:** Pihak pegawai pendidikan akan menghebohkan program-program di peringkat sekolah. Namun, kadang-kadang pelajar Tingkatan 6 tidak dapat menyertai program disebabkan perperiksaan yang ada. Dari segi permakahan merit, pihak pejabat

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			pendidikan banyak menjalankan aktiviti dan pertandingan di mana pelajar-pelajar berpeluang untuk mendapatkan sijil dan pengiktirafan. Pihak pejabat pendidikan tekankan supaya pelajar Tingkatan 6 tidak hanyak mahir dalam pendidikan buku tetapi dari segi komuniti dan aktiviti luar juga demi proses mudah kemasukan universiti. **Pegawai Pejabat Belia dan Sukan:** Hebahan untuk aktiviti telah dibuat melalui surat kepada pihak PPD namun belia tidak dapat menyertai aktiviti disebabkan perperiksaan.
4	Kursus/bidang pengajian di universiti tidak relevan dengan pasaran pekerjaan	Malaysia kini menghadapi cabaran dalam memenuhi keperluan terhadap pelajar yang mahir dalam bidang kecerdasan buatan (AI) dan teknologi digital, di mana penawaran program pengajian dalam bidang tersebut di institusi tempatan masih terhad. Situasi ini memaksa belia yang berminat untuk melanjutkan pengajian ke luar negara, yang kemudiannya berisiko untuk tidak kembali bekerja di Malaysia, sekali gus menyebabkan negara kehilangan bakat tempatan yang diperlukan untuk memacu pembangunan teknologi masa depan.	**Pegawai Pejabat Belia dan Sukan:** Isu yang dinyatakan adalah berdasarkan kecenderungan pelajar sendiri. Program-program peringkat tempatan ada kursus-kursus berkenaan. (Respon adalah sama seperti isu ke-4 yang dinyatakan di atas)

Jadual 10. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 8

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 8: Dialog Bersama Komuniti Orang Asli, suku etnik Temiar-Semai di Kampung Kerawat **Tarikh: 20 Januari** 2025 **Bilangan peserta:** 12 Orang **Kaedah FGD**: Perbincangan dalam 2 kumpulan			**Agensi yang memberikan maklum balas:** *1.* JAKOA 2. Pejabat Pendidikan Kinta Selatan 3. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) *4.* Pejabat Daerah Kampar *5.* Jabatan Pertanian
1	Cabaran akses pendidikan terutamanya bagi peringkat sekolah menengah menyebabkan pelajar keciciran dalam pelajaran	Sekolah menengah terdekat untuk penduduk kampung ini adalah Sekolah Menengah Batu 8, Ulu Kinta yang terletak sejauh 40 minit hingga 1 jam perjalanan. Walaupun terdapat jalan yang menghubungkan ke sekolah tersebut, jarak perjalanan yang jauh menjadi cabaran utama, khususnya bagi ibu bapa yang bekerja, kerana mereka menghadapi kesukaran untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah dalam keadaan jadual kerja yang padat.	**Pegawai JAKOA:** Pihak sekolah ada sediakan asrama untuk pelajar-pelajar orang asli. Malah diberikan elaun sebanyak RM4/hari. Bas juga disediakan untuk pelajar-pelajar pada musim cuti namun terdapatnya ibubapa OA lebih suka untuk menghantar anak sendiri. **Pegawai Daerah Kampar:** Sekolah asrama telah disediakan tetapi terdaapt ibu bapa yang memilih untuk menghantar anak sendiri walaupun perjalanan yang agak jauh. Malah, pihak JAKOA telah sediakan van tetapi untuk ibu bapa yang lebih memilih untuk tidak menggunakan van tersebut atas alasan tertentu. Namun, ini adalah kes-kes yang terpencil.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			Pegawai Pejabat Pendidikan Kinta Selatan: Diakui bahawa murid-murid Orang Asli menghadapi kesukaran untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat menengah selepas tamat sekolah rendah, disebabkan oleh kekangan pengangkutan dan jarak yang jauh antara sekolah rendah dan sekolah menengah. Sehubungan itu, pihak agensi sedang mengambil inisiatif untuk menubuhkan sekolah K9 di sekolah kebangsaan sebagai langkah mengatasi isu ini.
2	Masalah sosial di asrama mengurangkan keyakinan ibu bapa	Masalah sosial yang dilaporkan adalah seperti menghidu gam, merokok, dan ponteng sekolah. Perubahan sosial ini menyebabkan ibu bapa tidak menggalakkan anak mereka untuk tinggal di asrama dan mengambil keputusan untuk berulang alik ke sekolah	*Tiada ulasan daripada agensi kerajaan*
3	Kurang capaian internet di perkampungan orang asli	Capaian internet yang rendah menyebabkan ada yang tercicir dalam mata Pelajaran. Selain itu, mereka mudah tersisih dengan berita-berita/ orang-orang luar.	**Pegawai MCMC:** Terdapat inisiatif NADI di mana tiang telekomunikasi telah dipasang. Cuma di beberapa kawasan masih belum operasi dan dalam tahap percubaan *(trial).*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
4	Tiada geran pewartaan tanah orang asli	Masyarakat Orang Asli kini menetap di atas tanah rizab milik kerajaan negeri yang terdedah kepada risiko pemindahan apabila tanah tersebut diambil alih oleh pihak luar atau dicerobohi. Tanah ini bukan sekadar petempatan semata-mata, tetapi turut memainkan peranan penting sebagai sumber pertanian dan punca pendapatan yang berterusan, khususnya bagi menjamin kelangsungan hidup generasi akan datang.	**Pegawai Daerah Kampar:** Perkampungan Orang Asli ini telah diiktirafkan oleh JAKAO dan telah diwartakan. Terdapat tanah yang sudah dijadikan hak milik dan terdapat golongan orang asli yang tidak peka atau tahu mengenai status tanah tersebut.
5	Pencerobohan tanah untuk aktiviti perlombongan	Berlakunya pencerobohan tanah yang merupakan kawasan orang asli dan dibina kilang untuk barang keperluan seperti cat dan barang pergigian. (Tanah Putih)	**Pegawai Daerah Kampar:** Kilang tersebut terletak di bawah tanah hak milik.
6	Pendapatan Orang Asli yang tidak tetap kerana keberantungan kepada hasil hutan	Oleh kerana kebergantungan yang tinggi terhadap sumber alam sekitar seperti hutan dan sungai, penduduk tempatan berdepan kesukaran untuk memperoleh pendapatan yang stabil. Selain itu, sesetengah penduduk berpandangan bahawa prosedur birokrasi yang kompleks untuk mendapatkan kebenaran menjual atau mengambil hasil hutan turut menyukarkan usaha mereka menjana pendapatan daripada sumber tersebut. Ketidakstabilan pendapatan ini juga berpunca daripada penyusutan hasil hutan yang semakin ketara.	*Tiada ulasan daripada agensi kerajaan*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
7	Keperluan sokongan kerajaan bagi merancakkan pembangunan ekonomi masyarakat Orang Asli.	Harapan agar pihak kerajaan dapat memberikan kelonggaran kepada masyarakat Orang Asli dalam beberapa perkara penting berkaitan kehidupan dan sumber pendapatan mereka. Mereka memohon agar masyarakat Orang Asli diberikan keutamaan dalam mendirikan gerai atau balai kraftangan tanpa perlu melalui kekangan birokrasi yang rumit. Peserta juga meluahkan rasa kecewa terhadap pelbagai sekatan yang dikenakan, seperti larangan mendirikan gerai atau mengutip hasil hutan kerana disangka menceroboh kawasan hutan simpan. Prosedur permohonan yang terlalu rumit dan alasan yang diberikan seringkali dilihat sebagai penghalang kepada usaha mereka untuk mencari rezeki.	*Tiada ulasan daripada agensi kerajaan*
8	Sumber air tercemar	Pencemaran berlaku disebabkan pembalakan dan air Sungai menjadi semakin tercemar. Terdapat juga di mana kilang yang membuat tanaman hidroponik telah menyebabkan sisa-sisa kimia tanaman tersebut disalurkan ke sungai. Ini telah menyebabkan masalah kesihatan seperti penyakit kulit dan kegatalan dalam kalangan penduduk terutamanya di Puncak Sungai Raya.	**Pegawai Pertanian:** Perlu meneliti semula kenyataan tersebut kerana dakwaan bahawa hidroponik mencemarkan, kerana ia bergantung kepada konsep pertanian yang diamalkan dan tidak semua tanaman hidroponik memberi kesan negatif. Pandangan tersebut mungkin datang daripada mereka yang berada di kawasan tanah tinggi yang terlibat dengan isu Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA). Tambahan pula, pengusaha

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Ini juga mendatangkan kekurangan ikan di sungai tersebut di mana ianya merupakan sumber makanan bagi komuniti orang asli.	kilang berkaitan telah melalui proses EIA dan mematuhi piawaian yang ditetapkan.
9	Gangguan hidupan liar	Penduduk menghadapi gangguan hidupan liar seperti monyet, kera dan beruk. Hidupan liar ini tidak takut akan serangan penduduk seperti mercun. Oleh itu, penduduk kampung hanya memilih untuk membiarkan sahaja hasil dusun diganggu. Penduduk OA kini berdepan dengan ancaman hidupan liar yang lebih ketara berbanding dahulu, di mana gangguan sebegini jarang berlaku sebelum ini.	*Tiada ulasan daripada agensi kerajaan*

Jadual 11. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 9

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 9: Dialog Bersama Komuniti Orang Asli, suku etnik Semai di Kampung Ulu Geroh **Tarikh**: 20 Januari 2025 **Bilangan peserta**: 16 Orang **Kaedah FGD**: Perbincangan dalam 2 kumpulan			**Agensi yang memberikan maklum balas:** 1. JAKOA 2. Pejabat Daerah Kampar
1	Kemiskinan haid	Kos tuala wanita yang dijual di pasaran adalah mahal dan membebankan penduduk wanita.	*Tiada ulasan daripada agensi kerajaan*
2	Tiada bantuan pendidikan untuk anak-anak Orang Asli (OA) mengakibatkan keciciran pendidikan	Kesukaran untuk membayar yuran sekolah, membeli barang keperluan sekolah seperti buku dan pakaian sekolah kepada pelajar yang ingin ke sekolah. Lantaran itu memilih untuk tidak pergi ke sekolah.	**JAKOA:** Pihak sekolah akan menuntut bantuan tersebut dan ibubapa boleh merujuk kepada pihak sekolah.
3	Kekerapan bencana tanah runtuh mengganggu akses ke Kampung Ulu Geroh	Bencana tanah runtuh yang kerap berlaku di kawasan laluan utama menuju ke kampung, sehingga menyekat pergerakan penduduk untuk keluar masuk dari kampung tersebut. Keadaan ini turut diperburuk dengan kejadian pokok tumbang yang menambahkan lagi cabaran terhadap keselamatan dan kelancaran laluan utama tersebut.	**Pegawai Daerah Kampar:** Tindakan agensi telah dibuat termasuklah lawatan tapak dan laporan telah dibuat. Pihak Pejabat Daerah dalam proses pemohonan bajet untuk baiki jalan tersebut. Namun sebagai Solusi jangka pendek, canvas telah digunakan untuk mengurangkan rekahan lereng-lereng bukit/ hakisan tanah.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
4	Kos sara hidup yang tinggi	Isu ini banyak diadukan oleh ibubapa orang asli di mana mereka menyatakan amat sukar menampung isi rumah dengan kos hidup yang semakin meningkat.	*Tiada ulasan daripada agensi kerajaan*

Jadual 12. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 10

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 10: Dialog Bersama Komuniti Operator Eko-Pelancongan **Tarikh**: 20 Januari 2025 **Bilangan peserta**: 10 orang **Kaedah FGD**: Perbincangan dalam 1 kumpulan			**Agensi yang memberikan maklum balas:** 1. Majlis Daerah Kampar 2. Pejabat Daerah Kampar dan Tanah Kampar (Unit Pembangunan Luar Bandar) 3. Pejabat Daerah Kampar dan Tanah
1	Harga lesen eko-pelancongan yang tinggi membebankan pengusaha pelancongan kecil-kecilan	Harga perlesenan yang tinggi sehingga mencecah RM17,000 dan dianggap membebankan kumpulan ini terutamanya kepada peniaga-peniaga kecil. Terdapat juga permintaan untuk pemutihan ini dilanjutkan sehingga ke hujung tahun 2025	**Majlis Daerah Kampar:** Pihak Majlis hanya akan mengenakan harga lessen pembangunan. Pihak Majlis tidak akan mengenakan harga yang terlampau tinggi untuk pembangunan sektor eko-pelancongan tempatan. Harga yang diusulkan mungkin kos konsultan/arkitek yang telah dikenakan pada operator oleh pihak ketiga/bukan agensi kerajaan. **Pegawai Daerah Kampar:** Caj harga homestay yang dibangunkan (lesen) juga bergantung kepada aktiviti-aktivit yang akan dijalankan.
2	Kekurangan penjanaan elektrik dan air untuk menampung permintaan	Terdapat isu kekurangan bekalan elektrik dan air bersih untuk memenuhi keperluan industri ekopelancongan, yang memberi kesan langsung kepada operasi para pengusaha resort dan kualiti pengalaman pelancong.	**Pegawai Daerah Kampar:** Pihak TNB memaklumkan bahawa kawasan hotspot eko-pelancongan tersebut hanya dapat menampung bekalan elektrik untuk penempatan

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	daripada industri eko pelancongan	Selain itu, bekalan elektrik sedia ada yang digunakan dilaporkan tidak mencukupi untuk menampung keperluan apabila resort menerima jumlah pelancong yang tinggi, sekali gus menjejaskan kelancaran operasi harian.	sahaja, bukan untuk tujuan eko-pelancongan yang memerlukan penjanaan yang lebih tinggi.
3	Risiko pencemaran sumber air semula jadi	Bagi mengatasi masalah kekurangan bekalan air bersih, pengusaha mengambil inisiatif menggunakan sumber air bukit sebagai alternatif. Namun, terdapat kebimbangan terhadap kualiti air bukit yang dianggap tidak bersih dan berisiko tercemar dengan penyakit seperti *leptospirosis* (kencing tikus), selain kerap berwarna keruh apabila fenomena kepala air berlaku.	**Pegawai Daerah Kampar:** Kerajaan Negeri Perak akan mengeluarkan satu garis panduan berkaitan Eko Pelancongan Sihat dan Selamat yang memberi tumpuan khusus kepada aspek kesihatan awam. Ini susulan isu tahap kesedaran yang rendah dalam kalangan operator pelancongan, termasuk kes jangkitan kencing tikus yang telah berlaku di kawasan eko-pelancongan. Antara masalah yang dikenal pasti ialah pelepasan sisa makanan dan tangki septik terus ke sungai, yang menjejaskan kebersihan dan keselamatan pengunjung. Oleh itu, garis panduan ini dilihat penting dan perlu disusuli dengan penguatkuasaan yang berkesan.
4	Tiada pemantauan mengenai harga servis yang ditawarkan operator -	Berlakunya persaingan antara operator perniagaan dalam memberikan harga aktiviti. Terdapat operator yang memberi harga yang murah untuk menarik pelanggan tanpa kualiti dan servis yang baik.	**Pegawai Daerah Kampar:** Proses pemutihan bagi kawasan eko-pelancongan dan penginapan masih berada dalam keadaan terkawal menerusi tindakan yang sedang dijalankan. Namun begitu, aktiviti-aktiviti yang ditawarkan oleh

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	Persaingan harga aktiviti antara operator peniaga		para operator masih sukar untuk dipantau, sekali gus menimbulkan isu berkaitan keselamatan dan risiko kepada pengunjung sekiranya berlaku sebarang insiden. Buat masa ini, tiada kementerian atau agensi kerajaan yang mempunyai bidang kuasa khusus untuk memantau harga perkhidmatan yang ditetapkan oleh operator-operator ini. Di peringkat Daerah Kampar, garis panduan operasi eko-pelancongan sedang dirangka, namun perlu ditekankan bahawa dokumen tersebut hanyalah bersifat panduan dan bukan peraturan yang mengikat.
5	Pembuangan sampah sarap ke dalam sungai mengganggu persekitaran eko-pelancongan	Ketiadaan tong sampah yang mencukupi di kawasan tersebut mengakibatkan pelawat tidak mempunyai kemudahan untuk membuang sampah dengan betul, sehingga mendorong mereka untuk membuang sampah secara bersepah atau terus ke dalam Sungai. Keadaan persekitaran yang tidak bersih menyebabkan pengunjung/ pelancong berasa tidak selesa malah mencemarkan kecantikkan alam sekitar.	**Pegawai Daerah Kampar:** Kadang-kadang isu ini boleh dikaitkan dengan sifat pembuangan sampah Masyarakat sendiri (terutamanya orang luar yang datang ke kawasan Gopeng) di mana kurang kesedaran tentang pemuliharaan alam sekitar. Selain daripada itu, terdapat kekangan untuk agensi tempatan untuk memperkuatkuasakan peletakkan tong sampah di kawasan tersebut disebabkan segelintir kawasan sudah mempunyai geran hak milik tanah.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
6	Bencana tanah runtuh mengganggu akiviti eko-pelancongan.	Keadaan ini turut diperburuk dengan kejadian pokok tumbang yang menambahkan lagi cabaran terhadap keselamatan dan kelancaran laluan (jalan) utama tersebut dan telah menganggu tarikan eko-pelancongan	**Pegawai Majlis Kampar:** Kawasan-kawasan yang dinyatakan adalah jalan kebanyakkannya untuk tujuan eko-pelancongan. Jalan yang untuk tujuan eko-pelancongan yang kebanyakkanya adalah di bawah tanah milik. Oleh itu, sukar untuk pihak majlis untuk membaiki jalan tersebut kerana sudah di luar bidang kuasa pihak agensi. **Pegawai Unit PLB Daerah dan Tanah Kampar:** Kadang-kadang, lori yang seberat 5 tan akan masuk ke jalan kampung mengguna jalan tersebut sedangkan jalan tidak mampu menampung berat yang banyak. Maka, inimenyebabkan kerosokan yang dinyatakan. **Pegawai Daerah Kampar:** Selepas COVID-19, kebanyakkan penduduk di kawasan tersebut ceburi dalam bidang eko-pelancongan dan tumbuhnya resort, homestay, aktiviti-aktiviti eko-pelancongan di kawasan tersebut. Sejurus itu, kebanyakkan jalan tersebut di bawah tanah hak milik, oleh itu, amat sukar untuk pihak pegawai tempatan untuk membuat

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			penambah baik atau membuat pelan jalan baru. Untuk pengetahuan juga, setiap tahun, pihak DO telah banyak membelanjakn wang untuk penambah baikkan akses jalan kepada penduduk (RM400 ribu pada tahun 2023, RM500 ribu pada tahun 2024 dan kini pihak DO hantar kertas kerja untuk RM600 ribu untuk tahun 2025). Pihak Daerah ada Solusi jangka panjang untuk meneroka jalan alternatif lain.
7	Kebatasan kelayakan penerimaan geran dan bantuan pelancongan daripada MOTAC bagi operator tidak berlesen	Operator yang tidak mempunyai lesen tidak dapat memohon geran dan bantuan pelancongan daripada pihak kerajaan seperti MOTAC Keadaan ini menunjukkan keperluan untuk meningkatkan kesedaran dan kemudahan dalam proses pelesenan, agar lebih banyak operator dapat memenuhi syarat dan mendapat akses kepada sokongan kerajaan yang diperlukan.	**Pegawai Daerah Kampar:** Berbalik disebabkan perlunya pemutihan berlaku.

4.2 Pengutamaan Isu

4.2.1 Pengutamaan Isu 1: Kekurangan peluang kemahiran dan platform untuk menjana pendapatan bagi ibu tunggal dan suri rumah

Pengutamaan isu pertama adalah pemerkasaan ekonomi komuniti ibu tunggal dan suri rumah dari segi memberi peluang kemahiran dan platform untuk mengasuh anak-anak. Ramai suri rumah mempunyai potensi untuk menyumbang kepada ekonomi, tetapi mereka menghadapi keterbatasan dalam mendapatkan latihan kemahiran, akses kepada modal, dan platform pemasaran seperti yang telah diterokai dalam FGD 2, 4 & 6. Dalam konteks ekonomi Gopeng yang semakin berkembang dengan lebih ramai penduduk bekerja, keperluan terhadap perkhidmatan pengasuhan anak semakin meningkat. Oleh itu, mewujudkan platform yang sesuai untuk menyediakan latihan dan peluang dalam bidang pengasuhan anak adalah penting.

Inisiatif ini dapat membantu suri rumah dan ibu tunggal menjana pendapatan melalui ekonomi informal, sama ada sebagai pengasuh berdaftar, penyedia perkhidmatan taska di rumah, atau tenaga kerja di pusat jagaan kanak-kanak. Dengan sokongan latihan kemahiran, bantuan modal, dan akses kepada pasaran, golongan ini dapat meningkatkan taraf ekonomi mereka sambil memenuhi permintaan masyarakat terhadap perkhidmatan penjagaan anak yang berkualiti. Langkah-langkah ini bukan sahaja meningkatkan kesejahteraan ekonomi keluarga tetapi juga menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi yang lebih inklusif.

Jadual 13. Ringkasan Isu

Permasalahan berkaitan dengan Isu	Kekurangan peluang kemahiran dan platform untuk menjana pendapatan bagi ibu tunggal dan suri rumah
Cadangan	Memberi peluang kemahiran dan platform untuk mengasuh anak-anak bagi peluang ibu Tunggal menjana pendapatan.
Kumpulan Terjejas	Ibu tunggal dan suri rumah
Kawasan	Taman Chandan Desa, Taman Lembah Pantai, Kampung Tersusun
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	**Sasaran SDG Berkaitan**
SDG 1: Tiada Kemiskinan	Sasaran 1.4: Menjelang 2030, pastikan semua lelaki dan wanita, khususnya golongan miskin dan rentan,

	mempunyai hak yang sama kepada sumber ekonomi, serta akses kepada perkhidmatan asas, pemilikan dan kawalan ke atas tanah dan bentuk hartanah lain, pusaka, sumber asli, teknologi baharu dan perkhidmatan kewangan yang sesuai, termasuk kewangan mikro.
SDG 5: Kesaksamaan Jantina	Sasaran 5.5: Memastikan penyertaan penuh dan berkesan serta peluang yang sama untuk wanita dalam semua peringkat kepimpinan dalam kehidupan politik, ekonomi, dan awam.
SDG 8: Pekerjaan yang Layak dan Pertumbuhan Ekonomi	Sasaran 8.3: Menggalakkan pembangunan aktiviti ekonomi yang inklusif, produktif, dan inovatif termasuk keusahawanan serta perusahaan mikro, kecil dan sederhana dengan memudahkan akses kepada kewangan.

4.2.2 Pengutamaan Isu 2: Keterbatasan Peluang Ekonomi Untuk Komuniti Orang Asli

Pendapatan isi rumah komuniti Orang Asli, khususnya di Kampung Ulu Geroh, masih berada pada tahap rendah dan bergantung kepada hasil hutan serta kerja sambilan di luar kawasan. Meskipun kampung ini kaya dengan biodiversiti dan keunikan budaya, potensinya masih belum dimajukan secara lestari. Ketiadaan struktur pelancongan komuniti yang terancang telah menyebabkan manfaat daripada aktiviti pelancongan tidak dinikmati secara langsung oleh penduduk setempat.

Sehubungan itu, beberapa inisiatif strategik perlu diberi keutamaan bagi memperkasa pembangunan komuniti ini. Antaranya termasuklah peningkatan infrastruktur asas, pendidikan dan kesedaran masyarakat, pembangunan ekonomi komuniti yang inklusif, pemeliharaan warisan budaya dan adat, serta sokongan terhadap pelaksanaan ekopelancongan komuniti secara mapan dan berimpak.

Jadual 14. Ringkasan Isu 2

Permasalahan berkaitan dengan Isu	Pendapatan isi rumah komuniti Orang Asli yang masih dalam tahap yang rendah
Cadangan	Pemerkasaan sosioekonomi komuniti orang asli melalui 3 inisiatif: a) Pembangunan Infrastruktur Pelancongan- Menaik taraf kemudahan sedia ada seperti chalet, pusat informasi, dan papan tanda pelancongan.

	b) Latihan dan Pembangunan Kapasiti Komuniti- Melaksanakan bengkel latihan berkaitan pemanduan pelancongan, keusahawanan sosial, dan interpretasi budaya tempatan. c) Pemantauan dan Penilaian Projek- Melaksanakan pemantauan secara berkala bagi menilai kemajuan pelaksanaan.
Kumpulan Terjejas	Komuniti Orang Asli
Kawasan	Kampung Ulu Geroh
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	**Sasaran SDG Berkaitan**
SDG 1: Tiada Kemiskinan	Sasaran 1.2: Menjelang 2030, mengurangkan sekurang-kurangnya separuh bahagian lelaki, wanita dan kanak-kanak dari semua peringkat umur hidup dalam kemiskinan dalam semua dimensi mengikut definisi kebangsaan.
SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi	Sasaran 8.3: Menggalakkan dasar berorientasikan pembangunan yang menyokong aktiviti produktif, penciptaan pekerjaan yang sesuai, keusahawanan, kreativiti dan inovasi serta menggalakkan pemformalan dan pertumbuhan perusahaan bersaiz mikro, kecil dan sederhana termasuk menerusi akses kepada perkhidmatan kewangan.
SDG 11: Bandar dan Komuniti yang Lestari	Sasaran 11.4: Mengukuhkan usaha untuk melindungi dan memelihara warisan budaya dan semula jadi dunia.

4.2.3 Pengutamaan Isu 3: Kurang Peluang Pekerjaan untuk Belia Gopeng

Belia di Gopeng berdepan dengan cabaran keciciran pendidikan, dan kurangnya pendedahan terhadap peluang kerjaya. Pemetaan isu juga menerangkan bahawa terdapat jurang akses kepada maklumat mengenai aktiviti/ pengajian/ kursus yang ditawarkan kepada belia. Oleh itu, ini menunjukkan ketiadaan ruang inklusif dan bimbingan menyebabkan ramai belia hilang arah tuju, kurang bermotivasi dan aktif serta berisiko terjebak dengan masalah sosial.

Oleh itu, terdapat inisiatif oleh organisasi belia di Gopeng untuk mewujudkan program untuk menangani jurang tersebut dengan menyediakan latihan kemahiran, pembangunan kepimpinan dan akses kepada peluang ekonomi serta pendidikan. Ia akan

menjadi pemangkin kepada lahirnya belia berdaya saing dan menyumbang kepada pembangunan sosio-ekonomi di Gopeng.

Jadual 15. Ringkasan Isu 3

Permasalahan berkaitan dengan Isu	Kekurangan Peluang Pekerjaan dalam kalangan belia di Gopeng
Cadangan	Program latihan kemahiran dan kepimpinan dalam golongan belia
Kumpulan Terjejas	Komuniti belia
Kawasan	DUN Sungai Rapat, Daerah Kinta, Pekan Ipoh
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	**Sasaran SDG Berkaitan**
SDG 4: Pendidikan Berkualiti	Sasaran 4.4 : Menjelang 2030, tingkatkan dengan ketara bilangan belia dan dewasa yang mempunyai Kemahiran yang berkaitan termasuk Kemahiran teknikal dan vokasional bagi pemerolehan pekerjaan, pekerjaan layak dan keusahawanan.
SDG 8: Pertumbuhan Ekonomi dan Pekerjaan yang Mampan	Sasaran 8.6: Menjelang 2020, mengurangkan dengan ketara bahagian belia yang tidak dalam pekerjaan, Pendidikan dan Latihan.
SDG 11: Bandar dan Masyarakat yang Mampan	Sasaran 11.3 Meningkatkan perbandaran dan kapasiti untuk perancangan dan pengurusan penempatan manusia yang iklusif, mampan dan berterusan di semua negara menjelang 2030.

5.0 PENGENALPASTIAN AWAL PROJEK PENYELESAIAN

Jadual 16. Pengenalpastian Projek Penyelesaian

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3
Tajuk Projek	Gopeng Youth Empowerment Program	Kursus Asuhan Taska Dirumah [Projek Ibu Tunggal]	Projek Pemerkasaan Komuniti Orang Asli Melalui Pembangunan Eko Pelancongan
SDG Berkaitan	SDG 1,4 8	SDG 1, 5 & 8	SDG 1,8 ,11
Objektif	• memastikan golongan muda diberi pendedahan, peluang serta ruang untuk terlibat secara aktif dalam pembangunan diri, sahsiah dan kepimpinan, sekali gus membina jati diri belia yang berwibawa dan berdaya saing.	• menyediakan peluang pekerjaan yang lebih fleksible dan membolehkan golongan suri rumah untuk bekerja dari rumah (work from home).	• Memperkasakan sosio-ekonomi komuniti orang asli melalui pembangunan infrastruktur dan latihan untuk tujuan eko-pelancongan setempat.
Hasil Jangkaan	• GPMS Cawangan Ipoh berpengalaman luas dalam menganjurkan program pembangunan belia, antaranya Klinik Kerjaya, yang bertujuan membimbing belia dalam aspek kerjaya, kemahiran dan pembangunan diri. • Program ini melibatkan pengurusan menyeluruh	• Pemberian kursus asuhan taska dirumah dilihat berpotensi menjadi medan terbaik untuk menyediakan platform dan wadah kepada golongan rentan ini dalam mencari sumber pendapatan tanpa perlu berfikir berkenaan keselamatan anak	• Pendapatan isi rumah komuniti orang asli khususnya di Kamoung Ulu Geroh ini masih rendah dan bergantung kepada hasil hutan dan kerja sambilan luar. • Kampung Ulu Geroh kaya dengan biodiversity dan keunikan budaya, tetapi

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3
	termasuk perancangan, penyelarasan aktiviti dan pelantikan jurulatih berpengalaman.	di bawah pusat jagaan swasta mahupun Kerajaan.	belum dimajukan secara lestari. • Ketiadaan struktur pelancongan komuniti yang tersusun menyebabkan manfaat pelancongan tidak mengalir kepada penduduk kampung. • Justeru, pada awalnya satu sesi libat urus komuniti telah dijalankan bagi mengumpul data mengenai sosioekonomi, kemahiran sedia ada dan keperluan latihan. • Maklumat yang diperloleh melalui pendekatan ini menjadi asas kukuh kepada reka bentuk projek yang responsive, inklusif dan berfokus kepada penyelesaian jangka panjang.

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3
Organisasi	Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung Cawangan Ipoh	Pertubuhan Perkasa Martabat Watan (Pemawa)	Komuniti Madani Ulu Geroh
Aktiviti	• Projek ini akan melibatkan 30 orang belia Gopeng yang akan mengikuti dua kursus kemahiran utama: Content Creator dan Makeup Artist. • Setiap peserta akan mengikuti latihan intensif selama 12 hari yang merangkumi modul teori dan praktikal, bimbingan mentor industri, serta sesi penilaian hasil kerja. Input projek termasuk penyediaan tenaga pengajar profesional, peralatan latihan (kamera, tripod, mekap kit), bahan kursus dan lokasi latihan. • Peserta juga akan dibimbing untuk menghasilkan portfolio masing-masing serta dipersiapkan untuk menjana pendapatan melalui platform	• Matlamat projek ini yang memfokuskan kepada pemberdayaan komuniti ibu tunggal khususnya dari aspek ekonomi kendiri telah banyak membantu puluhan ibu tunggal di kawasan lain untuk bangkit dan membina keyakinan bagi memulakan kehidupan baru yang lebih Sejahtera. • Cik Hanani juga aktif dalam penganjuran program-program pemerkasaan wanita untuk menggarap kepimpinan serta kemampuan individu.	• Peningkatan infrastruktur asas, Pendidikan dan kesedaran, • Pembangunan ekonomi komuniti, pemeliharaan budaya dan adat serta sokongan eko pelancongan komuniti. • Penglibatan ini mencerminkan komitmen dalam memperkasa komuniti • Orang Asli secara menyeluruh sejajar dengan prinsip inklusif dan Pembangunan Lestari.

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3
	digital atau perkhidmatan sendiri. • Output utama ialah 30 peserta yang berkemahiran asas dalam bidang terpilih, 10 video kandungan digital dihasilkan, 10 makeover professional dilakukan, dan sekurang-kurangnya 5 peserta berjaya menjana pendapatan pertama dalam tempoh sebulan selepas tamat kursus.		
Jumlah (RM)	RM 40,000.00	RM 40,000.00	RM 40,000.00
Lokasi	Daerah Kinta, DUN Sungai Rapat	DUN Teja, Simpang Pulai, Sungai Rapat, Daerah Kinta	Kampung Ulu Geroh
Tempoh	12 minggu	12 minggu	12 minggu

6.0 RUJUKAN

Ali, A. R. (17 November, 2024). MB Perak beri peringatan ada lagi gelombang banjir akan berlaku. Retrieved from Astro Awani: https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mb-perak-beri-peringatan-ada-lagi-gelombang-banjir-akan-berlaku-492175

Ariffin, N. (2011). Sejarah Perlombongan Bijih Timah di Gopeng, Perak. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

BERNAMA. (1 Disember , 2023). Lebih 300 kanak-kanak Orang Asli berjaya dipujuk untuk bersekolah. Retrieved from Astro Awani: https://www.astroawani.com/berita-malaysia/lebih-300-kanakkanak-orang-asli-berjaya-dipujuk-untuk-bersekolah-448208

BERNAMA. (Oktober , 2024). Warga emas di Malaysia dipastikan meniti usia dengan bermaruah. Retrieved from Berita Harian Online: https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/10/1305312/warga-emas-di-malaysia-dipastikan-meniti-usia-dengan-bermaruah

Department of Statistics Malaysia. (30 Aug, 2023). OpenDOSM. Retrieved March, 2025, from KawasanKu: https://open.dosm.gov.my/dashboard/kawasanku/Perak/parlimen/P.071%20Gopeng

Gopeng topographic map. (1 March, 2025). Retrieved from topographic map: https://en-zm.topographic-map.com/map-v7bcm2/Gopeng/?utm_source=chatgpt.com

Gunawan, H. (9 Oktober, 2024). Anggur premium tumbuh di negara 4 musim hidup subur di Gopeng. Retrieved from Majoriti: https://majoriti.com.my/berita/2024/10/09/anggur-premium-tumbuh-di-negara-4-musim-hidup-subur-di-gopeng

Hing, T. K. (1 Disember, 2024). "[Status Update]",[Video]". Retrieved from Facebook: https://www.facebook.com/tankarhingBM/videos/pasukan-kami-telah-melawat-beberapa-kawasan-di-parlimen-gopeng-yang-terkesan-aki/1594360084795265/

Ibrahim, M. H., Jahi, J. M., Hadi, A. S., & Ariffin, K. (2011). Menyingkap Perkembangan Perbandaran Ipoh Menjadi. International Journal of the Malay World and Civilisation, 29(2), 149-166.

Jabatan Pendaftaran Negara. (n.d.). JPN Gopeng. Retrieved from JPN Website: https://jpn.com.my/jpn_offices/Gopeng.htm

Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Perak. (14 Julai, 2022). A visit to the flash flood area around DUN Sungai Rapat. Retrieved from Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Perak: https://jps.perak.gov.my/index.php/en/?view=article&id=1096

Jeevendran, K. (11 November , 2022). Dr. Wayne rancang jana peluang pekerjaan di Simpang Pulai, elak belia berhijrah. Retrieved from Malaysia Gazette: https://malaysiagazette.com/2022/11/11/dr-wayne-rancang-jana-peluang-pekerjaan-di-simpang-pulai-elak-belia-berhijrah/

Majlis Daerah Kampar. (n.d.). Paip Besar Gopeng. Retrieved from Portal Rasmi Majlis Daerah Kampar: https://www.mdkampar.gov.my/index.php/en/?view=article&id=367&catid=27

Samat, H. A., Rasyid, N. M., Khan, T. K., Aziz, M. A., Hashim, M., & Basal, H. (2020). Perceived Risk and Perceived Competence in White Water Rafting Activity at Kampar River, Gopeng, Perak. Enhancing Health and Sports Performance by Design: Proceedings of the 2019 Movement, Health & Exercise (MoHE) and International Sports Science Conference (ISSC) (pp. 519-527). Singapore: Springer.

Soo, G. (8 April, 2024). Discover Gopeng'S natural beauty: Perak is now an ecotourism spot. Retrieved from TheStar: https://www.thestar.com.my/lifestyle/travel/2024/04/08/discovering-gopeng039s-natural-beauty

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. (9 October, 2022). Daftar Pemilih Terkini Sehingga DPT Bulan Ogos 2022 Pilihan Raya Umum Ke-15. Retrieved from http://sprinfo.spr.gov.my/spr/MAKLUMAT%20ASAS/STATISTIK%20PRU%20KE_15%20UMUR%20BY_DUN.pdf

Laporan Pemetaan Isu Parlimen
P.074 Lumut

Disediakan oleh:
Dr. Thanaraj Murudi



BAHAGIAN A

LAPORAN LAWATAN PEMETAAN ISU **608 – 616**

BAHAGIAN B

1.0 PENGENALAN **621 – 632**
1.1 Geografi/Topografi 621
1.2 Komposisi Penduduk 622
1.3 Kegiatan Ekonomi Utama 623
1.4 Hubungan Kerangka Konseptual SDG dan Konteks Tempatan 625

2.0 METODOLOGI PENYELIDIKAN **632 – 636**
2.1 Pendekatan Kajian 632
2.2 Langkah Etika Semasa Kajian Lapangan 635
2.3 Kekangan Lawatan Kajian Lapangan 635
2.4 Keterbatasan Kajian 636

3.0 RANGKUMAN ISU RENTAS SDG **637 – 646**

4.0 GAMBARAN KESELURUHAN PEMETAAN ISU **647 – 693**
4.1 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu 647
4.2 Pengutamaan Isu 690

5.0 PENGENALPASTIAN AWAL PROJEK PENYELESAIAN **694 – 695**

6.0 RUJUKAN **696 – 697**

P.074 LUMUT

BAHAGIAN A

Laporan Pemetaan Isu

P. 074 Lumut

DENGAN SOKONGAN DARIPADA

AHLI PARLIMEN LUMUT,
YB KOMANDER NORDIN AHMAD ISMAIL TLDM (PESARA)



TEMPAT-TEMPAT YANG TELAH DILAWATI

14 - 16 Feb 2025
(Jumaat - Ahad)

HARI 1

1. FGD 1: Komuniti Kampung Kayan
2. FGD 2: Komuniti Nelayan Sungai Limau Lekir dan Persatuan Aktivis Sahabat Alam
3. FGD 3: Komuniti Belia Pulau Pangkor

HARI 2

4. FGD 4: Komuniti Nelayan Sungai Permatang
5. FGD 5: Komuniti Persatuan Veteran TLDM Perak
6. FGD 6: Komuniti Permatang

HARI 3

7. FGD 7: Komuniti Kaum Ibu Taman Sri Batik
8. FGD 8: Komuniti Peniaga Pekan Lumut dan Peniaga *Esplanade*

PASUKAN PENYELIDIK



DR. THANARAJ MURUDI
(Ketua Penyelidik)



MARY MALAR XAVIER
(Pembantu Penyelidik)



FAIZZUL AMRI
(Penyelaras Tempatan)



HASNATULSYAKHIRA
(Ejen SDG)

LAWATAN PEMETAAN KAWASAN TELAH DIJALANKAN PADA 14-16 FEB 2025 (JUMAAT - AHAD)

01



11 Disember 2024
Mesyuarat Awalan

02



14 Januari 2025
Mesyuarat Pra-lawatan

03



06 Februari 2025
Mesyuarat Pemprofilan

04



14 Februari 2025
FGD 1: Komuniti Kampung Kayan

05



14 Februari 2025
FGD 2: Komuniti Nelayan Sungai Limau Lekir & Persatuan Aktivis Sahabat Alam

06



14 Februari 2025
FGD 3: Komuniti Belia Pulau Pangkor

07



15 Februari 2025
FGD 4: Komuniti Nelayan Sungai Permatang

08



15 Februari 2025
FGD 5: Komuniti Persatuan Veteran TLDM Perak

09



15 Februari 2025
FGD 6: Komuniti Permatang

10



16 Februari 2025
FGD 7: Komuniti Kaum Ibu Taman Sri Batik

11



16 Februari 2025
FGD 8: Komuniti Peniaga Pekan Lumut dan Peniaga *Esplanade*





11 DISEMBER 2024 - MESYUARAT AWALAN

Dr. Thanaraj Murudi telah mengetuai mesyuarat awalan bersama YB Komander Nordin bin Ahmad Ismail TLDM (Bersara), Ahli Parlimen Lumut. Mesyuarat ini bertujuan untuk membincangkan pelaksanaan pemetaan SDG di kawasan Lumut, yang dijadualkan berlangsung pada 14 hingga 16 Februari 2025. Sesi ini memberi tumpuan kepada penyelarasan aktiviti dan kerjasama strategik untuk memastikan proses pemetaan berjalan lancar dan memberi manfaat kepada komuniti setempat.



14 JANUARI 2025 - MESYUARAT PRA-LAWATAN

APPGM-SDG yang diwakili oleh Dr. Thanaraj Murudi telah mengadakan mesyuarat pra-lawatan bersama Tn. Shamsul Ridzuan Idris, Pegawai Daerah Manjung, di Pejabat Daerah dan Tanah Manjung bagi Parlimen Lumut. Tn. Shamsul Ridzuan Idris memberikan gambaran menyeluruh tentang Parlimen Lumut serta input sosio-ekonomi kawasan tersebut. Beliau turut bersetuju untuk menganjurkan sesi Antara Agensi pada bulan Februari bagi membincangkan inisiatif dan kerjasama antara agensi untuk pembangunan kawasan.

06 FEBRUARI 2025 - MESYUARAT PEMPROFILAN

Sesi pemprofilan bagi Parlimen Lumut telah diadakan bersama YB Komander Nordin bin Ahmad Ismail TLDM (Pesara) dan Pegawai Kawasan, En. Azham. Perbincangan ini merangkumi pengenalan APPGM-SDG, profil Parlimen Lumut, serta tentatif lawatan tiga hari yang dirancang untuk memperincikan keperluan dan peluang pembangunan mampan di kawasan ini. Dalam sesi ini, DUN Pasir Panjang dan Pangkor turut dikenal pasti sebagai fokus pemprofilan. Proses pemetaan SDG bagi Parlimen Lumut akan berlangsung dari 14 hingga 16 Februari 2025.






FGD 1: KOMUNITI KAMPUNG KAYAN

FGD1 telah berlangsung pada 14 Febuari 2025 bertempat di Kedai Makan Rashid, Kampung Kayan bersama Komuniti Kampung Kayan. Beberapa isu utama yang telah diutarakan termasuklah: **(1)** peserta FELCRA tidak menerima sebarang insentif dan dividen di mana tanah pertanian adalah kepunyaan mereka; **(2)** penggunaan dadah di kalangan belia tempatan yang berleluasa; **(3)** kekurangan peluang perkerjaan di Kampung Kayan; **(4)** sambungan internet yang tidak stabil; **(5)** tiada lampu jalan raya; **(6)** kekurangan jumlah murid di SJK(T) Sungai Kayan yang terdiri daripada 5 orang murid sahaja. Ini disebabkan oleh tiada penempatan semula bagi pekerja *estate* di kalangan masyarakat India; **(7)** kedatangan warga asing tanpa izin dalam bilangan yang banyak telah menjejaskan peluang pekerjaaan warga tempatan; dan **(8)** Projek Udang telah menggangu aspek ekonomi dan sosial masyarakat tempatan.




FGD 2: KOMUNITI NELAYAN SUNGAI LIMAU LEKIR & PERSATUAN AKTIVIS SAHABAT ALAM

FGD 2 bersama 15 orang Komuniti Nelayan Sungai Limau Lekir dan Persatuan Aktivitis Sahabat Alam diadakan di Kampung Sungai Limau Lekir. Antara isu yang telah dikongsikan ialah penerokaan hutan paya bakau secara haram bagi operasi kolam udang. **(1)** Hal ini telah menjejaskan pendapatan nelayan persisiran pantai; **(2)** hakisan tanah yang mengancam keselamatan penempatan penduduk setempat; dan **(3)** ekosistem hutan paya bakau yang sedia ada terganggu dan menyebabkan kepupusan pokok bakau jenis pokok perepat yang dikatakan hanya terdapat di kawasan Lumut sahaja. **(4)** Pencemaran air di kawasan setempat yang disebabkan bahan kimia yang dilepaskan daripada operasi kolam udang; **(5)** kesihatan penduduk setempat yang turut terjejas selepas memakan hasil laut yang ditangkap di kawasan yang tercemar; **(6)** aktiviti ini juga telah menjejaskan ekosistem hidupan air seperti beberapa jenis siput, ketam serta ikan di persisiran sungai yang terjejas



FGD 3: KOMUNITI BELIA PULAU PANGKOR

FDG 3 telah berlangsung bersama 10 orang komuniti belia Pulau Pangkor di hadapan Masjid Terapung, Pulau Pangkor. Antara isu yang telah dikongsikan ialah: **(1)** kemudahan sukan yang tidak lengkap menyebabkan golongan belia mudah terperangkap dalam aktiviti yang tidak sihat dan golongan belia juga terpaksa menuju ke Tanah Besar untuk memperoleh akses kepada kemudahan sukan, yang memerlukan perbelanjaan yang tinggi; **(2)** harga tambang feri yang dikenakan ke atas penduduk tempatan adalah tidak wajar dan tidak mengambil kira kepentingan serta keperluan komuniti setempat; **(3)** peluang perniagaan dalam komuniti hanya mengalami peningkatan apabila kedatangan pelancong, yang kebanyakannya berlaku pada hujung minggu dan hujung bulan; **(4)** tiada saluran maklumat yang jelas dan teratur mengenai bantuan kerajaan serta inisiatif lain; malah, ketua kampung sendiri sering kekurangan informasi yang tepat; dan **(5)** suara golongan belia sering diabaikan dalam proses perancangan dan pembangunan komuniti.



FGD 4: KOMUNITI NELAYAN SUNGAI PERMATANG

FDG 4 bersama komuniti Nelayan Sungai Permatang yang dijalankan telah melibatkan 5 orang komuniti tempatan. Sepanjang sesi berlangsung, isu-isu yang telah dikemukakan adalah: **(1)** kebajikan nelayan yang tidak diendahkan; **(2)** permohonan untuk lesen bot serta lesen memancing yang mengambil masa yang terlalu lama dan juga terhad; **(3)** aktiviti rekreasi seperti membawa pelancong untuk memancing hanya dipromosikan oleh nelayan yang terlibat, tanpa sebarang sokongan atau promosi daripada pihak pelancongan atau agensi berkaitan; **(4)** infrasruktur jalan raya tidak sempurna; dan **(5)** masalah air yang tidak diendahkan sehingga masyarakat tempatan terpaksa melakukan kerja paip dengan sendiri telah dibangkitkan oleh komuniti tempatan. Selain itu, **(6)** kekurangan ikan dan species hidupan air kerana pencemaran air yang berlaku daripada Hospital Manjung sekaligus menjejaskan pendapatan nelayan tempatan; dan **(7)** tiadanya perkhidmatan pungutan sampah juga menyumbang kepada pencemaran dimana penduduk tempatan membakar sampah serta ada yang membuang sampah ke sungai.





FGD 5: KOMUNITI PERSATUAN VETERAN TLDM PERAK

FGD 5 telah diadakan di Pejabat Persatuan Veteran Tentera Laut Diraja Malaysia (PVTLDM) bersama 15 ahli veteran dari PV-ATM dan PV-TLDM. Beberapa isu kebajikan veteran ATM telah dibangkitkan. Antara isu yang dikongsi termasuklah: **(1)** kebajikan ahli veteran yang tidak dijaga dengan baik; **(2)** ketiadaan kelayakan dalam pembelian rumah dan tanah bagi ahli yang telah berpencen; **(3)** kesukaran mendapatkan pinjaman untuk memulakan perniagaan; **(4)** veteran tidak menerima keutamaan di hospital; dan **(5)** tiada bantuan khas bagi mereka yang telah berusia serta jatuh sakit. **(6)** Isu seperti ketiadaan pusat aktiviti atau pusat jagaan khas untuk veteran ATM serta ketiadaan dana khas bagi menjaga kebajikan ahli yang sakit terlantar turut menjadi perhatian utama dalam perbincangan ini.



FGD 6: KOMUNITI PERMATANG

FGD 6 bersama Komuniti Permatang di Pondok Haji Nahar telah membincangkan pelbagai isu. Masalah yang diutarakan ialah: **(1)** isu pukat tunda haram yang sering melanggar had zon, menyebabkan pendapatan nelayan Zon A terjejas; **(2)** pukat tunda yang merosakkan pukat nelayan serta meninggalkan bahan buangan mencemarkan peralatan mereka; **(3)** harga peralatan nelayan seperti pukat terlalu mahal dan perlu dibayar tunai, menjadi bebanan kepada mereka; **(4)** walaupun nelayan menerima sara hidup RM300 dan subsidi minyak, pendapatan mereka masih tidak stabil; **(5)** penggunaan bubu naga yang mengurangkan hasil tangkapan nelayan dan menjejaskan ekosistem; **(6)** keperluan menambah tukun tiruan bagi meningkatkan pembiakan ikan dan mewujudkan blok pukat tunda; **(7)** keperluan membina port penguatkuasaan berdekatan supaya pihak berkuasa dapat membantu nelayan dengan lebih berkesan; **(8)** pencemaran akibat operasi janakuasa elektrik besar; **(9)** paya bakau tidak diberi perhatian dan terancam akibat pembangunan; dan **(10)** perlunya kursus membantu nelayan membaiki bot mereka sendiri.





FGD 7: KOMUNITI KAUM IBU TAMAN SRI BATIK

FGD7 bersama Komuniti Kaum Ibu Taman Sri Batik yang terdiri daripada 17 peserta, termasuk ibu tunggal dan pesara TLDM, membincangkan beberapa isu yang dihadapi. Masalah yang diutarakan ialah: **(1)** pendapatan peniaga tempatan di Teluk Batik terjejas akibat kehadiran pihak luar yang mengadakan ekspo perniagaan setiap cuti panjang dan cuti sekolah; **(2)** ancaman buaya di Teluk Batik yang turut menjejaskan pendapatan peniaga; **(3)** peluang terhad untuk menghadiri kursus bagi mempelajari kemahiran baharu; **(4)** kekurangan kemahiran dalam penggunaan pembayaran atas talian yang menyebabkan sesetengah individu menjadi mangsa penipuan; **(5)** masalah monyet liar yang membimbangkan penduduk serta menjejaskan kebersihan pantai, menyebabkan Teluk Batik kurang menjadi pilihan pelancong; dan **(6)** permohonan serta bayaran pencen pesara TLDM yang tidak diselaraskan dengan baik.





FGD 8: KOMUNITI PENIAGA PEKAN LUMUT DAN PENIAGA *ESPLANADE*

FGD 8 bersama Komuniti Peniaga Pekan Lumut dan Peniaga *Esplanade* di Kedai Haji Sabaruddi yang melibatkan 17 peserta telah membincangkan pelbagai isu. Masalah yang diutarakan ialah: **(1)** isu burung gagak yang tidak terkawal, mengganggu aktiviti penjualan hasil laut, mencuri makanan pelanggan, dan menyebabkan kekotoran di premis sekitar; **(2)** isu parking di pekan Lumut, di mana saman masih dikeluarkan pada hujung minggu walaupun daerah lain tidak berbuat demikian; **(3)** lokasi parking bas yang kurang sesuai, menyebabkan kesesakan lalu lintas dan mengganggu premis jualan; **(4)** kekurangan parking yang menyebabkan kenderaan tetap disaman, dengan cadangan menambah parking di lot tanah kosong berhampiran jeti; **(5)** keadaan Jeti Lumut yang kurang diselenggara, termasuk surau yang sempit dan tidak selesa selepas dipecahkan untuk kedai makan, serta tandas yang hanya dibuka pada waktu siang, menyukarkan pengunjung malam; **(6)** jadual feri yang terlalu berjarak, menyebabkan pengunjung menunggu lama tanpa ruang menunggu yang selesa; **(7)** kurangnya tarikan pelancongan di Lumut tanpa pembangunan tempat menarik; **(8)** Penurunan jumlah pengunjung yang menggunakan feri ke Pulau Pangkor dari Jeti Lumut kerana lebih ramai memilih feri dari Marina Island, yang mendapat lebih promosi dan sokongan; **(9)** infrastruktur yang tidak diselenggara, termasuk bangunan yang tidak dicat dan bangunan terbiar tanpa usaha pembangunan semula; **(10)** isu harga makanan mahal di Pulau Pangkor yang menjejaskan pendapatan peniaga di Lumut akibat kesan viral negatif; **(11)** kurangnya tarikan di sekitar Taman Esplanade menyebabkan kekurang pengunjung dan suasana yang hambar; **(12)** ketiadaan lampu yang menyebabkan suasana gelap dan ramai pengunjung memilih ke Marina Wing; dan **(13)** ketiadaan surau di Taman Esplanade untuk kemudahan solat pengunjung.

BAHAGIAN B

Laporan Pemetaan Isu

P. 074 Lumut

Senarai Jadual

Jadual 1	Komposisi Penduduk di Parlimen Lumut
Jadual 2	Tentatif Ringkas Lawatan Tapak Parlimen Kulim Bandar Baharu
Jadual 3	Rangkuman Isu Rentas SDG
Jadual 4	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 1
Jadual 5	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 2
Jadual 6	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 3
Jadual 7	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 4
Jadual 8	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 5
Jadual 9	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 6
Jadual 10	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 7
Jadual 11	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 8
Jadual 12	Ringkasan Isu 1
Jadual 13	Ringkasan Isu 2
Jadual 14	Pengenalpastian Projek Penyelesaian

Senarai Rajah

Rajah 1	Lumut *Port Industril Park*
Rajah 2	Mesyuarat Inter-Agensi P074 Lumut

Senarai Singkatan

UN	Dewan Undangan Negeri
PN	Perikatan Nasional
PRU	Pilihan Raya Umum
YB	Yang Berhormat

1.0 PENGENALAN



YB Komander Nordin bin Ahmad Ismail
TLDM (Bersara)

Parlimen Lumut terletak di negeri Perak dan meliputi kawasan seluas 343 kilometer persegi. Kawasan parlimen ini merangkumi dua Dewan Undangan Negeri (DUN), iaitu DUN Pasir Panjang dan DUN Pangkor.[37] Menurut Pusat Khidmat Parlimen, Lumut mempunyai jumlah penduduk seramai 126,600 orang. Manakala, bilangan pengundi berdaftar setakat tahun 2023 ialah seramai 92,972 orang.[38] Parlimen Lumut terletak di bawah pentadbiran Pejabat Daerah dan Tanah Manjung serta Majlis Perbandaran Manjung. Pejabat Daerah dan Tanah Manjung bertanggungjawab dalam urusan pentadbiran daerah, pengurusan tanah, pembangunan, dan penyelesaian isu-isu tempatan. Sementara itu, Majlis Perbandaran Manjung bertanggungjawab untuk menyediakan perkhidmatan awam di kawasan perbandaran, termasuk pengurusan pembuangan sampah, penyelenggaraan jalan, dan pembangunan bandar. Kedua-dua badan ini memainkan peranan penting dalam memastikan kesejahteraan masyarakat di Parlimen Lumut, serta merancang dan melaksanakan pelbagai inisiatif pembangunan ekonomi dan sosial.

Pada Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) yang diadakan pada 19 November 2022, kerusi Parlimen Lumut telah dimenangi oleh Komander (Bersara) Nordin Ahmad Ismail dari parti BERSATU yang merupakan gabungan Perikatan Nasional (PN) dengan memperoleh 25,212 undi. Majoriti undi yang diperoleh oleh YB Nordin Ahmad Ismail adalah sebanyak 363 undi. Justeru, pemetaan isu Parlimen Lumut diadakan dengan kerjasama rapat YB Komander (Bersara) Nordin Ahmad Ismail.

Di Parlimen Lumut, terdapat dua mukim, iaitu Mukim Lekir dan Mukim Lumut. Mukim Lekir mempunyai keluasan sebanyak 13,730 hektar, yang merangkumi 11.76 peratus daripada keseluruhan kawasan. Sementara itu, Mukim Lumut dan Pulau Pangkor meliputi kawasan seluas 25,120 hektar, mewakili 21.51 peratus daripada jumlah

[37] Jabatan Perangkaan Malaysia. 2022. *Statistik subnasional: Parlimen Lumut, Perak*. Jabatan Perangkaan Malaysia. https://newss.statistics.gov.my/newss-portalx/ep/epFreeDownloadContentSearch.seam?cid=76701
[38] Pusat Khidmat Parlimen Lumut. (2025). *Borang Profil Parlimen*.

keseluruhan. [39] Mukim Lekir mempunyai 10 kampung, manakala Mukim Lumut mempunyai 11 kampung.[40]

BIL	MUKIM LEKIR	MUKIM LUMUT
1	Kg. Batu 10	Kg. Batu 3 Segari
2	Kg. Pasir Pandak	Kg. Tersusun Pundut
3	Kg. Batu 8	Kg. Bharu (L) Ayer Tawar
4	Kg. Sungai Tiram	Kg. Padang Tembak / Teluk Muruh
5	Kg. Kayan	Kg. Telaga Nenas (L) Ayer Tawar
6	Kg. Tanjung Kepah	Kg. Teluk (L) Ayer Tawar
7	Kg. Batu 14	Kg. Teluk Gedong,Pulau Pangkor
8	Kg. Batu 15	Kg. Teluk Raja Bayang, Pulau Pangkor
9	Kg. Desa Pemarak	Kg. Sungai Pinang Besar, Pulau Pangkor
10	Kg. Tersusun Batu 7	Kg. Teluk Dalam, Pulau Pangkor
11		Kg. Telok Kecil

Sumber: Pejabat Daerah dan Tanah Manjung

Mukim Lekir merupakan salah satu kawasan utama dalam Parlimen Lumut yang menempatkan beberapa kampung tradisional dan kawasan pertanian. Kampung-kampung di bawah Mukim Lekir memainkan peranan penting dalam sektor pertanian, perikanan, dan perusahaan kecil yang menyokong ekonomi tempatan. Mukim Lumut pula terkenal sebagai pusat aktiviti maritim dan pelancongan, selain menempatkan pangkalan tentera laut yang penting bagi pertahanan negara. Kampung-kampung di kawasan ini turut menyumbang kepada pembangunan ekonomi, khususnya dalam sektor pelancongan dan perikanan. Walaupun Mukim Sitiawan sering dikaitkan dengan kawasan sekitar, ia sebenarnya tidak termasuk dalam senarai mukim yang berada di bawah Parlimen Lumut (Pusat Khidmat Parlimen, 2025).

1.1 Geografi/Topografi

Parlimen Lumut terletak di pantai barat Semenanjung Malaysia. Ia bersempadan dengan Laut China Selatan di timur dan terdiri daripada kawasan-kawasan pesisir serta kawasan pedalaman yang lebih berbukit. Parlimen ini juga termasuk kawasan-kawasan pesisir yang membentuk sebahagian daripada daerah Manjung.

Selain menjadi kawasan strategik di Perak, Parlimen Lumut turut menempatkan beberapa institusi penting, termasuk pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM)

[39] Pejabat Daerah dan Tanah Manjung. (n.d.). *Info Ringkas*. Pejabat Tanah dan Galian Perak. Diperoleh pada 26 Februari 2025, daripada https://ptg.perak.gov.my/portal/web/manjung/info-ringkas1
[40] Pejabat Daerah dan Tanah Manjung. (n.d.). *Info Ringkas*. Pejabat Tanah dan Galian Perak. Diperoleh pada 26 Februari 2025, daripada https://ptg.perak.gov.my/portal/web/manjung/info-ringkas1

yang merupakan antara aset pertahanan utama negara. Selain itu, bandar Lumut juga dikenali sebagai pintu masuk utama ke Pulau Pangkor, sebuah destinasi pelancongan popular di Malaysia. Ekonomi di kawasan ini banyak bergantung kepada industri pelancongan, perikanan, serta aktiviti berkaitan maritim.

Topografi kawasan Parlimen Lumut adalah gabungan keindahan alam semula jadi yang memukau. Sebahagian besar kawasan ini terletak di pesisir pantai, dengan beberapa pulau kecil yang tersebar di Laut China Selatan, termasuk Pulau Pangkor yang terkenal sebagai destinasi pelancongan yang mempesona. Pantainya yang indah serta air laut yang tenang menambah pesona kawasan ini. Di sebelah barat, kawasan Lumut berubah menjadi kawasan berbukit dan bukit rendah, yang merangkumi hutan-hutan subur serta tanah tinggi. Bahagian ini merupakan sebahagian daripada kawasan tanah rendah yang menyambung ke Banjaran Titiwangsa di timur. Selain itu, beberapa sungai yang mengalir ke Laut China Selatan membahagi kawasan Parlimen Lumut, memberikan sumbangan penting kepada ekosistem tempatan serta menyokong aktiviti pertanian di kawasan sekitarnya.

Lumut juga dikenali sebagai kawasan bandar yang pesat membangun dengan sektor perkhidmatan, pelancongan, dan perindustrian. Ia mempunyai pelabuhan utama di Lumut, yang merupakan pintu masuk ke Pulau Pangkor dan menjadi hub perdagangan yang penting. Lumut juga mempunyai kawasan perumahan, kemudahan awam, dan industri kecil serta sederhana. Secara keseluruhannya, parlimen Lumut mempunyai pelbagai ciri geografi dan topografi, daripada pesisir pantai yang indah hingga ke kawasan perbukitan dan bandar yang berkembang pesat.

1.2 Komposisi Penduduk

Komposisi penduduk di kawasan Parlimen Lumut pada tahun 2023 mencatatkan jumlah keseluruhan seramai 125,600 orang. Majoriti penduduk terdiri daripada kaum Bumiputera, termasuk Melayu, yang berjumlah 96,842 orang atau 82.2 peratus daripada keseluruhan populasi. Kaum Cina merupakan kumpulan etnik kedua terbesar dengan 10,603 orang, bersamaan 9.0 peratus daripada jumlah penduduk. Seterusnya, kaum India mencatatkan jumlah seramai 10,014 orang, mewakili 8.5 peratus daripada populasi di Lumut. Sementara itu, penduduk daripada kaum lain-lain pula berjumlah 353 orang, iaitu sekitar 0.3 peratus daripada keseluruhan penduduk. Komposisi etnik ini mencerminkan kepelbagaian masyarakat di Lumut yang hidup dalam suasana harmoni dan saling berinteraksi dalam pelbagai aspek kehidupan sosial dan ekonomi.

Jadual 1. Komposisi Penduduk di Parlimen Lumut

BIL.	KAUM	BIL.	% BIL.
1.	Bumiputera/Melayu	96,842	82.2
2.	Cina	10,603	9.0
3.	India	10,014	8.5
4.	Lain-Lain	353	0.3
JUMLAH KESELURUHAN		125,600	100

Sumber: Pusat Khidmat Parlimen Lumut

1.3 Kegiatan Ekonomi Utama

Kawasan Parlimen Lumut mempunyai kepelbagaian kegiatan ekonomi utama yang merangkumi sektor perindustrian, perikanan, pelancongan, dan perkhidmatan.

- **Perindustrian**

  Berdasarkan lawatan tapak serta rujukan kepada pelan guna tanah semasa rancangan tempatan, aktiviti perindustrian di Lumut tertumpu kepada sektor pembinaan kapal dan kejuruteraan marin, terutamanya di kawasan Limbungan TLDM dan Lumut Maritime Terminal, yang menjadi hab penting bagi industri maritim di Malaysia. Pelabuhan Lumut, yang merangkumi Terminal Maritim Lumut (LMT) dan Lekir Bulk Terminal (LBT), telah memainkan peranan penting dalam merangsang perkembangan sosio ekonomi daerah Manjung, Perak. Sejak dibuka pada tahun 1995, pelabuhan ini menunjukkan potensi besar dalam industri kargo pukal dan menjadi rakan strategik kepada Stesen Janakuasa Sultan Azlan Shah (SJSAS) serta Vale, memperkukuhkan kedudukannya sebagai platform perniagaan maritim. Antara tahun 1995 hingga 2000, Pelabuhan Lumut berkembang pesat dengan memainkan peranan utama dalam industri kargo, diikuti dengan peningkatan pengendalian komoditi dan pertumbuhan kargo pukal kering serta cecair antara tahun 2001 hingga 2005. Dalam tempoh 2005 hingga 2010, pelabuhan ini terus memperluaskan operasi serta meningkatkan keupayaan infrastrukturnya, mencapai kejayaan bersama rakan perniagaan strategik. Secara keseluruhan, Pelabuhan Lumut bukan sahaja menjadi pemacu pembangunan prasarana dan infrastruktur, tetapi juga berperanan sebagai pusat industri berasaskan teknologi maritim yang penting di rantau ini.[41]

[41] Shuhaili, A. F. A., & Ariffin, K. (2024). Isu-isu sosioekonomi berkaitan pembukaan Pelabuhan Lumut Perak (1995-2010): Socioeconomic Issues Related To The Opening Of Lumut Port, Perak (1995-2010). *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa*, *35*(2), 47-80.



Rajah 1. Lumut *Port Industril Park*
Sumber: Kosmo[42]

- **Perikanan**

  Selain itu, sektor perikanan di Lumut juga memainkan peranan utama, khususnya di Kampung Acheh dan Pulau Pangkor, di mana komuniti nelayan tempatan bergantung kepada hasil laut sebagai sumber pendapatan utama. Namun, sektor ini berdepan dengan pelbagai cabaran, termasuk pencemaran laut akibat aktiviti perindustrian dan pembangunan pesisir pantai, yang menjejaskan ekosistem marin dan mengurangkan hasil tangkapan. Selain itu, perubahan iklim turut memberi kesan kepada pola migrasi ikan, menjadikan sumber perikanan semakin tidak menentu. Tambahan pula, kos operasi yang meningkat, seperti harga bahan api dan penyelenggaraan bot, menambah beban kepada nelayan kecil yang bergantung sepenuhnya kepada hasil tangkapan harian.

  Di Lumut, kuantiti pendaratan ikan mencatatkan sebanyak 4,779.77 tan, dengan nilai pendaratan mencapai RM26,302,912.50 pada tahun 2021. Ini menunjukkan jumlah yang signifikan dalam sektor perikanan dan memperlihatkan kepentingan ekonomi kawasan ini, di mana hasil laut memberikan sumbangan penting kepada pendapatan masyarakat setempat dan negara. Negeri Perak juga mencatatkan jumlah pendaratan ikan marin yang tertinggi pada tahun 2024.[43]

[42] KOSMO! (2023, December 8). *Transformasi LuMIC perkukuh industri maritim negeri Perak*. KOSMO! Digital. https://www.kosmo.com.my/2023/12/08/transformasi-lumic-perkukuh-industri-maritim-negeri-perak/
[43] Bernama, *Perak catat perdaratan ikan tertinggi di Malaysia pada 2024 - LKIM*, February 25, 2025, https://www.bernama.com/bm/news.php/politik/sukan/nnews.php?id=2396446.

- **Pelancongan**

  Sektor pelancongan turut menyumbang kepada ekonomi tempatan dengan kehadiran Pulau Pangkor sebagai destinasi percutian utama yang menarik pelancong domestik dan antarabangsa, menyokong perkembangan industri hospitaliti dan perniagaan kecil seperti inap desa serta restoran makanan laut. Perancangan Bandar Pertahanan di Lumut, Perak juga sedang dalam perancangan untuk menjadi Bandar Pertahanan ketiga di Malaysia selepas Subang, Selangor dan Lipis, Pahang. Kerajaan negeri kini sedang memperhalusi cadangan ini untuk memastikan ia memberi impak positif kepada pembangunan dan pelancongan daerah Manjung. Konsep Bandar Pertahanan ini diharapkan dapat menarik lebih ramai orang ke kawasan tersebut. Namun, kerajaan negeri meminta supaya cadangan ini diperhalusi lebih lanjut, terutama melibatkan isu tanah, sempadan, serta kerjasama dengan beberapa kementerian lain seperti Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, dan Pejabat Tanah dan Galian. Penubuhan Bandar Pertahanan di Lumut akan menjadi sumber kewangan tambahan bagi kerajaan negeri, dengan sokongan dari Pangkalan Tentera Laut Diraja (TLDM), Lumut Port, dan Pulau Bebas Cukai di Pangkor. Selain itu, kerajaan negeri juga akan bekerjasama dengan Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) untuk menjayakan enam agenda utama dalam Pelan Perak Sejahtera 2030, termasuk memperkukuhkan sekuriti makanan, memperkasa koridor TVET, perlombongan lestari, ekonomi digital, pembuatan keputusan berpaksikan data, dan tadbir urus projek berkepentingan negeri.

  Di samping itu, sektor perkhidmatan seperti perdagangan dan pentadbiran awam juga berkembang pesat, didorong oleh kepesatan pembangunan bandar di Seri Manjung yang berfungsi sebagai pusat komersial utama di kawasan ini. Menurut data Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), sektor perindustrian dan perkhidmatan merupakan penyumbang utama kepada ekonomi Parlimen Lumut, sejajar dengan pertumbuhan pesat infrastruktur dan peningkatan peluang pekerjaan di kawasan ini.

1.4 Hubungan Kerangka Konseptual SDG dan Kontek Tempatan

Dalam menghuraikan hubungan antara kerangka konseptual SDG dan konteks tempatan di kawasan Parlimen Lumut, terdapat beberapa aspek utama yang perlu diberi perhatian, yang merangkumi keadaan fizikal, ekonomi, budaya, sosial, sejarah, dan keunikan kawasan tersebut. Penjelasan komprehensif mengenai tujuh konteks tempatan ini dapat dihubungkan dengan Matlamat dan Sasaran SDG (*Sustainable Development Goals*), untuk memperlihatkan bagaimana pembangunan berkelanjutan dapat dilaksanakan di kawasan tersebut.

Lokasi Fizikal (Bandar, Kampung, Persisiran Pantai, Hutan)

Kawasan Parlimen Lumut terletak di pantai barat Semenanjung Malaysia, yang terdiri daripada kawasan bandar, kampung, serta persisiran pantai. Keunikan geografi ini menyediakan potensi dalam pembangunan ekonomi dan pelancongan, tetapi juga memerlukan perhatian terhadap pemeliharaan alam sekitar. Sebagai contoh pada tahun 2024, empat lokasi di Pulau Pangkor, iaitu Teluk Nipah, Teluk Dalam, Teluk Gedung, dan Tanjung Kelawai, mengalami kesan hakisan pantai yang serius. Jurutera Daerah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Manjung, mengesahkan bahawa pihaknya telah meneliti keseluruhan 32 kilometer panjang pantai di pulau tersebut, di mana keempat-empat lokasi berkenaan telah dikenal pasti sebagai kawasan yang paling terjejas akibat ombak. Garis pantai di kawasan tersebut telah dimasukkan dalam kategori pertama yang menghadapi ancaman hakisan pantai serius, dengan kira-kira 350 rumah nelayan di kawasan tersebut berisiko untuk musnah akibat fenomena ini.[44]

Lumut berfungsi sebagai pintu masuk utama ke Pulau Pangkor, dilengkapi dengan terminal jeti moden serta laluan darat yang baik melalui Lebuhraya Persekutuan, memudahkan perjalanan dan meningkatkan aksesibiliti ke kawasan sekitar. Di kawasan Lumut, terdapat kemudahan awam yang lengkap, termasuk hospital utama seperti Hospital Seri Manjung, klinik kesihatan, serta institusi pendidikan terkemuka seperti Universiti Kuala Lumpur (UniKL), yang memberikan sokongan kepada penduduk tempatan dan pengunjung. Pelabuhan Lumut merupakan hab logistik yang penting, memainkan peranan utama dalam sektor perkapalan dan pengangkutan. Selain itu, kawasan industri di sekitar pelabuhan turut menyediakan pelbagai peluang pekerjaan, menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi setempat. Antara SDG berkaitan dengan perkara ini adalah seperti berikut:

SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi: Meningkatkan peluang pekerjaan dan perniagaan dalam sektor ekonomi utama kawasan tersebut.

> **Sasaran 8.9:** Menjelang 2030, menggubal dan melaksanakan dasar untuk menggalakkan **pelancongan mampan** yang mewujudkan peluang pekerjaan serta mengetengahkan budaya dan produk tempatan.

SDG 11: Bandar dan Komuniti yang Mampan: Penekanan pada pembangunan bandar yang inklusif dan mampan dengan menjaga ekosistem semula jadi.

> **Sasaran 11.2:** Menjelang 2030, menyediakan akses kepada sistem pengangkutan yang selamat, berpatutan, boleh dicapai dan mampan kepada semua,

[44] Hadi, R. (2023, January 9). *4 lokasi di Pulau Pangkor diancam hakisan pantai* [Video]. Harian Metro. https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/01/922216/4-lokasi-di-pulau-pangkor-diancam-hakisan-pantai-metrotv

meningkatkan keselamatan jalan raya, terutamanya dengan memperluas kemudahan pengangkutan awam, dengan tumpuan khusus pada keperluan golongan berisiko, wanita, kanak-kanak, orang kurang upaya dan warga emas.

Sasaran 11.5: Menjelang 2030, mengurangkan jumlah kematian dan bilangan orang yang terjejas secara signifikan dan mengurangkan dengan ketara kerugian ekonomi langsung berbanding dengan keluaran dalam negara kasar global disebabkan oleh bencana, termasuk bencana berkaitan air, dengan tumpuan untuk melindungi golongan miskin dan golongan berisiko.

SDG 14: Hidupan Laut: Melindungi dan memelihara ekosistem pesisir dan laut yang terancam di kawasan persisiran pantai.

Sasaran 14.2: Menjelang 2020, menguruskan dan melindungi ekosistem laut dan pantai secara lestari untuk mengelakkan kesan buruk yang signifikan, termasuk dengan memperkukuh daya tahan ekosistem, dan bertindak ke arah pemulihannya demi lautan yang sihat dan produktif.

Keadaan Ekonomi Tempatan yang Dominan

Ekonomi kawasan ini didominasi oleh sektor perikanan, pelancongan, dan pembuatan, terutamanya industri yang berkait rapat dengan pelabuhan dan sektor maritim. Keadaan ekonomi ini memberi peluang untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat setempat melalui pelaburan dalam sektor-sektor ini. Namun, Pekan Lumut di Perak, yang dahulunya dikenali sebagai pusat aktiviti maritim, pelancongan, dan Bandar Tentera Laut yang meriah, kini semakin sunyi dan kehilangan daya tarikan pelancong. Sebelumnya, Lumut menjadi destinasi popular bagi pelancong yang ingin menikmati pemandangan indah di pesisir pantai yang menghadap Selat Dinding dan Selat Melaka, serta sebagai titik permulaan perjalanan ke Pulau Pangkor dengan menaiki feri. Namun, keadaan ini telah berubah seiring dengan pembukaan Jeti Marina di Jalan Teluk Muroh, yang menawarkan alternatif lebih mudah dan cepat untuk perjalanan ke Pulau Pangkor. Akibatnya, Lumut kini kurang dikunjungi pelancong luar, menjadikan pekan ini semakin sepi dan tidak lagi seaktif dahulu.[45] Antara SDG berkaitan dengan perkara ini adalah seperti berikut:

SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi: Meningkatkan peluang pekerjaan dan perniagaan dalam sektor ekonomi utama kawasan tersebut.

[45] Utusan Malaysia, "Lumut pekan mati, peniaga 'menganggur'," *Utusan Malaysia*, November 2024, https://www.utusan.com.my/berita/2024/11/lumut-pekan-mati-peniaga-menganggur/.

Sasaran 8.2: Mencapai tahap produktiviti ekonomi yang lebih tinggi melalui kepelbagaian, peningkatan teknologi dan inovasi, termasuk dengan penekanan kepada sektor berintensif tinggi nilai tambah dan berintensif buruh.

Sasaran 8.3: Menggalakkan dasar yang menyokong aktiviti produktif, penciptaan pekerjaan yang sesuai, keusahawanan, kreativiti dan inovasi, serta menggalakkan pertumbuhan perusahaan mikro, kecil dan sederhana, termasuk melalui akses kepada perkhidmatan kewangan.

Sasaran 8.9: Menjelang 2030, menggubal dan melaksanakan dasar untuk menggalakkan pelancongan mampan yang mewujudkan peluang pekerjaan serta mengetengahkan budaya dan produk tempatan.

SDG 9: Industri, Inovasi dan Infrastruktur: Meningkatkan akses kepada infrastruktur yang mampan dan mendorong inovasi dalam industri tempatan.

Sasaran 9.1: Membangunkan infrastruktur berkualiti, boleh dipercayai, mampan dan berdaya tahan, termasuk infrastruktur serantau dan rentas sempadan, untuk menyokong pembangunan ekonomi dan kesejahteraan manusia.

Sasaran 9.3: Meningkatkan akses industri berskala kecil dan perusahaan lain, khususnya di negara membangun, kepada perkhidmatan kewangan, termasuk kredit mampu milik serta penyepaduannya ke dalam rantaian nilai dan pasaran.

Sasaran 9.b: Menyokong pembangunan teknologi domestik, penyelidikan dan inovasi dalam sektor perindustrian, termasuk dengan mewujudkan persekitaran dasar yang menyokong kepelbagaian industri dan penambahan nilai kepada komoditi.

Budaya (Nilai Masyarakat)

Kawasan Parlimen Lumut memiliki masyarakat yang pelbagai dari segi budaya dan etnik, dengan pengaruh besar daripada komuniti Melayu, Cina, dan India. Nilai-nilai budaya ini penting dalam memperkukuhkan keharmonian sosial dan kesedaran akan pentingnya memelihara warisan budaya. Komuniti di kawasan ini aktif menganjurkan pelbagai aktiviti seperti sukan komuniti, program kebajikan, dan karnival, yang melibatkan penyertaan masyarakat secara langsung. NGO dan persatuan penduduk turut memainkan peranan penting dalam membantu meningkatkan kesejahteraan masyarakat melalui inisiatif-inisiatif sosial dan kebajikan. Penduduk tempatan turut terlibat secara aktif dalam sektor pelancongan melalui penyediaan perkhidmatan homestay dan perniagaan kedai makan. Inisiatif ini bukan sahaja menyediakan peluang

ekonomi, tetapi juga berperanan dalam mempromosikan budaya dan warisan tempatan, sekaligus meningkatkan kesedaran pelancong terhadap nilai-nilai tradisional dan keunikan daerah tersebut. Antara SDG berkaitan dengan perkara ini adalah seperti berikut:

SDG 16: Keamanan, Keadilan, dan Institusi yang Kuat – Mewujudkan masyarakat yang inklusif dan harmoni melalui pemeliharaan nilai budaya tempatan.

> **Sasaran 16.6:** Membangunkan institusi yang berkesan, bertanggungjawab dan telus di semua peringkat.
>
> **Sasaran 16.7:** Memastikan membuat keputusan yang responsif, inklusif, penyertaan dan mewakili di semua peringkat.
>
> **Sasaran 16.10:** Menjamin akses kepada maklumat dan melindungi kebebasan asas, selaras dengan undang-undang negara dan perjanjian antarabangsa.
>
> **Sasaran 16.b:** Menggalakkan dan menguatkuasakan undang-undang dan dasar bukan diskriminasi untuk pembangunan mampan.

SDG 4: Pendidikan Berkualiti – Menggalakkan pendidikan mengenai kepelbagaian budaya dan warisan tempatan.

> **Sasaran 4.7:** Menjelang 2030, memastikan bahawa semua pelajar memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk menggalakkan pembangunan mampan, termasuk melalui pendidikan untuk pembangunan mampan dan gaya hidup mampan, hak asasi manusia, kesaksamaan jantina, promosi budaya keamanan dan bukan keganasan, kewarganegaraan global dan penghargaan terhadap kepelbagaian budaya dan sumbangan budaya kepada pembangunan mampan.

Sosial (Hubungan Masyarakat)

Kehidupan sosial masyarakat di Parlimen Lumut cenderung berfokus pada hubungan kekeluargaan dan kerjasama dalam komuniti. Aktiviti sosial yang teratur dan sokongan komuniti membantu membangunkan kapasiti tempatan dalam menghadapi cabaran sosial dan ekonomi. Pelbagai aktiviti masyarakat seperti sukan komuniti, program kebajikan, dan karnival dianjurkan. NGO dan persatuan penduduk aktif membantu masyarakat. Hubungan sosial dan kejiranan di Lumut menunjukkan keharmonian yang tinggi dalam masyarakat berbilang kaum, yang terdiri daripada Bumiputera, Cina, dan India, yang hidup dalam semangat perpaduan. Kehidupan masyarakat yang saling

menghormati ini dapat dilihat melalui sambutan perayaan bersama, memperkukuhkan lagi nilai-nilai integrasi kaum. Selain itu, kawasan perumahan terancang dan hubungan kejiranan yang erat menjadikan Lumut sebuah tempat tinggal yang selamat dan harmoni. Aktiviti komuniti seperti gotong-royong memainkan peranan penting dalam memperkukuhkan ikatan sosial antara penduduk, sekali gus mewujudkan suasana kejiranan yang kukuh dan mesra. Antara SDG berkaitan dengan perkara ini adalah seperti berikut:

SDG 3: Kehidupan Sihat dan Kesejahteraan – Meningkatkan kesejahteraan sosial melalui aktiviti komuniti yang positif dan inklusif.

> **Sasaran 3.4:** Menjelang 2030, mengurangkan sebanyak satu pertiga kematian pramatang akibat penyakit tidak berjangkit melalui pencegahan dan rawatan serta menggalakkan kesihatan mental dan kesejahteraan.

SDG 10: Mengurangkan Ketidaksamaan – Meningkatkan kesamarataan dalam akses kepada peluang dan sumber untuk semua lapisan masyarakat.

> **Sasaran 10.2:** Menjelang 2030, memperkasakan dan menggalakkan kemasukan sosial, ekonomi dan politik untuk semua, tanpa mengira umur, jantina, ketidakupayaan, bangsa, etnik, asal usul, agama atau status ekonomi atau lain-lain.

> **Sasaran 10.3:** Menjamin kesaksamaan peluang dan mengurangkan ketidaksamaan hasil, termasuk melalui penghapusan undang-undang, dasar dan amalan diskriminasi serta menggalakkan dasar dan tindakan yang sesuai dalam hal ini.
> **Sasaran 10.7:** Memudahkan migrasi dan mobiliti manusia yang teratur, selamat, beretika dan bertanggungjawab, termasuk melalui pelaksanaan dasar migrasi yang dirancang dan dikendalikan dengan baik.

Nilai Sejarah

Lumut dikenali dengan sejarahnya sebagai pelabuhan dan pusat perdagangan yang penting, selain menjadi lokasi strategik semasa Perang Dunia Kedua. Memelihara tapak sejarah ini penting untuk meningkatkan pemahaman sejarah tempatan di kalangan generasi muda. Antara SDG berkaitan dengan perkara ini adalah seperti berikut:

SDG 4: Pendidikan Berkualiti: Meningkatkan kesedaran sejarah dan kepentingan memelihara warisan untuk pendidikan generasi akan datang.

> **Sasaran 4.7:** Menjelang 2030, memastikan bahawa semua pelajar memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk menggalakkan pembangunan

mampan, termasuk melalui pendidikan untuk pembangunan mampan dan gaya hidup mampan, hak asasi manusia, kesaksamaan jantina, promosi budaya keamanan dan bukan keganasan, kewarganegaraan global dan penghargaan terhadap kepelbagaian budaya dan sumbangan budaya kepada pembangunan mampan.

SDG 11: Bandar dan Komuniti yang Mampan: Memelihara tapak sejarah sebagai sebahagian daripada identiti budaya dan warisan kawasan.

Sasaran 11.4: Mengukuhkan usaha untuk melindungi dan memelihara warisan budaya dan semula jadi dunia.

Keunikan Kawasan Parlimen

Keunikan Parlimen Lumut terletak pada gabungan antara kekayaan alam semula jadi dan kepelbagaian budaya yang menjadikannya destinasi pelancongan yang menarik. Keindahan alam sekitar seperti pantai, hutan simpan, dan keunikan fauna tempatan harus dilestarikan dalam pembangunan berterusan. Keindahan pantai seperti Teluk Batik, Teluk Senangin, dan Pulau Pangkor menjadikan Lumut sebagai destinasi pelancongan yang popular. Usaha pemeliharaan alam sekitar juga dilaksanakan secara aktif untuk memastikan kebersihan dan kelestarian kawasan semula jadi ini, sekaligus menambah daya tarikan kepada pelancong. Infrastruktur awam seperti jalan raya, taman awam, dan ruang rekreasi diselenggara dengan baik. Pencahayaan jalan yang mencukupi dan kebersihan bandar yang terjaga memberikan keselesaan dan keselamatan kepada penduduk serta pengunjung, menjadikan kawasan tersebut lebih mesra pengguna dan menarik untuk dilawati. Antara SDG berkaitan dengan perkara ini adalah seperti berikut:

SDG 15: Kehidupan di Daratan: Melindungi dan memulihara ekosistem daratan, termasuk kawasan hutan dan fauna tempatan.

Sasaran 15.1: Menjelang 2020, memastikan pemeliharaan, pemulihan dan penggunaan mampan ekosistem daratan dan air tanah serta perkhidmatan ekosistemnya, khususnya hutan, tanah lembap, gunung dan kawasan separa gersang, selaras dengan kewajipan di bawah perjanjian antarabangsa.

Sasaran 15.5: Mengambil tindakan segera dan ketara untuk mengurangkan kemerosotan habitat semula jadi, menghentikan kehilangan biodiversiti dan melindungi dan mencegah kepupusan spesies terancam.

SDG 12: Penggunaan dan Pengeluaran yang Bertanggungjawab: Menggalakkan pelancongan yang mampan dan bertanggungjawab di kawasan unik ini.

Sasaran 12.2: Menjelang 2030, mencapai pengurusan mampan dan penggunaan sumber asli yang cekap.

Sasaran 12.8: Menjelang 2030, memastikan bahawa masyarakat di seluruh dunia mempunyai maklumat dan kesedaran yang relevan mengenai pembangunan mampan dan gaya hidup selaras dengan alam sekitar.

Rumusan ini menggambarkan ketersediaan pelbagai kemudahan asas yang menyokong keperluan penduduk dari segi pendidikan, kesihatan, rekreasi, ibadah, pengangkutan, dan infrastruktur. Sebahagian besar kemudahan yang disenaraikan tertumpu kepada keperluan harian penduduk setempat, dengan bilangan kemudahan yang paling banyak adalah tamanpermainan, surau, dan sekolah rendah, yang memberikan kemudahan utama dalam kehidupan seharian penduduk kawasan tersebut. Melalui penghubungkaitkan aspek-aspek tempatan ini dengan Matlamat dan Sasaran SDG, Parlimen Lumut dapat mengarahkan pembangunan ke arah yang lebih inklusif, mampan, dan selaras dengan keperluan masyarakat dan alam sekitar setempat.

2.0 METODOLOGI PENYELIDIKAN

2.1 Pendekatan Kajian

- **Kajian Awalan**
  Kajian awal telah dijalankan oleh penyelidik untuk memahami konteks makro kawasan parlimen serta mengenal pasti isu-isu sedia ada. Kajian ini menggunakan sumber sekunder seperti statistik yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, kajian-kajian terdahulu, pencarian dalam talian, dan laporan akhbar. Pendekatan ini bertujuan untuk menyediakan gambaran umum yang lebih jelas mengenai keadaan semasa dan isu yang perlu diberi perhatian dalam kawasan tersebut.

- **Mesyuarat Awalan, Pra Lawatan dan Pengenalan Profil Kawasan Parlimen**
  Mesyuarat awalan bersama YB Komander Nordin bin Ahmad Ismail TLDM (Bersara) telah diadakan pada 11 Disember 2024 di Parlimen Malaysia untuk membincangkan gerak kerja dan metodologi kajian APPGM-SDG. Dalam mesyuarat tersebut, YB Komander Nordin bin Ahmad Ismail TLDM (Bersara) telah memberi persetujuan untuk bekerjasama dengan APPGM-SDG dalam melaksanakan kajian pemetaan isu di Parlimen Lumut. Wakil daripada APPGM-SDG dihadiri oleh Dr Thanaraj Murudi dan Nuha Mysara.

Pada 14 Januari 2025, Dr Thanaraj Murudi selaku Ketua Penyelidik Lumut telah mengadakan kunjungan hormat terhadap Pegawai Daerah dan Tanah Manjung Tuan Shamsul Ridzuan bin Idris untuk memberi pengenalan APPGM-SDG dan tujuan pemetaan SDG di Parlimen Lumut di Pejabat Daerah dan Tanah Manjung. Tuan Pegawai Daerah telah memberi sokongan penuh dan bersetuju untuk mengadakan Sesi Dialog Inter-Agensi pada 6 Mac 2025 untuk memberi maklum balas dan kesahihan maklumat.

Pada 6 Februari 2025, ketua penyelidik bersama YB Komander Nordin bin Ahmad Ismail TLDM (Bersara) dan pegawai khas Lumut Encik Azham Shah telah mengadakan perbincangan mengenai profil kawasan Parlimen Lumut dan persiapan tentatif lawatan tapak secara atas talian *Zoom* (*Rujuk Lampiran 1*).

- **Penglibatan Awam Melalui Sesi Perbincangan Kumpulan Fokus (FGD)**
  Penglibatan awam melalui sesi perbincangan bersama pihak berkepentingan, atau *Focus Group Discussion* (FGD), merupakan elemen yang amat penting dalam proses pemetaan isu. Tujuan utama penglibatan awam dalam FGD adalah untuk:

    - Mengenal pasti isu dan masalah utama yang dihadapi oleh Parlimen Lumut.
    - Berkongsi pandangan serta cadangan penyelesaian terhadap masalah yang berlaku di kawasan tersebut.
    - Mengambil kira aspirasi daripada kumpulan sasaran berkaitan hala tuju masa hadapan Parlimen Lumut.
    - Pasukan kajian yang terlibat dalam menjalankan sesi FGD bersama komuniti dan lawatan tapak di Parlimen Lumut adalah seperti berikut:

1. Dr Thanaraj Murudi : Ketua Penyelidik, Ketua Zon Utara
2. Mary Malar Xavier : Pembantu Penyelidik
3. Faizzul Amri : Pembantu Penyelidik
4. Hasnatulsyakhira : Pembantu Penyelidik

Sebanyak lapan sesi *Focus Group Discussion* (FGD) telah dilaksanakan bersama komuniti tempatan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) selama tiga hari di kawasan lokaliti Parlimen Lumut. Selain itu, sesi dialog inter-agensi turut diadakan bersama agensi kerajaan selama setengah hari di Bilik Gerakan Pejabat Daerah dan Tanah Manjung. Tentatif ringkas bagi lawatan tapak serta sesi dialog bersama komuniti dan agensi kerajaan.

Jadual 2. Tentatif Ringkas Lawatan Tapak Parlimen Lumut

TARIKH	PERKARA
14 Februari 2025, Jumaat	• FGD 1: Komuniti Kampung Kayan • FGD 2: Komuniti Nelayan Sungai Limau Lekir & Persatuan Aktivis Sahabat Alam • FGD 3: Komuniti Belia Pulau Pangkor
15 Februari 2025, Sabtu	• FGD 4: Komuniti Nelayan Sungai Permatang • FGD 5: Komuniti Persatuan Veteran TDLM Perak • FGD 6: Komuniti Permatang
16 Februari 2025, Ahad	• FGD 7: Komuniti Kaum Ibu Taman Sri Batik • FGD 8: Komuniti Peniaga Pekan Lumut Dan Peniaga Esplanade
21 Februari 2025, Jumaat	• Pengutamaan Isu
5 Mac 2025, Khamis	• Sesi Dialog bersama agensi kerajaan *(Inter-Agency Dialogue)*
15 Mei 2025, Khamis	• Pembangunan Kapasiti bersama Agensi Kerajaan Daerah Manjung *(Capacity Building)*

- **Pengutamaan Isu**

  Pengutamaan isu di kawasan Parlimen Lumut (P074) telah melibatkan perbincangan mendalam bersama Ahli Parlimen YB Komander Nordin bin Ahmad Ismail TLDM (Bersara) pada 21 Februari 2025. Dalam pertemuan tersebut, beberapa isu kritikal yang memerlukan perhatian khusus telah dibincangkan, dengan fokus utama diberikan kepada keperluan pembangunan mampan dan pencapaian matlamat pembangunan lestari di kawasan tersebut.

- **Mesyuarat Inter-Agensi Dialog**

  Mesyuarat Inter-Agensi P074 Lumut telah diadakan di Pejabat Daerah dan Tanah Manjung pada 6 Mac 2025 jam 10.00 pagi di Bilik Gerakan Pejabat Daerah dan Tanah Manjung. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Pegawai Daerah Tuan Shamsul Ridzuan bin Idris. Sebanyak 20 pegawai agensi kerajaan telah hadir untuk memberi input kepada pemetaan Sasaran Pembangunan Mampan (SDG) di kawasan Parlimen Lumut. Antara agensi yang terlibat adalah dari Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Manjung, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Majlis Perbandaran Manjung, Jabatan Alam Sekitar (JAS), Pejabat Perikanan, Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Pejabat Daerah serta Penghulu Mukim.



Rajah 2. Mesyuarat Inter-Agensi P074 Lumut

2.2 Langkah Etika Semasa Kajian Lapangan

Ketua penyelidik mendapatkan persetujuan daripada peserta terlebih dahulu untuk merekodkan suara dan diambil video dan gambar. Sekiranya, peserta FGD tidak bersetuju apa yang dikatakan untuk direkod dan melarang mengambil gambarnya, maka penyelidikan ini tidak boleh mengambil kira perkara tersebut untuk dilaporkan dan dikongsikan di mana-mana platform. Namun begitu, bagi kajian pemetaan isu di Parlimen Lumut, tiada apa-apa halangan daripada pihak peserta.

2.3 Kekangan Lawatan Kajian Lapangan

Sepanjang proses pemetaan isu, terdapat satu kekangan telah dikenalpasti oleh ketua penyelidik. Kekangan yang dihadapi adalah berkaitan dengan sesi *Focus Group Discussion* (FGD). Pada awalnya, kajian ini merancang untuk mengadakan dalam tiga kumpulan sesi FGD berasingan untuk mendapatkan pandangan dari dua kumpulan berbeza. Namun, peserta dalam satu sesi telah meminta supaya kedua-dua kumpulan tersebut digabungkan dalam satu perbincangan. Permintaan ini menyebabkan ketua penyelidik terpaksa menyesuaikan format dan struktur sesi FGD agar dapat menampung perbincangan yang lebih besar dan lebih dinamik.

Untuk mengatasi kekangan ini, ketua penyelidik memutuskan untuk memecahkan sesi menjadi beberapa segmen perbincangan yang lebih kecil bagi memastikan setiap peserta dapat memberikan input yang lebih fokus dan teratur. Selain itu, lebih banyak fasilitator dilibatkan dalam sesi tersebut untuk memastikan proses perbincangan berjalan dengan lancar dan setiap suara didengari. Walaupun menghadapi cabaran dalam penyusunan

semula sesi ini, pendekatan alternatif yang diambil dapat memastikan objektif kajian tetap tercapai tanpa mengorbankan kualiti perbincangan.

2.4 Keterbatasan Kajian

- **Tempoh Masa yang Terhad untuk Sesi FGD**
  Salah satu limitasi utama dalam kajian ini ialah tempoh masa yang terhad untuk sesi *Focus Group Discussion* (FGD), yang hanya berlangsung selama dua jam. Tempoh masa yang singkat ini tidak mencukupi untuk membincangkan isu-isu secara lebih mendalam atau mendapatkan penjelasan yang lebih terperinci daripada peserta. Akibatnya, beberapa aspek penting yang memerlukan perbincangan lebih lanjut dan pengumpulan maklumat yang lebih mendalam terpaksa diketepikan. Walaupun alternatif lain seperti temubual individu atau kajian lebih lanjut dapat dicadangkan, namun kekangan masa menjadikan pendekatan ini tidak dapat dilaksanakan dalam ruang waktu yang sama, mengakibatkan hasil kajian terbatas kepada maklumat yang diperoleh dalam tempoh yang singkat.

- **Kesukaran Menyertakan Semua Kumpulan Sasaran**
  Limitasi lain yang dihadapi adalah kesukaran untuk menemui dan melibatkan semua kumpulan sasaran yang relevan dalam kajian. Walaupun usaha telah dilakukan untuk mengenal pasti dan menjemput wakil daripada pelbagai kumpulan, terdapat beberapa kelompok yang tidak dapat dijumpai atau didekati kerana faktor jarak, kekangan masa, atau kesukaran dalam komunikasi. Hal ini menyebabkan kajian terhad kepada sumber maklumat daripada kumpulan yang berjaya dijumpai sahaja, dengan mengabaikan perspektif penting daripada kelompok lain yang mungkin dapat memberikan pandangan berbeza atau lebih menyeluruh.

3.0 RANGKUMAN ISU RENTAS SDG

Berikut adalah lapan isu utama yang dikenal pasti sebagai keutamaan dan memerlukan perhatian segera. Isu-isu ini dipilih kerana impaknya yang besar terhadap kesejahteraan penduduk dan kaitannya dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG):

Jadual 3. Rangkuman Isu Rentas SDG

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
1	Tahap literasi digital yang rendah dalam kalangan penduduk luar bandar	Masih terdapat golongan yang belum celik dengan teknologi maklumat (IT) di kawasan kampung. Golongan tidak celik IT perlu diajar penggunaan. Sebagai contoh di mana sekarang segala penyata cukai taksiran dan cukai tanah tidak dimajukan melalui pos dan bayaran boleh dibuat melalui online.	Sosial	Belia B40	DUN Pangkor DUN Pasir Panjang	**SDG 4: Pendidikan Berkualiti** ***Sasaran 4.4:*** Meningkatkan kemahiran teknikal dan vokasional, termasuk teknologi maklumat, untuk pekerjaan yang baik dan keusahawanan. **SDG 9: Industri, Inovasi dan Infrastruktur** ***Sasaran 9.c:*** Meningkatkan akses teknologi maklumat dan komunikasi, serta menyediakan internet yang berpatutan di kawasan luar bandar. **SDG 10: Mengurangkan Ketidaksamaan**

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						***Sasaran 10.2**:* Memperkasa semua individu untuk penyertaan sosial, ekonomi, dan politik tanpa halangan teknologi.
2	Murid sekolah menengah bermotosikal tanpa berlesen	PDRM telah mengambil tindakan dengan memberi kesedaran di peringkat sekolah tetapi masih kurang berkesan.	Sosial	Pelajar sekolah	Dun Pangkor Dun Pasir Panjang	**SDG 3: Kesihatan dan Kesejahteraan** ***Sasaran 3.6**:* Mengurangkan separuh jumlah kematian dan kecederaan akibat kemalangan jalan raya menjelang 2030. **SDG 4: Pendidikan Berkualiti** ***Sasaran 4.7**:* Memastikan semua pelajar memperoleh pengetahuan dan kemahiran untuk pembangunan mampan, termasuk pendidikan keselamatan jalan raya. **SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan** ***Sasaran 11.2**:* Menyediakan sistem pengangkutan selamat dan

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						mampan, terutama untuk golongan rentan seperti pelajar.
3.	Peluang pekerjaan kepada golongan belia	Ramai golongan belia berhijrah keluar untuk pekerjaan.	Sosial / Ekonomi	B40 Belia Penduduk setempat	Dun Pangkor Dun Pasir Panjang	**SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi**. ***Sasaran 8.5****:* Mencapai pekerjaan penuh dan produktif serta kerja yang baik untuk semua wanita dan lelaki, termasuk belia dan orang kurang upaya, dengan gaji yang sama untuk pekerjaan yang sama. ***Sasaran 8.6****:* Mengurangkan kadar belia yang tidak bekerja, tidak belajar, dan tidak menjalani latihan menjelang 2020 (dan seterusnya).
4.	Kekangan dana untuk Persatuan Veteran Angkatan Tentera Malaysia	Persatuan ini tidak mempunyai dana tetap bagi menguruskan hal ehwal veteran yang bermasalah dari segi kebajikan dan kesihatan.	Sosial / Ekonomi	-Veteran PVATM	PVATM Pasir Panjang PVATM Pangkor	**SDG 1: Tiada Kemiskinan** ***Sasaran 1.1*****:** Menghapuskan kemiskinan tegar menjelang 2030 untuk semua orang di seluruh dunia, yang kini ditakrifkan sebagai hidup dengan kurang daripada USD 1.90 sehari.

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						Sasaran 1.2: Mengurangkan sekurang-kurangnya separuh kadar kemiskinan dalam semua bentuknya untuk semua lelaki, wanita dan kanak-kanak, berdasarkan definisi nasional, menjelang 2030. ***Sasaran 1.3*:** Melaksanakan sistem perlindungan sosial yang sesuai untuk semua, termasuk dasar perlindungan lantai, dan mencapai perlindungan yang meluas kepada golongan miskin dan mudah terjejas menjelang 2030.
5.	Banjir Kilat	Peningkatan kapasiti air di longkang lama disebabkan penambahan taman perumahan dan kawasan perniagaan baru yang menyebabkan banjir kilat.	Ekonomi / Alam Sekitar	-Penduduk tempatan	Kampung Padang Tembak, Telok Muroh	**SDG 1: Tiada Kemiskinan** ***Sasaran 1.5*:** Membina daya tahan terhadap bencana alam, termasuk banjir, untuk melindungi komuniti miskin dan terdedah daripada kesan ekonomi, sosial, dan alam sekitar yang buruk.

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						SDG 11: Bandar dan Komuniti Lestari ***Sasaran 11.5*:** Mengurangkan jumlah kematian dan kerugian ekonomi akibat bencana, termasuk banjir, dengan fokus kepada perlindungan infrastruktur dan perkhidmatan asas. ***Sasaran 11.6*:** Meningkatkan perancangan dan pengurusan bandar untuk daya tahan terhadap bencana alam. **SDG 13: Tindakan Terhadap Perubahan Iklim** ***Sasaran 13.1*:** Mengukuhkan daya tahan dan kapasiti penyesuaian terhadap risiko berkaitan perubahan iklim, termasuk kejadian banjir.

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						SDG 6: Air Bersih dan Sanitasi ***Sasaran 6.6*:** Melindungi dan memulihkan ekosistem berkaitan air seperti sungai dan tadahan air bagi mengurangkan risiko banjir. **SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan** ***Sasaran 11.6*:** Mengurangkan kesan persekitaran negatif di bandar termasuk kualiti udara yang tercemar dan pengurusan sisa pepejal. **SDG 12: Pengeluaran dan Penggunaan Bertanggungjawab** ***Sasaran 12.4*:** Menguruskan bahan kimia dan sisa buangan sepanjang kitaran hayatnya dengan cara yang mesra alam untuk mengurangkan pencemaran kepada alam sekitar dan kesihatan manusia.

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						SDG 14: Kehidupan di Bawah Air ***Sasaran 14.1*:** Mengurangkan pencemaran laut, termasuk sisa plastik dan bahan pencemar dari aktiviti daratan. **SDG 15: Kehidupan di Darat** ***Sasaran 15.1*:** Melindungi ekosistem daratan daripada pencemaran yang memusnahkan kepelbagaian biologi. **SDG 13: Tindakan Terhadap Perubahan Iklim** ***Sasaran 13.2*:** Menggalakkan tindakan bersepadu untuk mengurangkan pelepasan gas rumah hijau dan pencemaran berkaitan iklim.

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
6.	Projek Pasir dan Kuari mengancam ekosistem	Terdapat kebimbangan mengenai projek pasir laut dan kuari di Mukim Segari yang didakwa mengancam ekosistem. Bagi projek pengambilan pasir laut, ia telah merosakkan kawasan ekosistem penyu dan ikan semula jadi dan kesejahteraan alam sekitar. Beberapa NGO telah menggesa agar kawasan sensitif alam sekitar ini dilindungi dan dipulihara. Bagi projek pengambilan pasir laut, ia telah merosakkan kawasan ekosistem penyu dan ikan semula jadi dan kesejahteraan alam sekitar. Beberapa NGO telah menggesa agar kawasan	Alam sekitar	Nelayan	Telok Senangin	**SDG 3: Kehidupan Sihat dan Kesejahteraan** ***Sasaran 3.9*:** Mengurangkan kematian dan penyakit yang berpunca daripada pencemaran udara, air, dan tanah serta bahan kimia berbahaya. **SDG 6: Air Bersih dan Sanitasi** ***Sasaran 6.3*:** Meningkatkan kualiti air dengan mengurangkan pencemaran, menghapuskan pembuangan sisa berbahaya, dan meningkatkan kitar semula serta penggunaan semula air. **SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan** ***Sasaran 11.6*:** Mengurangkan kesan persekitaran negatif di bandar termasuk kualiti udara yang tercemar dan pengurusan sisa pepejal.

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		sensitif alam sekitar ini dilindungi dan dipulihara. Komuniti Nelayan di Telok Senangin dan Persatuan Aktivis Sahabat Alam (KUASA) telah membuat bantahan kerana ia telah menjejaskan pendapatan nelayan.				**SDG 12: Pengeluaran dan Penggunaan Bertanggungjawab** ***Sasaran 12.4*****:** Menguruskan bahan kimia dan sisa buangan sepanjang kitaran hayatnya dengan cara yang mesra alam untuk mengurangkan pencemaran kepada alam sekitar dan kesihatan manusia.
7.	Pengurusan sampah tidak sistematik	Aktiviti pelupusan sampah yang tidak terkawal tanpa pengurusan yang sistematik menyebabkan kerosakan alam sekitar yang serius di kawasan persisiran pantai Segari. Ini termasuk pencemaran dan kemusnahan habitat semula jadi. Hal ini menyebabkan kerosakan alam sekitar yang serius di kawasan persisiran pantai Segari. Ini termasuk	Sosial / Alam Sekitar	Penduduk setempat	Segari	**SDG 15: Kehidupan di Darat** ***Sasaran 15.1*****:** Melindungi ekosistem daratan daripada pencemaran yang memusnahkan kepelbagaian biologi.

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		pencemaran dan kemusnahan habitat semula jadi.				
8	Kerosakan kawasan penanaman semula pokok paya bakau	Projek tanpa Kebenaran Merancang (KM) Akuakultur Kolam Udang di Kampung Sungai Limau Lekir. Persatuan Aktivis Sahabat Alam (KUASA) bersama komuniti setempat telah membuat bantahan kerana pengusaha kolam udang telah merosakkan ekosistem.	Alam sekitar / ekonomi	-Nelayan Darat -Nelayan Tepi Pantai	-Sungai Limau Lekir	**SDG 15: Kehidupan di Darat** ***Sasaran 15.1*:** Melindungi ekosistem daratan daripada pencemaran yang memusnahkan kepelbagaian biologi.

4.0 GAMBARAN KESELURUHAN PEMETAAN ISU

4.1 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu

Jadual 4. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 1

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 1: Dialog Bersama Komuniti Kampung Kayan **Tarikh:** 14 Februari 2025 **Bilangan peserta:** 10 peserta **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 2 kumpulan			**Agensi yang memberikan maklum balas:** 1. Pegawai Daerah 2. PDRM 3. Jabatan Alam Sekitar (JAS) 4. Jabatan Perikanan Malaysia 5. Majlis Perbandaran Manjung
1.	Kelewatan dalam pembayaran insentif dan dividen peserta FELCRA	Menurut penduduk setempat yang merupakan peserta FELCRA, mereka telah mengalami kelewatan dalam pembayaran insentif yang sepatutnya diterima sebanyak tiga hingga empat kali setahun, serta pembayaran dividen pada setiap akhir tahun yang telah tertangguh selama tiga tahun. Keadaan ini sukar untuk dikenalpasti kerana pihak peserta sendiri telah menghubungi pihak FELCRA bagi mendapatkan maklumat mengenai pusat setempat di kawasan ini, namun tidak memperoleh sebarang jawapan yang memuaskan.	*Tiada maklum balas agensi*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Sebaliknya, pihak tersebut hanya memberi alasan dengan menuding jari kepada pihak atasan tanpa memberikan penjelasan yang jelas. Peserta FELCRA di kawasan ini berpendapat bahawa isu ini tidak seharusnya berlaku kerana pengeluaran sawit diteruskan secara konsisten setiap bulan, dan seharusnya pembayaran insentif dan dividen tidak sepatutnya menjadi masalah.	
2.	Gejala penyalahgunaan dadah dalam kalangan belia semakin membimbangkan	Kebanyakan golongan belia di Kampung Kayan terlibat dalam penyalahgunaan dadah, yang menjadi isu sosial yang signifikan di kawasan tersebut. Pihak polis telah melaksanakan operasi membanteras serta menangkap individu-individu yang terlibat dalam kegiatan ini. Walau bagaimanapun, terdapat pelbagai kekangan yang menghalang usaha murni tersebut, menyebabkan gejala ini terus berlanjut. Sumber utama dadah yang dikesan adalah berasal daripada pihak luar.	**Maklum balas bertulis oleh PDRM** Menurut daripada laporan pemetaan APPGM-SDG yang telah dibentangkan oleh Penyelaras APPGM-SDG Zon Utara Dr Thanaraj seperti di para 2, muka surat 2, hampir 70% belia di Kampung Kayan Sitiawan terlibat dengan gejala penyalahgunaan dadah. Hasil daripada risikan dan soal siasat daripada pihak PDRM Ibu Pejabat Polis Daerah Manjung mendapati tiada kawasan titik panas dadah yang kekal di kawasan ini dan hanya ada sebilangan kecil individu yang lepak sementara pada waktu petang dan bukannya kawasan titik panas penjualan dadah. Kawasan Kampung Kayan ada terkesannya aktiviti-aktiviti penyalahgunaan dadah, akan tetapi masih

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			dalam keadaan yang masih terkawal dan bukannya dalam kalangan yang membimbangkan. Pihak PDRM melalui Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Ibu Pejabat Polis Daerah Manjung akan sentiasa membuat risikan dan pemantauan secara berkala serta serbuan di kawasan sekitar Kampung Kayan daripada masa ke semasa. Untuk makluman juga, disertakan juga statistik tangkapan dan serbuan yang telah dilakukan oleh pihak PDRM dari tempoh tahun 2022 hingga 2025 seperti berikut:
3.	Lambakan warga asing menjejaskan peluang pekerjaan untuk penduduk tempatan	Kedatangan pendatang asing, baik yang sah mahupun yang tidak sah mencetuskan kebimbangan dalam kalangan warga penduduk tempatan yang bekerja di kilang YTY serta sektor-sektor lain telah menjejaskan peluang pekerjaan untuk penduduk tempatan, sekaligus menimbulkan rasa ketidakselamatan dalam kalangan komuniti setempat. Peningkatan bilangan warga asing di kawasan ini telah menimbulkan ancaman terhadap	*Tiada maklum balas agensi*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		keselamatan sosial, termasuk isu pemerdagangan manusia, serta memberi impak negatif terhadap peluang pekerjaan bagi masyarakat tempatan.	
4.	Peluang pekerjaan adalah terhad disebabkan oleh ketiadaan sistem pengangkutan yang berkesan	Ketiadaan kemudahan pengangkutan yang mencukupi menyukarkan penduduk setempat untuk keluar mencari pekerjaan. Kekangan kewangan yang menghalang mereka daripada memiliki kenderaan persendirian ditambah dengan terhadnya perkhidmatan pengangkutan awam, seperti bas yang mempunyai waktu operasi yang terbatas, menyukarkan mereka untuk bekerja di daerah yang menawarkan peluang pekerjaan yang lebih baik, seperti di Sitiawan dan Manjung. Keadaan ini menyebabkan ramai penduduk kampung terpaksa memilih untuk bekerja di kawasan kampung sahaja, walaupun terdapat peluang pekerjaan yang lebih tinggi di luar kawasan tersebut.	**Pegawai Majlis Perbandaran Manjung** Isu berkaitan pengangkutan di Kampung Kayan sebagaimana dinyatakan oleh Pegawai Majlis Perbandaran Manjung menunjukkan bahawa permintaan terhadap perkhidmatan pengangkutan awam di daerah Manjung adalah rendah, khususnya di kawasan pekan Manjung. Menurut beliau, keperluan terhadap pengangkutan awam lebih ketara dalam kalangan pelajar yang memerlukan kemudahan tersebut untuk ke sekolah, manakala golongan dewasa tidak semuanya bergantung kepada pengangkutan awam. Kenyataan ini turut mencerminkan ketidakseimbangan dalam penyediaan dan penggunaan pengangkutan awam yang mungkin berkait rapat dengan corak mobiliti penduduk serta tahap kebergantungan terhadap kenderaan persendirian. Tambahan pula, pegawai tersebut turut menyatakan ketidaktentuan sama ada isu pengangkutan awam ini memberi kesan secara langsung terhadap peluang pekerjaan di kawasan

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			tersebut, sekali gus menimbulkan persoalan mengenai hubungan antara akses mobiliti dan ekonomi setempat.
5.	Gangguan capaian internet yang stabil dan kekurangan kemudahan infrastruktur	Ketiadaan sambungan internet yang stabil serta ketiadaan lampu jalan di beberapa kawasan yang digunakan oleh penduduk telah memberi kesan negatif terhadap kehidupan seharian mereka. Kualiti talian telekomunikasi dan internet yang lemah turut mengganggu aktiviti harian penduduk di kawasan ini. Talian perhubungan yang disediakan oleh syarikat telekomunikasi juga menunjukkan kelemahan. Menurut penduduk, mereka terpaksa bergantung sepenuhnya pada pencawang yang terletak di Bagan Datuk. Terdapat beberapa insiden di mana talian mengalami gangguan untuk jangka masa tertentu, yang mana kejadian tersebut telah berulang beberapa kali.	*Tiada maklum balas agensi*
6.	Penerokaan hutan paya bakau yang tidak terkawal mengganggu kestabilan ekosistem	Hutan paya bakau berperanan penting dalam menahan air laut daripada melimpah ke kawasan daratan. Walaupun struktur penahan telah dibina untuk tujuan pertanian, hutan paya bakau berfungsi sebagai penguat dalam menahan air laut. Kehilangan kawasan paya bakau menyebabkan limpahan air laut ke daratan,	**Jabatan Perikanan Malaysia** Mukim Lekir telah menjadi Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM). Ia menyumbang kepada keterjaminan makanan. Pengeluaran udang dari penternak berhampiran Kg. Kayan adalah sebahagian dari keterjaminan makanan.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		seterusnya merosakkan tanaman-tanaman penduduk seperti kelapa sawit dan tanaman lain. Oleh itu, hutan paya bakau seharusnya dipelihara untuk memastikan kelestariannya, namun penerokaan habitat tersebut masih berlaku, terutamanya oleh pihak yang bertanggungjawab yang mengubah kawasan ini menjadi kolam udang. Hutan paya bakau juga merupakan sumber mata pencarian utama bagi penduduk Kampung Kayan, terutamanya nelayan persisiran pantai dan masyarakat setempat yang bergantung kepada ekosistem ini.	
7.	Ketidakseimbangan komposisi penduduk tempatan dan enrolmen pelajar sekolah aliran Tamil	Terdapat kekurangan pembangunan petempatan baharu yang bertujuan untuk menambah kapasiti populasi pelajar di kawasan ini. Di Kampung Kayan, ramai penduduk memilih untuk berhijrah ke lokasi lain selepas membina keluarga, disebabkan oleh ketiadaan petempatan baharu yang dirancang atau dibangunkan di kawasan tersebut.	*Tiada maklum balas agensi*

Jadual 5. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 2

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 2: Dialog Bersama Komuniti Nelayan Sg Limau Lekir & Persatuan Aktivis Sahabat Alam **Tarikh:** 14 Februari 2025 **Bilangan peserta:** 9 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam satu kumpulan			**Agensi yang memberikan maklum balas:** 1. Jabatan Perikanan Malaysia
1.	Penerokaan hutan paya bakau mengganggu ekosistem semula jadi	Aktiviti yang dijalankan berpotensi mengganggu keseimbangan ekosistem semula jadi, sekali gus menjejaskan kepelbagaian biodiversiti di kawasan terlibat. Tindakan tersebut turut menimbulkan ancaman terhadap keselamatan penempatan penduduk setempat, khususnya dari segi risiko bencana alam dan kemerosotan kualiti hidup. Selain itu, kesan negatif yang terhasil juga boleh menyebabkan kemerosotan pendapatan dalam kalangan nelayan persisiran pantai akibat perubahan habitat marin dan pengurangan hasil tangkapan. Kemusnahan habitat semula jadi hutan paya bakau akibat aktiviti tertentu telah memberikan	*Tiada maklum balas agensi*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		kesan yang signifikan terhadap ekosistem kawasan tersebut. Pokok paya bakau, yang memerlukan tempoh masa yang panjang untuk mencapai kematangan, mengalami kemerosotan yang serius, termasuk kepupusan spesies tertentu seperti pokok perepat, yang dikatakan hanya terdapat di kawasan Lumut. Kerosakan ini bukan sahaja mengganggu keseimbangan ekosistem, malah turut mengakibatkan hakisan tanah yang boleh mengancam keselamatan penempatan penduduk setempat. Keadaan ini menimbulkan kebimbangan dan trauma dalam kalangan masyarakat, khususnya apabila mengingatkan mereka kepada tragedi tsunami yang berlaku pada tahun 2004. Selain itu, isu ini turut memberi kesan negatif terhadap sumber pendapatan nelayan persisiran pantai yang bergantung kepada hasil laut seperti siput dan hidupan marin lain. Keterbatasan peralatan untuk meneroka kawasan laut dalam serta kekangan zon tangkapan yang ditetapkan berdasarkan lesen yang didaftarkan menyukarkan lagi keadaan mereka. Situasi ini	

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		secara langsung menjejaskan kelangsungan ekonomi komuniti nelayan, seperti yang dialami oleh Nelayan Sungai Limau Lekir, yang semakin terkesan akibat perubahan dalam ekosistem dan sumber perikanan di kawasan mereka.	
2.	Operasi penternakan udang menyumbang kepada pencemaran alam sekitar	Pencemaran kimia yang berpunca daripada aktiviti akuakultur, khususnya operasi kolam udang, menimbulkan ancaman serius terhadap kesihatan manusia dan kelestarian ekosistem marin. Sisa kimia berbahaya yang dilepaskan ke laut semasa proses pembersihan kolam dapat mencemari perairan dan mengancam kelangsungan hidup hidupan laut. Pencemaran ini bukan sahaja menjejaskan biodiversiti marin, tetapi juga berpotensi menyebabkan bioakumulasi bahan toksik dalam organisma akuatik. Akibatnya, hasil laut yang ditangkap di kawasan tercemar mungkin mengandungi bahan kimia berbahaya yang boleh memberi kesan negatif terhadap kesihatan penduduk setempat.	**Jabatan Perikanan Malaysia** Bahan kimia digunakan untuk nyah kuman di dalam kolam udang adalah klorin pada kepekatan yang rendah. Ia berlaku selepas pengutipan hasil. Pelepasan klorin ke sungai dilakukan semasa air pasang supaya tidak memberi kesan kepada ekosistem. Jabatan Perikanan Malaysia tidak pernah menerima laporan kematian ikan besar-besaran di Sg. Limau dan perairan laut. Operasi kolam udang banyak terdapat di sepanjang Sungai Segari dan Sungai Raja Hitam. Tidak berlaku kematian ikan secara besar-besaran di sungai-sungai ini. Terdapat banyak rumah rakit bagi pemancing ikan di Kg. Telaga Nenas disebabkan banyak ikan dan bersaiz besar.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
3.	Kekeliruan prosedur dan pertindihan bidang kuasa	Nelayan darat tidak mempunyai pemahaman yang jelas mengenai prosedur kelulusan projek pembinaan kolam udang di habitat hutan paya bakau. Rentetan itu tanah hutan paya bakau yang pada asalnya dimiliki oleh Yayasan Perak telah disewakan kepada individu yang tidak bertanggungjawab. Akibatnya, berlaku penerokaan terhadap kawasan hutan paya bakau yang dilindungi bagi tujuan pembangunan kolam ternakan udang. Selain itu, wujud pertindihan birokrasi dan bidang kuasa dalam pengurusan isu ini, yang mengakibatkan ketiadaan pihak berautoriti yang secara jelas mengambil tanggungjawab untuk menyelesaikan masalah tersebut.	*Tiada maklum balas agensi*

Jadual 6. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 3

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 3: Dialog Bersama Komuniti Belia DUN Pangkor **Tarikh:** 14 Februari 2025 **Bilangan peserta:** 5 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam satu kumpulan			**Agensi yang memberikan maklum balas:** 1. Penghulu Mukim Pangkor 2. Majlis Perbandaran Manjung.
1.	Peluang pekerjaan yang terhad disebabkan oleh keterbatasan dalam mobiliti	Di Pulau Pangkor, majoriti golongan belia tidak memiliki pekerjaan tetap dan bergantung kepada perniagaan sendiri atau bekerja sebagai "beach boy." Peluang perniagaan dalam komuniti setempat hanya meningkat semasa kehadiran pelancong, yang kebiasaannya tertumpu pada hujung minggu dan hujung bulan. Selain itu, isu pengangkutan turut menjadi cabaran utama bagi golongan belia untuk berulang-alik ke tanah besar.	**Penghulu Mukim Pangkor** Di peringkat sekolah, pelbagai aktiviti telah dianjurkan dengan penyertaan universiti, termasuk projek komuniti. Walau bagaimanapun, beberapa universiti yang dijangka hadir, seperti dalam projek komuniti kelulut terbaru di Kampung Belia, tidak memberikan kehadiran. Hal ini menunjukkan wujudnya jurang antara perancangan program dan penglibatan sebenar pihak universiti. Tambahan pula, apabila isu tempatan Pulau Pangkor dibangkitkan, pengumpulan maklumat sukar dilakukan kerana pelbagai masalah yang wujud di kawasan tersebut, yang menuntut perhatian dan penyelidikan lebih lanjut.
2.	Kekurangan kemudahan rekreasi untuk golongan belia	Di Pulau Pangkor, belia menghadapi kekurangan pusat rekreasi yang dapat digunakan untuk mengisi masa lapang mereka. Ketiadaan kemudahan tersebut menyumbang kepada kemunculan budaya	**Pegawai Majlis Perbandaran Manjung** Dalam konteks pembangunan kemudahan rekreasi di Pulau Pangkor, pihak berkuasa tempatan melalui Rancangan Kawasan Khas (RKK) yang terbaharu telah merangka beberapa

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		lepak serta masalah sosial lain, seperti penyalahgunaan dadah. Sebelum ini, terdapat kemudahan futsal dan padang bola, namun, penduduk kampung mengadu mengenai gangguan bunyi bising yang berlaku ketika belia menjalankan aktiviti sukan di kawasan tersebut. Selain itu, bagi tujuan riadah dan sukan, penduduk terpaksa ke tanah besar, di mana terdapat lebih banyak pilihan kemudahan serta waktu yang lebih fleksibel.	inisiatif khusus bagi memperkukuh penyediaan kawasan rekreasi, terutamanya untuk golongan belia. Menurut Pegawai Majlis Perbandaran Manjung (Minit 26.42), antara kawasan yang dikenal pasti ialah Pangkor Promenade yang terletak berhampiran Teluk Nipah. Kawasan ini telah dikenal pasti sebagai salah satu tapak strategik yang dikhususkan untuk aktiviti rekreasi belia, sejajar dengan matlamat RKK untuk menjadikan Pulau Pangkor sebagai destinasi yang inklusif dan mesra generasi muda. Perancangan ini mencerminkan komitmen pihak berkuasa dalam memperluas kemudahan awam yang mampu menyokong gaya hidup sihat dan keterlibatan sosial dalam kalangan penduduk setempat, khususnya golongan belia.
3.	Kesukaran mengakses kemudahan kesihatan.	Pulau Pangkor masih kekurangan kemudahan hospital, dengan hanya terdapat klinik desa sebagai fasiliti kesihatan utama. Sekiranya berlaku kecemasan yang memerlukan rawatan lanjut, terdapat perkhidmatan bot ambulans, namun ia dikenakan bayaran, yang	**Penghulu Pangkor** Akses perkhidmatan ambulans di kawasan berkenaan tidak memerlukan bayaran, namun penubuhan hospital di lokasi tersebut menghadapi cabaran utama berkaitan kekangan tenaga kerja. Kakitangan awam yang sedia ada di

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		seterusnya membebankan penduduk setempat.	Pulau Pangkor adalah terhad dan bersifat bergilir, justeru penubuhan hospital serta kemudahan kuarters akan menimbulkan pelbagai isu pengurusan dan logistik.
4.	Penyalahgunaan dadah dalam kalangan belia.	Kebanyakan belia di Pulau Pangkor terlibat dalam penyalahgunaan dadah, suatu isu yang berkait rapat dengan kekurangan pusat rekreasi atau program yang dapat mengisi masa lapang mereka.	**Penghulu Mukim Pangkor** Berdasarkan makluman terkini, isu penyalahgunaan dadah dapat dikawal melalui pelaksanaan program-program intervensi yang sedia ada. Menurut laporan daripada Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), bilangan Orang Kena Tuduh (OKT) adalah seramai tiga individu sahaja, kesemuanya merupakan penagih berulang.
5.	Perkhidmatan feri kepada penduduk Pulau Pangkor kurang memuaskan	Perkhidmatan feri kepada penduduk setempat menunjukkan ketidaksesuaian harga tambang yang dikenakan, yang dianggap tidak berpatutan dan tidak mengambil kira keperluan ekonomi serta sosial komuniti tempatan. Di samping itu, waktu operasi perkhidmatan feri yang semakin terhad, hanya sehingga jam 6 petang, memberi impak negatif terhadap aksesibiliti	*Tiada maklum balas agensi*

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		penduduk untuk menggunakan kemudahan ini pada waktu yang lebih fleksibel. Sebagai penduduk asal Pulau Pangkor, mereka tidak menikmati sebarang kelebihan; malah, mereka lebih terbeban kerana sekiranya bilangan penumpang terlalu ramai sehingga tiada tiket yang tersedia, mereka terpaksa menunggu feri berikutnya. Tiada tiket khas yang diperuntukkan untuk penduduk Pulau Pangkor bagi tujuan perjalanan harian mereka. Waktu operasi feri yang terhad turut memberi kesulitan kepada penduduk tempatan yang mempunyai urusan di tanah besar (Lumut).	
6.	Kuasa membeli bagi memiliki rumah di Pulau Pangkor adalah sukar bagi penduduk yang	Harga flat yang mampu milik hanya terhad kepada golongan nelayan, manakala penempatan lain terlalu mahal untuk penduduk setempat yang bukan nelayan. Pemilikan rumah menjadi semakin sukar berikutan harga yang tinggi. Harga yang berpatutan hanya dapat diakses oleh	*Tiada maklum balas agensi*

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	bukan nelayan yang sah	golongan nelayan. Di samping itu, ketersediaan penempatan juga semakin terhad, dengan tanah dan ruang kosong yang semakin berkurangan	
7.	Suara golongan belia tidak mendapat perhatian yang sewajarnya.	Pandangan dan cadangan yang dikemukakan oleh pihak belia tidak diberi perhatian yang sewajarnya. Keputusan-keputusan utama dikawal sepenuhnya oleh golongan yang lebih tua. Apabila belia menyuarakan pandangan mereka, golongan yang lebih tua cenderung untuk menolaknya secara terus tanpa mengadakan sebarang perbincangan terlebih dahulu.	**Penghulu Pangkor** Suara belia sering dianggap kurang didengari, walaupun terdapat Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK), komuniti setempat, dan pelbagai NGO yang aktif menganjurkan program bersama belia. Pihak pengurusan menegaskan bahawa mereka sentiasa memberi perhatian terhadap pandangan belia dan mendengar saranan yang dikemukakan, namun isu yang dibangkitkan untuk dibangkang tidak jelas.

Jadual 7. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 4

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 4: Dialog Bersama Komuniti Nelayan Sungai Permatang **Tarikh:** 15 Februari 2025 **Bilangan peserta:** 5 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam satu kumpulan			**Agensi yang memberikan maklum balas:** 1. Pegawai Daerah 2. LKIM
1.	Kelemahan penyaluran bantuan kepada nelayan	Bantuan yang diberikan, seperti pukat dan peralatan memancing lain, mengalami pengurangan dari segi kuantiti, kewangan, serta bahan api untuk bot-bot nelayan. Pihak kerajaan dan agensi-agensi berkaitan seharusnya memastikan penyaluran bantuan yang mencukupi bagi memenuhi keperluan nelayan. Keadaan ini berlarutan dan seterusnya menimbulkan ancaman terhadap pendapatan golongan nelayan di kawasan tersebut.	**Agensi LKIM** Nelayan di Sungai Permatang berada di bawah Persatuan Nelayan Manjung Selatan. Pada tahun lepas, bantuan yang diberikan tidak khusus kepada nelayan di Sungai Permatang sahaja, sebaliknya merangkumi semua nelayan di bawah jajahan Manjung Selatan, dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM150,000. Bantuan ini termasuk kotak insulasi, enjin, jaket, dan pukat; di mana kotak diberikan kepada 20 penerima manakala enjin kepada 7 penerima. Selain itu, nelayan juga menerima elaun sara hidup bulanan dan insentif hasil tangkapan, yang diberikan berdasarkan jumlah ikan yang ditangkap setiap hari. Bantuan subsidi minyak turut disediakan kepada nelayan yang layak. Kesemua bantuan ini hanya diberikan kepada nelayan yang berdaftar dan berlesen, manakala nelayan yang tidak berdaftar atau tidak berlesen tidak menerima sebarang bantuan.

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			Agensi JKM Dalam proses permohonan bantuan, terdapat satu panduan rasmi yang digunakan iaitu garis kemiskinan (PGK) sebagai penentu utama kelayakan pemohon. Bagi isi rumah, PGK ditetapkan pada RM1,198.00, manakala bagi per kapita adalah RM322.00. Kelayakan pemohon ditentukan dengan membahagikan jumlah pendapatan isi rumah dengan bilangan ahli rumah tersebut. Hasil pengiraan ini menentukan sama ada pemohon layak menerima bantuan. Setakat ini, rekod menunjukkan hanya sebilangan pemohon veteran yang menerima bantuan, manakala sesetengah pemohon tidak layak kerana pendapatan isi rumah melebihi PGK yang ditetapkan. Faktor ini menjadi salah satu punca pemohon gagal layak.
2.	Proses permohonan lesen yang membebankan dengan prosedur yang kompleks dan memerlukan usaha yang besar dari pihak pemohon.	Para nelayan menghadapi kesukaran dalam memperoleh lesen memancing dan lesen bot. Prosedur birokrasi yang wujud pada masa ini merumitkan proses permohonan lesen oleh para nelayan. Situasi ini seterusnya memberi impak negatif terhadap kelancaran aktiviti ekonomi mereka, kerana sekiranya didapati mereka tidak memiliki lesen yang sah, pihak berkuasa akan	**Jabatan Perikanan Malaysia** Proses permohonan lesen bermula dengan membuat permohonan kepada Persatuan Nelayan Kawasan. Persatuan akan mengemaskini nelayan tulen. Persatuan akan menghantar permohonan kepada Jabatan Perikanan Malaysia untuk penilaian. Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) turut memberi penilaian bagi bantuan sara hidup. Ini

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka.	melibatkan peruntukan selama ia menjadi nelayan. Kebanyakan nelayan ingin mendapatkan lesen kerana bantuan sara hidup. Secara amnya kouta lesen bagi zon A telah dibekukan. Tidak ada lesen dikeluarkan tetapi bergantung kepada pihak atasan. Ini bagi mengelakkan kepupusan dan pengurangan sumber perikanan disebabkan tangkapan yang tidak terkawal (overfishing). Masih terdapat kekosongan permohonan lesen bagi vesel zon C. Bagi vesel zon A seperti yang banyak terdapat Sungai Permatang tidak ada lesen baru dikeluarkan.
3.	Pengurusan sampah yang tidak teratur di sekitar Kampung Permatang	Pengurusan sampah yang tidak teratur merupakan isu yang ketara di kawasan ini, di mana tiada sistem pengendalian sampah yang efektif. Penduduk terpaksa membuang sampah ke dalam sungai atau membakarnya, yang menyebabkan pencemaran terhadap kualiti air dan udara. Keadaan ini berpotensi mengancam kualiti hidup penduduk setempat. Oleh itu, adalah penting bagi pihak kerajaan untuk mengambil langkah proaktif dalam mendidik masyarakat mengenai kepentingan menjaga kebersihan dan mengamalkan pengurusan sampah yang betul	*Tiada maklum balas agensi*

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		bagi mengurangkan kesan negatif terhadap alam sekitar dan kesihatan awam.	
4.	Cabaran aksesibiliti kepada bekalan air bersih	Penduduk di kawasan ini bergantung kepada bekalan air bersih yang disalurkan melalui paip utama yang terletak jauh dari petempatan mereka. Keadaan ini mengakibatkan tekanan air yang rendah untuk kegunaan harian mereka. Tambahan pula, kerap kali berlaku kerosakan pada paip yang disambungkan ke paip utama, menyebabkan penduduk terpaksa membaikinya sendiri. Sekiranya menunggu tindakan daripada pihak berwajib, ia akan mengambil masa yang lama dan mengganggu kelancaran aktiviti harian mereka.	*Tiada maklum balas agensi*
5.	Keadaan jalan raya yang berbahaya	Jalan raya di kawasan ini adalah sempit, menyebabkan kesukaran bagi kenderaan untuk berselisih. Keadaan ini turut menimbulkan risiko terhadap keselamatan penduduk yang berjalan di bahu jalan. Selain itu, jalan raya tersebut juga mengalami kerosakan dengan lubang-lubang yang jelas, dan berdasarkan keterangan penduduk setempat, jalan tersebut telah lama tidak dibaiki atau diturap.	**Pegawai Majlis Perbandaran Manjung** Kawasan berkenaan pada asalnya merupakan kampung dengan tanah berstatus lot-lot besar. Penduduk tempatan telah menggunakan laluan tersebut sejak dahulu, bermula sebagai jalan tanah, kemudian diperbaiki dengan batu dan tar, sehingga menjadi jalan seperti sekarang. Jalan tersebut dibina di atas tanah persendirian, dan pihak JKR menegaskan bahawa sebarang kerja naik taraf tidak dibenarkan kerana ia melibatkan tanah milik individu.

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			Walaupun terdapat cadangan pihak berkuasa untuk menaik taraf jalan, ia menghadapi kekangan kerana laluan tersebut berada di atas hak milik peribadi penduduk tempatan.
6.	Kesukaran mendapatkan kemudahan infrastruktur bagi nelayan	Bagi nelayan di kawasan ini, mereka membina pelantar persendirian untuk meletakkan bot mereka. Walau bagaimanapun, pelantar-pelantar tersebut memerlukan bekalan elektrik, namun para nelayan menghadapi kesukaran dalam permohonan untuk penyambungan bekalan elektrik, disebabkan keperluan untuk menyediakan dokumen-dokumen yang sah.	*Tiada maklum balas agensi*
7.	Pencemaran air akibat sisa buangan dari Hospital Manjung	Pencemaran air yang berpunca daripada sisa-sisa yang dibuang oleh Hospital Manjung Kejadian ini berisiko mengurangkan hasil tangkapan laut, sekaligus mengancam keselamatan makanan bagi komuniti setempat.	**Jabatan Alam Sekitar** Berdasarkan semakan rekod Jabatan, tiada aduan berkaitan perkara ini. Namun demikian, sekiranya perkara ini berasas, mohon perkara ini disalurkan ke Laman Utama - Portal Sistem e-Aduan Jabatan Alam Sekitar Malaysia untuk tindakan lanjut. Mohon lampirkan gambar yang menunjukkan lokasi punca sisa yang didapati mengalir ke sungai tersebut.
8.	Tiada sebarang bentuk bantuan atau sokongan yang disediakan bagi	Pelancongan memancing tidak menerima sokongan promosi dan galakan yang mencukupi daripada pihak kerajaan atau agensi-agensi yang berkaitan.	*Tiada maklum balas agensi*

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	aktiviti ekonomi nelayan.	Mereka menyediakan perkhidmatan membawa pelancong untuk aktiviti memancing, yang merupakan salah satu cabang pelancongan yang menarik. Namun, bentuk pelancongan ini kurang mendapat perhatian disebabkan oleh kekurangan promosi yang dijalankan oleh pihak kerajaan serta agensi-agensi berkaitan. Sebaliknya, promosi hanya dilakukan secara individu melalui platform media sosial seperti *Facebook* dan *WhatsApp.*	

Jadual 8. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 5

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 5: Dialog Bersama Komuniti Persatuan Veteran Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) Perak (PVATM & PVTLDM) **Tarikh:** 15 Februari 2025 **Bilangan peserta:** 13 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam satu kumpulan			**Agensi yang memberikan maklum balas:** 1. Pegawai Daerah 2. JKM
1.	Kebimbangan terhadap keberkesanan penyediaan sokongan sosial	Setelah pemansuhan pencen, pihak kerajaan telah berjanji untuk memberikan bantuan sara hidup, namun sehingga kini, bantuan tersebut masih belum diterima. Selain itu, salah satu bentuk bantuan yang amat diperlukan adalah dalam aspek kesihatan, khususnya berkaitan rawatan penyakit dan keperluan asas seperti lampin pakai buang. Mereka juga mencadangkan penyediaan pinjaman perniagaan bagi memudahkan mereka menyara kehidupan. Walau bagaimanapun, ketiadaan dana sokongan atau skim khas yang dapat membantu mereka untuk berdikari setelah tamat perkhidmatan menimbulkan kebimbangan mengenai kesejahteraan mereka.	Tiada sebarang ulasan dari agensi kerajaan kerana melibatkan polisi kerajaan persekutuan.
2.	Bayaran pencen yang tidak relevan dengan keadaan	Bayaran pencen perlu disemak semula kerana ia dianggap tidak lagi relevan dengan keadaan ekonomi semasa. Individu yang menerima pencen pada tahun-tahun terdahulu seringkali	**Pegawai Daerah** Beberapa isu atau masalah wujud berdasarkan dasar Kerajaan Persekutuan, seperti hal berkaitan pencen, had umur persaraan, dan jumlah pencen yang

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	keperluan ekonomi semasa.	memperoleh jumlah yang sangat tidak setimpal dengan kos sara hidup. Oleh itu, kerajaan perlu mempertimbangkan semakan terhadap kadar bayaran pencen yang diterima, kerana jumlah tersebut tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan peribadi dan keluarga penerima.	diterima. Isu-isu ini tidak ditentukan di peringkat tempatan dan oleh itu, bukan sesuai untuk dibincangkan di platform ini kerana ia berada di bawah kuasa dan pengurusan dasar Kerajaan Persekutuan.
3.	Ketiadaan pusat jagaan khas untuk veteran terutama bagi veteran yang sakit dan terlantar.	Ketiadaan pusat jagaan khas untuk veteran telah memberi bebanan yang besar kepada mereka. Walaupun terdapat pusat jagaan swasta, veteren tersebut tidak mampu untuk membayar perkhidmatan ini disebabkan oleh pendapatan pencen yang rendah. Mereka juga tidak dapat bergantung sepenuhnya kepada anak-anak mereka kerana anak-anak tersebut memiliki komitmen masing-masing. Keadaan ini menjadi lebih kritikal bagi veteran yang terlantar atau tidak berupaya bergerak (bed-ridden), kerana tiada individu yang dapat menjaga kebajikan dan kesihatan mereka.	*Tiada maklum balas agensi*
4.	Pengurusan Veteran Kebangsaan (MVK) dianggap tidak berkesan	Peranan Majlis oleh warga veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) kerana terdapat kekurangan respons atau tindakan susulan terhadap isu-isu yang dibangkitkan.	*Tiada maklum balas agensi*

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
5.	Tiada keistimewaan khusus diberikan kepada veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) berkenaan kuota haji atau peluang perniagaan. Mereka disamakan dengan penjawat awam yang lain, walaupun berada di bawah naungan institusi tertinggi, iaitu Yang di-Pertuan Agong.	Mereka merasakan bahawa tiada keistimewaan yang diberikan kepada mereka seperti yang telah diuar-uarkan sebelum ini, contohnya dalam hal pengagihan Kelas 1 dan Kelas 2 di wad hospital. Fenomena yang sama turut berlaku dalam aspek pembelian rumah dan tanah, di mana tiada skim khas disediakan untuk membantu mereka memiliki hartanah tersebut. Begitu juga dalam hal kuota haji, mereka tidak diberikan pakej khas dan masih terpaksa membayar jumlah yang sama seperti orang awam untuk mendapatkan tempat. Pada masa ini, mereka berasa bahawa Angkatan Tentera Malaysia (ATM) diperlakukan sama seperti penjawat awam yang lain, meskipun mereka terpaksa menghadapi risiko dan memikul peranan yang lebih berat dalam mempertahankan negara.	*Tiada maklum balas agensi*
6.	Ketidakpadanan pekerjaan dan kepakaran dalam kalangan bekas anggota ATM selepas bersara	Mereka merasakan bahawa kemahiran dan ilmu yang dimiliki tidak diiktiraf setelah bersara dan meninggalkan Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Sebagai contoh, individu yang memiliki kepakaran dalam bidang senjata sering kali diberikan tugas yang tidak setimpal, seperti pengawal keselamatan, walhal tahap pengetahuan dan kemahiran mereka jauh	*Tiada maklum balas agensi*

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		melebihi pekerjaan tersebut. Begitu juga, individu yang sebelum ini berperanan sebagai jurutera dalam ATM mendapati bahawa mereka sukar untuk memperoleh pekerjaan yang setara dengan kelayakan dan pengalaman yang dimiliki setelah meninggalkan perkhidmatan tentera.	
7.	Jurang Pemahaman dan Persepsi Awam Mengenai Peranan dan Komitmen Angkatan Tentera Malaysia (ATM)	Kesedaran masyarakat mengenai peranan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) masih kurang jelas, di mana banyak individu belum sepenuhnya memahami tanggungjawab dan fungsi utama ATM dalam menjaga keselamatan dan kedaulatan negara. Terdapat sebahagian daripada kalangan masyarakat yang berpendapat bahawa anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) tidak sepatutnya menerima gaji atau pencen yang tinggi, kerana bagi mereka, anggota ATM hanya menjalankan tugas yang tidak melibatkan kerja yang signifikan.	*Tiada maklum balas agensi*

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
8.	Tiada premis khusus yang disediakan untuk operasi kelab atau persatuan Angkatan Tentera Malaysia (ATM),	Mereka memohon agar pihak berwajib menyediakan premis yang sesuai bagi memudahkan pelaksanaan aktiviti persatuan, termasuk mesyuarat serta aktiviti sosial yang lain.	*Tiada maklum balas agensi*

Jadual 9. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 6

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 6: Dialog Bersama Komuniti Permatang **Tarikh:** 15 Februari 2025 **Bilangan peserta:** 8 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam satu kumpulan			**Agensi yang memberikan maklum balas:** 1. Pegawai Daerah 2. JKM 3. LKIM 4. Jabatan Perikanan Malaysia 5. Jabatan Alam Sekitar
1.	Pencerobohan pukat tunda di kawasan tangkapan Zon A	Nelayan yang menggunakan pukat tunda telah menceroboh kawasan tangkapan nelayan tempatan di Zon A. Bagi menghadapi masalah ini, nelayan di kawasan tersebut hanya mampu membina tukun sebagai langkah untuk mengurangkan gangguan yang disebabkan oleh pukat tunda. Tindakan pukat tunda tersebut turut menyebabkan sampah ditunda dan terkumpul di kawasan persisiran pantai, yang merupakan tempat utama bagi nelayan tempatan mencari mata pencarian. Pencerobohan oleh nelayan di kawasan ini telah menyebabkan penurunan hasil laut bagi nelayan yang beroperasi di zon A. Pihak penguatkuasaan tidak dapat menangani isu ini dengan efektif, menyebabkan para nelayan mengambil inisiatif	**Jabatan Perikanan Malaysia** Bot tunda haram zon A yang datang dari Bagan Datuk menunda di kawasan zon A. Daerah Manjung tidak terdapat bot jenis ini. Kawasan menunda adalah cetek menjadi halangan bagi bot peronda memasuki untuk melaksanakan tugas. Jabatan Perikanan Malaysia tidak melabuhkan tukun di laut Permatang. Ini bagi mengelakkan kejadian kemalangan. Operasi pukat tunda berlaku di kedalaman tertentu bukan di bahagian dasar laut dimana terdapat sampah. Jika di dalam pukat penuh dengan sampah bersama dengan ikan yang ditangkap, maka ikan akan mati dan rosak. Apa-apa yang terdapat di laluan menunda akan terkumpul di dalam pukat termasuk pukat milik nelayan.

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		untuk membina tukun sebagai langkah pencegahan terhadap penggunaan pukat tunda. Pembinaan tukun ini turut menyumbang kepada peningkatan habitat bagi ikan-ikan kecil di kawasan tersebut. Di samping itu, nelayan yang menggunakan pukat tunda turut mengangkut sampah-sarap, yang dibuang secara tidak bertanggungjawab di kawasan perikanan zon A. Hal ini berpotensi mengganggu ekosistem setempat dan memberi kesan negatif terhadap pendapatan nelayan di kawasan tersebut. Pukat tunda juga turut merosakkan peralatan yang digunakan oleh nelayan zon A, menyebabkan kerugian yang signifikan kepada mereka.	
2.	Pengunaan Bubu naga secara haram	Ketiadaan benih baru akan menyebabkan pengurangan sumber laut yang seterusnya mengancam pendapatan golongan nelayan. Penggunaan bubu naga adalah dilarang oleh undang-undang, namun masih terdapat nelayan yang tidak bertanggungjawab yang terus menggunakannya. Penguatkuasaan undang-undang yang lemah telah menyebabkan kegagalan dalam menghentikan penggunaan bubu naga tersebut.	**Jabatan Perikanan Malaysia** Menjadi kesalahan menggunakan bubu naga sebagai peralatan menangkap ikan kerana ia tidak disenaraikan sebagai peralatan menangkap ikan yang dibenarkan. Penggunaan GPS bagi mengenalpasti lokasi bubu naga menjadi halangan bagi pihak berkuasa mengesannya. Ia beroperasi di kawasan cetek. Pihak penguasa Jabatan Perikanan pernah menyita bubu naga di Sungai Manjung berhampiran Kg. Bahru dan Kg. Telaga Nenas.

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
3.	Kos untuk memenuhi keperluan dan menyediakan peralatan bagi nelayan adalah tinggi.	Pukat atau peralatan yang digunakan oleh komuniti ini mudah rosak dan berkemungkinan hanya dapat digunakan sekali sahaja. Oleh itu, mereka menghadapi kos yang tinggi untuk meneruskan aktiviti perikanan mereka. Bantuan kewangan, penyediaan peralatan, serta subsidi amat diperlukan untuk meringankan beban mereka.	*Tiada maklum balas agensi*
4.	Masa yang diambil untuk memberi respon terhadap aduan atau kecemasan terlalu lama	Pihak berkuasa mengambil masa yang lama untuk memberikan respons disebabkan oleh jarak pengkalan yang jauh. Para nelayan telah mengemukakan permohonan untuk membina sebuah pelabuhan yang lebih dekat bagi mengurangkan masa respons terhadap sebarang isu yang timbul.	*Tiada maklum balas agensi*
5.	Pencemaran udara	Pencemaran udara yang disebabkan debu daripada pembakaran arang batu sebagai sumber untuk janakuasa elektrik, ini mengancam kesihatan penduduk sekitar, juga kebersihan kawasan sekitar.	**Jabatan Alam Sekitar** Berdasarkan semakan rekod Jabatan ini pada akhir tahun 2023, Jabatan ini ada menerima aduan berkaitan pencemaran udara dari operasi stesen janakuasa elektrik (pembakaran arang batu). Susulan aduan tersebut, Jabatan telah menjalankan siasatan dan mendapati aduan adalah berasas berikutan semakan ke atas bacaan Continuous Emissions

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			Monitoring (CEMS) terdapat ketidakpatuhan had pelepasan Dust dan Opacity bagi cerobong No.4 ketika boiler light up. Sehubungan dengan itu, Notis Arahan telah dikeluarkan untuk pihak stesen janakuasa mengenalpasti punca dan mengawal pelepasan bagi mematuhi had pelepasan parameter. Cerobong No.4 tidak beroperasi (shut down) dari 1 Disember 2023 sehingga 31 Oktober 2024. Premis telah mengambil tindakan segera bagi memastikan pelepasan cerobong mematuhi had yang ditetapkan. Untuk makluman, sebarang kegagalan sistem pemantauan berterusan iaitu CEMS untuk merekodkan bacaan parameter Dust dan Opacity hendaklah dimaklumkan kepada pihak Jabatan ini dalam tempoh 1 jam kegagalan tersebut berlaku sepertimana kehendak Peraturan 17(7), PPKAS (Udara Bersih) 2014. Sekiranya penduduk awam mendapati terdapat pelepasan asap hitam dan debu yang berpunca dari cerobong premis berkenaan, boleh membuat aduan

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			di Laman Utama - Portal Sistem e-Aduan Jabatan Alam Sekitar Malaysia. Aduan yang diterima akan diambil tindakan selanjutnya oleh pihak Jabatan ini.
6.	Hutan paya bakau di kawasan ini tidak diberikan perhatian yang sewajarnya dan kurang dipelihara dengan baik.	Pemeliharaan hutan paya bakau di kawasan ini kurang mendapat perhatian, meskipun kepentingan ekosistem hutan paya bakau tersebut adalah setara, terutamanya dalam peranannya sebagai penahan.	*Tiada maklum balas agensi*
7.	Sumber pendapatan nelayan yang terhad	Pendapatan yang diperoleh oleh para nelayan di kawasan ini adalah sederhana, hanya mencukupi untuk keperluan harian mereka tanpa sebarang simpanan tambahan. Mereka mencadangkan agar peluang penjanaan pendapatan tambahan disediakan untuk para nelayan, seperti yang dilaksanakan di Teluk Senangin, melalui penanaman anggur laut atau latok-latok. Pihak kerajaan mungkin boleh mempertimbangkan untuk menyediakan inisiatif khusus bagi individu yang berminat dalam usaha tersebut.	**Jabatan Perikanan Malaysia** Menternak latok-latok di Teluk Senangin masih diperingkat percubaan. Masih belum ada hasil yang boleh dijadikan sumber pendapatan. Kesesuaian tempat menjadi faktor utama dimana penternakan ini boleh dilakukan. Jabatan Perikanan perlu mengambil kira kawasan ternakan latok-latok supaya ia tidak menghalang laluan vesel nelayan.

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
8.	Kekurangan dalam penyediaan kursus kemahiran, terutamanya dalam bidang kemahiran membaiki enjin bot.	Kemahiran ini amat penting untuk memastikan para nelayan dapat melaksanakan aktiviti perikanan tanpa sebarang halangan. Dengan penguasaan kemahiran tersebut, mereka dapat menjimatkan kos perbaikan, mengelakkan perbelanjaan tambahan untuk pembaikan, serta memanfaatkan masa dengan lebih efisien kerana kerosakan peralatan dapat dibaiki dengan segera.	**Jabatan Perikanan Malaysia** Pusat Pengembangan Teknologi Perikanan di Kompleks Perikanan Kg. Acheh, Manjung adalah menyediakan latihan membaiki enjin sangkut (rujuk takwim program). Kini maklumat berada di hujung jari dan boleh dilayari dimana-mana. **Agensi Perikanan** Di Kampung Acheh, terdapat sebuah pusat latihan yang menyediakan kemahiran membaiki dan mengenali enjin bot. Program ini disasarkan kepada lepasan SPM, manakala bagi orang dewasa, Kolej Perikanan Sultan Nazrin Shah menawarkan kursus maritim yang merangkumi pembaikan enjin bot serta kemahiran navigasi. Dengan itu, latihan berkaitan enjin bot disediakan untuk pelbagai peringkat umur dan latar belakang.

Jadual 10. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 7

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 7: Dialog Bersama Komuniti Kaum Ibu Taman Sri Batik **Tarikh:** 16 Februari 2025 **Bilangan peserta:** 16 orang			**Agensi yang memberikan maklum balas:** 1. Pegawai Daerah 2. JKM
1.	Persaingan antara peniaga tempatan Teluk Batik dan peniaga luar	Pendapatan peniaga tempatan di Teluk Batik telah terjejas akibat penyertaan peniaga luar yang terlibat dalam ekspo yang diadakan di kawasan tersebut. Kebanyakan penduduk di kampung ini terlibat dalam perniagaan di Teluk Batik. Walau bagaimanapun, pendapatan mereka terjejas disebabkan oleh penganjuran ekspo yang kerap diadakan pada hujung minggu dan semasa cuti sekolah, yang menarik penyertaan peniaga luar. Pengunjung yang datang ke Teluk Batik lebih cenderung untuk mengunjungi ekspo tersebut berbanding memasuki kedai-kedai jualan milik penduduk setempat.	*Tiada maklum balas agensi*

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
2.	Impak penularan isu buaya terhadap sektor pelancongan dan peniaga Pantai Teluk Batik	Isu yang tular mengenai kehadiran tiga ekor buaya di sekitar Teluk Batik telah memberi impak negatif terhadap jumlah kedatangan pengunjung, sekaligus mengakibatkan kerugian kepada para peniaga di Pantai Teluk Batik. Pihak berwajib tidak mengeluarkan sebarang kenyataan rasmi berhubung isu ini, yang menyebabkan pengunjung merasa bimbang untuk mengunjungi Teluk Batik disebabkan kebimbangan terhadap keselamatan mereka. Keadaan ini telah mengakibatkan penurunan jumlah pengunjung, sekaligus memberi kesan negatif terhadap peniaga-peniaga di kawasan tersebut yang bergantung kepada aliran pelancong sebagai sumber pendapatan mereka.	*Tiada maklum balas agensi*
3.	Tahap kebersihan di Teluk Batik semakin merosot disebabkan oleh	Pengurusan sampah yang tidak teratur, ditambah dengan kehadiran monyet liar yang menyebarkan sampah, semakin memperburuk keadaan tersebut.	*Tiada maklum balas agensi*

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	kurangnya perhatian yang diberikan oleh pihak berwajib		
4.	Masalah monyet liar kini semakin membimbangkan (Taman Sri Batik)	Penduduk kampung telah membuat aduan, namun tindakan susulan masih belum diambil. Oleh itu, penduduk setempat mengambil inisiatif sendiri dengan membaling mercun bola bagi menakut-nakutkan haiwan tersebut, namun haiwan itu akan kembali semula ke kawasan tersebut.	**Pegawai Majlis Perbandaran Manjung** Isu utama di Teluk Batik berkaitan dengan kehadiran populasi monyet yang tinggi. Majlis Perbandaran Manjung (MPM) telah melaksanakan kaedah pengurusan sisa dengan menggalakkan pengunjung membawa balik sampah dan tidak membuangnya di kawasan tersebut. Tindakan ini bertujuan untuk mengurangkan tarikan monyet ke kawasan pelancongan, seterusnya meminimumkan interaksi negatif antara manusia dan hidupan liar.
5.	Keterbatasan jaringan keselamatan sosial	Terdapat aduan daripada beberapa penduduk mengenai seorang bekas suami anggota Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) yang tidak menerima pencen, di mana beliau telah membuat permohonan untuk mendapatkan bantuan sara hidup, namun permohonan	*Tiada maklum balas agensi*

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		tersebut ditolak atas alasan beliau masih tinggal bersama anak. Walau bagaimanapun, pendapatan anak tersebut didapati tidak mencukupi untuk menyara kedua ibu bapa tersebut.	
6.	Kekurangan kemahiran dalam penggunaan pembayaran dalam talian	Tiada kursus yang disediakan bagi pendedahan kepada komuniti warga emas di sini mengenai penggunaan internet atau peranti pintar yang dapat memudahkan urusan harian mereka. Selain itu, golongan ini juga tergolong dalam kelompok yang berisiko tinggi untuk menjadi mangsa penipuan.	*Tiada maklum balas agensi*
7.	Peluang yang terhad menghadiri kursus-kursus kemahiran	Kursus kemahiran seperti menjahit dan membuat kuih amat penting dalam membantu kaum ibu untuk meringankan beban keluarga atau berperanan sebagai tulang belakangkeluarga dalam menyediakan punca rezeki. Walau bagaimanapun, peluang yang diberikan adalah sangat terhad, menyebabkan komuniti di kawasan ini terpaksa bersaing antara satu sama lain untuk merebut peluang tersebut.	*Tiada maklum balas agensi*

Jadual 11. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 8

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 8: Dialog Bersama Komuniti Peniaga Pekan Lumut dan Peniaga Esplanade **Tarikh:** 16 Februari 2025 **Bilangan peserta:** 17 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam dua kumpulan			**Agensi yang memberikan maklum balas:** 1. Pegawai Daerah 2. Majlis Perbandaran Manjung 3. Penghulu Lumut 4. Jabatan Alam Sekitar (JAS)
1.	Populasi burung gagak yang tidak terkawal telah mencetuskan ketidakseimbangan ekosistem di kawasan bandar.	Kehadiran burung gagak yang terlalu banyak menyebabkan gangguan kepada suasana persekitaran, menimbulkan ketidakselesaan kepada komuniti setempat. Burung gagak ini telah mengganggu aktiviti perniagaan penjualan hasil laut di Pekan Lumut, disebabkan oleh tabiat haiwan tersebut yang memakan hasil laut yang dipamerkan untuk jualan. Selain itu, burung gagak juga sering mencuri makanan yang dimakan oleh pelanggan di kedai-kedai makan. Tambahan pula, najis burung ini menyebabkan kekotoran pada premis-premis yang terletak di sekitar pekan Lumut.	**Pegawai Majlis Perbandaran Manjung** Kesedaran terhadap isu berkaitan burung gagak adalah rendah dalam kalangan kami. Oleh itu, disyorkan agar perkara ini dirujuk kepada agensi yang lebih pakar bagi menangani dan mengurus isu ini secara berkesan, termasuk pendekatan kaedah pengurusan burung.
2.	Keperluan semakan semula penguatkuasaan pihak berkuasa	Pihak berkuasa akan mengeluarkan saman pada waktu puncak, ketika terdapat ramai pengunjung yang memerlukan tempat letak kereta. Walaupun telah mengetahui keadaan kekurangan tempat	*Tiada maklum balas agensi*

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	untuk tempat letak kenderaan berbayar pada hari minggu	letak kereta di sekitar kawasan pekan ini, pihak berkuasa tetap meneruskan tindakan saman tersebut.	
3.	Lokasi parking bas yang kurang sesuai	Dicadangkan agar parking ini dianjak ke depan sedikit bagi memudahkan urusan menurunkan penumpang dan mengelak kesesakan lalu lintas.	*Tiada maklum balas agensi*
4.	Tempat letak kereta di pekan Lumut adalah terhad dan tidak mencukupi.	Tempat letak kereta di pekan Lumut adalah terhad dan tidak mencukupi, namun masih terdapat tindakan penguatkuasaan saman. Satu cadangan yang dikemukakan adalah untuk menambah bilangan tempat letak kereta dengan menggunakan kawasan tanah kosong yang terletak di sebelah kawasan tempat letak kereta untuk penumpang jeti.	*Tiada maklum balas agensi*
5.	Kemudahan surau yang kurang selesa	Kemudahan seperti surau kini mengalami penurunan keselesaan selepas ia diubahsuai dan dipecahkan untuk dijadikan kedai makan. Akibatnya, para jemaah lelaki dan wanita terpaksa berkongsi ruang solat yang sama, menyebabkan suasana menjadi sempit dan kurang selesa.	*Tiada maklum balas agensi*
6.	Waktu kemudahan untuk pengunaan tandas awam terhad	Kemudahan tandas di jeti tersebut hanya disediakan pada waktu siang, yang menyukarkan pengunjung yang datang pada waktu malam. Mereka terpaksa pergi ke tandas yang terletak	*Tiada maklum balas agensi*

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		agak jauh, dan perjalanan kaki menuju ke tandas tersebut dirasakan begitu jauh dan tidak praktikal.	
7.	Ruang menunggu di jeti tersebut yang terhad dan kurang selesa	Jadual perkhidmatan feri yang tidak teratur menyebabkan pengunjung terpaksa menunggu dalam jangka masa yang panjang. Walau bagaimanapun, tiada kemudahan ruang menunggu yang selesa dan luas disediakan di kawasan jeti, memaksa pengunjung untuk duduk di kaki lima.	*Tiada maklum balas agensi*
8.	Kekurangan tarikan pelancongan yang signifikan,	Tiada tarikan atau aktiviti yang dapat menarik perhatian pelancong di kawasan tersebut. Walaupun terdapat bangunan dan kawasan yang masih boleh dimanfaatkan untuk penubuhan tempat atau aktiviti pelancongan, tiada usaha yang telah dilakukan oleh pihak yang berkenaan untuk mengoptimumkan potensi tersebut. Keadaan ini telah menyebabkan penurunan dalam jumlah pengunjung ke Lumut, sekaligus memberi kesan negatif terhadap pendapatan para peniaga di kawasan tersebut.	**Majlis Perbandaran Manjung** Berdasarkan pegawai Majlis Perbandaran Manjung, isu yang dihadapi oleh para peniaga di Lumut bukanlah disebabkan oleh ketiadaan pengunjung, tetapi lebih kepada kurangnya aktiviti pembelian oleh pengunjung yang hadir. Menurut beliau, Lumut tetap menerima kehadiran orang ramai, terutamanya pada hujung minggu, namun majoriti pengunjung lebih tertumpu kepada aktiviti rekreasi berbanding membeli-belah. Oleh itu, tanggapan bahawa Lumut kekurangan tarikan pelancongan dianggap kurang tepat. Dalam usaha mengatasi isu ini, pihak Majlis telah merangka Pelan Tindakan Khas (PTK) Lumut yang memberi penekanan terhadap penambahbaikan kawasan berkenaan, khususnya di

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			sepanjang Jalan Sultan Idris Shah yang menempatkan barisan peniaga tempatan. **Pegawai Daerah** Antara inisiatif yang dirancang termasuklah mengecat semula bangunan-bangunan lama seperti di kawasan Bagan Datuk serta memperkenalkan identiti tempatan melalui penjenamaan jalan dengan nama-nama produk tempatan seperti "Produk Ikan Mata Biru." Usaha ini mencerminkan komitmen pihak Majlis untuk memperkasakan ekonomi setempat dengan menambah nilai tarikan visual dan identiti budaya tempatan.
9.	Persaingan dengan Marina Island sebagai laluan ke Pulau Pangkor semakin ketara apabila carian di enjin pencari seperti Waze atau Google cenderung membawa pengguna terus ke	Jumlah pengunjung yang menggunakan feri ke Pulau Pangkor semakin berkurangan, dengan sebahagian besar memilih untuk menaiki feri di Marina Island. Walaupun begitu, Marina Island merupakan sebuah tempat persendirian yang kurang mendapat promosi dan sokongan daripada pihak berkaitan, yang menyebabkan tarikan pengunjung untuk menggunakan perkhidmatan feri di Jeti Lumut semakin menurun.	*Tiada maklum balas agensi*

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	Marina Island, berbanding ke Lumut yang merupakan lokasi utama untuk menaiki feri ke Pulau Pangkor.		
10.	Infrastruktur yang tidak diselenggara dengan baik dan tidak dipelihara secara berkala, termasuk bangunan yang tidak dicat semula, menyebabkan keadaan yang terbiar.	Bangunan yang tidak dicat semula telah memberi kesan negatif terhadap imej Pekan Lumut. Terdapat beberapa bangunan dan premis yang tidak lagi digunakan, seperti Medan Selera dan Perhentian Bas, yang dibiarkan begitu sahaja tanpa sebarang perhatian, sekaligus mencacatkan pemandangan di kawasan tersebut. Premis-premis ini berpotensi untuk dibangunkan semula atau diusahakan menjadi fasiliti lain yang lebih bermanfaat, berbanding dibiarkan terbiar dan terbengkalai, yang boleh memberi manfaat kepada peniaga di Pekan Lumut dan masyarakat setempat. Selain itu, apabila terdapat bangunan yang tidak digunakan, tiada usaha untuk membangunkannya semula atau memanfaatkannya semula.	**Pegawai Majlis Perbandaran Manjung** Pada tahun 2023, Majlis Perbandaran Manjung (MPM) telah melaksanakan laporan SDG dengan kerjasama Urbanise Malaysia. Fokus utama MPM adalah kepada pengumpulan data dari agensi serta sumber-sumber tertentu, dan bukan secara langsung kepada komuniti. Analisis data ini membolehkan pengenalpastian isu-isu utama di seluruh daerah Manjung, termasuk isu berkaitan bekalan air, tenaga elektrik dan aspek-aspek lain yang relevan. Daripada data yang diperoleh, beberapa potensi dan cabaran di daerah ini telah dikenal pasti dan boleh diketengahkan. Walau bagaimanapun, pihak Dr. Thanaraj telah melaksanakan beberapa sesi FGD yang memberi tumpuan kepada pengkhususan komuniti di daerah

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			Manjung. Pendekatan ini berbeza dengan MPM yang menumpukan kepada perspektif keseluruhan daerah. Integrasi antara pendekatan MPM dan Dr. Thanaraj berpotensi memperkukuh pelaksanaan SDG di Manjung dengan merangkumi kedua-dua aspek agensi dan komuniti, seterusnya menghasilkan pemahaman yang lebih holistik mengenai cabaran dan potensi tempatan.
11.	Isu peningkatan harga makanan yang mendadak di Pulau Pangkor yang menjadi tular telah memberi impak negatif terhadap pendapatan peniaga di Lumut.	Pengaruh viral ini telah memberi impak negatif terhadap pendapatan peniaga di pekan Lumut. Peniaga-peniaga di kawasan tersebut turut terkesan dengan isu yang tular, di mana para pengunjung mula enggan berbelanja di Lumut kerana bimbang kejadian serupa akan berlaku. Selain itu, kebimbangan terhadap harga makanan yang dianggap terlalu tinggi dan tidak wajar turut menyebabkan penurunan dalam aktiviti perniagaan di pekan tersebut.	*Tiada maklum balas agensi*
12.	Kekurangan daya tarikan di sekitar kawasan Taman Esplanade	Tiada destinasi atau aktiviti yang menarik bagi tarikan pelancong di kawasan tersebut. Pihak yang bertanggungjawab tidak mengambil sebarang tindakan untuk memperbaiki keadaan ini meskipun telah menerima aduan mengenainya. Selain itu, acara seperti pesta air yang pernah	*Tiada maklum balas agensi*

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		diadakan pada masa lalu tidak lagi dilaksanakan, dan tiada aktiviti lain yang dapat menarik perhatian pelancong.	
13.	Ketiadaan pencahayaan yang mencukupi serta suasana yang gelap menyebabkan sejumlah besar pengunjung memilih untuk menuju ke Marina Wing. (Peniaga di Esplanade)	Isu ini menimbulkan ancaman terhadap keselamatan serta mencipta persekitaran yang kurang menarik. Ketiadaan pencahayaan jalan di sepanjang kawasan pejalan kaki berhampiran pantai menjadi faktor yang mengurangkan potensi kawasan tersebut sebagai tarikan pelancongan kepada pengunjung yang berkunjung ke Lumut.	*Tiada maklum balas agensi*
14.	Tiada kemudahan surau di Taman Esplanade, yang menyukarkan pengunjung untuk menunaikan solat. (Peniaga di Esplanade)	Terdapat sebuah surau di Taman Esplanade, namun fasiliti tersebut telah dialihkan fungsinya menjadi stor penyimpanan barang milik Majlis Perbandaran Manjung. Seharusnya, surau tersebut digunakan untuk tujuan asalnya, iaitu sebagai tempat ibadat yang dapat memudahkan masyarakat setempat untuk melaksanakan solat.	*Tiada maklum balas agensi*

4.2 Pengutamaan Isu

4.2.1 Pengutamaan Isu 1: Kekurangan peluang kemahiran dan kerjaya di Pulau Pangkor

Kekurangan peluang kemahiran dan kerjaya di Pulau Pangkor menjadi cabaran utama bagi belia tempatan. Dengan sumber ekonomi yang terhad, ramai anak muda berdepan kesukaran mencari pekerjaan yang stabil, menyebabkan mereka bergantung kepada sektor tidak formal atau berhijrah ke tanah besar untuk peluang yang lebih baik. Ketiadaan latihan kemahiran yang mencukupi turut menghalang mereka daripada bersaing dalam pasaran kerja moden.

Bagi mereka yang tidak mempunyai pilihan untuk berpindah, keadaan ini menyebabkan tekanan ekonomi dan sosial. Tanpa sumber pendapatan yang kukuh, sebahagian daripada mereka mudah terjebak dalam aktiviti tidak sihat seperti penyalahgunaan dadah dan ketum. Ini bukan sahaja memberi kesan buruk kepada individu tetapi juga kepada komuniti secara keseluruhan, mencetuskan masalah sosial yang semakin meruncing.

Bagi menangani isu ini, perlu ada inisiatif yang lebih kukuh seperti program latihan kemahiran, galakan kepada keusahawanan tempatan, serta pembukaan lebih banyak peluang pekerjaan yang sesuai dengan keperluan belia di Pulau Pangkor. Sektor pelancongan boleh dimanfaatkan dengan menyediakan latihan berkaitan hospitaliti, perniagaan kecil, dan ekonomi digital, sekaligus membantu anak muda menjana pendapatan dan membangunkan ekonomi setempat tanpa perlu meninggalkan pulau.

Beberapa masalah berkaitan kekurangan peluang kemahiran dan kerjaya di Pulau Pangkor termasuk:

- **Terhadnya Peluang Pekerjaan** – Ekonomi tempatan bergantung kepada pelancongan dan perikanan, yang bersifat bermusim dan tidak stabil.
- **Kurangnya Program Latihan Kemahiran** – Belia sukar mendapatkan latihan atau kursus yang relevan dengan industri moden.
- **Migrasi Tenaga Kerja** – Ramai anak muda berhijrah ke tanah besar untuk mencari pekerjaan yang lebih baik.
- **Kegiatan Sosial Tidak Sihat** – Kekurangan aktiviti produktif menyebabkan peningkatan penyalahgunaan dadah dan ketum.
- **Kelemahan Infrastruktur Digital** – Kesukaran membangunkan perniagaan dalam talian akibat sambungan internet yang lemah.
- **Kurangnya Sokongan Keusahawanan** – Belia yang ingin berniaga menghadapi cabaran dari segi modal dan bimbingan.

Untuk cadangan penyelesaian, program latihan, pembiayaan keusahawanan, dan peningkatan infrastruktur perlu dipertingkatkan.

Jadual 12. Ringkasan Isu 1

Permasalahan berkaitan dengan Isu	1. Terhadnya peluang pekerjaan 2. Kurangnya program latihan kemahiran 3. Migrasi tenaga kerja 4. Kegiatan sosial tidak sihat 5. Kelemahan infrastruktur digital 6. Kurangnya sokongan keusahawanan
Cadangan	Program latihan, pembiayaan keusahawanan, dan peningkatan infrastruktur perlu dipertingkatkan.
Kumpulan Terjejas	Belia & B40
Kawasan	Dun Pangkor
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	**Sasaran SDG Berkaitan**
SDG 8: Pekerjaan yang Layak dan Pertumbuhan Ekonomi	Sasaran 8.3: Menggalakkan pembangunan ekonomi inklusif melalui sokongan kepada perusahaan kecil dan sederhana serta perniagaan mikro, termasuk akses kepada platform pasaran. Sasaran 8.6: Menambah peluang untuk pekerjaan bermaruah melalui peningkatan kemahiran penduduk setempat.
SDG 4: Pendidikan Berkualiti	Sasaran 4.4: Memastikan penduduk mendapat kemahiran teknikal dan vokasional termasuk pemasaran digital untuk meningkatkan peluang ekonomi.
SDG 10: Mengurangkan Ketidaksamaan SDG 17: Perkongsian untuk Mencapai Matlamat	Sasaran 10.2: Memberi sokongan ekonomi dan sosial yang lebih inklusif kepada semua lapisan masyarakat, termasuk wanita belia. Sasaran 17.16: Menggalakkan kerjasama dengan pihak swasta untuk membangunkan platform promosi dan latihan kemahiran.

4.2.2 Pengutamaan Isu 2: Veteran TLVM (Tentera Laut Diraja Malaysia) menghadapi pelbagai kekangan kebajikan,

Veteran TLVM (Tentera Laut Diraja Malaysia) menghadapi pelbagai kekangan kebajikan, terutama disebabkan oleh sistem pencen yang rendah dan tidak selaras. Ada veteran yang tidak layak menerima pencen, menyebabkan ramai antara mereka mengungkapkan rasa tidak puas hati. Keadaan ini mempengaruhi kehidupan mereka selepas perkhidmatan, terutamanya dalam menghadapi kos hidup yang semakin tinggi. Selain itu, peruntukan yang terhad untuk aktiviti kebajikan di Lumut turut menyumbang kepada rasa terabai dalam kalangan veteran. Sebilangan besar peruntukan untuk kebajikan veteran dianggap terlalu rendah, menjejaskan usaha untuk memberi sokongan kepada mereka yang memerlukan. Dalam keadaan ini, kebajikan veteran sering kali terpinggir, memerlukan perhatian serius daripada pihak berkuasa agar lebih banyak usaha dapat diambil untuk memastikan kesejahteraan mereka selepas berkhidmat demi negara.

Masalah berkaitan veteran TLVM termasuk sistem pencen yang rendah dan tidak selaras, menyebabkan banyak veteran tidak dapat menikmati kehidupan selepas perkhidmatan dengan selesa. Ada juga veteran yang tidak menerima pencen, memburukkan lagi keadaan mereka. Selain itu, peruntukan kebajikan yang sangat rendah menyebabkan kebajikan mereka terbiar, dan tiada sokongan mencukupi untuk aktiviti atau bantuan kewangan. Keadaan ini memperlihatkan kekurangan perhatian terhadap kesejahteraan veteran selepas berkhidmat, yang sepatutnya diberi sokongan lebih dari segi kebajikan dan keperluan hidup.

Jadual 13. Ringkasan Isu 2

Permasalahan berkaitan dengan Isu	1. Sistem pencen yang rendah dan tidak selaras. 2. Terdapat veteran yang tidak berpencen. 3. Peruntukan kebajikan yang sangat rendah menyebabkan kebajikan mereka terbiar. 4. Kekurangan perhatian terhadap kesejahteraan veteran selepas berkhidmat,
Cadangan	1. **Meningkatkan Sistem Pencen:** Menyemak dan menambah baik sistem pencen agar ia lebih selaras dengan kos hidup semasa dan memberi faedah kepada semua veteran. 2. **Memberikan Pencen kepada Semua Veteran:** Memberikan pencen atau bantuan kewangan kepada veteran yang tidak layak menerima pencen.

	3. **Meningkatkan Peruntukan Kebajikan:** Menambah peruntukan untuk kebajikan veteran agar mereka mendapat sokongan dalam pelbagai aspek kehidupan selepas berkhidmat. 4. **Menubuhkan Program Sokongan:** Mewujudkan program yang memberi peluang kepada veteran untuk terlibat dalam aktiviti sosial dan ekonomi bagi meningkatkan kualiti hidup mereka.
Kumpulan Terjejas	Veteran Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM)
Kawasan	Parlimen Lumut & Veteran TLDM Malaysia
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	**Sasaran SDG Berkaitan**
SDG 1: Tiada Kemiskinan	Sasaran 1.2: Mengurangkan sekurang-kurangnya separuh kadar kemiskinan dalam semua bentuknya untuk semua lelaki, wanita dan kanak-kanak, berdasarkan definisi nasional, menjelang 2030. Sasaran 1.4: Memastikan semua orang, khususnya golongan miskin dan mudah terjejas, mempunyai akses yang sama kepada sumber ekonomi, perkhidmatan asas, pemilikan tanah, dan teknologi baharu menjelang 2030.
SDG 3: Kehidupan Sejahtera	Sasaran 3.4: Meningkatkan kesihatan mental dan kesejahteraan veteran melalui program sokongan yang berfokus pada kebajikan mereka.
SDG 10: Mengurangkan Ketidaksamaan	Sasaran 10.2: Memberi sokongan ekonomi dan sosial yang lebih inklusif kepada semua lapisan masyarakat, termasuk wanita belia.

5.0 PENGENALPASTIAN AWAL PROJEK PENYELESAIAN

Jadual 14. Pengenalpastian Projek Penyelesaian

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3
Tajuk Projek	Pusat Jagaan Warga Emas dan Pesakit Terlantar	Gear Up Pulau Pangkor: Level Up Kemahiran Motosikal	Dari Offline ke Online: Revolusi Perniagaan Digital Komuniti
SDG Berkaitan	SDG 3, 8, 10	SDG 1, 4, 8	SDG 1, 4, 8
Objektif	Menyediakan penjagaan berkualiti dan mampu milik untuk warga emas dan pesakit terlantar di Manjung.	Memberi latihan kemahiran servis motosikal kepada belia B40/M40 untuk menjana pendapatan dan keusahawanan.	Melatih golongan B40 dan usahawan mikro luar bandar dalam pemasaran digital untuk jana pendapatan atas talian.
Hasil Jangkaan	35 benefisiari menerima jagaan; 95% kepuasan pelanggan; 100% staf terlatih; kerjasama dengan 3 NGO; operasi mampan.	10 peserta dilatih; 70% menjana pendapatan tetap dalam 3 bulan; peningkatan kemahiran dan peluang pekerjaan.	10 peserta mahir guna media sosial untuk bisnes; akaun perniagaan aktif; kandungan promosi; kempen digital berjaya.
Organisasi	Pusat Jagaan Qaseh Murni	Along Syafiq Motor	ShahPoint
Aktiviti	12 minggu aktiviti penjagaan, promosi, sokongan mental, fisioterapi, penilaian, laporan tahunan.	12+ aktiviti: latihan teknikal, bengkel keselamatan, pemasaran digital, lawatan industri, penilaian, sijil.	12 minggu kelas digital marketing + 3 bulan pemantauan: copywriting, Canva, TikTok, boosting, pembentangan.
Jumlah (RM)	40,000.00	40,000.00	40,000.00

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3
Lokasi	Desa Manjung Raya, Lumut, Perak	Pasir Bogak, Pulau Pangkor, Perak	Seri Manjung, Perak
Tempoh Projek	Jun – Ogos 2025 (3 bulan)	Julai – September 2025 (3 bulan)	Julai – September + 3 bulan pemantauan

6.0 RUJUKAN

Astro Awani. (2023, March 6). *Lumut dalam perancangan dijadikan bandar pertahanan – MB Perak*. Astro Awani. https://www.astroawani.com/berita-malaysia/lumut-dalam-perancangan-dijadikan-bandar-pertahanan-mb-perak-377761

Bernama. (2025, February 25). *Perak catat perdaratan ikan tertinggi di Malaysia pada 2024 - LKIM*. Bernama. https://www.bernama.com/bm/news.php/politik/sukan/nnews.php?id=2396446

Hadi, R. (2023, January 9). 4 lokasi di Pulau Pangkor diancam hakisan pantai [Video]. *Harian Metro*. https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/01/922216/4-lokasi-di-pulau-pangkor-diancam-hakisan-pantai-metrotv

Jabatan Perangkaan Malaysia. 2022. Statistik subnasional: Parlimen Lumut, Perak. Jabatan Perangkaan Malaysia. https://newss.statistics.gov.my/newss-portalx/ep/epFreeDownloadContentSearch.seam?cid=76701

KOSMO! (2023, December 8). *Transformasi LuMIC perkukuh industri maritim negeri Perak*. KOSMO! Digital. https://www.kosmo.com.my/2023/12/08/transformasi-lumic-perkukuh-industri-maritim-negeri-perak/

Lumat, P. (2013, June 5). *Lumut mesti disempadankan semula*. Cikgu Lin57. https://cikgulin57.blogspot.com/2013/06/p074-lumut-mesti-disempadankan-semula.html

Melancong. (n.d.). *Tempat menarik di Lumut*. Melancong. Retrieved March 7, 2025, from https://www.melancong.com.my/tempat-menarik-di-lumut/

Pusat Khidmat Parlimen Lumut. (2025). Borang Profil Parlimen.

Pejabat Daerah dan Tanah Manjung. (n.d.). *Info Ringkas*. Pejabat Tanah dan Galian Perak. Diperoleh pada 26 Februari 2025, daripada https://ptg.perak.gov.my/portal/web/manjung/info-ringkas1

Utusan Malaysia. (2024, November). *Lumut pekan mati, peniaga 'menganggur'*. Utusan. https://www.utusan.com.my/berita/2024/11/lumut-pekan-mati-peniaga-menganggur/

Shuhaili, A. F. A., & Ariffin, K. (2024). Isu-Isu Sosioekonomi Berkaitan Pembukaan Pelabuhan Lumut Perak (1995-2010): Socioeconomic Issues Related To The Opening Of Lumut Port, Perak (1995-2010). *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa*, *35*(2), 47-80

Laporan Pemetaan Isu Parlimen
P.076 Teluk Intan

Disediakan oleh:
Nurul Syaza Mazelan & Siti Noraiysah Rohim



BAHAGIAN A

LAPORAN LAWATAN PEMETAAN ISU **700 – 709**

BAHAGIAN B

1.0 PENGENALAN **713 – 717**
1.1 Geografi/Topografi 713
1.2 Komposisi Penduduk 713
1.3 Kegiatan Ekonomi Utama 714
1.4 Hubungan Kerangka Konseptual SDG dan Konteks Tempatan 714

2.0 METODOLOGI PENYELIDIKAN **717 – 721**
2.1 Pendekatan Kajian 717
2.2 Langkah Etika Semasa Kajian Lapangan 719
2.3 Kekangan Lawatan Kajian Lapangan 719
2.4 Keterbatasan Kajian 720

3.0 RANGKUMAN ISU RENTAS SDG **722 – 726**

4.0 GAMBARAN KESELURUHAN PEMETAAN ISU **727 – 762**
4.1 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu 727
4.2 Pengutamaan Isu 756

5.0 PENGENALPASTIAN AWAL PROJEK PENYELESAIAN **763 – 764**

6.0 RUJUKAN **765**

P.076 TELUK INTAN

BAHAGIAN A

Laporan Lawatan Pemetaan Isu

P. 076 Teluk Intan

TELUK INTAN

Lawatan Pemetaan Kawasan
30 Mei - 01 Jun 2025

DENGAN SOKONGAN DARIPADA

AHLI PARLIMEN TELUK INTAN, YB TUAN NGA KOR MING



TEMPAT-TEMPAT YANG TELAH DILAWATI

30 Mei - 01 Jun 2025
(Jumaat - Ahad)

HARI 1

1. FGD 1 : Komuniti Pengusaha Pelancongan Pulau Bangau
2. FGD 2 : Pemilik Bangunan Lama Teluk Intan
3. Lawatan Tapak 1: Pulau Bangau, Teluk Intan
4. Lawatan Tapak 2: Sekitar Kampung Suli
5. FGD 3 : Penduduk Kg. Sungai Suli

HARI 2

6. FGD 4 : Komuniti Belia
7. Lawatan Tapak 3: Perusahaan Ikan Sangkar
8. FGD 5: Penduduk Ladang Ulu Bernam

HARI 3

9. FGD 6 : Komuniti Nelayan Darat
10. Lawatan Tapak 4: Menyelusuri Sungai Bidor
11. FGD 7 : Penduduk/JPKK Changkat Jong (Mangsa Banjir)
12. Lawatan Tapak 5: Lokasi Pelan Rancangan Kampung Tersusun

PASUKAN PENYELIDIK



DR. TEO LEE KEN
Ketua Penyelidik 1



NURUL SYAZA
Ketua Penyelidik 2



DR. THANARAJ MURUDI
Ketua Zon Utara



PROF. DATUK DR. DENISON JAYASOORIA



JAMES RYAN RAJ



DR. TEO SUE ANN



PANIIRSELVAM JAYARAMAN



SITI NORAIYSAH



SANTHRADEVI MUNUSAMY

LAWATAN PEMETAAN KAWASAN TELAH DIJALANKAN PADA 30 MEI - 01 JUN 2025 (JUMAAT - AHAD)

01



05 Mac 2025
Mesyuarat Awalan

02



22 Mei 2025
Mesyuarat Pra-Lawatan

03



22 Mei 2025
Mesyuarat Pra-Lawatan 2

04



30 Mei 2025
FGD 1: Komuniti Pengusaha Pelancongan Pulau Bangau

05



30 Mei 2025
FGD 2 : Pemilik Bangunan Lama Teluk Intan

06



30 Mei 2025
Lawatan Tapak 1: Pulau Bangau, Teluk Intan

07



30 Mei 2025
Lawatan Tapak 2: Sekitar Kampung Suli

08



30 Mei 2025
FGD 3: Penduduk Kg Sungai Suli

09



31 Mei 2025
FGD 4: Komuniti Belia

10



31 Mei 2025
Lawatan Tapak 3: Perusahaan Ikan Sangkar

11



31 Mei 2025
FGD 5: Penduduk Ladang Ulu Bernam

12



1 Jun 2025
FGD 6: Komuniti Nelayan Darat

13



1 Jun 2025
Lawatan Tapak 4: Menyelusuri Sungai Bidor

14



1 Jun 2025
FGD 7: Penduduk/JPKK Changkat Jong (Mangsa Banjir)

15



1 Jun 2025
Lawatan Tapak 5: Lokasi Pelan Rancangan Kampung Tersusun



05 MAC 2025 - MESYUARAT AWALAN

Mesyuarat awalan telah dijalankan di Pejabat APPGM-SDG, Petaling Jaya, membincangkan kerjasama dalam gerak kerja APPGM-SDG bagi Parlimen Teluk Intan. Turut hadir dalam mesyuarat ini adalah En. Koh Setiausaha Politik - DUN Pasir Bedamar, Nurul Syaza, dan Dr. Teo Lee Ken.

En. Koh menyatakan persetujuan untuk bekerjasama dalam kajian ini. Sesi pemprofilan akan datang ditetapkan untuk perbincangan lanjut.



22 MEI 2025 - MESYUARAT PRA-LAWATAN 1

Nurul Syaza dan Ain Safwanah telah menghadiri mesyuarat awalan bersama Ketua Penolong Pegawai Daerah, Penolong Pegawai Daerah dan Pegawai Jurutera bagi membincangkan persediaan pemetaan isu di Parlimen Teluk Intan (PDT Hilir Perak). Mesyuarat ini memberi tumpuan kepada penetapan tentatif dan penyelarasan perjalanan program yang akan berlangsung dari 30 Mei hingga 1 Jun 2025.





22 MEI 2025 - MESYUARAT PRA-LAWATAN 2 (MAJLIS PERBANDARAN TELUK INTAN)

Nurul Syaza dan Ain Safwanah telah berjumpa dengan Pengarah Jabatan Perancang MPTI, En. Azrin, bagi membincangkan persiapan program pemetaan isu di Parlimen Teluk Intan yang dijadualkan berlangsung pada 30 Mei hingga 1 Jun 2025. Perbincangan menumpukan kepada isu pemeliharaan bangunan warisan Teluk Intan serta potensi pelancongan di Pulau Bangau. Pihak MPTI bersetuju untuk bekerjasama menganjurkan sesi Libat Urus (FGD) bersama pengusaha pelancongan Pulau Bangau dan pemilik bangunan warisan pada 30 Mei nanti.



FGD 1 : KOMUNITI PENGUSAHA PELANCONGAN PULAU BANGAU

FGD1 telah diadakan bersama para Pengusaha Pelancongan Pulau Bangau. Seramai 8 orang peserta telah menyertai sesi ini termasuklah pihak Majlis Perbandaran Teluk Intan. Antara isu yang telah dikenal pasti adalah: **(1)** kesan projek RTB kepada ekonomi dan perniagaan pengusaha river cruise; **(2)** tarikan pelancongan yang tidak konsisten; dan **(3)** kurang proses atau hubungan libat urus dengan komuniti tempatan, termasuk pengusaha *river cruise*, peruncit, peniaga dan pemilik perniagaan.



FGD 2 : PEMILIK BANGUNAN LAMA TELUK INTAN

FGD2 bersama Pemilik Bangunan Lama Teluk Intan. Seramai 18 orang peserta telah menyertai sesi ini. Sesi ini telah dipengerusikan oleh YDP Majlis Perbandaran Teluk Intan (MPTI), En. Zairul Akmal bin Kasim. Turut hadir Pengarah dan pegawai-pegawai dari MPTI. Antara isu yang telah dikenal pasti adalah: **(1)** ketiadaan dana untuk pemeliharaan dan pemuliharaan bangunan warisan balai polis lama; **(2)** sistem perparitan yang tidak sistematik dan sesuai dengan keadaan semasa; dan **(3)** kesesakan lalu lintas disebabkan oleh aktiviti perniagaan dan perayaan di kawasan sekitar.





LAWATAN TAPAK 1: PULAU BANGAU, TELUK INTAN

Satu lawatan tapak ke Pulau Bangau, Teluk Intan telah diadakan. Pulau ini mempunyai potensi sebagai tarikan pelancongan yang unik, dengan keindahan biodiversiti yang masih belum dikenali secara meluas. Namun begitu, terdapat keperluan yang mendesak daripada pihak pengusaha bagi memastikan pembangunan yang lestari dapat dijalankan dengan lebih teratur. Selain itu, kajian ilmiah yang mendalam terhadap habitat Pulau Bangau dan kawasan sekelilingnya masih kurang dilakukan, menyebabkan potensi biodiversiti di kawasan ini belum dapat dimanfaatkan sepenuhnya untuk tujuan pemuliharaan dan pembangunan pelancongan yang mampan.







LAWATAN TAPAK 2: SEKITAR KAMPUNG SULI

Para penyelidik dibawa melawat ke Kampung Sungai Suli untuk melihat keadaan setempat berkait dengan keadaan banjir. Para penyelidik dimaklumkan bahawa ban yang disediakan oleh pihak berkuasa tidak sesuai dan tidak dapat menampung atau menangani masalah banjir di kawasan tersebut. Selain itu, terdapat keperluan untuk menambah kunci air bagi memastikan aliran air dapat bergerak dengan lancar dan keluar dari kawasan kampung bagi mengelakkan banjir berulang.



FGD 3 : PENDUDUK KG SUNGAI SULI

FGD 3 telh berlangsung bersama para penduduk Kg Sungai Suli. Seramai 9 orang peserta telah menyertai sesi ini. Antara isu yang telah dikenal pasti adalah: **(1)** kejadian banjir yang disebabkan oleh infrastruktur yang tidak mencukupi dan terancang; **(2)** kurangnya penyelenggaraan terhadap sistem perparitan, saliran dan juga kemudahan seperti jambatan; **(3)** kurangnya sokongan terhadap aktiviti ekonomi setempat seperti galakan aktiviti pekebun kecil; dan **(4)** pengurangan pelajar di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di kawasan Kampung Sungai Suli.



FGD 4 : KOMUNITI BELIA

FGD 4 telah berlangsung bersama para belia yang aktif dalam aktiviti melibatkan komuniti. Seramai 7 orang peserta dan Penghulu Mukim Durian Sebatang telah menyertai sesi ini. Antara isu yang telah dikenal pasti adalah: **(1)** peluang pekerjaan yang terhad; **(2)** kekurangan tanah untuk manjalankan aktiviti pertanian dan penternakan; dan **(3)** kos pemilikan dan sewa rumah yang tinggi.





LAWATAN TAPAK 3: PERUSAHAAN IKAN SANGKAR

Para penyelidik telah dibawa melawat ke kawasan perusahaan ikan sangkar di perairan Sungai Perak. Menurut pengusaha, aktiviti penternakan ini memerlukan kos yang tinggi serta modal permulaan yang besar. Antara kekangan utama yang dihadapi adalah kualiti makanan ikan tempatan yang masih rendah, menyebabkan pengusaha terpaksa mendapatkan bekalan makanan ikan dari luar negara. Keadaan ini telah meningkatkan kos operasi dan memberi tekanan kepada kelangsungan perusahaan ikan sangkar di kawasan tersebut.



FGD 5: PENDUDUK LADANG ULU BERNAM

FGD 5 telah diadakan bersama penduduk Ladang Ulu Bernam dengan kehadiran seramai 8 orang peserta daripada pelbagai kaum dan peringkat umur. Beberapa isu utama yang dikenal pasti termasuklah: **(1)** ketiadaan kemudahan pengangkutan awam yang berpatutan bagi memudahkan pergerakan keluar dari kawasan ladang; **(2)** keadaan infrastruktur seperti jalan dan pencahayaan jalan yang masih tidak memuaskan; dan **(3)** ketiadaan sokongan sosial dan kebajikan untuk warga emas yang tidak lagi mampu bekerja di ladang.



FGD 6 : KOMUNITI NELAYAN DARAT

FGD 6 bersama para nelayan darat di Kampung Bahagia. Seramai 18 orang peserta dan Penghulu turut hadir. Antara isu yang telah dikenal pasti adalah: **(1)** kesukaran mendapatkan lesen nelayan darat; **(2)** pencemaran sungai berpunca daripada pembuangan sisa daripada kilang; **(3)** penurunan populasi udang galah di Sungai Bidor; dan **(4)** pendapatan nelayan darat yang tidak menentu.







LAWATAN TAPAK 4: MENYELUSURI SUNGAI BIDOR

Para penyelidik dibawa menyelusuri Sungai Bidor yang menempatkan pelbagai spesies ikan air tawar dan udang galah sebagai tarikan utama.



FGD 7 : PENDUDUK/JPKK CHANGKAT JONG (MANGSA BANJIR)

FGD 7 telah berlangsung bersama penduduk-penduduk yang seringkali berhadapan dengan banjir. Seramai 19 orang peserta termasuk Penghulu telah hadir. Antara isu yang telah dikenal pasti adalah: **(1)** ketidakpastian status pemilikan tanah dan ketiadaan geran sah; **(2)** banjir dan keperluan penyelenggaraan sungai; dan **(3)** kesukaran akses kepada bantuan kerajaan untuk pembangunan projek pertanian setempat.



LAWATAN TAPAK 5: LOKASI PELAN RANCANGAN KAMPUNG TERSUSUN

Para penyelidik telah dibawa melawat ke lokasi Pelan Rancangan Kampung Tersusun sejak tahun 1988 yang pada asalnya dirancang untuk menjadi penempatan lengkap bagi penduduk asal. Namun, projek ini gagal dilaksanakan sepenuhnya. Akibatnya, kawasan tersebut kini terbiar, sebahagian besar telah diberikan kepada pihak luar, manakala penduduk asal masih tidak memiliki geran atau akses kepada kemudahan asas yang dijanjikan. Lebih membimbangkan, kawasan ini kini turut dijadikan lokasi "pertanian haram".

BAHAGIAN B

Laporan Pemetaan Isu

P. 076 Teluk Intan

Senarai Jadual

Jadual 1	Komposisi Penduduk di Parlimen Teluk Intan
Jadual 2	Tentatif Ringkas Lawatan Tapak Parlimen Teluk Intan
Jadual 3	Rangkuman Isu Rentas SDG
Jadual 4	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 1
Jadual 5	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 2
Jadual 6	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 3
Jadual 7	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 4
Jadual 8	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 5
Jadual 9	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 6
Jadual 10	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 7
Jadual 11	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 8
Jadual 12	Ringkasan Isu 1
Jadual 13	Ringkasan Isu 2
Jadual 14	Ringkasan Isu 3
Jadual 15	Pengenalpastian Projek Penyelesaian

Senarai Singkatan

APPGM-SDG	*All-Party Parliamentary Group Malaysia - Sustainable Development Goals*
DAP	Parti Tindakan Demokratik (*Democratic Action Party*)
FGD	Perbincangan Kumpulan Berfokus (*Focus Group Discussion*)
IR4.0	Revolusi Perindustrian 4.0 (*Industrial Revolution 4.0*)
LAP	Lembaga Air Perak
MPTI	Majlis Perbandaran Teluk Intan
NCER	Koridor Ekonomi Wilayah Utara (*Northern Corridor Economic Region*)
PH	Pakatan Harapan
PIBG	Persatuan Ibu Bapa dan Guru
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
RTB	Rancangan Tebatan Banjir
SDG	Matlamat Pembangunan Lestari (*Sustainable Development Goals*)
STEM	Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (*Science, Technology, Engineering and Mathematics*)
TKPM	Taman Kekal Pengeluaran Makanan
WCE	Lebuhraya Pantai Barat (*West Coast Expressway*)

1.0 PENGENALAN



YB Tuan Nga Kor Ming

Parlimen Teluk Intan terletak di negeri Perak, Malaysia, merangkumi kawasan di bawah Daerah Hilir Perak dan Daerah Bagan Datuk. Keluasan kawasan Parlimen ini adalah kira-kira 1,300 kilometer persegi dengan jumlah penduduk seramai 128,888 orang berdasarkan data Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020.[46] Jumlah populasi yang layak mengundi adalah kira-kira 82,340 orang berdasarkan data pilihan raya terkini. Parlimen Teluk Intan mempunyai kepadatan penduduk 99 orang per satu kilometer persegi.

Pada tahun 2022, YB Tuan Nga Kor Ming daripada parti Parti Tindakan Demokratik atau *Democratic Action Party* (DAP), iaitu komponen parti dalam gabungan Pakatan Harapan (PH) telah memenangi kerusi bagi Parlimen Teluk Intan.[47] Beliau kini berkhidmat sebagai Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Program pemetaan isu bagi tahun 2025 di Parlimen Teluk Intan ini diadakan dengan usahasama daripada YB Tuan Nga Kor Ming.

1.1 Geografi/Topografi

Parlimen Teluk Intan merangkumi kawasan daerah Hilir Perak dan sebahagian daerah Bagan Datuk, negeri Perak. Maka, pentadbiran di peringkat tempatan umumnya adalah di bawah kuasa Pejabat Daerah dan Tanah Hilir Perak, Pejabat Daerah dan Tanah Bagan Datuk. Kawasan Parlimen Teluk Intan bersempadan dengan Parlimen Bagan Datuk, Tanjong Malim, Pasir Salak dan Sabak Bernam. Parlimen Teluk Intan merangkumi mukim utama seperti Durian Sebatang, Changkat Jong, Sungai Manik, Labu Kubong dan Sungai Durian, serta sebahagian Hutan Melintang.

Kawasan Parlimen ini dikelilingi oleh Sungai Perak dan Sungai Bidor, dengan topografi yang rata dan subur, sesuai untuk pertanian, serta terletak dalam radius 60 km ke Bandaraya Ipoh, 50 km ke sempadan negeri Selangor dan 120 km ke Bandaraya Kuala Lumpur. Kedudukannya yang berhampiran dengan bandar utama seperti Ipoh, Manjung dan Tanjong Malim, serta dihubungkan melalui Lebuhraya Pantai Barat (WCE), meningkatkan potensi pembangunan. Manakala, di kawasan Parlimen Teluk Intan, ia merangkumi sekitar 21 buah kampung utama, termasuk kampung-kampung di sekitar bandar Teluk Intan.

[46] Jabatan Perangkaan Malaysia, "P.076 Teluk Intan Kawasanku | OpenDOSM," Dosm.gov.my (OpenDOSM, 2020), https://open.dosm.gov.my/dashboard/kawasanku/Perak/parlimen/P.076%20Teluk%20Intan.
[47] Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, "MySPRSemak," mysprsemak.spr.gov.my, accessed September 2025, https://mysprsemak.spr.gov.my/semakan/keputusan/pru

1.2 Komposisi Penduduk

Komposisi penduduk di dalam kawasan Parlimen Teluk Intan adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual berikut. Jumlah penduduk keseluruhan adalah 103,065 orang. Komposisi mengikut etnik mencatatkan peratusan tertinggi bagi komuniti Melayu sebanyak 49.9 peratus diikuti dengan komuniti Cina dengan 32.6 peratus, India dengan 16.9 peratus dan komuniti lain dengan 0.6 peratus.

Jadual 3: Komposisi Penduduk Kawasan Parlimen Teluk Intan

BIL.	KAUM	BIL.	% BIL.
1.	Bumiputera	51,429	49.9
2.	Cina	33,197	32.6
3.	India	17,419	16.9
4.	Lain-lain	620	0.6
JUMLAH KESELURUHAN		103,065	**100.00**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia[48]

Kesimpulannya, Teluk Intan adalah kawasan luar bandar dengan jumlah tertinggi penduduk terdiri daripada Bumiputera, khususnya Melayu, dengan bilangan kecil komuniti Cina, India, dan lain-lain. Komposisi ini mempengaruhi aktiviti ekonomi yang berfokus kepada pertanian dan keperluan infrastruktur asas.

1.3 Kegiatan Ekonomi Utama

Berdasarkan dokumen kajian pemetaan isu 2025 dan pemerhatian di tapak, sektor ekonomi utama di kawasan ini adalah seperti berikut:

- **Pertanian**

  Pertanian merupakan aktiviti ekonomi utama di Parlimen Teluk Intan, dengan keluasan pertanian mendominasi 79.06 peratus daripada keseluruhan daerah Hilir Perak. Antara tanaman utama adalah kelapa sawit dan padi, dengan zon tanaman makanan kekal seperti jelapang padi di mukim Sungai Manik. Kawasan ini dikekalkan untuk pembangunan pertanian optimum, termasuk komponen agromakanan seperti kulinari, jagung bijian, durian, kelapa dan tenusu. Projek seperti Pembangunan Zon Integrasi Agrokomoditi dan Agromakanan, Perluasan Kawasan Jelapang Padi, serta Perluasan Kawasan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Degong menggalakkan penglibatan agropreneur muda dan pertanian pintar. Jumlah ternakan di daerah Hilir Perak menyumbang sebahagian

[48] Jabatan Perangkaan Malaysia, "P.076 Teluk Intan Kawasanku | OpenDOSM," Dosm.gov.my (OpenDOSM, 2020), https://open.dosm.gov.my/dashboard/kawasanku/Perak/parlimen/P.076%20Teluk%20Intan.

daripada keseluruhan ternakan di negeri Perak, dengan fokus kepada akuakultur dan perikanan.

- **Perindustrian**
  Berdasarkan zon guna tanah dalam Draf Rancangan Tempatan Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian)[49], kawasan Parlimen Teluk Intan juga menumpukan kepada pembangunan sektor perindustrian, dengan cadangan perluasan zon industri seluas 2,020 hektar. Fokus utama adalah industri berteknologi tinggi berasaskan pertanian, seperti kluster biotek dan organik, serta hiliran berasaskan minyak kelapa sawit dan penapisan minyak. Projek impak tinggi seperti Taman Perindustrian dan Sains Makanan Nova Scottia menjadi pemangkin, dengan potensi pelaburan di sekitar WCE. Selain itu, terdapat pelaburan seperti terminal kargo pukal yang bernilai RM10.1 juta, yang dijangka mewujudkan 36 peluang pekerjaan. Kawasan ini juga memanfaatkan teknologi *Industrial Revolution* 4.0 dalam sektor agromakanan dan komoditi.

- **Pelancongan**
  Pelancongan adalah sektor berpotensi, dengan fokus kepada ekowarisan, alam semula jadi dan budaya. Tarikan utama termasuk Menara Condong Teluk Intan, persisiran Sungai Perak, Pulau Bangau, serta pakej pelancongan seperti eko-pelancongan dan kelip-kelip. Cadangan pembangunan pesisir Sungai Perak seluas 9,249.32 hektar dan pembangunan Bandar Teluk Intan seluas 8,896.43 hektar menekankan pembangunan produk pelancongan baharu, pemeliharaan aset warisan dan integrasi pelancongan-perikanan sungai. Bandar Teluk Intan sebagai *Tourism Belt* bersama Bagan Datuk, dengan projek seperti Pembangunan Semula Sungai Perak dan Ring Road Teluk Intan untuk meningkatkan aksesibiliti dan ekonomi tempatan.

  Ekonomi Parlimen Teluk Intan didorong oleh sektor pertanian yang mendominasi (79% guna tanah, termasuk kelapa sawit dan padi sebagai zon makanan kekal), diikuti industri berteknologi tinggi berasaskan agro (seperti biotek dan hiliran minyak sawit dengan perluasan zon industri kepada 2,020 hektar), serta pelancongan ekowarisan (fokus pada Sungai Perak, Pulau Bangau, dan bandar Teluk Intan sebagai *Tourism Belt*). Projek seperti Taman Perindustrian *Nova Scottia* dan pembangunan sekitar WCE dijangka meningkatkan pertumbuhan, dengan sektor perkhidmatan kewangan dan desa turut menyumbang.

[49] Majlis Perbandaran Teluk Intan, *Draf Rancangan Tempatan Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian)*, ed. PLANMalaysia and PLANMalaysia Perak, vol. 1 (PLANMalaysia, 2021).

1.4 Hubungan Kerangka Konseptual SDG dan Konteks Tempatan

Parlimen Teluk Intan, yang terletak di negeri Perak, merupakan kawasan luar bandar yang bergantung kepada sektor pertanian, khususnya padi, kelapa sawit, dan agromakanan, serta industri berteknologi tinggi berasaskan agro seperti kluster biotek dan hiliran minyak sawit. Aktiviti ekonomi seperti penanaman padi di jelapang Sungai Manik dan pembangunan taman perindustrian di Nova Scottia menyumbang kepada peluang pekerjaan penduduk tempatan. Di samping itu, kedudukan strategik daerah Hilir Perak sebagai pusat makanan utama di bawah Rancangan Pembangunan Strategik *Northern Corridor Economic Region* (NCER) 2021-2025, memberikan kelebihan dalam meningkatkan produktiviti dan pelaburan lestari, termasuk melalui teknologi IR4.0 dan kluster agropreneur muda. Hal ini selari dengan **Matlamat SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi**, dengan sasaran berikut:

> **Sasaran 8.2:** Mencapai tahap produktiviti ekonomi yang lebih tinggi melalui pempelbagaian, penaiktarafan dan inovasi teknologi, termasuk melalui tumpuan pada sektor nilai tambah tinggi dan sektor intensif buruh.
>
> **Sasaran 8.3:** Menggalakkan dasar berorientasikan pembangunan yang menyokong aktiviti produktif, pewujudan pekerjaan yang baik, keusahawanan, kreativiti dan inovasi, serta menggalakkan pemformalan dan pertumbuhan perusahaan mikro, kecil dan sederhana, termasuk melalui akses kepada perkhidmatan kewangan.

Kelebihan infrastruktur dan aksesibiliti Teluk Intan, termasuk kedudukannya yang strategik 60 km dari Ipoh dan dihubungkan oleh Lebuhraya Pantai Barat (WCE), menyokong pembangunan mampan melalui peningkatan mobiliti dan pelaburan. Projek seperti Ring Road Teluk Intan dan terminal kargo pukal yang bernilai RM10.1 juta berpotensi mewujudkan 36 peluang pekerjaan, memperkukuh perhubungan bandar dan desa, selari dengan usaha untuk membina komuniti mampan dan berdaya tahan. Ini menyokong **Matlamat SDG 11: Bandar Lestari dan Komuniti**, dengan sasaran berikut:

> **Sasaran 11.2:** Menjelang 2030, menyediakan akses kepada sistem pengangkutan yang selamat, mampu milik, mudah diakses dan mampan untuk semua, meningkatkan keselamatan jalan raya, dengan perhatian khusus kepada keperluan mereka yang terpinggir.
>
> **Sasaran 11.3:** Menjelang 2030, meningkatkan perancangan dan pengurusan mampan bandar-rural, melaksanakan polisi dan perancangan holistik untuk komuniti, budaya dan ekologi tempatan, menumpukan pada penglibatan komuniti, pembangunan ekonomi dan pengurusan tanah.

Potensi pelancongan di Sungai Perak dan Pulau Bangau, sebuah kawasan sungai yang dikelilingi oleh hutan hijau dan pemandangan semula jadi, menawarkan peluang untuk memajukan ekonomi tempatan melalui aktiviti ekopelancongan seperti pelancongan bot, perkhemahan, dan pemerhatian burung. Pembangunan pelancongan mampan di kawasan ini dapat menyokong pendapatan penduduk tempatan sambil memelihara alam sekitar, terutama melalui Pelan Tindakan Bandar Hijau (*Green City Action Plans*) yang meliputi Teluk Intan untuk mengurangkan karbon dan meningkatkan kelestarian bandar, serta inisiatif seperti pemasangan 1,766 sistem pengumpulan air hujan di Lagenda Teluk Intan pada 2024. Inisiatif seperti pembinaan kemudahan pelancongan mesra alam, promosi budaya tempatan, dan pelan pelancongan berasaskan komuniti boleh meningkatkan tarikan pelancong sambil memastikan kelestarian sumber semula jadi. Ini selari dengan **Matlamat SDG 15: Kehidupan di Daratan**, dengan sasaran berikut:

> **Sasaran 15.1**: Menjelang 2030, memastikan pemuliharaan, pemulihan dan penggunaan mampan ekosistem daratan dan air tawar daratan serta perkhidmatan ekosistemnya, khususnya hutan, tanah bencah, gunung dan kawasan kering, selari dengan obligasi di bawah perjanjian antarabangsa.
>
> **Sasaran 15.9:** Menjelang 2030, menyepadukan nilai ekosistem dan biodiversiti ke dalam perancangan nasional dan tempatan, proses pembangunan, pengurangan kemiskinan dan strategi serta akaun.

2.0 METODOLOGI PENYELIDIKAN

2.1 Pendekatan Kajian

Kajian awalan dijalankan untuk memahami latar belakang kawasan Parlimen Teluk Intan dan mengenal pasti isu utama melalui data sekunder seperti statistik daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, Draf Rancangan Tempatan Daerah Hilir Perak 2035, serta carian internet dan keratan akhbar berkaitan isu sosioekonomi dan alam sekitar. Pendekatan ini bertujuan untuk mendapatkan gambaran umum mengenai latar belakang kawasan Parlimen Teluk Intan dan mengenal pasti isu-isu awalan yang perlu diberikan perhatian.

Pada 5 Mac 2025, mesyuarat awalan telah diadakan di Pejabat APPGM-SDG, Petaling Jaya, bagi membincangkan kerjasama dalam gerak kerja APPGM-SDG bagi Parlimen Teluk Intan. Mesyuarat ini dihadiri oleh En. Koh, Setiausaha Politik DUN Pasir Bedamar, Nurul Syaza, dan Dr. Teo Lee Ken, dengan tumpuan kepada penyelarasan gerak kerja dan metodologi kajian pemetaan isu.

Pada 20 Februari 2025, kunjung hormat dan perbincangan diadakan dengan Pegawai Daerah Hilir Perak, yang bersetuju untuk menjayakan kajian ini. Pada 22 Mei 2025, Nurul

Syaza dan Ain Safwanah menghadiri mesyuarat awalan bersama Ketua Penolong Pegawai Daerah, Penolong Pegawai Daerah, dan Pegawai Jurutera di Pejabat Daerah Hilir Perak untuk membincangkan persediaan pemetaan isu. Mesyuarat ini menumpukan kepada penetapan tentatif dan penyelarasan perjalanan program yang dijadualkan berlangsung dari 30 Mei hingga 1 Jun 2025.

Selain itu, Nurul Syaza dan Ain Safwanah telah berjumpa dengan Pengarah Jabatan Perancang Majlis Perbandaran Teluk Intan (MPTI), En. Azrin, untuk membincangkan persiapan program pemetaan isu. Perbincangan menjurus kepada isu pemeliharaan bangunan warisan Teluk Intan serta potensi pelancongan di Pulau Bangau. Pihak MPTI bersetuju untuk menganjurkan sesi Libat Urus (FGD) bersama pengusaha pelancongan Pulau Bangau dan pemilik bangunan warisan pada 30 Mei 2025.

Lawatan tapak ke Parlimen Teluk Intan dijalankan pada 30 Mei hingga 1 Jun 2025, melibatkan lapan sesi *Focus Group Discussion* (FGD) dan tiga lawatan tapak bersama komuniti seperti nelayan, usahawan pelancongan, dan sekitar kampung. Pasukan kajian yang telah turun ke lawatan tapak Parlimen Teluk Intan terdiri daripada:

1. Prof. Datuk Dr. Denison : Ketua Sekretariat
2. James Ryan Raj : Pengarah Jabatan Ketua Sekretariat Parlimen
3. Dr. Teo Sue Ann : Pengarah Jabatan Advokasi Parlimen
4. Dr Teo Lee Ken : Pengarah Jabatan Penyelarasan Parlimen
5. Paniirselvam Jayaraman : Pengarah Jabatan Solusi Dasar
6. Thanaraj Murudi : Ketua Zon Utara
7. Siti Noraiysah Rohim : Pembantu Penyelidik
8. Santhradevi : Pembantu Penyelidik

Selain itu, pada 1 Julai 2025, satu FGD tambahan telah diadakan bersama warga pendidik dan pelajar SJK(T) Ulu Bernam 2. FGD tambahan ini diadakan berasingan adalah kerana pihak sekolah memohon perjumpaan diadakan pada hari persekolahan umum untuk memantau secara langsung keadaan semasa sekolah tersebut. Maka, kumpulan penyelidik daripada APPGM-SDG merangkumi Nurul Syaza, Santhradevi dan Syadhira telah turun semula ke Parlimen Teluk Intan untuk berjumpa wakil dari SJK(T) Ulu Bernam 2.

Sesi dialog antara agensi telah diadakan pada 4 September 2025 dengan kerjasama daripada Pejabat Daerah dan Tanah Hilir Perak. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Pegawai Daerah Hilir Perak, Puan Mufidah binti Mahfodz. Seramai 19 orang wakil agensi telah hadir dan memberikan maklum balas bagi dapatan kajian pemetaan isu Parlimen Teluk Intan. Antara isu utama yang dibincangkan adalah isu banjir, infrastruktur semasa

dan status pemilikan tanah Kg Glouster. Tentatif ringkas lawatan tapak dan sesi dialog bersama komuniti dan agensi tempatan adalah seperti di Jadual di bawah:

Jadual 2. Tentatif Ringkas Lawatan Tapak Parlimen Teluk Intan

TARIKH	PERKARA
30 Mei 2025, Jumaat	• Sesi Dialog 1: Dialog bersama Pengusaha Pelancongan Pulau Bangau & Lawatan Tapak • Sesi Dialog 2: Dialog bersama Pemilik Bangunan Lama Teluk Intan • Sesi Dialog 3: Dialog bersama Penduduk Kg. Sungai Suli • Lawatan Tapak 1: Sekitar Kg. Sungai Suli
31 Mei 2025, Sabtu	• Sesi Dialog 4: Dialog bersama Belia • Lawatan Tapak 2: Penternak Sangkar Ikan • Sesi Dialog 5: Dialog bersama Penduduk Ladang Ulu Bernam
1 Jun 2025, Ahad	• Sesi Dialog 6: Dialog bersama Komuniti Nelayan • Sesi Dialog 7: Dialog bersama Penduduk/JPKK Batu 4, 5, 6, 7 Changkat Jong
1 Julai 2025, Selasa	• Sesi Dialog 8: Dialog bersama warga pendidik dan pelajar SJK(T) Ulu Bernam 2
4 September 2025, Khamis	• Sesi Dialog Antara Agensi

2.2 Langkah Etika Semasa Kajian Lapangan

Ketua penyelidik mendapatkan persetujuan daripada peserta terlebih dahulu untuk merekodkan suara dan diambil video dan gambar. Sekiranya, peserta FGD tidak bersetuju apa yang dikatakan untuk direkod dan melarang mengambil gambarnya, maka penyelidikan ini tidak boleh mengambil kira perkara tersebut untuk dilaporkan dan dikongsikan di mana-mana platform. Namun begitu, bagi kajian pemetaan isu di Parlimen Teluk Intan, tiada apa-apa halangan daripada pihak peserta.

2.3 Kekangan Lawatan Kajian Lapangan

Terdapat beberapa cabaran dan halangan yang dihadapi oleh penyelidik sepanjang kajian dijalankan di Parlimen Teluk Intan. Antara cabaran yang dihadapi oleh penyelidik adalah seperti berikut:

- **Pertukaran ketua penyelidik bagi lawatan kajian lapangan**
  Ketua penyelidik bagi Parlimen Teluk Intan asalnya dipertanggungjawabkan kepada Puan Nurul Syaza, namun terpaksa ditukar kepada Dr. Teo Lee Ken sebagai ketua di lapangan kerana keadaan kesihatan anak Nurul Syaza yang tidak baik dan memerlukan perhatian khusus. Walaupun begitu, Nurul Syaza dan Dr.

Teo Lee Ken telah bekerjasama dalam pengurusan hal berkaitan kajian lapangan bermula daripada penyediaan tentatif lawatan tapak sehingga pengenalpastian projek mikro SDG.

Namun, bagi penyediaan laporan, Puan Nurul Syaza bertanggungjawab untuk menyiapkan laporan penuh pemetaan isu bagi Parlimen Teluk Intan. Hal ini memberi cabaran kepada Puan Nurul Syaza yang tiada semasa lawatan tapak dijalankan kerana kurang mendapat gambaran sebenar keadaan yang berlaku di tapak. Maka, pelaporan ini disediakan berdasarkan penglibatan Puan Nurul Syaza dalam proses persediaan pemetaan isu ini dan juga maklumat yang telah dikumpul oleh Dr Teo Lee Ken dan pasukan kajian lapangan yang lain semasa lawatan tapak dijalankan seperti audio rakaman, nota, gambar dan video. Selain itu, Puan Nurul Syaza juga telah mengambil inisiatif untuk merujuk Dr Teo Lee Ken dan pasukan kajian lapangan tentang perincian situasi yang berlaku di tapak sekiranya perlu.

- **Pertukaran tentatif dan pengaturan pasukan kajian di saat akhir**
  Tentatif asal kajian lapangan ini hanya memfokuskan lapan FGD. Namun begitu, hanya tujuh FGD yang dapat dilaksanakan semasa pasukan kajian turun ke tapak pada 30 Mei hingga 1 Jun. Maka, Dr Teo Lee Ken telah mengambil inisiatif dengan mengadakan beberapa lawatan tapak ke beberapa kawasan yang mempunyai isu sepertimana dinyatakan dalam sesi FGD dijalankan.
  Selain itu, Nurul Syaza dan pasukan kajian tetap meneruskan perancangan untuk mengadakan FGD kelapan bersama warga SJK(T) Ladang Ulu Bernam 2 pada 1 Julai 2025. Maka, terdapat juga perubahan ahli pasukan kajian ke lapangan antara 30 Mei hingga 1 Jun dan pada 1 Julai 2025 memandangkan pasukan kajian terlibat mempunyai program lain. Namun begitu, jumlah minimum pasukan kajian seramai 3 atau 4 orang masih dikekalkan.

2.4 Keterbatasan Kajian

Berdasarkan metodologi semasa bagi kajian pemetaan isu ini, lawatan tapak adalah terhad kepada empat hari sahaja. Maka, jumlah kumpulan sasaran yang utama dapat disasarkan adalah sekurang-kurangnya lapan kumpulan sasaran. Bagi Parlimen Teluk Intan, kajian pemetaan isu ini telah berjumpa sebanyak lapan kumpulan sasaran utama bersama wakil komuniti disasarkan. Kumpulan sasaran yang terpilih ini adalah berdasarkan perbincangan awal bersama wakil Parlimen Teluk Intan, Encik Koh dan pihak Pejabat Daerah dan Tanah Hilir Perak yang memfokuskan kepada kumpulan komuniti paling terjejas.

Selain itu, tempoh masa yang terhad untuk sesi FGD bersama komuniti yang hanya berlangsung antara 40 minit hingga satu jam mengehadkan perkongsian dan perbincangan yang lebih mendalam. Tempoh masa perbincangan semasa Dialog Bersama Agensi yang terhad juga membatasi maklum balas yang diterima untuk menjawab semua isu komuniti yang dikumpulkan. Maka, terdapat beberapa isu yang tiada maklum balas daripada agensi. Justeru itu, hasil kajian adalah terbatas kepada maklumat yang diperoleh dalam tempoh masa pendek ini.

3.0 RANGKUMAN ISU RENTAS SDG

Berikut adalah lima isu utama yang dikenal pasti sebagai keutamaan di Parlimen Teluk Intan, berdasarkan impaknya terhadap kesejahteraan penduduk dan kaitannya dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG):

Jadual 3. Rangkuman Isu Rentas SDG

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
1.	Ketidakpastian status tanah dan penempatan	Penduduk di kawasan seperti Kg. Sungai tinggal di tanah rizab sungai tanpa geran, menghadapi ketidaktentuan pemilikan. Permohonan TOL ditolak, dan tanah diberikan kepada pihak lain tanpa ketelusan. Projek Kampung Tersusun terbengkalai, meninggalkan penduduk tanpa hak milik.	Sosial, Tadbir Urus	Penduduk Kg. Sungai, penerima geran	Kg. Glouster	**SDG 6: Air Bersih dan Sanitasi** **Sasaran 6.3:** Menjelang 2030, meningkatkan kualiti air dengan mengurangkan pencemaran, menghapuskan pembuangan dan meminimumkan pelepasan bahan kimia dan bahan berbahaya, mengurangkan separuh kadar air kumbahan tidak terawat serta meningkatkan dengan ketara kadar kitar semula dan penggunaan semula yang selamat di seluruh dunia. **SDG 15: Kehidupan Darat** **Sasaran 15.1:** Menjelang 2020, memastikan pemuliharaan, pemulihan dan penggunaan lestari ekosistem air tawar

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						daratan dan pedalaman termasuk perkhidmatannya, khususnya hutan, tanah bencah, gunung-ganang dan tanah kering, sejajar dengan obligasi di bawah perjanjian antarabangsa.
2.	Pencemaran Sungai Perak	Pencemaran oleh kilang-kilang menyebabkan kematian hidupan akuatik, menjejaskan pendapatan nelayan dan ekopelancongan. Aduan penduduk tidak ditangani dengan berkesan oleh agensi.	Alam Sekitar, Ekonomi	Nelayan, usahawan pelancongan	Sungai Perak, Batak Rabik, Durian Sebatang	**SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi** **Sasaran 8.9:** Menjelang 2030, menggubal dan melaksanakan dasar untuk menggalakkan pelancongan mampan yang mewujudkan peluang pekerjaan serta mengetengahkan budaya dan produk tempatan. **SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan** **Sasaran 11.1:** Menjelang 2030, memastikan akses kepada perumahan dan perkhidmatan asas yang mencukupi, selamat

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						dan mampu milik untuk semua, serta menaik taraf kawasan sesak.
3.	Kesan Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB)	Projek RTB mengancam pendapatan usahawan pelancongan dan nelayan kerana pemindahan tanpa pampasan atau alternatif. Ketiadaan jeti selamat dan gangguan akses ke sungai menjejaskan operasi.	Ekonomi, Sosial	Usahawan pelancongan, nelayan	Pulau Bangau, Sungai Perak	**SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi** **Sasaran 8.9:** Menjelang 2030, menggubal dan melaksanakan dasar untuk menggalakkan pelancongan mampan yang mewujudkan peluang pekerjaan serta mengetengahkan budaya dan produk tempatan. **SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan** **Sasaran 11.1:** Menjelang 2030, memastikan akses kepada perumahan dan perkhidmatan asas yang mencukupi, selamat dan mampu milik untuk semua, serta menaik taraf kawasan sesak.

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
4.	Kekurangan peluang ekonomi belia	Belia berhijrah ke bandar kerana pekerjaan terhad kepada pertanian dan kilang. Kos tinggi dan kekurangan modal menyukarkan usahawan muda. Program bantuan pertanian gagal kerana tiada pasaran tetap.	Ekonomi, Sosial	Belia, usahawan muda	Kampung Bahagia, Langkap, Batak Rabik	**SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi** **Sasaran 8.6:** Menjelang 2020, mengurangkan jumlah belia menganggur, tiada pendidikan atau tiada latihan. **SDG 4: Pendidikan Berkualiti** **Sasaran 4.4:** Menjelang 2030, meningkatkan sebilangan besar golongan belia dan dewasa yang memiliki kemahiran yang relevan, termasuk kemahiran teknikal dan vokasional, untuk penggajian, pekerjaan yang baik dan keusahawanan.
5.	Kekurangan infrastruktur asas dan kelemahan struktur infrastruktur semasa	Ketiadaan feri, bas, lampu jalan, dan jalan berturap di Ulu Bernam Estate menyukarkan akses dan meningkatkan risiko keselamatan. Saliran lemah menyebabkan banjir kilat di pekan dan kampung.	Sosial, Tadbir Urus	Penduduk, komuniti Orang Asli	Ulu Bernam Estate, Kg. Sungai Erong, pekan Teluk Intan	**SDG 9: Industri, Inovasi dan Infrastruktur** **Sasaran 9.1:** Membangunkan infrastruktur yang berkualiti, andal, mampan dan berdaya tahan, termasuk infrastruktur serantau dan rentas sempadan,

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						untuk menyokong pembangunan ekonomi dan kesejahteraan manusia dengan tumpuan pada akses yang saksama serta mampu milik untuk semua. **SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan** **Sasaran 11.1:** Menjelang 2030, memastikan akses kepada perumahan dan perkhidmatan asas yang mencukupi, selamat dan mampu milik untuk semua, serta menaik taraf kawasan sesak.

4.0 GAMBARAN KESELURUHAN PEMETAAN ISU

4.1 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu

Jadual 4. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 1

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 1: Dialog Bersama Usahawan Pelancongan **Tarikh:** 30 Mei 2025 **Lokasi:** Jeti Pokok Assam **Pembahagian kumpulan: :** 1 kumpulan **Jumlah peserta keseluruhan:** 6 peserta			**Agensi yang memberikan maklum balas:** 1. Pejabat Daerah dan Tanah Hilir Perak 2. Persatuan Pelancongan Teluk Intan
1.	Ancaman projek RTB terhadap aktiviti ekopelancongan	Usahawan pelancongan di Teluk Intan berdepan risiko kehilangan sumber pendapatan susulan pelaksanaan Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB). Projek ini memerlukan mereka berpindah dari lokasi sedia ada, namun sehingga kini tiada penyelesaian jangka panjang yang jelas disediakan. Kebanyakan pengusaha beroperasi di atas tanah milik Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) melalui surat kebenaran sementara, bukan pajakan atau TOL. Perpindahan ini dijangka meningkatkan kos operasi, mewujudkan lokasi baharu yang kurang strategik kepada pelancong, serta memberi kesan	**Pejabat Daerah dan Tanah Hilir Perak:** Pelaksanaan RTB Fasa 2 dijangka memberi kesan kepada kawasan pelancongan seperti Pulau Bangau. Agensi menekankan keperluan libat urus awal dengan pengusaha untuk merancang pemindahan dan pembinaan jeti baharu. Mesyuarat dengan agensi seperti Jabatan Alam Sekitar (JAS) akan diadakan untuk merangka langkah mitigasi.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		langsung terhadap aktiviti pelancongan di kawasan tersebut.	
2.	Kekurangan kemudahan pelancongan	Teluk Intan pada masa ini hanya mempunyai sebuah hotel bertaraf tiga bintang, dengan kekurangan kemudahan penginapan dan kemudahan pelancongan yang berkualiti tinggi. Keadaan ini tidak mampu memenuhi jangkaan pelancong dari Singapura dan luar negara yang menitikberatkan aspek kebersihan, mutu perkhidmatan pelanggan serta tahap keselesaan yang tinggi. Kekangan ini secara tidak langsung menghadkan potensi Teluk Intan untuk berkembang sebagai destinasi pelancongan utama, meskipun bandar ini memiliki lebih daripada 30 tapak bersejarah yang bernilai warisan.	**Persatuan Pelancongan Teluk Intan:** Kemudahan hotel di Teluk Intan mencukupi kecuali pada musim perayaan, tetapi kadar penginapan rendah kerana kekurangan promosi pelancongan. Pelancong hanya singgah sebentar sebelum ke destinasi lain.
3.	Ketiadaan pampasan dan perancangan alternatif untuk pengusaha terjejas RTB	Para pengusaha tidak menerima sebarang pampasan memandangkan perniagaan dijalankan di atas tanah milik Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) tanpa perjanjian pajakan yang sah. Walaupun projek ini telah diumumkan lebih lima tahun lalu, perancangan pemindahan dan penetapan lokasi alternatif masih belum dimuktamadkan.	**Pejabat Daerah dan Tanah Hilir Perak:** Pengusaha pelancongan yang terkesan oleh RTB Fasa 2 perlu dilibatkan dalam sesi dialog awal untuk merancang pemindahan dan pembinaan infrastruktur alternatif seperti jeti baharu. Mesyuarat dengan agensi berkaitan akan diadakan bagi tujuan ini.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Selain itu, akses kepada Pegawai Daerah (DO) dilaporkan sukar, dan tiada sesi dialog yang konsisten diadakan antara agensi pelaksana dengan para pengusaha. Notis pengosongan pula diterima dalam tempoh singkat, iaitu hanya 14 hari, disertai ancaman penalti yang tinggi. Hal ini menambah tekanan kepada pengusaha kecil yang terjejas.	
		Pelaksanaan Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) telah menjejaskan operasi bot pelancongan apabila tiada jeti selamat atau infrastruktur sokongan disediakan sepanjang tempoh peralihan. Keadaan ini menimbulkan risiko keselamatan kepada pelancong serta mengurangkan keyakinan terhadap daya tarikan dan reputasi destinasi pelancongan tersebut.	**Pejabat Daerah dan Tanah Hilir Perak:** Projek infrastruktur seperti saliran dan RTB memerlukan penyeliaan yang lebih rapi untuk memastikan keberkesanan. Agensi mengambil maklum kekecewaan penduduk terhadap pelaksanaan projek dan akan meneliti isu ini.
4.	Ancaman projek RTB terhadap kelangsungan hidup nelayan sungai	Pelaksanaan Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) dijangka menjejaskan sumber pendapatan nelayan sungai yang bergantung kepada hasil tangkapan harian. Pembinaan ban dan struktur tebing akan mengehadkan akses mereka ke sungai, sekali gus menjejaskan aktiviti penangkapan ikan. Keadaan ini mengancam kelangsungan ekonomi harian komuniti nelayan tersebut, sedangkan tiada pelan mitigasi yang jelas telah dibentangkan bagi menangani kesan terhadap golongan berkenaan.	**Pejabat Daerah dan Tanah Hilir Perak:** Pelaksanaan RTB Fasa 2 dijangka memberi kesan kepada kawasan pelancongan seperti Pulau Bangau. Agensi menekankan keperluan libat urus awal dengan pengusaha untuk merancang pemindahan dan pembinaan jeti baharu. Mesyuarat dengan agensi seperti Jabatan Alam Sekitar (JAS) akan diadakan untuk merangka langkah mitigasi.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
5.	Kelemahan proses libat urus antara agensi dan pengusaha	Para pengusaha berdepan kesukaran untuk mengadakan sesi dialog bersama Pegawai Daerah (DO) dan agensi pelaksana. Sebahagian besar maklumat hanya diperoleh melalui sesi Hari Bertemu Pelanggan yang diadakan di Ipoh. Ketiadaan proses libat urus yang terancang menyebabkan pandangan serta maklum balas pengusaha tidak diambil kira secara menyeluruh dalam perancangan pembangunan yang dilaksanakan.	**Pejabat Daerah dan Tanah Hilir Perak:** Kekurangan sesi libat urus menyebabkan ketidakjelasan mengenai hala tuju projek seperti RTB. Agensi merancang mesyuarat dengan pihak berkaitan, termasuk JPS, untuk menjelaskan pelan tindakan dan memastikan komunikasi yang lebih baik dengan komuniti.
6.	Penyelarasan dan promosi pelancongan Teluk Intan masih lemah	Persatuan Pelancongan Teluk Intan mempunyai lebih daripada 80 ahli, namun usaha untuk mempromosi serta menyusun produk pelancongan secara bersepadu masih lemah. Potensi besar dalam segmen pelancongan sejarah, makanan tradisional dan ekopelancongan belum dimanfaatkan sepenuhnya disebabkan kekangan dari segi dana, strategi pemasaran serta penyelarasan antara pemain industri.	**Persatuan Pelancongan Teluk Intan:** Cadangan termasuk mempromosikan warisan tempatan dan pelancongan luar bandar, serta mempertimbangkan pemulihan stesen kereta api. Jawatankuasa pelancongan perlu ditubuhkan untuk menyelaraskan usaha ini.

Jadual 5. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 2

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 2: Dialog bersama Pemilik Bangunan Lama Teluk Intan **Tarikh:** 30 Mei 2025 **Lokasi:** MPTI **Pembahagian kumpulan / jumlah peserta keseluruhan:** 3 kumpulan / 21 peserta			**Agensi yang memberikan maklum balas:** 1. Pejabat Daerah dan Tanah Hilir Perak 2. Persatuan Pelancongan Teluk Intan
1.	Gangguan perniagaan akibat penutupan jalan utama ketika perayaan	Perayaan keagamaan seperti Chitra Pournami menyebabkan penutupan jalan utama di pusat bandar Teluk Intan selama hampir seminggu. Penutupan ini menjejaskan akses ke premis perniagaan sekitar, mengakibatkan pemilik dan penyewa bangunan warisan mengalami kerugian pendapatan apabila pelanggan tidak dapat berkunjung. Keadaan turut diburukkan oleh pemasangan khemah besar yang menutup pintu masuk ke premis. Meskipun masyarakat setempat tidak menolak penganjuran perayaan tersebut, mereka berharap tempohnya dapat dipendekkan kepada maksimum dua hingga tiga hari bagi mengurangkan kesan terhadap aktiviti ekonomi tempatan.	*Tiada maklum balas dari agensi berkaitan.*
2.	Kelemahan penyeliaan projek saliran dan tebatan banjir	Projek pembinaan longkang baharu di kawasan pusat bandar dilaksanakan tanpa perancangan menyeluruh dan dengan tahap penyeliaan yang lemah. Reka bentuk longkang baharu yang lebih cetek berbanding sistem lama peninggalan era British menyebabkan air	**Pejabat Daerah dan Tanah Hilir Perak:** Fasa 1 RTB hanya menangani limpahan air sungai, tetapi tidak limpahan air hujan di pekan Teluk Intan. Agensi sedang menyelaraskan usaha dengan Jabatan Pengairan dan Saliran

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		hujan mudah melimpah masuk ke premis perniagaan dan kediaman berdekatan. Walaupun struktur baharu ini kelihatan lebih kemas dari segi luaran, ia gagal menampung kapasiti air hujan yang tinggi, sehingga mengakibatkan kejadian banjir kilat berlaku satu hingga dua kali setiap bulan, meskipun hujan lebat hanya berlangsung selama 30 minit.	(JPS) untuk menangani isu ini secara menyeluruh. Projek infrastruktur seperti saliran dan RTB memerlukan penyeliaan yang lebih rapi untuk memastikan keberkesanan. Agensi mengambil maklum kekecewaan penduduk terhadap pelaksanaan projek dan akan meneliti isu ini.
		Fasa pertama RTB yang telah dilaksanakan hanya menyelesaikan isu limpahan air sungai tetapi tidak mengambil kira limpahan air hujan dari pekan Teluk Intan. Pekan kini sepenuhnya berturap konkrit dan kekurangan kawasan serapan semula jadi seperti pokok dan tanah lapang. Kekurangan pintu air aktif dan sistem perparitan yang cetek memburukkan keadaan.	
5.	Kerumitan proses kelulusan menjejaskan usaha pemuliharaan bangunan warisan	Bangunan warisan yang dimiliki oleh individu atau persatuan memerlukan kebenaran khas sebelum sebarang kerja pembaikan dapat dijalankan. Namun, proses kelulusan yang rumit serta kesukaran memperoleh bantuan atau peruntukan kewangan menyebabkan banyak pemilik berdepan halangan untuk melaksanakan kerja-kerja pemuliharaan.	*Tiada maklum balas dari agensi berkaitan.*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Keadaan ini mengakibatkan struktur lama semakin uzur, khususnya selepas mengalami kerosakan akibat kejadian banjir kilat.	
6.	Pertindihan bidang kuasa untuk penyelenggaraan bangunan warisan	Bidang kuasa dan tanggungjawab yang berbeza menyebabkan kekeliruan untuk menjalankan inisiatif penyelenggaraan dan penambahbaikan bangunan lama / warisan	*Tiada maklum balas dari agensi berkaitan.*
7.	Ketidakseimbangan persaingan antara penjaja jalanan dan peniaga tetap	Walaupun pihak berkuasa tempatan telah menyediakan tapak medan selera rasmi di kawasan sekitar Menara Condong, penjaja jalanan masih dibenarkan beroperasi di bahu jalan berdekatan. Situasi ini menimbulkan ketidakseimbangan persaingan, kerana pelanggan cenderung membeli terus dari kenderaan tanpa perlu turun (gaya pandu lalu). Penjaja tersebut memiliki lesen sementara yang dikeluarkan oleh majlis, namun kehadiran mereka menjejaskan operasi peniaga tetap yang membayar cukai serta sewa premis secara sah.	*Tiada maklum balas dari agensi berkaitan.*
8.	Kekurangan infrastruktur dan bantuan sokongan aktiviti pelancongan	Infrastruktur sokongan pelancongan masih kurang disediakan terutamanya di kawasan Bandar Teluk Intan seperti tiada tandas awam di sekitar Menara Condong dan papan tanda pelancongan untuk rujukan.	**Persatuan Pelancongan Teluk Intan:** Cadangan termasuk mempromosikan warisan tempatan dan pelancongan luar bandar, serta mempertimbangkan pemulihan stesen kereta

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Tiada papan tanda dan maklumat pelancongan diletakkan di kawasan tarikan pelancongan Teluk Intan untuk rujukan pelancong. Sebagai contoh, tiada pejabat urusan khusus dan paparan info menarik untuk Pulau Bangau yang merupakan tarikan utama di Teluk Intan.	api. Jawatankuasa pelancongan perlu ditubuhkan untuk menyelaraskan usaha ini.
		Promosi pelancongan Teluk Intan masih kurang mendapat perhatian daripada pihak berkepentingan. Program Visit Perak juga dilihat kurang memberi impak yang signifikan kepada sektor pelancongan di kawasan ini. Malah, dilaporkan bahawa Teluk Intan tidak disenaraikan dalam peta pelancongan rasmi negeri, sekali gus menjejaskan potensi bandar ini untuk menarik lebih ramai pelancong. Selain itu, ketiadaan pelan pembangunan pelancongan bersepadu juga menjadi halangan untuk sektor ini maju. Akibatnya, kebanyakan pengusaha menjalankan aktiviti pelancongan secara silo tanpa penyelarasan dengan mana-mana pihak yang lain.	*Tiada maklum balas dari agensi berkaitan.*
		Pengusaha pelancongan berdepan kesukaran untuk mendapatkan lesen operasi kerana perlu menghadiri pelbagai kursus yang melibatkan kos tinggi. Ramai dalam kalangan mereka tidak berkemampuan untuk	*Tiada maklum balas dari agensi berkaitan.*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		menampung yuran dan komitmen masa yang diperlukan bagi melengkapkan kursus-kursus tersebut. Selain itu, keperluan untuk mendapatkan lesen bot turut menambah beban kos kepada pengusaha, sekali gus mengekang perkembangan sektor pelancongan tempatan.	
9.	Masalah kebersihan dan kutipan sampah	Masalah pengurusan sisa pepejal menjadi aduan utama semasa penganjuran pesta (*karnival*) di Teluk Intan. Tong sampah yang disediakan tidak mencukupi dan jadual kutipan tidak konsisten, menyebabkan longgokan sampah berlaku di kawasan awam. Keadaan ini turut menyebabkan bau busuk dan mencacatkan pemandangan sekitar, sekali gus menjejaskan imej pelancongan bandar.	*Tiada maklum balas dari agensi berkaitan.*

Jadual 6. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 3

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 3: Dialog bersama Penduduk Kg Sungai Suli **Tarikh:** 30 Mei 2025 **Lokasi:** SJK(C) Chung Hwa **Pembahagian kumpulan / jumlah peserta keseluruhan:** 1 kumpulan / 9 peserta			**Agensi yang memberikan maklum balas:** 1. Pejabat Daerah dan Tanah Hilir Perak 2. Wakil Ahli Parlimen Teluk Intan 3. Pejabat Pendidikan Daerah (PPD)
1.	Kapasiti empangan dan pintu air tidak mencukupi hadapi limpahan Sungai Perak	Banjir berlaku setiap tiga hingga empat tahun di Kampung Sungai Suli akibat fenomena pasang surut Sungai Perak. Kejadian banjir terbaharu pada tahun lalu merupakan yang terburuk apabila empangan milik Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) gagal menahan paras air, menyebabkan limpahan besar ke kawasan kampung. Walaupun penduduk telah mengambil inisiatif membina empangan tambahan dengan ketinggian lebih tinggi di tebing sungai, kawasan tersebut masih memerlukan pembinaan pintu air baharu kerana struktur sedia ada telah rosak.	**Pejabat Daerah dan Tanah Hilir Perak:** Faktor geografi Hilir Perak menyebabkan limpahan air dari Hulu Perak, menjadikan banjir isu utama. Projek RTB dilaksanakan secara berfasa dengan kos melebihi RM50 juta; Fasa 1 menangani sebahagian isu, manakala Fasa 2 sedang dirancang.
2.	Infrastruktur jambatan tidak selamat	Jambatan tunggal yang menghubungkan Kg. Sungai Suli ke pekan berdekatan telah tenggelam akibat banjir, menjadikannya tidak selamat untuk kenderaan berat.	**Pejabat Daerah dan Tanah Hilir Perak:** Infrastruktur seperti jambatan di Kampung Sungai Suli yang tidak selamat dan ketiadaan lampu jalan di Ladang Ulu Bernam meningkatkan risiko kemalangan. Pihak berkuasa tidak dapat menaik

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			taraf infrastruktur ini kerana jalan berada di atas tanah milik persendirian atau ladang. Penyelesaian memerlukan penyerahan sebahagian tanah kepada kerajaan untuk tujuan awam.
3.	Transformasi ekonomi pertanian dan cabaran generasi muda luar bandar	Sebahagian besar penduduk bergantung kepada sektor pertanian sebagai sumber rezeki utama, bermula daripada dusun buah-buahan seperti oren mandarin dan koko, kemudian beralih kepada ladang getah dan kini kelapa sawit. Namun, peningkatan kos pengeluaran kelapa sawit menyebabkan penduduk mula mempertimbangkan tanaman alternatif yang lebih menguntungkan. Dalam masa yang sama, kekurangan peluang pekerjaan di kawasan ini yang hanya berfokus kepada pertanian turut mendorong ramai belia berhijrah ke luar daerah untuk mencari pendapatan yang lebih stabil.	**Wakil Ahli Parlimen Teluk Intan:** Penghijrahan belia di kawasan terpencil seperti Kampung Sungai Suli dan Kampung Glouster berlaku akibat kekurangan peluang pekerjaan profesional. Walau bagaimanapun, isu ini tidak meliputi keseluruhan Parlimen Teluk Intan, kerana kawasan bandar seperti Taman Lagenda mungkin menunjukkan pola berbeza. Agensi mencadangkan pemetaan isu mengikut lokaliti untuk memastikan penanganan yang lebih tepat dan berkesan.
4.	Kekangan infrastruktur sekolah dan akses terhad	Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Chung Hwa kini mempunyai 50 orang pelajar, dengan 80% daripadanya berasal dari luar Kampung Sungai Suli, serta dibantu oleh 11 orang guru.	**Pejabat Pendidikan Daerah (PPD):** Dakwaan infrastruktur sekolah tidak memadai disangkal oleh PPD. Contohnya, SJK(C) Chung Hwa mempunyai kemudahan dewan besar, kelas kosong, dan hanya 40 pelajar. Penyelenggaraan

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Pengerusi PIBG mencadangkan supaya jalan menuju ke sekolah dilebarkan sekurang-kurangnya kepada 4.5 meter bagi memudahkan akses keluar masuk ibu bapa dan memastikan keselamatan murid. Namun, usaha menaik taraf infrastruktur sekolah masih bergantung sepenuhnya kepada sumbangan PIBG dan penduduk setempat, tanpa sokongan yang signifikan daripada agensi berkaitan.	dijalankan berdasarkan laporan kerosakan, dengan peruntukan diberikan mengikut keperluan.

Jadual 7. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 4

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 4: Dialog bersama Belia **Tarikh:** 31 Mei 2025 **Lokasi:** Kampung Bahagia **Pembahagian kumpulan / jumlah peserta keseluruhan:** 1 kumpulan / 10 peserta			**Agensi yang memberikan maklum balas:** 1. Wakil Ahli Parlimen Teluk Intan 2. KPDN 3. Pejabat Daerah dan Tanah Hilir Perak
1.	Peluang pekerjaan terhad untuk belia tempatan	Ramai belia Teluk Intan berhijrah ke negeri lain seperti Selangor dan Kuala Lumpur kerana kekurangan peluang pekerjaan di kawasan sendiri, khususnya dalam sektor profesional. Kebanyakan pekerjaan di Teluk Intan terhad kepada pertanian, perikanan dan industri kilang sebagai operator biasa. Walaupun ramai graduan dalam bidang sains dan profesional, kekosongan pekerjaan yang sesuai amat terhad, menyebabkan mereka tidak kembali ke kampung halaman.	**Wakil Pejabat Parlimen Teluk Intan:** Kekurangan peluang pekerjaan di sektor pertanian dan perikanan menyebabkan penghijrahan belia dan peningkatan kebergantungan kepada pekerja asing di Ladang Ulu Bernam. Agensi mencadangkan pemetaan potensi ekonomi setempat, seperti aktiviti sukan bendang, untuk mewujudkan peluang pekerjaan baharu.
2.	Kos sara hidup tinggi dan beban kenderaan untuk usahawan muda	Kenaikan kos bahan api, khususnya diesel, memberi kesan ketara kepada golongan belia yang menjalankan perniagaan sendiri seperti pertanian, penternakan dan perusahaan kecil. Kebanyakan mereka menggunakan kenderaan pacuan empat roda (4x4) bagi tujuan perniagaan dan kegunaan keluarga. Namun, peningkatan kos bahan api dan penyelenggaraan menambah beban kewangan,	**KPDN:** Kenaikan harga diesel memberi kesan kepada perniagaan kecil, terutamanya yang menggunakan kenderaan 4x4 untuk pertanian. Sebagai barang kawalan, diesel boleh dibeli melalui permit khas (20 liter sehari untuk operasi kecil) atau daripada pemborong berlesen untuk operasi besar. Tiada subsidi khusus untuk pertanian besar. Kenaikan

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		terutamanya kerana mereka tidak berkemampuan untuk memiliki dua kenderaan berasingan bagi urusan kerja dan peribadi.	kos mungkin berpunca daripada pembelian daripada sumber tidak berlesen.
3.	Belia kekurangan modal dan aset untuk ceburi sektor pertanian/penternakan	Walaupun sektor pertanian dan penternakan merupakan pilihan pekerjaan utama di Teluk Intan, kebanyakan belia tidak mampu menyertainya kerana tiada modal, tanah atau sokongan dari keluarga. Kegiatan ini kebanyakannya diwarisi. Cadangan diberikan agar kerajaan menyediakan tanah komuniti (contoh: padang ragut) untuk digunakan secara kolektif oleh belia melalui projek komuniti, bagi memulakan aktiviti pertanian atau penternakan secara sistematik.	*Tiada maklum balas dari agensi berkaitan.*
4.	Sistem saliran tidak berkesan punca banjir kilat di kawasan perumahan	Sistem saliran sedia ada tidak mencukupi untuk menampung jumlah air hujan yang tinggi, menyebabkan berlakunya takungan air dan banjir kilat di kawasan perumahan. Longkang yang kecil dan cetek tidak mampu mengalirkan air dengan cekap ke parit utama. Situasi ini menjejaskan keselesaan penduduk dan memerlukan tindakan penambahbaikan segera bagi mengelakkan kejadian berulang.	**Pejabat Daerah dan Tanah Hilir Perak:** Fasa 1 RTB hanya menangani limpahan air sungai, tetapi tidak limpahan air hujan di pekan Teluk Intan. Agensi sedang menyelaraskan usaha dengan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk menangani isu ini secara menyeluruh. Projek infrastruktur seperti saliran dan RTB memerlukan penyeliaan yang lebih rapi untuk memastikan keberkesanan. Agensi mengambil

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			maklum kekecewaan penduduk terhadap pelaksanaan projek dan akan meneliti isu ini.
5.	Program bantuan pertanian yang kurang berkesan	Bantuan pertanian seperti ternakan lembu, penanaman cendawan dan projek kecil-kecilan telah diberikan kepada golongan belia, namun banyak inisiatif tersebut gagal mencapai matlamat. Kegagalan ini berpunca daripada ketiadaan pasaran tetap, kurangnya pemantauan berterusan serta kelemahan dalam semangat berpasukan dalam kalangan peserta projek komuniti. Selain itu, tiada sistem pemantauan prestasi yang tersusun untuk menilai keberkesanan program secara berterusan.	*Tiada maklum balas dari agensi berkaitan.*
6.	Ketiadaan penyediaan zon ternakan khusus menyekat peluang ekonomi belia	Tiada kawasan padang ragut atau zon ternakan khusus disediakan di Teluk Intan, menjadikan usaha belia untuk menceburi bidang penternakan skala kecil sukar dilaksanakan. Keadaan ini berbeza dengan kawasan lain seperti Kuala Kangsar dan beberapa negeri di utara, yang mempunyai padang ragut komuniti bagi menyokong pelaksanaan projek penternakan secara bersama dan lebih tersusun.	*Tiada maklum balas dari agensi berkaitan.*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
7.	Akses terhad kepada maklumat tanah dan program ekonomi menyebabkan peluang tidak dimanfaatkan	Maklumat berkaitan peluang penggunaan tanah kosong, pajakan tanah TOL, serta program bantuan ekonomi seperti Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) sukar diakses oleh golongan belia. Walaupun terdapat banyak tanah tidak dituntut yang berpotensi untuk dimajukan, tiada mekanisme pemetaan atau sistem pengurusan data yang jelas bagi mengenal pasti dan memanfaatkan sumber tersebut untuk pembangunan komuniti setempat.	*Tiada maklum balas dari agensi berkaitan.*
8.	Kekurangan program pembangunan kemahiran belia	Program pembangunan belia, khususnya dalam aspek pendidikan kemahiran, keusahawanan dan pembangunan sosial, masih kurang dilaksanakan di kawasan luar bandar seperti Teluk Intan. Aktiviti berbentuk ilmiah, sahsiah dan pembangunan kerjaya juga jarang dianjurkan, menyebabkan golongan belia kurang terdedah kepada peluang peningkatan diri. Kekurangan kemahiran asas ini menyukarkan mereka untuk bersaing dan memasuki sektor pekerjaan yang menawarkan pendapatan lebih tinggi.	**Pejabat Daerah dan Tanah Hilir Perak:** Kekurangan program kemahiran dan keusahawanan berpunca daripada rendahnya literasi digital dalam kalangan komuniti. Agensi mencadangkan penglibatan Pegawai Belia dan Sukan Daerah serta Majlis Belia untuk merancang program pembangunan.

Jadual 8. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 5

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 5: Dialog bersama Penduduk Ladang Ulu Bernam **Tarikh:** 31 Mei 2025 **Lokasi:** Ladang Ulu Bernam **Pembahagian kumpulan / jumlah peserta keseluruhan:** 3 kumpulan / anggaran 10 peserta			**Agensi yang memberikan maklum balas:** 1. Wakil Ahli Parlimen Teluk Intan 2. Pejabat Daerah dan Tanah Hilir Perak
1.	Ketiadaan perkhidmatan feri dan bas menyukarkan mobiliti penduduk	Sejak pandemik COVID-19, perkhidmatan feri dan bas yang sebelum ini memudahkan penduduk untuk ke bandar atau negeri jiran seperti Selangor telah dihentikan. Keadaan ini menyukarkan penduduk untuk membeli keperluan, mendapatkan perkhidmatan luar, atau menghadiri urusan penting. Walaupun feri hanya mengambil masa kira-kira 5 minit, perjalanan melalui jalan darat kini memakan masa 15 hingga 30 minit dan kurang selesa.	**Pejabat Daerah dan Tanah Hilir Perak:** Akses terhad di Ladang Ulu Bernam, seperti ketiadaan perkhidmatan feri atau bas serta jalan rosak, berpunca daripada kawalan ketat ladang dan pemilikan tanah persendirian. Agensi mencadangkan kerjasama dengan pihak ladang atau pengambilan tanah oleh kerajaan.
2.	Keadaan jalan yang teruk dan tidak selamat menyukarkan mobiliti dan menjejaskan	Jalan utama yang digunakan untuk keluar masuk kawasan, termasuk ke Sungai Samak dan jambatan ke Selangor, berada dalam keadaan rosak teruk, tidak berturap dan penuh lubang. Semasa musim hujan, permukaan jalan menjadi becak dan menyukarkan laluan motosikal.	*Ulasan yang sama diberikan seperti isu pertama.*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	kesihatan penduduk	Semasa musim panas, kawasan ini menjadi berhabuk teruk, terutamanya di jalan batu yang tidak berturap. Keadaan ini menyebabkan penduduk mengalami alahan dan masalah pernafasan. Tiada penyelenggaraan sistematik dijalankan ke atas jalan-jalan ini, yang merupakan punca utama berlakunya masalah habuk.	
		Tiada lampu jalan disediakan, terutamanya di laluan utama yang menghubungkan kawasan ini ke luar. Keadaan ini menimbulkan kebimbangan keselamatan, khususnya bagi penduduk wanita yang keluar atau pulang lewat malam. Laluan menjadi gelap sepenuhnya dan hanya bergantung kepada pencahayaan daripada kenderaan yang lalu.	
3.	Migrasi belia menjejaskan struktur komuniti tempatan	Ramai golongan muda berhijrah keluar selepas ibu bapa mereka bersara, disebabkan kekurangan pekerjaan formal dan peluang untuk kemajuan di kawasan ini. Ketiadaan tarikan untuk generasi muda kekal tinggal mengakibatkan komuniti kini lebih dipenuhi pekerja asing dari Bangladesh dan India, yang mengisi kekosongan pekerjaan di ladang-ladang setempat.	**Wakil Ahli Parlimen Teluk Intan:** Penghijrahan belia di kawasan terpencil berlaku akibat kekurangan peluang pekerjaan profesional.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Komuniti tempatan semakin berkurangan dan digantikan dengan pekerja asing. Walaupun tiada konflik besar berlaku, wujud ketidakseimbangan antara penduduk asal dan pekerja asing, terutama dari segi jumlah, identiti dan keterikatan kepada komuniti.	**Wakil Ahli Parlimen Teluk Intan:** Kekurangan peluang pekerjaan di sektor pertanian dan perikanan menyebabkan penghijrahan belia dan peningkatan kebergantungan kepada pekerja asing di Ladang Ulu Bernam. Agensi mencadangkan pemetaan potensi ekonomi setempat, seperti aktiviti sukan bendang, untuk mewujudkan peluang pekerjaan baharu.
4.	Keterasingan komuniti akibat kawalan ketat pengurusan estet	Komuniti di kawasan estet dikawal dengan ketat, dan pengunjung luar perlu melalui pemeriksaan rapi oleh pihak pengurusan. Walaupun langkah ini meningkatkan tahap keselamatan, ia menyukarkan ahli keluarga atau rakan untuk melawat secara spontan. Keadaan ini mencerminkan tahap keterasingan komuniti dari persekitaran luar.	*Ulasan yang sama diberikan seperti isu pertama.*
5.	Kurang akses pendidikan dan pengangkutan (Kampung Orang Asli Sungai Erong)	Komuniti Orang Asli di Sungai Erong menghadapi cabaran untuk menghantar anak-anak ke sekolah akibat masalah pengangkutan. Walaupun terdapat perkhidmatan bas, ia terhad dan bergantung kepada lokasi tertentu. Kekangan ini memberi kesan terhadap kesinambungan pendidikan dan peluang pembelajaran anak-anak.	**Pejabat Daerah dan Tanah Hilir Perak:** Agensi mencadangkan kerjasama dengan pihak ladang atau pengambilan tanah oleh kerajaan. Pembahagian pentadbiran antara PPD Teluk Intan dan Bagan Datuk bagi kawasan seperti Erong dan Ulu Bernam dijalankan untuk mengelakkan kecicir an dalam perkhidmatan.

Jadual 9. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 6

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 6: Dialog bersama Nelayan Darat **Tarikh:** 1 Jun 2025 **Lokasi:** Jeti nelayan Lorong Masjid, Kg Bahagia **Pembahagian kumpulan / jumlah peserta keseluruhan:** 1 kumpulan / 17 peserta			**Agensi yang memberikan maklum balas:** 1. Jabatan Perikanan
1.	Permohonan bantuan elaun sara diri tidak diluluskan dan kurang penjelasan	Ramai pemancing dan komuniti yang bergantung kepada sumber air darat telah memohon bantuan perikanan dan lesen, tetapi sehingga kini tiada permohonan yang diluluskan walaupun telah dibuat 3–5 tahun lalu. Mereka tidak menerima sebarang maklum balas rasmi, dan hanya dimaklumkan bahawa permohonan mereka "hilang". Keadaan ini menimbulkan rasa hilang kepercayaan terhadap Jabatan Perikanan dan kerajaan.	**Jabatan Perikanan:** Di daerah Hilir Perak, terdapat lebih 400 nelayan darat, dengan lebih 200 menerima elaun sara hidup. Permohonan elaun tertakluk kepada syarat ketat, termasuk pengesahan bahawa nelayan menangkap ikan secara sepenuh masa dan berada dalam kategori E-kasih atau asnaf. Penjelasan diberikan kepada pemohon, tetapi ketiadaan organisasi teratur bagi nelayan darat (berbeza dengan nelayan laut yang mempunyai PNK) menyebabkan maklumat sukar sampai kepada semua individu. Jabatan Perikanan tidak dapat menghubungi setiap nelayan secara individu untuk menerangkan sebab penolakan, tetapi penjelasan diberikan semasa sesi pertemuan. Dakwaan "tanpa penjelasan" dianggap tidak tepat dan memerlukan penyampaian yang lebih positif untuk mengelakkan salah faham.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
2.	Pengurusan hal ehwal nelayan yang kurang proaktif	Jabatan Perikanan dilihat kurang proaktif turun ke lapangan, dengan kebanyakan urusan hanya dijalankan di pejabat utama di Ipoh atau cawangan tertentu. Keadaan ini menyukarkan pemohon dari kawasan luar bandar untuk mengakses perkhidmatan. Selain itu, komunikasi yang tidak jelas menyebabkan rakyat berasa terpinggir dan hilang kepercayaan terhadap agensi dalam mendapatkan bantuan.	*Ulasan yang sama diberikan seperti isu pertama.*
3.	Keperluan keseimbangan dan penambahbaikan habitat sungai terutamanya udang galah	Para nelayan menyuarakan kebimbangan tentang kemerosotan habitat udang galah di kawasan mereka, terutamanya di Gudang Galah. Mereka menyedari bahawa populasi udang galah semakin berkurang sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Antara punca yang dikenal pasti ialah pencemaran dari kilang, perubahan habitat sungai, dan kurangnya program pelepasan benih udang galah. Nelayan juga mencadangkan agar program pemulihan habitat seperti pelepasan benih udang galah diaktifkan semula demi kelestarian sumber dan masa depan generasi akan datang.	*Tiada maklum balas dari agensi berkaitan kerana isu ini tidak dibincangkan dalam sesi dialog antara agensi.*

Jadual 10. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 7

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 7: Dialog bersama penduduk Kg Glouster **Tarikh:** 1 Jun 2025 **Lokasi:** Surau Kg Merdeka Glouster **Pembahagian kumpulan / jumlah peserta keseluruhan:** 1 kumpulan / 19 peserta			**Agensi yang memberikan maklum balas:** 1. Pejabat Daerah dan Tanah Hilir Perak 2. Lembaga Air Perak (LAP)
1.	Ketidakpastian status tanah dan penolakan TOL	Penduduk di Batu 4, 5, 6 dan 7, Changkat Jong, menetap di tanah rizab sungai tanpa geran, menyebabkan ketidakpastian pemilikan tanah. Permohonan TOL mereka telah ditolak sejak tahun 2018 dengan alasan status tanah tersebut digantung sementara dan dipercayai telah diberikan kepada pihak lain, kemungkinan pemilik estet, seawal tahun 2015 tanpa pemberitahuan yang telus. Selain itu, geran baru yang dikeluarkan tidak selari dengan lokasi penempatan sebenar, menyebabkan pertindihan mukim; sebagai contoh, kampung yang terletak di bawah Sepatang tetapi geran menyatakan Changkat Jering.	**Pejabat Daerah dan Tanah Hilir Perak:** Kg. Glouster terletak di tanah rizab kerajaan, yang secara undang-undang tidak boleh diduduki.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
2.	Kegagalan pelaksanaan projek zon kampung tersusun	Projek Zon Kampung Tersusun, yang dirancang 30 tahun lalu untuk 240 lot tanah lengkap dengan masjid dan sekolah, tidak pernah dilaksanakan. Tanah telah diberikan geran kepada penerima asal, namun ramai daripada mereka telah meninggal dunia, dan 36 lot diambil semula kerana premium tidak dibayar. Penduduk tidak dimaklumkan atau diberi peluang untuk memohon semula, menyebabkan kawasan terbengkalai tanpa infrastruktur asas seperti jalan dan utiliti.	*Tiada maklum balas dari agensi berkaitan.*
3.	Pencemaran Sungai Perak mengganggu pendapatan nelayan dan ekosistem sungai	Kilang-kilang berhampiran, dari Changkat Jong ke kampung, membuang sisa ke Sungai Perak, mengakibatkan kematian ikan dan udang serta kemerosotan sumber pendapatan penduduk. Selain itu, buaya yang mendiami sungai turut hilang akibat pencemaran. Aduan kepada SPRM dan Jabatan Alam Sekitar dilaporkan tidak berkesan, dengan ujian air dijalankan di lokasi yang tidak relevan. Pemulihan sungai mengambil masa sehingga enam bulan, sekaligus menjejaskan pendapatan harian komuniti yang bergantung kepada sumber air tersebut.	*Tiada maklum balas dari agensi berkaitan.*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
4.	Banjir yang dijadikan norma, ditambah ketidakpastian pemilikan tanah yang menimbulkan risiko komuniti diusir	Penduduk menganggap banjir sebagai sebahagian daripada kehidupan di kawasan tepi Sungai Perak. Bagaimanapun, aliran air yang tersekat di beberapa kawasan menyebabkan jalan-jalan utama tenggelam selama beberapa hari, menyukarkan pergerakan dan aktiviti harian. Terdapat kebimbangan bahawa banjir kadangkala dijadikan alasan untuk mengusir penduduk bagi tujuan projek pembangunan, menambah tekanan terhadap komuniti walaupun mereka telah membiasakan diri dengan risiko banjir.	**Pejabat Daerah dan Tanah Hilir Perak:** Banjir di Teluk Intan, termasuk Kg. Glouster, adalah isu utama kerana geografi Hilir Perak yang menerima aliran air dari Hulu Perak. JPS telah melaksanakan projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Fasa 1, dengan Fasa 2 dijadualkan bermula hujung 2025, tetapi pelaksanaan berperingkat mengambil masa kerana kos tinggi (minima RM50 juta setiap fasa) dan keperluan giliran dengan daerah lain. Kg. Glouster terletak di tanah rizab kerajaan, yang secara undang-undang tidak boleh diduduki, menyukarkan penyelesaian infrastruktur banjir yang mampan.
5.	Kekurangan infrastruktur asas	Penduduk baru menghadapi kesukaran untuk mendapatkan meter air kerana memerlukan geran atau TOL, menyebabkan wujud ketidaksamarataan akses air berbanding penduduk lama.	**Lembaga Air Perak (LAP):** Kg. Glouster telah menerima bekalan air atas dasar kemanusiaan, dengan meter diletakkan berhampiran paip utama di jalan raya. Namun, status penempatan tanpa hak milik menyukarkan pemasangan meter secara langsung di rumah penduduk, kerana ini tidak mematuhi Water Services Industry Act yang dikuatkuasakan sejak 2014. Undang-undang mensyaratkan hak milik tanah untuk pemasangan meter air. Penduduk menarik paip sendiri ke penempatan, tetapi ini

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			bukan penyelesaian mampan. LAP menegaskan bahawa bekalan air diberikan berdasarkan kemanusiaan, tetapi pematuhan undang-undang menghadkan kelulusan meter air secara formal.
		Jalan masuk ke kawasan Kampung Tersusun hanya separuh siap dan dibina melalui gotong-royong serta sumbangan tidak rasmi, tanpa peruntukan daripada kerajaan.	
		Surau juga tidak menerima bantuan rasmi kerana tanahnya berdaftar atas nama persendirian.	*Tiada maklum balas dari agensi berkaitan.*
6.	Kegagalan pelaksanaan janji politik menjejaskan aspirasi komuniti	Janji politik berkaitan pembangunan Kampung Tersusun dan penyediaan infrastruktur hanya muncul semasa pilihan raya, namun tidak ditepati. Penduduk berasa dikhianati kerana kesetiaan mereka sebagai pengundi tidak dihargai.	*Tiada maklum balas dari agensi berkaitan.*
		Peluang pendidikan bagi anak-anak cemerlang, contohnya pelajar yang memperoleh 5A dalam UPSR untuk menyertai MRSM, adalah terhad akibat pengaruh kepentingan politik. Pelajar yang kurang cemerlang berkemungkinan diberikan keutamaan sekiranya mempunyai hubungan politik.	*Tiada maklum balas dari agensi berkaitan.*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
7.	Ketiadaan ketua kampung rasmi dan kekeliruan pentadbiran	Sebagai contoh, kampung yang berada di bawah Mukim Durian Sebatang tetapi dilabelkan sebagai Changkat Jering. Hal ini menyukarkan proses penyampaian aduan penduduk. Sekarang, ketua UMNO tempatan berperanan sebagai ketua tidak rasmi, namun terikat dengan kepentingan politik, sekali gus menimbulkan ketidakstabilan dalam sokongan kepada komuniti.	*Tiada maklum balas dari agensi berkaitan.*
8.	Sekatan terhadap usaha pertanian	Penduduk beralih kepada pertanian, termasuk penanaman pisang, ubi dan sawit berskala kecil, akibat kemerosotan sumber sungai. Namun, pokok yang ditanam di tanah rizab kerajaan dicabut oleh Pejabat Daerah, manakala penanaman berskala besar oleh pihak luar dibenarkan. Penduduk menganggap situasi ini mencerminkan ketidakadilan dalam pengurusan tanah.	*Tiada maklum balas dari agensi berkaitan.*

Jadual 11. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 8

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 8: Dialog bersama warga pendidik dan pelajar SJK(T) Ulu Bernam 2 **Tarikh:** 1 Jun 2025 **Lokasi:** SJK(T) Ulu Bernam 2 **Pembahagian kumpulan / jumlah peserta keseluruhan:** 1 kumpulan / 10 peserta			**Agensi yang memberikan maklum balas:** 1. LAP 2. PPD Hilir Perak
1.	Masalah bekalan air bersih	Sekolah berdepan masalah bekalan air bersih untuk kegunaan harian. Air yang dibekalkan sering keruh dan tidak selamat diminum. Bagi memastikan kebajikan pelajar terjamin, guru-guru terpaksa membeli air mineral secara sukarela untuk kegunaan minuman di sekolah. Sumber air sekolah ini hanya bergantung kepada sungai berdekatan, yang kualitinya tidak menentu terutama selepas hujan lebat.	**LAP:** LAP mengesahkan bahawa bekalan air di Ladang Ulu Bernam bergantung kepada loji persendirian, dan tiada pelan segera untuk membekalkan air melalui sistem LAP kerana kekangan kos dan keutamaan kepada menaik taraf sistem sedia ada.
2.	Pemansuhan elaun pedalaman membebankan guru di kawasan ladang	Elaun guru pedalaman amat diperlukan bagi menampung kos perjalanan harian ke sekolah yang terletak jauh di kawasan ladang. Namun, elaun ini telah dihentikan sejak tahun 2024, sekali gus menambah beban kewangan kepada guru yang perlu berulang-alik setiap hari melalui laluan sukar dan jarak yang jauh.	**PPD Hilir Perak:** Elaun guru pedalaman tertakluk kepada syarat ketat yang ditetapkan oleh panel Kementerian Pendidikan. Faktor seperti jarak sekolah, bilangan murid, beban tugas, dan kesan emosi guru dipertimbangkan. Dengan hanya 20 murid dan 9 guru di SJK(T) Ulu Bernam 2, beban kerja rendah (memeriksa 2 buku sehari) menyebabkan sekolah ini tidak layak untuk elaun pedalaman. Panel

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			kementerian membandingkan dengan sekolah di kawasan lebih terpencil (seperti Sabah dan Sarawak) yang mempunyai cabaran lebih besar. Oleh itu, elaun ditarik balik kerana sekolah ini tidak memenuhi kriteria.
3.	Kekurangan kemudahan dan infrastruktur menjejaskan akses pendidikan seimbang	Infrastruktur dan kemudahan di sekolah ini perlu ditambah baik bagi memastikan pelajar menikmati kemudahan setara dengan sekolah lain, khususnya dari segi capaian internet, penyelenggaraan utiliti, dan kemudahan sukan. Keadaan padang sekolah yang tidak sesuai untuk aktiviti fizikal mengehadkan peluang pelajar untuk bersukan dan memaksa mereka berlatih di sekolah lain. Selain itu, jumlah pelajar yang kecil turut menyebabkan peralatan sukan yang disediakan sangat terhad, sekali gus menghadkan penyertaan dalam aktiviti kokurikulum.	**PPD Hilir Perak:** SJK(T) Ladang Ulu Bernam 2 di bawah pentadbiran PPD Bagan Datuk, bukan PPD Teluk Intan. Sekolah ini mempunyai hanya 40 murid dengan dewan besar dan kelas kosong. Infrastruktur sekolah tidak berada dalam keadaan reput; sebarang kerosakan dilaporkan kepada PPD dan dibaiki mengikut peruntukan tahunan, seperti pembaikan tandas. Laporan yang menyatakan infrastruktur tidak baik adalah tidak tepat dan boleh menimbulkan salah faham. PPD memantau keperluan sekolah setiap tahun, tetapi bilangan murid yang kecil menyukarkan pelaburan besar untuk kemudahan seperti makmal sains atau padang sukan baharu.

4.2 Pengutamaan Isu

4.2.1 Pengutamaan Isu 1: Kekurangan Infrastruktur Pendidikan

SJK(T) Ladang Ulu Bernam 2 merupakan sebuah sekolah di kawasan pedalaman Teluk Intan yang berdepan dengan kekurangan kemudahan asas pendidikan. Walaupun sekolah ini memainkan peranan penting dalam membentuk masa depan anak-anak komuniti ladang, ia masih bergelut dengan isu seperti ketiadaan sambungan internet yang stabil, bilik STEM yang lengkap, makmal sains yang berfungsi, dan kemudahan sukan yang mencukupi. Kekurangan ini menjejaskan kualiti pembelajaran dan menyukarkan pelajar untuk menyertai aktiviti kokurikulum yang penting bagi pembangunan holistik mereka. Tambahan pula, guru-guru yang berkhidmat di sekolah ini tidak menerima elaun pedalaman, menyebabkan kesukaran untuk mengekalkan tenaga pengajar yang berkualiti dan berpengalaman.

PIBG sekolah terpaksa menanggung sendiri kos penambahbaikan seperti pembelian peralatan STEM, penyelenggaraan bilik sukan dan makmal, serta pemasangan *WiFi*. Ketiadaan sokongan daripada agensi kerajaan menjadikan usaha ini tidak mampan dan membebankan komuniti. Jurang pendidikan antara sekolah pedalaman dan bandar semakin melebar, dan ini menjejaskan peluang pelajar untuk bersaing secara adil dalam bidang akademik dan teknologi.

- **Kekurangan kemudahan asas pendidikan**
  Sambungan internet yang lemah menyukarkan pelaksanaan pembelajaran digital, terutamanya dalam era pasca-PKP di mana pembelajaran hibrid menjadi norma. Kekurangan ini bukan sahaja menjejaskan pencapaian akademik pelajar, tetapi juga mengurangkan motivasi dan minat mereka terhadap pembelajaran. Ia turut memberi kesan kepada guru yang terpaksa menyesuaikan kaedah pengajaran tanpa sokongan teknologi yang mencukupi.

  SJK(T) Ladang Ulu Bernam 2 berdepan dengan kekangan serius dalam menyediakan ruang latihan sukan yang selamat dan sesuai untuk pelajar. Padang sekolah yang sepatutnya menjadi pusat aktiviti fizikal dan pembangunan kesukanan pelajar kini berada dalam keadaan tidak boleh digunakan kerana saliran yang buruk telah menyebabkan permukaan yang tidak rata dan kerosakan fizikal yang sukar dibaiki. Keadaan ini membataskan pelaksanaan aktiviti sukan seperti bola sepak, olahraga dan latihan jasmani.

  Akibat daripada ketiadaan padang yang berfungsi, pelajar terpaksa menggunakan kemudahan padang di sekolah lain yang terletak agak jauh dari kawasan mereka. Ini menimbulkan pelbagai isu logistik seperti keperluan pengangkutan, masa

perjalanan yang panjang, dan risiko keselamatan pelajar semasa bergerak antara sekolah. Guru pula terpaksa menyesuaikan jadual latihan dan aktiviti kokurikulum, yang akhirnya mengurangkan masa pembelajaran dan keberkesanan program sukan. Lebih membimbangkan, pelajar yang berbakat dalam bidang sukan tidak dapat diasah potensinya secara konsisten, menyebabkan peluang mereka untuk menyertai pertandingan atau mewakili sekolah menjadi terhad.

- **Ketiadaan sokongan agensi**
  PIBG SJK(T) Ladang Ulu Bernam 2 memainkan peranan aktif dalam usaha menaik taraf kemudahan sekolah, namun mereka berdepan dengan kekangan kewangan yang serius. Tanpa sokongan daripada agensi kerajaan atau pihak berkuasa tempatan, PIBG terpaksa bergantung kepada kutipan komuniti dan sumbangan kecil untuk membiayai pembelian peralatan pembelajaran, penyelenggaraan kemudahan dan latihan guru. Ini bukan sahaja membebankan ibu bapa yang rata-ratanya bekerja di ladang dan berpendapatan rendah, tetapi juga menjadikan usaha penambahbaikan tidak mampan dalam jangka panjang.

  Ketiadaan geran khas atau saluran bantuan yang mudah diakses menyebabkan sekolah ini terpinggir daripada arus pembangunan pendidikan nasional. PIBG juga menghadapi kesukaran untuk mendapatkan kelulusan atau sokongan teknikal bagi projek-projek kecil seperti pemasangan *WiFi* atau pembinaan bilik STEM. Keadaan ini menimbulkan rasa kecewa dalam kalangan komuniti, yang merasakan bahawa sekolah mereka tidak diberi perhatian sewajarnya oleh pihak berwajib.

- **Kekurangan insentif untuk guru pedalaman**
  Guru-guru di sekolah ini tidak menerima elaun pedalaman yang sepatutnya, walaupun lokasi sekolah jauh dari pusat bandar. Hal ini menyebabkan guru menanggung kos yang tinggi secara individu kerana hanya bergantung kepada gaji tetap. Tambahan pula, keadaan jalan yang tidak berturap masuk ke ladang dan sekolah menyebabkan guru perlu menanggung kos penyelenggaraan kenderaan yang lebih kerap.

Jadual 12. Ringkasan Isu 1

Permasalahan berkaitan dengan Isu	1. Kekurangan kemudahan asas pendidikan 2. Ketiadaan sokongan agensi 3. Kekurangan insentif untuk guru pedalaman
Cadangan	1. Menaik taraf padang dan kemudahan sukan sekolah 2. Penyediaan sambungan internet stabil 3. Pengaktifan semula elaun pedalaman untuk guru
Kumpulan Terjejas	• Pelajar SJK(T) Ladang Ulu Bernam 2 • Guru SJK(T) Ladang Ulu Bernam 2
Kawasan	Ladang Ulu Bernam 2, Bagan Datuk (Parlimen Teluk Intan)
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	**Sasaran SDG Berkaitan**
SDG 4 : Pendidikan Berkualiti	Sasaran 4.1: Menjelang 2030, memastikan semua kanak-kanak lelaki dan perempuan menyelesaikan pendidikan rendah dan menengah yang percuma, saksama dan berkualiti. Sasaran 4.a: Membina dan menaik taraf kemudahan pendidikan yang sensitif kepada kanak-kanak, kurang upaya dan jantina, serta menyediakan persekitaran pembelajaran yang selamat, inklusif dan berkesan untuk semua.
SDG 9: Industri, Inovasi dan Infrastruktur	Sasaran 9.1: Membangunkan infrastruktur berkualiti, boleh dipercayai, mampan dan berdaya tahan untuk menyokong pembangunan ekonomi dan kesejahteraan manusia.

4.2.2 Pengutamaan Isu 2: Ancaman Terhadap Ekopelancongan & Pendapatan Komuniti Sungai

Komuniti di Teluk Intan yang bergantung kepada Sungai Perak sebagai sumber ekonomi dan identiti budaya kini berdepan ancaman besar akibat pelaksanaan Rancangan Tebatan Banjir (RTB). Projek ini telah menjejaskan aktiviti pelancongan komuniti seperti *river cruise* dan *heritage walking tours*. Komuniti tidak diberikan pelan alternatif atau pampasan, menyebabkan mereka kehilangan punca pendapatan secara mendadak.

Tambahan pula, pencemaran sungai oleh kilang-kilang berhampiran telah merosakkan ekosistem dan mengurangkan hasil tangkapan ikan.

Ketiadaan jeti yang selamat dan infrastruktur sokongan semasa pelaksanaan RTB menjadikan aktiviti pelancongan sungai berisiko dan tidak mampan. Komuniti yang sebelum ini aktif dalam pelancongan dan aktiviti perikanan kini berdepan dilema untuk mencari sumber pendapatan lain tanpa latihan atau pensijilan yang sesuai.

- **Gangguan akibat projek RTB**
  Pelaksanaan RTB telah menyebabkan perubahan fizikal sungai yang menjejaskan operasi pelancongan komuniti. Laluan bot menjadi cetek dan tidak selamat, jeti pelancongan rosak atau tidak boleh digunakan, dan kawasan tebing sungai yang sebelum ini digunakan untuk aktiviti pelancongan kini ditutup atau terganggu. Komuniti tidak dimaklumkan secara menyeluruh mengenai pelan pembangunan ini, dan tiada pelan pampasan atau penempatan semula aktiviti pelancongan disediakan.

- **Pencemaran Sungai**
  Pelepasan sisa industri ke Sungai Perak telah menyebabkan air sungai semakin tercemar yang menjejaskan aktiviti pelancongan atau perikanan. Hasil tangkapan ikan semakin berkurang, dan pelancong mula mengelak daripada menyertai aktiviti sungai kerana kebimbangan terhadap keselamatan dan kebersihan. Pencemaran ini bukan sahaja menjejaskan pendapatan nelayan dan pengusaha pelancongan, tetapi juga merosakkan reputasi Teluk Intan sebagai destinasi ekopelancongan.

- **Ketiadaan latihan dan pensijilan pelancongan**
  Komuniti yang bergantung kepada pelancongan tidak mempunyai akses kepada latihan formal atau pensijilan seperti lesen bot, kursus pertolongan cemas, atau pemanduan pelancongan. Tanpa kelayakan ini, mereka sukar untuk beroperasi secara sah atau menarik pelancong yang lebih ramai. Tambahan pula, mereka tidak tahu cara untuk memohon bantuan atau menyertai program latihan yang ditawarkan oleh agensi berkaitan.

Jadual 13. Ringkasan Isu 2

Permasalahan berkaitan dengan Isu	1. Gangguan akibat projek RTB 2. Pencemaran Sungai 3. Ketiadaan Latihan dan pensijilan pelancongan
Cadangan	1. Pembangunan projek eko-pelancongan dan pendidikan pelancongan 2. Mempromosikan kelestarian alam, warisan budaya, dan pendidikan komuniti setempat
Kumpulan Terjejas	• Pengusaha pelancongan Pulau Bangau • Komuniti tempatan – belia / pesara
Kawasan	Sungai Perak, Teluk Intan
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	**Sasaran SDG Berkaitan**
SDG 1: Tiada Kemiskinan	Sasaran 1.2: Menjelang 2030, mengurangkan sekurang-kurangnya separuh daripada perkadaran lelaki, wanita dan kanak-kanak yang hidup dalam kemiskinan dalam semua dimensinya.
SDG 8: Pekerjaan Layak dan Pertumbuhan Ekonomi	Sasaran 8.3: Menggalakkan dasar yang menyokong aktiviti produktif, penciptaan pekerjaan, keusahawanan, kreativiti dan inovasi.
SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan	Sasaran 11.4: Mengukuhkan usaha untuk melindungi dan memelihara warisan budaya dan semula jadi dunia.
SDG 12: Penggunaan dan Pengeluaran Bertanggungjawab	Sasaran 12.5: Menjelang 2030, mengurangkan penjanaan sisa secara ketara melalui pencegahan, pengurangan, kitar semula dan guna semula.
SDG 15: Hidupan Darat	Sasaran 15.1: Menjelang 2020, memastikan pemuliharaan, pemulihan dan penggunaan mampan ekosistem daratan dan air tawar.

4.2.3 Pengutamaan Isu 3: Kekurangan Peluang Ekonomi Belia & Literasi Digital

Belia dan pemilik perusahaan mikro di Teluk Intan berdepan dengan kekurangan peluang ekonomi dan kemahiran digital yang menyukarkan mereka untuk bersaing dalam ekonomi moden. Ramai belia berhijrah ke bandar kerana tiada pekerjaan yang stabil dan kekurangan akses kepada modal serta latihan keusahawanan. Program bantuan yang pernah dilaksanakan gagal kerana tiada pemantauan dan strategi pemasaran yang berkesan.

Tahap literasi digital yang rendah menjadikan mereka sukar menembusi pasaran dalam talian dan menjana pendapatan melalui platform digital. Tanpa kemahiran dalam pemasaran digital dan penggunaan alat seperti *EasyStore*, *WhatsApp Business* dan *Canva*, potensi mereka untuk berkembang tidak dapat direalisasikan.

- **Kekurangan peluang pekerjaan dan modal**
  Belia di Teluk Intan sukar mendapatkan pekerjaan tetap yang menawarkan pendapatan stabil. Kebanyakan mereka hanya mendapat kerja sambilan atau tidak formal yang tidak menjamin keselamatan sosial. Mereka juga tidak mempunyai akses kepada modal permulaan untuk memulakan perniagaan sendiri, menyebabkan potensi keusahawanan tidak dapat dikembangkan. Keadaan ini mendorong penghijrahan belia ke bandar, meninggalkan komuniti yang semakin tua dan kurang produktif.

- **Kegagalan program bantuan keusahawanan**
  Program bantuan seperti pertanian komuniti dan latihan keusahawanan yang pernah dilaksanakan gagal memberi impak kerana tiada pemantauan berterusan, tiada strategi pemasaran dan kurang sokongan teknikal. Peserta tidak tahu cara mengurus operasi perniagaan, menjual produk atau mengembangkan pasaran. Tanpa bimbingan dan pemantauan, program ini menjadi usaha jangka pendek yang tidak berkesinambungan.

- **Tahap literasi digital yang rendah dan kurang akses teknologi**
  Belia dan usahawan mikro kurang mahir menggunakan teknologi digital untuk memasarkan produk dan mengurus perniagaan. Mereka tidak tahu cara menggunakan platform e-dagang, media sosial atau alat reka bentuk seperti *Canva* dan *AI tools*. Tambahan pula, mereka tidak mempunyai akses kepada peranti seperti komputer riba atau telefon pintar yang sesuai untuk menjalankan perniagaan digital. Kekurangan ini menyebabkan mereka ketinggalan dalam ekonomi digital dan bergantung kepada cara tradisional yang kurang berkesan.

Jadual 14. Ringkasan Isu 3

Permasalahan berkaitan dengan Isu	1. Kekurangan peluang pekerjaan dan modal 2. Kegagalan program bantuan keusahawanan 3. Tahap literasi digital yang rendah dan kurang akses teknologi
Cadangan	1. Latihan pemasaran digital dan keusahawanan 2. Geran mikro dan sokongan permulaan perniagaan 3. Pusat sokongan digital komuniti yang menyediakan latihan dan mentor
Kumpulan Terjejas	Belia
Kawasan	Parlimen Teluk Intan
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	**Sasaran SDG Berkaitan**
SDG 1: Tiada Kemiskinan	**Sasaran 1.4**: Menjelang 2030, memastikan semua orang, terutamanya golongan miskin dan terpinggir, mempunyai akses kepada sumber ekonomi, perkhidmatan asas dan teknologi.
SDG 4: Pendidikan Berkualiti	**Sasaran 4.4**: Menjelang 2030, meningkatkan bilangan belia dan orang dewasa yang mempunyai kemahiran teknikal dan vokasional untuk pekerjaan, keusahawanan dan inovasi.
SDG 8: Pekerjaan Layak dan Pertumbuhan Ekonomi	**Sasaran 8.6**: Menjelang 2020, mengurangkan secara ketara bilangan belia yang tidak bekerja, tidak dalam pendidikan atau latihan.
SDG 10: Mengurangkan Ketidaksamaan	**Sasaran 10.2**: Menjelang 2030, memperkasakan dan menggalakkan penyertaan sosial, ekonomi dan politik semua orang tanpa mengira umur, jantina, ketidakupayaan, bangsa, etnik, asal usul, agama atau status ekonomi.

5.0 PENGENALPASTIAN AWAL PROJEK PENYELESAIAN

Jadual 15. Pengenalpastian Projek Penyelesaian

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3
Tajuk Projek	Projek Transformasi Sekolah Bersepadu	Entrepreneurship in Digital Marketing	From River to Revenue: Community Led Tourism
SDG Berkaitan	SDG 4, 3, 9	SDG 1, 4, 8	SDG 1, 4, 5, 8, 11, 12, 14, 15
Objektif	Menaik taraf kemudahan sekolah (WiFi, bilik STEM, makmal sains, bilik sukan) untuk meningkatkan kualiti pembelajaran dan kokurikulum, serta memupuk minat pelajar dalam bidang STEM dan sukan	Membekalkan kemahiran pemasaran digital & keusahawanan kepada belia dan pemilik perusahaan mikro supaya dapat meningkatkan jualan & menjana pendapatan melalui platform digital	Memberi latihan & pensijilan (lesen bot, pertolongan cemas, Mesra Malaysia, pemanduan pelancongan) kepada komuniti setempat untuk meningkatkan keupayaan ekopelancongan & warisan budaya di Teluk Intan
Hasil Jangkaan	1. Bilik STEM lengkap dengan *drone* & *coding* set 2. Sambungan internet stabil 3. Makmal sains & bilik sukan berfungsi optimum 4. Peningkatan pencapaian akademik & kokurikulum pelajar	1. 10 peserta mahir pemasaran digital 2. Penubuhan kedai online (EasyStore, WhatsApp Business, FB/IG) 3. Peningkatan jualan & capaian pasaran	1. 10 peserta mendapat lesen bot & sijil lain 2. Lahirnya pemandu pelancong komuniti 3. Pelancongan komuniti Teluk Intan berkembang 4. Menjana pendapatan melalui *walking tours* & *eco-tourism*
Organisasi	PIBG SJK(T) Ladang Ulu Bernam 2	My Training Resources	Firefly Marvels Enterprise
Aktiviti	Pemasangan *WiFi*, penyediaan bilik STEM, pembelian *drone* &	Modul keusahawanan digital, promosi produk di media sosial,	Latihan lesen bot (teori, praktikal, ujian), kursus pertolongan cemas,

	coding set, latihan guru, penyelenggaraan makmal & bilik sukan, aktiviti kokurikulum STEM & sukan	lawatan industri, *coaching* & *mentoring*, penggunaan *AI tools* & *Canva*	kursus Mesra Malaysia, latihan pemanduan pelancongan sungai & *heritage walking tour*
Jumlah (RM)	40,000	40,000	40,000
Lokasi	Ladang Ulu Bernam, Ulu Bernam, Hilir Perak, Teluk Intan, Perak	Teluk Intan (Pasir Bedamar & Changkat Jong, Hilir Perak)	Teluk Intan, Perak (DUN Rungkup, Hilir Perak)
Tempoh	3 bulan	3 bulan	2 bulan

6.0 RUJUKAN

Jabatan Perangkaan Malaysia. “P.076 Teluk Intan Kawasanku | OpenDOSM.” Kawasanku. OpenDOSM, 2020. https://open.dosm.gov.my/dashboard/kawasanku/Perak/parlimen/P.076%20Teluk%20Intan

Majlis Perbandaran Teluk Intan. *Draf Rancangan Tempatan Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian)*. Edited by PLANMalaysia and PLANMalaysia Perak. Vol. 1. PLANMalaysia, 2021.

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. “MySPRSemak.” mysprsemak.spr.gov.my. Accessed September 2025. https://mysprsemak.spr.gov.my/semakan/keputusan/pru

6 siri jilid yang bertajuk 'Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen' adalah kesinambungan daripada siri terdahulu yang diterbitkan oleh pasukan APPGM-SDG pada tahun 2023 dan 2024. Penerbitan ini mencatatkan usaha kajian lapangan pemetaan isu dan analisis kritikal secara terangkum di 28 kawasan Parlimen seluruh Malaysia bagi tahun 2025, dengan tujuan menyediakan gambaran menyeluruh tentang realiti, keperluan dan aspirasi masyarakat akar umbi.

Nilai utama laporan ini terletak pada pendekatan yang sistematik dan terperinci dalam memahami isu-isu tempatan. Melalui penglibatan langsung bersama komuniti, pasukan APPGM-SDG telah mengenal pasti keutamaan yang harus diberi perhatian serta mengumpul data yang kukuh sebagai asas kepada cadangan intervensi. Pendekatan ini menegaskan kepentingan mendengar suara masyarakat dan menggunakan data yang tepat bagi menyokong perancangan dasar dan pelaksanaan di peringkat akar umbi.

Siri 2025 merangkumi Zon Utara, Pantai Timur, Tengah, Selatan, Wilayah Sabah dan Wilayah Sarawak, di mana setiap jilid memuatkan catatan kajian pemetaan isu yang terperinci. Setiap laporan zon disertakan dengan bahan visual untuk memperkayakan analisis dan memberi konteks yang jelas. Selain itu, suara serta aspirasi komuniti akar umbi diangkat melalui transkripsi sesi perbincangan kumpulan fokus atau *focus group discussions* (FGD), lantas membolehkan pengalaman dan keperluan akar umbi di secara langsung dalam laporan ini.

Dokumen ini disediakan sebagai sumber rujukan komprehensif untuk pertubuhan sosial, pemimpin komuniti, agensi kerajaan dan organisasi lain yang terlibat dalam pembangunan komuniti. Ia menggariskan cabaran-cabaran sosioekonomi, alam sekitar, tadbir urus dan tuntutan pembangunan tempatan yang memerlukan perhatian intervensi bersasar. Laporan-laporan ini juga memberikan cadangan awal bagi langkah-langkah program dan dasar yang berkesan dan mampan, berakar pada realiti lapangan dan pandangan masyarakat.

Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen 2025 menitikberatkan kepentingan penggunaan data yang sesuai, penglibatan komuniti dalam proses perancangan, dan fokus kepada intervensi yang inklusif serta mampan. Dengan penulisan yang teliti dan pembentangan suara rakyat, siri ini berfungsi bukan sahaja sebagai laporan tetapi juga sebagai sarana praktikal untuk merancang tindakan yang memberi impak.

Siri ini diharap dapat memberi sumbangan yang bernilai dalam usaha memahami realiti akar umbi dan membentuk pembangunan komuniti yang inklusif serta mampan. Ia juga merupakan buku pegangan bagi individu-individu, pertubuhan dan pembuat dasar yang berhasrat membawa perubahan bermakna dalam komuniti pada masa hadapan.

Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari

A-1-10, Blok A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1, Seksyen 8,
46050 Petaling Jaya, Selangor.

secretariat@appgm-sdg.com

https://www.facebook.com/APPGMSDGMY

ISBN 978-629-7752-14-3

9 786297 752143